


NEGERI-NEGERI MELAYU PANTAI BARAT

1850-1873





# NEGERI-NEGERI MELAYU PANTAI BARAT 1850-1873

Kesan Perkembangan Dagang Terhadap  
Politik Melayu

KHOO KAY KIM



PETALING JAYA  
PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD.

1984

Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.  
3, Jalan 13/3, Petaling Jaya, Selangor  
© Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1984  
ISBN 967 933 106 7

*Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu dari Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.*

M

759.511

KHO

413099

APB

Dicetak di Malaysia oleh  
Percetakan Jitwabaruu Sdn. Bhd., Petaling Jaya

24 JUL 1986  
Perpustakaan Negara  
Malaysia



## KATA PENGANTAR

**B**UKU ini adalah terjemahan daripada buku asal dalam bahasa Inggeris yang berjudul *The Western Malay States 1850-1873: The Effects of Commercial Development on Malay Politics* (O.U.P., Kuala Lumpur, 1972). Buku asal itu pula diasaskan kepada disertasi saya yang telah diajukan untuk ijazah Sarjana Sastera.

Faktor yang mempengaruhi saya memberi tumpuan kepada tempoh 1850-73 adalah kerana sehingga tahun-tahun 1960-an persepsi para sejarawan yang berminat tentang Malaysia sangat terikat kepada dasar dan tindakan British terhadap negeri-negeri Melayu. Misalnya, R. Emerson, dalam bukunya yang termasyhur, *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule* (The Macmillan Company, New York, 1937), merujuk kepada zaman lima puluh tahun sebelum campur tangan British (1874) sebagai "setengah abad tanpa kegiatan".

Sejarah, sebagaimana disiplin lain, tergantung kepada persoalannya. Apa yang menjadi isi kandungan induk satu-satu kajian adalah hasil persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh pengkaji. Dalam buku *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat* ini persoalan pokok yang saya cuba telitikan ialah tentang kesan-kesannya ke atas masyarakat Melayu pada ketika (1850-73) kegiatan perdagangan sedang berkembang di bahagian barat Semenanjung Tanah Melayu.

Tetapi kesan-kesan yang diutamakan lebih tertumpu kepada aspek politik daripada aspek sosial. Kualiti perubahan semanginya sukar diukur; tetapi apa yang ingin saya tunjukkan di sini hanyalah, campur tangan dalam politik negeri-negeri Melayu sebenarnya telah berlaku sebelum tahun 1874. Saudagar-saudagar Selat telah secara langsung melibatkan diri

dalam persaingan politik di kalangan para pembesar. Hasil dari sokongan yang diberikan kepada pihak yang menang sangatlah lumayan—konsesi-konsesi dapat diperoleh terutamanya untuk mengerjakan bijih timah.

Di samping itu buku ini juga cuba memberi penjelasan tentang siapakah individu-individu yang dapat menjalin hubungan dengan pembesar-pembesar dan apakah pertalian antara seorang saudagar dengan saudagar lain, juga rancangan-rancangan mereka untuk membangun ekonomi negeri-negeri Melayu. Dalam proses itu maka diberikan butir-butir mengenai pembukaan lombong-lombong bijih timah di Selangor, Perak dan Negeri Sembilan pada awal abad ke-19.

Butir-butir itu adalah penting kerana kebanyakan penuntut Sejarah Malaysia masih belum begitu memahami tentang proses pembukaan negeri-negeri Melayu pada awal abad ke-19. Mereka juga kurang mengetahui tentang apakah sebenarnya berlaku di negeri-negeri yang mengalami perang saudara atau sifat kekacauan yang timbul di kalangan orang Cina.

Tidak dinafikan sejarah negeri-negeri Melayu dalam tempoh 1850-73 dapat dilihat dari sudut lain. Walau bagaimanapun seseorang pengkaji seharusnya terlebih dahulu menjawab soalan "Apakah telah berlaku?" sebelum dia cuba membuat analisa atau sebarang kesimpulan. Andaian-andaian yang tidak berasaskan maklumat-maklumat yang boleh dipercayai hanya dapat dianggap sebagai tekaan sahaja. Maka seseorang penuntut Sejarah dikehendaki sentiasa menguasai bahannya.

Mudah-mudahan buku ini akan memberi kesedaran kepada penuntut Sejarah bahawa untuk mencari kebenaran kerajinan adalah suatu sifat mustahak. Mereka yang mengabaikan prinsip ini tidak mungkin mencapai kecemerlangan.

*Jabatan Sejarah  
Universiti Malaya  
Februari 1984*

KHOO KAY KIM

## ISI

<i>Kata Pengantar</i>	v
<i>Peta dan Genealogi</i>	ix
<i>Daftar Singkatan</i>	x

### I LATAR BELAKANG

1 TOPOGRAFI DAN NEGARA	3
Topografi	
Sistem Politik	
Faktor-faktor yang Membawa kepada Konflik	
2 AWAL ABAD KE-19: SATU TINJAUAN	32
Perak	
Selangor	
Negeri Sembilan	

### II PERTUMBUHAN KEGIATAN PERDAGANGAN DAN PERLOMBONGAN

3 PERKEMBANGAN AWAL	59
Perdagangan Semenanjung—Negeri-negeri Selat	
Para Usahawan	
Industri Perlombongan	
Kepentingan Negeri-negeri Selat di Daerah Pedalaman	
yang Semakin Meningkatkan	

- 4 KEMUNCULAN PERUSAHAAN BESAR-BESARAN 97  
 Eksploitasi Lebih Intensif Sumber Semenanjung  
 Pembentukan Syarikat Stok-Usahasama: Permulaan  
 Syarikat Stok-Usahasama dan Semenanjung

III  
 POLITIK DENGAN  
 KEADAAN YANG BARU

- 5 HURU-HARA YANG SEMAKIN MEMBURUK 127  
 Kongsi-kongsi Gelap  
 Kekacauan di Negeri Sembilan  
 Perak: Pertelingkahan Dalam Negeri dan  
 Kekacauan Orang-orang Cina  
 Selangor: Guruh Sebelum Ribut
- 6 KONFLIK MEREBAK 166  
 Pemecahan Negeri Sembilan  
 Perang Klang  
 Perselisihan Tentang Pengganti  
 di Perak dan "Peperangan" di Larut
- 7 PERIKATAN DAN KECENDERUNGAN POLITIK 203
- 8 SAUDAGAR NEGERI-NEGERI SELAT DAN 232  
 "PERANG" SEMENANJUNG
- Penutup* 261  
*Bibliografi* 263  
*Indeks* 272

## PETA

1	Sungai Perak	4
2	Krian—Larut	5
3	Selangor	8
4	Sungai Linggi	10

## GENEALOGI

1	Perak	33
2	Selangor	39
3	Negeri Sembilan	45
4	Long Jaafar	74

## DAFTAR SINGKATAN

CO	Colonial Office (Pejabat Jajahan)
Col. Sec.	Colonial Secretary (Setiausaha Jajahan)
CMP	Correspondence relating to the Malay Peninsula (Surat-surat yang bersangkutan dengan Semenanjung Tanah Melayu)
Encl.	Enclosure (Lampiran)
FO.	Foreign Office (Pejabat Luar)
GPMP	Government Papers relating to the Malayan Peninsula (Naskhah-naskhah kerajaan yang bersangkutan dengan Semenanjung Tanah Melayu)
IO	India Office (Pejabat India)
JIAEA	Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia
JMBRAS	Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society
JSEAH	Journal of South East Asian History
JSBRAS	Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society
PMS	Papers on Malay Subjects (Naskhah-naskhah mengenai orang-orang Melayu)
PP	Parliamentary Papers (Naskhah-naskhah Parlimen)
PRCR	Penang Riots Commission Report (Laporan Suruhanjaya mengenai rusuhan di Pulau Pinang)
PWI	Prince of Wales Island
SSF	Selangor Secretariat Files
SS	Straits Settlements (Negeri-negeri Selat)
SSR	Straits Settlements Record (Rekod Negeri-negeri Selat)

176  
180

BAHAGIAN SATU

LATAR BELAKANG

176

PADA keseluruhannya, keadaan di Semenanjung Tanah Melayu di permulaan abad ke-19 adalah sama seperti di zaman awalnya. Ini tidaklah bererti Semenanjung Tanah Melayu tidak mengalami apa-apa perubahan, kerana dalam lingkungan konteks kebudayaan Melayu, nyatalah bahawa amalan-amalan tradisi berubah dari semasa ke semasa. Misalnya, walaupun adat perpatih Negeri Sembilan telah dibawa dari tanah asalnya, iaitu Minangkabau, ia masih memperlihatkan ciri-ciri yang tersendiri.<sup>1</sup> Sungguhpun Melaka telah sedikit sebanyak mendorong pembentukan beberapa institusi politik di negeri-negeri di semenanjung,<sup>2</sup> namun terdapat beberapa pengubahsuaian atau variasi tempatan di tiap-tiap wilayah. Oleh itu, sebarang anggapan yang mengatakan bahawa sistem politik Melayu semuanya sama sahaja boleh memutarbelitkan pandangan politik Melayu.

Meskipun demikian, di permulaan abad ke-19 masyarakat Melayu tradisional umumnya telah berubah dari segi strukturnya.<sup>3</sup> Penaklukan Portugis dan Belanda ternyata bukanlah faktor yang berkesan bagi mengubah masyarakat tradisional ke arah corak baru. Kuasa-kuasa penaklukan dari Aceh dan Sulawesi pula tidak menghasilkan perubahan yang radikal. Aceh merupakan sebahagian daripada dunia kebudayaan Melayu dan ia hanya memberikan sumbangan yang terlalu sedikit. Orang-orang Bugis yang telah menetap di sini terserap dengan cepat ke dalam masyarakat Melayu meskipun terdapat permusuhan yang berlanjutan di antara kedua-dua masyarakat ini.

Tetapi dalam dekad-dekad awal abad ke-19, percubaan oleh kuasa-kuasa asing untuk bertapak dan berkuasa di semenanjung terbukti menjadi satu aspek yang penuh peristiwa

dalam sejarah negeri-negeri Melayu. Walaupun demikian, pergelutan kuasa tradisional berjalan terus walaupun terdapat usaha untuk mencapai kompromi dan penyesuaian tanpa menghapuskan institusi-institusi yang sedia ada.

Persaingan di kalangan kuasa-kuasa asing akhirnya selesai dengan Britain muncul sebagai pemenang mutlak di Selat Melaka. Dengan kestabilan keadaan antarabangsa dan perubahan Negeri-negeri Selat, khususnya Pulau Pinang dan Singapura sebagai pusat perdagangan, maka tenaga-tenaga ekonomi yang dinamik dengan bebas mula meresap secara lebih mendalam ke semenanjung. Jika dalam bahagian pertama suku abad tersebut, Semenanjung Tanah Melayu pada umumnya memberikan satu gambaran sebagai sebuah negara yang mundur dan keadaan politiknya tidak stabil, maka dalam dekad berikutnya ia memperlihatkan satu era baru bagi beberapa buah negeri Melayu.

1. Lihat Abdul Ghani Shamaruddin, "Undang Luak Jelebu: Adat Per-tabatan", *Bahasa*, jilid 2, bil 1, 1959, m.s. 11.

2. Ada kecenderungan yang pelajar-pelajar Sejarah Malaysia akan terlebih tafsir tentang pengaruh Melaka ke atas negeri-negeri Melayu yang lain. Memandangkan pengasas negeri Melaka berasal dari Sumatera, ada kemungkinan kebanyakan institusi-institusi politik di semenanjung juga berasal dari Sumatera.

3. Lihat ulasan Josselin de Jong tentang buku J.M. Gullick, *Indigenous Political Systems of Western Malaya*, London, 1958, dalam *Bijdragen*, Deel 116, 1960, m.s. 382.




## Topografi dan Negara

### *Topografi*

Pada amnya, negeri Melayu tradisional merupakan satu kelompok petempatan yang terdapat di tebing-tebing sungai.<sup>1</sup> Tiap-tiap negeri di semenanjung kecuali Negeri Sembilan, mendapat namanya daripada sungai tempat bermulanya kerajaan itu didirikan. Dari tapak asas inilah sempadan politik kemudiannya diperluas untuk meliputi petempatan lain di sepanjang sungai itu. Sungguhpun catatan-catatan yang ada sekarang tidak memberikan keterangan yang terperinci tentang proses perluasan politik ini, kesimpulan boleh dibuat bahawa perluasan berlaku dengan hakikat, yang negeri-negeri Melayu itu lebih khusus ditegaskan sebagai *negeri* (contohnya Perak atau Selangor) dengan segala jajahan takluknya.<sup>2</sup> Istilah *negeri* itu hanya secara umum merujuk kepada kerajaan keseluruhannya; ia lebih tepat bermaksud "daerah", misalnya, Negeri Klang, Negeri Larut, Negeri Perak (daerah Sungai Perak), Negeri Selangor (daerah Sungai Selangor) dan sebagainya.<sup>3</sup>


#### PERAK

Pada awal abad ke-19, petempatan-petempatan utama tertumpu di sepanjang Sungai Perak yang memberikan nama kepada negeri itu. Petempatan-petempatan ini terdapat hampir di sepanjang sungai tersebut—dari Kuala Dedap (jauhnya kira-kira 11 atau 12 km dari laut) hingga ke hulunya.<sup>4</sup> Sebilangan besar penduduk terdapat juga di sepanjang anak-anak sungainya. Orang Melayu Perak pernah mengatakan bahawa Sungai Perak mempunyai 999 buah anak sungai. Tetapi, sebagaimana



Sumber: Peta Negeri Perak, Negeri-negeri Selat,  
No. 68 (Arkib Negara Malaysia)

1. SUNGAI PERAK



2. KRIAN-LARUT

yang telah dijelaskan terlebih dahulu, ini mungkin satu "kiasan bagi menyampaikan gagasan jumlah yang besar".<sup>5</sup>

Anak-anak sungai yang lebih besar terdapat di tebing sebelah kanan, iaitu Sungai Bidor, Sungai Kinta (kedua-duanya dalam jarak 60 hingga 70 km dari laut), Sungai Plus dan Sungai Temengor (kedua-dua terletak lebih jauh ke dalam). Di tebing sebelah kiri, anak sungai utama yang ditemui ialah Sungai Dedap. Anak sungai yang agak besar sesudah itu terletak jauh dari Sungai Dedap, iaitu Sungai Kenering di kawasan Hulu Perak. Sungai ini berpunca dari gunung-ganang di sempadan Kedah. Lebih ke dalam lagi, terdapat pula beberapa buah anak sungai, di antaranya ialah Sungai Rui dan Sungai Kendrong.<sup>6</sup>

Oleh kerana Sungai Perak merupakan pusat tumpuan kerajaan, maka ibu negerinya terletak di tempat yang sama. Dalam masyarakat Melayu tradisi, ibu negeri biasanya adalah tempat raja bersemayam. Di Perak, ibu negeri sering berubah tempat mengikut raja yang baru. Dalam abad ke-19 sahaja, iaitu dari zaman pemerintahan Sultan Ahmaddin hingga ke zaman pemerintahan Sultan Ismail yang meliputi jangka masa lebih daripada tujuh puluh tahun, tidak ada satu tempat yang dipilih dua kali sebagai ibu negeri.<sup>7</sup>

<i>Raja</i>	<i>Ibu Negeri</i>
Ahmaddin (1786-1806)	Rantau Panjang
Malek Mansur Shah (1806- 19)	Pasir Garam
Abdullah Muazzam Shah (1819- 30)	Bota dan Alahan
Shahabuddin Riayat Shah (1831- 51)	Pasir Pulai
Abdullah Muhammad Shah (1851- 57)	Tanjung Sarang Dendang
Jaafar Muazzam Shah (1857- 65)	Pasir Panjang Indra Mulia
Ali Inayat Shah (1865- 71)	Sayong
Ismail Muabidin Inayat Shah (1871- 74)	Blanja

Di luar kawasan Sungai Perak, terdapat banyak lagi lembah sungai yang membentuk sebahagian daripada daerah kekuasaan Perak. Di antara daerah yang terpenting ialah (dari utara ke selatan),<sup>8</sup> Sungai Kurau, Sungai Gula, Sungai Kalumpang, Sungai Selinsing, Sungai Sangga Besar, Sungai Sapetang, Sungai Larut (tidak ramai penduduknya sehingga tahun-tahun 1840-an), Sungai Trong, Sungai Jarum Mas, Sungai Bruas dan Sungai Dinding. Pada awal abad ke-19, gabungan penduduk di

daerah-daerah ini tidak lebih daripada 1000 orang.<sup>9</sup> Sungguhpun Sungai Bernam pada satu masa dahulu merupakan kawasan yang dikuasai oleh Perak<sup>10</sup> ia telah dirampas oleh Selangor pada awal abad ke-19 dan terus dikuasai oleh Raja Muda Selangor yang sentiasa tinggal di situ.<sup>11</sup>

#### SELANGOR

Sungai Selangor merupakan pusat tumpuan dan di sinilah terletak ibu negerinya sepanjang bahagian awal sejarahnya. Ibu negeri ini dipindahkan ke kawasan Langat-Jugra<sup>12</sup> pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Samad (1857-98). Selangor juga mempunyai banyak tanah jajahan yang besar dan luas. Ke utara Sungai Selangor ialah Sungai Bernam dan ke selatannya pula ialah Sungai Jeram. Pada masa itu, di sini hanya terdapat beberapa buah kampung dengan penduduknya lebih kurang 500 orang, diketuai oleh seorang penghulu. Kecuali Padang, yang terletak di selatan Muar di Johor, inilah sahaja kawasan pantai di antara Pulau Pinang dengan Singapura yang berpenghuni. Selepas Jeram terdapat pula Klang, daerah yang paling produktif di Selangor dari segi ekonomi. Menurut laporan semasa pada awal abad ke-19, kawasan ini mempunyai penduduk kira-kira 1500 orang. Sungai Klang seperti juga Sungai Selangor, mempunyai banyak anak sungai tetapi tiada satu pun anak sungai itu yang besar jika dibandingkan dengan anak-anak Sungai Perak. Bagaimanapun, di sepanjang Sungai Selangor dan Sungai Klang sudah ada kawasan perkampungan. Di kedua-dua daerah inilah penduduk Selangor tertumpu. Di selatan terdapat sebuah lagi daerah yang penting, iaitu daerah Sungai Langat yang berpecah di sebelah hilirnya. Anak sungai yang mengalir ke sebelah kanan masih kekal dengan namanya (Sungai Langat) sedangkan anak sungai yang mengalir ke sebelah kiri dikenali sebagai Sungai Jugra. Jarak dari tempat Sungai Langat itu berpecah dua, ke laut adalah kira-kira 56 km dan dari Jugra 11 km. Sungai Jugra tidak begitu penting, tetapi Sungai Langat berserta dengan cawangan-cawangannya mempunyai penduduk sejumlah 700 orang. Di bawah Sungai Langat terdapat pula Sungai Sepang, Sungai Lukut dan Sungai Raya. Sepang, dengan jumlah penduduknya kira-kira 200 orang, menjadi penting kerana kayu minyak, damar dan padi, semantara Lukut sedang pesat menjadi sebuah kawasan perkampungan orang-orang Cina disebabkan industri perlombongan yang sedang berkembang. Menjelang dua puluh tahun dalam abad ke-19 itu, Lukut sudah mempunyai penduduk seramai




3. SELANGOR

kira-kira 1000 orang. Tetapi orang-orang Melayu dan orang benua (orang Asli) masih merupakan penduduk yang penting di Lukut. Dari Lukut terdapat lorong-lorong yang berkeadaan baik menghala ke Langat di satu bahagian dan ke Sungai Ujong di bahagian yang lain.<sup>13</sup> Tetapi Sungai Raya yang berdekatan dengan sempadan Melaka, tidaklah begitu penting dari segi ekonomi.

#### NEGERI SEMBILAN

Sebagaimana kompleksnya kawasan ini dari sudut adatnya begitulah juga dari segi geografi. Sebagaimana yang dibayangkan oleh namanya, Negeri Sembilan merupakan gabungan sembilan buah negeri menjadi sebuah kesatuan politik. Bagaimanapun, tiada pernah diketahui negeri mana yang asal antara sembilan buah negeri itu.<sup>14</sup> Pada awal abad ke-19 hanya empat buah negeri, iaitu Sungai Ujong, Rembau, Johol dan Jelebu dianggap penting dan kemungkinan juga negeri yang kelima, iaitu Sri Menanti, yang menjadi tempat bersemayam Yang Di-Pertuan Besar. Satu huraian semasa menjelaskan Sri Menanti merupakan sebuah daerah di Johol.<sup>15</sup>

Sungguhpun demikian, berdasarkan bukti-bukti yang didapati, maka senanglah dibuat huraian yang agak jelas tentang keempat-empat wilayah yang utama itu dan juga Sri Menanti. Sungai Ujong merupakan daerah yang terpenting dari sudut ekonomi. Sungai Ujong terletak di tebing sebelah utara Sungai Linggi dan sudah lama dikenali sebagai daerah utama pengeluaran bijih timah. Kerja-kerja melombong bijih timah kebanyakannya dijalankan di lembah di antara Gunung Berembun dengan Bukit Tangga yang merupakan bahagian yang paling ramai penduduknya. Kampung Ampangan adalah pusat kegiatannya. Penduduk asal Sungai Ujong dianggarkan lebih daripada 3000 orang pada tahun 1832.<sup>16</sup> Ke arah selatan Sungai Ujong ialah daerah diraja, Sri Menanti. Dalam tahun-tahun 1830-an, penduduknya dianggarkan seramai 8000 orang. Perhubungan di antara kedua-dua wilayah ini sangat bergantung kepada sebuah kancing yang dikenali sebagai Bukit Putus yang terletak di antara Gunung Berembun dengan Gunung Angsi. Di antara Sungai Ujong dan Sri Menanti terletak *Terachi* yang sebahagian daripadanya dikatakan menjadi daerah taklukan Sungai Ujong dan sebahagian lagi daerah taklukan Sri Menanti. Kebanyakan kawasan tanah di Sri Menanti adalah datar kecuali sebuah banjaran gunung yang membentuk sempadan semula jadi di antara Sri Menanti dan negeri Rembau, yang dikatakan



4. SUNGAI LINGGI



hampir seluas Sri Menanti. Negeri Rembau umumnya, terdiri daripada dataran yang luas ke sebelah timur gunung-ganang tadi. Sebahagian besar kawasan ini dipenuhi sawah padi dan pada pertengahan abad ke-19 ia dikatakan mempunyai penduduk seramai kira-kira 9000 orang. Di kawasan Rembau, Bukit Besar sahajalah yang merupakan kawasan yang tinggi. Sungai Penajis dan Sungai Rembau adalah dua batang sungai utama yang mengalir melalui negeri ini. Pada masa itu, daerah-daerah Tampin dan Keru dikuasai oleh Rembau.

Negeri Minangkabau yang terletak jauh ke bahagian tenggara ialah Johol. Pada pertengahan abad ke-19, penduduk sebenar Johol dikatakan berjumlah 3000 orang. Mereka ini tertumpu di sebuah lembah yang meliputi jarak 10 atau 11 km dan di sini terdapat lima buah kampung utama, iaitu "Nury, Landang, Iney, Toman dan Bennong". Tetapi pada awal abad ke-19 daerah-daerah yang lebih kecil seperti Padang Pasir, Jempol dan Gemenchek juga bergabung dengan Johol. Sungai-sungai yang utama di Johol ialah Sungai Jelai, Sungai Gemenchek, Sungai Johol dan Sungai Inas.

Jelebu, iaitu wilayah yang keempat besarnya di Negeri Sembilan, terletak di sebelah utara dan timur Sungai Ujong. Wilayah ini memenuhi kawasan yang agak di tengah-tengah di antara pantai barat dengan timur semenanjung. Sungguhpun pada pertengahan abad ke-19 Jelebu merupakan negeri Minangkabau yang terbesar dengan penduduknya seramai 3000 orang, ia tidaklah begitu penting. Negerinya mengandungi lembah-lembah sempit yang terletak di antara bukit-bukit rendah, kecuali di bahagian selatan dengan bukit-bukitnya memuncak ke arah Gunung Berembun. Sungai Triang bolehlah dikatakan membentuk negeri Jelebu dan merupakan sungai pengisi yang penting bagi Sungai Pahang. Sungai Triang dan cabangnya yang utama, iaitu Sungai Kenaboi, dapat dimudiki hampir sepanjang tahun. Oleh kerana sebahagian besar Jelebu terletak di lembah Triang, maka sempadan-sempadannya adalah ditentukan oleh bukit-bukau, kecuali kawasan yang berdekatan dengan Pahang. Bukit-bukit itu ialah Genting Pireh yang terletak di antara Selangor dengan Jelebu dan Bukit Tangga yang terletak di antara Sungai Ujong dengan Jelebu. Jarak dari Jelebu ke Sungai Ujong ialah kira-kira dua hari berjalan kaki tetapi gunung-gunung yang memisahkan kedua-dua wilayah ini menyebabkan perhubungan amat sukar.<sup>17</sup>

Sungai yang paling penting di Negeri Sembilan ialah Sungai Linggi, yang merupakan saluran perhubungan utama di antara

Sungai Ujong, negeri perlombongan yang utamanya, dengan Melaka. Sungai Linggi bermula dari Gunung Berembun yang boleh dikatakan sebagai kunci seluruh kawasan ini sebab di sebelah selatan gunung ini terdapat Sungai Muar dan di sebelah timurnya pula Sungai Triang. Sebenarnya, Sungai Linggi bercabang dua di suatu tempat—Simpang—yang terletak kira-kira 10 km dari laut. Cawangan sungai yang mengalir ke Sungai Ujong dikenali sebagai Sungai Batang Penar dan cawangan yang mengalir ke Rembau dikenali sebagai Sungai Batang Penajis. Ke sebelah hulu cawangan Sungai Ujong itu, kira-kira 1 km di sebelah kanan dan 2.5 km ke utara, iaitu di sebelah tebing yang sama, ialah Sungai Udang dan 1.5 km lagi ialah Sungai Serban. Pengkalan Kundang pula terletak kira-kira 2 km di tebing sebelah kiri dan tidak jauh dari situ ialah Sungai Durian yang menjadi tempat kediaman Dato Muda Linggi. Perkampungan Linggi meliputi Pengkalan Kundang dan Pengkalan Durian. Sungai Linggi dapat dimudiki oleh bot-bot besar sehingga ke Linggi. Selepas itu, hingga ke lombong bijih timah Sungai Ujong yang terletak kira-kira 48 km, perahu sahaja yang boleh digunakan.

Cawangan Sungai Rembau berpunca di bukit-bukit Rembau. Di sebelah hulu dari Simpang terdapat dua buah kampung yang penting, iaitu Pedas yang terletak kira-kira 8 km dari Simpang dan kira-kira 13 km lagi ialah Bandar, iaitu kampung utama di Rembau Hilir. Ke sebelah hulu Pedas, sungainya cetek dan penuh dihalangi pohon-pohon dan dahan-dahan yang terjuntai hanya membolehkan sampan kecil sahaja lalu. Kampung yang utama di hulu ialah Chembong yang merupakan tempat tinggal tradisional Penghulu Rembau. Orang Rembau mendakwa bahawa seluruh kawasan di tebing sebelah timur Sungai Batang Penar, di sebelah atas Simpang, serta tanah di antara sungai dengan Batang Penajis hingga ke Pengkalan Kundang dan ke atas sedikit, adalah milik Rembau.<sup>18</sup>

Pada awal abad ke-19 tebing Sungai Linggi yang mengarah ke barat telah dipenuhi hutan atau tanah yang tidak ditanami hingga ke Linggi.<sup>19</sup> Kawasan ini telah dituntut oleh Selangor.<sup>20</sup>

### *Sistem Politik*

Di antara ketiga-tiga negeri barat ini, kesultanan Peraklah yang paling tua. Sejarah awal Perak masih lagi diselubungi kegelapan. Kisah yang berbeza-beza tentang pembentukan negeri

Perak yang terdapat dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* dan *Sejarah Melayu* yang masyhur itu jadi bertambah rumit oleh tradisi-tradisi tempatan seperti legenda *Semang Putih*.<sup>21</sup> Sungguhpun demikian, pada umumnya telah diterima bahawa kerajaan Perak didirikan pada awal abad ke-16. Bagaimanapun, dari kira-kira abad ke-18 dan seterusnya barulah gambaran yang lebih jelas tentang sejarahnya dapat diperolehi dari punca-punca yang ada.

Kesultanan Selangor mempunyai sejarah yang agak pendek berbanding dengan sejarah kesultanan Perak kerana ia telah ditubuhkan kira-kira pada pertengahan abad ke-18. Sejarah awal pelbagai daerah yang membentuk negeri Selangor masih banyak yang belum diketahui. Malahan untuk memastikan asal nama "Selangor" itu sahaja amat sukar.<sup>22</sup> Memanglah ada disebut tentang Jeram, Langat dan Klang dalam *Sejarah Melayu*, tetapi dari erti kata sejarah tidak banyak yang dapat digunakan oleh ahli-ahli sejarah.

Pembentukan Selangor sebagai satu kesatuan politik adalah dengan bantuan orang-orang Bugis. Ahli sejarah mereka yang terkenal, iaitu Raja Ali Haji, menjelaskan bahawa orang Bugis sampai di Selangor sebelum abad ke-18 lagi. Ketika itu sudah ada perkampungan, namun belum ada sebuah kerajaan yang dibentuk sehinggalah Upu bersaudara tiba semasa peperangan dengan Johor pada awal abad ke-18. Dari Johor mereka meluaskan pengaruh ke Selangor dan Langat yang mana disambut dengan baik oleh peneroka awal Bugis.<sup>23</sup>

Raja Lumu, Putera Daing Chelak diterima umum sebagai orang yang pertama dilantik menjadi Yang Dipertuan Negeri Selangor. Setelah adat istiadat pertabalan dilakukan oleh seorang Raja Perak,<sup>24</sup> baginda mengambil gelaran Sultan Salehuddin. Baginda juga telah menerima cap *istimaya* atau *cap mohor* dan *nobat*.<sup>25</sup> Keputusan untuk memberikan gelaran sebagai Tengku Raja Selangor dibuat oleh Raja Perak setelah berunding dengan orang-orang besar baginda. Mengikut tradisi Perak anugerah ini ialah untuk meninggikan lagi kebesaran kesultanan Perak.<sup>26</sup>

Sejarah Negeri Sembilan sebelum tahun 1800 juga diketahui secara kabur sahaja. Sungguhpun demikian jelaslah bahawa di semenanjung terdapat banyak negeri yang pada suatu ketika dahulu menjadi daerah takluk Melaka dan selepas tahun 1511, menjadi daerah takluk Johor pula. Dari semasa ke semasa beberapa orang besar telah dilantik oleh Melaka atau Johor untuk menjaga daerah-daerah ini. Kedatangan orang Bugis

pada awal abad ke-18 turut mengurangkan kuasa Melayu dan mengakibatkan kawalan dari Johor semakin tidak berkesan kerana kebanyakan daerah takluk yang sebahagian besarnya terdiri daripada penduduk Melayu-Sumatera enggan mengaku taat setia kepada Bugis. Perkara ini memang benar bagi penduduk Minangkabau yang berpegang teguh kepada tradisi adat perpatih. Oleh yang demikian mereka pun memutuskan untuk menjemput seorang putera raja dari Pagar Ruyung untuk memerintah dan menjadi orang tengah dalam perselisihan mereka.<sup>27</sup>

Percubaan untuk memperoleh seorang anak raja dari Pagar Ruyung untuk memerintah negeri Minangkabau di semenanjung terbukti sangat bersejarah kerana berlakunya perpecahan di antara negeri-negeri yang terlibat.<sup>28</sup> Namun begitu, permintaan tersebut dibuat juga dan menurut tradisi Negeri Sembilan terdapat berbagai-bagai kesukaran. Empat orang anak raja yang mula-mula dijemput terbukti tidak sesuai. Akhirnya Raja Melewar telah dipilih. Seorang yang bernama Raja Khatib telah dihantar terlebih dahulu untuk membuat persiapan bagi menyambut Raja Melewar. Tetapi Raja Khatib mensia-siakan kepercayaan yang diberikan kepadanya dengan mengahwini Warna Mas, anak Naam, Penghulu Ulu Muar dan seterusnya menabalkan dirinya menjadi raja Negeri Sembilan. Sementara itu Raja Melewar berangkat melalui Siak, Melaka dan akhirnya menuju Naning, kemudian ke Rembau. Maka berlakulah peperangan di mana Raja Khatib dan Penghulu Naam tewas. Raja Melewar ditabalkan sebagai Yang Dipertuan Besar di Penajis, Rembau. Peristiwa ini mungkin berlaku kira-kira dalam tahun 1773.<sup>29</sup>

Sekarang sudah diketahui bahawa setiap negeri Melayu di semenanjung, pada dasarnya mempunyai struktur politik asas yang sama kecuali dalam kes Negeri Sembilan. Sistem politik yang ditubuhkan di Negeri Sembilan pada akhir abad ke-18, sebenarnya merupakan sebuah super struktur yang dibina di atas sistem sosial yang terperinci dan berasaskan perhubungan kekeluargaan yang sedia ada. Di negeri-negeri Melayu yang lainnya, daerah merupakan faktor utama dalam organisasi politik.

Telah menjadi kebiasaan, masyarakat Melayu tradisional terdiri daripada dua bahagian utama, iaitu kelas pemerintah dan kelas rakyat, dengan Yang Dipertuan berada di puncak sistem politiknya.<sup>30</sup> Umumnya, fakta ini adalah benar tetapi dipermudah kerana dalam kelas pemerintah itu sendiri ada pula

sistem peningkatan pangkat yang terperinci. Mengikuti kedudukan, peringkat paling atas dalam kelas ini diduduki oleh anak raja, iaitu orang yang bergelar Raja atau Tengku. Di antara ahli-ahli kelas ini, selalunya ada pula kumpulan yang mendapat keistimewaan yang dikenali sebagai kerabat diraja. Mereka terdiri daripada Raja dan orang-orang yang berhubungan rapat dengan baginda. Keistimewaan politik pada umumnya terbatas kepada kumpulan ini sahaja kerana anak raja merupakan satu kumpulan besar disebabkan amalan berpoligami.<sup>31</sup> Oleh itu, jawatan-jawatan tertentu yang boleh dianugerahkan serta kawasan-kawasan yang boleh diberikan kepada mereka untuk mencari nafkah tentu sahaja terhad. Dengan demikian selalunya ada anak raja yang tidak mempunyai jawatan politik tertentu serta tidak mempunyai kawasan untuk ditadbirkan. Tetapi selalunya memang mudah bagi mereka untuk mendapat pengiktirafan melalui kejayaan di bidang lain.

Lapisan berikutnya dalam hierarki sosiopolitik ini diduduki oleh anggota-anggota pemerintah yang bukan daripada keturunan raja. Di sini pun terdapat pemecahan lagi. Ada perbezaan setara di antara orang besar-besar dengan penghulu. Orang besar-besar bolehlah dikatakan orang yang mempunyai gelaran tertentu di samping menjalankan tugas yang berbagai-bagai. Setengah daripadanya memegang jawatan di istana. Oleh yang demikian mereka menjalankan tugas yang terutamanya berkaitan dengan upacara atau sebagai penasihat raja yang terdekat. Yang lain pula menjadi pembesar jajahan, iaitu tugas yang adakalanya dipegang oleh penghulu tetapi pada umumnya, orang besar menguasai unit kawasan yang lebih luas. Unit itu bagaimanapun mungkin sebuah lembangan sungai ataupun sebahagian daripada anak sungai sahaja. Lazimnya, bidang kuasa penghulu terbatas kepada sebuah kampung atau sekumpulan kampung, bergantung kepada pengaruh peribadinya. Sebenamya variasi bilangan jenis kedudukan dalam sistem politik Melayu lebih banyak daripada yang dapat dibincangkan di sini. Haruslah ditekankan bahawa semua wibawa di dalam negeri-negeri Melayu (kecuali Negeri Sembilan) datang daripada Yang Dipertuan Besar. Tetapi pada praktiknya, kuasa itu terletak di tangan orang besar jajahan.

Perbezaan besar yang pertama di antara Negeri Sembilan dengan negeri-negeri lain di semenanjung ialah Negeri Sembilan merupakan masyarakat matrilineal (menurut garis keturunan ibu). Tetapi pada peringkat politik yang tertinggi, penggantian raja didasarkan kepada keturunan garis ayah

(patrilinial). Tetapi wibawanya datang dari rakyat (anak buah), kerana

Bulat anak buah menjadi buapak,  
 Bulat buapak menjadi lembaga,  
 Bulat lembaga menjadi penghulu,  
 Bulat penghulu menjadi raja.<sup>32</sup>

Dengan perkataan lain, buapak, lembaga, penghulu, dan raja adalah merupakan wakil anak buah.

Orang Negeri Sembilan dibahagikan secara menegak kepada dua belas suku: Biduanda atau Waris, Batu Hampar, Paya Kumboh, Mungkal, Tiga Nenek, Seri Melenggang, Seri Lemak, Batu Belang, Tanah Datar, Anak Aceh, Anak Melaka dan Tiga Batu.<sup>33</sup> Suku itu sendiri terbahagi pula kepada perut, ruang dan rumpun.<sup>34</sup> Sungguhpun martabat raja merupakan faktor yang penting dalam sistem sosiopolitik, keluasan kawasan juga turut terlibat. Oleh itu, kerajaan sendiri pada dasarnya terdiri daripada sembilan negeri (biasanya disebut luak). Sementara buapak dan lembaga merupakan ketua kumpulan raja, penghulu pula menjadi pemerintah wilayah, sebagaimana kata pepatah:

Alam nan beraja,  
 Luak nan berpenghulu,  
 Suku bertua (berlembaga),  
 Anak buah berbuapak.<sup>35</sup>

Sungguhpun pada dasarnya masyarakat Negeri Sembilan merupakan masyarakat sama rata namun terdapat pula sistem hierarki yang jelas. Di kalangan Datuk Penghulu, Datuk-datuk Penghulu Sungai Ujong, Rembau, Johol dan Jelebu lebih tinggi tarafnya kerana kepada merekalah terserah tugas dan hak istimewa untuk memilih tiap-tiap Yang Dipertuan baru. Oleh itu, mereka dikenal sebagai Penghulu Berlantik. Dan di antara keempat-empat Datuk Penghulu ini, Datuk Penghulu Sungai Ujong lebih dihormati kerana beliau dianggap sebagai abang.<sup>36</sup>

Sungguhpun Yang Dipertuan Besar mempunyai taraf tertinggi tetapi kedudukannya tidaklah serupa dengan raja-raja Melayu lainnya. Sejak dari mula lagi kewibawaannya telah ditentukan dengan jelas:

Adapun raja itu tiada mempunyai negeri dan tiada boleh mencukai kharajat, melainkan berkeadilan sahaja serta permakanannya duit sesuku, beras dua gantang, nyiur setali.<sup>37</sup>

Oleh yang demikian, konon dikatakanlah bahawa raja "tidak

mempunyai alat kebesaran raja, haknya atau daerah".<sup>38</sup> Tetapi raja berhak mengesahkan perlantikan tiap-tiap penghulu oleh lembaga.<sup>39</sup>

Penghulu Berlantik mempunyai pengaruh yang besar kerana mereka

- (i) . . . masing-masing melaksanakan semua hak raja, mengenakan denda, merasmikan undang-undang dan menjalankan hukuman mati,
- (ii) . . . mengenakan denda dalam kes-kes yang diputuskannya sendiri dan menerima hadiah pada hari lahir, perkahwinan dan mati di samping sumbangan untuk keperluan politik.<sup>40</sup>

Sebaliknya pula mereka

. . . berkewajipan menyediakan tambahan orang, senjata, peluru dan bekalan apabila berlaku perang; juga pada kemangkatan, perkahwinan, majlis berkhatah dan sebagainya bagi keluarga diraja dan mengirimitkan kepada setiap orang daripada mereka itu tiga ekor kerbau serta bersedekah sedikit.<sup>41</sup>

Dengan tinjauan sepintas lalu tentang struktur politik di tiga buah negeri ini, maka sekarang sudah dapat diteliti susunan dalam negeri yang sebenarnya.<sup>42</sup> Di Perak beberapa gelaran dianugerahkan kepada kerabat diraja. Menurut susunan peningkatannya,<sup>43</sup> gelaran-gelaran itu ialah:

- Raja Bendahara<sup>44</sup>
- Raja Di Hilir
- Raja Kecil Besar
- Raja Kecil Tengah
- Raja Kecil Muda
- Raja Kecil Bongsu

Sebaliknya pula, orang besar-besar dibahagikan kepada gandaan empat. Di sini terdapat lapisan sosial yang tetap walaupun sebagaimana yang akan diterangkan nanti dalam bidang mempraktikkan wibawa politik, ciri pangkat tidaklah penting. Bagaimanapun, dua kumpulan yang pertama membentuk pegawai utama kerajaan:<sup>45</sup>

- Orang Besar Berempat* (darjat pertama)
- Bendahara Paduka Seri Maharaja (kemudiannya Raja Bendahara)
- Temenggung Paduka Raja
- Orang Kaya Besar Seri Maharaja Diraja (juga dikenali sebagai Penghulu Bendahara)

Menteri Seri Paduka Tuan  
*Orang Besar Berlapan* (darjat kedua)  
 Orang Kaya Balai Maharaja Lela  
 Laksamana Orang Kaya Kaya  
 Orang Kaya Syahbandar  
 Panglima Kinta Seri Amarbangsa  
 Sa'gor Diraja  
 Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja  
 Seri Adika Raja  
 Iman Paduka Tuan

Di bawahnya terdapat Orang Besar Enam Belas yang diketuai oleh Seri Maharaja Lela dan diikuti pula oleh satu kumpulan lagi yang terdiri daripada tiga puluh dua orang besar dengan gelaran-gelaran tertentu.<sup>46</sup>

Latar belakang sejarah pelbagai institusi politik di Selangor adalah lebih kabur. Berhubung dengan gelaran-gelaran yang dianugerah kepada anggota-anggota diraja, hanya dua gelaran sahaja yang diadakan pada zaman dahulu. Yang pertama ialah Yang Dipertuan Muda atau Raja Muda. Raja Nala, kakanda Raja Ibrahim (kemudian bergelar Sultan Ibrahim setelah Sultan Salehuddin mangkat) merupakan pemegang pertama jawatan ini. Selepas kemangkatan Raja Nala di Aceh, gelaran itu disandang oleh putera sulung Raja Ibrahim, iaitu Raja Muhammad.<sup>47</sup> Tetapi apabila Raja Muhammad menjadi pemerintah pada tahun 1826, gelaran itu tidak dianugerahkan kepada sesiapa sehingga sejourus sebelum baginda mangkat (pada tahun 1857) apabila putera bongsunya, iaitu Raja Mahmud, dilantik menyandang gelaran tersebut.<sup>48</sup>

Gelaran diraja yang lain ialah Tengku Panglima Besar. Gelaran ini disandang oleh Raja Abdullah, adinda Sultan Muhammad dan kemudiannya pula oleh Raja Abdul Samad, putera Raja Abdullah, tetapi hanya untuk seketika. Tidak lama kemudian Raja Abdul Samad dipilih menjadi Yang Dipertuan dan gelaran Tengku Panglima Besar itu pun dianugerahkan kepada Raja Berkat.<sup>49</sup> Sampai di sini gelaran itu diubah kepada Tengku Panglima Raja.<sup>50</sup>

Sistem orang-orang besar Selangor menimbulkan masalah yang lebih rumit bagi pelajar-pelajar sejarah Melayu. Semasa pengaruh Johor meluas di sebahagian besar semenanjung, beberapa orang besar telah dilantik untuk mengawasi kawasan-kawasan yang kemudiannya menjadi jajahan Selangor. Di antara mereka yang terkenal ialah Datuk atau Orang Kaya Klang.



Sebagaimana yang dibayangkan oleh gelarannya, beliau mempunyai bidang kuasa ke atas wilayah Klang.<sup>51</sup> Namun tugas-tugas pentadbirannya sama-sama dipikul oleh tiga orang yang lain, iaitu Tuk Engku Klang, Datuk Menteri dan Datuk Naga. Satu lagi gelaran yang mungkin mendahului kerajaan Bugis ialah Penghulu Selangor.<sup>52</sup>

Apabila kerajaan telah didirikan, maka beberapa gelaran baru pula dibentuk. Tidak ada maklumat yang jelas tentang gelaran-gelaran tersebut kerana dibiarkan hilang begitu sahaja pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Samad (1857-98). Tetapi gelaran-gelaran berikut (menurut susunan peningkatannya) dikatakan telah ditimbulkan semasa pertabalan Sultan Sulaiman.<sup>53</sup>

Datuk Aru	Datuk Bentara Kanan
Datuk Penggawa Tua	Datuk Bentara Kiri
Datuk Penggawa Muda	Datuk Panglima Dalam
Datuk Maharaja Lela	Datuk Megat Penghulu Balai
Datuk Syahbandar	

Di antara gelaran-gelaran ini, enam gelaran (Penggawa Tua, Penggawa Muda, Maharaja Lela, Syahbandar, Panglima Dalam dan Megat) pada mulanya dianugerahkan kepada orang-orang Bugis yang mengiringi Raja Lumu ke Selangor.<sup>54</sup> Para pengunjung ke Selangor pada abad ke-19 juga mendapati ada beberapa jawatan yang lain. Dalam tahun-tahun 1830-an seorang Penggawa Permatang dikatakan menjadi salah seorang daripada empat orang pegawai negeri. Dan yang lainnya ialah Penggawa Tua, Penghulu Aru dan Orang Kaya Kecil.<sup>55</sup> Penggawa Permatang bersama dengan Penggawa Tua menguasai bahagian hulu sungai dan kawasan pesisiran pantai sementara Datuk Aru di bahagian tengah, kecuali Klang yang merupakan hak Orang Kaya Kecil.<sup>56</sup> Dalam tahun 1857, selain dari Datuk Aru, Datuk Penggawa dan Datuk Kaya Kecil, seorang lagi orang besar yang menjadi calon Yang Dipertuan ialah Datuk Jeram.<sup>57</sup> Dalam tahun 1874, semasa Gabenor Clarke mengunjungi Selangor, di antara orang-orang besar yang hadir untuk mesyuarat ialah Datuk Aru, Penggawa Permatang, Penggawa Muda, Orang Kaya Kecil, Penghulu Jeram dan Penghulu Dagang.<sup>58</sup>

Sungguhpun sukar untuk melihat sebarang corak yang jelas tentang sistem orang besar di Selangor, namun dari sedikit data yang ada masih mungkin untuk memastikan bahawa setidak-tidaknya orang-orang di peringkat tinggi terdiri daripada orang-orang besar jajahan pada bahagian awal abad ke-19.

Mereka ini telah memegang peranan penting dalam membuat keputusan dan memilih Yang Dipertuan. Bukti yang ada menunjukkan bahawa Datuk Aru ialah orang besar yang paling tinggi pangkatnya. Seorang pengunjung yang melawat Selangor dalam tahun 1874 menyatakan bahawa Datuk ini malah dapat "bertindak sebagai pemangku raja semasa raja tiada".<sup>59</sup> Tetapi ini mungkin kesimpulan yang melampau.

Sebagaimana yang dinyatakan, struktur politik Negeri Sembilan adalah lebih kompleks. Oleh kerana Negeri Sembilan merupakan sebuah persekutuan, maka setiap komponennya, terutama empat luak yang utama, agak bebas. Di Sungai Ujong, Datuk Penghulu dikenali sebagai Datuk Kelana Putera tetapi wibawanya terhad kepada perkara-perkara tanah sahaja. Orang yang kedua penting ialah Seri Maharaja Diraja atau Datuk Syahbandar (Datuk Bandar). Menjelang akhir abad ke-19 kedua jawatan ini dipisahkan dan setelah itu Datuk Bandar menjadi tokoh yang semakin penting dalam politik Negeri Sembilan dengan bidang kuasa ke atas semua hal yang bersangkutan dengan sungai dan perdagangan. Ada banyak lagi golongan orang besar di Sungai Ujong tetapi mereka tidaklah penting. Adalah memadai kalau dikatakan bahawa semenjak pertengahan abad ke-18, hak memegang gelaran Datuk Kelana digilirkan di antara ahli-ahli dua pecahan Suku Waris—Waris Hilir dan Waris Hulu. Tetapi prinsip ini tidak diikuti dengan betul.<sup>60</sup>

Gelaran Datuk Penghulu Rembau ialah Lela Maharaja atau Sedia Raja, bergantung pada pecahan mana dalam suku Biduanda (Jakun atau Jawa) orang memegang jawatan itu berasal kerana seperti di Sungai Ujong, hak menggunakan gelaran Datuk Penghulu digilirkan antara dua kumpulan calon ini. Di Rembau, amalan ini bermula pada pertengahan abad ke-16. Dari segi geografi, Rembau terdiri daripada dua bahagian, iaitu bahagian hulu dan hilir yang merupakan faktor utama dalam struktur politiknya. Secara tradisi, majlis perlembagaan Rembau terdiri daripada Datuk Penghulu dan empat lembaga tetapi menjelang abad ke-19 terdapat lapan lembaga semuanya—empat orang mewakili hilir dan empat orang mewakili hulu. Empat wakil dari hulu merupakan tambahan kepada sistem asal.<sup>61</sup> Konon lembaga itu dikatakan mempunyai keistimewaan-keistimewaan penting:

Baik apa juga yang penting bagi rakyat tidak baik diputuskan tanpa persetujuan dan keputusan undian sebulat suara mereka tentang perkara-perkara yang dipertikaikan mengatasi keputusan penghulu.

Tanda tangan (lembaga) perlu bagi mengesahkan setiap perjanjian ataupun untuk dokumen-dokumen awam yang lainnya.<sup>62</sup>

Sejarah awal Johol kurang diketahui jika dibandingkan dengan sejarah Sungai Ujong dan Rembau. Datuk penghulunya, sejak dari mula lagi dikenali sebagai Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan. Mengikut tradisi Johol, tiga orang yang mula-mula menjawat jawatan itu adalah wanita. Datuk Penghulu bersama-sama dengan empat lembaga bertindak menjalankan kuasa wibawa. Pemilihan jawatan penghulu dibuat oleh lembaga dan Batin Dua Belas. Sistem giliran di sini berbeza sedikit dan diperkenalkan hanya pada pertengahan abad ke-19 apabila gelaran pengganti Datuk Penghulu diubah dari Datuk Muda kepada Datuk Baginda Tan Mas dan orang-orang yang berhak memegang jawatan selepas itu dan seterusnya dipilih secara bergilir-gilir dari Perut Gemenchah dan Perut Johol yang merupakan dua pecahan Waris Biduanda.<sup>63</sup>

Datuk Penghulu Jelebu menyandang gelaran Datuk Mendika Menteri Akhir Zaman. Dalam hal ini, pemegangnya digilirkan di antara tiga pecahan kecil Waris, iaitu Waris Hulu Jelebu, Waris Sarin dan Waris Kemin. Penghulunya dilantik oleh lapan lembaga dan memerintah bersama-sama mereka.<sup>64</sup>

### *Faktor-faktor yang Membawa kepada Konflik*

Soal penggantian merupakan isu besar yang menyebabkan konflik dalam masyarakat Melayu tradisional, sama ada bagi pemegang gelaran Yang Dipertuan atau jawatan politik yang lebih rendah. Biasanya penggantian bagi sesuatu jawatan itu bersifat turun-temurun<sup>65</sup> tetapi calon untuk jawatan tertentu datang dari kalangan keluarga si mati. Sistem penggantian di Perak dan hal-hal yang bersamaan memberikan contoh yang baik tentang keadaan tegang ini dalam aspek politik Melayu tradisional.

Pengganti bagi pemegang gelaran Yang Dipertuan di Perak, seperti juga di negeri-negeri Melayu yang lainnya, berdasarkan pemilihan. Keahlian sebenarnya badan pemilih itu tidaklah diketahui dengan jelas tetapi pastilah orang-orang besar tingkat pertama dan kedua memainkan peranan penting dalam tugas ini.<sup>66</sup> Ahli-ahli tidak ada hak automatik untuk menyebelahi mana-mana calon. Sungguhpun demikian, sekurang-kurangnya sejak separuh kedua abad ke-19, memang lazim bagi anak raja mula meningkat dari jawatan Raja Di Hilir, kepada Raja

Bendahara dan seterusnya Raja Muda sebelum sampai di puncak kekuasaan politik. Tetapi, ini hanyalah prinsip panduan bagi membantu badan pemilihan untuk mencapai keputusannya. Ujian asas hak tentang kesahan masih tetap secara pemilihan.

Walau bagaimanapun, penggantian merupakan masalah politik yang besar. Data-data yang ada menunjukkan bahawa sepanjang abad ke-18 dan sebahagian besar abad ke-19, terdapat persaingan yang terus-menerus di antara calon-calon dan sering mengakibatkan perebutan kuasa yang hebat. Pada awal abad ke-19 sahaja, Sultan Alauddin Riayat Shah yang telah menaiki takhta ditentang oleh adindanya, iaitu Raja Inu yang berkuasa di Bernam. *Salasilah Perak* menyatakan:

Dan dengan perintah Allah Yang Maha Kuasa, yang menganugerah ke atas makhluk dengan apa juga yang dipilih, terdapat juga persengketaan di antara pembesar-pembesar Perak. Dan terdapatnya peperangan antara Raja Bernam dan Toh Bendahara dan orang-orang besar maka berperanglah mereka, membawa kekacauan, antara satu dengan lain.<sup>67</sup>

Sultan Alauddin berjaya mengatasi penentangan itu dan hanya dua puluh tahun kemudian barulah Raja Inu menggantikannya dengan memakai gelaran Sultan Mudzaffar Shah. Baginda pula ditentang oleh adindanya, Raja Bisnu, yang melantik dirinya sendiri sebagai pemerintah dengan gelaran Sultan Muhammad Shah. Baginda memilih Pulau Tiga sebagai ibu negeri dan memaksa kakandanya pindah ke utara, iaitu ke Kuala Kangsar. Maka Perak pun terbahagi kepada dua: penduduk-penduduk di bahagian hulu hingga ke Pachat mengaku taat kepada Sultan Mudzaffar Shah sementara Sultan Muhammad pula berkuasa di kawasan di antara Pachat ke hilir.<sup>68</sup>

Abad ke-19 juga merupakan zaman yang sering berlaku pertikaian tentang pengganti.<sup>69</sup> Setiap raja yang memerintah dari tahun 1806 sampai tahun 1871 menghadapi tentangan daripada calon yang mendapat giliran menjadi raja. perkara ini terus terjadi walaupun percubaan telah dibuat untuk mencapai persetujuan dengan cara memperkenalkan suatu sistem giliran antara keluarga keturunan Sultan Ahmaddin (kira-kira tahun 1786-1806).<sup>70</sup> Hampir setiap perselisihan akan melibatkan Sultan dan Raja Muda dalam kumpulan yang bertentangan. Ini mungkin disebabkan oleh bentuk pemerintahan itu sendiri. Di Perak, walaupun Sultan yang memerintah, tugas pentadbiran diserahkan kepada Raja Muda. Perkara ini dinyatakan dengan

jelas dalam *Misa Melayu*. Merujuk pada perlantikan Raja Iskandar sebagai Raja Muda, ada dinyatakan:

Maka anakanda baginda Raja Mudalah akan memerintahkan paduka ayahanda itu, menjadi baiklah kerajaan Sultan Mudzaffar Shah. Maka Raja Mudalah yang memerintah di dalam negeri Perak ini dan diikuti turutlah akan segala orang besar-besar, dan anak raja-raja maka terserahlah kepada Raja Muda.<sup>71</sup>

Tetapi ini mungkin suatu kekecualian kerana Raja Iskandar diketahui mempunyai peribadi yang kuat. Apabila Iskandar sendiri menjadi Sultan, fungsi yang sama diserahkan kepada Raja Muda yang baru:

Adapun Sultan Iskandar Inayat Shah, setelah menjadi Raja Muda maka adinda baginda Raja Kecil Muda pun menjadi Raja Muda akan wakil kerajaan Sultan Inayat Shah dan Raja Mudalah yang memerintah di bawah takhta kerajaan kakanda baginda itu dan ikutan segala orang besar-besar dan turutan segala anak raja-raja dari perhimpunan segala hulubalang rakyat sekaliannya . . .<sup>72</sup>

Kunci perkataan di sini ialah *memerintah, ikut dan turut*; yakni Raja Muda memerintah serta menjadi punca bagi semua pengikut.

Politik negeri Perak pada abad ke-19 menerangkan dengan lebih lanjut tentang kedudukan Raja Muda yang sangat berkuasa itu. Oleh itu, jelaslah bahawa kedudukan Sultan sangatlah lemah. Jika Sultan mendapat sokongan dari orang besar-besar, barulah baginda mempunyai harapan mempertahankan kedudukannya dari tentangan anak-anak raja yang lain. Orang besar-besar tingkat pertama dan kedua sangat berpengaruh dan keluarga diraja bergantung kepada mereka untuk memajukan kepentingan politik masing-masing. Misalnya, dalam abad ke-18, Datuk Bendahara dan Laksamana memainkan peranan penting dalam peperangan-peperangan menuntut takhta.<sup>73</sup> Kebesaran kuasa mereka dapat dibayangkan dengan jelas dalam sepucuk surat yang ditulis oleh Raja Perak pada tahun 1816:

Biar diketahui oleh sahabat-sahabat beta bahawa sebab kemurkaan Raja Quida terhadap beta tidak berpunca dari kesalahan beta sendiri tetapi adalah dari Laksamana Pera yang telah mengambil Kreean dan menyerahkannya kepada Tunkoo Radin tanpa memberitahu Sultan terlebih dahulu dan perkara ini tidak setahu beta sendiri. Beta bersumpah kepada Tuhan, tidak beta perintahkan atau membenarkannya. Beliau sendiri melakukannya dan beta hanya mengetahuinya baru-baru ini sahaja. Apa yang dapat beta katakan kerana Laksamana adalah salah seorang dari Pembesar beta sendiri. Sekiranya Laks-

mana telah melakukan kesalahan ini sendiri, biarlah beliau sendiri menjadi seorang penderita. Beliau sekarang berada di Dinding dan Pangkor dan pada diri beta, beta tidak mempedulikan kisahnya. Beta memohon dari sahabat-sahabat sekalian untuk menyerang Dinding selewat-lewatnya pada bulan Muharam sungguhpun sekiranya beliau telah bertapak di sana. Sudah 809 dari orang beta melarikan diri untuk pergi mendapatkan beliau dan sekiranya dibenarkan Laksamana memperkuat penempatan di Dinding, semua orang beta akan terbang mendapatkan beliau. . . . Beliau tidak memberitahu beta sepatah kata pun tentang niat beliau hendak menduduki tempat ini, tempat yang telah diambil secara kekerasan.<sup>74</sup>

Ada satu lagi ciri yang menarik tentang sistem orang-orang besar di Perak ini. Setiap pemegang jawatan diberikan sebuah daerah untuk ditadbirkan dan dia bebas dari kawalan orang besar yang lain, biar apa juga pangkatnya. Dan hakikat bahawa mereka boleh bertindak dengan agak bebas merupakan faktor utama yang menyebabkan berlakunya konflik dalam politik Perak.<sup>75</sup> Meskipun mereka mempunyai kuasa mengawal namun mereka jarang bertindak serentak. Oleh itu, sebagai satu kumpulan, mereka itu tidaklah merupakan satu ancaman yang kuat terhadap kedudukan kerabat diraja.

Keadaan kesultanan Selangor dan institusi orang besar-besar memberikan perbezaan yang menarik dari yang terdapat di Perak. Sistem penggantinya adalah lebih mudah. Sungguhpun gelaran biasanya turun dari ayah kepada anak, tetapi prinsip pemilihan masih berlaku. Sejak kerajaan didirikan pada bahagian suku ketiga abad ke-18 hingga tahun 1826, penggantian tidak menimbulkan pergolakan politik. Walaupun dalam tahun 1857 terdapat sedikit kelainan kerana putera saudara dan menantu raja yang mangkat telah dipilih (bukan puteranya sendiri) tetapi tidak pula berlaku sebarang perebutan kuasa. Peristiwa yang telah menjerumuskan Selangor ke dalam perang saudara ialah dalam pemilihan pengganti orang besar-besar jajahan. Peristiwa pada masa itu juga memperlihatkan tindakan bersama oleh keluarga diraja tempatan dalam menentang orang-orang luar yang cuba bertapak di Selangor. Sebenarnya, unsur perpaduan inilah yang boleh dianggap sebagai ciri istimewa politik Selangor dalam abad ke-19. Berbeza dengan keadaan di Perak, kuasa anak raja Selangor lama-kelamaan bertambah, iaitu dengan mengambil kuasa orang besar-besarnya. Pada pertengahan abad ke-19, beberapa gelaran bangsawan tidak lagi diisi dan jawatan orang-orang besar jajahan diambil alih oleh anggota-anggota keluarga diraja. Menjelang

awal tahun-tahun 1860-an, semua daerah yang utama telah dikuasai oleh anak raja.<sup>76</sup>

Sungai Bernam dikuasai oleh Raja Hitam  
Sungai Selangor dikuasai oleh Raja Musa  
Sungai Jeram dikuasai oleh Raja Ali  
Sungai Klang dikuasai oleh Raja Abdullah  
Sungai Langat dikuasai oleh Sultan Abdul Samad  
Sungai Lukut dikuasai oleh Raja Jumaat  
Sungai Raya dikuasai oleh Raja Sulaiman

Sungguhpun anak raja Selangor tidak memegang gelaran tertentu namun kawalan ke atas daerah-daerah yang utama membenarkan mereka menguasai sumber-sumber ekonomi serta tenaga manusia di dalam negeri. Oleh itu, pada hakikatnya kedudukan orang besar-besar yang ada telah diturunkan kepada fungsi orang bawahan. Walaupun mereka terus memainkan peranan utama dalam upacara dan majlis adat istiadat serta mendapat tempat dalam majlis negeri tetapi kuasa mereka hampir tidak ada lagi. Sedikit sebanyak perkara ini merupakan tekanan terakhir terhadap kewibawaan rejim purba Melaka-Johor oleh keluarga Bugis yang memerintah.

Keunggulan dan perpaduan anak raja Selangor itu juga cenderung dalam mengendurkan unsur-unsur perselisihan dan keadaan begini berbeza dengan keadaan di Perak. Di Perak, orang besar-besar bebas dan sering menggunakan pengaruh mereka bagi menyokong pergolakan politik. Tetapi di Selangor, pemilihan raja secara keseluruhannya merupakan hakmilik keluarga diraja. Perkara ini mungkin dapat menjelaskan mengapa di Selangor hampir tidak ada perang menuntut takhta.

Di Negeri Sembilan pula, terdapat bentuk ketiga tentang kuasa politik Melayu tradisional. Di sini, untuk beberapa tahun, anak raja terbukti menjadi faktor perselisihan yang utama. Sistem menjemput seorang ahli daripada keluarga diraja Pagar Ruyung untuk bertindak sebagai hakim atau pendamai berjalan dengan baik, asal sahaja kepentingan puak-puak tempatan tidak terlibat. Tetapi apabila timbul kepentingan keluarga tempatan hasil dari perkahwinan di antara ahli keluarga diraja wanita dari suku tempatan,<sup>77</sup> maka persaingan akan berlaku. Adat perpatih mungkin mempunyai pengaruh ke atas pertalian kekeluargaan di peringkat bawah (dari suku ke bawah) tetapi di peringkat yang lebih tinggi, terbukti tidak begitu kuat kerana ahli-ahli dalam lapisan atas masyarakat dianggap sebagai penjaga dan pentafsir adat. Sungguhpun

persetujuan asal hanya memberikan kuasa yang terhad kepada anak raja tetapi dari segi amalannya, anak raja mempunyai pengaruh yang besar.

Perkara ini digambarkan dengan jelas dalam kes Raja Asil yang berjaya dalam usahanya mengadakan gelaran baru, iaitu Yang Dipertuan Muda, yang dianugerahkan kepadanya dalam tahun 1798. Sebahagian daripada kejayaan ini dicapai melalui pengaruh iparnya, Raja Hitam (pengganti Raja Adil) dan sebahagian lagi kerana penghulu, waris dan suku Rembau yang tidak ingin melihat kekacauan berlaku. Untuk perbelanjaan Yamtuan Muda itu, Tampin diletakkan di bawah kuasanya dan Bandar di Hilir Rembau menjadi tempat kediamannya. Perkara ini menjadi mudah kerana ibu Raja Asil berasal dari Tampin dan pada waktu itu Tampin menjadi jajahan Rembau. Selain dari itu, Raja Asil diperuntukkan satu pertiga daripada hasil cukai ke atas bijih yang dibawa melalui Sungai Linggi dari Sungai Ujong (cukainya pada waktu itu adalah sebanyak \$2 sebahara) dan juga hasil pendapatan Keru, yang juga dalam jajahan Rembau<sup>78</sup> sebagai nafkah hidupnya. Ini merupakan suatu penyimpangan dari persetujuan asal kerana persetujuan itu tidak menyediakan sebarang jajahan untuk Yamtuan Besar.

Sejarah Negeri Sembilan dalam abad ke-19 menunjukkan bahawa walaupun struktur politiknya sangat berbeza, namun perhubungan di antara ahli-ahli golongan elit yang memerintah melahirkan perselisihan yang sama hebatnya seperti di negeri-negeri Melayu pantai barat yang lain. Negeri Sembilan, seperti negeri-negeri lain juga, tidak dapat menyesuaikan diri dengan keadaan-keadaan baru yang ditimbulkan oleh pertumbuhan kegiatan-kegiatan perlombongan dan perdagangan.

1. Lihat juga J.R. Logan, "Notes on Pinang, Kidah & c", *IJAEA*, jil. 5, 1851, m.s. 63-4; W.E. Maxwell, "A Journey on Foot to the Patani Frontier in 1876" *JSBRAS*, no. 9, 1882, m.s. 36.

2. Dari segi bahasa, ia bermaksud semua daerah yang telah ditawan. Tetapi dalam perjanjian-perjanjian semasa, perkataan Inggeris yang sama artinya ialah "tanah jajahan".

3. Lihat Raja Chulan, *Misa Melayu*, K.L., 1962, m.s.: 22 Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, Singapura, 1965, m.s: 328, 329; Haji Muhammad Said b. Hj. Sulaiman (ed.) *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi*, Johor, 1956 (teks Jawi), m.s: 45, 53, 63.



4. Luas kawasan sebenar yang membentuk Hulu Perak sukar ditentukan kerana pada awal abad ke-19, sebahagian kawasannya telah lepas ke tangan Siam. Lihat CO 273/115, Weld kepada Kimberley, 3 Jun, 1882; 273/120, Weld kepada Derby, 17 April 1883; 273/122, Weld kepada Derby, 14 Sept. 1883; Raja Razman dli, *Hulu Perak Dalam Sejarah*, Ipoh 1963.
5. J. Anderson, *Political and Commercial Considerations relative to the Malay Peninsula & c.*, Prince of Wales Island, 1824, m.s. 191 (JMBRAS, jil. 33, bhg. 4, 1962).
6. Maxwell, "Journey on Foot to the Patani Frontier", m.s. 34; A.M. Skinner, *A Geography of the Malay Peninsula*, Singapura, 1884, m.s. 38.
7. Raja Ali Haji, op. cit m.s. 243, R.O. Winstedt R.J. Wilkinson, "A History of Perak", JMBRAS, jil. 12, Bhg. 1. 1934, m.s. 64, 168; J. Low, "Observation on Perak", JIAEA, jil. 4, 1850, m.s. 501n.; T.J. Newbold *Political & Statistical Account of the British Settlements & c.*, jil. II, London, 1839, m.s. 23; W.E. Maxwell, "The History of Perak from Native Sources", JSBRAS, no: 14, 1884; Wee Choon Siang, "Ngah Ibrahim in Larut 1858-1874", Thesis A.A.(Hons) Universiti Malaya, Singapura, 1952, Lam. IIA (iv); SSRG7, Temenggung Perak kepada Gob., 559 Mei 1872; C.D. Cowan (ed.), "Sir Frank Swettenham's Perak Journals", JMBRAS, jil. 24, bhg. 4, 1957, Lam. 3, m.s. 143.
8. SSR. jil. 57, Sultan of Perak to Penang, 27 Ogos 1816.
9. Anderson, m.s. 174-79.
10. Raja Chulan, m.s. 22.
11. Anderson, m.s. 190. Setelah ditawan oleh Selangor, sebahagian besar kawasan ini diduduki oleh orang Selangor.
12. Anon, "H.H. Sultan Abdul Samad, KCMG., at home" *Selangor Journal*, jil. 1, no. 1, 1892, m.s. 56; Raja Ali Haji, m.s. 215-17; Anderson, op. cit. m.s. 193-96.
13. Anderson, m.s. 190-202; J.R. Logan "A Voyage from Singapore to Pinang", JIAEA, jil. 4, 1850, Swettenham Papers, Perkara 72, Laporan Pen. Residen H.B.M. di Selangor, 1 Mac, 1875.
14. Untuk perbincangan yang berguna bagi tajuk ini, lihat, J.E. Nathan & R.O. Winstedt, "Johol, Inas, Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir dan Terachi, their history and constitution", DMS, siri ke-2, 4, 1941 (diulang cetak), m.s. 1-2; P.E. de Josselin de Jong, *Minangkabau and Negri Sembilan: Sociopolitical Structure in Indonesia*, Leiden, 1952, m.s. 148-50; Diane Lewis, "Inas: A Study of Local History", JMBRAS, jil. 33, bhg. 1, 1960.
15. T. Braddell, "Notes on Naning, with a Brief Notice of the Naning War", Lampiran "Extracts from a letter from Samuel Garling Esq., Resident councillor at Malacca to the Governor Communicating information previous to the Naning War", JIAEA, Siri baru, jil. 1, 1856, m.s. 222.
16. Lihat Isabella Bird, *The Golden Chersonese*, London, 1883, (diulang cetak K.L., 1967), m.s. 157.
17. Maklumat tentang geografi N. Sembilan sebahagian besarnya diperoleh daripada Skinner, op. cit. m.s. 42-49; Rev. P. Favre, "A Journey in the Minangkabau States of Malay Peninsula", JIAEA, jil. 3, 1849. Lihat juga Braddell, "Extracts from a letter from Samuel Garling & C". Newbold, *Political and Statistical Account etc.* jil. 11, m.s. 74-149.
18. Penerangan tentang Sungai Linggi dapat diperoleh dalam Newbold, jil.

11, m.s. 115-16; GPMP T. Braddell "Second Continuation of Report on the Proceedings of Government relating to the Native States in the Malayan Peninsula", 1874.

19. Lihat Braddell, "Extracts from a letter from Samuel Garling & Co."

20. Tajuk ini akan dibincangkan kemudian.

21. Untuk butir-butirnya lihat W.E. Maxwell, "The History of Perak from Native Sources", JSBRAS, no. 9, 1882, m.s. 85-108; "Notes on Two Perak Manuscripts" JSBRAS, no. 1, 1878, m.s. 183-93.

22. Abdul Samad Ahmad (ed.) *Pesaka Selangor*, Kuala Lumpur, 1966, m.s. xv.

23. Raja Ali Haji, m.s. 18, 54. Kelima-lima adik-beradik yang dianggap sebagai pengasas keluarga diraja Bugis di semenanjung adalah Upu Daing Perani, Upu Daing Menambon, Upu Daing Mariwah, Upu Daing Celak, Upu Daing Kumasi. Kesemuanya putera Upu Tandari Burung Daring Rilak yang dilantik oleh Belanda menjadi raja orang Bugis di Betawi dan Jawa.

24. Ahli-ahli sejarah tidak bersependapat tentang raja Perak yang manakah menjalankan istiadat itu. Ada dakwaan bahawa yang menjalankan upacara itu ialah Sultan Mahmud, iaitu pengganti Iskandar Inayat Shah yang dekat. (Raja Chulan m.s. 186-87; Maxwell, "The History of Perak from Native Sources" (1884), m.s. 308. Dalam sumber Maxwell raja yang sama disebut sebagai Sultan Muhammadin.) Di tempat-tempat lain pula dikatakan bahawa raja yang berkaitan ialah Sultan Muhammad (Raja Bisnu) yang memerintah sebelum Sultan Iskandar. (W.E. Maxwell, "The Ruling Family of Selangor", JSBRAS, no. 22, 1890, m.s. 322; R.O. Winstedt, "The Origin of Kesultanan Selangor", JMBRAS, jil. 12, m.s. 13, bhg. 3, 1934, m.s. 114.) Sebelum ini telah dikatakan bahawa kira-kira pada masa inilah Daing Celak menyerang Perak dan campur tangan dalam politiknya. (Lihat juga Raja Ali Haji, m.s. 95-96.) Dan dengan bantuan Bugislah Sultan Muhammad menjadi raja. Berkemungkinan bahawa *Misa Melayu* yang ditulis pada abad ke-18 telah tersilap.

25. Mohor raja dan gendang (tergolong dalam kelengkapan diraja).

26. Raja Chulan, m.s. 187.

27. Abdul Samad Idris (ed.), *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*, Kuala Lumpur, 1968, m.s. 180-81.

28. Newbold, *Political and Statistical Account etc.*, jil. II, m.s. 151-52.

29. Samad Idris, m.s. 181-83; Abdul Rahman bin Hj. Mohammad, *Dongeng-dongeng Negeri Sembilan*, Kuala Lumpur, 1964, m.s. 59-70.

30. Lihat J.M. Gullick, *Indigenous Political Systems of Western Malaya*, London, 1958, m.s. 65; F.A. Swettenham, *Footprints in Malaya*, London, 1942 m.s. 48.

31. Sebagai contoh memang kena pada tempatnya kalau disebutkan kes Sultan Ibrahim Selangor (m. 1826) yang mempunyai enam puluh orang putera. (Anderson, op. cit., m.s. 193): Ini bukannya satu perkara luar biasa.

32. Buapak dipilih dengan persetujuan anak buah, lembaga dengan persetujuan buapak, penghulu dengan persetujuan lembaga, dan raja dengan persetujuan penghulu. Patutlah ditegaskan bahawa dalam hubungan ini penghulu adalah ketua luak, bukannya ketua kampung dan perkataan "Datuk" biasanya digunakan sebagai gelaran.

33. Abdul Rahman Mohammad, m.s. 28.

34. Ibid. m.s. 30.

35. Apabila diterjemahkan secara kasar ia bermakna, negeri diketuai oleh raja, luak oleh penghulu, suku oleh lembaga dan anak buah oleh buapak. Jumlah bilangan penghulu, lembaga dan buapak susah untuk ditentukan kerana ia berubah dari semasa ke semasa.

36. Braddell, "Extracts from a letter from Samuel Garling & c." m.s. 221; P.J. Begnie, *The Malayan Peninsula Embracing its History, Manners and Customs of the Inhabitants, Politics, Natural History, & c. from its Earliest Records*, Madras, 1834, (diulang cetak Kuala Lumpur, 1967) m.s. 50.

37. D.F.A. Hervey, "Rembau" *JSBRAS*, no. 13, 1884, m.s. 248.

38. Braddell, "Extracts from a letter from Samuel Garling & c." m.s. 221.

39. Begbie, m.s. 136.

40. Ibid, m.s. 135, 136.

41. Newbold, *Political & Statistical Account etc.*, jil. II m.s. 81.

42. Perbincangan di sini umumnya dibataskan kepada keadaan pada abad ke-19.

43. Raja Chulan, *passim*.

44. Gelaran ini mula-mula dianugerahkan kepada seorang ahli keluarga diraja semasa zaman pemerintahan Sultan Dzulkarnain (c. 1756-70). (Ibid. m.s. 92-93.)

45. Ibid, m.s. 26, 93, 98, 106-07, 132, SSR, G7, Temenggung to Gov., SS, 9 Mei 1872.

46. Tidak diketahui dengan jelas gelaran-gelaran yang sebenarnya dianugerahkan kepada orang besar enam belas dan orang besar tiga puluh dua. Senarai gelaran ini terdapat dalam Winstedt & Wilkinson, m.s. 134-58. Tetapi oleh kerana senarai ini mengikut susunan yang ditetapkan untuk orang besar-besar oleh Dewan Negara Perak dalam tahun 1905 dan pindaan diketahui pernah dibuat maka nilainya terhad. Untuk senarai beberapa gelaran lain, lihat juga Aminuddin Baki, "The Institution of Debt Slavery in Perak" *Peninjauan Sejarah*, jil. 1, no. 1. 1966, m.s. II.

47. Raja Ali Haji, m.s. 193, 195.

48. SSR, F7, Tunku Puan of Selangor to Gov. SS, 15 Jun 1867.

49. Ibid; CO 273/48, Anson to Kimberley, 29 Julai 1871, Encl. Laporan Irving tentang Selangor, Julai 1871.

50. CO 273/109, Weld to Kimberley, 13 Ogos 1881.

51. Lihat Abdul Samad Ahmad, m.s. 74.

52. Emily Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895*, Kuala Lumpur, 1968, m.s. 14 n. 1; R.O. Winstedt, "A History of Selangor", *JMBRAS*, jil. 12, bgh. 3, 1934, m.s. 112-13.

53. Abdul Samad Ahmad, m.s. 74-75.

54. Ibid. m.s. 76-77.

55. Orang atau Datuk Kaya Kecil ialah versi lain bagi Orang atau Datuk Kaya Klang.

56. Newbold, jil. II, m.s. 29-30.

57. Anon, "History of Selangor", *Selangor Journal*, jil. 1, no. 5, 1892 m.s. 70.

58. *GPMP*, T. Braddell, "Report of Proceedings of Government relating to Native States in the Malayan Peninsula, 18 Feb. 1874".

59. *Ibid.*

60. Untuk perbincangan yang lebih terperinci tentang sistem sosiopolitik Sungai Ujong lihat R.N. Bland, "Aturan Sungai Ujong", *JSBRAS*, no. 28, 1895; R.J. Wilkinson, "Sungei Ujong", *JSBRAS*, No. 83, 1921; J.M. Gullick, "Sungai Ujong", *JMBRAS*, jil. 22, bhg. 2, 1949, Abdul Samad Idris (ed.), m.s. 50-91.

61. Newbold, *Political and Statistical Account etc.* jil. II m.s. 122.

62. *Loc. cit.*

63. Newbold, "Johole and its Former Dependencies of Jompole, Gominchi" dalam J.M. Moor (ed.) *Notices of the Indian Archipelago and the adjacent countries*, Singapura, 1837, m.s. 67-71; Samad Idris, m.s. 128-43.

64. Samad Idris, m.s. 92-107.

65. Pengganti Datuk Penghulu di Negeri Sembilan bukanlah anaknya melainkan anak saudaranya (anak lelaki adik perempuan). Ini sesuai dengan adat perpatih.

66. Untuk huraian tentang pemilihan Sultan Ismail dalam tahun 1871, lihat *SSR G7*, Temenggang to Gov., SS, 9 Mei 1872. Lihat juga m.s. 159-61.

67. Maxwell, "History of Perak from Native Sources" (1882), m.s. 103.

68. Lihat Raja Chulan, m.s. 22-23.

69. Tajuk ini akan dibincangkan secara mendalam kemudian.

70. Sistem ini diterangkan dengan jelas oleh Gullick, m.s. 55-57.

71. Raja Chulan, m.s. 26.

72. *Ibid.*, m.s. 54.

73. Lihat Maxwell, "The History of Perak from Native Sources" (1882), m.s. 103-106

74. *SSR*, jil. 57, Perak to Penang, 27 Ogos, 1816.

75. Inilah pokok yang ditulis oleh Muhammad Ibrahim Munshi pada tahun 1872 berhubung dengan pemerintahan Perak. Kata-katanya yang sebenarnya ialah: "Adapun orang besar-besar yang tersebut itu (terutama mereka dari darjat pertama dan kedua) semuanya adalah anak-anak buah masing-masing dengan hukumnya dan masing-masing menaklukkan anak-anak buahnya sendiri tiadalah boleh bercampur perintah satu dengan lain melainkan masing-masing dengan anak buahnya tetapi semua orang besar-besar itu terhimpun kepada raja belaka bukanlah seperti aturan dan istiadat Inggeris masing-masing orang besar dengan pengikutnya dan tiap-tiap pangkat yang besar itu boleh memerintah orang yang pangkat terkecil daripadanya demikianlah hingga beberapa pangkat dan pemegangnya. Maka sekarang dalam negeri Perak itu dari sebab yang tersebut itulah masing-masing orang besar itu boleh membuat apa-apa sukanya atas anak-anak buah masing-masing dengan sekehendak hatinya kerana pada ketika aku ke sana itu dapat tahu hal orang besar-besar itu telah berselisih belaka ada yang telah menyebelah kepada Raja Bendahara dan ada yang di sebelah Raja Muda Abdullah. Maka itulah bunga peperangan dalam tiap-tiap negeri yang diperintah oleh Melayu yang belum mengubah adat itu. (Haji Muhammad Said (ed.) *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim*, m.s. 74-75.)

76. CO 273/48, Anderson to Kimberley, 14 Julai 1871; Encl. Memorandum E. Irving berkenaan dengan kekacauan di daerah Selangor (t.a.t.).

77. Raja Melewar diketahui berkahwin dengan Che Sani, anak Penghulu Na'am dan mendapat seorang anak perempuan bernama Tengku Aishah. Tidak ada lagi yang diketahui tentang keturunannya. Dari zaman pemerintahan Raja Adil, iaitu pengganti Raja Melewar, baharu muncul suatu kelas *anak Raja* yang khusus di Negeri Sembilan. Raja Adil mula-mula mengahwini anak sulung Penghulu Jelebu kemudian anak perempuan Encik Tampin, kedua-duanya berasal daripada suku Tiga Batu. Dengan isteri pertamanya baginda mendapat dua orang putera, Raja Singkul dan Raja Sabun yang juga dikenali sebagai Tengku Ahmad Shah. Dengan isteri kedua, baginda mendapat seorang puteri, iaitu Raja Sulung, dan dua orang putera, iaitu Raja Asil dan Raja Kadim.

Keterangan yang diberikan di sini diperoleh dari Braddell (GPMP, "Second Continuation of Report & c." op. cit.) dan Hervey (CO 273/119, Weld to Derby, 23 Feb., 1883, Encl. Hervey to Col. Sec., 25 Jun 1883. Lam. "History of Rembau as one of the "Negeri Sembilan". Braddell dalam lawatannya ke Negeri Sembilan dalam tahun 1874, dia telah menemuduga seorang orang besar Rembau yang dikatakannya sebagai "orang yang bijak" dan Hervey, semasa melakukan lawatan ke Rembau pada tahun 1883, menemuduga beberapa orang yang lain, di antaranya ialah Maharaja Menteri, iaitu Penghulu Tampin Tengah. Patut diterangkan bahawa salasilah yang diberikan di sini berbeza dengan yang diterbitkan. Untuk keterangan lanjut lihat m.s. 43.

78. CO 273/119, Weld to Derby, 23 Feb. 1883 dengan Lampiran; Newbold *Political and Statistical Account & c.*, jil. II m.s. 119-20.

## Awal Abad ke-19: Satu Tinjauan

Dalam banyak perkara, bahagian awal abad ke-19 merupakan tahap perubahan yang penting dalam sejarah negeri-negeri Melayu pantai barat. Ia merupakan permulaan suatu proses perubahan yang bakal memperlihatkan sistem ekonomi dan pentadbiran mengikut corak yang terdapat di dunia Barat. Namun begitu, zaman ini juga merupakan zaman kegelisahan politik yang menyedihkan. Dalam beberapa hal, pergolakan terus-menerus menjadi ciri dalam aliran politik tempatan dan dalam hal-hal yang lain pula, ancaman dari luar menimbulkan kebimbangan dan keraguan. Barangkali, Peraklah yang menghadapi ujian paling hebat tetapi Negeri Sembilan juga menghadapi masalah besar kerana kegiatan perlombongan yang lebih pesat. Ini terbukti merupakan faktor yang menimbulkan kegelisahan dalam politik tempatan.

### *Perak*


Sepanjang bahagian pertama abad ke-19, negeri ini menjadi huru-hara kerana perselisihan dalam negeri. Apabila Sultan Ahmaddin<sup>1</sup> mangkat dalam tahun 1806 di Chegar Galah, mayat baginda dibawa ke Sayong dan terbiar di situ selama tiga bulan kerana Bendahara Raja Mahmud, putera Sultan Muhammadin, enggan menghadiri upacara pengebumiannya. Akhirnya putera Sultan Ahmaddin sendiri, iaitu Raja Abdul Malek dilantik sebagai pengganti Sultan tetapi baginda tidak mendapat pengakuan daripada Raja Mahmud. Sementara Sultan Abdul Malek Mansor Shah memerintah dari Pasir Garam, Bendahara pula berkuasa di Hulu Perak. Tetapi Raja Muhammad tidak

# I. GENEALOGI NEGERI PERAK

(Dari Sultan Ahmaddin hingga Sultan Abdullah)

Sultan Ahmaddin  
(1796-1806)

k



hidup lama. Setelah kemangkatan baginda, gelaran Raja Bendahara dianugerahkan kepada puteranya, iaitu Raja Ngah Laut. Perkara ini mungkin disengajakan kerana Bendahara yang baru itu telah berkahwin dengan Raja Aminah, puteri Sultan Malek Mansor Shah.<sup>2</sup>

Masalah Sultan yang baru ini belumlah selesai kerana pada tahun-tahun yang berikutnya baginda sendiri menghadapi tentangan daripada Laksamana dan Raja Radin.<sup>3</sup> Dalam tahun 1818, negerinya diserang oleh Kedah dan baginda mangkat dalam tahun yang sama. Tempatnya digantikan oleh puteranya, iaitu Raja Abdullah.<sup>4</sup> Raja Abdullah bernasib baik kerana semasa pemerintahannya kekuasaan Siam dan Selangor ke atas Perak dapat disingkirkan.

Tetapi Sultan Abdullah Muazzam Shah mendapat tentangan dari dalam negerinya sendiri. Salah seorang yang kuat menentangnya ialah Raja Radin yang menyandang gelaran Bendahara. Bagaimanapun, Raja Radin kemudiannya mangkat dan gelaran Bendahara jatuh kepada Raja Kecil Muda, iaitu Raja Chulan, sepupu Sultan Abdullah. Perubahan politik selanjutnya masih berlaku sepanjang tahun 1820-an yang penuh bersejarah ini. Akibat campur tangan British, Raja Muda Ngah Laut dinaikkan ke taraf Yang Dipertuan Muda dan Raja Chulan dijadikan Raja Muda tetapi jawatan Bendahara masih dibiarkan kosong. Sementara itu Raja Ngah Jaafar, iaitu anak saudara Sultan Abdullah, diberi gelar Raja Di Hilir setelah mengahwini seorang puteri Yang Dipertuan Muda. Gelaran Bendahara akhirnya diserahkan kepada Raja Abdullah, iaitu Raja Kecil Muda, sepupu kepada Sultan dan Yang Dipertuan Muda.<sup>5</sup> Dalam tempoh inilah negeri Perak dikatakan memulakan suatu sistem baru penggantian takhta yang digilirkan di antara anggota tiga keluarga.<sup>6</sup> Jika sistem ini bertujuan mengadakan suatu peraturan yang lebih adil bagi pengganti Yang Dipertuan, maka ia bolehlah dianggap berjaya sehingga tahun 1871. Walau bagaimanapun, cara ini tidak dapat menolong meredakan suasana dalam negeri.

Dalam tahun 1828, Raja Muda Chulan menentang perintah Sultan Abdullah dengan memajak hasil candu, perjudian dan arak kepada orang-orang Cina Amoy walaupun pajakan itu telah diberikan kepada orang lain. Kekerasan terpaksa digunakan untuk mengusir orang-orang Cina Amoy ini. Apabila Raja Chulan menaiki takhta dalam tahun 1831 dengan gelaran Sultan Shahabudin, anggota-anggota utama keluarga diraja Perak sekali lagi berpecah menjadi dua golongan. Satu golongan ber-



pihak kepada Sultan dan Raja Muda (Raja Abdullah) sementara Bendahara yang baru dengan Raja Ngah Jaafar di pihak yang lain. Perpecahan ini berlaku terus-menerus kerana Raja Abdullah dan Raja Ngah Jaafar adalah musuh ketat. Sementara itu, dalam tahun 1848, Sultan Shahabudin terpaksa menentang Laksamana yang enggan mengirinkan hasil cukai bijih timah yang dieksport melalui Sungai Perak.<sup>7</sup>

Peristiwa-peristiwa luar turut juga menghuru-harakan keadaan di Perak. Dalam tahun 1805, Selangor menyerang Perak kerana Yang Dipertuan Johor yang anti-Bugis mengaku taat setia kepada Sultan Mahmud<sup>8</sup>. Walau bagaimanapun, beberapa tahun kemudian persahabatan dipulihkan semula. Namun Perak terus merasakan pengaruh jirannya itu. Misalnya, Raja Hassan, seorang keturunan Bugis dari Selangor telah menetap di Perak dan menjadi pemerintah di Dinding. Dia membuka lombong bijih di Pulau Talang walaupun pada asalnya dia ditugaskan oleh bapa saudaranya Sultan Ibrahim hanya untuk memungut ufti dari Perak.<sup>9</sup>

Perak cuba menentang kuasa Selangor dengan sedaya upaya tetapi dalam tahun 1818, ia telah ditawan pula oleh Kedah dan diletakkan di bawah pemerintahan Siam.<sup>10</sup> Oleh itu Perak terpaksa meminta bantuan daripada Selangor. Menjelang tahun 1822, Selangor berjaya menolong Perak mengusir orang-orang Siam dan suatu perjanjian di antara kedua-dua buah negeri tersebut telah ditandatangani pada 11 Julai 1823. Menurut perjanjian itu, Selangor akan mendapat sebahagian besar daripada pendapatan negeri Perak dan itulah sebabnya Raja Hassan ditempatkan di sana. Raja Hassan sebenarnya diiringi oleh Raja Muhammad, putera Sultan Selangor. Tetapi Perak terus menjadi rebutan Selangor-Siam dengan pihak ketiga, iaitu British. Akhirnya British memainkan peranan yang positif bagi mempertahankan keutuhan Perak. Walau bagaimanapun, di antara tahun-tahun 1830-an dan awal 1840-an perasaan bimbang kalau-kalau Selangor akan menghidupkan semua polisi agresifnya timbul semula.<sup>11</sup>

Namun demikian, kekacauan yang timbul kemudian bukanlah datang dari selatan, tetapi dari utara setelah hubungan dengan negeri Kedah menjadi tegang. Dalam tahun 1842, peperangan sudah tidak dapat dielakkan lagi. Punca perbalahan itu ialah daerah Krian. Setiap pihak mendakwa daerah berkenaan adalah kepunyaannya. Dengan itu Perak terpaksa meminta bantuan daripada Pulau Pinang.<sup>12</sup>

Peperangan tersebut melumpuhkan ekonomi negeri Perak.

Di antara tahun-tahun 1826 dan 1831, Perak telah memohon pelbagai bantuan ekonomi daripada Pulau Pinang. Pada 20 Oktober 1826, Sultan Abdullah menghantar Bendahara, iaitu Orang Kaya Besar, Laksamana dan Sri Dewa Raja ke Pulau Pinang untuk meminjam \$10,000 dan membeli 400 pucuk senapang dengan peluru, secara berhutang. Pada tahun berikutnya, baginda diberi 200 pucuk senapang yang berharga \$3,500, dua peti ubat bedil, 500 bungkus peluru meriam dan 1000 biji batu api untuk senapang. Dalam tahun 1829, Perak masih memerlukan bantuan dan Sultan Abdullah meminta Residen Kaunselor Pulau Pinang supaya memujuk kapal-kapal Cina datang ke Perak tiap-tiap tahun untuk membeli gajah. Jualan gajah boleh meringankan sedikit beban rakyat jelata. Dalam tahun 1831, Laksamana telah dihantar ke Pulau Pinang untuk melaporkan tentang tanaman padi yang tidak menjadi. Dia juga dihantar untuk membeli sepuluh pucuk senapang berserta pelurunya, peluru meriam, dan berhutang sedikit wang serta empat lima koyan beras.<sup>13</sup>

Satu laporan semasa<sup>14</sup> memberikan keterangan selanjutnya tentang keadaan ekonomi di Perak pada tahun-tahun 1820-an. Laporan itu menyatakan, "... akibat polisi yang buruk dan menindas serta pencerobohan Siam, maka tanam-tanaman dan penduduk di negeri ini telah berkurangan". Malah keperluan sehari-hari sukar diperoleh. Misalnya, lembu ternakan telah dibunuh oleh orang-orang Siam dan yang tinggal hanyalah beberapa ekor kambing, kerbau dan ayam titik. Tempat-tempat seperti Kuala Bidor dan Kampar yang dahulunya mempunyai beberapa ratus orang penduduk yang berkerja di lombong-lombong bijih timah hampir tidak berorang lagi. Dan di sepanjang Kuala Perak "tebingnya ditumbuhi hutan tebal dan kerana tanahnya berpaya, maka tidak dihuni lagi, sungguhpun pada masa makmur dahulu sebahagian daripada tanahnya ditanam dengan padi". Terdapat beberapa orang di Negeri-negeri Selat yang berpendapat bahawa sekiranya keadaan politik Perak stabil, bidang pertanian dapat dimajukan. Mungkin beras boleh dihasilkan begitu banyak sehingga Perak akan "menjadi kepuk padi yang sangat berharga bagi Singapura dan Negeri-negeri Selat yang lainnya". Iklimnya juga sesuai untuk penanaman tebu, nila dan tumbuh-tumbuhan tropika yang lain. Sesungguhnya, "kopi telah ditanam dengan jayanya dan tebu dapat tumbuh dengan subur. Apa yang perlu dilakukan hanya mencangkul sedikit tanah dan mencacakkan keratan-keratan benih".

Meskipun ekonominya tidak maju, Perak masih terkenal sebagai pengeksport rotan, lilin, kayu balak (untuk pembinaan kapal), gading, tanduk badak sumbu dan kayu cendana. Emas tidak banyak didapati tetapi "dengan sedikit modal, mungkin lombongnya dapat mengeluarkan lebih banyak hasil". Biji timah merupakan bahan eksport yang terpenting, tetapi pengeluarannya telah merosot. Menurut satu anggaran yang dibuat pada awal abad ke-19, pengeluaran biji timah tidak melebihi 9,000 pikul setiap tahun.<sup>15</sup> Dalam tahun 1826, 6,000 pikul setahun merupakan jumlah yang diperoleh "semasa aman".<sup>16</sup>

Lombong-lombong utama di Hilir Perak terletak di Bidor, Batang Padang, Chenderiang, Kampar dan Kinta. Di Hulu Perak pula, lombong-lombongnya terletak di Sayong, Budara dan Bakau. Kebanyakan pelombong terdiri daripada orang tempatan yang bekerja sepanjang tahun, biasanya dari pukul 5 pagi hingga 10 pagi dan dari pukul 3 petang hingga 6 petang. Bagaimanapun, bidang pertanian masih lagi menjadi tumpuan utama. Hanya setelah menuai, barulah mereka menumpukan lebih banyak waktu kepada perlombongan. Seperti juga dalam kerja-kerja pertanian, lelaki dan perempuan dari pelbagai peringkat umur turut serta mengumpulkan biji timah.<sup>17</sup>

Orang Cina masih belum memainkan peranan yang besar dalam industri biji timah sungguhpun mereka diketahui mengerjakan lombong di Perak sejak abad ke-18 lagi. Pelombong-pelombong awal ini suka berpindah apabila keadaan ternyata tidak sesuai atau ditawarkan ganjaran yang lebih di tempat-tempat lain. Oleh itu, (barangkali dalam separuh kedua abad ke-18) apabila Sultan Perak mengenakan cukai biji timah yang tinggi ke atas orang-orang Cina, mereka pun segera meninggalkan negeri itu. Selama beberapa tahun berikutnya, pengeluaran biji timah merosot hampir 2,000 pikul setahun.<sup>18</sup> Tetapi menjelang dekad kedua abad ke-19, terdapat lebih dari 400 orang Cina di Perak yang "bekerja di lombong-lombong biji timah dan sebagai pedagang".<sup>19</sup> Mereka lebih menceburkan diri dalam bidang perniagaan dari perlombongan. Misalnya di Chenderiang, biji timah yang dihasilkan oleh penduduk setempat dibeli dan dilebur oleh orang Cina. Mereka juga dikatakan "menjalankan kebanyakan perniagaan di negeri tersebut di samping memajak candu dan arak dari Raja. Hampir semua perusahaan yang menguntungkan terletak di tangan mereka". Kebanyakan orang Cina tertumpu di Kampung Bandar (kira-kira 75 km dari muara sungai) dan dari jumlah kira-

kira 200 buah rumah, hampir 50 buah diduduki oleh orang Cina.<sup>20</sup>


Menjelang tahun 1830-an, seorang Kapitan Cina telah dilantik di Perak, iaitu seorang Teochew bernama Tan Ah Hun. Sungguhpun dilahirkan di Perak, pengaruhnya tidaklah terhad di negeri itu sahaja kerana dia juga menjadi pengutip cukai bagi Singapura dan Johor.<sup>21</sup> Perlantikan Kapitan Cina itu bolehlah dijadikan bukti bahawa penduduk Cina di Perak semakin bertambah ramai. Pada peringkat ini, terdapat tanda-tanda bahawa industri bijih timah di Perak semakin beransur pulih. Pada tahun-tahun 1830-an, secara purata Perak mengeluarkan 7,500 pikul bijih timah setahun. Ini merupakan jumlah paling banyak pernah dikeluarkan oleh sebarang negeri di semenanjung.<sup>22</sup> Tetapi titik perubahan yang utama dalam sejarah perlombongan bijih timah di Perak masih belum berlalu.

### Selangor

Pada awal dekad abad ke-19, Selangor merupakan negeri yang kuat dan agresif. Rajanya, Sultan Ibrahim, yang memulakan zaman pemerintahan baginda, "lama sebelum Pulau Pinang diambil" oleh Inggeris,<sup>23</sup> merupakan tokoh yang bertenaga. Baginda telah membantu percubaan Bugis menawan Melaka pada tahun 1784. Akibatnya, baginda telah kehilangan Selangor dan terpaksa pula mencari tempat perlindungan di Pahang kerana serang balas Belanda. Dalam tempoh setahun selepas itu, baginda berjaya mengambil Selangor semula dengan bantuan Pahang. Bagaimanapun, kehadiran Belanda di Melaka sentiasa merupakan ancaman kepada kedudukan baginda. Oleh yang demikian, pada satu ketika Sultan Ibrahim bersedia membenarkan Inggeris mendirikan sebuah petempatan di Selangor sebagai pertahanan terhadap kemungkinan pencerobohan Belanda. Oleh itu, pendudukan Inggeris di Melaka dalam tahun 1795 merupakan satu kelegaan besar dan membolehkan baginda campur tangan dalam hal-ehwal luar negeri. Dalam tahun 1880, baginda pergi ke Lingga dan tinggal di sana selama dua tahun untuk mencuba menyelesaikan pertelingkahan di antara orang Bugis dengan orang Melayu. Selepas inilah baginda mengambil sikap agresif terhadap Perak.<sup>24</sup>

Dalam kempennya menentang Perak dalam tahun 1804, Sultan Ibrahim disertai oleh pupu-pupunya, Raja Jaafar, Raja Idris dan Raja Ahmad dari keluarga diraja Bugis-Riau beserta putera-puteranya, Raja Muhammad, Raja Ismail dan Raja

2. GENEALOGI SELANGOR  
(untuk menunjukkan hubungan kerabat diraja yang memerintah Johor dan Selangor)



Abdullah dan anak saudaranya, Raja Hassan. Sesuai dengan sifat agresifnya, dalam tahun 1806 baginda memberitahu pihak Inggeris bahawa, "orang Pulau Pinang janganlah pergi ke Perak sekarang ini, kerana Perak, dari Sungai Kurau hingga ke Berting Bras Basoh adalah negeri beta. Negeri ini telah beta ambil dengan kuasa ubat bedil dan meriam".<sup>25</sup>

Meskipun telah berkuasa di Perak, tetapi di penghujung dekad kedua abad ke-19, Selangor mula merasa cemas apabila terdengar berita yang Belanda akan datang lagi menyerang Melaka. Dalam bulan Jun 1819, Sultan Ibrahim menulis surat kepada Inggeris, "orang Belanda menindas beta kerana ingin memaksa beta membaharui perjanjian tahun 1790".<sup>26</sup> Tetapi pengaruh Inggeris yang semakin meluas di Selat Melaka pada peringkat ini menjadi penghalang yang berkesan kepada Belanda, hingga membolehkan Selangor bebas meneruskan kuasanya di Perak.

Dalam tahun 1824, Selangor menawan 40 buah perahu Siam yang membawa 25 bahara bijih timah dari Perak. Perak pula mulai naik radang kerana tuntutan Selangor yang tidak henti-henti dan bersedia meminta bantuan Siam. Oleh itu, Siam bersiap sedia untuk menyerang dan menawan Selangor tetapi Sultan Ibrahim tidak gentar dengan kekuatan Siam dan membuat persiapan untuk menangkis serangan tersebut. Sebagaimana yang telah diketahui umum, serangan Siam itu tidak pernah dilancarkan kerana campur tangan Inggeris. Dalam masa yang sama, Selangor dipaksa melepaskan Perak daripada genggamannya.<sup>27</sup>

Kemangkatan Sultan Ibrahim dalam tahun 1826 memberi kesan nyata terhadap dasar luar negeri Selangor. Sungguhpun sebelum ini ada tekanan dari Inggeris namun Sultan Ibrahim masih juga membuat tuntutan kewangan ke atas Perak. Pengganti baginda, iaitu Sultan Muhammad, sebaliknya bersedia menerima tuntutan balas dari Perak yang mengakibatkan Selangor terhutang sebanyak \$345.<sup>28</sup> Seorang pegawai Inggeris pada masa itu dengan angkuh mengatakan bahawa Sultan Muhammad adalah seorang "pemalas dan bernafsu kuat".<sup>29</sup>

Sungguhpun kenyataan ini satu kutukan liar dari pena pegawai-pegawai kolonial Inggeris, yang pasti politik Selangor pada ketika itu sebenarnya telah berubah. Selangor tidak lagi menumpukan perhatiannya kepada hal-hal luar negeri. Sementara masalah dalam negeri yang semakin bertambah telah melemahkan negeri itu. Kira-kira setengah abad telah berlalu sejak kerajaan Selangor didirikan dan jumlah anak raja sebagai

satu kelas telah semakin bertambah. Amalan poligami raja-rajanya membuatkan kemasukan ahli ke dalam kelas ini berlaku pada kadar yang tinggi. Oleh kerana perkaitan yang rapat di antara keluarga yang memerintah di Selangor dengan keluarga diraja Bugis-Riau, maka banyaklah pula anak raja Riau yang menetap di Selangor. Kuasa kelas ini yang semakin bertambah mula dirasakan semasa pemerintahan Sultan Muhammad. Oleh kerana kelemahan pentadbiran Sultan Muhammad, maka penyalahgunaan kuasa tambah berleluasa. Antara mereka yang menyalahgunakan kuasa ini ialah putera-puteranya sendiri, yang bertanggungjawab memeras rakyat. Perbuatan ini menyebabkan jumlah penduduk semakin berkurangan. Misalnya, dalam bulan Ogos 1833, sebilangan penduduk telah lari beramai-ramai dari sebuah kampung bernama Tempuri ke daerah Melaka. Hampir separuh daripada penduduk kampung Sungai Raya juga meninggalkan negeri itu untuk mengelakkan diri dari pemerasan yang dibuat oleh Raja Osman, putera Sultan Muhammad.

Sepanjang zaman kegemilangan pemerintahan Sultan Muhammad, tidak ada Raja Muda yang dilantik. Maka timbullah ramalan bahawa satu perebutan kuasa akan terjadi apabila baginda mangkat kelak. Raja Sulaiman, Raja Osman dan Raja Yusuf dikatakan bakal pengganti Sultan dan di antara ketigatiganya, Raja Sulaimanlah calon yang lebih disukai.<sup>30</sup> Peristiwa-peristiwa yang terjadi kemudiannya menunjukkan bahawa kebimbangan ini tidak berasas tetapi pemerintahan yang lemah menyebabkan kuasa politik berpecah secara meluas. Oleh yang demikian, menjelang akhir bahagian kedua zaman pemerintahan Sultan Muhammad, beberapa orang anggota keluarga diraja telah mempunyai pengaruh yang luas dan mereka berjaya menuntut kekuasaan yang lebih besar terhadap daerah-daerah utama di dalam negeri.

Ketika itu ekonomi Selangor menghadapi keadaan turun naik. Hal ini tidaklah memeranjatkan kerana sebahagian besar penduduknya adalah orang Bugis, iaitu pedagang peribumi yang sangat berjaya di Kepulauan Melayu. Sebenarnya, dalam pertengahan abad ke-19, Selangor dianggap sebagai pengancam utama terhadap Melaka. Ini disebabkan Selangor merupakan satu-satunya tempat di mana bijih timah dari daerah-daerah berdekatan, iaitu Sungai Ujong, Seri Menanti, Penajis dan Linggi, dapat dibeli oleh pedagang-pedagang asing yang datang ke situ. Sebaliknya, Perak hanya mempunyai sedikit hubungan dengan pedagang-pedagang asing.<sup>31</sup>

Selangor menghasilkan bijih timahnya sendiri dan pengeluaran tahunannya berjumlah kira-kira 4,000 pikul, orang Cina telah pun memainkan peranan utama dalam industri ini. Tetapi peperangan dengan Belanda dalam tahun-tahun 1780-an menimbulkan kesan yang sangat buruk terhadap perdagangan bijih timah kerana ramai pelombong Cina telah meninggalkan Selangor. Apabila keadaan aman semula, Selangor terpaksa menyalurkan bijih timahnya melalui pelabuhan Melaka tetapi oleh kerana Belanda enggan membayar harga yang baik untuk galian itu, maka orang-orang Cina hilang minat untuk bekerja di lombong-lombong bijih timah di Selangor. Dalam tahun 1788, menurut huraian Francis Light tentang Selangor, "sungai dapat dimudiki oleh kapal untuk mengangkut bijih timah yang diambil oleh Belanda dan kemudian oleh Sultan yang kini terhad untuk berdagang dengan Melaka, tetapi terlalu miskin dan hampir tidak berorang".<sup>32</sup> Dalam tahun 1790, hanya 189 pikul bijih timah yang dihantar ke Melaka.<sup>33</sup>

Dengan ketiadaan Belanda, ekonomi Selangor pulih semula buat sementara waktu di antara tahun-tahun 1795 dan 1818. Dalam tahun 1805, setelah Perak ditawan oleh Selangor, Raja Jaafar bersama saudara-saudaranya, iaitu Raja Idris dan Raja Ahmad telah diberikan anugerah oleh Sultan Ibrahim kerana turut serta dalam peperangan tersebut. Mereka dianugerahkan daerah Klang sehingga ("akan jadi pemakanannya adik-beradik").<sup>34</sup> Raja Jaafar dan saudara-saudaranya berjaya memajukan perdagangan bijih timah di antara Klang dengan Melaka. Raja Jaafar tidak tinggal lama di Klang kerana dipanggil pulang ke Riau untuk memegang jawatan Yamtuan Muda, berikutan kemangkatan Raja Ali. (Raja Jaafar adalah putera Raja Haji.)<sup>35</sup> Sejauh mana ketiadaan Raja Jaafar mengganggu perkembangan industri bijih timah di Klang tidak dapat diketahui tetapi kemudiannya Lukut muncul sebagai pusat perlombongan yang maju.

Lukut mula-mula dibuka oleh Raja Busu, iaitu seorang anggota keluarga diraja Selangor. Kebanyakan pengikutnya datang dari Sungai Selangor dan Kedah. Menjelang tahun 1815, pelombong-pelombong Cina diketahui telah menjalankan kerja-kerja melombong di situ. Dalam tahun 1815 juga, daripada jumlah penduduk Lukut yang seramai 1000 orang itu, kira-kira 200 orang daripadanya adalah orang Cina di mana kemudian seorang Kapitan Cina telah dilantik oleh Sultan Ibrahim.<sup>36</sup> Raja Busu sendiri tidak mengerjakan lombong, tetapi mengenakan cukai sebanyak 10 peratus ke atas bijih timah yang dieksport dari



Lukut. Apabila industri ini semakin maju, Raja Busu menaikkan cukainya dari semasa ke semasa dan tindakan ini menyebabkan kemarahan para pelombong Cina. Suatu malam dalam bulan September 1834, mereka datang menemui Raja Busu di rumahnya untuk mencuba menyelesaikan masalah cukai bijih timah itu. Mereka mendapati bijih timah bertimbun di kawasan rumah Raja Busu. Perasaan iri hati menguasai diri mereka dan terjadilah pertengkaran hebat. Mereka menyuruh Raja Busu turun, jika tidak mereka akan membakar rumahnya. Raja Busu menjawab, "orang Islam tidak takutkan mati. Buatlah apa yang kamu suka."<sup>37</sup> Pelombong-pelombong Cina itu pun membakar rumah Raja Busu dan semua penghuninya dibunuh. Kemudian mereka lari ke Melaka tetapi diserang hendap oleh orang-orang Melayu.<sup>38</sup>

Untuk sementara waktu, perdagangan bijih timah di Lukut menjadi kacau-bilau kerana kemangkatan Raja Busu yang merupakan kehilangan besar bagi Selangor. Baginda dikatakan dihormati dan disayangi oleh orang-orang Melayu, yang pasti akan memilihnya sebagai Raja selepas Sultan Muhammad dan mungkin dapat menyelamatkan negeri (Selangor) yang dahulunya gagah perkasa tetapi sekarang dalam kesukaran. Malangnya baginda menjadi mangsa suatu komplot pelombong-pelombong Cina yang digajinya.<sup>39</sup> Tetapi peringkat yang lebih cerah dalam sejarah Lukut masih belum wujud. Ia bermula pada tahun-tahun 1840-an di bawah pemerintahan Raja Jumaat dari Riau.

Dalam dekad kedua abad ke-19, bijih timah dilombong juga di Sungai Selangor, Sungai Langat dan Sungai Klang. Di sepanjang Sungai Klang, kawasan-kawasan perlombongan yang utama ialah Penaga, Petaling, Serdang, Junjong, Pantai Rusa, Kuala Bulu, Gua Batu dan Sungai Lumpur. Lombong di Sungai Lumpur mungkin yang paling banyak mengeluarkan hasil. Bagaimanapun, jumlah seluruh keluaran bijih timah dari lombong-lombong ini agak rendah. Dalam tahun 1818, hasil lombong Sungai Selangor dan Klang dianggarkan kira-kira 2,000 pikul setahun.<sup>40</sup> Dalam permulaan tahun-tahun 1830-an, angka yang diberikan untuk jumlah pengeluaran dari Sungai Selangor, Klang, Lukut dan Langat adalah 3,600 pikul setahun.<sup>41</sup>

Hasil negeri Selangor yang lain ialah kelapa, yang banyak ditanam di Jeram, minyak kayu dan damar yang diperoleh di Sepang dan rotan yang dieksport dari Langat, walaupun Bukit Keruing lebih terkenal dengan hasil rotan (di tebing Sungai Klang). Padi ditanam di Kapar (di hilir Jeram) dan juga di

Sepang<sup>42</sup> yang kemudiannya menjadi pengeluar hasil pertanian yang utama di Selangor semasa pemerintahan Sultan Muhammad. Sebahagian besar penanaman padi ditumpukan di sepanjang Sungai Selangor dan Langat.

Menanam padi bukanlah pekerjaan utama yang dipilih oleh penduduk asli Selangor semasa pemerintahan Sultan Muhammad. Mengikuti satu sumber yang boleh dipercayai: "(Sultan) sendiri sangat suka menanam padi dan dengan sungguh-sungguh memaksa semua rakyat berbuat demikian. Tambahan pula ada alat dan tenaga untuk mengerjakannya. Barangsiapa yang lambat atau tidak mengerjakan sawah akan dihukum".<sup>43</sup> Maka, di sepanjang tebing Sungai Selangor dari Teluk Penyamun hingga ke Kampung Kedah "yang dapat dilihat hanyalah sawah padi". Di sepanjang Sungai Langat pula, dari Pandamaran hingga ke Sungai Rambai, orang Melayu mengerjakan huma. Oleh kerana terdapat bekalan yang banyak, maka pada masa itu Selangor tidak perlu mengimport beras. Keadaan ini berubah apabila aktiviti perlombongan dipergiat lagi pada pertengahan abad ke-19.

### *Negeri Sembilan*

Pada dekad-dekad awal abad ke-19, pergolakan politik terus berlaku di Negeri Sembilan. Sungguhpun terdapat unsur-unsur lain yang kuat dan yang memecahbelahkan sistem politik Negeri Sembilan, tetapi salah satu sebab yang menimbulkan perselisihan pada masa itu ialah perebutan kuasa di antara anak-anak raja. Perebutan ini melibatkan juga Penghulu dan orang besar lainnya. Anak raja sebagai satu kelas yang khas telah bertapak dengan kuatnya menjelang awal abad ke-19. Oleh itu, satu penyesuaian dalam sistem politik perlu untuk menampung mereka. Caranya ialah dengan mengadakan jawatan-jawatan baru yang sesuai dengan kedudukan sosial mereka. Tetapi proses penyesuaian ini berjalan terlalu lembap disebabkan Penghulu, waris dan suku yang lain belum bersedia menyerahkan kuasa politik yang banyak kepada anak raja. Jadi, apabila perubahan dilakukan terhadap aturan yang sedia ada, perubahan-perubahan itu tidak membawa hasil sebagaimana yang diharapkan.

Kejayaan Raja Asil memperoleh gelaran Yamtuan Muda telah pun diterangkan. Apa yang perlu dinyatakan ialah dalam tempoh sepuluh tahun, dia telah ditentang oleh sepupunya, Raja Ali yang dikatakan "berpakat dengan seorang ketua lanun"

3. GENEALOGI NEGERI SEMBILAN  
(menunjukkan dua kuasa pemerintah terbesar)

Raja Adil  
k



untuk menentang bapa saudaranya itu. Tetapi percubaan pertama untuk menjatuhkan Raja Asil tidak berjaya dan Raja Ali telah mengundurkan diri untuk sementara waktu ke Sungai Nipah. Peluang terbuka untuk Raja Ali bertindak sekali lagi apabila putera Raja Asil, iaitu Raja Haji, jatuh cinta dengan anak perempuan seorang haji yang terkenal. Haji ini bersaudara dengan Renneh atau Ngamit, seorang waris dari Rembau. Adalah dilaporkan bahawa:

Haji itu enggan menyerahkan anak perempuannya dan Raja Haji berjaya melarikan gadis itu ke istana (di Bandar). Kassip (juga dikenali sebagai Kusil), iaitu Penghulu Rembau, mengadu kepada Raja Asil yang tidak dapat (atau mungkin tidak mahu) menolongnya. Maka terjadilah perpecahan. Semua Penghulu dan suku menyebelahi Renneh.

Di Negeri Sembilan, seperti juga di negeri-negeri Melayu lainnya "menjatuhkan atau menentang ketua dianggap tidak baik melainkan dikepalai oleh seorang ketua atau yang sedarjat". Dalam keadaan yang luar biasa ini, satu perwakilan dihantar untuk mengundang Raja Ali sebagai ketua menentang Raja Asil. Peluang ini disambut baik oleh Raja Ali. Setelah berunding, Raja Ali berjaya memujuk Raja Asil supaya berundur sebentar ke Naning. Dipercayai bahawa Raja Ali telah berjanji akan memulangkan semula kuasa pemerintahan apabila keadaan telah tenang. Tetapi, apabila Penghulu, Waris dan Lembaga melantik Raja Ali sebagai Yamtuan Muda, dia tidak menepati janjinya. Akibat terlalu kecewa, Raja Asil mangkat di Naning dua atau tiga tahun kemudian.<sup>44</sup>

Kisah Negeri Sembilan dalam tahun-tahun 1820-an adalah lebih bersejarah. Raja Lenggang Laut, iaitu Yamtuan Besar keempat dari Pagar Ruyung, mangkat dalam tahun 1824. Selama sepuluh tahun berikutnya berlakulah persaingan yang hebat untuk merebut gelaran Yang Dipertuan Besar. Dalam zaman yang penuh tipu muslihat dan peperangan ini, muncullah dua orang tokoh, Raja Ali dan menantunya Syed Shaaban.<sup>45</sup> Setelah Raja Lenggang Laut mangkat, Raja Ali berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan gelaran tersebut. Malangnya tuntutan Raja Ali berlawanan dengan amalan tradisi. Namun begitu, dia menduduki tempat yang berpengaruh di Negeri Sembilan. Selain daripada menjadi Yamtuan Muda, Raja Ali juga campur tangan dalam politik Rembau dan ini turut mengukuhkan pengaruhnya. Bersama-sama dengan Yamtuan Besar (Raja Lenggang Laut) dia telah mewujudkan empat lagi

jawatan lembaga "supaya dapat mengurangkan pengaruh Penghulu dan suku-suku dahulu (lembaga) dan menambah pengaruh mereka sendiri."<sup>46</sup> Kemudian, dalam tahun 1819 apabila Penghulu Bogok meninggal dunia, anak saudaranya Renneh dari Biduanda Jakun, dipilih sebagai penggantinya. Tetapi kerana Renneh berasal dari Hulu Rembau, maka Raja Ali berjaya melantik seorang lagi Penghulu, iaitu Pakat, yang juga anak saudara Tok Bogok dan berasal dari Hilir Rembau tetapi daripada Biduanda Jawa.<sup>47</sup>

Walaupun berpengaruh, Raja Ali tidak dapat menahan kedatangan seorang anak raja lagi dari Sumatera kira-kira dua tahun kemudian. Dalam tahun 1826, Raja Labu muncul di Negeri Sembilan dan dia telah mengukuhkan kedudukannya dengan berkahwin dengan Tengku Hitam, puteri kesayangan Raja Asil. Tetapi pembantu Raja Labu, iaitu Raja Kerjan dengan "tipu muslihatnya" muncul sebagai pencabar Raja Labu. Dalam peringkat ini, keadaan menjadi bertambah rumit apabila Raja Radin di Seri Menanti berjaya memujuk Penghulu di situ supaya mengisytiharkan dia sebagai Yamtuan Besar. Walau bagaimanapun, Datuk Klana berpihak kepada Raja Labu. Mereka sama-sama membantah kepada Penghulu Sri Menanti yang kemudian menarik balik sokongannya terhadap Raja Radin. Raja Labu menggunakan peluang ini lalu merampas dua pucuk lela (senapang) dan barang-barang lain yang semuanya berharga kira-kira \$200 dari tempat kediaman Raja Radin. Alasannya ialah barang-barang itu merupakan alat kebesaran raja-raja. Maka terpaksa Raja Radin mengharapkan bantuan daripada Raja Ali. Ketika Raja Labu tidak ada, pihak penentang itu pun masuklah ke Seri Menanti lalu mengambil semula barang-barang tersebut. Menjelang tahun 1830, mereka telah memaksa Raja Labu meninggalkan ibu negeri tetapi baginda masih mendapat sokongan Datuk Kelana, Penghulu Johol dan Penghulu Seri Menanti. Mereka ini semuanya tidak bersetuju dengan perlantikan Raja Ali sebagai Yamtuan Muda. Sebenarnya golongan yang menentang Raja Ali agak besar dan pada satu masa beliau telah terkepung di Bandar, tetapi ketenteraman dapat dipulihkan buat sementara waktu melalui perundingan. Menjelang tahun 1832, Raja Labu sedar bahawa dia tidak lagi mempunyai penyokong yang boleh diharap selain daripada Pakat (PENGHULU HILIR REMBAU) yang telah berpecah dari Raja Ali. Serangan bersama yang dilancarkan oleh Raja Ali, Syed Shaaban dan Raja Radin akhirnya memaksa Raja Labu pulang ke Minangkabau di Sumatera.<sup>48</sup> Dengan demikian berakhirilah

rejim Pagar Ruyong di Negeri Sembilan. Sejak itu dan seterusnya setiap pengganti Yamtuan Besar dipilih dari kalangan anak raja tempatan.

Tetapi masalah anak raja tempatan belumlah selesai. Dengan pemergian Raja Labu, "maka terbukalah gelanggang kepada Raja Ali, di mana dalam bulan September tahun itu (1832), telah diisytiharkan oleh Penghulu (Renneh) dan Suku-suku Rembau Hilir sebagai Yamtuan Besar; dan menantunya Syed Shaaban dilantik menjadi Yamtuan Muda."<sup>49</sup> Raja Radin yang berpengaruh besar di Seri Menanti, enggan mengiktiraf Raja Ali. Oleh kerana sokongan terhadapnya terhad, Raja Ali merasakan kedudukannya tidak selamat lalu mulai membuat kubu di Pengkalan Pedas. Kedudukannya menjadi semakin lemah apabila menantunya Syed Shaaban yang dilantiknya sebagai Yamtuan Muda, terbukti mempunyai cita-cita tinggi dan menjauhkan diri daripada ketua-ketua tempat yang lain.

Setelah mendapat gelaran Yamtuan Muda dalam tahun 1832, Syed Shaaban cuba mengenakan cukai sebanyak \$2 sebahara ke atas bijih timah yang dibawa dari Sungai Ujong ke Melaka, iaitu hak yang diberikan kepada Yamtuan Muda Asil oleh Yamtuan Besar Raja Hitam. Untuk mencapai matlamatnya, Syed Shaaban membina sebuah kubu di Simpang yang mengganggu perdagangan bijih timah di antara Sungai Ujong dengan Melaka. Langkah ini merugikan pedagang-pedagang di Melaka yang telah mendapat untung besar menerusi dagangan langsung dengan Datuk Muda Katas,<sup>50</sup> Raja Linggi.<sup>51</sup> Oleh kerana didesak oleh pedagang-pedagang Melaka, maka Datuk Muda Katas pun memulakan peperangan menentang Syed Shaaban pada tahun 1833. Klana Kawal<sup>52</sup> dan Raja Radin menyokong perjuangan Raja Linggi itu manakala Raja Ali bersama-sama dengan Penghulu Rembau (Renneh) membantu Syed Shaaban.

Sokongan Raja Radin terhadap Linggi nyatalah bertujuan untuk menjatuhkan Raja Ali dari kedudukan sebagai Yamtuan Besar. Pada peringkat ini Klana Kawal telah dipengaruhi oleh Katas.<sup>53</sup> Perhubungan di antara Rembau dan Linggi sudah lama tegang kerana Linggi enggan mengakui ketuanan Rembau. Ini disebabkan kedudukan kedua-dua wilayah itu yang berdekatan, membolehkan Rembau menuntut sebahagian besar hasil yang diperoleh dari perdagangan melalui Linggi.

Perang yang meletus berlarutan hingga ke tahun 1836. Semasa peperangan berlangsung, Penghulu Rembau yang marah dengan kelakuan Syed Shaaban telah berpaling tadah dan berjaya memaksa Syed Shaaban berundur dari Rembau dan men-

cari tempat perlindungan di Tampin manakala bapa mentuanya berlindung di Keru.<sup>54</sup>

Raja Ali yang tidak dapat memulihkan pengaruhnya meninggal dunia di Keru pada tahun 1856, tetapi Syed Shaaban masih lagi mendapat sokongan untuk meneruskan perjuangannya. Di antara tahun 1837 dan 1842, dia berpindah dari Tampin ke Melaka dan di sanalah dia tinggal "dengan tidak membuat kacau walaupun tidak berpuas hati". Dia bergantung kepada Inggeris untuk bantuan kewangan kerana pernah memberikan khidmat yang penting dalam Perang Naning. Dia diberikan pencen, sebuah rumah dan sebidang tanah. Tetapi menjelang tahun 1842, dia terlibat dalam suatu komplot bersama-sama dengan Raja Kerjan, penyuruh Raja Labu<sup>55</sup> dan ibu Raja Jaafar<sup>56</sup> menentang Ungku Busu dari Gemencheh. Menjelang akhir tahun 1842, di atas nama Raja Jaafar, Syed Shaaban dan Raja Kerjan mengusir Ungku Busu dari Gemencheh. Raja Jaafar yang dikatakan sebagai "pemuda yang jujur lagi baik" membiarkan dirinya dipergunakan sesudah dia dipujuk oleh Syed Shaaban yang mengatakan bahawa dia berhak mendapat sebahagian daripada lombong emas di Gemencheh. Dengan pertolongan Inggeris, maka Ungku Busu dapat menawan semula Gemencheh di mana Raja Kerjan terbunuh dalam gerakan tersebut.<sup>57</sup>

Belum berapa lama peristiwa di Gemencheh selesai, Syed Shaaban terlibat pula dalam politik Rembau. Dalam tahun 1843, Penghulu Rembau (Renneh) meninggal dunia dan dengan serta-merta Syed Shaaban mencari jalan untuk dilantik menjadi Penghulu Rembau. Dia gagal dalam percubaan ini tetapi mendapat kepercayaan Penghulu yang baru (Datuk Akhir) yang membenarkan Syed Shaaban menuntut semula gelaran Yam-tuan Muda. Tetapi campur tangan Inggeris menyebabkan rancangannya gagal.<sup>58</sup> Selama dua belas tahun berikutnya, Syed Shaaban mendiamkan diri tetapi minatnya terhadap hal-ehwal Negeri Sembilan tidaklah padam. Keamanan tidak juga wujud di Negeri Sembilan. Kegiatan perdagangan yang bertambah pada tahun-tahun berikutnya menyebabkan perebutan kuasa yang tradisional itu turut bertambah rancak.

Ekonomi Negeri Sembilan pada asasnya sama dengan Perak dan Selangor. Bijih timah sudah lama menjadi bahan eksport yang utama. Khususnya, Sungai Ujong, Rembau dan Seri Menanti disebut sebagai pengeluar bijih timah yang penting dalam abad ke-18.<sup>59</sup> Tetapi Sungai Ujong sahaja merupakan kawasan bijih timah yang produktif hingga abad ke-19. Rembau, terutama Chembong dan kawasan sekitarnya menjadi

terkenal kerana perdagangan balak, damar dan lilinnya. Bahan-bahan tersebut ditukarkan dengan candu, kain, barang-barang besi dan tembakau.<sup>60</sup> Seri Menanti menjadi ibu negeri dari segi politik.

Bijih timah di Sungai Ujong diperoleh di Sala, Sa Maraboh, Batu Lobong, Kayu Ara dan Timiong. Kedudukan Sungai Ujong yang berdekatan dengan Melaka, iaitu pusat perdagangan lama, menjelaskan mengapa kegiatan awal perlombongan berlaku di situ. Sebuah laporan awal abad ke-19 mengatakan: "orang Cina ramai (di Sungai Ujong) dan banyak pula bijih timah yang diperoleh tiap-tiap tahun. Semuanya dihantar ke Melaka. Setengah-setengah penduduk tempatan bekerja di lombong-lombong dan mendapat bantuan wang".<sup>61</sup> Pada permulaan abad ke-19 lagi orang-orang Cina telah membuat cadangan kepada Datuk Linggi (Encik Aman) supaya melombong bijih timah di Sungai Ujong. Mengikut perjanjiannya, bijih timah itu akan dibawa turun ke Linggi dan dari situ dibawa ke Melaka. Ini membolehkan Raja Linggi menerima pendapatan yang lumayan. Datuk Klana Sungai Ujong pada masa itu (Kawal) juga memberikan kebenaran untuk kerja melombong dijalankan. Setiap kali bijih timah dilebur, (baik apa juga kuantitinya) beliau akan menerima 3 bahara timah bernilai kira-kira \$30 sebahara. Setiap lombong yang dikerjakan, sejumlah \$6 hendaklah dibayar kepada tuan tanah.<sup>62</sup> Orang Cina memulakan kerja dengan wang yang diberikan oleh ketua Linggi dan ketua ini pula mendapat modal daripada pedagang-pedagang di Melaka. Bijih timah dari kawasan pedalaman dibawa melalui Sungai Linggi dan dipungguh naik di Pengkalan Kundang, Pengkalan Durian serta Pengkalan Manggis. Di sini, bijih itu disimpan dalam gudang. Ia kemudiannya ditukarkan dengan barangan yang dikehendaki di Sungai Ujong seperti beras, candu, garam, tembakau, kain, minyak dan cengkerang untuk membuat kapur. Semua barang import dibawa dengan bot. Bijih timah pula diangkut oleh buruh-buruh Melayu dari lombong melalui jalan darat sehingga ke Jeboi, iaitu sebuah kampung yang terletak kira-kira lima kilometer dari Linggi. Dari sini ia dibawa ke hilir sungai dengan bot-bot kecil.<sup>63</sup>

Dalam tahun 1828, terdapat kira-kira 1000 orang pelombong Cina di Sungai Ujong. Mereka tinggal di beberapa buah rumah kongsi dan setiap rumah kongsi diletakkan di bawah jagaan seorang ketua. Tetapi akibat kelakuan mereka yang tidak senonoh terhadap seorang perempuan di Terachi, maka timbulah pergaduhan dengan orang-orang Melayu yang mana



pelombong-pelombong Cina itu akhirnya diusir.<sup>64</sup> Tetapi menjelang tahun 1830, lombong-lombong dibuka semula dan penduduk Cina menjangkau jumlah 400 orang. Kegiatan perlombongan sekali lagi terganggu disebabkan kekecohan pada tahun 1833 yang melibatkan Raja Radin, Raja Ali, Syed Shaaban dan Klana Kawal. Oleh itu ramailah antara mereka yang balik semula ke Melaka.<sup>65</sup>

Barangkali Jempollah pusat perdagangan yang penting sesudah itu. Jempol mengeluarkan sedikit bijih timah, kayu sapan, beras, damar, rotan dan emas yang semuanya dibawa ke Melaka melalui Sungai Muar. Perkara yang menjadikan Jempol penting sebagai pusat perdagangan ialah kerana ia terletak di sepanjang "jalan raya pedagang-pedagang Pahang yang menyeberang semenanjung ke Melaka". Melalui Sungai Berah, Sungai Serting, Sungai Jempol dan Sungai Muar, pedagang-pedagang Pahang itu mengadakan hubungan perdagangan yang tetap dengan Melaka. Ke kerapannya yang dibuat oleh pedagang-pedagang Pahang jelas terbukti dengan jumlah pohon durian dan kelapa yang mereka tanam di sepanjang jalan ini. Sebuah rumah kastam telah didirikan dan di sinilah orang besar jajahan mengenakan cukai ke atas candu, tembakau, kain, barang-barang besi, garam dan barangan lain yang dibawa melalui Jempol ke Pahang serta habuk emas dan kain sutera dari Pahang ke Melaka. Perdagangan rentas semenanjung ini sudah lama wujud dan terus berkembang pada awal-awal dekad abad ke-19. Tetapi kekacauan politik yang bertambah dan pembukaan Singapura yang melahirkan hubungan perdagangan yang langsung dengan timur semenanjung, sangat merugikan corak perdagangan tradisional ini. Menjelang pertengahan abad ke-19, telah dilaporkan bahawa "perdagangan darat yang pada suatu ketika wujud di antara Pahang dan negeri-negeri lain di Teluk Siam sudah terhenti seluruhnya".<sup>66</sup>

Bijih timah juga dilombong di Johol dengan kira-kira 300 pikul dihasilkan tiap-tiap tahun. Buah-buahan, rotan, jaggery dan ayam itik adalah bahan eksport dan semuanya dihantar ke Melaka.<sup>67</sup> Tetapi yang paling penting ialah industri melombong emas di Gemencheh. Buruh lombong terdiri daripada orang-orang Cina dan Melayu. Satu laporan semasa menyatakan:<sup>68</sup>

Bagi setiap orang yang bekerja di lombong-lombong Gemincheh, penghulu menerima semayam emas. Orang-orang besar akan lewat lombong-lombong itu sekali atau dua kali setahun dan menerima sedikit hadiah daripada tiap-tiap lombong. Penghulu Johol, yang lebih tinggi darjatnya daripada orang-orang besar yang lain,

tidak menerima cukai yang tetap daripada lombong-lombong tersebut. Setiap tahun dia akan menghadiahkan 2 atau 3 ekor lembu dan sebagai balasannya lombong-lombong itu memberikan setahil emas untuk setiap ekor lembu.

Sungguhpun perdagangan merupakan aspek utama bagi ekonomi Negeri Sembilan, tetapi pertanian lebih menjadi tumpuan. Seorang pelawat dalam tahun-tahun 1820-an mendapati banyak kawasan ditanam dengan padi dan dia menyatakan "pemandangan yang indah tentang sawah padi yang terbentang luas dan subur". Di tempat lain, berhampiran kampung Pilah, terdapat sebuah "sawah padi yang seluas 1,000 ekar". Sebenarnya orang besar jajahan Pilah tidak membenarkan penduduk di situ mengerjakan lombong bijih timah kerana takut sawah-sawah padi akan binasa.<sup>69</sup> Dua puluh tahun kemudiannya, seorang lagi pelawat ke Negeri Sembilan mendapati penanaman padi dilakukan dengan lebih giat.

Di Johol, kawasan-kawasan lembah tempat tertumpunya para penghuni, padi ditanam secara ekstensif. Di Rembau juga, sebahagian besar daripada tanah datar yang luas dipenuhi oleh sawah padi. Malahan di Jelevu pun terdapat beberapa tempat yang ditanami dengan padi, walaupun sebahagian besar daripada negeri ini bergunung-ganang.<sup>70</sup>

Walau bagaimanapun, padi umumnya ditanam untuk kegunaan sendiri sahaja. Sungguhpun Jempol mengeksport sedikit beras ke Melaka tetapi di kawasan perlombongan yang utama di Sungai Ujong, beras terpaksa diimport.

Menjelang tahun-tahun 1830-an, kegiatan perdagangan yang bertambah merupakan faktor perselisihan yang baru dalam politik Negeri Sembilan. Peperangan yang berpunca daripada percubaan Syed Shaaban untuk memungut cukai di Sungai Linggi telah dinyatakan. Dalam tahun 1841, persahabatan yang ikrab di antara Datuk Klana Kawal dengan Datuk Muda Katas mulai retak kerana Datuk Muda Katas mengenakan cukai sebanyak \$2 sebahara ke atas bijih timah di Permatang Pasir tanpa memberikan sebahagian hasil cukai itu kepada Datuk Klana. Oleh itu, Datuk Klana pun pergi sendiri untuk memberhentikan pengutipan cukai tersebut. Maka timbullah perbalahan yang berlarutan walaupun tidak berlaku peperangan terbuka.<sup>71</sup> Kesukaran-kesukaran lain timbul dalam tahun-tahun berikutnya dan Simpang menjadi medan konflik politik yang tidak berkesudahan.

1. Sultan Ahmaddin adalah putera bongsu Raja Bisnu, yang memerintah di Hilir Perak dengan gelaran Sultan Muhammad untuk beberapa ketika. Sebelum dilantik menjadi Yang Dipertuan Besar, dia lebih terkenal sebagai Raja Kecil Bongsu. Sultan Ahmaddin naik takhta setelah tiga orang saudaranya, Sultan Iskandar, Sultan Muhammaddin dan Sultan Alauddin, berturut-turut mendahuluinya. Semasa pemerintahan Sultan Alauddin, Raja Kecil Bongsu dianugerahkan gelaran Sultan Muda. Keturunan Sultan Ahmaddinlah yang memerintah Perak hingga sekarang kecuali untuk suatu tempoh yang pendek (1871-74) apabila Sultan Ismail memerintah. (Maxwell, *The History of Perak from Native Sources* (1884, m.s. 307-21).)

2. Ibid., m.s. 312; Winstedt & Wilkinson, *A History of Perak*, m.s. 128.

3. SSR, jil. 57 Perak to Penang, 27 Ogos 1816.

4. Kedudukan Raja Abdullah pada masa pendudukan Kedah diterangkan oleh Sultan Kedah dalam sepucuk surat kepada Pulau Pinang dalam tahun 1819: "Sungguhpun bukan sebagai pemerintah, tetapi Raja Muda menjalankan semua tugas raja yang berdaulat ke atas seluruh negeri Perak, Pulau Pangkor dan kawasan sepanjang pesisiran pantai yang termasuk di dalam negeri Perak. Oleh kerana negeri Perak tertakluk di bawah negeri beta, maka semua tempat ini turut terletak pula di bawah bidang kuasa beta." (Lihat C.D. COWAN, *Early Penang and the Rise of Singapore*, JMBRAS, jil. 23, bgh. 2, 1950, m.s. 97.)

5. Maxwell, *The History of Perak from Native Sources*, (1884), m.s. 314-15.

6. Ketua ketiga-tiga keluarga itu ialah Sultan Abdul Malek Mansor Shah, Raja Inu dan Raja Abdul Rahman, putera-putera Sultan Ahmaddin. Sultan Abdullah ialah putera Sultan Malek Mansor Syah, Raja Chulan putera Raja Inu dan Raja Abdullah (Raja Di Hilir) putera Raja Abdul Rahman.

7. Winstedt & Wilkinson, m.s. 74, 130.

8. Ibid. m.s. 63-64; Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, m.s. 238, 244.

9. Anderson, *Political and Commercial Considerations . . .*, m.s. 189; Winstedt, *A History of Selangor*, JMBRAS, jil. 12, bgh. 3, 1934, m.s. 12-13.

10. Untuk cerita serangan Kedah ke atas Perak, lihat R. Bonney, *Kedah, 1771-1821: The Search for Security and Independence*, Kuala Lumpur, 1971, Bab VI.

11. Anderson, m.s. 189; Winstedt, *A History of Selangor*, m.s. 12-13.

12. Untuk komentar ringkas dan berkesan tentang isu ini, lihat J.R. Logan, *Notes on Pinang, Kidah & C.*, m.s. 64n.

13. Winstedt & Wilkinson, m.s. 71-74.

14. James Low, *Observations on Perak*, JIAEA, jil. 4, 1850, m.s. 497-504.

15. Anderson, m.s. 187.

16. Low, m.s. 498.

17. Loc. cit.

18. Lihat J. de Hullu, "A.E. van Braam Houckgeest's memorie over Malakka en tinhandel aldaar (1790)", *Bijdragen tot de Taal-, Land-, en Volkenkunde van Nederlandsch-Indie*, 76, The Hague, 1920.

19. Anderson, m.s. 187.

20. Low, m.s. 498n., 500.

21. Song Ong Siang, *One Hundred Year's History of the Chinese in Singapore*,

London, 1923, m.s. 21; C.S. Wong, *A Gallery of Chinese Kapitans*, Singapore, 1964, m.s. 68n.8.

22. Newbold, "Account of Sungie Ujong, one of the States in the interior of Malacca", in Moor (ed.) *Notices of Indian Archipelago* . . . , m.s. 83.

23. Anderson, m.s. 193.

24. Winstedt, *A History of Selangor*, m.s. 8-9.

25. Anderson, m.s. 189.

26. Winstedt, *A History of Selangor*, m.s. 12.

27. L.A. Mills, *British Malaya 1824-67*, *JMBRAS*, jil. 3, bhg. 2, 1925, m.s. 137-49.

28. Winstedt, *A History of Selangor*, m.s. 13-15, 16.

29. Newbold, *Political and Statistical Account*, jil. II, m.s. 32.

30. Lihat *ibid* m.s. 27-40.

31. B. Harrison (Jer.) *Malacca in the Eighteenth Century: Two Dutch Governors' Reports' (memorandum W.B. Abinius, 1750)*, *JMBRAS*, jil. 27, bhg. 1, 1954.

32. "A Letter from Captain Francis Light to Lord Cornwallis Dated 20th June 1788," *JMBRAS*, jil. 16, bhg. 1, 1938, m.s. 125.

33. J. de Hulu, *A.E. van Braam Hockgeest's memorie & c.*

34. Raja Ali Haji, m.s. 23.

35. Lihat *ibid*, m.s. 256-67, 259-60.

36. Anderson, m.s. 202.

37. "Muslims are not afraid to die, do what you like."

38. Untuk sejarah umum tentang pembukaan Lukut, lihat Nasir Osman Abbas, *Sejarah Lukut*, *Mingguan Malaysia*, 20 Mac 1966, m.s. 2, 11. Makalah ini didasarkan kepada keterangan dari sebuah album yang dihadiahkan oleh pengarangnya kepada Sultan Selangor di Istana Alam Shah, Kelang. Lihat juga L.D. Gammans, *The State of Lukut*, *JMBRAS*, jil. II, 1924, m.s. 291-95.

39. Newbold, jil. II, m.s. 32-33.

40. Anderson, m.s. 197-202.

41. Newbold, *Account of Sungei Ujong, one of the States in the Interior of Malacca*, dalam Moor (ed.) m.s. 83.

42. Anderson, m.s. 197-202.

43. "Rice Cultivation in the States: Interesting Letter from Raja Bot", *Malay Mail* 14 Nov. 1902. Raja Bot adalah putera Raja Jumaat dari Lukut. Beliau dilahirkan kira-kira dalam tahun 1847 dan mangkat dalam tahun 1916. Teks lengkap surat ini juga terdapat dalam *Peninjau Sejarah*, jil. I., no. 2, 1966.

44. Braddell, *Extracts from a Letter from Samuel Galling & c.*, m.s. 230.

45. Syed Shaaban adalah anak Syed Ibrahim Al-Kadri seorang Arab dari Aceh. Syed Ibrahim "seorang mubaligh yang cergas telah menetap di Rembau untuk mengajar penduduknya dan mengislamkan orang-orang asli." Ibu Syed Shaaban bernama Seri Kamis, seorang hamba, seorang Khana-zada Zainuddin, bekas Kapitan Melayu di Melaka. Oleh itu, Syed Shaaban dilahirkan di Rembau. Sebagai Syed dia mempunyai hubungan dengan keluarga diraja dan kahwin dengan seorang puteri Johor dan seorang lagi dari Siak. Dia juga mengahwini dua orang puteri Yamtuan Muda Raja Ali. Kedua-

dua isterinya ini melahirkan seorang putera, iaitu Syed Abu dan Syed Hamid. Semasa Perang Naning (1831-32) dia menyebelahi Inggeris dan beberapa tahun kemudian dia mendapat pencen tahunan sebanyak £240. (Newbold, "Account of Runbow & c.", "Moor (ed.)" m.s. 66; GPMP Braddell, "Second Continuation & c".)

46. Newbold, *Political and Statistical Account & c.*, jil. II., m.s. 122.

47. Braddell, *Extracts from a Letter from Samuel Garling & c.*, m.s. 299; Begbie, m.s. 143-44.

48. GPMP Braddell *Second Continuation of Report & c.*, Begbie, m.s. 141-42.

49. *Ibid.*

50. Muhammad Katas berasal dari Rembau dan menetap di Pengkalan Kundang pada awal abad ke-19. Tidak lama kemudian, dia berkahwin dengan anak Datuk Linggi, Jeragan Abdul Rahman. Sewaktu Datuk Aman meningkat tua, dia menyerahkan semua hal-ehwal pengurusan kepada Katas yang kemudian dikenal sebagai Datuk Muda Linggi. Dia kekal dalam kedudukan ini sehingga Datuk Aman meninggal dunia pada tahun 1824 dan gelaran Datuk Linggi pun berakhir. (*Ibid.*, Gullick, "Sungei Ujong", m.s. 6.1.)

51. Sejarah asal usul Linggi adalah kabur. Mengikuti sejarah tradisi Sungai Ujong, pengasas perkampungan itu ialah Datuk Awalidin yang mendapat kawasan tersebut daripada Datuk Klana Lela. (Gullick, "Sungei Ujong", m.s. 58-59.) Sedia Raja Rembau menulis pada tahun 1872: "seorang anak Raja Riau memohornya daripada salah seorang datuk nenek saya yang memerintah dan datuk nenek saya membenarkan dia tinggal di situ, setelah beberapa ketika, beliau balik semula ke Riau dan seorang penolongnya tinggal di situ (menjaga), namanya Datuk Aola, dan sehingga hari ini keturunan Datuk Aolalah yang tinggal di Linggi. Memang sudah lama menjadi adat semenjak Datuk Aola lagi, bahawa dia dan keturunannya hendaklah membawa tanda taat setia kepada Raja Rembau". (SSR, F, Letter to Tunku Dia Oodin, 2 Julai 1872.) Mengingatkan perhubungan awal yang diketahui di antara penghulu-penghulu Rembau dengan orang-orang Bugis, kehadiran Bugis di Kuala Linggi semenjak abad ke-18 (Raja Ali Haji, *op. cit.* m.s. 55, 114, 117-18) dan kedudukan Rembau yang berhampiran dengan Linggi, maka versi Rembau tentang pengasas Linggi tidak boleh diabaikan.

52. Apabila Klana Lela meninggal dunia dalam tahun 1820-an, kedua orang anak saudaranya, Kawal dan Bahi, menjadi calon untuk gelaran Datuk Klana. Adat menghendaki agar cara memilih pengganti hendaklah dijalankan sebelum si mati dikebumikan:

Sudah sampai kehendak Allah,  
Hendak berkubur, di tanah merah,  
Sehari hilang, sehari bertanam,  
Sehari bertumbuh, sehari pelihara.

Tetapi Kawal tidak ada pada masa itu, jadi Bahilah yang dilantik sebagai Datuk Klana tetapi sebahagian daripada ahli badan pemilih tidak bersetuju. Pererangan pun meletus dan berakhir pada tahun 1828 dengan kebanyakan orang besar memberikan sokongan kepada Kawal. (Lihat Newbold, "Account of Sungai Ujong & c", m.s. 84-85.)

53. Newbold, yang menemuduga Klana Kawal dalam tahun 1833 mendapati bahawa penasihat Klana ialah Datuk Muda Katas. (*ibid.*)

54. GPMP Braddell, *Second Continuation of Report & c.*; Abdullah Sultan,

*Relations between Malacca and the Malay States 1832-1867*, disertasi ijazah B.A. Hons., Universiti Malaya, Singapura, 1957, m.s. 18-20.

55. Setelah kekalahan Raja Labu, Raja Kerjan lari ke Pahang dan kemudian pindah pula ke Johol.

56. Raja Jaafar adalah putera Sultan Hussain Johor.

57. SSR, *R11 Governor to Bengal*, 30 Ogos, 1844.

58. SSR, *R15 Governor to Bengal*, 14 Sept. 1847.

59. Lihat B. Harrison (tr.) *Malacca in the Eighteenth Century & c., Trade in the Straits of Malacca*, JMBRAS, jil. 26, bhg. 1, 1953.

60. Newbold, *Account of Rumbowé & c.*, Moor (ed.) m.s. 62.

61. Anderson, m.s. 203.

62. Braddell *Extracts from a Letter from Samuel Garling & c.*, m.s. 227-228.

63. Newbold, *Account of Sungie Ujong & c.*, Moor (ed.) m.s. 77; Newbold, *Account of Rumbowé & c.* m.s. 62.

64. Braddell, *Extracts from a Letter from Samuel Garling & c.*, m.s. 228.

65. Newbold, *Account of Sungie Ujong & c.*, m.s. 77.

66. Lihat Newbold, *Johole and Its Former Dependencies of Jempole Gominchi*, Moor (ed.) m.s. 69; C. Gray, *Journal of a Route Overland from Malacca to Pahang, across the Malayan Peninsula*, JIAEA, jil. 6, 1852; E.A. Blundell, *Notices of the History and Present Condition of Malacca*, JIAFA, jil. 2, 1848, m.s. 753-54.

67. Newbold, *Johole and its Former Dependencies & c.*, Moor (ed.) m.s. 69.

68. Braddell, *Extracts from a Letter from Samuel Garling & c.*, m.s. 228.

69. Gray, m.s. 370.

70. Rev. P. Favre, *A Journey in the Minangkabau States of the Malay Peninsula*, m.s. 153-61.

71. Abdullah Sultan, m.s. 30.

## BAHAGIAN DUA

# PERTUMBUHAN KEGIATAN PERDAGANGAN DAN PERLOMBONGAN

**D**ALAM abad ke-19, unsur-unsur baru yang kuat diperkenalkan ke dalam masyarakat Melayu. Ini memaksa sistem yang sedia ada menyesuaikan diri dengan perubahan keadaan sekeliling. Memang terdapat banyak bukti yang menunjukkan bahawa faktor ekonomi berjaya melemahkan cara susunan sistem lama. Oleh itu, tidaklah menghairankan kalau proses transformasi ini berlaku di negeri-negeri Melayu pantai barat kerana perkembangan kegiatan-kegiatan perdagangan dan perlombongan menjelang suku abad yang kedua. Perubahan penting yang pertama dapat dilihat adalah berkaitan dengan pertukaran sistem perdagangan.

Penerokaan ekonomi Semenanjung Tanah Melayu berlaku dalam peringkat-peringkat yang khusus. Dalam dekad-dekad abad terawal orang-orang Cina yang mendatang telah mulai masuk ke negeri-negeri Melayu terutama sebagai pekerja di lombong-lombong kepunyaan orang-orang besar jajahan. Lombong-lombong tersebut dibiayai oleh orang-orang besar tetapi mereka bergantung kepada modal pendahuluan daripada para pedagang Negeri-negeri Selat.

Menjelang pertengahan abad ke-19, apabila kawasan perlombongan yang baru dijumpai, aliran masuk buruh Cina ke kawasan perlombongan itu semakin bertambah. Pertambahan bilangan penduduk memesatkan lagi jumlah perdagangan di antara Negeri-negeri Selat dengan kawasan-kawasan pedalaman. Para pedagang Negeri-negeri Selatlah yang paling banyak mendapat faedah daripada perdagangan ini. Oleh itu, mereka mempunyai keinginan untuk mendapatkan kuasa yang lebih

besar dalam ekonomi semenanjung. Tekanan daripada mereka akhirnya memecahkan monopoli tradisi orang-orang besar yang memerintah. Mulai dari suku kedua abad tersebut, para pedagang Negeri-negeri Selat dibenarkan melabur modal secara langsung dalam perdagangan bijih timah.

Tumpuan minat Negeri-negeri Selat terhadap kawasan-kawasan pedalaman terutama digerakkan oleh perkembangan industri di Eropah yang menyebabkan permintaan antarabangsa untuk barangan Semenanjung Tanah Melayu bertambah. Di antara barangan-barangan itu, bijih timah merupakan yang paling penting. Tambahan pula, di peringkat tempatan persaingan perdagangan semakin meningkat sehingga hasil daripada perdagangan entrepot mulai merosot yang mana Singapura khususnya, sangat bergantung kepada hasil ini sehingga pertengahan abad ke-19. Pedagang-pedagang Negeri-negeri Selat yang lebih maju dan berpengalaman mula mencari bidang baru untuk menanam modal. Selain daripada perlombongan, pertanian juga dijalankan dengan giat. Sekali lagi, hanya kawasan pedalaman yang dapat menyediakan kawasan yang luas untuk pertanian.

Seterusnya terdapat pula percubaan memperoleh konsesi bagi mengeksploit potensi ekonomi negeri-negeri Melayu serta usaha-usaha untuk memajukan sistem perhubungan. Perkara penting yang harus ditegaskan ialah dalam suku ketiga abad tersebut, satu langkah telah dibuat untuk membentuk syarikat-syarikat awam bagi memajukan sumber-sumber yang terdapat di Semenanjung Tanah Melayu. Pada waktu yang sama hartawan-hartawan Inggeris turut serta secara langsung dalam percubaan untuk memupuk perkembangan ekonomi Semenanjung Tanah Melayu.

Menjelang tahun-tahun 1860-an dan awal 1870-an, ekonomi negeri-negeri pantai barat Semenanjung Tanah Melayu tertumpu kepada kehendak negara-negara Eropah yang telah maju teknologinya. Pengeluarannya pula telah mencapai satu tahap yang belum pernah dicapai dalam sejarah negeri-negeri Melayu sebelumnya.

Bagaimanapun, perubahan dalam bidang ekonomi negeri-negeri ini, mempunyai pengaruh politik yang penting, sebagaimana yang akan diterangkan kemudian. Untuk sementara waktu, cukuplah kalau dikatakan bahawa pindaan terhadap sistem politik berlaku hanya setelah kehancuran susunan ekonomi tradisional.



## Perkembangan Awal

### *Perdagangan Semenanjung—Negeri-negeri Selat*

Perkembangan ekonomi negeri-negeri Melayu dalam abad ke-19 adalah ekoran daripada perdagangannya dengan Negeri-negeri Selat. Perdagangan semenanjung dengan Negeri-negeri Selat ini wujud sejak zaman awal lagi kerana terdapat perhubungan perdagangan di antara negeri-negeri Melayu dengan Melaka, (iaitu sebahagian daripada Negeri-negeri Selat) dari tahun 1826, iaitu sejak zaman kesultanan Melaka. Kedudukan negeri-negeri tersebut yang berhampiran menyebabkan perhubungan demikian tidak dapat dielakkan. Klang, Selangor, Bernam, Perak, Manong dan Bruas diketahui telah mempunyai perjanjian dengan Melaka sejak dari dulu. Menurut perjanjian berkenaan, negeri-negeri tersebut membekalkan Melaka dengan bijih timah tiap-tiap tahun yang mana dibawa ke Melaka dengan menggunakan perahu kecil. Sebagai balasan, Melaka pula membekalkan makanan kepada negeri-negeri itu. Semasa Portugis bertapak di Melaka, keadaan politiknya yang bertentangan sangat merugikan perkembangan perdagangan ini. Namun begitu beberapa orang kapten Portugis masih dapat menjalankan perdagangan bijih timah ini dan memperoleh keuntungan, terutama dengan negeri Perak.<sup>1</sup>

Tetapi negeri-negeri Melayu itu tidaklah bergantung sepenuhnya kepada Melaka. Apabila perlu, penukaran barang secara langsung dengan pedagang-pedagang luar dilakukan. Perkara ini menjadi lazim setelah Belanda menduduki Melaka kerana dasar monopoli Belanda menjadikan urusan dagang semata-mata dengan Melaka sahaja merugikan negeri-negeri Melayu. Negeri-negeri tersebut khususnya Kedah, Selangor,

Pahang dan Trengganu, mula menerima kunjungan pedagang-pedagang asing, sungguhpun Belanda cuba menghalang ini. Malah, melalui pengaruh orang-orang Arab berketurunan Syed, Kedah telah melengkapkan kapal-kapalnya untuk meng-eksport barangan ke India dan membawa balik bahan-bahan yang diperlukan. Dari tahun 1748, apabila Daing Kamboja menjadi Yang Dipertuan Muda Johor, negeri-negeri Melayu digalakkan berdagang dengan Riau.<sup>2</sup> Ini mengakibatkan kemerosotan ekonomi Melaka.

Sungguhpun Riau ditawan oleh Belanda dalam tahun 1784, tetapi masih gagal memulihkan perdagangan di antara Melaka dengan negeri-negeri Melayu. Ini disebabkan Pulau Pinang, yang kemudiannya merupakan salah sebuah Negeri Selat sejak tahun 1786 telah menjadi pusat perdagangan yang baru di gugusan kepulauan Melayu. Pulau Pinang berjaya menguasai hampir semua perdagangan negeri-negeri jirannya kerana kesediaan pihak Inggeris menawarkan harga yang lebih tinggi untuk barangan tempatan.<sup>3</sup> Pada mulanya, pedagang-pedagang Inggeris agak kurang berminat untuk menumpukan kegiatan mereka di negeri-negeri Melayu pantai barat. Pada akhir abad ke-17 dan awal abad ke-18, sebahagian besar kegiatan mereka tertumpu ke Ujung Salang, Tenasserim dan Kedah, dengan Aceh sebagai pelabuhan pengantaranya. Tetapi pada tahun 1737 mereka lebih kerap belayar ke Sungai Selangor dan Sungai Linggi.<sup>4</sup> Menjelang tahun 1790, mereka telah mengatasi Belanda dalam perdagangan bijih timah di Negeri-negeri selat.<sup>5</sup>

Pendudukan Inggeris di Melaka pada tahun 1795 tambah memajukan perdagangan. Pulau Pinang dengan negeri-negeri sekitar. Perdagangan ini kebanyakannya meliputi import bijih timah. Menjelang tahun 1811, bijih timah merupakan kira-kira 20 peratus daripada seluruh perdagangan pulau tersebut dan memberikan keuntungan lumayan kepada pedagang-pedagang Pulau Pinang. Selain daripada bijih timah, lada hitam, rempah, kayu-kayan, sarang burung (yang boleh dimakan) dan beberapa banyak barangan tempatan yang lain dieksport ke Eropah, China dan India. Sebaliknya pula, kain, besi dan besi waja serta barangan keluaran kilang daripada England, barangan kapas dan sutera serta candu dari India, sangat diperlukan di seluruh semenanjung dan Kepulauan Melayu. Perdagangan ini menjadi begitu penting sehingga pihak Inggeris dengan segera menghantar seorang wakil (Cracroft) untuk membuat perjanjian perdagangan dengan Perak dan Selangor apabila Belanda dibenarkan menduduki Melaka semula pada tahun 1818, "dengan

tujuan untuk meneruskan perdagangan dengan negeri-negeri tersebut."<sup>6</sup> Dan apabila keadaan politik sekali lagi merosot, sesudah lawatan Cracroft, John Anderson pula dihantar untuk mendirikan sebuah agensi di Perak dan di negeri-negeri sekitar "dengan tujuan untuk membawa ke pelabuhan ini (Pulau Pinang) barangan yang banyak dari negeri-negeri yang lain".<sup>7</sup> Pedagang-pedagang persendirian dari Eropah, China dan tempatan telah memainkan peranan utama untuk memesatkan perdagangan ini. Sungguhpun Pulau Pinang merupakan jalan keluar yang penting dan tetap untuk barangan daripada negeri-negeri Melayu tetapi tidak ada bukti bahawa ia memerangsangkan penambahan pengeluaran secara langsung.

Fasa yang lebih penting dalam perkembangan perdagangan semenanjung bermula apabila Singapura dijadikan sebagai pusat urusniaga dan pengunduran orang Belanda dari Melaka pada awal tahun 1820-an. Penduduk Cina di petempatan yang baru ini bertambah dengan pesat dan merekalah lebih banyak melibatkan diri secara aktif dalam perdagangan di antara semenanjung dan Negeri-negeri Selat daripada pedagang-pedagang Eropah. Menjelang tahun-tahun 1830-an, ternyata wujud satu sistem pola perdagangan ini dengan Singapura sebagai pusat kegiatannya. Sungguhpun Singapura secara khusus adalah "sebuah pasar atau entrepot untuk pengiriman semula keluaran dan barangan perkilangan Asia, Eropah dan Amerika", tetapi nilai perdagangannya juga banyak dengan kawasan-kawasan pedalaman. Sehingga pada awal setengah abad ke-19 lagi, Singapura menduduki tempat kelima dari segi kepentingan perdagangan, setelah negeri China, India (terutamanya terdiri daripada Calcutta, Madras, Bombay, dan Ujung Salang), Great Britain dan Pulau Jawa.<sup>8</sup> Seorang penulis telah memberikan gambaran semasa yang jelas tentang perdagangan Semenanjung—Singapura:

Import dari pantai timur semenanjung sangatlah besar. Nilai serbuk emas yang dibawa dengan kapal dari sana pada tahun 1835-36 sahaja berjumlah \$143,840 Sepanyol, dan dari pantai barat berjumlah \$1,200. Barang-barang import yang lain ialah, bijih timah, lada hitam dan lada putih, sutera dan kapas, kain Melayu, gula dan rotan untuk ditukarkan dengan beras, tembakau, candu, garam, ikan kering, senjata, alat-alat besi, perkakas untuk pertanian, barang-barang Eropah, India dan Melayu, kapas, benang, pemutar dan sebagainya. Pelabuhan utama di pantai timur ialah Pahang, Terengganu, Kelantan dan Sengora, serbuk emas yang dibawa dari Pahang sangatlah bersih dan mendapat harga yang tinggi, iaitu sebanyak 28 hingga 28 $\frac{1}{2}$  ringgit

Spanyol sebungkal. Kain, bijih timah dan lada hitam datang terutama dari Terengganu dan Kelantan, demikian juga dengan sebahagian besar serbuk emas. Import dari pantai barat yang utama adalah bijih timah dari Linggi, Sungai Ujong, negeri-negeri dari daerah pedalaman Melaka, Lukut, Selangor dan Perak; lilin, lebah, gigi gajah, eboni, belulang, rotan, sagu, kayu baka, rempah, sayur-sayuran, buah-buahan, lembu dan ayam datangnya dari Johor, Pontian, Umbai, Batu Pahat, Muar, Kesang, Sungai Beru dan sebagainya. Barang eksport ke tempat-tempat tersebut sama seperti barang yang dihantar ke pantai timur. Perdagangan ini dijalankan hampir semuanya dengan bot tempatan, yang boleh memuatkan hingga lapan koyan barangan serta sampan-sampan pukut. Purata import dari pantai timur semenanjung sahaja lebih daripada \$300,000 Sepanyol tiap-tiap tahun dan begitu juga dengan jumlah eksportnya.<sup>9</sup>

Daripada berbagai-bagai jenis barangan di bawah kategori "Keluaran Selat", yang dieksport dari semenanjung ke bahagian lain dunia melalui Selat Melaka, bijih timah, adalah yang terpenting. Sebagai contoh, pada tahun 1835-36 bijih timah merupakan barang yang paling bernilai bagi Singapura dari segi perdagangan selain daripada barangan Eropah dan India. Bijih timah yang diimport ke negeri China, Great Britain, Calcutta dan Bombay. Negeri China dan Great Britain merupakan pengimport utama bijih timah daripada Singapura. Kuantiti bijih timah yang dieksport ke negeri China berjumlah \$117,386 Sepanyol dan Great Britain berjumlah \$101,204. Sungguhpun sebahagian besar kuantiti bijih timah yang dieksport dari Singapura datangnya dari Bangka,<sup>10</sup> tetapi lombong-lombong di semenanjung juga menyumbangkan jumlah yang besar. Pada tahun 1835-36, Singapura mengimport 4,616 pikul bijih timah secara langsung dari negeri-negeri Melayu pantai barat. Bagi jangka masa 1836-37, Singapura mengimport 5,714 pikul bijih timah dari Pulau Pinang dan 2,411 $\frac{1}{2}$  pikul dari Melaka. Dalam pertengahan tahun-tahun 1830-an, semenanjung membekalkan kira-kira 15,000 pikul bijih timah ke Singapura.<sup>11</sup>

Pada hakikatnya, Pulau Pinang dan Melaka membentuk sebahagian besar aliran perdagangan bagi kawasan pantai barat semenanjung dengan Singapura. Amnya, perdagangan Singapura sangat bergantung kepada kedua-dua negeri ini.

Kebanyakan barangan Negeri-negeri Selat terkumpul di Pulau Pinang tidak dihantar terus ke Great Britain, India dan China, melainkan dibawa dengan kapal ke Singapura dan dari sinilah barang-barang itu dieksport. Begitu juga dengan barang-barang buatan

Inggeris dan India yang diperlukan, kebanyakannya dihantar ke Pulau Pinang melalui Singapura.<sup>12</sup>

Melaka yang telah lama diatasi oleh Pulau Pinang sebagai sebuah pusat perdagangan, dapat menjalankan sedikit perdagangan langsung dengan negeri China dan India. Dan seperti Pulau Pinang juga, Melaka merupakan sebuah depot menghimpunkan barangan dari kawasan-kawasan berhampiran, terutama Selangor dan Negeri Sembilan untuk dihantar ke Singapura. Pada pertengahan abad ke-19, seorang pentadbir British mengatakan bahawa:

Sesungguhnya Melaka sudah jatuh dari kedudukannya yang tinggi, di mana satu ketika dulu, ia bukan sahaja menarik malahan menguasai seluruh perdagangan yang wujud di Lautan Timur. . . ."

Kira-kira dalam pertengahan dan akhir abad yang lepas, Melaka masih lagi menjadi tempat perdagangan yang penting kerana ia merupakan satu-satunya perkampungan orang-orang Eropah di Selat Melaka, di samping sebagai depot tunggal untuk barang-barang keluaran negeri-negeri dan pulau-pulau Melayu. Menjelang akhir abad tersebut pembukaan Pulau Pinang telah mengubah aliran perdagangan ke hujung utara Selat. Tiga puluh tahun kemudiannya, kedudukan Singapura yang lebih strategik telah terus melumpuhkan Melaka sebagai pusat perniagaan serantau. Melaka tidak lagi menjadi depot perdagangan, sesudah itu, keseluruhan import Melaka hanyalah terhad kepada barang-barang untuk kegunaan tempatan. Walau bagaimanapun, Melaka mempunyai perdagangan yang tetap dengan negeri-negeri Melayu kecil di sekitarnya tetapi tidak dapat catatan yang sahih tentang perdagangan ini. Melaka bolehlah dianggap sebagai pembekal kepada negeri-negeri tersebut terutama beras yang ditukarkan dengan bijih timah, getah perca dan barang-barang lain yang berkualiti rendah. Negeri-negeri ini mungkin dapat menanam padi untuk kegunaan mereka sendiri dengan mudah, tetapi disebabkan terdapat keadaan kacau-bilau dan kekecohan, kerja bercucuk tanam tidak diberikan sepenuh perhatian. Sekiranya bekalan makanan dari Melaka tidak sampai, maka mereka akan kebuluran. Oleh kerana beras sangat penting, apabila seorang pedagang Melaka berjaya menghantar bekalan beras dengan selamat, dia akan mendapat keuntungan yang besar<sup>13</sup> (yang lazimnya merupakan janji-janji kosong, bukannya wang tunai).

Penjelasan tentang kemerosotan Melaka serta ketidakupayaannya memberikan sumbangan kepada pendapatan am Negeri-negeri Selat, dibuat oleh Lt. Gabenor Cairns pada tahun 1860-an.<sup>14</sup>

Perkara ini berlaku oleh beberapa sebab terutamanya dari segi

kedudukan yang terlalu jauh dari kegiatan perdagangan Eropah. Ia juga tidak sesuai bagi persinggahan kapal dagang yang agak besar disebabkan oleh jalan masuk yang agak cetek.

Sekiranya Singapura tidak terlepas dari tangan peribumi, ia akan mendapat keuntungan yang lebih kerana masih disukai oleh orang Cina Negeri-negeri selat sebagai tempat beristirahat yang menyenangkan setelah mereka mengumpulkan wang.

Oleh kerana Melaka sangat bergantung kepada perdagangan dengan kawasan-kawasan pedalaman, pada pertengahan abad ke-19, pedagang-pedagangnya terus mengingatkan kerajaan Negeri-negeri Selat bahawa "perdagangan Melaka yang utama dan penting" adalah bijih timah dan perdagangan ini "sudah ada dari zaman dahulukala lagi".<sup>15</sup>

Kedudukan Pulau Pinang lebih menguntungkan seperti yang diceritakan oleh seorang pelawat Belanda pada tahun 1824:

Meskipun Singapura lebih dekat, dan kedudukannya sebagai pusat perdagangan adalah lebih baik daripada Pulau Pinang, namun perkembangan dan kemewahan tempat ini di tahun-tahun sebelum dan selepas Singapura diduduki oleh Inggeris, tidak meninggalkan kesan buruk kepada penduduknya, ataupun terhadap import dan eksport barang-barang dan pengaruhnya sangat terhad pada persinggahan kapal-kapal peribumi sahaja, sementara kapal-kapal lain tidak lagi singgah di pelabuhan kita di Pulau Jawa dan mengambil barang-barang yang diperlukannya di pelabuhan-pelabuhan Inggeris yang lebih jauh.<sup>16</sup>

Pedagang-pedagang terkenal di Negeri-negeri Selat semasa membuat komentar tentang Pulau Pinang pada tahun 1860 menyatakan:

Perdagangan Pulau Pinang tertakluk kepada segala macam perubahan sedangkan Singapura adalah bebas dan selalu dikatakan bahawa pembukaan pelabuhan Singapura menyebabkan timbul sekatan terhadap lalulintas di Pulau Pinang. Sekiranya pandangan ini benar, maka ia sengaja dibesar-besarkan, kerana kami mendapati bahawa pada tahun 1810, nilai perdagangan tahunan Pulau Pinang melebihi \$1,000,000 dan pada tahun 1819, (sewaktu Singapura dibuka), nilai perdagangan tahunannya melebihi \$1,263,000. Bagaimanapun, perdagangan Pulau Pinang selama sepuluh tahun yang lalu menunjukkan pertambahan yang nyata, jauh lebih besar daripada masa-masa sebelum pembukaan Singapura."<sup>17</sup>

Kepentingan perdagangan Pulau Pinang meliputi satu kawasan yang luas kerana selain dari semenanjung, Pulau Pinang mempunyai hubungan rapat dengan Burma, Negeri Thai, Ujung Salang dan Sumatera, khususnya Aceh. Dan menjelang

pertengahan abad ke-19, Pulau Pinang berjaya memulakan pembangunan pertanian.<sup>18</sup>

### *Para Usahawan*

Para pedagang Negeri-negeri Selat merupakan tenaga penggerak bagi perkembangan perdagangan yang berlaku di negeri-negeri Melayu. Mereka menyediakan modal untuk mengerjakan lombong-lombong dan mengeksport hasil keluaran semenanjung ke luar negeri. Tetapi tidak banyak perhatian yang diberikan kepada pelbagai tokoh yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan perdagangan ini.<sup>19</sup> Amnya, mereka ini perlulah diberi perhatian, kerana peranan mereka dalam sejarah negeri-negeri Melayu melebihi bukan hanya setakat mengembangkan ekonominya sahaja. Mereka ini berkedudukan tinggi di kalangan masyarakat Negeri-negeri Selat dan mempunyai pengaruh yang besar terhadap pentadbiran kolonial. Secara langsung mereka dapat memberikan sokongan politik yang bererti kepada ahli-ahli golongan elit Melayu yang memerintah dan yang berurusan dengan mereka. Kajian tentang perhubungan mereka dalam bidang perdagangan Negeri-negeri Selat sedikit sebanyak menolong mendedahkan kerumitan politik tempatan.

Sebagaimana yang disebutkan, saudagar-saudagar Eropah dan China khususnya terlibat secara terus dalam perdagangan di semenanjung. Barangkali yang terkenal di antara mereka ialah beberapa orang ahli keluarga Belanda yang telah lama menetap di Melaka. Merekalah di antara yang mula-mula memodali lombong-lombong di Sungai Ujong, Lukut dan kemudiannya Klang. Salah seorang yang mula-mula menceburkan diri dalam perniagaan ini ialah John Bartholomeus Westerhout, iaitu salah seorang pemimpin mazhab Abraham de Wind yang kaya.<sup>20</sup> Dalam tahun-tahun 1830-an, dia menjadi tuan tanah yang utama di Melaka.<sup>21</sup> Disebabkan pengetahuannya yang mendalam tentang kebudayaan orang-orang Melayu, dan mempunyai pengaruh di kalangan orang-orang kenamaan di negeri-negeri jiran yang sudah merdeka, maka dia telah dilantik menjadi Superintendan Naning apabila Perang Naning tamat dalam tahun 1832, dia kemudian menemui orang-orang besar Rembau dan menandatangani suatu perjanjian dengan mereka pada 9 Januari, 1833. Walaupun dia seorang pegawai kerajaan, tetapi pada tahun 1833, dia telah membuka beberapa buah lombong bijih timah di Naning. Dia berhenti menger-

jakan lombong-lombong ini dalam tahun 1835 tetapi terus menolong orang-orang lain dalam perdagangan bijih timah. Pada tahun 1837, dia menjadi jurutulis di Pejabat Residen dan juga menjalankan tugas-tugas sebagai Pemangku Penolong Atendan Besar Melaka telah dimansuhkan selepas bulan Mac 1837 akibat kegiatan pelabuhan yang berkurangan.<sup>22</sup> Seterusnya dia dinaikkan ke pangkat Penolong Residen dan di samping menjadi Penterjemah Kanan di Mahkamah Pengadilan. Konon dikatakan bahawa "... tidak ada orang lain yang lebih berpengaruh selain daripada Tuan Westerhout terhadap penduduk peribumi dalam wilayah kita dan juga negeri-negeri sekitarnya. . . ." <sup>23</sup> Selain daripada itu, terdapat seorang yang mengenalinya secara peribadi telah menyatakannya dalam tulisan bahawa Westerhout bukan sahaja terkenal di kalangan orang-orang Melayu tetapi dia juga sebagai "seorang yang penting di mana kerajaan akan meminta nasihat dan bantuannya dalam berurusan dengan negeri-negeri Melayu yang berjiran". Pada tahun 1853, dia menjadi sahabat baik Fred McNair yang sewaktu itu mengetuai pasukan meriam Madras yang ditempatkan di Melaka. Fred McNair kemudiannya menjadi Jurutera Jajahan Negeri-negeri Selat. Mereka sering melakukan lawatan bersama ke kawasan-kawasan pedalaman semenanjung.<sup>24</sup>

J.E. Westerhout, anak John Bartholomeus, juga merupakan seorang penduduk Melaka yang terkenal. Dia menjadi seorang Penguatkuasa Undang-undang pada tahun 1873 dan Pemangku Majistret dalam tahun-tahun 1880-an. Seperti ayahnya, dia juga sangat berminat terhadap perdagangan bijih timah dengan wilayah-wilayah jiran dalam tahun-tahun 1840-an.<sup>25</sup>

Barangkali pemodal bagi perdagangan bijih timah yang lebih penting di semenanjung dalam bahagian pertama abad ke-19 ialah ahli-ahli keluarga Neubronner.<sup>26</sup> Rakan kongsi Syarikat Neubronner yang aktif ialah Tom dan L.S. Neubronner. Joseph bekerja di firma ini untuk beberapa ketika tetapi kemudian berkhidmat dengan kerajaan. Tom, seorang Jaksa Pendamai (J.P.) adalah ahli keluarga Neubronner yang paling berpengaruh. Pada tahun 1871, dia menjadi Setiausaha Pesuruhjaya Bandar Melaka dan selama sembilan bulan di antara tahun 1871 dan tahun 1872, dia bertugas sebagai Majistret Polis bagi Negeri-negeri Selat. Syarikat Neubronner salah sebuah syarikat utama yang memberikan hutang kepada Sultan Muhammad Selangor dan dalam tahun-tahun berikutnya kegiatan syarikat ini tertumpu di Sungai Ujong.<sup>27</sup>



Satu lagi keluarga Belanda yang agak terkenal di Melaka ialah keluarga Velge. John Henry, anggota keluarga yang tertua dilahirkan pada 19 Disember, 1796. Dia menjadi pelayar dan mengendalikan kapalnya sendiri. Dia berkahwin di Semarang. Setelah meninggalkan bidang pelayaran dia menetap di Singapura dan menjelang tahun-tahun 1850-an dia kembali ke Melaka. Dia menetap di Melaka dan menjadi salah seorang penduduk yang disegani sehingga meninggal dunia pada 14 April, 1891. Dalam tahun 1871, dia dikatakan sebagai "pemilik harta yang terbanyak dan yang terkaya di Melaka".<sup>28</sup> Dia juga adalah menjadi sahabat karib Dr. Jose D'Almeida. Terdapat seorang ahli keluarga Velge, iaitu Abraham bekerja dengan syarikat utama Jose D'Almeida & Sons di Singapura. Abraham merupakan salah seorang yang terlibat secara aktif dalam kempen untuk merubah pentadbiran Negeri-negeri Selat kepada Jabatan Tanah Jajahan. Dia mempunyai saham dalam Syarikat Tanjong Pagar Dock pada tahun-tahun permulaan syarikat itu dibentuk, tetapi pada awal tahun-tahun 1870-an satu bencana yang memalukan telah menimpa dirinya.<sup>29</sup>

Hubungan yang rapat di antara keluarga Velge dan keluarga D'Almeida, dapatlah diagakkan bahawa syarikat D'Almeida & Sons di Melaka adalah kepunyaan mereka. Selain daripada John Henry dan Abraham, beberapa orang ahli yang terkenal dalam keluarga itu ialah G.L. Velge, seorang saudagar, L.H. Velge, bekerja sebagai kerani ketiga di Pejabat Tanah Melaka (1873) dan Martin Velge dari Durian Tunggal. Hubungan kekeluargaan mereka yang sebenar dengan John Henry tidaklah diketahui. Anak-anak John Henry yang diketahui ialah Henry Velge dan Charles Eugene Velge. Henry sangat dikenali dalam peristiwa Sungai Ujong pada tahun 1872. Charles Eugene pula, bekerja dalam pelbagai jawatan di bawah kerajaan Negeri-negeri Selat. Dia belajar ilmu undang-undang di Middle Temple dan diterima menjadi peguam Singapura pada 12 Oktober 1871. Pada bulan November 1871 dia bertugas sebagai Penguatkuasa Undang-undang dan pada bulan September 1872 menjadi Kerani Kanan Mengangkat Sumpah (Senior Sworn Clerk) di Mahkamah Tinggi. Pada bulan April 1873, dia menjadi Majistret Rendah dan bulan Oktober pada tahun yang sama sekali lagi dia dilantik sebagai Kerani Kanan bahagian mengangkat sumpah ini. Jawatan ini dipegangnya sehingga bulan Jun 1874 apabila dia menjawat jawatan Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi.<sup>30</sup>

Penglibatan saudagar-saudagar Cina Melaka dalam perda-

gangan semenanjung adalah lebih besar daripada saudagar Eropah, walaupun mereka tidak begitu berpengaruh. Dua orang yang penting di antara mereka ialah Chee Yam Chuan dan See Boon Tiong.

Chee Yam Chuan anak kepada Chee Kim Guan<sup>31</sup> dilahirkan di Melaka, dan keluarga ini berasal dari negeri China. Chee Yam Chuan menjadi penanam buah pala di Melaka dan Singapura di samping sebagai penelah (*speculator*) dalam syarikat Leack, Chin Seng & Co., Chop Hiap Hin di Jalan Pasar, Singapura (dengan sebuah pejabat cawangan di Melaka). Rakan-rakan lainnya ialah Lim Leack dan Tan Chin Seng.<sup>32</sup> Syarikat ini kemudiannya telah memainkan peranan penting dalam Peperangan Klang dalam tahun 1867-73. Chee Yam Chuan merupakan wakil syarikat tersebut di Melaka kerana dia mempunyai hubungan yang luas dengan orang-orang besar Melayu. Dia adalah salah seorang pemberi hutang yang utama kepada Sultan Muhammad (yang berhutang sebanyak \$169,000 dalam tahun 1846). Demikianlah rapatnya hubungan di antara Chee Yam Chuan dengan keluarga diraja Selangor yang memerintah sehinggakan Raja Bot, iaitu cucunda Sultan Muhammad, pernah tinggal bersama Chee Yam Chuan selama setahun (1860-61) di Melaka. Raja Bot telah mengatakan:

Beta kemudian diletakkan di bawah jagaan Baba Chi Yamchwan, seorang saudagar yang telah membantu orang-orang beta membuka Sungai Lukut. Selama sebelas bulan beta tinggal di rumahnya. Pada waktu itu beta telah tahu menulis bahasa Melayu dan betalah yang membaca surat-surat yang datang dari Lukut kepada Baba Yamchwan. Kadangkala beta juga menulis surat-surat Baba Yamchwan untuk dihantar kepada orang-orang beta. Dengan cara inilah beta mendapat pengetahuan tentang harga dan hal-ehwal perniagaan. Tidak berapa lama kemudian beta diminta untuk menyimpan kira-kira perniagaan di antara orang-orang beta dengan Baba Yamchwan, jadi dengan ini tahulah beta akan semua kerja itu.<sup>33</sup>

Ketika berumur dua puluh satu tahun, Chee Yam Chuan dipilih sebagai Ketua Masyarakat Hokkien di Melaka. Sesudah kematian ayahnya, dia diterima menjadi ahli Keng Tek Hoey yang berpengaruh.<sup>34</sup> Dia meninggal dalam bulan Julai 1862.<sup>35</sup>

See Boon Tiong, yang lahir di Melaka kira-kira pada tahun 1807, pergi ke Singapura pada tahun 1825 untuk memulakan perniagaannya. Dia menjadi sahabat karib A.L. Johnston dan James Fraser, kedua-duanya pada waktu itu merupakan saudagar Inggeris yang ternama di Singapura. Dalam tahun 1848 See Boon Tiong kembali ke Melaka lalu meneruskan perniaga-

annya di samping memulakan tanaman ubi kayu secara besar-besaran di Linggi. Pada tahun 1837, dia merupakan salah seorang saudagar Cina Singapura yang mempunyai hubungan dagang yang besar dengan negeri-negeri Pahang, Trengganu, Kelantan, Patani, dan Singora.<sup>36</sup> Dia juga memelihara kepentingan perdagangannya dengan negeri-negeri di semenanjung sehingga bahagian kedua abad ke-19.

Sebagai pengasas Keng Tek Hoey, dia dijadikan Jaksa Pen-damai di Melaka dalam tahun 1860 dan sering menjadi pengadil bersama-sama dengan Residen Konselor dalam persidangan Suku-suku Penggalnya apabila pegawai ini menjalankan tugasnya sebagai hakim tempatan. Pada awal tahun-tahun 1870-an, See Boon Tiong menjadi Pengurus Ladang Candu Melaka. Per-usahaan candu ini dijalankan oleh sebuah sindiket besar yang beribu pejabat di Singapura, diketuai oleh Tan Seng Poh.<sup>37</sup> Kebanyakan wang simpanan See Boon Tiong dilaburkan untuk membeli rumah. Harta-hartanya ini dilelong dalam tahun 1911 dan mendatangkan keuntungan yang berlipat ganda. Dia meninggal dunia pada 1 November, 1888.<sup>38</sup>

Yeo Hood Ing, Yeo Hood Hin dan Lee Qui Lim adalah saudagar-saudagar yang penting juga walaupun tidak berapa terkenal. Seperti saudagar Cina yang lain, mereka berasal dari Melaka dan pindah ke Singapura untuk memulakan perniagaan ataupun berhubung dengan syarikat-syarikat yang ada di pulau itu. Menjelang tahun 1828, Yeo Hood Ing telah menjalankan usaha membina rumah di bandaraya Singapura. Menjelang tahun 1840, syarikatnya, iaitu Syarikat Hooding, merupakan salah sebuah badan perniagaan yang terbesar di samping syarikat-syarikat lain yang ditubuhkan oleh orang-orang seperti Tan Tock Seng, Tan Kim Seng dan Whampoa.<sup>39</sup> Syarikat ini dikongsi oleh lima orang adik-beradiknya—Hood Ing, Hood Hin, Hood Keng, Hood Seng dan Chi Guan. Keluarga Yee Hood Ing dan keluarga Tan Kim Sing adalah bersaudara.<sup>40</sup> Syarikat Kim Seng, (yang akan dibincangkan nanti) mempunyai kepentingan perniagaan di negeri-negeri Melayu. Di antara keluarga Lee Qui Lim dan Tam Kim Seng terdapat perhubungan yang rapat kerana Lee Keng Yam, (anak Lee Qui Lim) merupakan ketua ladang candu Singapura dari tahun 1885 hingga 1888. Dia pernah berkhidmat dengan cawangan syarikat Kim Seng & Co. di Shanghai dari tahun 1872 hingga 1885.<sup>41</sup>

Di antara saudagar-saudagar yang berpangkalan di Pulau Pinang dan mempunyai kepentingan perdagangan di negeri-negeri Melayu, ialah George Stuart dan Lawrence C. Naime.

Stuart, tuan punya Syarikat Stuart, adalah pemodal perintis dalam perdagangan bijih timah di semenanjung. Bagaimanapun, tidak banyak yang diketahui tentang dirinya. Dia merupakan salah seorang pemegang wasiat David Brown,<sup>42</sup> penduduk yang terkaya di Pulau Pinang. Stuart mempunyai pengaruh yang besar. Ada catatan mengatakan bahawa dalam bulan April 1832, Perak berasa bimbang terhadap serangan Selangor tetapi, kedatangan seorang saudagar Inggeris, George Stuart, pada bulan Mei telah meredakan perasaan resah rakyat Perak, lalu Sultan Perak telah melantik Tuan Stuart sebagai agennya di tanah jajahan itu.<sup>43</sup> Untuk beberapa ketika Stuart adalah salah seorang pemberi hutang kepada Sultan Muhammad, Selangor. Dalam tahun 1842, kerajaan Negeri-negeri Selat telah menghantar sepucuk surat kepada Raja Melayu itu:

Kira-kira tiga tahun dahulu saya telah menulis kepada Tuanku tentang hutang Tuanku kepada Tuan George Stuart dan Tuanku berjanji akan menjelaskannya. Tuan Stuart memberitahu saya bahawa hutang itu baru dibayar separuh meskipun kapal-kapal telah dihantar ke Selangor untuk mengambil bijih timah dengan perbelanjaan yang besar tetapi setengah daripadanya balik tanpa muatan.

Tuan George Stuart telah pulang ke England dan oleh itu, sangatlah penting agar hutangnya diselesaikan. Rakan kongsinya, iaitu Tuan Nairne bercadang hendak mengunjungi Tuanku dan saya yakin bahawa Tuanku akan menyelesaikan perkara ini dengan Tuan Nairne mengikut janji dalam surat Tuanku yang bertarikh 26hb Rabiulawal, 1255.<sup>44</sup>

Pada tahun 1836, timbul perbalahan di antara dua buah syarikat Cina, apabila salah sebuah daripadanya menuduh yang sebuah lagi menjual bijih timah campur. Stuart telah dipilih sebagai salah seorang daripada lima orang "saudagar yang dihormati" untuk memeriksa bijih timah tersebut dan mengesahkan kebenaran tuduhan yang dibuat. Syarikatnya sendiri menguruskan berbagai-bagai jenis perniagaan. Pada awal tahun 1842, dia bertindak sebagai agen untuk Puan Durand untuk menjual rumahnya "Saons Souci" kepada F.S. Brown. Dalam tahun 1846, melalui agensi syarikatnya, J. Donnadieu, tuan punya Estet Valder di Seberang Perai, memperoleh sebuah enjin wap dan mendirikan kilang gula yang dibina oleh Syarikat Scott, Sinclair dari Glasgow.<sup>45</sup>

Lawrence Nairne telah menetap di Pulau Pinang sekurang-kurangnya semenjak tahun 1834 dan memulakan perniagaannya sebagai ahli kongsi Syarikat Stuart. Pada tahun 1846, cukai gula di England telah dipinda dan meletakkan gula keluaran

British-India setaraf dengan keluaran negeri-negeri tanah jajahan yang lain. Peristiwa ini memberikan dorongan yang besar kepada industri tersebut di Seberang Perai, dan Lawrence Nairne pun membentuk perkongsian dengan Syarikat Brown untuk membuka Estet Batu Kawan yang mana Syarikat Brown bertindak sebagai pemodal. Pengurus estet ini ialah Thomas Braddell yang kemudiannya menjadi Penguam Negara bagi Negeri-negeri Selat. Bagaimanapun, menjelang tahun 1849, estet ini ditutup. Tetapi Nairne tetap berminat terhadap industri tersebut. Dalam tahun-tahun 1860-an, tanaman tebu di kebanyakan estet di Seberang Perai diserang oleh sejenis penyakit. Oleh itu, para penanam telah menggantikan tebu berkenaan dengan tebu dari Mauritius dan Pulau Jawa. Nairne sendiri memperkenalkan tebu jenis "Striped Bourbon" dari Pulau Maritius yang terbukti dapat melawan serangan penyakit itu.

Kedudukan Nairne di Pulau Pinang semakin kukuh. Menjelang tahun 1855, dia dijadikan Jaksa Pendamai dan sehingga tahun 1859, dia berkhidmat sebagai Pesuruhjaya Majlis Perbandaran. Pada tahun 1860, dia menjadi Ketua Juri bagi Negeri-negeri Selat dan untuk suatu ketika sebelum tahun 1865, dia menjadi Naib Konsul negeri Itali di Pulau Pinang. Apabila sebuah Suruhanjaya dilantik untuk menyiasat rusuhan Pulau Pinang pada tahun 1867, dia dilantik menganggotai badan tersebut. Pada tahun yang sama, namanya berserta sepuluh nama yang lain dihantar kepada Setiausaha Negara untuk menganggotai Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat yang pertama tetapi dia tidak terpilih.<sup>46</sup>

Sama ada dia terus aktif dalam perniagaan bijih timah di semenanjung sesudah tahun-tahun 1840-an tidaklah diketahui. Tetapi dia mempunyai hubungan perdagangan yang tetap dengan Sultan Ahmad Tajuddin di Kedah. Apabila Sultan Kedah membeli kapal layar Inggeris bernama *Gratitude*, Nairnelah yang telah membuat perjanjian dengan seorang saudagar Pulau Pinang untuk "menguruskan kapal tersebut dan menggunakannya dalam sebarang perdagangan, keadaan dan tempat sama ada secara berkongsi ataupun disewakan dalam apa cara sekalipun" yang difikirkan munasabah oleh Nairne. Selain itu Nairne juga mendahulukan wangnya untuk keperluan perbelanjaan kapal tersebut. Bagaimanapun pada tahun 1857, kapal layar tersebut karam di persisiran pantai Indo-China. Nairne telah menyaman Sultan Ahmad Tajuddin tetapi gagal memungut hutangnya yang berjumlah \$2,780.09.

Pada awal tahun-tahun 1860-an, Nairne menjadi agen Raja Aceh dan juga kepada Yamtuan dari Assahan. Pada tahun 1863, Residen Konselor Pulau Pinang mengatakan Nairne "seorang yang banyak terlibat dalam perniagaan peribumi" tetapi dia lebih dikenali sebagai penanam getah yang utama di Pulau Pinang dan Seberang Perai.<sup>47</sup>

Tidak banyak yang diketahui tentang saudagar-saudagar Cina Pulau Pinang yang mempunyai kepentingan perdagangan dengan negeri-negeri pengeluar bijih timah pada bahagian awal abad ke-19. Kawasan pengaruh mereka bagaimanapun terhad kepada Perak dan kegiatan pelabuhan di Perak belum lagi mencapai peringkat yang setanding seperti di Selangor dan kawasan Linggi-Sungai Ujong. Ini mungkin disebabkan oleh keadaan politik yang tidak stabil di Perak. Lagipun, saudagar Cina Pulau Pinang tidak begitu berpengaruh dan terkenal seperti mereka yang di Melaka dan Singapura. Keluarga yang ternama di kalangan orang Cina Pulau Pinang pada masa ini ialah keluarga Koh. Ketua keluarga ini, Koh Lay Huan mempunyai karier yang cemerlang sehingga dia meninggal dunia pada tahun 1826. Kejayaannya diulangi oleh anaknya Kok Kok Chye. Pada tahun 1837, dia dikatakan telah belayar ke Perak "dengan sebuah kapal bersama 200 orang untuk mengutip hutang orang-orang Siam".<sup>48</sup> Tetapi nyatalah bahawa keduanya tidak mempunyai hubungan dengan perkembangan perdagangan di Perak.<sup>49</sup>

Senarai ahli-ahli usahawan yang diberikan di sini tidaklah lengkap, tetapi mereka merupakan yang paling berpengaruh dan terkemuka di kalangan perintis-perintis perdagangan di antara semenanjung dengan Negeri-negeri Selat. Dalam bahagian kedua abad ini, muncul pula satu lagi generasi usahawan, yang kebanyakannya adalah daripada perintis tersebut. Bagaimanapun, setengah-setengahnya adalah pendatang baru dalam bidang perniagaan berkenaan, sementara kumpulan perintis yang sedia ada terus memainkan peranan aktif sehingga suku ketiga abad ke-19.

### *Industri Perlombongan (sebelum di Pantai Bani = Ruch)*

Mungkin cerita yang paling menarik tentang sejarah perlombongan bijih timah di Semenanjung Tanah Melayu ialah penemuan lombong-lombong bijih di Larut pada pertengahan abad ke-19.<sup>50</sup> Orang yang bertanggungjawab terhadap pene-


muan ini ialah Long Jaafar bin Long Abdul Latif. Dia berketurunan Nyak Besating dari Aceh. Datuknya, Pandak Jama-luddin, merupakan ahli keluarganya yang pertama dilantik sebagai Orang Besar Enam Belas Perak dengan gelaran Datuk Paduka Setia. Bapa saudaranya, Alang Allaidin, dilantik sebagai Datuk Panglima Bukit Gantang.<sup>51</sup>

Long Jaafar mula-mula menjadi terkenal pada zaman pemerintahan Sultan Abdullah Muazzam Syah (1819-30). Pada masa itu dia digelar "Long Jaafar pusing langit" kerana beliau dikatakan: "... sangat besar tipu dayanya serta cerdik". Dia berkahwin dengan sepupunya sendiri, iaitu Ngah Pura, anak perempuan Alang Allaidin.<sup>52</sup> Sejak kecil lagi dia adalah seorang kaki judi. Kemudian Long Jaafar pergi ke Singapura dan di sana dia banyak berhutang dengan orang-orang Cina akibat berjudi. Kerana terdesak dan putus asa, dia pergi ke Teluk Belanga untuk meminta bantuan daripada Temenggung Ibrahim. Temenggung Ibrahim bersetuju membantu tetapi membuat rancangan dengan orang-orang Pulau Damar untuk menghantarnya balik ke Perak supaya dia tidak lagi menjadi pengacau di Singapura. Namun buat beberapa ketika perangnya tetap tidak berubah. Kemudian dia memutuskan untuk berpindah ke Larut, satu kawasan hutan belantara di mana merupakan tempat persembunyian penyamun-penyamun. Long Jaafar memasuki salah satu daripada kumpulan ini dan terus berjudi dan menyabung ayam. Kemudian dia menjumpai bijih timah lalu dikerjakannya sendiri buat sementara waktu sehingga dapat mengumpulkan modal yang cukup untuk menjemput orang-orang Cina datang ke Larut pada tahun 1848.<sup>53</sup> Apabila pelombong-pelombong Cina bertambah ramai dia dapat memungut hasil dari candu dan dari punca-punca lain. Beliau sering berulang-alik di antara Larut dengan Pulau Pinang dan menjadi seorang ahli perniagaan yang aktif.<sup>54</sup>

Pelombong yang mula-mula datang ke Larut ialah Hakka Chen Sang.<sup>55</sup> Lombong mereka kebanyakannya terletak di Klian Pauh termasuk Asam Kumbang. Sekumpulan Hakka Fui Chew<sup>56</sup> telah berpindah ke Larut pada tahun-tahun 1850-an apabila kawasan-kawasan melombong yang baru dijumpai di Klian Bahru, kira-kira dua setengah kilometer di sebelah timur laut Klian Pauh. Kawasan ini merupakan sebuah bukit.<sup>57</sup>

Kebanyakan pelombong Fui Chew berasal dari negeri China dan datang ke Pulau Pinang dalam tahun-tahun 1830-an. Di sana mereka berkahwin dengan orang-orang Cina tempatan. Sungguhpun kebanyakan mereka mempunyai lombong di

## 4. GENEALOGI LONG JAAFAR



Sumber: Wee Choon Siang, 'Ngah Ibrahim di Larut, 1858-1874', B.A. Hons. disertasi, Universiti Malaya, Singapura, 1952.

Klian Bahru, terdapat juga sebilangan kecil daripada mereka melombong di Tupai. Menjelang tahun 1861, terdapat hanya kira-kira sebelas buah lombong di Klian Bahru yang dipunyai



oleh orang-orang Fui Chew.<sup>58</sup> Hampir semua lombong dikerjakan oleh saudagar-saudagar Pulau Pinang. Salah seorang yang terkenal ialah Oh Wee Kee.<sup>59</sup>

Walaupun pada keseluruhannya, kedua kumpulan Cina itu terdapat di kawasan yang berasingan tetapi mereka itu sering bercampur gaul kerana sebahagian besar tuan punya lombong Fui Chew mengambil ramai kuli Chen Sang. Pada satu ketika daripada 66 orang kuli, 50 orang adalah Hakka Chen Sang. Pada awal tahun 1861, dikatakan bahawa terdapat seorang pelombong Fui Chew, Li Ah Foy berkongsi membuka sebuah lombong dengan seorang ketua Chen Sang bernama Lee Kwan Kwi.<sup>60</sup>

Pelombong-pelombong sangat bergantung kepada Sungai Larut untuk memperoleh bekalan mereka dan untuk mengeksport bijih timah ke Pulau Pinang, sungguhpun kawasan pedalaman Larut boleh dihubungi dengan beberapa banyak jalan yang lain. Ke utara Sungai Larut terdapat Sungai Sapetang dan kedua-dua sungai ini bertembung di kuala. Sungai Sapetang tidak mengalir melalui kawasan lombong tetapi sebuah terusan telah dibuat dari kawasan perlombongan dan "banyaklah bekalan makanan dan juga bijih timah dibawa hilir mudik". Ketika itu Sungai Sapetang dapat dimudiki oleh kapal meriam sehingga kira-kira empat puluh kilometer ke pedalaman. Di hulu Sungai Sapetang terdapat sebuah kampung berserta sebatang jalan yang menghala ke Larut tetapi "jalan itu sangatlah buruk dan berbahaya kerana ditumbuhi onak dan duri yang boleh mencucuk kaki dan menyebabkan kesakitan". Di hulu sebuah anak Sungai Sapetang terdapat sebuah kampung di mana banyak ditanam dengan tebu. Penduduk-penduduk di sini tidak mempunyai hubungan dengan Larut. Bekalan boleh juga dibawa ke kawasan pedalaman Larut melalui Sungai Krian dan Sungai Kurau. Tetapi sekiranya Sungai Larut tidak dapat digunakan, orang-orang di kawasan pedalaman akan kebuluran dalam masa empat bulan. Hanya pohon pinang, sirih dan tembakau ditanam di Larut. Dari selatan, ada jalan-jalan masuk yang lain ke Larut. Perjalanan dari Kuala Kangsar ke Larut akan mengambil masa selama dua hari sekiranya menunggangi gajah. Kuala Kangsar terletak kira-kira lima hari perjalanan dengan bot dari kuala Sungai Perak. Dari Bruas, orang boleh sampai ke Larut dalam masa dua puluh empat jam dengan menunggang gajah dan sejam dari Sungai Trong. Tetapi kedua-dua sungai ini sukar untuk dilalui. Di Sungai Bruas terdapat pohon-pohon besar yang tumbuh melintangi kualanya.

Air di kuala Sungai Trong pula adalah cetek.<sup>61</sup>

Dengan perkembangan perlombongan di Larut, maka perdagangan di antara Pulau Pinang dengan Perak mencapai kadar yang tinggi pada peringkat ini. Dalam tahun 1861-62, import ke Pulau Pinang bernilai \$416,249 dan dari jumlah ini bijih timah meliputi \$291,989 dan barangan \$116,998. Eksportnya mencapai \$363,729 dengan candu Benares menghasilkan \$63,464 dan beras \$31,389. Daripada bulan Mei 1862 hingga bulan Februari 1863, iaitu dalam tempoh sepuluh bulan, import Pulau Pinang bertambah \$342,479 dan dari jumlah ini bijih timah meliputi \$258,997 dan barangan \$74,000. Eksport ke wilayah-wilayah Perak bertambah menjadi \$423,157, dengan barangan (\$178,420), runcit (\$64,626), candu Benares (\$58,824) dan beras (\$41,951).<sup>62</sup>

Peringkat paling cemerlang dalam sejarah Lukut bermula pada waktu yang sama apabila Lukut terletak di bawah pemerintahan Raja Jumaat bin Raja Jaafar dari Riau. Ini berpunca dari keadaan kewangan Sultan Muhammad yang memalukan. Sebagai seorang ahli perniagaan yang berani, dia berazam hendak mengembangkan sumber-sumber bijih timah di negerinya tetapi semua usahanya gagal. Dari tahun-tahun 1830-an hingga dia meninggal dunia pada tahun 1857, dia banyak berhutang dengan beberapa orang saudagar Melaka dan Pulau Pinang. Dalam tahun 1839 sewaktu dalam perjalanan pulang dari Riau setelah mengunjungi saudara-maranya Sultan Muhammad telah singgah di Melaka. Baginda diiringi oleh adik-beradiknya, Raja Jumaat dan Raja Abdullah juga dari Riau, dan sepupu kepada permaisuri baginda, Raja Asiah. Di sana seorang Cina telah mengugut hendak menahan Sultan Muhammad sekiranya dia tidak membayar hutangnya sebanyak \$169,000. Ayah Raja Jumaat yang sudah lama menetap di Lukut menjamin akan membayar hutang tersebut. Sultan Muhammad pun dibenarkan meneruskan perjalanan pulang ke Kuala Selangor bersama-sama pengikutnya. Tidak berapa lama kemudian, Raja Jumaat telah berkahwin dengan puteri Sultan Muhammad, iaitu Raja Nai atau Senai dan tinggal di Lukut. Lukut ketika itu, telah diambil oleh ayah Raja Jumaat tanpa surat kuasa bertulis. Pada tahun 1846, Sultan Muhammad pergi ke Melaka dan sekali lagi dia ditahan oleh pemiutang-pemiutangnya. Kali ini dia diselamatkan oleh Raja Jumaat yang berjanji akan membayar hutang tersebut sedikit demi sedikit. Sebagai balasannya, Sultan Muhammad telah memberikan kuasa penuh secara bertulis ke atas wilayah Lukut kepada Raja

Jumaat. Surat pemberian ini berbunyi:<sup>63</sup> Cap Mohor Sultan Muhammad Shah Marhum Sultan Ibrahim, 1241

Pada tahun seribu dua ratus enam puluh dua pada 10 haribulan Shaaban (4hb. Ogos 1846) satu surat rasmi telah dimaktubkan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Selangor di negeri Melaka menganugerahkan negeri Lukut kepada Raja Jemahat bin Raja Jaafar dari Riau serta waris-warisnya sejauh Qualla Linggie. Para pengganti beta dan waris-warisnya tidak akan menuntut hak ke atas negeri Lukut kerana anugerah ini "adalah sah dan beta telah letakkan cop mohornya di kertas ini".

Raja Jumaat terbukti pentadbir yang berbakat. Pentadbirannya menjamin kestabilan dan keselamatan harta benda dan mendorong saudagar-saudagar Melaka mendahulukan wang bagi perkembangan perlombongan. Maka Lukut pun menjadi sebuah daerah yang mewah. Peniaga-peniaga Cina juga tertarik ke situ. Tidak berapa lama kemudian sebuah bandar kecil terbina dengan dua buah barisan rumah kedai yang diperbuat daripada batu bata dan atap genting yang mengandungi 40 buah kedai kebanyakannya dipunyai oleh orang Cina Hailam.<sup>64</sup>

Dengan pendapatan bulanan sebanyak \$10,000, Raja Jumaat membina jalan raya yang moden dan membentuk sepasukan polis yang berpakaian seragam. Dalam perniagaan, Raja Jumaat sangat bergantung pada Chee Yam Chuan yang telah banyak berjasa memajukan Lukut. Dia bukan sahaja mendapat kepercayaan orang Cina tetapi juga kepercayaan Kol. Macpherson, iaitu Residen Melaka, yang menjadi penasihat dan sahabat utamanya. Sebenarnya, kira-kira dalam tahun 1857 dan tahun 1858, putera Raja Jumaat, iaitu Raja Bot, dipelihara oleh Macpherson. Dia melayan Raja Bot sebagai anaknya sendiri dan menghantarnya ke sekolah Inggeris di Melaka. Perkembangan Lukut banyak menolong Raja Jumaat dalam kedudukan politik kerana dia memerintah Lukut tanpa campur tangan dari Sultan Muhammad dan tanpa memberikan sebahagian hasil cukai kepadanya.<sup>65</sup> Dalam tahun-tahun kemudiannya dia diberi kuasa penuh oleh Sultan Abdul Samad terhadap seluruh negeri Selangor walaupun pemberitahuan tidak disampaikan kepada kerajaan Negeri-negeri Selat secara rasmi.<sup>66</sup>

Kejayaan Lukut bukanlah fenomena yang terasing dalam sejarah Selangor dalam abad ke-19. Kira-kira pada tahun 1844, Raja (kemudiannya sultan) Abdul Samad, ayahnya Raja Abdullah adalah saudara Sultan Muhammad, telah berkahwin dengan Raja Anjang, puteri sultan. Setelah perkahwinan, Selangor diserahkan kepada Raja Abdul Samad untuk ditadbirkan.<sup>67</sup> Dalam

tahun-tahun yang berikutnya, dengan bantuan Raja Jumaat, Raja Abdul Samad mula menanam modal dalam lombong bijih timah di Kanching. Langkah ini mendatangkan hasil yang lumayan, dan Kanching kemudian mempunyai ramai penduduk Cina, kebanyakannya dibawa dari Lukut dan Sungai Ujong.<sup>68</sup>

Di antara tahun 1849 dengan tahun 1850, Raja Abdullah, saudara Raja Jumaat, memiliki daerah Klang. Bagaimana ini boleh berlaku jelas diceritakan oleh Raja Ismail, putera Raja Abdullah sendiri.<sup>69</sup>

Terdahulu dari itu, ayah saya telah membayar hutang sebanyak \$27,000 kepada Baba Wah Kye bagi pihak Sultan Muhammad Selangor. Tambahan pula Raja Lijah (sepupu perempuan sultan dan ibu pada saudara lelaki sebapa saya, Raja Abdul Rahman) diberikan kepadanya sebagai isteri.

Pada tahun A.H. 1266 (1849-50) ayah saya menerima geran negeri Klang daripada Sultan Selangor, memberi hak yang sah serta waris-waris ke atas negeri itu sungguhpun ini akan merugikan diri sultan sendiri.

Sebelum ini Klang diletakkan di bawah pentadbiran Raja Sulaiman bin Sultan Muhammad yang telah meninggal dunia.<sup>70</sup>

Raja Abdullah "membelanjakan banyak wang untuk memajukan tempat tersebut daripada sebuah hutan belantara kepada sebuah bandar."<sup>71</sup> Dengan pertolongan Raja Jumaat, mula-mula pinjaman diminta daripada Syarikat Neubronner, tetapi syarikat itu enggan atau tidak dapat memenuhi permintaan tersebut. Chee Yam Chuan dan Lim Say Hoe<sup>72</sup> akhirnya memberikan Raja Abdullah sebanyak \$30,000 untuk membangunkan daerah itu serta lombong-lombongnya.<sup>73</sup>

Lombong-lombong utama di daerah Klang terletak di Ampang dan bijih timah mula dieksport kira-kira pada tahun 1859. Oleh kerana kegiatan perlombongan semakin maju dan ini telah menarik minat pedagang Cina dari Lukut. Mereka membekalkan pelombong-pelombong di situ dengan beras, candu, arak serta keperluan harian seperti ayam, daging babi dan lain-lain lagi untuk mendapatkan bijih timah sebagai bayaran yang kemudian mereka eksport. Pedagang pertama yang datang ke kawasan ini ialah Hin Siew, orang Fui Chew, dengan diiringi oleh Yap Si yang berasal daripada San On.<sup>74</sup> Mereka merupakan tuan punya sebuah lombong di Lukut dan di sana mereka mempunyai hubungan perdagangan dengan seorang Raja Mandeling yang bernama Sultan Puasa. Sultan Puasa tinggal berdekatan dengan kawasan perlombongan Ampang dan dia-

lah yang menggesa mereka supaya berniaga dengan pelombong-pelombong Ampang.

Industri perlombongan tidaklah mendatangkan keuntungan sehingga kira-kira tahun 1863,<sup>75</sup> tetapi penduduk perlombongan Ampang dan Kuala Lumpur yang kebanyakannya terdiri daripada orang Hakka Fui Chew bertambah ramai. Tidak lama kemudian Hiu Siew dilantik sebagai kapitan pertama. Hiu Siew meninggal dunia pada tahun 1862 dan digantikan oleh orang kanannya, Liu Ngim Kong dari Lukut yang sampai di Kuala Lumpur dari Lukut setahun sebelumnya. Sebelum menetap di Kuala Lumpur, dia tinggal di Sungai Ujong dan menjadi *panglima* kepada seorang kapitan yang terkenal, iaitu Shin On.<sup>76</sup> Liu Ngim Kong meminta Yap Ah Loy atau Yap Tet Loy yang tinggal di Sungai Ujong menolong salah seorang ketua di sana, iaitu Yap Ah Shak datang ke Kuala Lumpur. Di Kuala Lumpur, Yap Ah Loy mula mengumpulkan harta dan pengaruh. Lewat tahun 1868, kapitan Liu meninggal dunia. Kapitan Liu telah mencadangkan kepada Sultan Abdul Samad supaya Yap Si dilantik sebagai penggantinya tetapi Yap Si menolak cadangan Liu dan menamakan Yap Ah Loy sebagai calon yang lebih sesuai. Mengikut laporan, "ketua keempat-empat kaum"<sup>77</sup> telah bersetuju sebulat suara lalu Yap Ah Loy pun dilantik menjadi kapitan. Permaisuri Sultan datang ke Kuala Lumpur untuk menganugerahi jawatan tersebut kepada Yap Ah Loy.<sup>78</sup>

Penghijrahan orang Cina ke negeri Selangor tidaklah terhad kepada wilayah Ampang dan Kuala Lumpur sahaja. Penduduk Cina juga bertambah ramai di Kanching. Kebanyakan mereka adalah puak Hakka Kah Yeng Chew. Tidak lama kemudian, seorang kapitan dilantik di Kanching. Kapitannya yang pertama ialah Tsin Kin. Bagaimanapun, orang yang menjadi pelombong terkaya di Kanching ialah Chin Ah Chan. Tujuh tahun sesudah kedatangannya Kapitan Tsin Kin meninggal dunia dan terjadilah persengketaan di kalangan orang-orang Kah Yeng Chew sendiri mengenai perlantikan seorang kapitan baru. Chin Ah Chan cuba mendapatkan jawatan ini tetapi apabila gagal dia pun menjual semua hartanya dan berpindah ke Hulu Langat. Sultan Abdul Samad kemudiannya menganugerahkan kepadanya seluruh kawasan itu sebagai konsesi di samping memberikan pinjaman wang. Hartanya di Kanching dibeli oleh Yap Si.<sup>79</sup>

Perkembangan industri perlombongan menimbulkan kesan-kesan lain. Perkembangan ini mempengaruhi kehidupan orang Melayu dalam negeri. Seorang pemerhati menyatakan: "Sebuah daerah di Selangor, iaitu Sungai Lukut, mengeluarkan banyak

bijih timah dan orang-orang Selangor datang untuk berdagang di Lukut dengan membayar \$3 dan \$4 untuk barang yang biasa dijual dengan harga \$1. Akibatnya penanaman *padi* hampir dilupakan.<sup>80</sup> Dengan pembukaan Hulu Selangor dan bandar Kanching, rakyat lebih suka menjual beli”.

Perkembangan perdagangan juga mempengaruhi tradisi pengawalan ekonomi oleh golongan elit yang berkuasa. Sehingga tahun-tahun 1850-an memang telah menjadi adat kelas Melayu yang memerintah melarang eksport bijih timah secara langsung. Semua pengeluar terpaksa menjual bijih timah kepada mereka pada kadar \$30 sebahara. Bagaimanapun, saudagar Negeri-negeri Selat lebih suka berdagang secara langsung dengan pelombong-pelombong dan oleh sebab mereka mempunyai pengaruh di kalangan raja-raja serta pembesar-pembesar Melayu, maka amalan tradisi itu akhirnya dipinda. Raja Jumaat digesa membuat peraturan-peraturan baru dan dia meminta nasihat Kolonel Macpherson. Sebelum kemangkatan Sultan Muhammad, suatu perjumpaan diadakan di antara orang-orang besar dengan saudagar-saudagar Cina yang mempunyai kepentingan dalam perdagangan bijih timah di Kanching, Ampang dan Lukut.<sup>81</sup>

Dengan membenarkan perdagangan secara langsung, maka cadangan telah dibuat supaya dikenakan cukai sebanyak 20 peratus bagi semua bijih timah yang dieksport. Barangkali oleh kerana dirasakan bahawa peraturan perdagangan yang baru ini akan menjejaskan orang-orang besar Melayu, maka mereka juga mencadangkan supaya bayaran sugu hati diberi kepada pelbagai ahli kelas yang memerintah. Oleh kerana saudagar Negeri-negeri Selat akan melibatkan diri secara langsung dalam industri perlombongan dan akibat bertambahnya penduduk Cina, maka Raja Jumaat mencadangkan supaya semua bentuk perjudian hendaklah dihadkan kepada satu tempat sahaja bagi setiap pusat untuk mengelakkan berlakunya sebarang kekacauan.<sup>81</sup>

Di antara tahun 1858 dan 1859, bagi kali pertamanya cukai dikenakan ke atas eksport bijih timah iaitu sebanyak 20 peratus, menurut yang dicadangkan. Tetapi dalam tempoh dua tahun kemudiannya, pedagang-pedagang Cina meminta agar cukai itu diturunkan kepada 10 peratus, kerana sistem bantuan telah dihapuskan.<sup>83</sup> Permohonan itu diperkenankan, tetapi cukai mula dikenakan ke atas candu (\$2 sebola) dan beras (\$4 sekoyan) yang diimport. Bagaimanapun barang-barang lain tidak dikenakan cukai.<sup>84</sup>

Ada tanda-tanda menunjukkan bahawa peraturan baru ini berjalan dengan baik di Lukut tetapi sedikit perselisihan faham berlaku di antara Raja Abdullah dan saudagar-saudagar Melaka, Chee Yam Chuan dan Lim Say Hoe. Orang-orang Cina membatalkan persetujuan awal dengan Raja Abdullah pada tahun 1860. Menurut ceritanya, "mereka ingin agar Hulu Klang ditadbirkan seperti sebuah negeri orang Inggeris, manakala Raja Abdullah berkeras hendak mentadbirnya mengikut undang-undang dan adat resam Melayu".<sup>85</sup> Implikasinya jelas. Sistem tradisional Melayu memberikan monopoli kepada semua barangan yang diperdagangkan dalam lingkungan kawasan yang dikuasainya. Perkara ini bertentangan dengan idea perdagangan bebas yang diikuti oleh orang Inggeris.<sup>86</sup>

Sistem monopoli yang tradisional ini telah dihapuskan di Sungai Ujong dan ia berlaku lebih awal dari di Selangor. Ia berlaku kira-kira dalam tahun-tahun 1830-an. Waktu itu orang-orang besar menerima wang tunai, candu dan beras daripada saudagar-saudagar Melaka dan barang-barang ini kemudian mereka jualan (secara hutang) kepada pelombong-pelombong dengan harga yang tinggi. Pelombong-pelombong pula terpaksa menjualkan bijih timah dengan harga yang dipersetujui kepada orang-orang besar yang kemudiannya dijual kepada saudagar-saudagar Melaka. Jadi, pelombong-pelombong terpaksa membayar wang bunga bagi pinjaman mereka di samping harga yang tinggi bagi barang-barang yang mereka peroleh dari orang-orang besar Melayu. Selain daripada itu, mereka menanggung kerugian kerana terpaksa menjual bijih timahnya dengan harga yang ditetapkan oleh pembeli. Tetapi menjelang tahun 1840, saudagar-saudagar Melaka dapat memberikan wang pendahuluan secara langsung kepada pelombong-pelombong.<sup>87</sup> Oleh kerana tidak lagi diperlukan sebagai orang tengah, maka orang-orang besar Melayu mencari jalan lain untuk mendapatkan bahagian dalam perusahaan lombong bijih. Cukai dikenakan pula ke atas lalulintas di sepanjang Sungai Linggi. Tidaklah berapa jelas sejauh mana peraturan baru ini penting dalam mempengaruhi perkembangan perdagangan di Sungai Ujong, yang jelas hanyalah bukti yang menunjukkan bahawa penanaman modal dalam perdagangan Sungai Ujong-Linggi dari Melaka semakin bertambah. Menjelang tahun 1855, kebanyakan saudagar-saudagar utama, baik Eropah mahupun Cina, terlibat dalam perdagangan ini. Menurut apa yang dilaporkan pada masa itu, "sekarang lebih dari-

pada 2,100 pikul logam ini (bijih timah) yang bernilai \$50,000 dan pendahuluan dalam bentuk wang tunai dan barangan telah dibuat (oleh saudagar-saudagar Melaka) tetapi ditahan di kampung Linggi".<sup>88</sup> Keadaan dalam tahun 1860 juga diketahui dengan agak jelas kerana dalam satu rayuan kepada kerajaan Negeri-negeri Selat para pedagang menyatakan.<sup>89</sup>

Dengan bijih timah sebagai perdagangan utama dan terpenting di Melaka, Tuan Yang Berhormat tentu sedar, bahawa tiap-tiap pendahuluan yang biasanya dibuat oleh pedagang-pedagang, dan orang-orang lain yang berkecimpung dalam perlombongan Sungai Ujong, adalah perlu bertujuan menutup perbelanjaan melombong bijih timah serta meleburnya.

Purata import bijih timah ke Negeri-negeri Selat (dari Sungai Ujong) adalah 20,000 (dua puluh ribu) pikul setahun, semuanya dieksport ke Singapura pada nilai purata \$600,000 (enam ratus ribu) Sepanyol. Seperlima daripada jumlah ini sekarang ada di daerah perlombongan yang telah diberikan pendahuluan.

Nyatalah dalam tempoh lima tahun (1855-60), jumlah wang yang dilaburkan dalam perdagangan bijih timah meningkat lebih dua kali ganda.<sup>90</sup> Begitu juga kalau dalam tahun-tahun 1830-an<sup>91</sup> Sungai Ujong mengeluarkan 7,000 pikul bijih timah setahun, maka dalam tahun 1860 pengeluaran puratanya ialah sebanyak 20,000 pikul setahun, meskipun terdapat kekecohan politik di Sungai Linggi.

Tidak banyak yang diketahui tentang penduduk Cina di Sungai Ujong dalam pertengahan abad ke-19. Apabila lombong-lombong di Klang ditutup pada tahun-tahun 1850-an<sup>92</sup> pelombong Cina beramai-ramai berpindah ke Sungai Ujong. Kapitan Cina yang dilantik di Sungai Ujong ialah Shin On atau Shin Kap. Isterinya dilahirkan di Melaka. Kapitan Shin On adalah seorang Fui Chew. Dia mempunyai seorang anak lelaki bernama Ah Sam dan seorang anak perempuan yang berkahwin dengan seorang Cina lain yang terkenal di Sungai Ujong, Lam Ma yang berasal dari Hoi Fung atau Loke Fung.<sup>93</sup> Penduduk Cina di sini kebanyakannya orang Hakka (Kah Yeng Chew dan Fui Chew), Kanton dan Hokkian.<sup>94</sup> Bilangan penduduk tidaklah diketahui tetapi pada akhir tahun 1860 setelah keadaan menjadi tenteram, (iaitu sesudah pergaduhan Cina-Melayu) orang Cina dikatakan telah datang semula ke Sungai Ujong untuk mengerjakan lombong-lombong di situ.<sup>95</sup>

Walaupun industri perlombongan di Sungai Ujong berkembang maju menjelang pertengahan abad ke-19, tetapi tidaklah pesepat di Larut dan Lukut.



### *Kepentingan Negeri-negeri di Daerah Pedalaman yang Semakin Meningkat*

Pembukaan negeri-negeri Melayu pada abad ke-19 umumnya menjadi punca kepada pertumbuhan dan kejayaan Singapura sebagai pusat perdagangan antarabangsa. Oleh itu, setiap perkembangan penting dalam dunia perniagaan di Singapura akan membawa kesan terhadap kawasan-kawasan pedalaman. Perdagangan Singapura di antara 1855 dan tahun 1865 bergantung kepada keadaan pasaran terbuka. Walau bagaimanapun, satu pertambahan yang nyata dalam kegiatan perdagangan dan spekulasi kewangan berlaku dalam abad tersebut.

Perdagangan Singapura di antara tahun 1855 dan tahun 1865 bergantung kepada keadaan pasaran terbuka. Walau bagaimanapun, satu pertambahan yang nyata dalam kegiatan perdagangan dan spekulasi kewangan berlaku dalam abad tersebut.

Perdagangan Singapura telah mencapai nilai sebanyak \$55,446,113 pada tahun 1857-58, iaitu yang paling tinggi sejak tahun 1819. Tetapi perdagangannya merosot secara mendadak kerana keadaan meleset terjadi pada tahun 1858 yang menyebabkan beberapa buah syarikat Cina ditutup. Gerakan perniagaan terus malap sehingga tahun 1861. Sebab-sebab utama kemerosotan ini ialah kerana kemelesetan perdagangan Eropah, Dahagi India tahun 1857, Peperangan Inggeris-China tahun 1858-60 dan Perang Saudara di Amerika. Dalam tahun 1862-63, nilai keseluruhan perdagangan naik semula, kemudian jatuh lagi pada tahun berikutnya. Ini menyebabkan kegagalan dua buah syarikat Eropah dengan kerugian lebih daripada sejuta ringgit. Pada tahun 1865, beberapa buah lagi syarikat perniagaan ditutup dan ini melemahkan keyakinan orang-orang Cina dan India terhadap bank.<sup>90</sup>

Kemelesetan perdagangan tersebut mempunyai kesan ke atas semua golongan penduduk di Singapura. Mereka menganggap keadaan perniagaan yang buruk itu berpunca daripada pertumbuhan pelabuhan-pelabuhan jiran. Sebagai contoh, telah ditegaskan kepada kerajaan India bahawa:

Nilai yang besar daripada beberapa banyak stesen di Negeri-negeri Selat kepada Great Britain ialah sebagai perdagangan entrepot; khususnya mengenai Singapura yang tidak mengeluarkan apa-apa sungguhpun ia berjaya menarik semua keluaran daripada negeri-negeri jiran. Pada masa dahulu kebanyakan perdagangan dengan negeri China Selatan adalah melalui pelabuhan ini tetapi sekarang

berkurangan disebabkan oleh pembentukan Koloni British di Hong Kong sementara perdagangan dengan Pulau Sulawesi dan Sumatera juga semakin merosot.<sup>97</sup>

Perhubungan pelabuhan-pelabuhan yang berdekatan dianggap memberi kesan yang kurang menyenangkan terhadap pedagang Singapura. Walaupun kesan ini hanya pada zahimya sahaja,<sup>98</sup> kerana kebimbangan yang wujud telah membawa akibat yang sungguh ketara. Dalam tempoh selepas tahun 1855, persaingan perdagangan semakin bertambah di antara syarikat-syarikat British dengan Jerman. Akibatnya, "perbuatan mengaut untung dengan cepat telah berubah kepada kerja keras dengan hasil yang sederhana".<sup>99</sup>

Menurut pendapat umum, kerajaan Negeri-negeri Selat telah terpaksa mencari kawasan-kawasan baru. Gabernornya pada masa itu menyatakan:<sup>100</sup>

Semakin hari sumber-sumber di negeri-negeri jiran semakin perlu untuk dimajukan bagi dan dengan demikian akan meningkatkan usaha dagang.

Meskipun perhubungan kita dengan kebanyakan negeri di kawasan pedalaman ini tidak meluas, namun nilai eksport pada tahun lepas adalah sebanyak Rs. 4,961,717 dan import kita dari daerah yang sama ialah Rs. 4,245,294 ataupun pada keseluruhannya hampir satu juta sterling, maka perdagangan ini nyatalah dapat ditingkatkan lagi.

Meskipun sehingga lewat akhir tahun-tahun 1860-an kawasan-kawasan pantai dan sekitarnya belum lagi diselidiki sepenuhnya<sup>101</sup> tetapi maklumat tentang punca-punca alam yang kaya di negeri-negeri Melayu tidaklah berkurangan. Tulisan-tulisan semasa dan data-data yang dikumpulkan oleh pegawai-pegawai di antara tahun 1820 dan tahun 1860 sangat menggalakkan. Perdagangan yang sedia ada di antara Singapura dan kawasan-kawasan pedalaman, sungguhpun kecil berbanding dengan perdagangan dengan dunia luar, membuktikan bahawa perdagangan ini dapat "diperluas sampai tidak berbatas". Sebagai contohnya, seorang penulis mengatakan bahawa pada tahun 1856, semenanjung merupakan "gudang bijih timah yang terbesar di dunia".<sup>102</sup> Pahang pula dipercayai mempunyai simpanan emas, bijih besi dan arang batu. Tanah semenanjung yang subur dikatakan sesuai untuk ladang tebu, padi dan hasil-hasil pertanian yang lainnya. Setengahnya telah pun ditanam secara meluas di Seberang Prai menjelang abad ke-19.<sup>103</sup> Maka tidaklah menghairankan kalau pada waktu itu terdapat banyak modal telah dilabur di Negeri-negeri Selat kerana ia sangat menguntungkan. Kemerostan hasil dari modal per-

dagangan menyebabkan saudagar Negeri-negeri Selat itu mencari jalan keluar untuk melabur modal mereka di semenanjung. Potensi negeri-negeri Melayu sahaja mungkin tidak dapat menggerakkan modal perniagaan ke semenanjung. Dalam tahun-tahun 1860-an industri membuat kepingan tin berkembang dengan pesat di Britain. Perkembangannya menimbulkan keperluan yang mendesak terhadap Bijih timah.<sup>104</sup>

Tetapi perkembangan ini bukanlah kejadian yang pertama bagi semenanjung mendapat faedah dari rekaan sains. Dalam tahun 1852, *Singapore Free Press* menyatakan:<sup>105</sup>

Penemuan dan perkembangan sains di Eropah telah menimbulkan dorongan kepada Negeri-negeri Selat. Kegunaan gambir bagi pelbagai maksud yang berguna, terutama bagi menyamak kulit dan sebagai warna pencelup, memberikan pekerjaan kepada ribuan penduduk Cina dan apabila pengeluaran sayur-sayuran, iaitu getah perca, mula dipergunakan dengan meluas, penduduk tempatan Tanah Melayu telah menjadi pengeluar atau pengumpulnya.

Permintaan gambir yang meningkat menguntungkan Johor dari segi kebendaan. Semenjak pertengahan abad ke-19, Johor telah menjadi negeri pertanian yang utama di semenanjung. Temenggung Ibrahim yang memerintah Johor mendapat banyak hasil daripada pekebun-pekebun gambir dan lada hitam orang-orang Cina.<sup>106</sup>

Menjelang awal tahun-tahun 1860-an, syarikat-syarikat Eropah yang besar di Singapura telah mula membuat rancangan intensif untuk membangunkan semenanjung. Syarikat Ker dan Rawson telah merintis jalan dengan membuat perjanjian perniagaan dengan Temenggung Ibrahim (yang tinggal di Teluk Belanga, Singapura) di mana William Napier yang pada waktu itu menjadi pegawai kanan Agen Undang-undang di Singapura turut terlibat. Mereka mentadbirkan urusan Temenggung Ibrahim untuk faedah mereka sendiri.<sup>107</sup>

W.W. Ker<sup>108</sup> merupakan orang yang mula-mula menasihati Temenggung Ibrahim supaya Johor dijadikan negeri pertanian.<sup>109</sup> Pada waktu ini penutupan beberapa buah ladang besar di situ telah ditutup dan perpindahan penduduk ke Singapura semakin bertambah. Dalam tahun 1830-32, peladang-peladang Cina terpaksa mencari tanah lain untuk dimajukan.<sup>110</sup>

W.W. Ker banyak memberikan pinjaman kepada Temenggung dan selama beberapa tahun urusan perniagaan keluarga ini semakin bertambah. Pada tahun 1873, keluarga Temenggung Ibrahim masih berhutang kepada Syarikat Ker kira-kira

\$65,000.<sup>111</sup> Syarikat Ker Rawson juga menjadi perintis eksport getah perca dan "melalui syarikat inilah<sup>112</sup> kiriman pertama getah perca dari Singapura sampai di London". Pada tahun 1860, seorang yang bernama Meldrum dengan dua orang penolongnya, iaitu Rankine dan Cameron, telah mendirikan sebuah kilang papan di Johor. Sungguhpun keadaan perniagaannya turun naik, usaha ini terbukti menguntungkan dan pada tahun 1865, Syarikat Meldrum membekalkan kebanyakan kayu landasan keretapi ke India.<sup>113</sup> Balak juga sering dieksport ke India dan perniagaan eksport tersebut dikendalikan oleh Syarikat Paterson dan Simons.<sup>114</sup>

Sungguhpun tidak ada bukti yang jelas bahawa syarikat Ker, Rawson & Co. mempunyai urusan yang langsung dengan negeri-negeri pengeluar bijih timah tetapi besar kemungkinannya syarikat ini merupakan salah sebuah pusat agensi utama dan melalui agensi inilah bijih timah Negeri-negeri Selat dieksport ke negeri China dan India. Sehingga tahun 1850, kedua buah negara ini "mengimport sejumlah besar bijih timah berbanding dengan Eropah dan Amerika Syarikat".<sup>115</sup> Pada tahun 1836, syarikat Ker, Rawson & Co. telah membeli 158 ketul bijih timah daripada sebuah syarikat Cina di Pulau Pinang dan pembelian ini menjadi bukti bahawa syarikat tersebut berminat terhadap perdagangan bijih timah. Tetapi daripada sumber-sumber yang dapat dipercayai, syarikat ini juga dikatakan mengeksport berbagai-bagai jenis keluaran Negeri-negeri Selat yang lain.<sup>116</sup>

W.H. Read dari syarikat A.L. Johnston & Co.<sup>117</sup> segera mengikut langkah Peterson dan Simons. Perkembangan negeri Johor membawa kepada persaingan peribadi di antara Sultan Ali (putera Sultan Hussain) dengan Temenggung Ibrahim. Masing-masing cuba mendapat bahagian yang lebih besar untuk dirinya sendiri. Percubaan Temenggung Ibrahim untuk menguasai pentadbiran negeri mendapat galakan daripada penasihat-penasihat Eropahnya.<sup>118</sup> Read yang memikirkan hanya keuntungan perdagangan, memutuskan untuk menyokong Sultan Ali dengan membuat rancangan untuk memajukan sumber-sumber negeri-negeri Melayu. Beberapa tahun kemudian dia membuat pengakuan bahawa:

Semenanjung Tanah Melayu tentu telah dibuka pada tahun 1865 lagi sekiranya Keppel (bukannya Ord) dilantik menjadi Gabenor kerana rancangan tersebut telah saya kemukakan kepadanya sejak tahun-tahun 1852—53 lagi.

Dalam tahun 1852-53, Butterworth dan Church membuat rancangan untuk menjatuhkan Sultan Ali bagi faedah Temenggung dan saya pula telah membela Sultan Ali. Setelah mendapat kebenaran Bendahara Pahang, saya pun mencadangkan kepada Butterworth dan Church supaya membuat pembaharuan dalam kerajaan Johor dengan Sultan menjadi ketua, Temenggung dan Bendahara sebagai menteri di bawah penasihat Residen Inggeris, di samping mengalihkan sempadan Melaka dari Kesang ke Muar supaya pengaruh kita di semenanjung bertambah luas tetapi kedua-duanya tidak dapat melihat faedah dari rancangan tersebut, *atau mungkinkah disebabkan oleh 24 orang penjual sayur di Jalan Leaderhall?*<sup>119</sup>

Saudagar-saudagar Pulau Pinang juga sudah tidak sabar untuk masuk berdagang ke negeri Perak. Semasa membuat komentar tentang Larut pada 14 April tahun 1860, *Penang Gazette* menyatakan:<sup>120</sup>

Kawasan pedalamannya sangatlah kaya dengan bijih timah dan jumlah orang Cina yang bekerja di situ kebanyakannya datang dari Pulau Pinang, semakin bertambah ramai. Pintu masuk ke kawasan bijih timah yang utama ialah melalui Sungai Larut yang dikuasai oleh Che Ngah Lamat. Cukai tanah yang harus dibayar kepada Sultan Perak untuk seluruh wilayah itu (termasuk Krian dan Bagan Tiang), menurut kuasa yang diberikan kepada Che Long Jaafar dan waris-warisnya hanyalah \$100 setahun sementara hasil yang mereka terima sekarang dari Larut sahaja ialah \$5,000 hingga \$6,000 sebulan, iaitu \$4,000 daripada cukai yang dikenakan sebanyak \$20 sebahara bijih timah dan bakinya yang \$1,000 hingga \$2,000 itu daripada cukai candu yang dikenakan sebanyak \$120 sepeti, cukai atas import beras sebanyak \$2 sekoyan dan \$150 hingga \$200 daripada hasil perjudian.

Komentarnya tentang potensi pertanian di Krian, Bagan Tiang dan Kurau tidaklah begitu baik:

Tanah lanar luas yang terletak di sepanjang pesisiran pantai terkenal kerana kesuburannya, maka ramailah orang yang telah berpindah dari Pulau Pinang dan Seberang Perai ke Krian, Bagan Tiang dan Kurau setiap tahun. Ketua tiap-tiap keluarga membayar cukai izin sebanyak seringggit kepada orang besar di situ. Cukai ini membenarkan mereka menanami tanah sebesar yang terdaya dan untuk ini mereka membayar wang sewa seringggit setengah serelung. Tiga puluh tahun yang lalu, Bagan Tiang tidak mempunyai penduduk. Tempat ini terkenal sebagai tempat lanun serta perompak bersembunyi dan bersuka ria. Kini Bagan Tiang mempunyai penduduk tetap seramai kira-kira 200 orang dan menjadi bertambah ramai semasa musim padi.

Secara singkat, aliran perniagaan baru mula berkembang di sebelah barat semenanjung.

1. Lihat M.A.P. Meilink-Roelofs, *Asian Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago between 1500 and about 1630*, The Hague, 1962, m.s. 29, 165.

2. Lihat B. Harrison (ter.) "Trade in the Straits of Malacca & c.", dan "Malacca in the Eighteenth Century & c".

3. J. de Hulu, "A.E., van Braam Houckgeest's memorie & c."

4. D.K. Bassett, "British Commercial and Strategic Interest in the Malay Peninsula during the late Eighteenth Century" dalam J. Bastin & R. Roolvink (eds.), *Malayan and Indonesian Studies*, Oxford, 1964, m.s. 122-23.

5. C.D Cowan, "Governor Bannerman and the Penang Tin Scheme 1818-19", *JMBRAS*, jil. 23, bhg. 1, 1950, m.s. 54.

6. Untuk keterangan lanjut, lihat *ibid*, m.s. 52-58.

7. C.D. Cowan, "Early Penang and the Rise of Singapore", *JMBRAS*, jil. 23, bhg. 2, 1950, m.s. 88-89.

8. Newbold, *Political and Statistical Account & c.*, jil. 1., m.s. 352-54.

9. *Ibid*. m.s. 354-55.

10. Bijih timah Bangka pada masa itu dijual dengan harga 20 atau 22 ringgit Sepanyol, sementara bijih timah Selat jarang dijual lebih daripada 18 ringgit Sepanyol.

11. Lihat Newbold, *Political and Statistical Accounts & c.*, jil. 1, m.s. 291-312, 342-50; Wong Lin Ken, "The trade of Singapore 1819-1869", *JMBRAS*, jil. 33, bhg. 4, 1960, m.s. 71-79.

12. Mills, "British Malaya, 1824-67", m.s. 193

13. E.A. Blundell, "Notices of the History and Present Condition of Malacca", *JIAEA*, jil II, 1848, m.s. 749-50.

14. CO 273/35 Lt. Gov Shaw to CO, 2 Okt. 1869, Lamp., Lt. Gov. Cairns to Sir Frederic Rogers, 31 Okt. 1868.

15. SSR, W21, Petition from Malacca Merchants to Gov. Blundell, 2 Okt. 1855; T. Chelliah, "War in Negeri Sembilan", disertasi B.A. Hons. Universiti Malaya, Singapura, 1955, Lamp. B (2) Petition to Malacca Traders & Gov. Cavangh., Ogos 1860; Lamp. B(4) Petition of Malacca Traders & Lt. Gov. Shaw, 19 April 1873.

16. H. Eric Miller (ter.), "Extracts from the letter of Col. Nahujs", *JMBRAS*, jil. 19, bhg. 2, 1941 m.s. 202-03.

17. CO 273/16, Correspondence relating to the Transfer to the Straits Settlements, Messrs. Guthrie & others to CO, 20 April 1860.

18. CO 273/24, IO to CO, 4 Sept., 1868, Lamp. Col. H. Man to Sec. to Govt. of India, 29 Feb. 1868.

19. Pada 2 Oktober, 1855 sebilangan saudagar membuat rayuan kepada Gabenor Blundell (SSR, W21), tentang kekacauan yang berlaku di Linggi. Saudagar-saudagar yang menandatangani rayuan itu adalah: J.H. Velge, G.L. Velge, T. Neubronner, Ls. Neubronner, Khor Seng Hoon, Yeo Kim Chong, Yeo Hood Ing, Yeo Hood Hin, See Moh Guan, Lee Qui Lim, Tan Ai Thak, Chan Hong Cheow, See Boon Tiong, Khor Eng Chiam dan Wee Chwee Kwan.

20. Abraham de Wind adalah tuan tanah yang luas di Melaka, yang diperolehinya semasa pentadbiran Belanda. (Lihat J.W.N. Kyshe (ed.) *Cases*

*Heard and Determined in Her Majesty's Supreme Court in the Straits Settlements 1808-1884*, Singapura, 1885, jil. I. m.s. 303-13).

21. Lihat peta Wilayah Melaka tahun 1836 (yang menunjukkan tuan-tuan tanah di Melaka) dalam Abdullah Sultan, "Relations between Malacca and the Malay States 1832-67".

22. C.A Gibson-Hill, "The Master Attendants at Singapore 1819-67" *JMBRAS*, jil. 33, bhg. 1, 1960, m.s. 63.

23. SSR, R11, Singapore to Fort William, 28 Ogos 1844.

24. C.B. Buckley, *An Anecdotal History of Old Times in Singapore 1819-67*, Singapura, 1902, m.s. 218. Lihat juga, SSR, R40, Singapore to Fort William, 16 Dec. 1861; Newbold, *Some Accounts of the Territory and Inhabitants of Nanning in the Malayan Peninsula*, Moor (ed.) m.s. 246; Mills, m.s. 151; W. Makepeace, G.E. Brooke, R. St. Braddell (ed.), *One Hundred Years of Singapore*, London, 1921, m.s. 366; J.B. Westerhoat, "Notes on Malacca", *JIAEA*, jil. II, 1848; Abdullah Sultan, m.s. 19, 25.

25. Buckley, m.s. 641; Makepeace et. al. m.s. 366; Co 273/65. List of Establishments, Straits Settlements, 1873 (tidak ada surat lampiran).

26. Keluarga ini agak besar, dan beberapa orang anggotanya memasuki perkhidmatan kolonial. Misalnya, dalam tahun 1873, A.D. Neubronner menjadi Kerani Besar di pejabat Gov. di Pulau Pinang; Anthony menjadi Ketua Jurubahasa, Mahkamah Tinggi Melaka; A. Neubronner menjadi Jurutulis di Jabatan Kerohanian, Melaka; L. Neubronner menjadi Penolong Pengurus J.K.R. dan Jabatan Ukur, Singapura (lihat CO 273/65, List of Establishments, 85, 1873).

27. SSR, W21, *Petition of Malacca Merchants to Gov. Blundell*, 2 Okt. 1855; CO 273/49, Anson to Kimberley, 22 Ogos 1871; CO 273/65, Ord to Kimberley, 24 Mac 1873; Anon, "History of Selangor" *Selangor Journal*, jil. 1, 18 Nov. 1892.

28. Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry to 1914*, Tucson, 1965, m.s. 35.

29. Lihat Buckley, m.s. 773; CO 273/46. Anson to Kimberley, 25 April 1871, dengan lampiran.

Dalam satu laporan rasmi, Abraham dikatakan lari dari Singapura "dengan demikian jaminan wang yang dibuatnya untuk hadir bagi menjawab tuduhan jenayah yang berat dirampas". Dia bersembunyi di Sungai Ujong. Tetapi tuduhan jenayah itu tidak pula dinyatakan. (Lihat GPMP, C.J. Irving, "Memorandum relative to the Affairs of the Native States on the Malaya Peninsula — with reference to Desp. of the Sec. of State No. 197 of 20 Sept. 1873, t.b.).

30. Lihat SSR, W21, *Petition of Malacca Merchants to Gov. Blundell*, 2 Okt. 1855; List of Establishments, SS 1873, op. cit., CMP Jervois to Camarvon, 29 Dec. 1875, Lamp. C.B. Plunket to Jervois, 25 Dec. 1875; CO 273/76 Sir A. Clarke to Camarvon, 18 Dec. 1874; Kyshe m.s. CXVIII-CXIX.

31. Chee Kim Guan adalah di antara dua orang Cina (yang seorang lagi ialah So Guan Chuan) yang dipilih menjadi Ahli Jawatankuasa Dewan Perniagaan Cina Singapura pertama pada tahun 1837. Dia juga salah seorang daripada tiga puluh enam ahli pengasas Keng Tek Hoey (Song, m.s. 29, 406. Untuk komentar yang berguna tentang Keng Tek Hoey, lihat CO 273/35, T.H. Gottlieb to CO. 28 Okt. 1869 yang berisi lampiran tentang memoranda mengenai kumpulan-kumpulan Rahsia Cina di Singapura).

32. Lim Leack dilahirkan di negeri China dan tiba di Negeri-negeri Selat

pada tahun 1825. Dia menjadi saudagar yang berjaya dan pemodal yang besar bagi perlombongan bijih timah di Semenanjung, tetapi keterangan mengenainya masih tidak lengkap. Dia membuka ladang ubi kayu di Melaka dan memelihara hubungan yang rapat dengan negeri China, kerana kepentingan perniagaannya. Syarikatnya memiliki beberapa buah sekunar yang mengibarkan bendera British. Dia meninggal dunia di Hong Kong pada 22 Ogos tahun 1875. Latar belakang Tan Chin Seng agak kabur. Dia dilahirkan di Melaka dan pindah ke Singapura untuk mengembangkan kepentingan perniagaannya. Menjelang tahun 1853 dia dianggap sebagai salah seorang saudagar Cina yang terpenting. Dia mempunyai tiga orang anak Tan Hoon Chiang (sulung), Hoon Guan dan Hoon Hin. Tan Hoon Chiang menggantikan tampuk pimpinan Syarikat Leack, Chin Seng, sementara yang dua orang lagi menjadi peniaga yang penting di Melaka (lihat Song m.s. 179-80).

33. *Malay Mail*, "Rice Cultivation in the States: Interesting Letter from Raja Bot", 14 Nov. 1902.

34. Penerima ke dalam persatuan itu hanya boleh dibuat setelah seorang ahli yang ada telah meninggal dunia, dan dalam hal ini anak-anaknya boleh mengambil tempatnya. Sebagai contoh, apabila Cheang Teoh dari Singapura (pada satu ketika pernah menjadi pedagang candu dan arak) meninggal dunia, anak-anaknya Cheng Hong Lim, Hong Guan, Hong Choon dan Hong Liap, menggantikannya dalam persatuan itu. (Gottlieb's Memorandum, op. cit.)

35. Cucu Chee Yam Chuan, Chee Swee Cheng, kemudiannya juga bekerja dengan Syarikat Leack, Chin Seng. (Song m.s. 406.)

36. Lihat Kassim Ahmad (ed.), *Kisah Pelayaran Abdullah*, Kuala Lumpur 1966.

37. Tang Seng Poh, lahir di Perak, adalah anak Tan Ah Hun, Kapitan Cina Perak dalam tahun-tahun 1830-an. (Lihat Song m.s. 21, 131-32, 159, 170, 193 dan 202.)

38. *Ibid.*, m.s. 29, 70; *CMP*, Jervois to Carnarvon, 29 Dec. 1875, Lamp. A, C.B. Plunket to Gov. 25 Dec. 1875.

39. Lebih banyak tentang Tan Kim Seng dan Whampoa akan dibincangkan nanti. Untuk maklumat berkenaan Tan Tock Seng, ayah Tan Kim Chang, lihat Song, m.s. 66.

40. Pada tahun 1851, Syarikat Hooding memperoleh 128 ekar tanah di Telok Belanga yang kemudian dikenal sebagai Estet Hooding. Harta ini diperoleh secara penyelesaian amanah yang dibuat pada 8 Nov. 1882 di antara Tan Geok Hup, anak perempuan Tan Kim Seng di satu pihak dan Yeo Hong Tye dan Tan Jiak Kim, cucu Tan Kim Seng di pihak yang lain, yang diwakafkan sebagai tanah perkuburan percuma bagi semua orang Hokkien yang mempunyai nama keluarga Yeo. Ini cukup membuktikan bahawa kedua keluarga itu bersaudara. (Lihat Song, m.s. 26, 46, 95, 302.)

41. Lee Keng Yam juga menjadi pemegang ladang-ladang Belanda di sekitarnya dan tak lama sebelum dia meninggal dia telah memperoleh kontrak tiga tahun untuk ladang candu Hong Kong. (*Ibid.* m.s. 241-42.)

42. David Brown datang ke Pulau Pinang kira-kira dalam tahun 1801, dari Calcutta untuk mencari penghidupan dan kekayaan. Walaupun dia mempunyai pengalaman tentang perkapalan tetapi minatnya lebih tertumpu di bidang pertanian. Dia menjadi salah seorang peladang perintis di Pulau Pinang dengan membuka ladang gelugor yang menjadi milik keluarga Brown.



David Brown menjadi sahabat baik Raffles dan mereka berdua mempunyai minat terhadap ilmu perkebunan. (Special Correspondance, "The Association varied Collection of Historical Documents," *Malaysia*, Jan. 1969, m.s. 7.)

43. Winstedt & Wilkinson, "A History of Perak". m.s. 74.

44. SSR, G5, Blundell to Raja of Salangore, 10 Feb. 1842.

45. Kyshe, m.s. 23, 43-51, 85-100.

46. Kyshe, m.s. 248, Buckley, m.s. 696; SSR, W21. H.M.'s J.P.s to Gov. 19 Okt. 1855; W34 Nairne to Judges of H. M.'s Court of Judicature for P.W.I., Singapore and Malacca, 7 Mei 1860; W53 Letter Dated 2 Jan. 1865. PRCR, Kassim; C.N. Parkinson, *British Intervention in Malaya 1867-77*, Kuala Lumpur, 1968, m.s. 149.

47. Kyshe, m.s. 145-60; SSR, DD33, Resident Councillor to Gov. 12 April 1861; DD42, Resident Councillor to Gov., 27 Julai 1865, Lamp. 4 Yamtuan of Assahan to Baba Boon Keng, 18 Julai 1865; CO 273/71, Sir A. Clarke to Sec. of State, 25 Dec. 1873 (dengan lampiran *Penang Gazette*, 18 Dec. 1873, yang melaporkan pertemuan para peladang dan orang-orang lain yang menaruh minat terhadap ladang di Seberang Perai berikutan dengan penganiayaan buruh India dengan Nairne sebagai Pengerusinya). CO 273/15, Larut Disturbances, Resident Councillor, Penang to Deputy Sec. to Gov. SS, 30 April, 1863.

48. Winstedt, "A History of Selangor", m.s. 17.

49. C.S. Wong, *A Gallery of Chinese Kapitans*, Singapura, 1964, m.s. 12-15.

50. Cerita ini dikisahkan dalam J.M. Gullick, "Captain Speedy of Larut", *JMBRAS* jil. 26 Bhg. 3, 1953, m.s. 19-20.

51. Lihat Salasilah Long Jaafar yang dilampirkan.

52. Konon dikatakan juga bahawa Ngah Pura adalah cucu Datuk Panglima Kinta. (Lihat Winstedt & Wilkinson, m.s. 145.)

53. Tidaklah pasti bilakah Long Jaafar pertama kalinya melombong di Larut. Tetapi menjelang tahun 1844, Larut sudah mula mengeksport bijih timah ke Pulau Pinang. (*Straits Settlement Commerce and Shipping 1884*, dipetik oleh Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry to 1914*, m.s. 26, No. 76.) Tentang permulaan kegiatan perlombongan orang Cina di daerah Larut lihat surat-surat Swettenham, perkara 72, *Blue Book of the District in the Native State of Perak for the year 1874*; CMP, Sir. A. Clarke to Kimberley, 24 Feb. 1874, Lamp. 1, A. Skinner's *Precis of Perak Affairs*, 10 Jan. 1874.

54. Karier Long Jaafar yang diberi di sini sebahagiannya didasarkan kepada akaun yang diberi oleh Munshi Ibrahim (Haji Muhammad Said (ed.), m.s. 75-76). Orang yang memberi maklumat kepada Munshi Ibrahim ialah Syed Muhammad Zain bin Abdul Rahman Al-Mashhor dari Pulau Pinang yang mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang hal-ehwal di Larut. Tetapi cerita Munshi Ibrahim mempunyai beberapa kesilapan, seperti yang disedarinya sendiri. Bagaimanapun penerangan ini mengandungi banyak maklumat.

55. Chen Sang ialah sebuah daerah kecil di Kongchow Kwantung, sebuah provinsi di Kwantung.

56. Fui Chew ialah sebuah daerah kecil di Kwantung bersama sembilan buah daerah lainnya.

57. Dokumen tentang kekacauan di Larut pada tahun 1861 tidak menyebut-

kan asal-asal wilayah pelombong-pelombong Cina itu tetapi dokumen tentang kekacauan tahun 1865 dengan jelas menyatakan bahawa dua kumpulan yang besar itu ialah Chen Sang (di Klian Pauh) dan Fui Chew (di Klian Bahru). (Lihat CO 273/15, Petition of Oh Wee Kee to Resident Councillor, Penang, 18 Oct. 1865.)

58. CO 273/5, Dokumen mengenai kekacauan di Larut; Kenyataan pelombong-pelombong Ghee Hin (Fui Chew).

59. Pekerjaan Oh Wee Kee ialah sebagai penyembelih, pembuat roti dan pedagang. Walaupun dia memodali pelombong-pelombong Larut bersamasama dengan pedagang-pedagang lain, tetapi pinjamannya dibuatnya sendiri dalam tahun 1865 dikatakan berjumlah kira-kira \$5,000 (CO 273/15, Larut Disturbances: Oh Wee Kee's petition of 18 Okt. 1865).

60. CO 273/5, Kekacauan di Larut: kenyataan Chun Ah Kew, Ham Lin, Yi Ah Sin dan Li Ah Foy. Semuanya lebih daripada tiga puluh orang pelombong Fui Chew membuat kenyataan kepada Pihak Berkuasa Pulau Pinang tetapi hanya kenyataan daripada dua puluh orang sahaja dianggap benar.

61. CO 273/5, Kekacauan di Larut; G. Smart to H. Man, 12 April 1862; Capt. G.T. Wright, Commdr. of Hoogly to Resident Councillor, Penang, 14 & 22 May 1862; J.W. Warwick, Commdr. of Mohr to Capt. Wright, 13 May 1862; E. Noyes, Commdr. of Tonze to Capt. Wright, 22 May 1862.

62. CO 273/15, Kekacauan di Larut: Lamp.; Kenyataan menunjukkan kuantiti dan nilai import dan eksport dari dan ke Perak serta jajahan takluknya, dari dan ke Pelabuhan PWI semasa tahun 1861/2 dan selama 10 bulan dalam tempoh 1862/3.

63. Sejarah hubungan Raja Jumaat dengan Lukut terdapat dalam CO 275/95, Robinson to Hick Beach, 2 Aug. 1878 with encls. and CO 273/98, Robinson to Hicks Beach, 31 Jan. 1879 with encls.

64. Nasir Osman Abbas, *Sejarah Lukut*, m. s. 2.

65. Ibid; *Malay Mail*, "Rice Cultivation in the States: Interesting Letter From Raja Bot".

66. SSR. R40, Singapore to Fort William, 16 May 1861.

67. Abdul Samad Ahmad (ed.), *Pesaka Selangor*, m. s. 2; J.M. Gullick, "A Careless, Heathen Philosopher?". *JMBRAS*, jil. 26, bhg. 1, 1953, m. s. 89.

68. Gullick, "A Careless, Heathen Philosopher?", m. s. 89. Raja Bot mendakwa bahawa ayahnyalah yang telah membuka Ulu Selangor dan bandar Kanching. (Lihat *Malay Mail*, "Rice Cultivation is in the States & c.")

69. Dipetik oleh Mohd Amin Hassan, "Raja Mahdi bin Raja Sulaiman", *Peninjau Sejarah* jil. 1, no. 2, 1966; m. s. 53-54.

70. Abdul Samad Ahmad, m. s. 7.

71. W. Jalleh, *Disorders in Selangor before 1874*, disertasi B.A Hons. Universiti Malaya, Singapura, 1955, Tam. E, Terjemahan surat daripada Raja Ismail kepada Gov., SS, 28 Sept. 1876.

72. Belum lagi diketahui analisa apa-apa tentang dirinya.

73. S.M. Middlebrook, "Yap Ah Loy", *JMBRAS*, jil. 24, bhg. 2, 1951, m. s. 18.

74. Sebuah daerah di Kongchow.

75. Lihat *Malay Mail*, "Rice Cultivation in the States & c."

76. Lihat m.s. 78.

77. Barangkali keempat-empat bangsa yang dimaksudkan sebagai orang Cina Fiu Chew, Kanton, Hokkien dan Kah Yeng Chew (sebuah daerah kecil di provinsi Kwantung) tinggal di Ampang dan Kuala Lumpur. (Lihat J.M. Gullick, "Kuala Lumpur 1880-95", *JMBRAS*, jil. 28, bhg. 4, 1955 Tam. A., m.s. 134-35.)

78. C.K. "Yap Ah Loy", *Selangor Journal*, jil. 1, no. 12, Feb. 1893, m.s. 185.

79. Keterangan di atas tentang sejarah awal orang Cina di negeri Selangor didasarkan kepada sumber-sumber berikut: Middlebrook, op. cit.; C.K., "Yap Ah Loy", op. cit.; "Translation of Extracts from a Record made in Chinese by Yap Ah Loy relating to the Wars in Selangor before the year 1874; *Journal of South Seas Society*, jil. 13, bhg. 1, 1957 dan Gullick, "Kuala Lumpur 1880-95", Tam. A.

80. Rice Cultivation in the States & c. op. cit.

81. Di antara orang-orang Cina yang hadir adalah Chee Yam Chuan, Kwek Ah Tong, Low Yam dan Kay Ah Tat. Selain daripada Chee Yam Chuan, tidak terdapat apa-apa maklumat tentang yang lain-lain.

82. Lihat *Malay Mail*, "Rice Cultivation in the States & c", Anon, "History of Selangor", m.s. 71.

83. Lihat Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry to 1914*, m.s. 74-75, 76. Sistem pertukaran adalah cara membayar pekerja-pekerja dalam bentuk barangan bukannya dengan wang. Pekerja-pekerja itu akan membeli barang keperluan dan sebagainya daripada majikan mereka.

84. *Malay Mail*, "Rice Cultivation in the States & c."

85. Middlebrook, m.s. 102, n. 6.

86. Satu lagi contoh sistem tradisi terdapat dalam sepucuk surat yang ditulis oleh J.G. Davidson kepada Sheik Mohamad Taib (penghulu Hulu Selangor) pada 19 Jan. 1875: "Saya juga telah membuat pengaduan bahawa orang-orang kawan saya di Kanching tidak berdagang dengan adil, ertinya mereka mencuba memaksa peniaga-peniaga lain menjual barang-barang kepada mereka dengan harga yang murah dan kemudiannya menjualnya kepada pelombong-pelombong dengan harga yang mahal dan tidak membayar pedagang-pedagang itu. Rakan saya ingin tahu sama ada pengaduan ini benar dan akan memberitahu orang-orang rakan saya bahawa mereka janganlah mencegah atau menghalang pedagang-pedagang itu daripada menjual barang-barangnya kepada sesiapa sahaja yang mereka suka." (SSF, No. 2 1875, tak ada ref. no.)

87. *GPMP Braddell*, "Second Continuation of Report & c." Abdullah Sultan, m.s. 30.

88. SSR, W21, *Petition of Malacca Merchants to Blundell*, 20 Okt. 1855.

89. Chelliah, Tam. B(2).

90. Pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada para pelombong terdiri daripada candu, beras, barang-barang tembikar, garam dan ikan masin. Dari barang-barang ini, nilai candu melebihi harga barang-barang lain kalau dicampurkan dan pada hakikatnya membentuk lebih daripada lima puluh peratus daripada jumlah nilai pinjaman tersebut.

91. Newbold, "Account of Sungai Ujong & c", Moor (ed.), m.s. 83.

92. Lombong-lombong Kesang yang terletak di Melaka, mula-mula dikerja-

kan oleh orang Melayu tetapi menarik perhatian pelombong-pelombong Cina mulai tahun 1844. Semenjak itu pengeluaran bertambah dengan pesatnya daripada kira-kira 146 pikul dalam tahun 1844-45 hingga mencapai puncaknya sebenar 14,330 pikul pada tahun 1850-51. Selepas itu pengeluaran mulai merosot. (Lihat T. Braddell, "Notes on a Trip to the Interior from Malacca", *JIAEA*, jil. VII, 1853, m.s. 75-76.)

93. Sebuah daerah di Fui Chew.

94. Punca-punca yang dapat memberi keterangan lanjut tentang orang Cina di Sungai Ujong di antara tahun-tahun 1850-60 ialah: C. Letessier, "Sisen Ta, A Chinese Apithesis", *Selangor Journal*, jil. 1, no 12, Jun 1893; GPMP Braddell, "Second Continuation of Reports & c." Gullick, Kuala Lumpur, 1880-95, Tam. A, m.s. 133-34; Middlebrook, m.s. 15-16.

95. SSR, R38, Singapore to Fort William, 6 Oct. 1860.

96. Lihat Wong Lin Ken, "The Trade of Singapore 1819-69", m.s. 159-75.

97. SSR, R41, Singapore to Fort William, 31 Dec. 1863.

98. Wong Lin Ken, "The Trade of Singapore 1819-69", m.s. 35-108.

99. Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry to 1914*, m.s. 31.

100. SSR, R41, Singapore to Fort William, 31 Dec. 1863.

101. C.M. Turnbull, "The Origins of British Control in the Malay States before Colonial Rule," dalam J. Bestin & R. Roolvink (ed.) *Malayan and Indonesian Studies*, Oxford 1964, m.s. 167.

102. J. Crawford, *A Descriptive Dictionary of the Indian Islands and Adjacent Countries*, London, 1856, m.s. 254.

103. Lihat Mills, m.s. 232-33.

104. Lihat Wong Lin Ken, "The Malayan Tin Industry: A Study of The Impact of Western Industrialization on Malaya" dalam K.G. Treggonying (ed.), *Papers on Malayan History*, Singapura, 1962.

105. Dari catatan Wong Lin Ken, "The Trade of Singapore 1819-69, m.s. 169. Pada tahun 1840, Dr. Montgomerie mendapati bahawa susu getah mempunyai sifat penting bagi memelihara kabel dasar laut supaya tetap baik. Getah perca juga mempunyai kegunaan lain yang penting, sebagai contohnya, dalam pembuatan besin, baldi, takar dan dalam bidang surgery. Di antara tahun 1844 dengan pertengahan tahun 1848, kira-kira 21,598.68 pikul getah perca yang bernilai \$274,190 telah diekspor dari Singapura. (Lihat Loh Weng Fong, "Singapore Agency Houses 1819-1900", disertasi B.A. Hons. Universiti Malaya, Singapura, 1958, m.s. 24; P.S. Sundram, "Economic Development of Johore 1826-95", disertasi B.A. Hons. Universiti Malaya, Singapura, 1958, m.s. 11.)

106. C.M. Turnbull, "The Johore Gambier and Pepper Trade in the Mid 19th Century", *Journal of South Seas Society*, jil. 15, 1959, m.s. 46-47; Sundram, m.s. 10-11.

107. Turnbull, "The Origin of British Control & c.", dalam Bestin and Roolvink (ed.), m.s. 171.

108. Pada tahun 1828, firma syarikat Ker Rawson & Co. ditubuhkan oleh William Wemys Ker di Singapura, Thomas Sam Rawson di London dan Christopher Empsen di negeri China. Ker kemudiannya balik ke London dan menubuhkan firma Syarikat W.W. Ker di 21, St. Swithin Lane, London.

Dalam tahun 1853, syarikat ini dikongsi oleh Ker, Rawson, Wilkam Paterson dan H.M. Simons. Paterson dan Simons dulunya kerani dalam syarikat ini. Menjelang akhir bulan April tahun 1859, nama lama syarikat itu digugurkan dan (di Singapura) dinamakan semula syarikat Paterson, Simons & Co. Walau bagaimanapun tujuan dan kepentingan Syarikat W.W. Ker dan syarikat Paterson, Simons & Co. masih dikekalkan. (Co 273/4, Ker to Kimberley, 28 Feb. 1871; Co 273/78, Tidmon to Hope, 20 May 1874: Buckley, op. cit. m.s. 233-34.)

109. Sir Peter Benson Maxwell (*Our Malay Conquests*, Westminster, 1878, m.s. 21) menulis: Tiga puluh tahun yang lepas, ketua orang-orang tempatan di Johor telah diberitahu oleh mendiang Encik Ker, seorang saudagar Inggeris di Singapura, dibawa melihat bahawa jualan kepada kekayaan dan kemakmuran bukan dalam perdagangan dan industri, tetapi dalam melindungi nyawa dan harta benda; dalam masa beberapa tahun kemudian, orang-orang Cina mula bertumpu ke negeri mereka dan pendapatan mereka semakin lumayan.

110. Turnbull, "*The Johore Gambier and Pepper Trade & c.*", m.s. 43.

111. W.W. Ker menulis pada tahun 1871 ". . . ahli-ahli syarikat kita selama tiga puluh tahun yang lalu menjadi agen untuk Raja-raja Johor . . ." (Co 273/54, Ker to Kimberley, 28 Feb. 1871). Dan Abu Bakar, putera Temenggung Ibrahim, berkata kepada Gabenor Ord pada tahun 1873: "Kamu sedar tentang hubungan yang telah lama terjalin di antara syarikat itu dengan keluarga beta, tentang hormat beta kepada ahli-ahlinya itu dan tentang perasaan beta bahawa pegawai-pegawai kanan syarikat tersebut memberikan khidmat penting kepada ayahanda beta dan beta sendiri . . ." Co 273/66, Ord to Kimberley, 24 April 1873, Lamp. Abu Bakar to Ord, 31 Mac 1873.

112. A. Wright dan H.A. Cartwright, *Twentieth Century Impressions of British Malaya*, London, 1908, m.s. 664.

113. Sundram m.s. 24.

114. SSR, R41, Singapore to Fort William, 17 Jan. 1867. Dalam tahun 1861 Cavenagh menulis tentang Temenggung Ibrahim: "Sekiranya Duli Yang Maha Mulia dipaksa dari mula supaya bersemayam di kawasan wilayahnya sendiri, dengan bantuan nasihat yang diberikan oleh kerajaan, mungkin baginda telah membuat perubahan-perubahan yang besar hingga menguntungkan dirinya dan rakyat. Sekarang segala kepentingannya telah jatuh ke tangan agen-agen Eropah dan tujuan mereka hanyalah untuk faedah diri mereka sendiri melalui pengaruhnya . . . sebatang jalan raya pun tidak ada di seluruh negeri dan satu-satunya tanda peradaban yang ada ialah rumah-rumah yang dibina untuk tempat tinggal Duli Yang Maha Mulia apabila Baginda berkunjung ke Johor, dan sebuah kilang papan untuk membolehkan para penasihatnya mendapatkan keuntungan yang besar dari penjualan kayu balak yang dapat diperolehi dari hutan belantara di tanah besar". (Dipetik oleh N. Tarling, "*British Policy in the Malay Peninsula and Archipelego 1824-71*," *JMBRAS*, jil 30, bhg. 3, 1957, m.s. 68. (Dicetak ulang Kuala Lumpur, 1969.)

115. Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry to 1914* m.s. 12-13.

116. Kyshe, m.s. 22-27.

117. Syarikat A.L. Johnston, adalah sebuah agensi perniagaan yang tertua di Singapura (1820). Pemiliknya, Alexander Laurie, seorang bangsa Scot, dilahirkan dan dibesarkan di Dumfrieshire, Scotland. Dia mula-mula pergi ke India dan di sana dia berkhidmat dengan Syarikat Hindia Timur. Kemudian dia

pindah ke Singapura dan di sana dia menjadi sahabat Raffles. Dia meninggalkan Singapura pada bulan Disember, 1841. Penggantinya ialah Christopher Rideout Read yang mempunyai anak bernama William Henry Read. W.H. (nama panggilannya) meninggalkan England pada 18 Mac, 1841 dan sampai di Singapura pada 12 September, 1841 dengan sebuah kapal layar bernama *General Kyd*. Dia menjadi tokoh yang terkenal di Singapura, di samping mempunyai pengaruh di kalangan raja-raja Melayu dan Raja Mongkut Siam. (Untuk keterangan lebih lanjut lagi, lihat Buckley, m.s. 62, 367-69.)

118. Pada tahun 1861, Wan Ahmad Pahang yang menulis kepada Residen Singapura, berkata: "Temenggong berhasrat untuk menjadi raja seluruh Semenanjung dan Teluk Belanga dijadikan sebagai ibu negerinya dan mengeluarkan mandat sepertimana yang diajarkan oleh peguam-peguamnya. Di samping itu sebagai Temenggong Singapura, melalui bantuan dari rakan-rakan Eropahnya dia telah mengusir pemilik sebenarnya dan berkuasa ke atas seluruh pendapatan negeri itu . . ." (Co 273/94, Robinson to Hicks Beach, 5 July, 1878, with encls; lihat juga Turnbull, "The Origins of British Control & c." dalam Bastin & Roolvink (ed.) m.s. 171.

119. *Singapore Free Press*, 30 Jun 1899: Lihat Surat Read: buku Pemberitahuan Laksmana Sir Henry Keppel's, *A Sailor's Life Under Four Sovereigns*. Sama ada Read benar-benar optimis bahawa Keppel boleh berjaya melaksanakan polisi perluasannya tidaklah penting. Peristiwa tahun-tahun 1860-an dan awal 1870-an membuktikan kepada kita betapa tersusunnya rancangan Read.

120. Dipetik oleh Wee Choon Siang, m.s. 7.

## Kemunculan Perusahaan Besar-besaran

### *Eksplorasi Lebih Intensif Sumber Semenanjung*

Menjelang tahun-tahun 1860-an, selain daripada kegiatan perlombongan yang pesat di Larut, Klang dan Sungai Ujong, terdapat juga usaha-usaha yang dilakukan oleh saudagar-saudagar utama di Negeri-negeri Selat untuk mengambil bahagian secara langsung dalam perkembangan perdagangan negeri-negeri Melayu. Sekali lagi syarikat Paterson, Simons & Co. menjadi perintis dengan menanam modal di dalam industri perlombongan di Pahang.

Sebelum pertengahan abad ke-19, Pahang yang ketika itu di bawah pentadbiran Bendahara Ali, telah pun mempunyai hubungan perdagangan yang baik dengan Singapura melalui orang-orang Cina. Kuantan, sebuah pusat perlombongan yang utama, mempunyai "masyarakat Cina yang maju".<sup>1</sup> Wan Mutahir, anak sulung Bendahara Ali menjadi bendahara setelah ayahnya meninggal dunia pada tahun 1857. Tetapi Kuantan dan Endau, diserahkan kepada anak yang lebih muda, iaitu Wan Ahmad. Wan Mutahir cuba untuk menguasai Kuantan dan Endau dan perkara ini merupakan punca utama timbulnya perang saudara yang berlarutan pada tahun 1857. Akhirnya Wan Ahmad berjaya merampas gelaran Bendahara dari Wan Mutahir dan anaknya Tun Koris,<sup>2</sup> dalam tahun 1863.<sup>3</sup> Temenggung Ibrahim yang mana anak-anaknya berkahwin dengan anak-anak Bendahara Mutahir merupakan orang yang utama menggalakkan Mutahir supaya mengusir adiknya dari Kuantan dan Endau. Melalui pengaruh Temenggung Ibrahim, syarikat

Paterson, Simons & Co. dapat bertapak di Pahang. Pada lewat tahun 1860, syarikat ini membantu Wan Mutahir menyelesaikan masalah tuntutan hutang Tan Kim Seng (pemberi hutang utama kepada keluarga Bendahara) di samping memberikan pinjaman modal untuk mengerjakan lombong-lombong di Pahang. Perjanjian di antara William Paterson dengan Tun Koris dalam bulan November tahun 1861 menyatakan:

Kami, Datuk Bendahara Tun Koris Seri Maharaja Pahang dengan rela memberikan kebenaran dan hak untuk mengerjakan lombong bijih timah di daerah kami yang berhampiran dengan Sungai Kuantan kepada Tuan William Paterson, seorang saudagar dari Singapura, kerana dia telah banyak berjasa kepada kami, rakyat dan juga keamanan negeri ini. Dia juga telah meminjamkan wang kepada kami untuk membolehkan kami menyelesaikan hutang-hutang keluarga kami pada Tan Kim Seng dari Singapura yang berjumlah \$11,800, serta bunganya.<sup>4</sup>

Kerja-kerja melombong segera dimulakan dan dua buah gudang dibina. Tetapi kemenangan Wan Ahmad merampas gelaran Bendahara dalam tahun 1863 telah merosakkan pelaburan modal Syarikat Paterson dan Simons.<sup>5</sup> Syarikat berkenaan tidak lagi cuba melabur dan membangunkan Pahang sehingga tahun-tahun 1880-an.<sup>6</sup>

Percubaan berikutnya dibuat oleh seorang ahli agensi perniagaan Eropah di Singapura untuk mendapat kawalan yang lebih besar ke atas industri perlombongan semenanjung pada tahun 1866. Menjelang awal bulan Mac tahun tersebut, W.H. Read, bersama-sama dengan Tan Kim Cheng telah membuat persetujuan dengan Raja Abdullah untuk mengambil alih pengutipan cukai di Klang. Persetujuan itu pada mulanya untuk jangka masa selama dua tahun sahaja dan dalam tempoh tersebut sindiket Read-Kim Cheng akan menerima komisen dua persepuluh daripada jumlah cukai yang dikutip. Teks persetujuan yang sebenarnya tidak ada tetapi kegiatan sindiket itu meliputi bidang yang lebih daripada pungutan cukai sahaja kerana mereka juga dikatakan mengawal kawasan-kawasan sekitar Klang supaya tidak diganggu oleh para pedagang lain "dan mereka akan membangunkan negeri kita hingga penduduknya bertambah ramai."<sup>7</sup>

Sindiket tersebut dapat menguasai perdagangan di wilayah berkenaan sehingga tahun 1867 apabila kekacauan meletus. Nilai perdagangan di Klang tidaklah diketahui secara terperinci tetapi sebelum kekacauan meletus, perdagangan di wilayah-wilayah kepunyaan negeri Selangor berjumlah kira-kira sejuta



ringgit.<sup>8</sup> Anggaran ini mungkin boleh dianggap tepat, kerana seorang pelawat ke Klang melaporkan: "Selangor mempunyai lombong yang kaya di Klang, yang mana dua tahun dahulu, (iaitu tahun 1866), dimodali oleh saudagar-saudagar Eropah mendatangkan hasil kira-kira 21,000 pikul bijih timah".<sup>9</sup> Harga bijih timah Negeri-negeri Selat pada waktu itu ialah £88 setan,<sup>10</sup> dan ini bermakna 21,000 pikul akan menghasilkan kira-kira £100,000.

Sementara dunia perniagaan Singapura cuba memecah masuk ke semenanjung, Pulau Pinang tidak pula berdiam diri. Sebenarnya kemajuan Pulau Pinang pada keseluruhannya, berjalan dengan lebih pesat daripada yang dijangka. Perdagangan import dan eksport koloni ini bagi tahun kewangan, 30 April, 1865 menunjukkan pertambahan sebanyak 2 juta rupee lebih daripada tahun lepas, dan mencapai kira-kira £1,108,000. Menurut Residen Konsularnya:

perkembangan yang sebenarnya boleh dikatakan tidak begitu menggalakkan kerana susut nilai harga kebanyakan barang-barang pengeluaran telah menghasilkan nilai pulangan yang jauh lebih kecil daripada tahun-tahun lepas. Contohnya ialah bijih timah, iaitu eksport kita yang utama. Harga yang dikurangkan bagi kuantiti, yang dihantar ke Britain sahaja sebenarnya hampir 300,000 rupee.<sup>11</sup>

Eksport bijih timah Pulau Pinang ke London dikatakan berjumlah 45,000 pikul, iaitu dua kali lebih besar daripada eksport Singapura. Walaupun perdagangan Pulau Pinang merosot dalam tahun 1868 tetapi ia pulih kembali menjelang tahun 1869 dan mencapai jumlah nilai £7,269,415 pada tahun 1871. Di antara tahun 1869 dan 1871, import Pulau Pinang mencapai hampir-hampir 80 peratus. Sementara import Singapura bertambah hanya di sekitar 15 peratus. Eksport Singapura pula bertambah lebih kurang 18 peratus, berbanding dengan Pulau Pinang yang melebihi 52 peratus. Sementara dalam tahun 1861 import dan eksport Singapura dengan Pulau Pinang adalah berkadar sepuluh nisbah tiga dan pada tahun 1871 pula ialah sepuluh nisbah lima.<sup>12</sup>

Sebahagian besar kemajuan Pulau Pinang bukan disebabkan oleh perdagangan dengan Sumatera ataupun perkembangan perdagangan bijih timahnya. Tetapi kelebihanannya berbanding dengan Singapura ialah perkembangan pertaniannya. Sehingga awal tahun-tahun 1870-an, "eksport keluaran pertanian Singapura berjumlah kira-kira £40,000, sementara eksport hasil pertanian Pulau Pinang pula berjumlah lebih daripada setengah

juta setahun". Hasil pertaniannya, iaitu gula, ram, ubi kayu, beras, kelapa (dan minyak kelapa), lada hitam dan sabut kelapa adalah dari Seberang Perai. Ladang tebu di sini sangat luas dan setiap ladang mengeluarkan lebih kurang 1,000 hingga 2,000 tan gula yang bermutu tinggi tiap-tiap tahun.<sup>13</sup> Adalah di percayai bahawa "perkembangan perdagangan Pulau Pinang yang tetap . . . masih boleh menandingi perdagangan Singapura, sekiranya Singapura tidak mengambil tindakan meluaskan tanah pertaniannya."<sup>14</sup>

Kita dapat membuat kesimpulan yang wajar bahawa kejayaan ladang-ladang Seberang Perai tentunya menimbulkan kesadaran yang khusus. Sekiranya diberikan tanah yang subur ditempat lain, perdagangan pertanian Pulau Pinang dapat diperluaskan. Maka Pulau Pinang pun mula mengalihkan pandangannya ke Perak. Percubaan pertama untuk membangunkan pertanian secara komersial di Perak dibuat pada tahun 1861 oleh William Thomas Lewis.<sup>15</sup>

W.T. Lewis yang berkhidmat di Negeri-negeri Selat selama hampir 54 tahun, bersara pada bulan September tahun 1860 dengan pencen sebanyak £500 setahun. Selama beberapa tahun dia menjadi Residen Konsular dan Pesuruhjaya Polis di Pulau Pinang. Dia mempunyai banyak pengaruh di Perak kerana kedudukannya itu. Pada bulan April tahun 1861, dia berjaya memujuk Sultan Jaafar supaya membenarkannya berladang di wilayah Krian. Sultan Jaafar menyuruhnya "mengambil tanah itu seperti raja" (sama seperti Sir James Brooke di Sarawak) tetapi Lewis menolaknya. Namun geran (bertarikh 16 April 1861) yang diperolehnya membenarkannya menguasai kawasan dari "Sungai Krian sehingga penghujung sempadan di selatan Pasir Gedebu dengan Kurau". Selanjutnya dinyatakan juga:

Kami menyerahkan kepada W.T. Lewis Esquire semua lombong, rotan, damar, bukit-bukau, hutan belantara segala sesuatunya yang terdapat di kawasan tersebut. Kami juga menyerahkan hak kami sebagai penghulu dan rakyat.

Perjanjian ini dibuat di antara Yang Dipertuan dan W.T. Lewis Esquire untuk mengerjakan tanah di Perak seperti yang dinyatakan oleh mohor ini. Ia berkuatkuasa selama 20 tahun dan meliputi semua tanah dalam lingkungan sempadan yang telah dinyatakan, gunung-gunung, daratan, tanah rendah, tasik, air dan juga sungai, anak sungai dan semua jenis kayu-kayan, hutan dan segala sesuatu yang terdapat dalam perutnya seperti bijih timah termasuk semua pendapatan dan cukai.

Lewis juga diberikan lebih hak-hak perdagangan seperti yang disebut di dalam geran tersebut:

Barang siapa yang cuba merosakkan ladang W.T. Lewis ataupun menceroahi kawasan ladangnya telah dianggap melanggar undang-undang negeri Perak yang sudah termaktub dan dianggap juga sebagai menentang Duli yang Maha Mulia Yang Dipertuan dan W.T. Lewis Esquire. Mereka akan dihukum dengan seberat-beratnya. Sekiranya dikenakan denda kerana kesalahan tersebut maka semua harta rampasan berkenaan akan dibahagi sama banyak di antara Yang Dipertuan dengan W.T. Lewis. Tetapi dalam semua hal yang dibicarakan oleh W.T. Lewis Esquire sendiri, maka semua denda dan sebagainya adalah hak W.T. Lewis Esquire.

Lewis tidak dikehendaki membayar cukai untuk tahun pertama. Untuk selama sembilan belas tahun yang berikutnya, sewa yang harus dibayar ialah \$5,000 setahun, tetapi ia boleh diubah kerana 400 relung daripada tanah yang disewakan itu telah dipajakkan kepada seorang Cina bernama Ah Lok untuk selama empat belas tahun dengan bayaran \$2,000 setahun. Sewa pajakan tersebut dibayar kepada Lewis. Sekiranya Ah Lok tidak menepati kontrak, maka Lewis "atau penggantinya atau yang menerima miliknya" selama tiga tahun berturut-turut hendaklah membayar sebanyak \$3,000 setahun kepada Yang Dipertuan dan untuk setiap tahun-tahun yang berikutnya, sebanyak \$5,000 setahun. Oleh itu, Lewis mempunyai hak-hak eksklusif dan monopoli.

Mengenai kemungkinan perdagangan yang dikemukakan oleh skim ini, Lewis sendiri menyatakan:

Selama dua puluh hari saya tinggal di Krian, 654 keluarga telah berdaftar dengan saya untuk mengerjakan lebih daripada 5 relung tanah sawah setiap keluarga dan ramai lagi yang datang mendaftar setiap hari. Jadi, untuk musim menanam bagi tahun 1861-62 jumlahnya bolehlah dianggarkan melebihi 1000 keluarga. Faedah penanaman ini bukanlah untuk saya seorang sahaja tetapi juga untuk para penanam sendiri dan orang ramai umumnya. Tanah ini terkenal kerana kesuburannya dan mengeluarkan lebih banyak hasil daripada Pulau Pinang, yang dianggarkan sekurang-kurang 1,000 gantang serelung. Tetapi agar tidak keterlaluan katakanlah satu keluarga mendapat hasil (untuk 5 relung yang ditanam) sebanyak 3,000 gantang dan secara purata ditolak sebanyak 600 gantang sebagai makanan untuk 5 orang (ibu bapa dan anak-anak), bakinya ialah 3,000 gantang untuk dijual. Bagi 1000 keluarga, jumlahnya ialah 3,000,000 gantang padi atau 75,000 pikul beras yang dianggarkan bernilai 150,000 ringgit.

Lewis juga berjaya mendapatkan keuntungan melalui tiga punca utama, iaitu cukai pembukaan sebanyak \$1 setiap keluarga, cukai beras sebanyak \$3 serelung (dikenakan pada tahun kedua) dan cukai ke atas kayu balak, rotan serta bijih timah.<sup>16</sup>

Ini merupakan usaha pertama Lewis dalam bidang perniagaan dan walaupun ia bersifat persendirian tetapi terdapat kemungkinan dia telah terlebih dahulu membuat persetujuan dengan salah sebuah agensi perniagaan di Pulau Pinang. Ini terbukti dengan rancangan percubaannya menanam padi sebagai tanaman kontan di samping usahanya memperdagangkan hasil pertanian yang lain. Tetapi perusahaan tersebut membawa akibat politik di negeri Perak dan akhirnya dibatalkan.<sup>17</sup>

Tetapi keinginan di Negeri-negeri Selat agar kegiatan perdagangan di kawasan pedalaman berkembang dengan cepat tetapi kekacauan yang sering berlaku menyebabkan usaha-usaha penuh dengan risikonya. Jadi tidaklah menghairankan kalau pada peringkat ini polisi campur tangan di negeri-negeri Melayu menjadi bertambah nyata. Pada bulan Jun tahun 1865, di tengah-tengah kekacauan politik di Perak, sebuah surat khabar terbitan Negeri-negeri Selat membuat kenyataan berikut:

Kita berharap agar Sultan Perak meminta bantuan kita mengatasi pergolakan di dalam negerinya. Hanya dengan cara itu sahaja kerajaan kita boleh campur tangan dalam hal-ehwal negeri tersebut. Kita pasti bahawa orang-orang tempatan, akan mengalu-alukan kedatangan kita. Perang saudara yang terus-menerus telah menjahanamkan negeri tersebut dan pemerintahan yang ada sekarang gagal untuk memulihkan keadaan. Tidakkah ini merupakan peluang baik bagi kita mengambil negeri itu? Tentunya pembelian tersebut sangat berfaedah bagi Negeri-negeri Selat dan kita percaya keluarga diraja Perak akan gembira untuk menjualkannya dengan sebarang harga.<sup>18</sup>

Setahun kemudian, satu percubaan telah dibuat untuk menggabungkan daerah Dinding dengan Negeri-negeri Selat. Sebab langkah ini dibuat tidaklah jelas. Laporan rasmi mendakwa bahawa sebab utamanya ialah untuk menghapuskan lanun di situ.<sup>19</sup> Meskipun begitu, langkah menggabungkan daerah Dinding dari segi faedah ekonominya dinyatakan dengan jelas dalam satu laporan. Misalnya, dalam laporan tersebut terdapat catatan menyatakan bahawa:

... sesudah tujuan saya diketahui, seorang pegawai yang berpangkat dari Kedah telah meminta untuk menyertai kumpulan saya dan berjanji akan membawa 200 atau 300 orang pengikut untuk tinggal di tempat itu. Terdapat juga ramai sukarelawan dari daerah kita dan satu kumpulan besar dari Kurau Perak, saya dengar telah membuat persediaan untuk mengikut saya, sementara satu kumpulan yang agak besar dari Batu Barah di Pantai Timur Sumatera membayangkan kepada rakan-rakan mereka bahawa mereka juga akan menyertai petempatan ini sebaik sahaja bendera British dikibarkan. Kebanyakannya adalah orang Melayu, tetapi orang Cina juga turut bersedia menyertai kami. Seorang Cina yang mempunyai 400 atau 500 orang kuli yang bekerja di lombong-lombong kaya di Perak, menawarkan semua orangnya untuk mencari bijih timah dan membalak di kawasan kita itu. Saya yakin bahawa dalam tempoh lebih kurang sebulan, petempatan baru itu akan mempunyai sekurang-kurangnya 2000 orang penduduk dan sekiranya ternyata terdapat banyak bijih di bukit-bukit sekitarnya, maka dalam tempoh dua atau tiga tahun penduduknya akan berjumlah lebih daripada 3000 orang.<sup>20</sup>

Dalam masa yang sama terdapat kekurangan tanah untuk pertanian di Seberang Perai. Menjelang tahun 1860, kawasan yang bertanam seluas kira-kira 70,000 ekar lebih dan dari jumlah ini 41,000 ekar ditanam dengan padi, 10,000 ekar dengan tebu, 12,000 ekar ditanam dengan kelapa sementara selebihnya ditanam dengan lada hitam, pohon buah-buahan serta ubi kayu.<sup>21</sup> Dengan yang demikian, kebanyakan penduduk Seberang Perai:

terpaksa menyewa sawah padi bermusim melampaui sempadan kita (terutama di Krian). Setelah menyediakan tanah dan menanam, mereka akan pulang ke rumah di kawasan kita. Apabila tiba musim menuai, mereka pergi lagi ke sawah mereka, dan kemudian pulang semula.<sup>22</sup>

Oleh itu cadangan untuk mengambil alih Dinding akan dapat menyelesaikan masalah kekurangan tanah. Dari situ sekurang-kurangnya kita ketahui bahawa:

Terdapat khabar bahawa tujuan pengambilan daerah Dinding ini adalah sebagai memenuhi permintaan seorang peladang ternama dan kaya yang mahukan daerah tersebut untuk menanam tebu atau padi. Beberapa orang yang menentang mencadangkan supaya dia memohon secara langsung kepada kerajaan Perak tanpa melibatkan kerajaan Negeri-negeri Selat.<sup>23</sup>

Apabila Gabenor Ord membaca surat berkenaan, Lewis menafikan tuduhan bahawa cadangan pengambilan daerah Dinding adalah untuk "menyenangkan peladang yang kaya"

Sebaliknya dia menjelaskan bahawa "bahaya dan kesukaran yang dibayangkan oleh Tuan Stanley adalah tidak berasas. Sebaliknya pula, pengambilan alih daerah tersebut akan menguntungkan Negeri-negeri Selat."<sup>24</sup>

Nama "peladang kaya" berkenaan tidak disebutkan tetapi berkemungkinan dia ialah seorang Eropah yang bernama Forbes Brown. Dalam tahun 1867, dia menjadi ahli Majlis Undangan Negeri-negeri Selat.<sup>25</sup> Daripada suatu punca yang boleh dipercayai mengatakan bahawa dia sebagai, "tuan tanah yang utama dan penduduk yang penting di Pulau Pinang dan merupakan rakan karib Gabenor (Sir Harry Ord)."<sup>26</sup> Dia juga dikatakan:

Mempunyai sebuah rumah di Glugor dengan ruang tamunya sepanjang 25 meter dan sebuah estet tebu di Seberang Perai. Di samping itu, dia juga memiliki sebuah tempat rehat yang menarik bernama *Strawberry* di Bukit Bendera. Letaknya berhampiran dengan Banglo Gabenor dan tingginya lebih kurang 550 meter.<sup>27</sup>

Sungguhpun cadangan untuk mengambil alih Dinding pertama kali diajukan kepada Gabenor Cavenagh, tetapi pada tahun 1867 Ord benar-benar mendesak supaya perkara tersebut dilaksanakan.<sup>28</sup> Bagaimanapun, percubaan ini gagal kerana pada masa itu Pejabat Tanah Jajahan tidak menyetujui polisi yang sedemikian. Tetapi perkembangan ekonomi kawasan semenanjung semakin bertambah pesat.

### *Pembentukan Syarikat Stok-Usahasama: Permulaan*

Dengan fahaman bahawa pada akhir-akhir tahun 1860-an pedagang-pedagang Selat cenderung membentuk syarikat-syarikat berhad untuk mengembangkan kepentingan ekonomi mereka di semenanjung, maka ada baiknya kalau dibuat tinjauan sepintas lalu tentang perkembangan syarikat seumpama ini di Singapura. Dari sinilah hampir semua usaha perdagangan berkembang di rantau ini.

Saudagar-saudagar yang mula-mula membuka perniagaan mereka di Singapura mendirikan kedai dan pejabat di sepanjang pantai di sekitar kuala Sungai Singapura. Kapal-kapal dari pelbagai tempat berlabuh di situ. Oleh itu, ia merupakan pusat perdagangan pertama dengan kawasan perniagaan tambahan untuk kapal-kapal tempatan di pertemuan Sungai Kallang dan Sungai Rochore. Sebahagian besar perdagangan dijalankan di

*Boat Quay* dan di sinilah syarikat dan gedung-gedung perniagaan berkembang. Dalam tahun-tahun 1840-an, kesesakan di pelabuhan sering dibincangkan tetapi tidak terdapat kemungkinan menggantikannya dengan sungai yang lain kerana tidak ada sebuah syarikat pun yang sedia berpindah ke tempat lain.

Kedatangan kapal-kapal wap membawa masalah baru. Keperluan terhadap air yang dalam dan depot untuk arang batu jadi ketara. Syarikat P. & O. Co.<sup>29</sup> adalah yang pertama menyedari bahawa faedah boleh didapati dengan membina sebuah dermaga di Pelabuhan Baru untuk membekalkan arang batu kepada kapal-kapal tersebut. Mereka pun membeli tanah (lebih kurang 5 kilometer dari bandar) daripada Temenggung Ibrahim dan membina dermaga pada tahun 1852. Dengan menggunakannya mereka dapat memberikan perkhidmatan kepada kerajaan Inggeris, misalnya, dengan mengisi arang batu untuk kapal-kapal pengangkutan semasa Dahagi India dan Perang China (1859).<sup>30</sup>

Selama sepuluh tahun berikutnya, syarikat-syarikat lain turut menyertai mereka di kawasan ini. Syarikat Jardine, Matheson & Co. yang menguruskan kapal wap candu ke negeri China, membina dermaga untuk mengambil arang batu bagi kapal mereka sendiri kira-kira 4 kilometer dari bandar. Di tanah sebelahnya, terdapat Syarikat Borneo membina pondok-pondok menyimpan arang batu dagangan mereka. Di antara tahun 1855 dan tahun 1859, Kapten William Cloughton, yang sebelumnya mempunyai kuasa memerintah sebuah kapal layar pembawa candu dari Apcar (Calcutta) berikhtiar untuk membina sebuah *Graving Dock* lengkap dengan peralatan untuk membaiki kapal-kapal di bahagian timur Pelabuhan Baru, lebih 5 km. dari bandar. Pada penghujung bulan Disember 1861, satu perkongsian selama tujuh tahun dibuat di antara Cloughton, W. Paterson, W.W. Ker dan enam orang lagi untuk menjalankan sebuah limbungan kering dan pelancar. Syarikat baru ini mengambil nama syarikat Patent Slip, & Dock Co. Modal permulaannya ialah \$130,000 Spanish, yang dibuat dalam bentuk saham bernilai \$100 tiap-tiap satu. Tujuh puluh satu sahamnya dipegang oleh Paterson, Ker dan H.M. Simons. Syarikat Patent Slip & Dock Co., menikmati monopoli perdagangan pada waktu itu dan oleh kerana bayaran yang dikenakan sangat tinggi, maka banyaklah untung yang mereka peroleh daripada usaha tersebut.<sup>31</sup>

Pada 1 September 1863, James Guthrie<sup>32</sup> memanggil satu

mesyuarat tidak rasmi di pejabatnya untuk membincangkan kemungkinan membentuk sebuah syarikat berhad yang pertama di Singapura<sup>33</sup> dengan tujuan untuk menjalankan sebuah galangan (patient slip) dan mungkin kemudian sebuah limbungan kering di kawasan Tanjung Pagar. Modal yang dianggarkan ialah sebanyak \$200,000. Saham untuk syarikat ini segera dibuka kepada orang ramai dan berdasarkan sambutan-nya, pada 14 September 1863, satu mesyuarat para pemegang saham diadakan. Thomas Scott<sup>34</sup> telah dilantik sebagai setiausaha, sementara tujuh orang yang berjanji akan membeli saham sebanyak dua puluh atau lebih setiap seorang dilantik menjadi pengarah sementara. Rancangan itu akhirnya diputuskan pada satu mesyuarat agung pemegang saham, pada 18 Januari 1864, apabila cadangan "untuk membentuk sebuah syarikat di bawah Akta Tanggungan Berhad (Limited Liability Act) untuk menjalankan perusahaan ini dengan modal sebanyak \$200,000 dalam bentuk 2000 saham bernilai \$100 tiap-tiap satu" diluluskan. Dengan ini dibangunkan Syarikat Tanjung Pagar Dock.<sup>35</sup>

Pada mulanya terdapat kerumitan dan binaan dermaga pertama hanya dapat disiapkan pada bulan Ogos 1866<sup>36</sup> dan limbungan kering dibuka dengan rasminya pada 17 Oktober 1868.<sup>37</sup> Salah satu masalah utama syarikat ini ialah mencari modal. Belanja projek tersebut telah melebihi daripada yang diduga. Malahan sebelum tahun 1866 lagi, modalnya dinaikkan daripada \$200,000 kepada \$300,000. Dalam mesyuarat agung luar biasa yang diadakan pada 8 Mac 1866, John James Greenshield,<sup>38</sup> salah seorang pemegang saham terbanyak, mencadangkan supaya modal itu dinaikkan kepada \$600,000.<sup>39</sup> Langkah ini tidak dapat dielakkan dan masalah ini diatasi dengan menjual saham di London—pemberitahuan pertama kepada pemegang-pemegang saham London diumumkan selepas satu mesyuarat agung luar biasa yang diadakan pada bulan Julai 1869. Gagasan ini nampaknya berasal daripada agen syarikat di London, iaitu syarikat Messrs. Mactaggart, Tidman & Co. yang juga merupakan "pemegang saham utama di London".<sup>40</sup>

Sungguhpun sehingga pembukaan Terusan Suez, kejayaan syarikat Tanjong Pagar Dock & Co. diragukan namun satu langkah penting telah dibuat apabila syarikat itu didaftarkan sebagai syarikat berhad. Sebelum tahun 1864, saudagar-saudagar tempatan tidak suka menggunakan bentuk-bentuk organisasi perniagaan yang begini. Syarikat Patent Slip & Dock



Co. merupakan syarikat perniagaan usahasama. Syarikat Gas Singapura dan syarikat-syarikat berhad lainnya yang ada pada masa itu adalah syarikat luar negeri dan pemegang-pemegang sahamnya tidak tinggal di situ. Wang tidak disalurkan ke syarikat-syarikat berhad pada masa-masa yang lepas kerana saudagar-saudagar utama terdiri daripada orang Eropah dan kepentingan mereka berpusat di Eropah atau di dalam syarikat-syarikat perniagaan mereka sendiri. Orang kaya tempatan lebih suka membuka perniagaan sendiri atau perkongsian, dengan tujuan mendapat keuntungan segera daripada badan-badan awam yang membayar dividen yang kecil, sungguhpun tetap.<sup>41</sup>

Persaingan yang timbul di antara Syarikat Tanjong Pagar Dock yang baru dengan syarikat Patent Slip & Dock Co. yang mempunyai monopoli perdagangan sebelum tahun 1864, memberi contoh baik kepada dunia perniagaan Singapura tentang faedah yang sangat besar yang boleh didapati daripada pembentukan syarikat berhad. Sungguhpun syarikat Patent Slip & Dock Co. mengurangkan bayaran masuk limbungan daripada \$1,000 kepada \$75, namun mereka masih mendapati keadaan tidak begitu menguntungkan sehingga mereka terpaksa mencadangkan supaya bergabung dengan syarikat Tanjong Pagar Dock Co., tetapi cadangan itu ditolak.<sup>42</sup>

Oleh kerana Tanjong Pagar terletak hanya 2 km dari bandar, ia memberikan syarikat tersebut kedudukan yang lebih baik daripada syarikat Patent Slip & Dock Co. yang terletak 5 km lebih jauh dari bandar. Namun kejayaan Syarikat Tanjong Pagar adalah berdasarkan dua faktor utama seperti yang dinyatakan oleh Gabenor dalam tahun 1871. Pertama, ia adalah satu-satunya yang merupakan syarikat yang mempunyai dermaga untuk kegunaan awam. Kedua, syarikat ini dipunyai oleh saudagar-saudagar Eropah dan Asia yang ternama di Singapura.

Syarikat Patent Slip & Dock Co. terlibat dalam kerja-kerja membaiki kapal dan sungguhpun mempunyai dermaga serta gudang-gudang yang luas tetapi oleh sebab ia merupakan syarikat persendirian, ia tidak boleh berharap mendapat sebahagian besar sokongan awam seperti Syarikat Tanjong Pagar.<sup>43</sup>

Kecenderungan ke arah pembentukan syarikat berhad pada hakikatnya bermula tidak berapa lama sesudah syarikat Tanjong Pagar Dock Co. ditubuhkan. Satu langkah untuk membina sebuah pangkalan di bandar Singapura telah dirancang. Pangkalan ini akan digunakan untuk menyimpan kargo kapal-

kapal besar dengan tujuan memusatkan perdagangan di kawasan bandar. Rancangan itu telah secara langsung menjejaskan kepentingan syarikat Tanjong Pagar Dock Co. Permohonan untuk membina pangkalan yang dicadangkan itu dibuat pada 28 Julai 1865. Kalau dulunya syarikat Guthrie & Co. mengambil daya usaha dalam pembentukan syarikat Tanjong Pagar Dock Co., maka kali ini yang terlibat ialah syarikat Johnston & Co. dan syarikat Paterson, Simons & Co. serta pelopor utamanya ialah H.M. Simons, W.H. Read, Whampoa dan E.J. Leveson. Syarikat berhad yang dicadangkan ini akan mempunyai modal \$200,000.<sup>44</sup> Oleh sebab-sebab yang tidak diketahui, projek ini tidak dapat dilaksanakan dan H.M. Simons sendiri telah menarik diri daripada rancangan tersebut.<sup>45</sup>

Percubaan seterusnya ialah untuk membentuk syarikat berhad dengan tujuan membina sambungan keretapi di antara bandar dengan Pelabuhan Baru. Syarikat Tanjong Pagar Dock Co., pada mulanya mengusulkan supaya landasan yang akan dibina melalui setiap lima buah syarikat yang terletak di sepanjang Pelabuhan Baru. Pelannya disediakan oleh jurutera mereka sendiri, iaitu W.J. Du Port, dan konsesi asas kepada mereka dijanjikan oleh Gabenor C.H.H. Wilson, setiausaha syarikat keretapi yang dicadangkan itu dan juga pengurus syarikat Tanjong Pagar Dock Co. Tetapi persaingan di antara syarikat Tanjong Pagar Dock Co. dengan syarikat Patent Slip & Dock Co. menghalang sebarang usaha bekerjasama bagi melaksanakan pembinaan landasan keretapi itu.<sup>46</sup>

Syarikat Patent Slip & Dock Co. kemudiannya membuat projek landasan keretapinya sendiri untuk menyambungkan dermaganya dengan bandar, dan membina hanya satu cabang landasan di Tanjong Pagar.<sup>47</sup> Projek ini merupakan projek besar dan berasaskan skim yang mula-mula diilhamkan dalam tahun 1862 oleh G.C. Colleyer yang bertahun-tahun menjadi Ketua Jurutera Negeri-negeri Selat. Dia bukan sahaja membayangkan untuk menghubungkan Pelabuhan Baru dengan bandar tetapi juga sambungan jalan keretapi akan juga melalui Tanglin ke Tanjong Putri (sekarang Johor Bahru).<sup>48</sup> Ini nyata sekali akan memudahkan dagangan eksport syarikat Paterson Simons & Co. dari Johor.

Oleh kerana projek ini dirancang dengan tujuan mengadakan saingan yang efektif terhadap syarikat Tanjong Pagar Dock Co., maka ia mestilah syarikat berhad dengan sebahagian

besar modal kewangan datang dari London. Nama yang dicadangkan ialah Syarikat Keretapi dan Pelabuhan Baru Singapura (*Singapore and New Harbour Railway Co.*) Prospektus yang diterbitkan dalam tahun 1866 menunjukkan bahawa pejabat pendaftaran ialah di England dan peguamnya pula ialah *Messrs. Kimber & Ellis* beralamat 79, Lombard Street, London, sementara juruteranya ialah Charles Douglas Fox, No. 6, Delahay Street, Westminster. Modal yang dicadangkan adalah sebanyak £40,000 dalam bentuk saham bernilai £10 tiap-tiap satu. Tetapi prospektus tersebut tidak mengandungi sebarang maklumat tentang lembaga pengarahnya.<sup>49</sup>

Sebelum rancangan itu dapat dilaksanakan, dan mungkin kerana kemelesetan yang meluas<sup>50</sup> syarikat Tanjung Pagar Dock Co. telah membantah dan mencadangkan penubuhan sebuah syarikat keretapi yang dinamakan Syarikat Keretapi Singapura yang bertujuan menghubungkan syarikat mereka dengan bandar. Syarikat ini juga merupakan syarikat berhad dengan modal £20,000 dalam bentuk saham bernilai £10 setiap satu. Penubuhan syarikat tersebut diumumkan secara rasmi pada bulan Jun 1870, dan menjelang bulan Mac 1871 semua sahamnya telah habis dijual. Perkara ini jelas memperlihatkan pengaruh dan kestabilan syarikat berkenaan. Nama pemegang-pemegang saham yang dihantar kepada kerajaan menjelaskan tentang siapa para pemegang saham Syarikat Tanjong Pagar itu. Saham terbesar dipegang oleh Edward Boustead dan James Guthrie (180 tiap-tiap seorang), yang kedua-duanya tinggal di England. Di antara saudagar-saudagar Singapura yang memegang sahamnya ialah, Whampoa (15), Joaquim de Almeida (10), Thomas Scott (10), W. Mansfield (20),<sup>51</sup> A. Velge (10), Leack, Chian Seng & Co. (20), Tan Seng Poh (10), Lee Cheng Tee (10)<sup>52</sup> Cheang Hong Lim (10), R.C. Wood (10).<sup>53</sup> Thomas Scott, Whampoa dan W. Mansfield adalah di antara pengarah sementaranya. Sekali lagi persaingan di antara kedua-dua golongan peniagaan utama di Singapura ini meletus dan menjadi isu penting dengan beberapa rayuan dibuat kepada Pejabat Tanah Jajahan. Akibatnya kedua-dua pihak tidak berjaya dalam rancangan mereka.<sup>54</sup>

Tetapi yang patut diberikan perhatian istimewa ialah beberapa orang ahli dari kumpulan Tanjung Pagar pada satu ketika dalam abad ke-19, secara langsung atau tidak, mempunyai perkaitan dengan perdagangan atau kegiatan perlombongan di negeri-negeri Melayu.

### *Syarikat Stok-Usahasama dan Semenanjung*

Pada masa saudagar-saudagar utama Singapura sedang giat dalam percubaan untuk menubuhkan organisasi perniagaan yang lebih besar dan lebih rapi, tidaklah memeranjatkan kalau usaha-usaha yang sedemikian juga diperluaskan ke Semenanjung Tanah Melayu. Syarikat Patent Slip & Dock Co. yang membuat percubaan untuk melancarkan projek bagi keretapinya untuk menyambungkan Pelabuhan Baru dengan Tanjong Putri, sebenarnya syarikat ini mempunyai rancangan yang lebih rapi dan teliti. Hampir pada masa yang sama, Maharaja Johor (Abu Bakar), dengan nasihat Syarikat Peterson, memulakan pembinaan landasan keretapi di antara Tanjong Putri dengan Gunung Pulai. Dalam tahun 1872, Cavenagh dalam sepucuk surat kepada Collyer, berkata:

Pastilah seluruh perdagangan dengan Johor pada akhirnya akan mengikut jalan ini (cadangan keretapi Singapura-Johor), kerana selain daripada menjimatkan masa, ia juga dapat mengelakkan daripada berlakunya risiko besar seperti kecurian semasa diangkut dengan perahu. Belanja untuk menghantar barangan dari gudang ke kapal-kapal di kawasan air dalam (Roadstead) juga adalah mahal dan membazirkan. Jadi wajarlah kalau diramalkan bahawa dengan siapnya landasan keretapi ini, akan menjamin keselamatan barangan dan menjimatkan belanja, kerana akan terdapat banyak pangkalan di sepanjang landasan di Pelabuhan Baru dan barangan akan dipunggah serta dimuatkan hampir secara langsung dari gerabak keretapi.<sup>35</sup>

Pada tahun 1872, syarikat Patent Slip & Dock Co. masih lagi meneruskan rancangan keretapinya. Dalam bulan Oktober tahun itu, seorang rakan lama perniagaan Ker, iaitu William Napier<sup>36</sup>, singgah di Pejabat Tanah Jajahan dan menyerahkan kepada Herbert, Penolong Setiausaha Tetap, pelan landasan keretapi, yang merentas di Melaka di utara ke perhentian selatannya di Singapura. Landasan ini kononnya dikatakan telah mula dibina.<sup>37</sup> Nyatalah yang dimaksudkan ialah rancangan landasan keretapi Tanjong Putri-Gunung Pulai. Oleh kerana Johor mempunyai kilang papannya sendiri dan telah pun mengeksport papan landasan keretapi ke India dalam tahun 1865, maka bahan yang diperlukan boleh didapati dengan murah dan mudah.

Tetapi projek ini gagal, mungkin sebahagiannya kerana kesukaran kejuruteraan, tetapi sebab utama ialah serangan anai-anai yang banyak merosakkan kayu-kayu landasan ter-

sebut. Dalam tahun 1890, barulah muncul perkhidmatan keretapi yang pertama di Johor, di antara Bandar Maharani (Muar) dan Parit Jawa, iaitu sejauh 14 km.<sup>58</sup> Dapat dibuat kesimpulan bahawa bagi syarikat Peterson, Simmons & Co., perhubungan melalui jalan keretapi di antara dermaga mereka di Pelabuhan Baru dan Melaka adalah penting terutama kerana keretapi itu akan mempercepatkan pengangkutan bijih timah ke Singapura.

Rancangan yang lebih besar dan utama bagi asas untuk perkembangan ekonomi semenanjung muncul dalam tahun 1866, iaitu membina telegraf melalui negeri-negeri Melayu yang menghubungkan Rangoon dengan Singapura.

Usaha paling awal bagi menubuhkan komunikasi di antara Singapura dengan negeri-negeri jiran dibuat pada akhir tahun-tahun 1850-an, iaitu apabila kabel telegraf elektrik dipasang dari Singapura ke Batavia yang menghubungkan India dengan Australia. Tetapi sistem itu tidak berjalan dengan baik dan menjelang tahun 1861-62 *The Singapore Review Monthly Magazine*<sup>59</sup> mendesak supaya talian baru dipasang.

Dengan mengingat kejadian-kejadian sesudah itu maka komentarnya telah membayangkan betapa mendesaknya keadaan yang dialami oleh sebahagian utama kelas peniaga di tanah jajahan tersebut. Majalah tersebut seterusnya menyatakan:

Kepentingan komunikasi telegraf dengan Singapura, terutama sejak kekacauan yang berlaku pada akhir-akhir ini di negeri China, menjadi semakin perlu. Kerosakan kabel dasar laut yang dipasang di antara pulau tersebut dengan Pulau Jawa, lebih daripada dua belas bulan yang lalu, memperlihatkan bahawa telegraf yang lebih mudah dapat dipasang melalui daratan dari Singapura ke Rangoon telah pun mempunyai hubungan dengan India. Kerana mempunyai hubungan yang baik dengan kerajaan Inggeris sudah tentu ketua negara-negara yang akan terlibat dengan pemasangan telegraf ini akan sedia memberi bantuan bagi membina dan mengawal wayer-wayer telegraf sekiranya Gabenor Negeri-negeri Selat dan ketua pihak berkuasa Inggeris di Rangoon diberikan kuasa untuk membincangkan perkara ini. Ini juga akan merupakan satu lagi cara bagi mendedahkan negeri-negeri itu kepada perniagaan di samping untuk keamanan dan kesejahteraan penduduk. Adalah difahamkan bahawa Raja Siam telah membayangkan keinginannya agar komunikasi telegraf di negaranya dilanjutkan ke Singapura dan memandangkan Saigon di Cochinchina telah diduduki oleh Perancis, maka tidak akan ada halangan bagi menyambungkan talian itu ke negeri China, sekiranya dirasakan perlu.<sup>60</sup>

Menjelang tahun 1867, satu cadangan bagi penubuhan sebuah syarikat berhad bernama Syarikat Telegraf Asia Timur telah diumumkan. Modal permulaannya ialah sebanyak £150,000 dalam bentuk saham bernilai £10 setiap satu. Rancangan itu bercadang untuk memasang talian telegraf dari Rangoon ke Singapura dengan talian cabang merentas Siam dan kemudiannya ke Hong Kong di utara serta Jawa dan Australia di selatan.<sup>61</sup> Senarai pengarah-pengarah sementara menunjukkan bahawa saudagar-saudagar terkemuka di Negeri-negeri Selat terlibat dalam rancangan ini, dengan syarikat Peterson Simons & Co., serta syarikat A.L. Johnston & Co. sebagai penganjur. Yang lainnya ialah J.J. Greenshields dari syarikat Guthrie & Co., J.J.E. Brown dari syarikat Brown & Co., Pulau Pinang, Lawrence Nairne dan Abraham Logan.<sup>62</sup> Tetapi ia bukanlah merupakan usaha tempatan semata-mata. Ada juga rancangan untuk membentuk sebuah lembaga pengarah di London dan semua hal yang berhubung dengan perkara ini hendaklah dirujuk kepada W.W. Ker yang ketika itu tinggal di Cannon Street, London. Di London orang yang memainkan peranan penting dalam projek ini ialah Seymour Clarke,<sup>63</sup> ipar W.H. Read. Tanggungjawab utamanya ialah mendapat kebenaran rasmi dan sokongan daripada pelbagai jabatan kerajaan yang berkenaan. Tidaklah perlu dibincangkan dengan mendalam tentang apa yang dilakukannya di London. Cukuplah sekadar menyatakan bahawa dia mempunyai pengaruh di kalangan para pegawai kerajaan dan dapat menjalankan tugas-tugas yang diberikan kepadanya dengan licin.<sup>64</sup>

Pada peringkat tempatan, menjelang tahun 1866 Read dan W. Peterson telah memperoleh konsesi di Kedah, Selangor dan Johor.<sup>65</sup> Selangor sebenarnya tidak menimbulkan masalah kerana Read pada masa itu telah memajak wilayah Klang daripada Raja Abdullah. Johor pula kuat dipengaruhi oleh syarikat Peterson, Simons & Co. Konsesi di Kedah diperoleh dari Siam kerana Raja Mongkut, sebagaimana dikatakan sebelum ini, menjadi sahabat baik Read. Oleh kerana kekacauan politik, Perak terbukti mendatangkan masalah kepada Read dan dia hanya dapat mengatasinya selepas tahun 1869.<sup>66</sup>

Sementara itu persetujuan telah dibuat dengan Syarikat Pembinaan dan Pengendalian Telegraf London (London Telegraph Construction and Maintenance Co.) untuk memasang talian dari Moulmein ke Singapura dengan cawangan-cawangan dari Tavoy melalui Bangkok, dan dari Melaka ke Sumatera, di mana ia disambungkan dengan talian yang sedang dipasang

oleh kerajaan Belanda.<sup>67</sup> Tetapi menjelang kira-kira tahun 1868, timbul pula desakan yang kuat daripada pihak orang-orang awam Inggeris terhadap kabel dasar laut sebagai ganti talian telegraf daratan.<sup>68</sup>

Menjelang tahun, 1870, nyatalah bahawa rancangan telegraf yang dicadangkan itu tidak dapat dilaksanakan. Syarikat Pembinaan dan Pengendalian Telegraf London, yang lebih cenderung dengan telegraf dasar laut, telah membuat kontrak dengan Syarikat Telegraf British Australia, untuk menghubungkan Singapura, Pulau Jawa dan Australia dengan talian komunikasi telegraf di antara England dan Singapura. Talian komunikasi ini dibiayai oleh pelbagai syarikat, iaitu Falmouth, Gibraltar dan Malta, Malta dan Alexandria, British, India dan *British Indian Extension Cables*. Lord Monck menjadi pengerusi Syarikat Telegraf British Australia, dan modalnya sebanyak £600,000 telah dijual habis dalam bentuk saham menjelang tahun 1870.<sup>69</sup>

Dalam tahun 1872, Read dan Seymour Clarke pula mencadangkan satu lagi projek telegraf. Mereka mendapat dorongan daripada Kerajaan Timur Australia yang sangat berminat untuk mempunyai talian kedua ke England. Talian pertama telah dikendalikan oleh *Eastern Extension Australasia & China Co.*<sup>70</sup> Kali ini projek yang dicadangkan itu menarik minat Syarikat Siemens<sup>71</sup>, iaitu sebuah syarikat kontraktor telegraf<sup>72</sup> dan para pengarah syarikat Indo-European Telegraph Co. dari London kerana semua pesanan ke barat Karachi akan melalui taliannya.<sup>73</sup> Bagaimanapun antara orang-orang yang awal menyokong rancangan telegraf ini hanyalah Read dan Seymour Clarke.

Projek baru ini sangatlah besar. Ini jelas dapat dilihat daripada anggaran belanja pembinaannya. Talian dari sempadan India-Inggeris melalui semenanjung ke Singapura berharga lebih kurang £150,000, sementara bahagian kedua talian yang akan dipasang ke Australia memerlukan modal kira-kira £1,000,000.<sup>74</sup>

Pada hakikatnya, ini ialah salah satu daripada dua rancangan besar yang melibatkan Read dan Seymour Clarke. Kerana dalam tahun 1873, Read dan J.G. Davidson, seorang peguam Singapura yang terkenal dan anak saudara James Guthrie, telah membuat persediaan bagi pembentukan sebuah syarikat perlombongan, yang dinamakan Syarikat Perlombongan Bijih Timah Selangor dengan modal permulaan sebanyak £1,000,000.<sup>75</sup> Dalam bulan Mac tahun 1873, J.G. Davidson, bersama-sama

dengan Count Charles de Gelors, memperoleh dari Tunku Kudin, iaitu Raja Muda Selangor,

. . . lesen dan kuasa penuh yang tidak boleh ditarik kembali, selama sepuluh tahun bagi mencari, memperoleh dan mengerjakan semua lombong bijih timah termasuk juga telerang dan timbunan bijih timah lanar yang sekarang ini belum dipunyai atau dikerjakan oleh orang lain di dalam daerah Selangor, iaitu Klang dan Bemam<sup>76</sup>.

Syarikat yang dicadangkan itu mempunyai sokongan yang kuat. Seymour Clarke sekali lagi diberikan tanggungjawab untuk mendapatkan sokongan dan pengesahan rasmi daripada kerajaan bagi rancangan Inggeris. Peguam bagi syarikat tersebut ialah terdiri daripada syarikat guaman Lambert, Burgin dan Petch di London. Robert Petch dari syarikat tersebut dilantik sebagai salah seorang pengarah sementara. Pengarah-pengarah sementara yang lainnya ialah M.G. Maclain (?) dan Seth Arratoon Apar, seorang ahli perniagaan yang terkemuka di London dan Calcutta.<sup>77</sup>

Tetapi cadangan penubuhan projek telegraf dan perlombongan ini tidak menjadi kenyataan. Sebab-sebab kegagalannya adalah terletak di luar bidang kajian buku ini.<sup>78</sup> Apa yang lebih penting ditegaskan ialah masih ada projek perniagaan utama yang lain dijalankan oleh saudagar Negeri-negeri Selat yang ternama pada awal tahun-tahun 1870-an. Dalam bulan Mei 1872, Datuk Klana Sungai Ujong menulis kepada Gabenor Ord:

Kami ingin memberitahu sahabat kami bahawa pada bulan lalu (Zulkaedah), kami telah mengarahkan putera kami Tunku Syed Abdul Rahman bergelar Laksamana Raja Laut untuk menjemput Henry Ferkil (Velge) Esq., salah seorang daripada sahabat kami supaya datang ke negeri kami kerana kami hendak berbincang berkenaan dengan penyerahan tanah kami yang terletak di wilayah kami. Nama bahagian-bahagian tanah yang hendak diserahkan itu ialah *Setoh*, *Sampadan* dan *Rejang* kerana dia berhasrat untuk melombong bijih timah, mencari emas dan benda-benda lain lagi.<sup>79</sup>

Satu naskhah perjanjian yang dibuat di antara Datuk Klana dengan Henry Velge juga dihantar kepada gabenor berkenaan. Velge, pada hakikatnya hanya mewakili beberapa orang spekulator yang terlibat dalam projek ini. Hasil dari pemberian tanah daripada Datuk Klana itu, maka tertubuhlah sebuah syarikat yang dikenali sebagai Syarikat Perlombongan Bijih Timah Sungai Ujong. Usaha ini seluruhnya merupakan usaha tempatan. Para pengarah syarikat ini ialah R.C. Woods, W.B. Smith. S. Short dan Whampo.<sup>80</sup> Syarikat guaman dari Singa-



pura, iaitu Woods dan Davidson, bertindak sebagai peguamnya. Tidak ada lagi yang diketahui tentang projek ini, selain daripada syarikat ini membayar sebanyak \$30,000 sebagai konsesi.

Selang beberapa minggu kemudian sebuah lagi syarikat perlombongan ditubuhkan, iaitu Syarikat Perlombongan Emas Chindaras.<sup>81</sup> Sekali lagi tidak ada maklumat lanjut tentang syarikat ini. Tetapi yang jelas kedua-dua syarikat berkenaan ditubuhkan hasil daripada galakan Kapten Shaw.<sup>82</sup> Seorang lagi yang diketahui mempunyai kaitan projek Chindaras ini ialah C.B. Buckley.<sup>83</sup> Tetapi, menjelang pemerintahan Inggeris di Sungai Ujong dalam bulan September 1874, Syarikat Perlombongan Sungai Ujong sudah tidak ada lagi. Syarikat Perilombongan Emas Chindaras juga akhirnya ditutup.<sup>84</sup>

Kegagalan kesemua usaha ini tidaklah bererti bahawa pelaburan modal Inggeris tidak besar di negeri-negeri Melayu. Bukti yang ada tidak banyak memberikan perincian. Misalnya *Penang Gazette* bulan Mei 1871, memetik pulangan perdagangan Pulau Pinang bagi perdagangan Pulau Pinang dengan semenanjung sahaja, untuk tahun 1870 berjumlah \$2,815,647 yang hanya memperhitungkan perdagangan Pulau Pinang semenanjung. Komentor suratkhbar tersebut menyatakan "perdagangan ini (dengan Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu) terutama dijalankan oleh orang Cina dengan bantuan modal saudagar Eropah."<sup>85</sup> Pada 27 Julai 1872, saudagar-saudagar Melaka menulis kepada Pengerusi Dewan Perniagaan Singapura; kata mereka, "kira-kira dua belas ribu pelombong Cina kini bekerja di Sungai Klang sahaja dan kebanyakan lombong dibiayai oleh modal Inggeris".<sup>86</sup> Setiausaha Dewan, J.G. Davidson, semasa menyerahkan surat tersebut kepada gabenor berkata, "kenyataan dalam surat ini mengenai perdagangan dengan Klang sebahagian besarnya telah disahkan oleh Dewan".<sup>87</sup>

Pada peringkat ini diketahui bahawa beberapa buah syarikat Eropah mempunyai hubungan perdagangan dengan Ngah Ibrahim. Sekali lagi keterangannya tidak lengkap tetapi salah sebuah syarikat berkenaan ialah Syarikat Lorraine Gillespie dari Pulau Pinang, yang juga merupakan salah sebuah syarikat pemberi hutang kepada Ngah Ibrahim,<sup>88</sup> sementara sebuah lagi ialah Syarikat Mansfield, yang dipunyai oleh W. Mansfield di mana Ngah Ibrahim adalah agennya.<sup>89</sup>

Selain daripada percubaan yang sungguh-sungguh untuk melancarkan projek perniagaan secara besar-besaran bagi

membangunkan ekonomi semenanjung, banyak juga modal Negeri-negeri Selat telah dilaburkan di kawasan pedalaman. Kegagalan dan kejayaan usaha-usaha ini tidak dapat dibincangkan dengan lebih terperinci dalam konteks kajian buku ini. Yang lebih penting dibicarakan ialah cara-cara yang paling baik pada waktu itu bagi para spekulator menjamin agar modal mereka selamat, selain dari keperluan mencuba memperoleh sokongan yang lebih konkrit daripada kerajaan Inggeris di samping berikhtiar mencapai persetujuan dengan orang besar-besar Melayu. Mereka juga perlu memainkan peranan yang positif untuk menjaga kepentingan kedudukan orang-orang besar tersebut. Dalam konteks inilah politik tahun-tahun 1860-an dan awal 1870-an harus diperhatikan.

1. Turnbull, "The Origins of British Control Co", dalam Bastin and Roolvink (ed.), m.s. 170.

2. Tun Koris juga menjadi menantu pada Temenggung Ibrahim. Dalam tahun 1861 dia menjadi Bendahara apabila ayahnya, Wan Mutahir bersara, setelah lama berperang dengan Wan Ahmad.

3. Lihat Swettenham Papers, item 72, "Narrative of the Proceedings of the Straits Government with regard to the recent operations on the East Coast of Malay Peninsula": juga, SSR, G6, Cavenagh to Wan Ahmad, 7 Dec-1866 di mana dinyatakan bahawa Wan Ahmad, sehingga tahun 1862, "hanya menegaskan bahawa dia berhak melaksanakan kuasa terhadap daerah Endau dan Kuantan".

4. CO 273/25, Paterson to Buckingham, 8 May 1868; Memo of 16 May 1868 by E. Blake with copies of documents annexed.

5. Ibid.

6. Pada tahun 1888, Syarikat Inggeris yang terbesar di Pahang ialah *Pahang Corporation Ltd.*, dengan Sir Edmond Pontifex dari *Copper Co. Ltd.* sebagai pengurusinya. Agen tempatan untuk syarikat ini ialah Syarikat Peterson dan Simons. (Lihat E. Thio, "The Extension of British Control to Pahang", *JMBRAS*, jil. 30, bgh. 1, 1957, m.s. 68, 74.)

7. SSR, F7, Sultan Abdul Samad to Cavenagh, 6 March 1866; Raja Abdullah to Cavenagh, 6 March 1866.

8. CO 273/25, Read to Sec. of State, 9 May 1868, enclosing memorandum (n.d.) regarding the Malay States.

9. CO 273/24, IO, to CO, 4 Sept. 1868, Encl. Col. H. Man to Sect. Govt. of India, 29 Feb. 1868. Kol Man yang sudah beberapa lama menjadi Residen Konsular Pulau Pinang sebelum bertukar yang mana selepas itu dia bertindak sebagai Leftenan Gabenor sehingga 7 Jun 1867 apabila digantikan oleh Kol. Anson. Tetapi sementara dia menunggu perintah daripada kerajaan India, dia menawarkan khidmatnya kepada kerajaan Negeri-negeri Selat dan dihantar

sebagai utusan ke negeri-negeri Perak dan Selangor. (CO 273/24, IO to CO, 14 March 1868, Encl. Col. Sec. to Govt. of India, 3 Jan. 1868.)

10. Wong Lin Ken, "The Malayan Tin Industry: A Study of the Impact of Industrialization on Malaya", Tregonning (ed.) *Papers on Malayan History*, m.s. 36.

11. SSR, DD42, Resident Councillor to Sec. to Gov., 6 June 1865.

12. Leonard Wray, "Settlement on the Straits of Malacca", *Royal Colonial Institute*, 24 Mar. 1874, m.s. 13-14. Selama enam belas tahun sebelum tahun 1848, Wray menjadi penanam tebu di Negeri-negeri Selat. Dalam tahun 1848, dia menerbitkan sebuah buku berjudul "*The Practical Sugar Planters & c.*" (Untuk tajuk lengkap, lihat C.M. Turnbull, "Writings on British Malaya, 1786-1867", dalam Mills, m.s. 402.) Dalam tahun 1868 Wray menjadi tuan punya sebuah ladang di Seberang Perai di mana vanilla dari Mauritius, getah India dari Sri Lanka dan benih teh dari Assam diujikaji. Kemudiannya teh itu dijual dengan harga yang mahal. Dalam tahun 1878, dia menjadi peguam Syarikat Ladang Pulau Pinang. Dalam tahun yang sama, syarikat ini mendapat 2400 hektar tanah di Perak untuk bercucuk tanam. (C.W. Harrison (ed.) "Perak Council Minutes 1877-1879" (proceedings of 25 Oct. 1878) dalam R.J. Wilkinson (Gen.-Ed.), *Papers on Malay Subjects: History*, Pt. III, K. Lumpur, 1907.) Anak Leonard Cecil Wray, kemudiannya menjadi Residen Inggeris di Pahang.

13. Dalam *Blue Book Report* (Pulau Pinang dan Province Wellesley) bagi tahun 1872, Pemangku Leftenan Gabenor menyatakan tentang ladang-ladang tebu di Seberang Perai sebagai "harta terbesar dipunyai oleh Edward Horsman . . ." (CO 273/74, G.W.R. Campbell to Kimberley, 28 June 1873 with enclosures). Dalam tahun 1872, Horsman menjadi Presiden Persatuan Negeri-negeri Selat di London dan ahli parlimen. Di antara beberapa buah estet kepunyaannya di Seberang Perai ialah Estet Krian. (CO 273/70, Sir A. Clarke to Sec. of State, 25 Dec. 1875, Encl., *Singapore Daily Times*, 23 Dec. 1873.)

14. Wray, m.s. 14.

15. Orang ini sama dengan orang yang digambarkan sebagai "orang yang sangat besar muslihatnya serta cerdik" dalam Perang Nanking 1831-32. (Lihat K.G. Tregonning, *A History of Modern Malaya*, Singapura, 1964, m.s. 111.) Hubungannya dengan Negeri-negeri Selat bermula di Pulau Pinang. Pada akhir tahun 1826, dia dihantar ke Melaka dan di sana dia berkhidmat sebagai penolong residen. Setelah itu, dia menghabiskan kariernya sebagai kakitangan kerajaan di Pulau Pinang. Selain daripada kesilapan yang dilakukannya di Nanking, umumnya dia seorang pegawai yang cekap. (Lihat C.M. Turnbull, "Governor Blundell and Sir Benson Maxwell: a conflict of personalities", *JMBRAS*, jil. 30, bgh. 1, 1957; Kyshe, op. cit. m.s. 144.) Namun begitu pada hari dia bersara, Gabenor Cavenagh memuji-mujinya: . . . "sejauh yang dapat saya katakan, dia dihormati dan disegani oleh orang atasnya dan masyarakat amnya kerana rajin dan melaksanakan tugas-tugasnya dengan baik dalam setiap jawatan yang dipegangnya. Dalam masa beberapa bulan yang lalu dia telah diserang penyakit dan sukar untuk mengatakan sama ada kesihatannya akan pulih". (SSR, R 37, Singapore to Fort William, 16 June 1860; S28, Fort William to Singapore, 22 Sept. 1860.) Pada keseluruhannya sedikit sahaja yang diketahui tentang karier Lewis. Dalam tahun 1865, dia dilantik menjadi konsul Siam di Pulau Pinang dan pada tahun 1872, dia masih lagi di sana (Kyshe, m.s. 277-97, 284).

16. Cerita di atas berdasarkan SSR, DD34, Resident Councillor, Penang, to Sec. to Gov., 22 June 1861, Encl. Lewis to Resident Councillor, 19 June 1861 with five other documents annexed.

17. Lihat m.s. 132-33.

18. Buckley, *An Anecdotal History of Old Times in Singapore*, m.s. 723. Buckley tidak menyatakan punca petikannya.

19. CO 273/74, IO to CO, 4 Sept. 1868, Encl., Kol. H. Man to Sec. to Govt. of India, 29 Feb. 1868. Kol. Man menyatakan: "Akibat daripada berlakunya beberapa perompakan kecil di sepanjang pantai Perak, saya mencadangkan kepada mendiang Gabenor Cavenagh, bahawa kita patut menduduki Dinding . . ."

20. Ibid.

21. Semua ladang ubi kayu di situ dipunyai oleh dua atau tiga orang Eropah.

22. CO 273/24, IO to CO, 4 Sept. 1868, Encl., Col. H. Man to Sec. to Govt. of India, 29 Feb. 1868.

23. CO 273/35, H. Stanley to Granville, 26 April 1869.

24. CMP, Sir A. Clarke to Kimberley, 24 Feb. 1874, Encl. 3, Sir H. Ord to Granville, 14 July 1869.

25. Parkinson, *British Intervention in the Malay States 1867-77*, m.s. 19.

26. Swettenham, *Footprints in Malaya*, m.s. 22.

27. Ibid.

28. Untuk keterangan lanjut lihat CMP, Sir A. Clarke to Kimberley 24 Feb. 1874, Encl. 1, *Skinner's Precis of Perak Affairs*, 10 Jan. 1874; Winstedt & Wilkinson, "A History of Perak", m.s. 77.

29. *The Peninsula & Orient Steam Navigation Co.* Syarikat ini ditubuhkan pada tahun 1837 dengan perkhidmatan antara Great Britain dan semenanjung Sepanyol sampai ke Iskandariah pada tahun 1840. Syarikat ini memulakan perkhidmatan tetap di antara Bombay dan Hong Kong, melalui Point de Calle (Sri Lanka) dan Singapura dalam bulan Ogos 1845 serta perkhidmatan tambahan dari Singapura ke Australia pada tahun 1853. (George Bogaars, "The Tanjung Pagar Dock Company (1864-1905)", *Memoirs of Raffles Museum*, No. 3, Dec. 1956, m.s. 119 n. 5.)

30. CO 273/54, Ker to Kimberley, 28 Feb. 1871, Encl. P. & O. Co. to Ker & Co., 28 Feb. 1871; CO 273/49, Anson to Kimberley, 23 Sept. 1871; CO 273/78, Tidman to Hope, 20 May 1874; Bogaars, op. cit. m.s. 118-19.

31. CO 273/78 Tidman to Hope, 20 May 1874; C.A. Ginson-Hill, "Singapore Old Strait and New Harbour", *Memoirs of the Raffles Museum*, no. 3 Dec. 1956, m.s. 102-03; Bogaars, m.s. 119.

32. Seorang lagi saudagar terkenal yang mendarat di Singapura selepas A.L. Johnston ialah Alexander Guthrie yang sampai pada 27 Januari 1821. Dia datang dari Afrika Selatan di mana dia terlibat dalam perniagaan dengan seorang yang bernama Kapten Thomas Talbot Harrington, seorang saudagar yang mempunyai kepentingan perniagaan di Melaka. Kerana tidak senang berkhidmat sebagai orang bawah Harrington di Capetown dia membuat perjanjian dengan Syarikat Hindia Timur (10 April 1820) yang membenarkannya "pergi ke sebarang petempatan yang utama di Hindia Timur untuk menetap di sana bagi menguruskan perniagaan Syarikat Harrington". Dia

sampai di Singapura dan "banyak menanam modal bagi barang-barang Inggeris". Dia kemudian menyedari bahawa prospek yang baik bagi perniagaannya ialah dalam bidang pertukaran barang-barang antara Eropah dan Timur. Dengan itu, dia mula mengeksport rempah, buah pala dan lada hitam dari timur dan membawa masuk pisau buatan Sheffield, barang-barang kapas dari Lancashire dan banyak lagi barang-barang British. Selama dua tahun dia berdagang atas nama Syarikat Harrington. Tetapi pada 1 Februari 1823, selepas Kapten Harrington sampai di Singapura, Guthrie mengadakan perkongsian rasmi dengan Kapten Harrington. Bagaimanapun, perkongsian ini berjalan selama lapan bulan sahaja. Guthrie kemudian berkongsi pula dengan James Clark, dan Syarikat Guthrie dan Clark ditubuhkan pada bulan Februari 1824. Clark meninggalkan Singapura pada tahun 1833 dan sejak dari itu syarikat tersebut dikenali sebagai *Messrs. Guthrie & Co.* Pada tahun 1829, dia disertai oleh sepupunya James Guthrie yang menjadi ahli perkongsian penuh pada tahun 1837. Alexander Guthrie meninggalkan Singapura pada tahun 1847 dan meninggal dunia kira-kira dalam tahun 1865. James balik ke England pada tahun-tahun 1860-an dan meninggal dunia kira-kira pada tahun 1900. (Lihat Loh Wen Fong, "Singapore Agency Houses 1819-1900," m.s. 7-9; Wright and Cartwright op. cit. m.s. 669.)

33. Syarikat berhad pertama yang ditubuhkan mungkin *Syarikat Joint Stock Coffee*, pada bulan Oktober, 1839 dengan daya usaha M. La Dieu, seorang penduduk Singapura berbangsa Perancis. Modal syarikat tersebut adalah sebanyak \$10,000 dan pendapatan tahunannya sebanyak \$2,488,320, tetapi usia syarikat tidak lama. Pada bulan Oktober 1841, ladang yang dibelinya dijual secara lelong. (Buckley, m.s. 339.)

34. Thomas Scott sampai di Singapura bagi pertama kali pada 7 Julai 1857 dengan kapal Inggeris *Barque Coaxer* yang belayar dari Liverpool pada 16 Februari tahun yang sama. Setelah berkecimpung dalam perniagaan lain selama beberapa bulan, dia menyertai Syarikat Guthrie sebagai kerani tetapi meningkat menjadi rakan kongsi pada tahun 1857. Dia mengahwini anak Mejar Mc Nair, seorang jurutera. Pada tahun 1876, dia menubuhkan cawangan Syarikat Scott di London. Selama beberapa tahun sebelum kematiannya pada 28 Jun 1902, dia mengetuai Syarikat Guthrie. (Buckley, m.s. 550-51.)

35. Gibson-Hill "Singapore Old Strait and New Harbour".

36. Bogaars, m.s. 131.

37. Wright & Cartwright, m.s. 184.

38. J.J. Greenshields adalah di antara peniaga-peniaga terkemuka di Singapura. Dia menjadi rakan perkongsian Syarikat Guthrie pada tahun 1849 dan mengambil bahagian secara aktif dalam hal-ehwal kerajaan Singapura. (Lihat Buckley, m.s. 135-36 & *Passim*.)

39. *Ibid.* m.s. 499.

40. Bogaars, m.s. 157.

41. *Ibid.*

42. CO 273/54, Mactaggart, Tidman & Co. to Kimberley, 23 Feb. 1871.

43. CO 273/55, Ord to Kimberley, 19 May 1871.

44. CO 273/54, Mactaggart, Tidman & Co. to Kimberley, 23 Feb. 1871 with encls. and 24 Feb. 1871, encl; W.H. Read & others to Cavenagh, 28 July 1865.

45. CO 273/54, Mactaggart, Tidman & Co. to Kimberley, 31 Oct. 1871.

46. CO 273/54, Mactaggart, Tidman & Co. to Kimberley, 23 Feb. 1871 with encls. Ker to Kimberley, 14 Feb 1871 with encls.

47. CO 273/78 Tidman to B. Hope, 20 May 1874.

48. CO 273/54, Ker to Kimberley, 14 Feb. 1871 with encls. & 26 Jan. 1872.

49. CO 273/54 Ker to Kimberley, 14 Feb. 1871 with encls.

50. Ibid.

51. Walter Mansfield datang ke Singapura pada tahun 1861 dan berniaga sebagai pembekal keperluan kapal (1864) di Collyer Quay. Pada tahun 1868, Syarikat Mansfield terdiri daripada Richard J. Wright dan W. Mansfield. Pada tahun 1872, rakan-rakan perkongsian syarikat ini ialah W. Mansfield dan George J. Mansfield. Sebelum tahun 1872 lagi syarikat ini telah dilantik menjadi agen bagi *Syarikat Ocean Steam Ship Co. Ltd.* W. Mansfield meninggal dunia pada tahun 1873 di London. T.C. Bogaard menyertai George Mansfield dan membuka sebuah cawangan di Pulau Pinang pada tahun 1867. George sendiri bersara dalam tahun 1886. (Makepeace et. al. *One Hundred Years of Singapore*, m.s. 206; Wright & Cartwright, m.s. 177.)

52. Abang ipar Tan Kim Cheng dan rakan perniagaan Tan Seng Poh. (Lihat Song, *One Hundred Years History of the Chinese in Singapore*, m.s. 165.)

53. Dilahirkan pada 31 Disember 1816 dan pergi ke Bombay pada tahun 1840. Di sana dia menjadi peguam dan menulis terutama untuk suratkhobar. Pada tahun 1899, W.H. Read menulis: "Woods merupakan seorang peguam yang gagal di Bombay yang mengahwini "babu" seorang Parsi dan mendapat bayaran kerananya". Dia sampai di Singapura dalam tahun 1845 dan "diambil bekerja oleh John Henry dan Mark Moss (sebuah syarikat lelong) bagi menggantikan tempat Edwards, dan suratkhobar *Straits Times* pun dimulakan". (Lihat *Singapore Free Press*, 30 Jun 1899.) Pada tahun 1949, Woods diterima menjadi Wakil Undang-undang di Singapura; dalam tahun 1863 diterima menjadi peguam di Gray's Inn. Dia berkongsi dengan J.G. Davidson dan mereka mendapat ramai para pelanggan daripada orang-orang tempatan". Pada tahun 1870 dia bertindak sebagai Peguam Negara dan pada tahun 1875 sebagai Hakim Kanan Puisne. Dia meninggal dunia pada tahun yang sama. (Lihat makepeace et. al. m.s. 198-200; Buckley, *passim*.)

54. CO 273/46, Anson to Kimberley, 25 April 1871 with encls.

55. CO 273/64, Ker to Kimberley, 4 April 1872, submitting Cavenagh's letter to Collyer dated 5 Feb. 1872.

56. Napier pada masa itu menjadi pengerusi Persatuan Negeri-negeri Selat di London. Projek-projek jalan keretapi yang dicadangkan mengakibatkan perpecahan di kalangan ahli-ahli persatuan ini. Oleh kerana kumpulan Tanjung Pagar lebih ramai dalam persatuan ini, maka Napier terpaksa bertindak sendiri dalam percubaannya untuk memujuk Pejabat Tanah Jajahan supaya menyokong rancangan yang dicadangkan oleh Syarikat Patent Slip & Dock. Tetapi menjelang tahun 1872, masalah yang timbul ialah sama ada kerajaan Negeri-negeri Selat sepatutnya mengambil alih pembinaan landasan keretapi yang menyambungkan pelabuhan baru dengan bandar demi kepentingan orang awam. Syarikat Tanjung Pagar telah memutuskan bahawa landasan yang seperti itu tidak perlu. (CO 273/63, Boustead & others to Kimberley, 28 Mar. 1872; CO 273/63, Herbert's minute of 29 Oct. 1872 on P. & Co. to Kimberley, 23 Oct. 1872.)

57. Herbert yang menduga jalan keretapi Johor itu akan dibina, menjelaskan: "Tamadun kita didahului di Timur". (Ibid.)
58. Sundram, "Economic Development of Johor 1826-95", m.s. 15.
59. Untuk nota ringkas tentang majalah ini lihat Turnbull, "Writings on British Malaya, 1786-1867", m.s. 344-45, 396-97.
60. Petikan ini diturunkan dalam Makepeace et. al. m.s. 149-50.
61. CO 273/24, IO to CO, 7 May 1868.
62. Abraham Logan dilahirkan di Hatton Hall Berwickshire pada 31 Ogos 1816. Kemudian dia menjadi agen undang-undang di Singapura untuk beberapa tahun, pada mulanya dengan adiknya James Richardson yang lahir di tempat yang sama pada 10 April 1819 dan tiba di Negeri-negeri Selat dalam bulan Februari 1839. Pada tahun 1853, James pergi ke Pulau Pinang dan Abraham menjalankan usahanya seorang diri untuk beberapa tahun. James menjadi editor yang termasyhur bagi majalah *JIAEA*. Pada tahun 1862, Abraham disertai oleh Thomas Braddell dan menubuhkan Syarikat Logan dan Braddell. Perkongsian ini diteruskan sehingga tahun 1867 apabila Braddell menjadi Peguam Negara. Setelah itu, Abraham bersara dan untuk beberapa tahun, dia adalah tuan punya dan penyunting *Singapore Free Press* dan menjadi Setiausaha Dewan Perniagaan Singapura dari masa ditubuhkan pada tahun 1850 hingga 1868. Abraham meninggalkan Singapura untuk pergi ke Pulau Pinang pada tahun 1869 dan meninggal di sana pada 20 Disember 1873. Adiknya meninggal lebih dulu, pada 20 Oktober 1869. (Lihat Buckley, m.s. 379; Makepeace et. al., m.s. 197-98.)
63. Untuk catatan riwayat hidup Seymour Clarke, lihat D. MacIntyre "Britain's Intervention in Malaya. The Origin of Lord Kimberley's Instructions to Sir Andrew Clarke in 1873", *JSEAH*, jil. 2 no. 3, 1961; C.D. Cowan, *Nineteenth Century Malaya*; m.s. 167 c. 74. Sebagai pengurus pertama Great Western Railway (perintis keretapi) dan kemudian pengurus Great Northern Railway, dia adalah seorang yang terkenal dan rakan kepada Duke of Buckingham dan Gladstone. Konon dikatakan, Permaisuri Victoria tidak suka menaiki keretapi sekiranya Clarke tidak serta (Buckley, m.s. 297).
64. Lihat CO 273/25, Campbell Bussy of Io to H.S. Bryant of Co, 14 Sept. 1868.
65. CO 273/23, Co to 18 Jan. 1869; CO 273/78, S. Clarke to Carnarvon, 6 July 1874, Encl., S. Clarke to Derby, 23 Feb. 1874.
66. CO 273/76, Sir A. Clarke to Carnarvon, 10 Oct. 1874; Encl., Proceedings of Straits Legislative Council, 5 Oct. 1874.
67. CO 273/24, Treasury to CO, 17 Oct. 1868, Encl., Seymour Clarke to Treasury, 17 Sept. 1874; CO 273/34, FO to CO, 19 July 1869, Encl., S. Clarke to FO 5 July 1869.
68. CO 273/63, FO to CO; 12 July 1872; Encl., S. Clarke to FO, 24 June 1872; CO 273/64, S. Clarke to CO, 23 July 1872.
69. CO 273/42 FO to CO, 9 April 1870, Encl., Harris to Clarendon, 4 April. 1870. CO 273/43. British Australian Telegraf Co. to Granville, 26 Jan. 1870.
70. CO 273/63, FO to CO, 12 July 1872, Encl., S. Clarke to E. Hammond, 24 June 1872.
71. CO 273/78, John Pender to CO (t.b.), recd., 17 Nov. 1874.
72. Ini ialah sebuah syarikat besar yang didirikan oleh Werner, William dan

Carl Siemens di Carlton, Kent. Pada tahun 1869 mereka memasang dawai telegraf dari Prusia ke Teheran, sejauh 4400 km. Pada tahun 1874, mereka berura-ura untuk memasang kabel Atlantik. (Lihat CO 273/77, Crown Agents to CO, 14 Aug 1874; Sir L. Stephens & Sir S. Lee (ed.), *Dictionary of National Biography*, London, 1940-50, m.s. 240-44.)

Rancangan telegraf Read, menyediakan pemasangan bagi 7200 km kabel dasar laut dan kira-kira 1920 km talian daratan. (CO 273/77, Crown Agents to CO, 14 Aug. 1874.)

73. Ibid.

74. CO 273/78, S. Clarke to Carnarvon 6, July 1874, Encl. S. Clarke to Derby, 23 Feb. 1874. Untuk perbincangan yang lebih mendalam tentang tajuk ini, lihat Khoo Kay Kim, "The Origin of British Administration in Malaya," *JMBRAS* jil. 39, bgh. 1, 1966.

75. CO 273/76, Sir A. Clarke to Carnarvon, 10 Oct. 1874; Round's Memo. of 19 Dec. 1874.

76. Untuk keterangan yang mendalam, lihat CO 273/74, Messrs. Lambert & C. to Kimberley, 25 June 1873; S. Clarke to Herbert, 18 July 1873; S. Clarke to Herbert, 6 Nov. 1873; CO 273/78, S. Clarke to Herbert 7 Jan. 1874.

77. Seth A. Apcar adalah anak Arratoon Apcar. Arratoon, bersama saudaranya, Gregory Apcar, menubuhkan Syarikat Apcar yang terkenal di Calcutta, pada tahun 1826. Syarikat ini mempunyai kepentingan yang besar dalam perdagangan candu di negeri China. Seth adalah salah seorang daripada empat orang anak Arratoon Apcar yang menjadi rakan kongsi syarikat ini. Nyatalah dia tokoh yang penting di kalangan orang-orang pemiagaan di England kerana pada tahun 1871, dia merupakan salah seorang pengarah utama dalam syarikat *Merchant Marine Insurance Co. Ltd.* yang mempunyai modal sebanyak £1,000,000. Di antara pengarah-pengarah lain ialah Alexander Fairlie Canningham (juga pengarah Keretapi London, Chatham dan Dover) dan George Hay Donaldson (juga pengarah Chartered Bank Inggeris, Scotland dan Australia). (Lihat *Cyclopedia of India*, Cyclopedia Publishing Coy., Calcutta, 1907, jil. 1, m.s. 250; CO 273/64, Ker & Co. to Kimberley, 31 July 1871, Encl., *The Singapore Daily Times*, 19 Aug. 1871.)

78. Untuk maklumat seterusnya lihat CO 273/82, Eastern Extension Australasia & China Telegraph Co. to Co, 1 Dec. 1875 Rounds' minute of 2 Dec. 1875; Wong Lin Ken, "Western Enterprise and the Development of the Malayan Tin Industry to 1914", dalam C.D. Cowan (ed.) *The Economic Development of South East Asia*, London, 1964, m.s. 135.

79. SSR, F7, Datuk Klana Petra of Sungai Ujong to Sir Harry Ord; 14 May 1872.

80. Tidak ada keterangan yang dapat diperoleh tentang Smith dan Short.

81. Newbold (*Political and Statistical Account & c.*, jil. 11, m.s. 141) menerangkan Chindaras sebagai, "sebuah bukit yang terletak di Gemencheh, sebuah wilayah yang dikuasai oleh Penghulu Johol". Pada tahun-tahun 1830-an, pelombong-pelombong Cina dan Melayu sudah ada di situ. Atas nasihat Maharaja Johor, Datuk Penghulu Johol memberikan konsesi kepada Syarikat Perlombongan Emas Chindaras (CO 273/126, Weld to Derby, 10 Jan. 1884).

82. Shaw pada masa itu menjadi Leftenan Gabenor Melaka.

83. Lihat Swettenham Papers, item 72 "Mr. Pickering's Journal, Singapore to Sungai Ujong (1874)"; entry: 30 Oct. 1874.



84. Lihat Braddell, "Second Continuation of Report & c."; Chelliah "War in Negeri Sembilan", App. A; Cowan, *Nineteenth Century Malaya*, m.s. 142; Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry to 1914*, m.s. 36.
85. CO 273/47, Anson to Kimberley, 3 June 1871, encl. 2.
86. CO 273/61, Ord to Kimberley, 6 Nov. 1872, encl. 2.
87. Ibid.
88. CMP, Jervois to Camarvon, 16 Oct. 1875, encl. 6. Perjanjian yang dibuat antara Ngah Ibrahim dengan para pemberi hutang, 20 April 1875.
89. SSR, F7, Menteri of Larut to Col. Sec., SS, 24 June 1873.

THE UNIVERSITY OF CHICAGO  
DEPARTMENT OF CHEMISTRY  
5800 S. UNIVERSITY AVENUE  
CHICAGO, ILLINOIS 60637  
TEL: (773) 835-3100

RECEIVED: 10/15/88

TO: DR. J. H. WATKINS  
FROM: DR. J. H. WATKINS

RE: [Illegible]

[Illegible]

[Illegible]

## BAHAGIAN TIGA

# POLITIK DENGAN KEADAAN YANG BARU

**P**ERBALAHAN dan perselisihan mengenai pengganti di antara golongan elit yang memerintah sudah lama menjadi ciri politik Melayu. Ini tidaklah pula berarti bahawa ketenteraman sama sekali tidak wujud dalam masyarakat tradisional Melayu. Keadaannya samalah dengan semua masyarakat moden. Telah dikatakan bahawa:

Ciri pertama politik adalah melibatkan konflik, iaitu satu bentuk pergelutan di antara manusia yang cuba mencapai tujuan yang berbeza dan kepentingan yang bertentangan. Konflik politik bukannya satu kecelakaan dan penyimpangan sementara dari norma kerjasama dan harmoni yang sempurna. Konflik itu timbul dari kehidupan manusia sendiri.<sup>1</sup>

Pergelutan kuasa yang berlaku dalam tahun-tahun 1860-an dan 1870-an bukannya satu perkara luar biasa tetapi soal ini tidaklah boleh diketepikan begitu sahaja. Pertama, kadangkala terdapat kecenderungan untuk menyatakan bahawa pergolakan-pergolakan yang berlaku pada masa itu sebagai penunjuk yang negeri-negeri Melayu sudah hampir roboh. Sebagai contoh telah dikatakan bahawa:

Berikutan dengan runtuhnya kesultanan Melaka, maka struktur politik Melayu pun beransur-ansur malap melalui peredaran abad. Pada abad ke-19, masyarakat Melayu di negeri-negeri yang mempunyai bijih timah telah menjadi lemah dan tidak stabil hingga tidak ada lagi kuasa pusat di dalam mana-mana negeri pun yang cukup kuat untuk mengawal keseluruhan wilayah.<sup>2</sup>

Tetapi dengan melihat keadaan anarki yang ada hanya sebagai hasil daripada satu zaman perpecahan dalam negeri yang ber-

lanjutan bererti mengabaikan unsur-unsur pergolakan baru dalam politik Melayu dalam bahagian ketiga suku abad ke-19.

Usaha-usaha perniagaan yang maju di negeri-negeri barat semenanjung dan kedatangan pelombong-pelombong Cina yang ramai sejak tahun-tahun 1850-an merupakan perkembangan-perkembangan yang mempunyai pengaruh penting terhadap masyarakat Melayu. Walaupun diakui bahawa struktur umum masyarakat Melayu tidaklah begitu diganggu oleh perubahan suasana ekonomi tersebut. Bagaimanapun, perkembangan yang berlaku dalam abad ke-19 secara langsung mengakibatkan pergolakan politik dalam dua cara yang khusus. Pertama, konflik politik Melayu dalam bahagian ketiga abad ke-19, dipupuk dengan bantuan kewangan daripada orang-orang yang berkepentingan di Negeri-negeri Selat. Kedua, mulai dari tahun-tahun 1860-an, perkelahian di antara kumpulan orang-orang Cina semakin kerap. Perkelahian ini, pada asasnya merupakan konflik di antara kumpulan dialek wilayah. Kongsi gelap merupakan alat bagi melakukan "peperangan" tersebut. Dalam tempoh satu dekad, konflik sesuatu kumpulan etik bertambah meluas terutamanya kerana semua pihak yang terlibat cuba untuk menguasai punca-punca ekonomi. Bagi orang-orang besar Melayu kuasa politik merupakan syarat untuk memperoleh pendapatan yang besar. Bagi pelombong-pelombong Cina yang bergantung kepada orang-orang besar Melayu untuk hak yang sah sangatlah penting memastikan supaya golongan orang-orang Melayu yang menang itu menyokong kepentingan mereka. Begitu juga halnya dengan saudagar-saudagar Negeri-negeri Selat.

Oleh itu, terdapat kecenderungan bagi tiap-tiap kumpulan untuk membentuk kumpulan yang lebih besar. Kumpulan-kumpulan ini bukan sahaja berusaha memperkuat kedudukannya di dalam negeri tetapi cuba mencari bantuan daripada luar. Akhirnya kerajaan Negeri-negeri Selat dirayu supaya memberikan bantuan yang konkrit dan positif untuk menghalang pertumbuhan kumpulan-kumpulan ini memandangkan Inggeris merupakan satu kuasa terkuat menjelang masa berkenaan. Menjelang bahagian ketiga abad ke-19, latar belakang politik Melayu telah menjadi begitu radikal. Persaingan politik dalam negeri menjadi perkara biasa dan kacau-bilau yang meluas akhirnya meruntuhkan negeri itu sendiri.

1. Austin Rannye, *The Governing of Man*, New York, 1958, m.s. 8. Lihat juga Gullick, *Indigenous Political System & c.*, m.s. 113.

2. Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry to 1914*, m.s. 21.

## Huru-hara yang Semakin Memburuk

Dua faktor penting yang menimbulkan perselisihan dalam masyarakat Melayu adalah akibat perkembangan perdagangan dan aktiviti perlombongan. Perkembangan ekonomi bererti bertambahnya pendapatan dan dengan sendirinya menjadi elemen konflik di kalangan ahli-ahli kelas yang memerintah. Di kalangan peniaga terdapat pula persaingan yang sama hebatnya. Elemen kedua yang menimbulkan pergolakan ialah kongsi gelap. Pada mulanya ia merupakan badan revolusioner yang bertujuan untuk menjatuhkan rejim Manchu di negeri China. Kemudian kongsi gelap ini berkembang menjadi persatuan kebajikan, terutama di kalangan masyarakat Cina seberang laut di samping tetap merupakan sebuah organisasi ketenteraan. Kadangkala ia digunakan untuk memelihara ketenteraman tetapi lebih kepada melakukan keganasan dan peperangan. Memandangkan kelas Melayu yang memerintah mudah terlibat dalam pergelutan kuasa, maka kedua-dua faktor baru ini telah menimbulkan huru-hara dalam bahagian ketiga abad ke-19.

### *Kongsi-kongsi Gelap*

Kongsi gelap Cina mula ditubuhkan sesudah Pulau Pinang berkembang sebagai pusat perdagangan. Dikatakan bahawa "pada tahun 1799, mereka telah menentang pentadbiran dan langkah-langkah yang tegas telah diambil untuk memaksa mereka menurut perintah".<sup>1</sup> Menjelang tahun 1825, sekurangnya tiga buah kongsi gelap yang utama telah wujud, iaitu Ghee Hin, Ho Seng dan Hai San<sup>2</sup> yang sebahagian besar ahlinya terdiri daripada orang-orang Kanton.<sup>3</sup> Pada tahun-

tahun berikutnya, masyarakat Hokkien membuat percubaan bersama untuk mencegah pengaruh besar kumpulan-kumpulan kantonis tersebut. Mereka berkumpul untuk menubuhkan sebuah persatuan baru yang disebut Kien Teik atau lebih terkenal sebagai Toa Peh Kong.<sup>4</sup>

Dalam suku kedua abad ke-19, masyarakat Hakka juga bertambah jumlahnya dan mereka kemudian mengawal kongsi gelap Hai San.<sup>5</sup> Menjelang tahun-tahun 1860-an, sekurang-kurangnya ada enam kongsi gelap yang terkemuka di Pulau Pinang.<sup>6</sup> Ghee Hin adalah yang terbesar jumlah ahlinya, pada tahun 1867 mereka mempunyai seramai kira-kira 25 000 orang ahli di Pulau Pinang dan 150 000 ahli di Seberang Perai.<sup>7</sup> Kira-kira tujuh persepuluh daripada ahli persatuan ini adalah orang-orang Kanton.<sup>8</sup> Toa Peh Kong hanya mempunyai 7000 orang pengikut di Pulau Pinang dan Seberang Perai.<sup>9</sup> Hai San hanya menjadi persatuan Hakka sahaja sementara Ho Seng menerima orang-orang Melayu, Portugis, India dan Jawi Pekan sebagai anggotanya. Chin Chin pula adalah sebuah persatuan Hokkien yang dibentuk sejak tahun 1826 dengan tujuan untuk menentang sikap persatuan-persatuan Kantonis yang berkuasa itu.<sup>10</sup> Namun, sebuah persatuan yang lebih penting dalam konteks ini ialah Ho Hup Seah, yang pada masa itu merupakan "satu cabangan baru dalam persatuan Ghee Hin".<sup>11</sup> Ho Hup Seah terdiri daripada San Neng<sup>12</sup> yang giat dalam industri perlombongan di Larut. Di Seberang Perai pula, golongan Teochew telah menjadi suatu kuasa besar dan mereka itu menjadi ahli Ghee Hin yang utama.<sup>13</sup>

Tahun 1859 merupakan tahun yang penuh dengan rusuhan di Pulau Pinang. Pada akhir bulan Februari tahun yang sama, berlakulah perkelahian besar di antara Ghee Hin dan Toa Peh Kong di Jelutong, lebih kurang tiga kilometer di sebelah selatan bandar. Untuk beberapa hari, kebanyakan kedai ditutup. Konflik ini berpunca daripada "pertengkaran mengenai seorang wanita" tetapi kesan pengaruh persatuan-persatuan ini begitu mendalam sehingga seluruh masyarakat terlibat dengan pergaduhan-pergaduhan mereka".<sup>14</sup>

Sebenarnya perasaan iri hati menjadi sebab utama berlakunya rusuhan di antara kedua-dua persatuan ini dan ia timbul daripada persaingan perdagangan kerana ahli-ahli Toa Peh Kong terdiri daripada saudagar-saudagar dan peniaga-peniaga "yang mempunyai hubungan perniagaan dengan orang Eropah". Pengaruh mereka terhadap orang-orang Eropah yang terkemuka di Pulau Pinang menyebabkan Ghee Hin iri hati.<sup>15</sup>

Keadaan ini pada hakikatnya telah lama wujud. Residen Konsular (W.T. Lewis) telah menyatakan bahawa:

Kedua-dua persatuan (Hoey) ini sudah bertahun-tahun berseteru. Walau bagaimanapun, pergaduhan dapat dielakkan dan dengan susah payah oleh seorang tukang jam yang telah tua bernama Appow. Dia diakui sebagai ketua Ghee Hin Hoey. Sejak kematiannya kira-kira tujuh bulan yang lalu, mereka telah memilih orang muda yang kurang berpengalaman dan tidak begitu dihormati. Salah seorang daripada mereka yang dipilih sebagai ketua ialah Oh Wee Kee yang lahir di Pulau Pinang dan seorang lagi tukang emas dari Macao bernama Lee Coo Yin.<sup>16</sup>

Residen Konsular W.T. Lewis menambah bahawa "perasaan permusuhan sedikit sebanyak wujud di antara setiap orang Hoey".

Mengenai pentingnya Toa Peh Kong itu, Lewis berkata:

Topay Kong Hoey wujud di Pulau Pinang belum sampai lapan belas tahun dan anggotanya dianggarkan berjumlah 1800 orang sementara "Tantaywah" (Tian Ti Hoey) kerana menjadi anggota Ghee Hin, Hai San dan Hoh Siang (Ho Seng), dikatakan sokong-menyokong walaupun bertindak sebagai badan yang berasingan. Ia dianggarkan mempunyai anggota kira-kira 13 000 orang di Pulau Pinang dan di Seberang Perai. Oleh itu, sudah tentu akan memeranjatkan kita bahawa jumlah orang yang tidak seimbang akan keluar bagi menentang puak yang satu lagi, tetapi ahli-ahli Topa Kong terkenal sebagai suka berkelahi dan bertengkar dan memang diketahui bahawa, kecuali sebilangan kecil, seluruh saudagar-saudagar yang dihormati di bandar adalah ahli Topa Kong, sungguhpun mereka tidak mengakuinya secara terbuka.

Satu perkara lagi yang harus diperhatikan ialah "... di Ujung Salang, Rangoon dan Moulmain. Golongan Topay Kong melebihi 3 kumpulan Hoey dari Tantaywah dan banyak pergaduhan yang berlaku di tempat-tempat yang disebutkan itu menjadi sebab asas pergaduhan di Pulau Pinang".

Pada tahun 1859, Toa Peh Kong sekali lagi terlibat dalam satu pergaduhan yang besar. Kekacauan mula-mula meletus di Ujung Salang dan kemudiannya merebak ke Pulau Pinang.<sup>17</sup> Pada bulan Ogos 1867, rusuhan yang paling dahsyat dalam sejarah Pulau Pinang meletus di antara Toa Peh Kong dan Ghee Hin. Sekali rusuhan itu merupakan lanjutan daripada konflik yang berlaku pada bulan Julai tahun yang sama di Bang Chiam, Tongkah.<sup>18</sup>

Tian Ti Hoey merupakan kongsi gelap pertama yang ditubuhkan di Melaka.<sup>19</sup> Seperti di tempat-tempat lain,

kewujudannya melahirkan kongsi-kongsi gelap yang lain. Menjelang tahun 1834, Ghee Hin dan Hai San merupakan dua buah kongsi gelap yang besar. Tetapi orang-orang Cina yang lahir di Melaka yang kaya dan membentuk satu kelas atasan tidak menjadi ahli mana-mana kongsi gelap pada peringkat ini. Mereka mempunyai persatuan sendiri yang bersifat keagamaan kerana tujuan utama mereka adalah untuk menggabungkan pemberian korban kepada nenek moyang. Acara penyembahan tahunan diadakan di luar bandar dan seolah-olah seperti satu pesta yang memberikan peluang beristirahat kepada keluarga anggota-anggota persatuan tersebut. Mereka mempunyai kuil di tempat-tempat yang terpencil, salah sebuah daripadanya terletak di Jalan Melaka. Menyimpan rahsia adalah menjadi satu syarat penting bagi pertubuhan-pertubuhan Cina tempatan.

Jangka masa di antara tahun-tahun 1834-48 merupakan zaman yang penuh peristiwa dalam sejarah kongsi gelap, khususnya Hai San. Pembukaan lombong bijih timah di Kesang menguntungkan ahli-ahli persatuan ini dan memberikan mereka kuasa ekonomi di samping kedudukan yang belum pernah dicapai oleh kongsi gelap lain sama ada sebelum atau sejak tahun 1860.<sup>20</sup> Prestasi mereka ini menarik minat orang ramai untuk menjadi ahli persatuan ini, termasuk orang-orang Cina yang dilahirkan di Melaka, orang Melayu, Boyan dan India. Dikatakan bahawa serani-serani kaya Melaka juga diterima menjadi ahli.

Menjelang tahun 1857, ahli Hai San di Melaka telah berkuangan dan pengaruh mereka semakin pudar disebabkan oleh kemerosotan hasil lombong di Kesang. Tetapi untuk beberapa tahun yang berikutnya, Hai San terus menjadi *Hoey* yang terkuat di Melaka.<sup>21</sup> Pada tahun 1879, Melaka mempunyai lima buah kongsi gelap, iaitu Ghee Hin, Hai San, Ghee Boo, Hock Beng dan Ho Seng.<sup>22</sup>

Tian Ti Hoey juga berpengaruh di Singapura pada awal tahun-tahun 1820-an. Rompakan dan aktiviti-aktiviti lain yang berbahaya menjadi perkara lazim. Kebanyakan ketua kongsi gelap tersebut terlibat juga dalam perdagangan dan mereka mendapat kemewahan di Singapura. Menjelang tahun-tahun 1840-an, beberapa banyak ladang telah dibuka di kawasan pedalaman. Jalan raya dibina untuk menghubungkan pusat bandar dengan kawasan pedalaman di pulau itu. Singapura menjadi semakin maju dan aktiviti jenayah mula merosot.<sup>23</sup>

Ketua pertama Tian Ti Hoey di Singapura ialah Ho Ah Yam, seorang pembuat roti. Pembantunya ialah Wee Choo Swee yang



menjadi ketua Triad selepas kematian Ho Ah Yam pada tahun 1846. Seperti di Pulau Pinang, kebanyakan ketua awal persatuan ini adalah orang Kanton. Apabila penduduk Cina bertambah, timbullah perasaan tidak puas dengan kekuasaan ketua-ketua Kanton itu. Persatuan-persatuan yang baru mula wujud akibat perpecahan daripada persatuan asal. Hai San merupakan pertubuhan kongsi gelap yang pertama muncul akibat perpecahan tersebut.<sup>24</sup> Ho Ah Yam dan Wee Choo Swee telah berusaha untuk memecahkan *Hoey* dibawah ini, tetapi gagal. Akhirnya, apabila keadaan menjadi genting, mesyuarat agung Tian Ti Hoey diadakan. Satu usul yang dicadangkan berbunyi: "oleh kerana jumlah pelbagai puak telah bertambah serta mengancam tindakan asal kongsi dan juga oleh kerana ahli tiap-tiap persatuan dapat mentadbirkan kumpulan mereka sendiri, maka para pemimpin berpendapat adalah lebih berfaedah supaya pemecahan dibuat, memisahkan kedua-dua belah pihak". Dengan *courp de main* ini, maka bahagian *Triad* pun wujudlah dengan rasminya. Ketua-ketua asal *kongsi* mengekalkan bahagian orang Kanton dan sejak itu dan seterusnya dikenal sebagai Kong Foo Sew. Untuk beberapa lama, tidak ada *Hoey* boleh dibentuk kecuali apabila ada izin dari ibu pejabat Tian Ti Hoey di *Lavender Street* yang juga menjadi tempat pusat besar Kong Foo Sew.<sup>25</sup> Mohor hendaklah dicapkan kepada izin tersebut yang sejak tahun 1869 lagi, berada dalam tangan Ung Aun, janda Ho Ah Yam, yang juga terkenal sebagai Toa Ko Soh (isteri abang sulung). Dia mendapat bayaran untuk setiap izin yang dicap dan bayaran yang lebih apabila mengenakan cap asal kepada dokumen-dokumen lain.

Menjelang tahun-tahun 1860-an, terdapat hampir dua belas kongsi gelap utama, kongsi-kongsi tersebut seperti berikut:

Ghee Hin	Tai Beng
Ghee Hock	Ghee Law, juga terkenal sebagai Muka Merah
Hock Hin	Ghee Han atau 36
Sung Pak Kun	Ghee Soon atau 48
Hai San	Chew Leong
Hin Beng	Keng Teik

Selepas satu ujian kekuatan diadakan pada bulan Jun 1868, Tai Beng Hoey, Chew Leong Hoey dan Ghee Law Hoey di bubarkan sementara Ghee Han bersatu dengan Hock Hin dan Ghee Soon dengan Ghee Hin.

Pada masa itu, Ghee Hin di Singapura adalah sebuah or-

ganisasi yang sangat besar, ia meliputi lima bahagian kecil, iaitu Ghee Hin Kanton atau Kong Foo Sew dengan jumlah ahlinya yang agak kecil; Ghee Hin Hokkien, jumlah ahlinya sangat besar terdiri daripada orang Hokkien. Ghee Hin Hakka, terbahagi kepada dua kumpulan kecil—Ghee Kee dan Kong Hock; Ghee Hin Teochew, yang lebih terkenal sebagai Ghee Sin, sebuah kumpulan yang besar dan kuat berpengaruh hingga ke Johor di mana terdapat ramai orang Cina daripada puak Teochew. Dan yang terakhir dan yang paling lemah ialah Ghee Hin Hailam.

Persatuan lain yang dikira paling terkenal ialah Hock Hin, iaitu persatuan yang dikuasai oleh orang Hokkien yang mempunyai kuasa ekonomi yang agak besar dan dikatakan sebagai *hoey* Cina yang terkaya. Persatuan ini mempunyai "simpanan wang yang besar dan membolehkannya melakukan fungsi bank dengan ahli-ahlinya seperti mengambil diskaun, pertukaran wang apabila menghantar wang kepada saudara-mara di negeri China, meminjamkan wang berdasarkan sandaran dan sebagainya". Pada peringkat ini, pengaruh Hai San semakin lemah. Di samping itu wujud pula sebuah persatuan lain, iaitu Sung Pak Kun, yang pada asasnya adalah sebuah kumpulan persaudaraan dan mempunyai ibu pejabat di Sungai Ujong. Persatuan ini sangat memusuhi Hai San. Pada bulan Januari 1868, satu pertelingkahan di Sungai Ujong yang berpunca daripada perjudian di antara kedua-dua persatuan ini telah menyebabkan berlakunya pergaduhan di Singapura. Selain daripada itu terdapat juga persatuan Hin Beng yang dianggotai oleh orang Hokkien dan Keng Teik Hoey, pada asalnya terdiri daripada tiga puluh enam orang ahli. Tujuan utama persatuan ini ialah "berbuat kebajikan", derma dan tolong-menolong". Ahli-ahlinya terdiri daripada saudagar terkemuka Singapura yang dilahirkan di Melaka.<sup>26</sup>

Di negeri-negeri Melayu, kongsi gelap mula-mula muncul di pusat-pusat perlombongan di Sungai Ujong, Lukut dan Linggi dalam tahun-tahun 1820-an. Kongsi gelap yang pertama ditubuhkan ialah Tian Ti Hoey.<sup>27</sup> Kekuatan kongsi gelap ini pada awalnya tidaklah menyeluruh sehingga kira-kira pertengahan abad ke-19 kerana menjelang masa itu pengaruh Hai San sudah mencapai puncaknya di Melaka. Seperti yang telah diterangkan, penutupan lombong bijih timah di Kesang menyebabkan pelombong-pelombong Cina berpindah ke negeri-negeri Melayu yang berdekatan. Oleh kerana lombong-lombong di Kesang dikuasai oleh ahli-ahli persatuan Hai San, maka penga-

ruh persatuan ini bertapak kuat di Sungai Ujong dan Klang.

Dalam masa yang sama Shin Onn atau Shin Kap dilantik sebagai Kapitan Cina di Sungai Ujong oleh Datuk Klana (Sending). Menantunya Lam Ma diketahui menjadi ketua kongsi Hai San, begitu juga *panglimanya*, Liu Ngim Kong. Oleh itu, bolehlah dibuat andaian bahawa Kapitan Shin Onn juga menjadi ahli persatuan ini.<sup>28</sup> Dua buah persatuan lain yang diketahui muncul di situ ialah Ghee Hin dan cawangannya, Sung Pak Kun yang beribu pejabat di Sungai Ujong.<sup>29</sup>

Di kawasan Kuala Lumpur—Ampang, Kapitan Cina yang pertama, Hiu Siew adalah ahli persatuan Ghee Hin dan pada tahun 1862 penggantinya ialah Liu Ngim Kong, panglima Kapitan Shin Onn. Yap Ah Loy, yang kemudian menyertai Kapitan Liu di Kuala Lumpur, juga menjadi ahli persatuan yang sama. Di Kanching pula, di mana kebanyakan pelombong adalah Hakka Kah Yeng Chew, persatuan yang paling kuat ialah Sung Pak Kun dan Ghee Hin di samping persatuan Hai San.<sup>30</sup>

Keadaan di Larut pada asasnya adalah sama di mana Hai San dan Ghee Hin merupakan dua buah persatuan yang berkuasa. Hakka Chen Seng, iaitu pelombong-pelombong Cina yang terawal di Larut menjadi ahli persatuan Hai San. Persatuan ini sangat berpengaruh sehinggakan Long Jaafar sendiri menjadi ahlinya. Berikutan dengan kematian Long Jaafar dalam tahun 1858, pentadbiran Larut untuk beberapa ketika diserahkan kepada adiknya, Ngah Lamat. Ngah Lamat pula menyerahkan kuasa itu kepada seorang pengembara Syeikh Mohammad Taib yang berasal dari Minangkabau.<sup>31</sup> Syeikh Mohammad yang dibantu oleh seorang yang bernama Abdul Jabbar, juga menjadi ahli Hai San. Sebaliknya ahli-ahli Persatuan Ghee Hin, kebanyakannya terdiri daripada Hakka Fui Chew.<sup>32</sup>

Seperti di Negeri-negeri Selat, wujudnya pelbagai kumpulan dialek wilayah, yang kemudian berkumpul di bawah naungan kongsi gelap yang khusus secara langsung membentuk punca permusuhan di kalangan orang-orang Cina pendatang, kerana pada masa itu perasaan kedaerahan masih tebal di sanubari mereka.

### *Kekacauan di Negeri Sembilan*

Telah dijelaskan bahawa kawasan Sungai Linggi merupakan pusat kegiatan perniagaan yang mula-mula berkembang. Perkembangan ini telah menimbulkan reaksi politik yang berpanjangan apabila orang-orang besar daerah berlumba-lumba

untuk mendapatkan keuntungan dari kawasan tersebut. Persaingan di antara orang-orang lain yang berkepentingan juga sama hebatnya.

Satu peristiwa yang berlaku pada tahun 1844 dapat menjelaskan perkara ini.

Mohammad Katas, seorang pedagang bijih timah yang utama di Melaka, telah beberapa tahun menghantar hasil lombongnya ke Syarikat Neubronner. Pada bulan Februari 1844, sebuah syarikat baru, iaitu Syarikat Westerhout telah ditubuhkan oleh sekumpulan saudagar Cina yang mempunyai hubungan dengan J.E. Westerhout, (anak J.B. Westerhout, Penolong Residen Melaka) juga menceburkan diri dalam bidang perniagaan bijih timah. Syarikat ini berusaha memujuk Katas supaya memindahkan sebahagian daripada dagangannya dengan Syarikat Neubronner kepada mereka. J.B. Westerhout membantu syarikat baru itu dengan memperkenalkan Chee Yam Chuan, ketua rakan perkongsiannya kepada Datuk Muda Linggi. Syarikat Westerhout kemudian diberikan bahagian dalam perdagangan ini. Tetapi pihak Neubronner juga sama-sama berpengaruh kerana iparnya, Thomas Lewis, tidak lama kemudian dilantik sebagai Residen Konsular Melaka.<sup>33</sup> Lewis sertamerta menulis kepada Katas dan "keadaan berubah lagi". Datuk Muda Linggi konon dikatakan, "orang besar yang malang kerana bertindak supaya tidak menyinggung perasaan satu pihak atau pihak berkuasa yang lain dan berasa tidak selamat untuk bersatu dengan kerajaan".<sup>34</sup>

Pemulihan Syarikat Neubronner seperti pada peringkat awalnya amat mengecewakan orang Cina. Pada bulan Ogos 1844, mereka (seramai 37 orang) telah membuat rayuan bantahan kepada Gabenor dengan menyatakan bahawa kerani di Jabatan Merin, iaitu Joseph Neubronner, yang juga bertindak sebagai Penolong Atendan Kanan, telah campur tangan dalam sistem perdagangan bebas di pelabuhan. Siasatan menunjukkan bahawa beliau telah mempengaruhi pedagang-pedagang tempatan supaya memihak kepada syarikat kepunyaan adik-beradiknya. Rayuan bantahan ini pada hakikatnya telah menjelaskan bahawa terdapat "kakitangan kerajaan yang terlibat".<sup>35</sup> Kerajaan Negeri-negeri Selat kemudiannya memberitahu Datuk Muda Katas:

Saya telah melihat beberapa pucuk surat yang dialamatkan kepada sahabat saya oleh Syarikat Neubronner, Joseph Neubronner dan Tuan Lewis mengenai perdagangan bijih timah sahabat saya ke Pelabuhan Melaka. Saya juga diberitahu tentang perbualan yang diadakan oleh

Tuan Westerhout dengan sahabat saya di muara Sungai Linggi bersama-sama dengan seorang Cina bernama Chi Yam Chuan . . . dan oleh itu, saya telah berutus dengan sahabat saya untuk memberitahunya bahawa kakitangan kerajaan tidak terlibat dalam perdagangan, selain daripada memberikan perlindungan. Sahabat saya bebas untuk berdagang dengan sesiapa juga yang disukainya tanpa halangan dan cukai yang dikenakan.<sup>36</sup>

Akibat bantahan ini semua golongan yang terlibat telah ditegur dengan keras dan Westerhout terpaksa menarik keluar anaknya daripada syarikat berkenaan. Tetapi perkara ini tidak tamat di sini sahaja. Persaingan di antara Syarikat Neubronner dan Chee Yam Chuan semakin hebat. Saudagar-saudagar Cina mengambil kesempatan atas hubungan Klana Kawal dan Datuk Muda Katas yang tegang itu dan mengakibatkan peperangan hampir tercetus. Kedua-dua mereka "dibantu dan digalakkan oleh Syarikat Neubronner dan Yam Chuan dengan tujuan untuk mendapatkan monopoli bijih dari Linggi". Senjata dibekalkan kepada kedua-dua pihak. Walau bagaimanapun, pada waktu ini, Joseph Neubronner sudah tidak lagi terlibat. Apabila Datuk Muda Katas merayu kepadanya untuk mendapatkan bantuan dia diberitahu bahawa, "Joseph Neubronner tidak lagi berkongsi dengan adik-beradiknya dan dia hanya dianggap sebagai pedagang biasa".<sup>37</sup>

Kematian Klana Kawal pada tahun 1849,<sup>38</sup> tidak mendatangkan keamanan di Sungai Linggi. Ini disebabkan terdapat beberapa orang yang telah mengenakan cukai ke atas bot-bot yang lalulintas di sepanjang sungai tersebut. Barangkali orang pertama yang berbuat demikian ialah Lebai Kulop<sup>39</sup> yang telah berkubu di Simpang. Aktivitinya di antara tahun-tahun 1848 dan 1849 menyebabkan saudagar-saudagar Melaka merasa amat cemas.

Pada tahun 1853, satu percubaan mengadakan persetujuan bagi memuaskan semua pihak yang berkepentingan dalam perdagangan bijih timah telah dibuat. Satu cadangan telah dikemukakan untuk menetapkan kadar cukai yang sekata sebanyak sepuluh peratus ke atas bijih timah sahaja, sedangkan barang-barang lain bebas daripada cukai. Cadangan juga dibuat supaya memajakkan hak memungut cukai itu kepada seorang Cina Melaka. Tetapi Lebai Kulop enggan menerima cadangan yang dibuat. Disebabkan oleh sifatnya yang berani dan azamnya yang kuat disertai sokongan dari Rembau, tidaklah mungkin untuk mempengaruhi seorang Cina Melaka berani membeli pajakan tersebut.<sup>40</sup>

Menjelang tahun 1855, selain daripada Lebai Kulop, terdapat tiga orang lain yang memungut cukai di sepanjang Sungai Linggi, iaitu Datuk Kanda<sup>41</sup> di Pengkalan Kempas, Haji Mohammad Salleh<sup>42</sup> di Sungai Serban dan Syed Ahman<sup>43</sup> di Bukit Tiga. Klana Sending<sup>44</sup> tidak dapat menentang ketiga-tiga orang ini walaupun mendapat bantuan dari Rembau. Disebabkan selalu diganggu oleh Datuk Bandar, Kulop Tunggal<sup>45</sup> meminta bantuan daripada pihak Inggeris. Tindakan ini dieksploit sepenuhnya oleh penggantinya, Syed Ahman bagi faedah dirinya sendiri.<sup>46</sup>

Keadaan di Linggi ini telah banyak merugikan saudagar-saudagar Melaka dalam perdagangan bijih timah di Sungai Ujong. Mereka kemudian telah merayu kepada Dewan Perniagaan Singapura supaya meminta kerajaan Negeri-negeri Selat menolong mengusir pemungut-pemungut cukai tersebut dari Sungai Linggi, tetapi usaha mereka telah gagal.<sup>47</sup> Pada bulan Ogos tahun yang sama, semasa Lebai Kulop tidak ada di Simpang, Klana Sending mengupah sebuah sekuner Inggeris, dengan anak buahnya terdiri daripada orang-orang Eropah untuk menyerang tempat memungut di Simpang. Datuk Kanda di Pengkalan Kempas juga mengaku kalah kepada Datuk Klana. Tetapi kemenangan Datuk Klana bukanlah kemenangan muktamad kerana pada tahun 1856 cukai dikenakan semula di sepanjang Sungai Linggi.<sup>48</sup>

Pada tahun 1857, kerajaan Negeri-negeri Selat memutuskan untuk menggunakan kekerasan bagi mencegah kegiatan pemungut-pemungut cukai tersebut dan keamanan dapat diwujudkan selama tiga tahun berikutnya. Aktiviti perlombongan dan perdagangan giat semula. Pada tahun 1860, satu rusuhan besar meletus dan menghancurkan aktiviti perlombongan dan perdagangan. Rusuhan ini adalah berpunca daripada perselisihan di antara Klana Sending dengan Datuk Bandar Tunggal. Datuk Bandar Tunggal telah mengenakan cukai ke atas lalulintas di Linggi dan perkara ini sangat menggemparkan Klana Sending. Oleh kerana tidak terdaya untuk menghalang Datuk Bandar daripada berbuat demikian, Datuk Klana meminta bantuan Penghulu Rembau. Dan telah menjadi adat di antara Sungai Ujong dengan Rembau bahawa sekiranya raja daripada satu pihak menjemput daripada pihak yang lain ke wilayahnya sama ada untuk meminta nasihat atau pertolongan, maka raja yang dijemput itu akan memegang kuasa daerah berkenaan. Selepas peristiwa yang melibatkan Datuk Bandar diselesaikan,<sup>49</sup> Penghulu Rembau, menggunakan wibawanya dengan menun-

tut sebahagian daripada cukai ke atas pelombong-pelombong Cina. Keadaan menjadi lebih kompleks kerana Yamtuan Besar (Raja Radin) telah berpindah ke Kampung Rasah dan dia juga berharap untuk menerima sebahagian daripada pendapatan yang dikenakan ke atas pelombong-pelombong tersebut.

Oleh itu, Klana Sending yang disertai oleh Penghulu Rembau dan Seri Menanti, memutuskan untuk mengenakan cukai yang lebih tinggi, iaitu sebanyak \$4,000.00 ke atas pelombong-pelombong Cina yang dahulunya hanya dikenakan cukai sebanyak \$1 seorang serta rol tetap ke atas bijih timah. Pelombong-pelombong Cina bertindak balas walaupun Penghulu Rembau dan Klana Sending mencuba memujuk mereka. Pada 21 Ogos 1860, rusuhan pun meletus. Pihak Cina yang memulakan pergaduhan itu mengalami kekalahan teruk dan terpaksa lari untuk menyelamatkan nyawa. Daripada 14 000 orang Cina yang bekerja di lombong-lombong Cina kira-kira 200 orang telah dibunuh. Beberapa banyak lagi yang menjadi penagih candu tidak tahan menanggung sengsara dan oleh kerana itu mati dalam hutan. Yang lain-lainnya terpaksa mencari tempat perlindungan di negeri-negeri yang berdekatan kerana rumah dan kedai mereka telah musnah.<sup>50</sup>

Saudagar-saudagar Melaka sekali lagi menghantar rayuan kepada Gabenor Negeri-negeri Selat. Menurut mereka:

Hingga akhir-akhir ini, sebarang sekatan atau gangguan perdagangan jarang berlaku disebabkan oleh pengaruh Datuk Bandar atau ketua perdagangan di Sungai Ujong, yang selalunya memelihara ketenteraman di kalangan pelombong-pelombong Cina. Di samping itu, mereka membiarkan perhubungan ke kuala Sungai Linggi terbuka dan menghalang pemerasan atau cukai-cukai lain yang biasa dikenakan ke atas jumlah bijih timah yang dieksport.

Kami pada umumnya telah berdagang dengan penuh kepercayaan dengan daerah-daerah perlombongan yang melampaui sempadan Inggeris tetapi apabila Datuk Bandar ditangkap, kira-kira enam bulan yang lalu, kami mengalami kerugian perdagangan dan kerosakan yang besar kerana sungai tersebut telah ditutup oleh Datuk Klana dan orang-orang besar lain di Sungai Ujong. Mereka telah mengambil peluang dari ketiadaan Datuk Bandar, untuk mengenakan cukai yang terlalu tinggi dan tidak adil kepada semua jenis barang yang dibawa melalui sungai dan akhirnya menyekat perhubungannya. Ini telah menaikkan harga bijih timah dan begitu juga harga beras dan barangan lain di daerah perlombongan. Kami mendapat tahu bahawa harga beras hampir pada tingkat harga kebuluran.<sup>51</sup>

Selanjutnya ditegaskan bahawa Melaka sangat bergantung kepada perdagangan bijih timah Sungai Ujong dan sekiranya

ada sesuatu kejadian yang menghalang perdagangan itu, ramai orang Melaka akan kerugian.

Pihak berkuasa Inggeris tidak membayar gantirugi kepada pedagang-pedagang tersebut tetapi telah meminta Klana Sending supaya menggunakan kuasanya ke atas sepanjang Sungai Linggi. Kerana sedar akan kekurangan kuasa, Klana Sending melahirkan hasratnya untuk membuat perjanjian perdagangan dengan kerajaan Inggeris dan mengikut perjanjian itu kerajaan Inggeris bertanggungjawab bagi mengawal keamanan di sungai. Klana Sending mengenakan syarat supaya dia diizinkan mengenakan cukai sebanyak sepuluh peratus ke atas semua bijih yang dibawa dari mana-mana lombong. Kerajaan Negeri-negeri Selat pada umumnya bersetuju dengan cadangan tersebut di samping mengusulkan supaya seorang Penolong Residen Inggeris ditempatkan di Linggi "sebagai pengadil bagi semua perkara yang berkaitan dengan perniagaan di antara saudagar-saudagar kami dengan pedagang-pedagang peribumi" dan satu kawasan tanah di Simpang diambil sebagai tapak untuk membina balai polis. Tetapi tidak ada apa-apa pun yang berlaku. Menjelang akhir tahun 1860-an orang-orang Cina telah pulang ke Sungai Ujong untuk memulakan kerja di lombong-lombong di situ.<sup>52</sup>

Sebagai kesimpulan tentang keadaan politik umum di Negeri Sembilan pada masa itu, Gabenor Negeri-negeri Selat telah menyatakan dalam tulisannya bahawa:

Sungguhpun raja negeri-negeri yang berlainan itu sekali-sekala bertemu untuk membincangkan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan bersama, tetapi untuk beberapa lama konfederasi ini boleh dikatakan tidak wujud lagi dan almarhum Yang Dipertuan (Raja Radin) yang juga menjadi Penghulu Seri Menanti, tidak banyak pengaruhnya terhadap orang-orang besar lain. Sesungguhnya pula kedudukannya tidak pernah diiktiraf oleh kerajaan Inggeris kerana semua surat-menyurat dengan orang besar dibuat tanpa sebarang rujukan kepada Yang Dipertuan.<sup>53</sup>

Kenyataan ini kurang tepat dalam ertikata bahawa pembahagian Negeri Sembilan hanya berlaku sesudah tahun 1869.

### *Perak: Pertelingkahan dalam Negeri dan Kekacauan Orang-orang Cina*

Apabila Raja Abdullah menggantikan Sultan Shahbuddin pada tahun 1851, dia mewarisi semua pahit maung yang ditanggung



1851

oleh Sultan Shahbuddin. Raja Ngah Jaafar, raja muda yang baru, berazam hendak menyingkirkan Raja Abdullah. Dia disokong penuh oleh Bendahara Raja Ngah Ali, putera Sultan Shahbuddin. Menjelang bulan Mac 1853, Sultan Abdullah terpaksa lari dari istananya di Tanjong Sarang Dendang untuk berlindung bersama Laksamana di Durian Sebatang. Berulang kali baginda meminta bantuan daripada pihak Inggeris. Pada bulan Jun 1854, Raja Muda telah ditabalkan menjadi sultan dan dia telah berutus dengan Gabenor Negeri-negeri Selat dengan menggelar dirinya Sultan Safiuddin Muazzam Shah.

Dari masa ini sehingga kemangkatan Sultan Abdullah di Durian Sebatang pada tahun 1857, segala peristiwa yang terjadi tidaklah jelas. Campur tangan Inggeris adalah atas kehendak pihak Sultan Abdullah untuk mencegah cita-cita Raja Jaafar menjadi raja.<sup>54</sup> Tetapi pada tahun 1857, Raja Jaafar dengan rasminya ditabalkan sebagai Yang Dipertuan Perak. Raja Ngah Ali menjadi raja muda dan bendahara barunya ialah Raja Ismail, anak seorang raja yang berasal dari Siak.<sup>55</sup>

Penyusunan semula politik juga berlaku di Larut yang secara tradisi terletak di bawah bidang kuasa Panglima Bukit Gantang. Sewaktu pendapatan Larut bertambah dengan banyak, Long Jaafar memutuskan bahawa dia patut memajak wilayah itu daripada Panglima Bukit Gantang (Alang Allaidin) dengan bayaran \$125 setahun, iaitu jauh lebih rendah daripada yang mampu dibayarnya. Selain daripada itu, dia tidak puas dengan kuasanya yang terhad ke atas wilayah tersebut. Dia kemudian dapat meyakinkan Raja Ngah Ali, supaya menolongnya memperoleh geran (bertarikh 6 November 1850) daerah Larut. Panglima Bukit Gantang tidak membantah tetapi dia tetap menguasai Kurau dan wakilnya di sana ialah Penghulu Rejab. Keadaan politik yang tidak tetap pada masa itu telah menyebabkan Long Jaafar berasa risau. Beberapa tahun kemudiannya, dia berasa perlu mendapat geran baru (bertarikh 8 November 1856) daripada Raja Jaafar, Raja Perak yang sebenarnya (*de facto*).<sup>56</sup>

Semasa pentadbiran Long Jaafar, keadaan politik di Larut adalah stabil. Tetapi setelah dia meninggal keadaan mula menjadi kucar-kacir berpunca daripada persengketaan di antara Sultan Jaafar dengan Raja Muda Ngah Ali. Dalam persengketaan ini, Bendahara Ismail menyokong raja muda yang "menjadi rakan karib dan sekutunya. Lagi pun Raja Ismail dan isterinya telah dijadikan anak angkat oleh Marhum Safi-Ullah (Sultan Shahabudin).<sup>57</sup>

Pada 24 Mei 1858, Sultan Jaafar memberikan geran yang

mengesahkan Ngah Ibrahim, anak Long Jaafar, sebagai pentadbir Larut yang meliputi Krian dan Bagan Tiang. Kemudian, Sultan Jaafar berubah fikiran dan mencari jalan bagi mengurangkan kuasa keluarga Long Jaafar dengan melantik Panglima Besar Mohamed Kasasi sebagai orang besar Krian. Ngah Ibrahim dengan bapa saudaranya, Ngah Lamat kemudian mempengaruhi Raja Ngah Ali untuk menyokong mereka menentang Panglima Besar Mohamed yang mana dari masa lantikannya, sehingga bulan Julai 1860, tidak dapat memungut hasil wilayah yang telah diletakkan di bawah kuasanya. Krian pada masa itu sangat berharga disebabkan hasil sawah padi yang diusahakan oleh petani-petani dari Seberang Perai. Tidak lama kemudian rusuhan pun terjadi dan Mohamed Kasasi cuba mendapat sokongan Inggeris, tetapi gagal.

Raja Muda Ngah Ali dan Panglima Bukit Gantang telah juga membuat aduan kepada kerajaan Pulau Pinang dengan mengatakan bahawa "kekacauan di sempadan adalah disebabkan oleh campur tangan Raja (Sultan Jaafar) yang tidak sepatutnya melantik Panglima Besar Mohamed Kasasi menjadi orang besar daerah Krian. Ini berlawanan dengan adat biasa, iaitu kuasa perlantikan telah diberikan kepada Panglima Bukit Gantang". Mereka juga meminta bantuan Inggeris. Keadaan menjadi bertambah kusut apabila terdapat seorang Cina Pulau Pinang, Khaw Koon Chee terlibat dalam peristiwa di Krian. Dia telah memajak hak untuk membalak di Hijau dan di hulu anak-anak Sungai Krian yang lain selama tiga tahun mulai 29 Januari, 1859. Apabila Mohamed Kasasi mula menjaga daerah Krian, dia enggan mengakui perjanjian tersebut. Sebaliknya dia menjualkan pajakan itu kepada Chang Ngoon Tah, seorang Cina penjual permata dari Pulau Pinang yang kemudiannya memajakkannya pula kepada beberapa orang pembalak lain. Buat sementara waktu, perjalanan balak melalui sungai dihalang oleh Haji Osman, seorang penyokong keluarga Long Jaafar, dan dia juga bertindak dengan dorongan Khaw Koon Chee, yang dikatakan sebagai pemajak kecil semasa membuat permohonan kepadanya untuk mendapatkan kebenaran bagi mengambil balak mereka. Pemajak-pemajak kecil ini kemudian berpaling kepada Khaw Koon Chee untuk mendapatkan kebenaran yang kemudiannya berjaya dengan perjanjian semua cukai biasa akan dijelaskan.

Tetapi pada peringkat ini, salah faham timbul di antara Khaw Koon Chee dan Haji Osman tentang perkara-perkara yang berhubungan dengan pembayaran. Para pedagang Cina terpaksa

berpaling kepada kerajaan Pulau Pinang untuk menolongnya mendapatkan semula balak-balak yang dirampas oleh Haji Osman. Sepasukan polis dihantar untuk membuat siasatan. Pada 27 April 1860, mereka menemui Panglima Besar di Nibong Tebal. Mohamed Kasasi berasa dia akan mendapat manfaat sekiranya dia dapat memujuk pihak polis pergi bersamanya ke benteng Haji Osman di muara Sungai Semarang, sebuah sungai kecil yang mengalir masuk ke Sungai Krian. Robertson, Timbalan Pesuruhjaya Polis Pulau Pinang, bersetuju dan apabila kumpulan itu sampai, Haji Osman menyangka kerajaan Inggeris menyokong Panglima Besar, lalu dia pun membuat tentangan. Maka berlakulah pertempuran kecil dan akibatnya pasukan polis dari Pulau Pinang itu terpaksa berundur. Setelah peristiwa tersebut sepucuk surat dari kerajaan Pulau Pinang dihantar kepada Sultan Jaafar, Raja Perak. Raja Perak berjanji untuk menarik balik Panglima Besar dan meletakkan seorang yang berpengaruh untuk menjaga daerah-daerah di sempadan.<sup>58</sup> Tetapi, kedudukan Sultan Jaafar sendiri tidaklah stabil kerana keadaan politik di Perak pada masa itu kucar-kacir. Sekiranya merujuk kepada rekod, perang saudara di Perak seolah-olah sudah dianggap sebagai perkara biasa.<sup>59</sup>

Sebelum kekacauan di Krian reda sepenuhnya, Sultan Jaafar terpaksa pula menghadapi masalah baru. Telah diketahui bahawa pada tahun 1861, Sultan Jaafar telah memajakkan wilayah Krian kepada W.T. Lewis. Pada 11 Mei 1861, Lewis pergi ke Krian untuk menempatkan "rakyat yang telah mengikut saya untuk mengerjakan tanah sawah." Pada 25 Mei 1861, Lewis menerima sepucuk surat daripada Raja Muda Ngah Ali.

Saya mengetahui bahawa sahabat kami telah mengadap Yang Dipertuan Perak untuk tujuan memajak Krian dan Yang Dipertuan telah memberikannya pajakan tersebut. Inialah sebabnya saya menulis. Yang Dipertuan sendiri tidak boleh berbuat apa-apa tanpa pengetahuan saya dan orang besar-besar yang lain kerana saya adalah wakil Yang Dipertuan. Saya adalah saudaranya dan juga pengganti naik takhta Perak dengan kuasa yang sama. Oleh kerana Yang Dipertuan dalam hal ini telah tidak meminta nasihat dan pandangan saya apatah lagi memberitahu saya tentang perkara ini, maka saya tidak sekali-kali mengizinkan Krian dipajakkan kepada sesiapa juga dari negeri lain.<sup>60</sup>

Raja Muda seterusnya menjelaskan bahawa dia bersama Raja Bendahara telah bersetuju dengan Sultan untuk mengamanahkan pentadbiran Krian kepada Mohamed Kasasi. Untuk mengelakkan persengketaan, satu persetujuan telah dibuat supaya

pendapatan Krian dibahagi dua di antara Mohamed Kasasi dan Ngah Lamat kerana Long Jaafar, saudaranya dan anaknya bersama-sama dengan Panglima Besar Mohamed Kasasi telah membelanjakan wang yang banyak untuk membuka Krian. Raja muda menekankan, "cap mohor yang kami berikan kepada Panglima Besar masih sah. Oleh itu, kami sungguh terkejut dengan apa yang dilakukan oleh Yang Dipertuan kerana memajakkan tanah-tanah berkenaan kepada sahabat kami".

Tetapi Sultan Jaafar tidak menerima persetujuan ini sepenuhnya dan berharap agar Panglima Besar akan membantunya dalam perkara ini. Tetapi kesukaran yang dihadapi oleh Mohamed Kasasi telah memaksanya berdamai. Sultan Jaafar melahirkan perasaan marahnya kepada Lewis dan menulis sepucuk surat kepada Residen Konsular itu:

Yang Dipertuan telah mengadu kepada saya dan menyatakan perasaan marah dengan kelakuan Panglima Besar. Dia menyentuh beberapa pucuk surat yang telah ditulis kepada Gabenor dan Residen Konsular Pulau Pinang tentang Panglima Besar. Menurut surat-surat itu, nampaknya kepercayaan penuh telah diletakkan kepadanya; tetapi sekarang dia terpaksa menentang rakyatnya yang menderhaka serta memungut cukai Krian (tetapi sesen pun belum dikirimkan kepadanya). Panglima Besar telah bersatu pula dengan pihak penentang di Larut. Yang Dipertuan telah memanggilnya dan akan menghukum serta mengambil semula semua kuasa daripadanya.<sup>61</sup>

Lewis mencuba membawa masuk satu pasukan bersenjata untuk membantu petani-petani yang menentang musuh Sultan Jaafar, tetapi pihak berkuasa Pulau Pinang yang ingin mengelakkan peperangan tidal: menggalakkan dia berbuat demikian. Sementara itu dilaporkan bahawa

... orang-orang besar peribumi di ibu negeri (Pasir Panjang Indra Mulia) telah mengadakan rundingan mengenai perbuatan Yang Dipertuan memajakkan kawasan negeri yang besar kepada Lewis tanpa kebenaran mereka dan saya diyakinkan persidangan itu berkemungkinan memecat Sultan kerana dia sebenarnya mempunyai kuasa yang sedikit sahaja dalam negeri.<sup>62</sup>

Kerana menghadapi halangan yang begitu besar, Sultan Jaafar secara bijak telah memutuskan untuk tunduk kepada kehendak orang besar-besarnya. Dia segera membatalkan pajakan ke atas Krian tanpa sebarang ganti rugi kepada Lewis. Dengan berbuat demikian, dia dapat menyelamatkan kedudukannya.<sup>63</sup>

Namun begitu, ini bukanlah satu-satunya kekacauan yang berlaku di rantau utara negeri Perak pada tahun 1861. Dalam

tahun-tahun berikutnya, berlaku peperangan terbuka di antara pelombong-pelombong Chen Sang dengan Fui Chew di Larut. Punca peperangan tersebut adalah akibat daripada persaingan melombong bijih timah.

Satu perselisihan kemudiannya timbul tentang saluran air yang mustahak untuk kerja-kerja melombong. Pada mulanya, perselisihan itu melibatkan seorang pelombong Chen Sang (Hai San), Yang Kew dan seorang pelombong Fui Chew (Ghee Hin), Ah Hin.<sup>64</sup> Oleh kerana jumlah mereka yang lebih ramai Chen Sang telah menyerang Fui Chew. Pihak Fui Chew tidak dapat menentang serangan tersebut. Seorang daripada mereka, yang bernama Li Yiang Ong telah terbunuh dan yang lain-lainnya, kira-kira seribu orang semuanya, lari ketakutan untuk berlindung di sebuah kampung Melayu di Permatang (atau Matang). Sungguhpun mereka tidak dcederakan, tetapi mereka dibiarkan tanpa makanan serta perlindungan. Syeikh Mohamed Taib mengambil sikap tidak peduli terhadap mereka. Apabila berita sampai kepada ketua-ketua Ghee Hin di Pulau Pinang,<sup>65</sup> rayuan dibuat kepada kerajaan Inggeris untuk bantuan dan mendapatkan ganti rugi. Sikap berat sebelah Ngah Lamat, Syeikh Mohamed Taib dan Abdul Jabbar telah digunakan sebagai hujah utama untuk memaksa Sultan Jaafar, sebagai Raja Perak, untuk memperoleh ganti rugi kewangan bagi pemodal dan pelombong-pelombong Ghee Hin. Oleh kerana Sultan Jaafar dan wakilnya, Laksamana Mohamed Amin, tidak berbuat apa-apa, orang besar-besar di Larut telah mengepung Sungai Larut dengan mengguna dua buah kapal perang, *Mohr* dan *Tonze* dan sebuah kapal api, *Hooghly*.<sup>66</sup>

Akibat kepungan tersebut, akhirnya pada 11 Mei 1862 Sultan Jaafar menulis surat kepada Cavenagh:

Berkenaan surat yang bertarikh 28 April yang dikirimkan kepada saya melalui Kapten Warwick tentang peristiwa di Larut, saya agak lewat memberikan jawapannya kerana terpaksa memanggil Ngah Ibrahim. Saya telah terangkan kepadanya apa-apa yang telah diper-setujui, iaitu berkenaan jumlah wang \$174,474 yang akan dibayar sebagai ganti rugi kepada orang-orang Cina Ghee Hin. Ngah Ibrahim menerima persetujuan itu dan berjanji akan menyelesaikan tuntutan tersebut dan saya juga mengesahkan bahawa pentadbiran Larut terletak dalam tangan Ngah Ibrahim yang berkuasa penuh untuk menguruskan segala hal-ehwal bersama-sama.

Diharapkan pertolongan dan bantuan dapat diberikan kepada Ngah Ibrahim supaya dia terlepas daripada pengepungan kapal api dan juga diharapkan supaya sahabat saya dapat mengatur perjumpa-

an di antara Laksamana dan Ngah Ibrahim dengan Residen Konsular Pulau Pinang supaya ganti rugi dapat dibayar.<sup>67</sup>

Pada bulan Oktober 1862, Syeikh Ibrahim Mohamed Taib meninggalkan Larut untuk memegang satu jawatan di Pahang. Ngah Lamat bersara dengan elaun \$500 sebulan dan balik ke Kuala Kangsar. Beliau melepaskan kuasanya ke atas Larut tetapi masih memegang daerah Kubang Buaya.<sup>68</sup> Tetapi ini tidaklah bererti dia tidak lagi mempunyai apa-apa kepentingan di Larut, kerana kuasa membeli bijih timah dari lombong-lombong dan menjualnya balik telah diberikan kepada tiga orang pemajak atau monopoli, dan tiap-tiap seorang menjalankan perniagaannya melalui agen-agen. Ngah Lamat merupakan salah seorang daripada pemajak tersebut dan agen-agennya ialah Che Musa dan Che Lah.<sup>69</sup>

Walaupun Larut aman semula tetapi keadaan politik di Perak tidaklah berubah. Hubungan di antara Sultan Jaafar dan Raja Muda Ali, yang pada masa itu bersemayam di Kuala Kangsar,<sup>70</sup> menjadi bertambah tegang. Malahan pada tahun 1863 lagi, ramalan telah dibuat bahawa satu pertempuran baru akan berlaku di Perak pada bila-bila masa sahaja.<sup>71</sup>

Pada 23 Oktober, 1863, Ngah Ibrahim diberikan gelaran Orang Kaya Menteri, Perak.<sup>72</sup> Pada masa yang sama, dia menerima satu lagi geran yang "menyerahkan kawasan Larut kepadanya": ke sebelah barat sejauh Krian, ke arah timur sejauh kuala Sungai Bruas hingga ke Bukit Berapit dan arah ke pedalaman sehingga lombong-lombong baru (Klian Bahru). Dokumen ini memberikan kuasa yang sangat luas kepada Ngah Ibrahim:

Kami memberikan kuasa pemerintahan terhadap kawasan negeri ini kepada Orang Kaya Menteri, pemerintahannya baik atau buruk bersama dengan semua rakyat dan bala tentera, tanah-tanah dan airnya, balak, tumbuh-tumbuhan dan rotannya, damar dan karang-karangan, lombong-lombong, bukit-bukau dan gunung-ganang, serta orang-orang mendatang yang tinggal di sini, baik orang Cina atau Belanda dengan kuasa untuk membuat undang-undang dan menerima orang yang hendak memeluk agama Islam, untuk membunuh dan mendenda, menerima penjenayah, menjadi wali mengahwinkan sesiapa yang tiada berwali, maka Orang Kaya Menteri wakil kami boleh menjadi wali mereka.

Selain daripada semua perkara yang telah kami sebutkan dalam dokumen ini, kami telah memberikan kuasa ke atas Orang Kaya Menteri untuk menjalankan kuasanya.

Sekiranya kami berkehendakkan apa-apa kami tidak akan mencari punca (untuk bantuan) yang lain melainkan dari Orang Kaya Menteri

sahaja. Sesiapa sahaja yang tinggal di wilayah yang disebutkan, (iaitu Larut) hendaklah mengikut dan tunduk kepada perintah Orang Kaya Menteri kerana apa-apa yang dilakukan oleh Orang Kaya (seolah-olah) dilakukan dengan perintah kami.

Lagi pula, biarlah diketahui bahawa sekiranya sesiapa pergi ke negeri itu yang berkehendakkan apa-apa di sana, kami tidak boleh memberikan kebenaran kepada mereka. Kami telah menyerahkan pemerintahan terhadap semua wilayah yang telah disebutkan tadi kepada Orang Kaya Menteri dan dia akan memerintah (ertinya membuat undang-undang) bagi semua wilayah Perak (yang tersebut tadi) di darat sampai sejauh Baru (Klian Bahru), arah ke selatan, utara, barat dan timur (seperti yang diterangkan di atas). Janganlah barangsiapa pun dengan pertolongan Allah, membuat kacau atau mengusir Orang Kaya Menteri. Barangsiapa yang membuat kacau atau mengusirnya, maka orang itu adalah melakukan dosa menentang Tuhan dan Nabi Muhammad (s.a.w.) dan menentang kami juga.

Dengan kebesaran Tuhan, disertai dengan perlindungan Nabi junjungan kita, kepada orang yang berbuat begitu akan kami hukum seberat-beratnya. Sekiranya dia menderhaka (kepada Menteri) kami merampas hartanya, sekiranya dia menentangnya, maka kami akan membunuhnya, begitulah keadaannya. Kami tidak boleh meminda apa yang tertulis dalam dokumen yang telah kami beri cap mohor ini".<sup>73</sup>

Sungguhpun demikian, pada 31 Mac 1864, Sultan Jaafar telah membuat geran baru untuk Ngah Ibrahim yang mengurangkan jumlah wilayah di bawah kawalannya:

Kami ingin memberitahu bahawa sempadan-sempadan wilayah hendaklah seperti berikut: dari Larut dan Krian ke Bagan Tiang, inilah sempadannya, yang membentuk negeri Larut, sejauh Krian.

Dan di pesisiran pantai ke barat sejauh Tanjong Belanak: dari Pasir Gedebu hingga ke muara Sungai Krian; ke arah pedalaman bersempadan dengan Kedah, dan ketua kerajaan di pedalaman mengikuti sempadan Krian seperti yang ada pada masa ini, keseluruhannya (kecuali) sebatang sungai di Kurau diberi kepada seorang rakyat tua kita, Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja. Kawasannya akan dikelilingi di sebelah kanan dan kiri oleh negeri-negeri di bawah kerajaan cucunya, Ngah Ibrahim, seperti yang disebutkan. Oleh itu, tidak akan ada kekecohan tentang kedua-dua sempadan.<sup>74</sup>

Sementara itu, pelombong-pelombong Fui Chew (Ghee Hin) di Larut banyak membuat aduan tentang pentadbiran Ngah Ibrahim. Menjelang tahun 1863, beliau telah menaikkan cukai ke atas bijih timah daripada \$6 menjadi \$20 sebahara serta sepersepuluh dalam bentuk *benda*.<sup>75</sup> Pengaduan dibuat kepada pihak berkuasa Pulau Pinang yang mana mempunyai hasrat

untuk campur tangan dalam politik Perak sementara melahirkan perasaan tidak puas hati terhadap cukai bijih timah yang dinaikkan. Nyatalah bahawa yang menjadi dalang dalam langkah ini ialah saudagar-saudagar Pulau Pinang yang mempunyai kepentingan kewangan dalam perdagangan Larut dan Perak. Misalnya, Lawrence Nairne secara rasmi diminta memberikan buah fikirannya tentang cara-cara untuk memujuk orang-orang yang berkuasa supaya menyokong dasar yang giat. Di antara lain dia menyatakan:

Saya berpendapat bahawa perdagangan daerah Perak tentulah menjadi sangat besar, jika perlindungan yang wajar diberikan kepada negeri itu dan kepada pedagang-pedagang yang mengunjunginya. Eksport bijih timah akan bertambah dengan banyak di samping getah perca, getah India, rotan dan pelbagai jenis balak.<sup>76</sup>

Pada tahun 1864, para pedagang dan pelombong Ghee Hin, masih lagi mengadu kepada kerajaan Pulau Pinang, melalui Agen Undang-undang mereka J.R. Logan.<sup>77</sup> Kerajaan Pulau Pinang pula mendesak Sultan Jaafar supaya memainkan peranan yang positif dalam pentadbiran Larut. Tekanan dari Pulau Pinang akhirnya memaksa Ngah Ibrahim menurunkan semula cukai ke atas bijih timah kepada \$6 sebahara. Tetapi beliau telah memanggil 40 orang pelombong, di antaranya ialah So Ah Cheong,<sup>78</sup> ketua Fui Chew. Mereka diberitahu bahawa sungguhpun cukai telah diturunkan,

... tetapi ada 12 bayaran yang perlu dibayar oleh pelombong-pelombong tersebut, iaitu bayaran kepada Pawang kerana memilih tempat yang sesuai untuk mendirikan lombong, cukai kerana meleburkan hampas bijih timah, cukai kerana pembersihan hutan, cukai ke atas sudu besi yang digunakan semasa menuang bijih lebur ke dalam acuannya, cukai sebanyak secupak bagi setiap kampil bijih, sewa tanah, cukai ke atas arang yang digunakan, cukai kerana mengangkut bijih timah dari lombong ke kota, cukai pengangkutan dari kota ke rumah setor di Permatang, cukai yang dinaikkan untuk candu, cukai beras dan denda ke atas candu yang dibawa dari lombong-lombong.<sup>79</sup>

Untuk mengimbangkan cukai-cukai ini, Ngah Ibrahim bersedia menerima "60 kati bagi setiap bahan bijih timah yang bernilai \$15 (menurut kadar pasaran pada masa itu di Pulau Pinang) selain daripada \$6 cukai eksport." Walau bagaimanapun, So Ah Cheong dan pelombong-pelombong lain enggan menerima tawaran ini tanpa merujuk kepada Pulau Pinang terlebih dahulu, dengan mengatakan yang mereka tidak pernah



membayar cukai-cukai sedemikian, kecuali sejongkong bijih timah tiap-tiap tahun sebagai hasil tanah untuk setiap lombong. Sementara itu, Ngah Ibrahim sekali lagi mengenakan cukai sebanyak \$20 bagi sebahara bijih timah.<sup>80</sup>

Dokumen-dokumen yang ada menunjukkan besar kemungkinan Ngah Ibrahim mempunyai persetujuan lain dengan pelombong-pelombong Chen Sang (Hai San). Ini nyata daripada keterangan berikut yang dibuat sendiri oleh Ibrahim tentang hubungannya dengan Law Ah Sam, ketua Hai San Larut:

Law Ah Sam ialah ketua kongsi Hai San dan telah memajak lombong bijih di Larut daripada saya.

Dia ialah wakil peneroka asal di lombong-lombong ini dan sebagai pemajak dia telah menguruskan lombong-lombong tersebut.

Saya sentiasa melindungi orang ini. Dia membayar kepada saya \$8,000 sebulan untuk 6 bulan pertama setelah lombong-lombong itu dipajaknya, dan jumlahnya dinaikkan kepada \$10,000 sebulan, tetapi selanjutnya persetujuan telah dibuat bahawa sekiranya dia mendapat untung lebih daripada itu, maka dia boleh menyimpan \$1,000 sebulan dan lebihnya dibayar kepada saya.<sup>81</sup>

Bagaimanapun tidak disebut langsung tentang cukai. Maklumat daripada punca lain menunjukkan dengan jelas bahawa para pemajak juga harus membayar cukai untuk mengeksport bijih timah. Sekiranya bijih timah itu dijual di Larut sendiri, pemajaknya yang bertanggungjawab untuk membayar cukai itu bukannya pembeli.<sup>82</sup>

Selanjutnya dinyatakan oleh Ngah Ibrahim bahawa:

Law Ah Sam biasanya mengagihkan pembahagian lombong-lombong itu. Saya memberikan kebenaran kepada pelombong-pelombong membersihkan hutan.

Pembahagian berbeza antara 8 hingga 20 relung mengikut jumlah yang dikerjakan.

Pelombong-pelombong meminjam wang di Larut atau Pulau Pinang untuk belanja mengerjakan bahagiannya.

Tidaklah jelas sama ada Law Ah Sam membuat bahagian itu hanya kepada pelombong-pelombong yang diwakilinya atau kepada semua pelombong Cina di Larut. Biar apa jua persetujuannya, jelaslah bahawa Law Ah Sam dan penyokong-penyokong Hai San mendapat hak istimewa berbanding dengan pelombong-pelombong Cina yang lain kerana Long Jaafar dan Ngah Ibrahim bersekutu, walaupun bukan ahli persatuan Hai San sepenuhnya.<sup>83</sup>

Tidak lama sebelum bulan Jun 1865, pecahan penduduk Cina di Larut adalah seperti berikut: di Klian Pauh, terdapat kira-kira 100 buah rumah kedai, 70 hingga 80 buah kepunyaan Chen Seng Hakka, lebih kurang tujuh buah kepunyaan Fui Chew Hakka, tiga buah Eng Teng Hokkien,<sup>84</sup> tiga buah Kah Yeng Chew, dua buah lagi kepunyaan lain-lain kumpulan Hokkien dan dua buah kepunyaan orang-orang Hai Lam. Terdapat hampir 4000 orang di kampung itu dan daripada jumlah ini 3000 orang adalah pelombong dan pekebun. Di kawasan-kawasan berdekatan ada kira-kira 20 buah lombong kepunyaan Chen Sang, tiga kepunyaan Fui Chew dan tiga lagi kepunyaan perkongsian di antara dua kumpulan Hakka. Ada juga orang Cina yang membuat arang batu dan lain-lain pekerjaan. Pembuat arang tersebut adalah orang-orang Teochew. Di Klian Bahru ada lebih kurang 40 hingga 50 buah kedai, kesemuanya adalah kepunyaan Hakka Fui Chew. Kampung itu mempunyai penduduk seramai kira-kira 2200 orang dan daripada jumlah ini lebih kurang 2000 orang melombong, menanam sayur dan melakukan kerja-kerja lain. Di kawasan berhampiran pula terdapat kira-kira 20 buah lombong, 15 hingga 16 buah daripadanya kepunyaan Fui Chew, tiga buah dimiliki oleh Chen Sang dan hanya sebuah kepunyaan Hokkien.<sup>85</sup>

Dasar pilih kasih Ngah Ibrahim menyebabkan perasaan tidak puas hati timbul di kalangan Hakka Fui Chew. Oleh itu, keadaan politik di Larut adalah tegang. Pada 20 Mac 1865, Sultan Jaafar mangkat.<sup>86</sup> Hubungan di antara kelas yang memerintah menjadi semakin renggang. Adalah dikatakan bahawa dalam tahun 1864, "disebabkan pembunuhan ke atas seorang orang besar yang kononnya atas hasutan orang besar yang lain, maka negeri Perak dewasa ini sangat kacau-bilau; dan perang saudara boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja."<sup>87</sup> Dalam keadaan tegang ini, seorang orang besar Perak, iaitu Shahbandar telah terbunuh. Orang yang bertanggungjawab terhadap pembunuhan itu. Orang besar-besar yang dibunuh itu ialah Panglima Semaun yang mendapat sokongan daripada Bendahara Ismail. Peristiwa ini menimbulkan perpecahan di antara orang-orang besar di hulu dan di hilir, kerana kuasa Shahbandar terletak di kawasan hilir Sungai Perak sementara pengaruh Raja Bendahara pula adalah di hulu.<sup>88</sup> Semua keadaan tegang ini memuncak, Raja Muda Ali dan Raja Abdullah (putera Sultan Jaafar) cuba menaiki takhta. Sehingga akhir tahun 1865, tidak ada pengganti yang dilantik. Walau bagaimanapun keputusan pemilihan, Raja Bendahara Ismail tidak akan dilantik meme-

gang jawatan Raja Muda kerana pengaruhnya yang lemah dan dia bukannya Raja Perak jati di samping dia terlibat secara langsung dalam pembunuhan Shahbandar.

Bagaimanapun tidak ada peperangan secara terbuka dan menjelang 25 Januari 1866, Raja Ali memberitahu gabenor Negeri-negeri Selat bahawa dia telah dilantik sebagai Yang Dipertuan bagi Perak dan jajahan takluknya.<sup>89</sup> Raja Ali dipercayai sangat terhutang budi kepada sokongan yang diberikan oleh Ngah Ibrahim.<sup>90</sup> Dalam satu lawatan yang dibuat oleh Ngah Ibrahim ke Sungai Perak satu krisis besar berlaku di Larut di antara Chen Sang dan Hakka Fui Chew buat kali keduanya.

Pada 16 Jun 1865, satu pertengkaran timbul di dalam sebuah kedai judi di Klian Pauh, di antara seorang Fui Chew dan seorang Chen Sang. Menurut penjelasan seorang saksi, Loh Chong, seorang Eng Teng Hokkien dari Jalan Beach, Pulau Pinang:

Kira-kira 20 orang Cheng Siang menyerang kedai tersebut dan pada masa yang sama *tintong* dibunyikan dari rumah ke rumah. Ini diikuti dengan paluan gendang sebagai isyarat memanggil semua orang Cheng Siang berkumpul. Saya kira ada 700 atau 800 orang semuanya. Mereka menangkap dan mengikat 3 atau 4 orang Hwe Chiu yang mereka jumpa di pasar termasuk kira-kira 10 orang yang lain. Mereka memecahkan pintu dan tingkap 3 daripada 7 buah kedai orang-orang Hwe Chiu di Klian Pauh dan beberapa ramai orang Hwe Chiu di situ serta di kawasan berhampiran Klian melarikan diri ke Klian Bahru.<sup>91</sup>

Pada pagi 17 haribulan, kira-kira 1000 orang Chen Sang bersenjatakan senapang, pisau, lembing, perisai, dan belantan menyerang semua kedai dan lombong bijih timah Fui Chew di Klian Bahru. Namun begitu, kerani dan mata-mata Melayu tidak berusaha menghentikan pergaduhan tersebut. Loh Chong dan Lim Seng, seorang Hokkien, saudagar Pulau Pinang yang berdagang di Larut bimbang akan keadaan bertambah buruk sekiranya Fui Chew Klian Bahru menyerang balas, pergi ke kampung itu untuk meminta ketua Fui Chew, Chong Chong, menyabarkan orang-orang sehingga peristiwa tersebut dapat diselesaikan dengan aman. Menurut Loh Chong, "dia bersetuju dan telah menyuruh saya meminta Lau Sam, ketua Cheng Siang, memohon kepada raja 200 orang Melayu untuk menjaga ketenteraman, 100 orang ditempatkan di Klian Bahru dan 100 orang lagi di Klian Pauh. Kami pun baliklah ke Klian Pauh dan memberitahu Lau Sam tentang cadangan Chong Chong." Law

Ah Sam kemudiannya pergi mencari Jemadar<sup>92</sup> di balai polis dan meminta supaya seorang pengawal Melayu dihantar untuk menjaga ketenteraman sementara menunggu perundingan selanjutnya. Jemadar pun pergi ke Permatang meminta arahan. Tidak lama selepas itu, Abdul Jabbar seorang hakim dan majistret di Larut dan Che Pandak Leman, bendahari, tiba di balai diikuti oleh 200 orang Melayu yang bersenjata. Beberapa jam kemudian, kira-kira 20 hingga 30 orang pengawal yang bersenjata dihantar ke Klian Bahru dan selebihnya ditempatkan di Klian Pauh. Abdul Jabbar seterusnya mengumumkan bahawa orang Fui Chew tidak dibenarkan meninggalkan Klian Bahru dan sesiapa pun tidak boleh membawa makanan kepada mereka. Pada petangnya, beberapa orang Hokkien pergi ke Klian Pauh untuk cuba menyelesaikan pergaduhan tersebut. Mereka balik kira-kira pada pukul sembilan malam dengan berita bahawa pihak Fui Chew bersedia menyelesaikan perkara berkenaan dan satu perjanjian akan dibuat pada pukul lapan pagi esoknya.

Tetapi kira-kira pada tengah malam, pihak Chen Sang membawa keluar lebih kurang 14 orang tahanan Fui Chew, dan setelah membuat upacara sembahyang kepada bendera, mereka<sup>93</sup> membunuh kesemua orang tahanan itu kecuali seorang yang dapat melarikan diri ke Klian Bahru. Seperti yang telah diduga, pada subuh esoknya kira-kira 300 hingga 400 orang Fui Chew yang bersenjata dari Klian Bahru menyerang Chen Sang di Klian Pauh. Sekali lagi orang-orang Cina yang tidak terlibat dalam konflik itu, khususnya orang-orang Hokkien, cuba mendamaikan mereka. Menurut Loh Chong:

Pada 19 haribulan kami mencadangkan kepada Hwe Chiu supaya membayar denda sebanyak \$1,000 kepada Cheng Siang kerana serangannya. Dua daripada tiga orang ketua mereka bersetuju dengan cadangan tersebut tetapi pada umumnya orang-orang Hwe Chiu sangat marah kerana ramai daripada orang mereka telah terbunuh. Beberapa jam kemudiannya satu lagi pertempuran meletus di antara kedua-dua pihak Che Jabbar datang bersama 200 orang Melayu yang bersenjata dan sepucuk meriam dan menyuruh mereka bersurai tetapi oleh kerana mereka terus juga berkelahi, maka tembakan meriam dilepaskan ke arah mereka. Barulah orang-orang Hwe Chiu itu berundur ke Klian Bahru.

Sementara itu, pihak Chen Sang meminta bantuan Ngah Lamat dan Kulop Mat Ali (ipar Ngah Ibrahim) di Kota. Konon dikatakan kedua-duanya telah mengangkat sumpah kepada ketua-ketua Chen Sang, Law Ah Sam, Chung Ah Kwee dan Lee

Kwan Kwee,<sup>94</sup> bahawa ". . . mereka akan membantu orang-orang Cina Cheng Siang dengan sedaya-upayanya untuk menyerang orang-orang Cina Hue Chu di Klian Bahru, dan bersumpah akan membunuh diri dan anak isteri sekiranya mereka gagal berbuat demikian". Tetapi timbul salah faham di antara orang-orang Melayu dan ketua-ketua Chen Sang berhubung dengan jualan bijih timah dan harta rampasan daripada lombong-lombong dan rumah-rumah Fui Chew. Akhirnya dipersetujui agar semua harta berkenaan dibahagi sama rata.

Ngah Lamat dan Kulop Mat Ali kemudian memberikan perintah kepada kira-kira 400 orang pengikutnya, supaya bersedia menyertai pihak Chen Sang untuk menyerang Klian Bahru. Pada malam 17 Jun 1865, Ngah Ibrahim, yang ketika itu tidak ada di Larut, pulang ke Permatang dan untuk berjumpa dengan Kulop Mat Ali. Mat Ali pun berangkatlah ke Permatang dan balik keesokan paginya dengan membawa pesanan bahawa Ngah Ibrahim menyetujui serangan yang hendak dilancarkan ke atas pihak Fui Chew. Pada 19 Jun 1865, Ngah Lamat dan Kulop Mat Ali mengarahkan agar sepasukan 200 orang Melayu di bawah Penghulu Sunu dan lain-lain ketua pergi ke Klian Bahru mengikut lorong Asam Kumbang. Pihak Chen Sang yang diiringi oleh satu lagi pasukan orang Melayu, pergi mengikut jalan besar dan kumpulan-kumpulan kecil yang lain hendaklah ditempatkan di sekitar Klian Bahru. Kumpulan penyerang itu diarahkan membunuh atau menghalau orang-orang Fui Chew, menggeledah rumah dan lombong mereka dan kemudian membakarnya. Menjelang tengah hari pada 20 Jun 1865, pihak Fui Chew telah tewas. Semua rumah mereka telah dimusnahkan. Harta mereka seperti bijih timah, perabot dan lain-lain bekalan makanan dirampas dan dibawa ke Klian Pauh. Bijih dibawa ke balai di Kota dan dilebur di kilang peleburan Chung Ah Kwee. Setelah bijih itu dileburkan, ia dihantar semula ke Kota untuk disimpan.<sup>95</sup>

Orang-orang Fui Chew, kira-kira 2000 orang semuanya, diusir dari Klian Bahru. Mereka melarikan diri dalam kumpulan kecil melalui hutan ke Seberang Perai dan tiba di sana dalam keadaan melarat.<sup>96</sup> Ramai yang hampir tidak dapat berjalan lagi kerana cedera dan kelaparan, ramai pula yang mati dalam hutan dan di sepanjang jalan ke Seberang Perai. So Ah Cheong, isterinya (Chew Neoh) dan anaknya bersama Chew Swee Poh, seorang pedagang muda, dan isterinya (Soh Kim Len) berserta seorang lain bertolak ke Pulau Pinang melalui Kurau. Ngah Ibrahim menghantar pesanan ke Kurau supaya So Ah Cheong

ditangkap sekiranya dia lalu di situ. Sementara itu, So Ah Cheong jatuh sakit dan orang-orangnya terpaksa membuat sebuah tandu daripada batang kayu untuk mengusungnya. Apabila sampai di Sungai Kurau, mereka meminta pertolongan seorang yang bernama Pandak Korik. Tetapi Pandak Korik yang menerima perintah daripada Ngah Ibrahim telah mengikat dan menghantar mereka kepada Ngah Ibrahim di Ujong Tembok. Orang lelaki kemudiannya dibawa ke Telok Kertang dan dibunuh di sana sementara orang perempuan ditahan dan dibawa oleh polis Pulau Pinang, setelah pengaduan dibuat kepada pihak yang berkuasa.<sup>97</sup>

Seperti dalam peristiwa pertama dahulu, orang-orang Fui Chew yang kalah menyalahkan pemimpin-pemimpin Melayu kerana menyebelahi orang-orang Chen Sang. Beberapa hari setelah mereka diusir dari Klian Bahru, satu rayuan telah dibuat kepada kerajaan negeri Pulau Pinang menuntut ganti rugi daripada pihak berkuasa Larut. Adalah hutang pelombong-pelombong (baik Fui Chew mahupun Chen Sang) dikatakan berjumlah \$49,573.40. Tetapi kali ini kerajaan Pulau Pinang memutuskan tidak akan menuntut ganti rugi kerana sebab-sebab berikut.

. . . Jelaslah bahawa campur tangan pihak berkuasa orang-orang Melayu dalam hal-ehwal pelombong-pelombong Cina semata-mata disebabkan oleh pergolakan dan kelakuan rusuhan pelombong-pelombong Cina itu sendiri. Ada kemungkinan pula langkah-langkah yang diambil oleh orang-orang besar untuk membanteras kekacauan yang timbul di kalangan kongsi gelap Cina dilakukan secara keras dan kejam tetapi haruslah diingat bahawa, perkara tersebut telah berlarutan dan jumlah orang Cina jauh lebih ramai daripada pasukan orang besar-besar. Oleh itu, orang besar-besar merasa amat perlu bertindak tegas supaya bukan sahaja keamanan pulih semula bahkan juga menghalang berlakunya semula peristiwa-peristiwa ganas seperti yang pernah berlaku. Ia juga dapat menghalang semangat meluap-luap yang ada pada orang Cina di mana-mana dan kalau semangat itu tidak dibendung dengan balas dendam orang Melayu yang menggerunkan, maka akan timbul amalan subversif terhadap semua wibawa yang ada di beberapa buah negeri peribumi yang lemah, di mana terdapat jumlah orang Cina yang ramai.<sup>98</sup>

Ini merupakan satu agakan yang kurang tepat tentang peristiwa yang berlaku di Larut. Ngah Ibrahim dan orang-orangnya tidak bertindak sebagai satu kumpulan yang berkecuali untuk meredakan kekacauan tetapi sebaliknya mereka membantu pihak Chen Sang untuk menghalau pihak Fui Chew.

Bagaimanapun Ngah Ibrahim bertindak kerana dipaksa oleh keadaan. Larut berbeza daripada daerah-daerah lain kerana ia tidak mempunyai penduduk Melayu yang ramai. Inilah faktor terpenting yang mempengaruhi pergerakan orang-orang Cina terhadap pihak berkuasa tempatan. Jadi di dalam tahun 1874 adalah dikatakan bahawa:

Di daerah-daerah di mana bilangan penduduk Cinanya terlalu kecil untuk mengancam orang Melayu, mereka melakukan sesuatu yang bersesuaian dengan keadaan dan masa, dalam usaha melindungi industri mereka; sebaliknya apabila jumlah mereka lebih besar sehingga mereka tidak lagi bergantung kepada orang Melayu, maka mereka bergaduh, atau tidak mengendahkan kewibawaan orang-orang besar Melayu di lombong-lombong tersebut. Tetapi (sehingga 1874) mereka belum cuba mengawal sungai-sungai yang membolehkan bijih timah dibawa ke pasar. Ini bererti mereka masih bergantung kepada orang-orang besar Melayu untuk menjaga keselamatan lalu-lintas bagi bijih timah dan bekalan mereka dan patuh membayar cukai-cukai yang dikenakan.<sup>99</sup>

Apabila pergaduhan di Larut reda, Perak masih berada dalam kebimbangan kerana Raja Abdullah tidak menerima taat setia sepenuhnya sebagai Raja Muda. Oleh kerana terdapat perbezaan di antara kadar perkembangan perdagangan di wilayah utara dan selatan Perak, maka Raja Abdullah telah cuba memperoleh sebahagian daripada pendapatan wilayah utara. Dia telah disokong oleh peniaga-peniaga Pulau Pinang, seorang daripadanya ialah Edward Bacon.<sup>100</sup> Memandangkan kelakuan Raja Abdullah, Sultan Ali meminta Leftenan Gabenor Anson supaya memberikan amaran kepada peniaga-peniaga Pulau Pinang "jangan terlibat dalam kegiatan Raja Muda".<sup>101</sup> Pada akhir tahun 1870, Raja Abdullah "memberikan konsesi tanah kepada Tuan Bacon dan peniaga-peniaga lain di tebing selatan Krian, dan mengesahkannya dengan mengeluarkan surat kuasa yang mempunyai cap mohor Sultan". Bagaimanapun Sultan Ali menegaskan bahawa konsesi itu telah diberikan tanpa persetujuan baginda.<sup>102</sup> Pada bulan Mac 1871, Raja Abdullah memaksa Ngah Ibrahim, meletakkan copnya kepada geran yang telah (Raja Abdullah) serahkan kepada Bacon sebagai pemajak Krian, selama lima belas tahun dengan bayaran \$5,500 setahun. Dengan segera Ngah Ibrahim merayu kepada Sultan Ali supaya campur tangan dalam hal ini dan menerangkan bahawa dia telah dipaksa menyetujui perjanjian itu. Dengan demikian Sultan Perak mengambil langkah untuk membatalkan geran tersebut.<sup>103</sup>

Sebenarnya, setelah peristiwa tahun 1870 itu, ramalan telah dibuat bahawa: "Dengan kuasa yang dirampas oleh raja muda, besar kemungkinan ia akan mencetuskan revolusi dan soalnya di sebelah mana Larut memihak untuk menentukan siapa akan terus memegang kuasa. . . ." <sup>104</sup> Satu konflik yang besar memang berlaku, tetapi hanya setelah kemangkatan Sultan Ali pada 26 Mei, 1871.

### *Selangor: Guruh Sebelum Ribut*

Sultan Muhammad mangkat pada 6 Januari 1857, dan dengan serta-merta berlakulah krisis politik di dalam negeri itu. Perebutan takhta berlaku kerana Sultan Muhammad meninggalkan tidak kurang daripada sembilan belas orang anak. Malahan beberapa orang anak saudaranya berasa mereka juga berhak untuk menjadi Yang Dipertuan. Sebenarnya, sebelum mangkat, Sultan Muhammad telah cuba mengatasi soal penggantinya. Menurut isterinya:

. . . pada masa suami kita sultan masih hidup dia hendak mengangkat puteranya Raja Mahmud menggantikannya memerintah negeri. Dia telah mengumpulkan semua orang-orang besar, putera-putera dan rakyat untuk menyatakan maksudnya itu. Mereka yang hadir semuanya bersetuju menerima Raja Mahmud dan putera kita Raja Jumaat dan Raja Dollah sebagai penasihat Raja Mahmud kerana Raja Mahmud masih lagi belum cukup umur. Satu perundingan telah diadakan di Lukut untuk membuat persiapan tetapi sebelum persiapan itu selesai almarhum suami kita, telah pergi ke Klang untuk bertemu dengan putera kita Raja Dollah. Semasa berada di sana selama 3 atau 4 hari, dia telah diserang oleh sejenis penyakit dan meninggal 7 hari kemudiannya lalu kita bawa jenazahnya ke Selangor untuk dikebumikan. Selepas itu, kita memanggil semua orang berpangkat, putera-putera dan raja-raja untuk menabalkan Raja Mahmud sebagai Raja Muda menurut kehendak almarhum sultan. Mereka semua dengan senang hati menerima Raja Mahmud sebagai Raja Muda. Kemudian pula putera kita Raja Abdul Samad memohon darjat dan kebesaran ayahnya, kita meminta nasihat semua orang berpangkat dan menjadikan dia Panglima Besar. Empat atau lima bulan selepas itu kita tidak tahu apa sebabnya mereka memaksa kita untuk menyerahkan Teraju pemerintahan kepada Raja Abdul Samad. <sup>105</sup>

Ketika itu Raja Mahmud baru berumur lapan tahun. Nyatalah orang-orang besar tidak lagi tertarik kepadanya, maka dicadangkan agar Raja Abdul Samad dilantik menaiki takhta melalui pengaruh Raja Jumaat yang ingin mengelakkan peperangan kerana perebutan takhta. <sup>106</sup>



Berbanding dengan negeri-negeri perlombongan lainnya, Selangor mengalami keadaan yang agak aman pada pertengahan abad ke-19 dan ini nyata disebabkan oleh kebolehan Raja Jumaat seperti yang dikatakan oleh Cavenagh:

Hampir di seluruh semenanjung keadaan pada masa itu nyatalah tidak memuaskan. Di kebanyakan negeri, menurut sistem kerajaan Melayu, terdapat pembahagian kuasa sehingga seorang ketua yang bertungkus-lumus membaiki kehidupan rakyatnya, mendapati usahanya itu mungkin dihalang oleh rakan-rakannya, walaupun rakyat sangat-sangat menghendaknya. Salah seorang yang terkecuali ialah Raja Jumaat dari Lukut. Orang besar ini nyatalah mendapat faedah daripada perhubungannya dengan pegawai-pegawai Eropah, dia telah memperlihatkan keinginannya untuk memperkenalkan kebaikan-kebaikan cara pemerintahan kita ke dalam negerinya.<sup>107</sup>

Sungguhpun Cavenagh memuji-muji kebaikan sistem politik barat, namun tidak boleh disangkal bahawa kejayaan pentadbiran Raja Jumaat di Lukut adalah disebabkan oleh kesediaannya untuk memperbaiki sistem pemerintahan tradisional supaya sesuai dengan perubahan sekeliling.

Menjelang awal tahun 1860-an dilaporkan bahawa ". . . Raja Lukut (Raja Jumaat) telah dianugerahi oleh sultan dengan kuasa tertinggi ke atas seluruh Selangor tetapi belum ada kenyataan rasmi yang dibuat kepada kerajaan tentang hal ini."<sup>108</sup> Oleh itu, kematian Raja Jumaat pada tahun 1864 merupakan satu tamparan kepada Lukut dan Selangor. Raja Bot menggantikan tempat ayahnya sebagai Orang Besar jajahan Lukut dan abangnya Raja Yahya (ibunya orang kebanyakan) bertindak sebagai wakil apabila Raja Bot tiada di Lukut.

Dalam tahun-tahun permulaan pentadbiran Raja Bot, kota Lukut sebenarnya jadi bertambah besar. Raja Bot menggaji kira-kira tiga puluh orang tentera Arab dan orang-orang Arab ini menetap di Lukut dan kahwin dengan orang tempatan. Tetapi Raja Bot tidak berkebolehan seperti ayahnya. Dalam tahun-tahun awal pentadbirannya dia banyak menghadapi tentangan. Raja Sulaiman,<sup>109</sup> orang besar Sungai Raya yang telah mengaku tunduk kepada Raja Jumaat, mencabar kewibawaan Raja Bot. Satu serangan dilancarkan ke atas Lukut dan pertempuran sengit telah berlaku di kampung Cina. Tetapi, orang-orang Raja Bot lebih ramai dan mereka berkubu kuat di atas sebuah bukit. Akhirnya mereka berjaya menghalau Raja Sulaiman balik ke Sungai Raya.<sup>110</sup>

Masalah Raja Bot tidak tamat di situ sahaja. Pada suatu hari Yahya seorang putera angkat Sultan Selangor yang tinggal di

Langat, telah pergi ke Lukut bersama kira-kira enam puluh orang pengikutnya. Semasa Yahya sedang berjalan-jalan di kampung Cina, dia ternampak seorang Hai Lam yang didakwa sebagai kulinya yang telah melarikan diri. Orang Cina ini segera ditangkap dan dibawa menemui Raja Bot lalu dibunuh oleh Yahya. Perbuatan ini menimbulkan kemarahan Raja Bot dan tidak lama kemudian sekumpulan 400 orang Cina datang meminta penjelasan. Raja Bot memilih untuk berkecuali dalam hal ini. Tetapi beliau telah memberitahu orang-orang Cina itu bahawa mereka boleh membunuh mana-mana orang Melayu yang tidak memakai pakaian merah kerana mereka itu bukan rakyatnya. Hampir serta-merta pergaduhan berlaku dan orang-orang Langat pun terpaksa berundur. Orang-orang yang terbunuh tidak dibenarkan dikebumi di Lukut kerana Raja Bot tidak merestui kelakuan Yahya.<sup>111</sup>

Peristiwa-peristiwa ini menjadi petanda mengenai masa yang akan datang. Perkembangan perdagangan nyatalah menimbulkan perasaan iri hati di kalangan ahli-ahli kelas yang memerintah. Selain daripada itu ada juga kerumitan lain, satu daripadanya berhubung dengan kedudukan kewangan orang besar-besar jajahan. Sungguhpun menjelang tahun 1862-63, perlombongan bijih timah adalah satu industri yang menguntungkan di Lukut dan Klang, tetapi baik Raja Jumaat mahupun Raja Abdullah banyak berhutang. Raja Jumaat lebih dikenali kerana kebolehan dan kejujurannya. Oleh itu, beliau dipercayai oleh pihak-pihak yang memberikan hutang. Melaluinya, Raja Abdullah telah mendapat pinjaman untuk perniagaannya. Belum sampai setahun selepas kematian Raja Jumaat, Sultan Selangor telah menerima sepucuk surat yang menyatakan:

Telah sampai kepada pengetahuan kami bahawa ada beberapa orang rakyat Ingeris, yang tinggal di Melaka telah membuat tuntutan yang agak besar terhadap orang-orang besar jajahan sahabat kami iaitu, Raja Lukut dan Klang tentang pinjaman yang telah diberikan kepada orang-orang besar itu untuk membolehkan mereka mengerjakan lombong-lombong bijih di daerah masing-masing. Sahabat kami tentulah sedar bahawa tanpa sokongan penduduk di Melaka, maka peluang mengerjakan lombong-lombong sangatlah tipis dan sekiranya sokongan itu ditarik balik, negeri sahabat kami akan menanggung kesusahan. Oleh itu, kami berharap sahabat kami akan menggunakan pengaruhnya dalam perkara ini dan memaksa orang-orang besar tersebut menjelaskan hutang mereka seperti yang dituntut.<sup>112</sup>

Sultan Abdul Samad adalah seorang yang sukakan perdamaian. Setelah membaca surat itu, dia menyatakan:

. . .berkenaan dengan saudagar-saudagar yang ditulis oleh sahabat kami, maka kami telah menyelesaikan perkara ini dengan adik kami Raja Abdullah dan anak saudara kami Raja Yahya. Tidak timbul apa-apa kesukaran lagi, kerana semua saudagar telah kembali ke Melaka. Sahabat kami bolehlah bertanya kepada saudagar-saudagar ini apa yang telah dilakukan dalam hal tersebut.<sup>113</sup>

Tetapi, tidak pula disebutkan dengan setepatnya bagaimana penyelesaian itu dibuat.<sup>114</sup> Besar kemungkinan caranya ialah menerusi pemajakan wilayah Klang kepada sindiket Read-Kim Chang kerana ini sahajalah cara Raja Abdullah hendak mendapatkan wang yang cukup untuk membayar hutang saudagar-saudagar Melaka itu. Persetujuan ini akhirnya menimbulkan kekusutan politik, dan inilah salah satu sebab yang membawa kepada meletusnya peperangan Klang pada tahun 1867.<sup>115</sup>

1. Newbold, *Political and Statistical Account & c.*, jil. I, m.s. 13.

2. *The Burney Papers*, jil. 2 bhg. 1, m.s. 237-39, dipetik oleh M.L. Wynne, *Triad and Tabut*, Singapura, 1941, m.s. 73.

3. Ini adalah satu rujukan kepada penduduk provisi Kwangtung yang menggelar diri mereka orang *puntei* (tempatan) dan oleh itu, berbeza daripada kumpulan orang-orang imigran dari provisi yang sama, yang terkenal di antara mereka ialah Hakka yang berasal dari China Tengah dan Fook Lou yang datang dari provisi Hokkien. Penduduk asal Kanton selalu disebut dalam "Colonial Records" sebagai Cina Makao.

4. Dalam sepucuk surat persatuan ini untuk pengetahuan ahli-ahli ada dinyatakan: "pada hari yang ke-21 dalam bulan ke-15 tahun Kah Sin, iaitu tahun ke-34 To Kong (30 Disember 1844) kombinasi ini dimulakan di Jelutong di tengah-tengah ladang kelapa Yew Hua, dan disanalah tertubuhnya persatuan ini. (Lihat PRCR, App. 2.) Besar kemungkinannya kumpulan ini menjadi kuat hanya kira-kira sepuluh tahun kemudian kerana G.W. Earl, yang mempunyai pengalaman luas tentang kongsi gelap di Singapura dan Melaka, mengatakan bahawa semasa beliau menjadi Majistret Polis di Pulau Pinang pada awal tahun 1859, "tidak lama kemudian saya mendapat tahu bahawa timbul perasaan dendam-mendendam di antara kongsi gelap Ghee Hin dengan sebuah kongsi gelap lawan yang bernama Toh Peh Kong (nama baru bagi saya) . . ." (SSR. W34, G.W. Earl (Asst. Resident Province Wellesley) to Sec. to Gov., ss. 9 Mei 1860.) Toa Peh Kong ialah Dewa Kemakmuran Cina—penaung bagi semua saudagar Cina, (Lim Kean Chuan, "The Chingay Procession", *British Malaya*, jil. 11, no. 10, Feb. 1918, m.s. 283).

5. Anon., "Notes on the Chinese in Penang", *JIAEA*, jil. 8, 1854, m.s. 16.

6. CO 273/32, Ord to Granville, 20 Dec. 1868, encl. 2, F.S. Brown's Report Upon the Secret Societies, 21 Aug, 1869.

7. PRCR, Evidence no. 52, Lim Kay Fat.

8. Ibid, m.s. 46.

9. Ibid. Evidence no. 51, Lim Beng Kwa; Anon., *Notes on the Chinese of Penang*, m.s. 16.

10. W. Blythe, *The Impact of Chinese Secret Societies in Malaya*, London, 1969, m.s. 54.

11. F.S. Brown's Report Upon The Secret Societies, 21 Aug. 1869, op. cit.

12. Sebuah daerah di Kongchow.

13. F.S. Brown's Report Upon The Secret Societies, op. cit.

14. CO 273/3, Resident Councillor, Penang to Gov. Blundell, 28 Feb. 1859.

15. SSR, W 34, G.W. Earl to Sec. to Gov., SS, 9 May 1860.

16. CO 273/3, Resident Councillor, Penang, to Gov. Blundell, 21 Mar. 1859.

17. CO 273/3, Resident Councillor, Penang, to Gov., SS, 2 Oct. 1859, encl., Robertson (Asst. Commissioner of Police) to Resident Councillor, n.d.

18. Blythe, m.s. 130. Secara salah dianggap (lihat Wyne, m.s. 249, dan Cowan, *Nineteenth Century Malaya*, m.s. 51-53) bahawa "pergaduhan sebenarnya adalah di kawasan bijih timah di Larut".

19. Wynne, m.s. 78-79; Haji Abdullah bin Abdul Kadir Munsi, *Hikayat Abdullah*, jil. 11, Singapura, 1960, m.s. 220.

20. Sehingga tahun 1905, 3rd Cross Street di Melaka dikenali sebagai *Hai San Kongsi Koi* (Jalan Kongsi Hai San). Jalan ini sahaja di Melaka yang diketahui mempunyai nama sebuah kongsi gelap Cina. (Lihat H.W. Firmstone, "Chinese names of Streets and Places in Singapore and Malay Peninsula." *JSBRAS*, no. 42, 1905, m.s. 160-61.)

21. Mengenai keadaan kongsi gelap di Melaka pada pertengahan abad ke-19, lihat SSR, W34, G.W. Earl to Sec. to Gov., SS, 9 May 1860.

22. Wynne, m.s. 387.

23. SSR, W34, G.W. Earl to Sec. to Gov., SS, 9 May 1860.

24. Hai San ditumpaskan di Singapura pada tahun 1883 dengan "anjuran kuat dari Pickering dan Kol. Dunlop". Pickering mengatakan kongsi gelap ini sebagai "gangguan yang tidak dapat dibaiki dan berbahaya kepada ketenteraman serta keamanan tanah jajahan". Hai San mengirinkan satu rayuan kepada Lord Derby dengan mengatakan bahawa, "pada suatu masa, satu-satunya kongsi gelap yang ada di Singapura adalah Hye San dan Ghee Hin". (CO 273/121, Weld to Derby, 27 June 1883; encl. Hye San Petition to Sec. of State, t.b. Lihat juga Leon Comber, *Chinese Secret Societies in Malaya*, New York, 1959, m.s. 59, 69.)

25. Lavenders Street di Singapura terkenal di kalangan orang-orang Cina sebagai *Goh Cho Toa Kongsi* (Kongsi Besar di Rochore) yang berupa rujukan kepada ibu pejabat Triad. (Firmstone, m.s. 104-05.)

26. Keterangan tentang pertubuhan kongsi gelap di Singapura berasaskan kepada sebuah memorandum oleh Felix Henry Gottlieb yang memasuki perkhidmatan Negeri-negeri Selat pada 1 April 1846 dan kemudian menjadi Ketua Pesuruhjaya Mahkamah Permohonan (Court of Requests), Singapura, pada bulan Disember 1866. Dalam bulan April 1867, dia menjadi Pemangku

Majistret (Acting Sitting Magistrate) di Singapura, sementara beberapa tahun sebelumnya dia telah dilantik sebagai Pemangku Majistret Polis. Semasa berkhidmat sebagai Pemangku Majistret Polis inilah dia mula menulis memorandum tentang kongsi gelap dengan "bantuan besar" Ung Ah Chong, Penolong Jurubahasa Cina di Mahkamah Majistret. Tatkala menyerahkan dokumen itu kepada gabenor, Gottlieb meminta agar dokumen tersebut dirahsiakan kerana maklumat yang terkandung di dalamnya dan publisiti tentang dokumen ini akan membahayakan dirinya dari sudut undang-undang mahupun sebaliknya. (Lihat CO 273/35, Gottlieb to Co., 28 Oct. 1869, with encls.)

27. Haji Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, jil. II, m.s. 221, 226.

28. Gullick, *Kuala Lumpur 1880-95* Lamp. A, m.s. 134; Letessier, *Si Sen Ta, A Chinese Apotheosis*.

29. CO 273/35, Gottlieb to Co., 28 Oct. 1869.

30. Gullick, *Kuala Lumpur 1880-95*, Lamp. A, m.s. 134-35.

31. Keterangan tentang dirinya terdapat dalam *Penang Gazette*, 25 Okt. 1862: Che Mohammed Taib adalah orang Minangkabau dan dikatakan terkenal sebagai ulama perang dan pedagang. Pengembara sepertinya yang datang dari Minangkabau masih mempunyai pengaruh di kalangan orang Melayu di negeri-negeri lain, iaitu pengaruh yang kedua besarnya sesudah orang Arab . . ." (dipetik oleh Wee Choon Siang, "Ngah Ibrahim in Larut, 1858-74", m.s. 19). Kemudiannya beliau memainkan peranan penting dalam Perang Klang.

32. CO 273/5, Correspondence on the Larut Disturbances of 1861.

33. SSR, R11, Singapore to Fort William, 28 Aug. 1844.

34. SSR, U10, Gov. to Asst. Resident, P.W.L., 6 June 1844.

35. SSR, U10, Gov. to Acting Resident Councillor, 16 Aug. 1844; SSR, R11, Singapore to Fort William, 28 Aug. 1844.

36. SSR, G5, Butterworth to Katas, 20 Aug. 1844.

37. SSR, G5, Butterworth to Katas, 4 Aug. 1845; Lihat juga SSR, U11, Gov. to Resident Councillor, Malacca, 4 Aug. 1845.

38. Gullick, *Sungai Ujong*, m.s. 19, 34.

39. Lebai Kulop dilahirkan di Rembau tetapi menetap di Linggi di mana dia mengahwini adik Haji Mohamed Salleh dari Waris Bandar. Dia bermusuhan dengan Datuk Klana (Kawal) apabila empat orang Cina yang berhutang kepadanya dibunuh oleh orang-orang Sungai Ujong dan menyebabkan dia kerugian kira-kira \$4,000. Datuk Klana telah berjanji hendak memberi ganti rugi tetapi tidak berbuat demikian. Dendam kedua Lebai Kulop terhadap Sungai Ujong ialah kerana isterinya Tabau semasa pergi ke Permatang Pasir untuk melawat saudaranya (Datuk Muda Katas), telah dirompak semua hartanya dalam perahu dan kemudian diperkosa. Sekali lagi dia merayu kepada Datuk Klana untuk mendapatkan ganti rugi. Dengan perasaan kesal, dia memutuskan untuk melupakan taat setianya terhadap Sungai Ujong. Dia memperkukuh kedudukannya di Pengkalan Kempas dan di sanalah dia mengenakan cukai ke atas perdagangan Sungai Ujong untuk menebus kerugiannya sebanyak sepuluh kali ganda. Sehingga kematiannya pada tahun 1859, dia dapat mempertahankan kedudukannya di sungai tersebut, sungguhpun Datuk Klana cuba untuk menjatuhkannya. Dia dibantu se-

penuhnya oleh Penghulu Rembau dan mungkin dia berkongsi pendapatannya dengan penghulu berkenaan. (Lihat *GPMP*, Braddell, "Second Continuation of Report & c.".)

40. *Ibid.*

41. Dia ialah anak Datuk Bandar Haji Mohamed Salleh.

42. Dia perlu dibezakan dari datuk bandar yang mempunyai nama yang sama. Dia ialah ipar Lebai Kulop, yang ada bersamanya di Simpang. Setelah terjadi satu pertelingkahan, dia pulang ke Rembau dan tinggal di situ selama kira-kira setahun. Dia kemudiannya menetap buat sementara waktu di Bukit Tiga dan mengenakan cukai ke atas lalulintas di situ. Menjelang tahun 1855, dia telah berpindah ke Sungai Serban dan menyerahkan Bukit Tiga kepada Syed Ahman.

43. Ibunya adalah anak perempuan Datuk Klana dahulu dan ayahnya ialah Syed Ahmad, saudara Syed Shaaban. Konon dikatakan dia sepatutnya dilantik sebagai Datuk Klana pada tahun-tahun 1820-an tetapi tidak mendapat sokongan kerana usianya yang muda dan Datuk Klana Kawal menyingkirkannya. Dia kemudian berpeluang menjatuhkan Datuk Klana Kawal pada tahun 1848 apabila berlaku pemberontakan orang Rawa. Orang Rawa berasal dari Sumatera, mereka telah lama menetap dan berdagang di semenanjung, menegakkan ibu pejabat di Pahang di mana mereka hampir mempunyai monopoli perdagangan di situ. Di Sungai Ujong, sebahagian besar perdagangan terletak dalam tangan mereka. Apabila Klana Kawal menghukum mati tiga orang daripada mereka kerana satu kesalahan, mereka pun menentanginya sambil meminta bantuan dari Pahang. Syed Abdul Rahman (Ahman) yang ketika itu menetap di Ulu Langat, telah diminta membantu orang-orang Rawa tetapi Syed Abdul Rahman mengenakan syarat sekiranya berjaya mereka hendaklah mengangkatnya menjadi Datuk Klana. Tetapi pemberontakan itu dapat dipatahkan menjelang tahun 1853. Tetapi Syed Ahman, terus menduduki kedudukan penting di Sungai Ujong. Dia memegang gelaran Laksmamana Raja Larut di bawah Datuk Klana Sending dan pada bulan Mac 1873, menggantikan Sending sebagai Datuk Klana Sungai Ujong dengan sokongan penuh Inggeris. (Lihat *GPMP*, Braddell, "Second Continuation of Report & co."; Abdullah Sultan, op. cit. m.s. 34.)

44. Dia menggantikan Klana Kawal antara tahun 1849 dan 1850. Tiada keterangan yang dapat diperoleh tentang latar belakangnya. Sebagai Datuk Klana, dia bergantung sepenuhnya kepada Syed Ahman. Dia meninggal dunia pada bulan Disember 1872.

45. Kulop Tunggal adalah saudara Datuk Bandar Haji Mohamed Salleh yang digantikannya pada tahun 1845 atau 1846. Dia dikatakan berkebolehan dan seorang yang kaya. Sementara dia menanam modal dalam hampir dua puluh buah lombong, kepentingan Klana hanya tertumpu kepada tiga atau empat buah lombong sahaja. Hasil daripada kejayaannya, dia menjadi terlalu berpengaruh dan merupakan ancaman kepada kuasa Datuk Klana. (*GPMP*, Braddell, "Second Continuation of Report & c.".)

46. Penyatuan Gullick mengenai perkara ini sangatlah menarik. "Sekiranya Datuk Bandar Tunggal telah bersatu dengan Inggeris dan tidak memerangi mereka maka sebuah lagi negeri mungkin ditambah kepada Negeri Sembilan moden (dalam tahun 1875)". (Gullick "Sungai Ujong", m.s. 35.)

47. SSR, W21, Chamber of Commerce to Sec. Govt., 7 May 1855.

48. GPMP, Braddell, "Second Continuation of Report & c."

49. Bagaimana sebenarnya peristiwa itu diselesaikan tidaklah diketahui tetapi dalam bulan April 1860, Datuk Bandar yang dipercayai oleh saudagar-saudagar Melaka telah ditangkap di Melaka kerana hutangnya dan ditahan di sana buat beberapa bulan "atas proses awam (Civil Process) dalam satu aduan tuntutan yang akan dibicarakan dalam Mahkamah Pengadilan (Court of Judicature)". (Lihat GPMP, Braddell, "Second Continuation of Report & c.", "petition of Malacca traders to Cavenagh, Aug. 1860, cited in full in Chelliah", "War in Negeri Sembilan, App. B2. Rayuan itu diterbitkan dalam akhbar *Singapore Daily Times*, 27 Dec. 1873. Nama orang yang merayu tidak dicatat.)

50. SSR, R38, Singapore to Fort William, 6 Oct. 1860; Letessier, op. cit.; GPMP Braddell, "Second Continuation of Report & c."; Turnbull, "The Origins of British Control in the Malay States before Colonial Rule", Bastin and Roolvink (eds.) m.s. 176-77. Middlebrook (op. cit. m.s. 15-16) berbicara tentang suatu pertelingkahan di Sungai Ujong pada tahun 1860 di antara dua orang besar Melayu tentang hak ke atas keluaran bijih timah dan orang-orang Cina serta-merta berpecah menjadi dua kumpulan. Setiap kumpulan memihak kepada salah seorang besar berkenaan. Ini tidaklah betul. Patut diterangkan juga bahawa dalam pertempuran Cina-Melayu ini, Yap Ah Loy telah tercedera di bahagian pahanya dan dirawat oleh rakan-rakannya.

51. Chelliah, App. B (2).

52. SSR, R38, Singapore to Fort William, 6 Oct. 1860, 13 Oct. 1860 & 21 Nov. 1860; Braddell, "Second Continuation of Report & c."

53. SSR, R40, Singapore to Fort William, 16 May 1861.

54. Winstedt and Wilkinson, *A History of Perak*, m.s. 130.

55. Ibu Raja Ismail ialah Raja Mandak, puteri Sultan Ahmaddin. Ayahnya bernama Raja Syed Hitam. Raja Ismail mempunyai seorang saudara perempuan yang telah meninggal dunia ketika masih muda dan dia mengahwini Raja Fatimah, anak Raja Kecil Besar (Raja Daud) dan memperoleh dua orang anak, Raja Lop Ahmad dan Raja Long Khadijah yang menjadi isteri Raja Osman, putera Sultan Ali Inayat Syah. (Maxwell "The History of Perak from Native Sources" (1884), m.s. 313, 317, 318.)

56. Lihat Wee Choon Siang, Lamp. IIA.

57. Maxwell, "A History of Perak from Native Sources" (1884), m.s. 316.

58. Cerita tentang kekacauan di Krian yang diberi di sini berdasarkan Wee Choon Siang, m.s. 4-9.

59. SSR, R37, Singapore to Fort William, 6 Julai 1860.

60. SSR, DD34, Resident Councillor to Sec. to Gov., SS, 22 June 1861, encl., Lewis to Resident councillor, 19 June 1861, Document 5, Raja Muda to Lewis, recd. 25 May 1861.

Gabenor Negeri-negeri Selat sebelumnya telah membuat pemerhatian yang sama tentang kedudukan raja di negeri Perak: "Sungguhpun raja adalah orang besar satu-satunya yang kita akui sebagai mempunyai kuasa di Perak tetapi nampaknya kuasa ini sama-sama dipegang oleh orang-orang besar istananya yang berikut, Raja Muda, Bendahara, Orang Kaya Besar dan Temenggung yang cap mohor mereka dicapkan dalam perjanjian yang berlainan, yang mula-mula disebut ialah Bakal Raja, jawatan yang dipilih dan bukannya turun-

temurun, sungguhpun yang dipilih itu terhad kepada keluarga diraja." (SSR, R40, Singapore to Fort William, 14 May 1861.)

61. SSR, DD34, Resident Councillor to Sec. to Gov., SS, 22 June 1861, encl., W.T. Lewis to Resident Councillor, 19 June 1861.

62. SSR, DD34, Resident Councillor to Sec. to Gov., SS, 24 July 1861.

63. CO 273/15, Correspondence on the Larut Disturbances: Resident Councillor to Deputy Sec. to Gov., SS, 2 April 1863; Wee Choon Siang, m.s. 11-13.

64. CO 273/5, Correspondence on the Larut Disturbances: Petition of Leoh Ung, Chong Moye, Chong Ahan and Chin Chit Chong (elders of Penang Hai San) to H. man, n.d.

65. Ibid. C.B. Plunket to H. Man, 12 July 1861. Ketiga-tiga ketua besar Chee Hin Pulau Pinang adalah Lee Coyin (Lee Koh Yin), Oh Wee Kee dan Chan Chong Hong. (Lihat juga PRCR, evidence no. 10, Lee Coyin.)

66. Ibid. Toa Peh Kong (Hokkien) mengancam hendak menggantung beberapa orang Ghee Hin sekiranya orang Inggeris menyerang Larut.

67. Haji Muhammad Said (ed.), *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim*, m.s. 76-77.

68. Wee Choon Siang, m.s. 21-22.

69. CO 273/15, Correspondence on the Larut Disturbances: Petition of Haji Muhamed Hussein and Sabudin to Col. H. Man, 13 Dec. 1864. Dua orang lagi bekas pemajak tidak disebutkan.

70. Ibid. Capt. Warwick to Capt. Wright, 13 May 1862.

71. Ibid. Resident Councillor, Penang, to Deputy Secretary to Gov., SS, 2 April 1863.

72. Winstedt and Wilkinson, m.s. 81.

73. Lihat Wee Choon Siang, Lamp. IID.

74. Ibid. App. IIE.

75. CO 273/15, Larut Disturbances: Resident Councillor, Penang to Deputy Sec. to Gov., SS, 30 April 1863.

76. Ibid, Statement by Nairne, Penang, 18 April 1863.

77. CO 273/5, Larut Disturbances: Capt. G. Smart to Maj. H. Man, 12 April 1862.

78. Juga dieja So Ah Chiang atau Soh Ah Tsoang.

79. CO 273/15, Larut Disturbances: J.R. Logan to Resident Councillor, Penang, 10 May 1864, enclosing statement by So Ah Cheong of Larut, tin miner and trader, 10 May 1864. Mengenai soal pawang ini menarik juga kalau ditegaskan bahawa pada kira-kira tahun 1878, pawang besar Larut, Pak Hitam Dam, memohon kepada W.E. Maxwell, yang pada masa itu menjadi Penolong Residen di Perak, supaya dipulihkan kedudukannya sebagai mempunyai tugas dan hak-hak istimewa yang dinikmatinya di bawah Orang Kaya Menteri, dan sebelumnya, di bawah Long Jaafar. Pak Hitam menerangkan majlis adat istiadat dan cara mencukai seperti berikut. Beliau dikehendaki melawat semua lombong dari semasa ke semasa terutama dimana bijih timahnya dilombong. Sekiranya pengeluaran bijih timah harian dengan tiba-tiba berkurangan di sesebuah lombong, maka tugasnyalah untuk menjalankan majlis puja-memuja hendak memulih balik supaya bijih jangan mengurang.



Sekali dalam dua atau tiga tahun perlulah diadakan puja besar yang melibatkan penyembelihan tiga ekor kerbau, kenduri besar dan belanja itu harus ditanggung oleh pawang. Pada hari puja besar itu pantang bagi setiap orang dalam daerah itu bekerja—siapa pun tidak boleh memecahkan tanah atau merumput, atau memotong kayu di seluruh daerah itu. Selanjutnya, orang asing yang tinggal di kawasan tiga hari perjalanan dari itu tidak boleh masuk ke lombong-lombong, sekiranya melanggar aturan ini didenda sebanyak dua puluh lima ringgit. Pawang berhak memungut dari tuan-tuan punya lombong bayaran biasa sebanyak sebata bijih timah (atau kira-kira \$6.25 tunai) tiap-tiap tahun untuk setiap paling yang digunakan sepanjang tahun. Dari sebarang lombong yang bijihnya belum dikeluarkan, tidak dibenarkan memakai kasut atau membawa payung; orang Melayu tidak boleh memakai kain sarung. Pelombong-pelombong Cina mematuhi peraturan ini dan bersedia membuat bayaran tadi tetapi semenjak tahun 1875, pawang mendapati pendapatannya merosot dan tidak lagi memegang kedudukan yang sama seperti dahulu. (Lihat A. Hale, "On Mines and Miners in Kinta, Perak", *JMBRAS*, no. 16, 1885, m.s. 306-07. Nota oleh editor, W.E. Maxwell.)

80. Kenyataan oleh So Ah Cheong, 10 May 1864, op. cit. Nampaknya So Ah Cheong menjadi jurubicara bagi empat puluh orang pelombong, jadi mereka itu semua tentulah menjadi ahli Ghee Hin.

81. *CMP*, Sir A. Clarke to Kimberley, 24 Feb. 1874, encl. 6. Kenyataan dibuat oleh Tunku Menteri sebagai menjawab pertanyaan mengenai hal ibarat Larut, di hadapan A. Neubronner, Pemangku Penterjemah, 26 Aug. 1873.

82. CO 273/15, Larut Disturbances: Petition of Haji Mohd. Hussein and Sabuddin to Col. H. Man, 13 Dec. 1864.

83. Muhammad Ibrahim menulis, ". . . ia (Ngaah Ibrahim) masuk bersetia dengan kongsi Hai San demikianlah ayahnya pun kerana kongsi itu kuat dan ramai orangnya . . ." (Haji Muhammad Said (ed.) m.s. 63.)

84. Eng Teng adalah sebuah daerah di wilayah Teng Chew, Hokkien.

85. CO 273/15, Larut Disturbances: Petitions of Oh Wee Kee to Resident Councillor, Penang, 18 Oct. 1865: SSR, DD42, Resident Councillor to Sec. to Gov., SS, 28 June, encl., Affidavit of Loh Chong, June 1865.

86. Wee Choon Siang, m.s. 29.

87. CO 273/15, Larut Disturbances: Deputy Sec. to Gov., SS, to Sec. to Govt. India, 13 July 1864.

88. Peristiwa ini diceritakan dengan panjang lebar dalam F. Swettenham, *Malay Sketches*, London, 1895, Bab XIII.

89. SRR, G6, Cavenagh to Sultan Ali AlMakmal Inayat Shah, 28 Mar. 1866.

90. Wee Choon Siang, m.s. 30.

91. SSR, DD42, Resident Councillor, Penang, to Sec. to Gov., SS, 28 June 1865, encl. 1. Affidavit of Loh Chong, June 1865.

92. Ketua sepasukan polis.

93. Ini dibuat dengan mencucukkan sebatang buluh tajam di leher tiap-tiap orang sehingga darah menyembur keluar di hujung yang satu lagi. Orang-orang Chengsang pun mulailah mencelup bendera mereka ke dalam darah mangsanya itu. (Lihat Swettenham Papers, Item 72, Journal of the Expedition to Perak, 23 Jan. to 21 Feb. 1874, kept by Frank Swettenham.)

94. Semasa tercetus pergaduhan yang pertama pada tahun 1861, sebelas

orang disebut sebagai pemimpin Hai San di Pulau Pinang dan Larut, iaitu Leoh Ah Ung, Chong Moye, Chong Ahan, Chin Chit Chong, Kok Ah Sing, Lim Yong Teck, Chang Sam Tat, Leoh Ah Sin, Chun Nghoon Pak, Lee Kwan Kee dan Yiong Kan. (Lihat CO 273/5, Larut Disturbances, *passim*.)

95. Lihat CO 273/15, Larut Disturbances: Statement of Jebon Ali 18 Oct. 1865; Petition of Oh Wee Kee, 18 Oct. 1865 and SSR, DD42, Loh Chong's affidavit, *op. cit.*

96. Mungkin pada masa ini dan bukannya pada tahun 1861 (lihat Middlebrook, *op. cit.* m.s. 20-21) Fui Chew Kuala Lumpur menghantar beberapa buah bot ke Pulau Pinang untuk membawa orang pelarian ke Kuala Lumpur.

97. CO 273/15, Larut Disturbances: Oh Wee Kee's petition of 18 Oct. 1865; Statement of Koh Ah Chye, 22 Aug. 1865; Statement of Thong Sye, 22 Aug. 1865. Swettenham Papers, Item 72, Journal of the Expedition to Perak, 23 Jan. to 21 Feb. 1874. Patut pula disebutkan bahawa Chong Chong ketua agung Fui Chew, terselamat daripada konflik itu. Tetapi sedikit sahaja yang diketahui tentang dirinya. Besar kemungkinan dia juga orang yang dinamakan sebagai salah seorang daripada 20 Konsular Ghee Hin di George Town dalam tahun 1867. (PRCR, evidence no. 8, Boey Yoo Kong.)

98. SSR, R41, Singapore to Fort William, 3 Nov. 1865.

99. *GPMP*, Braddell, "Report on the Proceedings of Government relating to native States in the Malayan Peninsula", 18 Jan. 1874.

100. Sedikit sahaja yang diketahui tentang latar belakang orang ini. Pada tahun-tahun berikutnya, dia memainkan peranan penting dalam politik Perak. Dia mungkin bersaudara dengan Nathaniel Bacon yang pada 20 Aug. 1817, dijadikan agen undang-undang di Pulau Pinang. (Lihat Kyshe, m.s. xiii.) Seorang lagi orang yang penting ialah Khaw Boo Aun. (Lihat m.s. 213.)

101. SSR, G7, Raja of Perak to Capt. Hatchell, 18 May 1871; Raja Perak to A.N. Birch, 25 April 1871.

102. *CMP*, Sir A. Clarke to Kimberley, 24 Feb. 1874, encl., Skinner's *Precis of Perak Affairs*, 10 Jan. 1874.

103. Wee Choon Siang, m.s. 27.

104. CO 273/47, Anson to Kimberley, 3 June 1871, encl., Report of a committee on the subject of the relations of the Straits Settlements with the neighbouring Native States, 19 May 1871.

105. SSR, F7, Tunkoo Puan of Selangor to Gov. Ord, 15 June 1867.

106. Maxwell, "The Ruling Family of Selangor", m.s. 322; Anon, "History of Selangor", m.s. 71.

107. SSR, R38, Singapore to Fort William, 6 Oct. 1860.

108. SSR, R40, Singapore to Fort William, 16 Oct. 1861.

109. Ayah Raja Sulaiman, Raja Hussein, adalah saudara Raja Jumaat.

110. Nasir Osman Abbas, *Sejarah Lukut*, m.s. 11.

111. *Ibid.*

112. SSR, G6, Cavenagh to Sultan of Salangor, 16 Nov. 1865. Tiada keterangan yang diperoleh tentang identiti saudagar-saudagar tersebut.

113. SSR, F7, Sultan of Selangor to Cavenagh, 25 Dec. 1865.

114. Malahan jawapan gabenor tidak memberikan sebarang keterangan tentang perkara ini kerana beliau hanya mengucapkan terima kasih kepada

sultan "kerana bersedia mengikut kehendak kami berkenan menyelesaikan tuntutan saudagar-saudagar Melaka terhadap Raja Lukut dan Klang", (SSR, G6, Cavengah to Sultan of Selangor, 13 Jan. 1866).

115. Dalam cerita Winstedt ("A History of Selangor", m.s. 19-20) dinyatakan bahawa perang tersebut berlaku pada tahun 1866. Ini tidak betul. Apabila tercetusnya perang ini, Cavenagh melawat Klang dengan kapal SS *Pluto* dan beliau telah menulis sepucuk surat kepada Sultan Abdul Samad bertarikh 17 Mac. 1867. Winstedt meletakkan tarikh surat itu 17 Mac 1866. Maka nyata inilah sumber kesilapan yang telah dikekalkan oleh penulis-penulis lain. (Middlebrook, "Yah Ah Loy", m.s. 36-41 dan Gullick, "A Careless, Heathen Philospher?", m.s. 90.) Kesilapan ini juga merosakkan susunan peristiwa dengan memberikan gambaran bahawa Read dan Tan Kim Cheng serta-merta terhalang daripada mendapat keuntungan dari persetujuan dengan Raja Abdullah, walaupun sebenarnya mereka dapat melombong bijih timah hampir selama setahun.

## Konflik Merebak

### *Pemecahan Negeri Sembilan*

Kemangkatan Yamtuan Besar (Raja Radin) pada awal tahun 1861 sekali lagi menimbulkan pertelingkahan dalam negeri. Ada tiga orang calon bagi memenuhi gelaran yang kosong itu. Mereka ialah Raja Ujong (juga dikenali sebagai Raja Iman atau Tuanku Janggut), saudara almarhum Raja Radin, Raja Beringan, seorang anak raja dari Minangkabau; dan Syed Shaaban yang membuat tuntutannya berdasarkan bahawa dia memegang gelaran Yamtuan Muda. Tetapi percubaan dari Minangkabau untuk memperoleh semula pengaruhnya semenjak Raja Labu diusir dari Negeri Sembilan agak lemah. Syed Shaabanlah yang terbukti merupakan ancaman yang sebenarnya kepada Raja Ujong kerana dia mendapat sokongan Gabenor Cavenagh. Beliau menulis tatkala memajukan tuntutan Syed Shaaban:

Syed Shaaban itu adalah seorang yang menarik, dia telah lama merintah kerana terpaksa hidup terlindung dan tidak dikenal orang. Oleh itu, untuk menonjolkan dirinya, dia menjadi penggerak yang aktif dalam kebanyakan pakatan kecil yang sentiasa dirancarkan di negeri-negeri peribumi yang berdekatan. Namun dia masih juga berkebolehan sekiranya dinaikkan ke darjat Yang Dipertuan Besar. Besar kemungkinan dia akan mengambil langkah-langkah untuk menubuhkan sebuah kerajaan yang tegas ke atas negeri-negeri yang membentuk gabungan ini. Dia mungkin menambah pendapatannya dengan memajukan perniagaan dan menghapuskan kumpulan jahat yang bersarang di negeri-negeri ini. Dalam keadaan sekarang, sesungguhnya cita-citanya tentulah terbatas dan dia tidak lagi berharap dapat mempertinggikan kuasa meliputi kawasan Selangor kerana pemerintahan sebenar negeri itu telah jatuh ke tangan Raja Lukut, iaitu raja yang paling aktif dan adil di semenanjung. Ini tentu sekali

tidak akan memberi peluang bagi Syed Shaaban untuk campur tangan dalam pentadbirannya.

Sungguhpun sebagai Yang Dipertuan Besar, Syed Shaaban tidak akan diberikan kuasa segera ke atas pengurusan hal-ehwal dalam negeri-negeri gabungan tetapi pengaruhnya terhadap orang-orang besar dan rakyat diduga akan bertambah. Dengan ini kemewahan Negeri-negeri Selat dapat dimajukan dengan cara memelihara ketenteraman di seluruh semenanjung serta pembukaan saluran-saluran perdagangan, dengan merujuk kepada pertelingkahan-pertelingkahan yang berlaku sekarang dan komplot-komplot yang sentiasa direka di Singapura, maka penggunaan pengaruh ini akan menguntungkan kita. Saya berpendapat ini boleh dibeli dengan murah melalui pembayaran sejumlah wang tetap yang telah dibuat untuk perkhidmatan politik. Oleh itu, saya dengan hormatnya berharap akan diberikan kuasa untuk membayangkan kepada Syed Shaaban bahawa perlantikannya ke jawatan yang diidamkan itu tidak akan menjadi halangan terhadap bantuan pencennya dengan syarat dia mengikut kemahuan kerajaan Inggeris.<sup>1</sup>

Malangnya, Gabenor Cavenagh tidak melayan kemahuan Syed Shaaban kerana seorang calon yang lebih terkenal, iaitu Raja Ujong telah dipilih sebagai Yamtuan Besar yang baru.<sup>2</sup>

Keadaan politik jadi kendur selama beberapa tahun tetapi tegang semula pada tahun 1865 apabila Klana Sending pergi ke Linggi untuk melaksanakan pungutan cukai tetap di sungai itu. Penghulu Rembau sangat marah kerana dia tidak dibawa berunding terlebih dahulu. Sebaliknya Datuk Klana menjawab bahawa cukai yang hendak dikenakan itu terbatas kepada bijih timah, iaitu pengeluaran Sungai Ujong dan Rembau tidak berhak campur tangan. Tetapi Datuk Klana bersedia memberikan sebahagian daripada cukai itu kepada Penghulu Rembau. Penghulu Rembau tidak suka sikap merendahkan diri dengan alasan bahawa "Rembau adalah ibu dan Sungai Ujong adalah bapa Linggi", yang membayangkan bahawa Rembau mempunyai hak secara automatik terhadap sebahagian cukai itu. Bagaimanapun tidak ada perpaduan di kalangan pemimpin Rembau. Klana Sending memperoleh sokongan lembaga Rembau yang menyebabkan tuntutan penghulu tidak laku seku-rang-kurangnya buat sementara waktu.<sup>3</sup>

Kira-kira pada waktu yang sama kekusutan timbul di Johol disebabkan oleh perkembangan perdagangan. Pada awal tahun-tahun 1860-an, terdapat pertukaran penghulu kerana penghulu yang memegang jawatan meletakkan jawatannya. Penghulu yang baru, mengambil peluang untuk melawat Melaka bersama-sama dengan Klana Sending untuk menye-

lesaikan soal-soal pentadbiran wilayahnya pada masa akan datang dengan kerajaan Melaka. Ini menunjukkan bahawa penghulu baru berhasrat benar hendak membangunkan Johol. Oleh itu, dia bercadang membuat perjanjian dengan dua orang Cina Melaka, See Boon Tiong dan Tauke Cham<sup>4</sup>, "dalam hal mengerjakan lombong bijih". Oleh kerana kerja melombong akan dijalankan di wilayah Gemencheh, maka Penghulu Gemencheh, iaitu Penghulu Jaafar juga pergi ke Melaka bagi menandatangani perjanjian tersebut.

See Boon Tiong dan Tauke Cham kemudiannya mula membina beberapa buah banglo dan membelanjakan wang yang banyak untuk pembangunan Gemencheh. Tetapi Penghulu Gemencheh, dengan sebab-sebab yang tidak dinyatakan, telah berasa tersinggung lalu memusnahkan "harta-harta yang baru didirikan itu dengan membakar banglo dan mengambil semua harta benda di dalamnya". See Boon Tiong dan Tauke Cham mengadu kepada Penghulu Johol, yang pergi ke Gemencheh untuk menyiasat. Pada suatu malam, beliau dihalang oleh Penghulu Jaafar "yang menembak kami dan membunuh orang-orang kami". Maka meletuslah peperangan selama tiga hari. Kapten Playfair, Residen Konsular Melaka, cuba mendamaikan krisis tetapi gagal. Baik penghulu tua maupun penghulu muda Johol, kedua-duanya menantu Penghulu Jaafar, bersatu menentang bapa mentuanya. Menjelang bulan November 1865, Penghulu Jaafar terpaksa menyerahkan Gemencheh kepada mereka kerana dia masih berazam hendak menjadikan Gemencheh "seboleh-bolehnya produktif dan mempunyai ramai penduduk". Mereka pun menawarkan wilayah itu kepada pentadbiran Inggeris di Melaka. Tawaran ini tidak diterima. Kedua-dua penghulu itu kemudiannya memberitahu gabenor:

... sekiranya mana-mana saudagar ingin mengerjakan dan membuka lombong-lombong bijih timah, emas atau galian-galian lain untuk didagangkan di Gemencheh, kami akan berasa gembira sekiranya pihak gabenor sudi menolong dengan cara menggalakkan mereka dan kami akan bertanggungjawab ke atas orang-orang ini sekiranya berlaku ancaman atau kekacauan yang ditimbulkan oleh orang-orang kami terhadap orang-orang yang datang ke Gemencheh  
...<sup>3</sup>

Tetapi, tidak pula dinyatakan tentang penanaman modal yang telah dibuat oleh See Boon Tiong dan Tauke Cham.

Ada satu aspek dalam sejarah Sungai Ujong yang perlu diperhatikan di peringkat ini kerana hubungan rapatnya dengan

sejarah Selangor. Aspek itu ketara pada tahun 1862 apabila Datuk Klana Sending cuba menuntut daripada Sultan Selangor: ". . . sebahagian daripada wilayah Sungai Ujong yang telah diambil secara tidak adil daripadanya, termasuk Tanjung Tuan (Cape Rachado) di mana kerajaan (Inggeris) kini sedang membina sebuah rumah api . . ." Tetapi Datuk Klana menambah dengan mengatakan bukanlah niatnya untuk mengganggu cadangan pembinaan rumah api itu. Pada 24 November 1863, satu pertemuan diadakan di antara Raja Abdullah Klang, dan Klana Sending di Kuala Linggi dengan dihadiri oleh Kapten Playfair dan Syed Shaaban. Sepucuk surat yang ditulis oleh Sultan Abdul Samad dua bulan sebelumnya telah dibacakan. Dengan disertai alat kebesaran negara, surat itu memberikan kuasa kepada Datuk Klana dan Penghulu Klang untuk menetapkan sempadan di antara negeri Selangor dan Sungai Ujong. Surat berkenaan menentukan bahawa sempadan itu hendaklah mengikut Sungai Langat: di sebelah kanan hala mudik adalah Sungai Ujong dan di sebelah kirinya pula wilayah Klang. Dan sempadan Sungai Ujong di pesisiran pantai adalah dari Gunung Jugra, di Sungai Langat ke Kuala Linggi. Tetapi apabila salinan surat itu dihantar kepada Raja Jumaat di Lukut, dia mengatakan bahawa dia sendiri telah bertanya kepada Sultan Abdul Samad dan Sultan Abdul Samad tidak mengaku menulis surat itu. Raja Jumaat menambah bahawa apabila Sultan Muhammad menyerahkan Lukut kepadanya untuk ditadbirkan, dia telah diberitahu bahawa sempadannya ialah dari Lukut ke Kuala Linggi, termasuk kawasan-kawasan Sungai Linggi. Kalau memudiki Sungai Linggi, maka kawasan di sebelah kiri sehingga Sungai Klang dan ke pedalaman sejauh Bukit Juling Juling kepunyaan Selangor.<sup>6</sup> Selepas ini, perkara itu dibiarkan begitu sahaja buat sementara waktu. Jelaslah bahawa perasaan tidak puas hati Datuk Klana Sending timbul daripada hakikat bahawa kawalan ke atas sebelah tebing sungai itu akan membolehkan Raja Jumaat dan Raja Abdullah mendapat sebahagian daripada pendapatan yang diperolehi dari lalulintas Sungai Linggi.

Pada tahun 1866, soal sempadan timbul sekali lagi. Menurut Kapten Burn, Residen Konsular Melaka, dalam sepucuk surat bertarikh 14 Mei 1866, Sultan Abdul Samad telah memberitahunya bahawa soal sempadan telah diselesaikan pada tahun 1865 sesuai dengan surat sultan pada bulan September 1863. Tetapi apabila Kapten Burn kemudiannya bertemu dengan Raja Abdullah di Lukut, Raja Abdullah mengatakan tuntutan Klana Sending tidak munasabah. Oleh kerana kekeliruan yang sama,

maka isu ini dibiarkan begitu sahaja. Pada 11 Julai 1868, Sultan Abdul Samad menulis:

Pada pukul 9.00 hari Sabtu 18 Rabiulawal. Kami, Sultan Selangor, Sultan Abdul Samad, putera almarhum Tunku Raja Abdullah, menyerahkan surat ini kepada Datuk Klana Putera di Sungai Ujong menunjukkan perhubungan di antara Selangor dan Sungai Ujong yang tidak boleh diubah dengan cara apapun sejak zaman dahulu hingga sekarang ini.

Berhubung dengan Tanjung Tuan (Cape Rachado) permintaan gabenor untuk tapak (sebesar yang diperlukan) bagi membina sebuah rumah api, hanyalah sebuah bukit sahaja. Kerajaan Inggeris adalah sahabat kami, dan pada pendapat kami sahabat orang-orang besar kami juga. Terkecuali daripada apa yang telah dikatakan, semua kawasan di sebelah kiri hala mudik Sungai Linggi, sehingga Sungai Udang, kami dan orang-orang besar bersetuju sebagai wilayah kepunyaan Datuk Klana, dan tidak siapa pun yang boleh menuntunya, termasuk anak cucu kami dan anak cucu Datuk Klana. Ketetapan ini janganlah diubah selagi matahari dan bulan masih berputar, seperti yang tersebut dalam tulisan ini dan dicap dengan mohor kami.<sup>7</sup>

Jelaslah bahawa Sultan Abdul Samad tidak sepakat dengan orang-orang besar Klang dan Lukut. Meskipun ada surat ini ia tidak dapat menyelesaikan perkara ini. Pada tahun-tahun berikutnya soal sempadan telah bertambah kusut, iaitu apabila puak-puak yang bertentangan di Negeri Sembilan dan Selangor, cuba mendapatkan sokongan dari luar negeri.

Dalam tahun berikutnya (1869), Yamtuan Besar Raja Ujong telah meninggal dan perselisihan mengenai penggantinya terbukti merupakan kejadian paling serius pernah berlaku di Negeri Sembilan. Dua orang yang menuntut takhta adalah bermusuhan: mereka ialah Tuanku Antah ibni almarhum Tuanku Radin dan Tuanku Ahmad Tunggal ibni almarhum Tuanku Ujong. Persaingan yang timbul benar-benar memecahbelahkan Negeri Sembilan. Mengikut satu punca daripada seorang Melayu, sehingga pemerintahan Raja Ujong, Negeri Sembilan diperintah oleh seorang Yamtuan Besar sesuai dengan hukum syarak dan prinsip-prinsip adat. Tetapi setelah kemangkatan raja dan disebabkan oleh perebutan kuasa yang berlaku di beberapa buah luak, khususnya Sungai Ujong, Kuasa pemerintahan pusat Rembau dan Jelebu tidak efektif lagi dan masing-masing mentadbirkan kerajaannya secara bebas.<sup>8</sup> Konflik di antara ahli-ahli kelas yang memerintah bertambah buruk pada awal tahun-tahun 1870-an apabila perebutan kuasa berlaku di Sungai Ujong dan Rembau.



Pada awal bulan November 1872, Penghulu Rembau yang tua dan uzur telah meninggal dunia di Lubok Cina. Dua orang calon telah bersaing untuk merebut gelaran tersebut. Mereka ialah Haji Mustapha dan Haji Sahil yang juga dikenali sebagai Datuk Purba. Haji Sahil merupakan orang yang lebih agresif, oleh yang demikian terpaksa Hajji Mustapha meminta bantuan dari Sungai Ujong. Sementara itu Haji Sahil meneruskan dasar bekas Penghulu Rembau. Apabila ia mendengar yang Datuk Muda Linggi telah membina sebuah *kota* di wilayahnya, dia pun memimpin orang-orang Rembau menyerang kota tersebut. Dalam pada itu, beliau telah menawan sebuah kota di Bukit Tiga dan terus mengenakan cukai ke atas bot-bot yang lalu-lalang di Sungai Linggi.

Sebelum perbalahan mengenai penggantian di Rembau dapat diselesaikan pada 3 Disember 1872, Datuk Klana Sending meninggal dunia. Tugas mentadbir terserah kepada Tengku Laksamana Raja di Laut (Syed Syariff Abdul Rahman Al-Kadir)<sup>9</sup>, dengan bantuan Datuk Bandar Kulop Tunggal. Sungguhpun pada 27 Mac, Syed Abdul Rahman telah menulis kepada pihak Inggeris memberitahu bahawa dia dengan sebulat suara telah dipilih sebagai Datuk Klana Sungai Ujong,<sup>10</sup> dia masih menghadapi beberapa masalah; salah satu daripadanya ialah perhubungan dengan Datuk Bandar. Sejak zaman Klana Sending lagi Kulop Tunggal memegang kedudukan istimewa, dia sangat dihormati dan bergerak bebas di Sungai Ujong. Dia juga dipercayai oleh pedagang-pedagang Cina di Melaka dan pelombong-pelombong Cina di Sungai Ujong sendiri. Oleh itu, dia berasa tidak perlu baginya untuk mengubah sikap semasa berhadapan dengan Syed Ahman yang lebih muda dan kurang berpengalaman itu, dan dipercayai bahawa "Datuk Klana itu adalah patung di dalam tangannya". Kulop Tunggal mempunyai kuasa sepenuhnya ke atas Pelabuhan Rasah di mana dia memungut 20 gantang beras daripada tiap-tiap bot dan \$1 sebagai cukai ke atas pengendali bot itu. Datuk Klana yang baru tidak pula menghalang langkah Kulop Tunggal sehingga 1874 apabila Inggeris memutuskan untuk campur tangan dalam hal-ehwal Sungai Ujong.<sup>11</sup>

Di Rembau, soal pengganti penghulu masih berterusan. Dari empat lembaga yang besar, tiga daripadanya, iaitu Merah Bangsa, Bangsa Balang dan Sangura Pahlawan telah menyokong Haji Mustapha. Orang keempat yang "lebih muda dan lebih bersemangat", ialah Haji Mahmat atau Masihir yang memegang gelaran Gempar Maharaja. Beliau menyokong Haji Sahil

dan diberikan kuasa mengawal kota di Bukit Tiga bersama 500 orang yang cukup lengkap dengan senjata. Haji Sahil mendakwa bahawa ketiga orang lembaga yang menentang itu telah digalakkan berbuat demikian.<sup>12</sup>

Sungguhpun persetujuan di antara Haji Mustapha dan Haji Sahil tidak menimbulkan pergaduhan besar, namun penduduk Bukit Tiga oleh Haji Sahil dan dengan mengenakan pelbagai cukai<sup>13</sup> telah menimbulkan kemarahan pedagang-pedagang Melaka. Dalam bulan April 1873, Kapten Shaw telah menerima satu nota rayuan yang menjelaskan bahawa telah bertahun-tahun pedagang-pedagang menjalankan:

... perniagaan yang meluas dengan wilayah-wilayah Melayu Linghy dan Sunghie Ujong dan dari sanalah kami mengimport banyak bijih timah dan mengeksport beras, candu, garam, minyak, ikan kering, gula dan sebagainya. Bayaran bagi beberapa barang ini dibuat secara tunai, sementara yang lain-lainnya dibeli daripada kami dan dieksport ke wilayah-wilayah tersebut untuk dijual.

Pada masa lampau, cukai hanya dikenakan di Linggi. Oleh kerana mereka mempunyai lebih daripada \$80,000 wang yang dipertaruhkan di Linggi dan Sungai Ujong, maka mereka memohon agar orang-orang Rembau dipaksa "dengan kekerasan senjata" supaya berundur dari situ.<sup>14</sup>

Haji Sahil dipujuk supaya mengundurkan orang-orangnya dari Bukit Tiga<sup>15</sup>, tetapi dalam bulan Julai tahun yang sama, orang-orangnya telah bertapak di Permatang Pasir di mana mereka mengenakan cukai \$10 sekoyan bagi beras dan \$5 sebahara ke atas bijih timah. Tetapi dalam bulan yang berikutnya Haji Sahil sendiri mengadu bahawa percubaannya untuk mencapai penyelesaian secara damai dengan Sungai Ujong telah di sambut oleh Datuk Klana dengan pengisytiharan bahawa. . . "Orang-orang Rembau janganlah berjual beli dengan orang-orang Sungai Ujong. Jika dilakukan juga hukumannya ialah denda sebanyak \$400 bagi tiap-tiap orang". Datuk Klana juga dikatakan telah pergi ke Linggi dan "memberikan kepada Haji Mustapha ubat bedil dan senapang serta menyuruhnya membuat parit pertahanan. Haji Mustapha telah menyiapkan persediaan untuk berperang". Oleh itu, Haji Sahil menuduh orang-orang Sungai Ujong sebagai "tidak berpendirian dan berkepala batu", dan oleh sebab Haji Mustapha telah setuju patuh kepada Sungai Ujong, maka perang tidak dapat dielakkan lagi. Haji Sahil kemudiannya meminta Gabenor supaya melarang rakyat Inggeris daripada berniaga di rantau Sungai

Linggi kerana dia tidak akan bertanggungjawab sekiranya mereka mendapat kecelakaan.<sup>16</sup>

Pada awal bulan September 1873, tiga orang Cina dilaporkan terbunuh di Rembau dan Datuk Bandar dikatakan telah membakar semua benteng yang didirikan oleh Haji Sahil. Suatu pertemuan orang-orang besar telah diadakan di Linggi, di mana seorang ahli keluarga Neubronner menghadiri mesyuarat ini, tetapi tidak ada keputusan yang dicapai. Menjelang pertengahan bulan, Haji Sahil membina lagi benteng-benteng di Sungai Linggi dan bijih timah kepunyaan saudagar-saudagar Inggeris bernilai \$300,000 telah dirampas.

Haji Mustapha menyedari yang Haji Sahil seorang lawan yang gigih, maka dalam bulan November 1873, beliau telah membuat langkah baru dengan mengakui Syed Hamid (anak Syed Shaaban) Tampin sebagai orang yang berkuasa di Rembau. Alasannya ialah Datuk Syed Hamid (Raja Ali) dan ayahnya, pernah memerintah wilayah itu. Haji Sahil enggan mengakui Syed Hamid kerana Raja Ali adalah anak Bugis (ahli keluarga diraja Selangor) sementara Syed Shaaban anak seorang Arab dari Aceh. Beliau memberikan amaran bahawa jika Syed Hamid campur tangan dalam hal-ehwal Rembau maka "peperangan akan dilanjutkan ke Tampin dan Kru kerana kedua-dua tempat ini tertakluk kepada Rembau". Menjelang bulan Disember 1873, Haji Sahil dan tujuh belas orang yang terdiri daripada orang-orang besar Rembau memberitahu pihak berkuasa Melaka bahawa mereka telah menyerang Haji Mustapha, lalu bertempur beberapa hari. Mereka berjaya membunuh sepuluh daripada orangnya dan membakar lebih kurang enam puluh buah rumah. Haji Mustapha terpaksa melarikan diri dan ketiga-tiga lembaga yang menyokongnya dipecat lalu digantikan dengan orang lain.<sup>17</sup>

Kedudukan Haji Mustapha menjadi lemah, disebabkan sepanjang suku akhir tahun 1873, Syed Ahman terpaksa memainkan peranan yang kurang aktif dalam perebutan kuasa di Rembau. Ini adalah kerana tekanan daripada kerajaan Negeri-negeri Selat. Syed Ahman juga terlibat dalam lain-lain hal penting kerana secara serentak persaingan di antara Tuanku Ahmad Tunggal dan Tuanku Antah menjadi semakin hebat. Oleh kerana kebanyakan anak raja dan *air kaki*<sup>18</sup> lebih suka akan Tuanku Antah, maka Tuanku Ahmad Tunggal bersatu dengan Datuk Klana, dengan harapan akan mendapat sokongan yang penuh daripada pihak berkenaan dan berjanji, sekiranya beliau berjaya menjadi raja Negeri Sembilan,

salah seorang anak Syed Ahman akan dijadikan Yamtuan Rembau.<sup>19</sup>

Tentangan terhadap Tuanku Antah juga datang daripada Haji Sahil dan Tengku Abdullah, Yamtuan Muda Jelebu. Semasa pertabalan Tuanku Antah pada tahun 1875, Syed Ahman, Haji Sahil dan Tengku Abdullah enggan hadir. Ini membawa kepada satu peperangan besar dan dalam peperangan ini pihak Inggeris menyebelahi Syed Ahman.<sup>20</sup>

### *Perang Klang*

Ada beberapa versi yang berbeza-beza tentang asal usul peperangan Klang. Versi yang terkenal dan dianggap sahih adalah berdasarkan kepada yang berikut:

Raja Abdullah yang telah diberikan kuasa di Klang oleh Sultan Muhammad memperkenalkan orang-orang Cina, lalu membuka lombong bijih di bahagian utara sungai dan sungguhpun dia sendiri tinggal di Pengkalan Batu, tetapi dia telah meneroka Kuala Lumpur dan memungut pendapatan yang besar. Kejayaannya telah membangkitkan perasaan iri hati Raja Mahdi, kerana bapanya Sulaiman telah memerintah Klang sebelum Abdullah mengambil tempatnya, tetapi dia tidak mendapat apa-apa keuntungan daripada orang-orang Melayu dan orang-orang Cina yang bekerja mewakili industri perlombongan. Namun elauan bulanan daripada Raja Abdullah telah gagal mententeramkan Raja Mahdi dan permusuhan yang berlaku di antara orang-orang Bugis dan Mendeling di benteng Tok Bandar Yashi di Kuala Lumpur, telah memberikan peluang. Rasul seorang yang berasal dari Batu Bahara telah ditikam mati. Raja Abdullah tidak mengindahkan kejadian itu dan tidak menghukum sesiapa. Dengan itu, Muhammad Akib, ketua orang-orang Batu Bahara menawarkan perkhidmatannya dan orang-orangnya kepada Raja Mahdi untuk menentang Raja Abdullah. Ini merupakan satu tawaran yang dianggap oleh Raja Mahdi sebagai orang mengantuk disorongkan bantal.<sup>21</sup>

Tidak dinafikan catatan di atas mempunyai sedikit kebenaran. Pertama, keterangan tersebut didasarkan kepada tulisan seseorang yang keluarganya terlibat secara langsung dalam peperangan berkenaan, tidak termasuk kemungkinan terdapatnya sebab-sebab lain.

Sekiranya Raja Mahdi semata-mata didorong oleh perasaan iri hati maka tentulah beliau tidak akan menunggu kira-kira tujuh belas tahun untuk mencabar kewibawaan Raja Abdullah.<sup>22</sup> Juga tentulah bukan secara kebetulan maka kedua-duanya berkelahi sesudah Klang dipajakkan kepada Read dan Tan Kim

Cheng. Satu lagi sebab timbulnya peperangan itu dikemukakan oleh seorang penulis yang menyatakan:

... seorang saudagar Inggeris, yang terkenal dan dihormati oleh semua orang yang ada hubungan dengan Singapura, bersama dua orang rakan Cinanya memajak cukai di Sungai Klang dari Abdullah, seorang orang besar Selangor. Abdullah mempunyai hubungan dengan sultan melalui perkahwinan. Mengikut adat Melayu, putera raja dikecualikan daripada tol, seperti keluarga diraja di England. Tetapi pada suatu hari, Mahdi, anak saudara sultan telah menuntut hak ini, tetapi pemungut tol baru enggan mengakuinya. Kerana marah terhadap penghinaan ini, orang Melayu itu telah menyerang dan mengusir mereka termasuk juga Abdullah dari daerah itu.<sup>23</sup>

Umumnya catatan ini disokong oleh cerita lain yang berdasarkan rekod orang-orang Cina:

... perang di Klang meletus disebabkan oleh aktiviti Mahdi sebagai pedagang. Pada satu hari beliau mengimport dua peti candu yang hendak dijualnya kepada pelombong-pelombong di Kuala Lumpur, tetapi satu perbalahan berlaku berkenaan dengan cukai yang harus dibayar. Abdullah menuntut seratus ringgit, dan Mahdi pula mendakwa beliau telah membayarnya kepada pemungut cukai raja. Perbalahan ini mungkin telah memulakan pergaduhan.<sup>24</sup>

Dengan lain perkataan, perang tersebut secara langsung berpunca daripada soal cukai yang harus dibayar oleh Raja Mahdi.

Menjelang pertengahan bulan Mac 1867, Raja Mahdi telah menguasai Klang.<sup>25</sup> Percubaan Raja Abdullah untuk memperolehi semula kuasa itu tidak lama dan tidak berkesan. Dengan dua atau tiga buah sekuner dan beberapa orang Bugis, beliau mengepung Selat Klang lalu (Lembah Jin) — "semua perahu yang keluar masuk Selangor mereka kejar, mereka tembak dan mereka rompak". Bijih timah kepunyaan orang-orang yang tidak menyokong Abdullah tidak boleh dieksport ke Melaka; jadi saudagar-saudagar yang mempunyai hubungan perniagaan dengan orang-orang besar itu menghadapi kerugian. Perkaranya ini menyebabkan Raja Musa (putera Sultan Abdul Samad) yang pada masa itu memerintah Kuala Selangor berasa marah.<sup>26</sup>

Pada peringkat ini, Sultan Abdul Samad sendiri menaruh simpati kepada Raja Abdullah.<sup>27</sup> Ini tidaklah memeranjatkan kerana mereka sama-sama bertanggungjawab memajukan Klang kepada sindikit Read-Kim Cheng.<sup>28</sup> Dalam pada itu, Sultan Abdul Samad tidak pula secara terbuka menentang Mahdi.<sup>29</sup> Sikap bena tak bena yang ditunjukkan oleh raja dikatakan berpunca daripada hakikat bahawa pengepungan

Sungai Klang pada bila-bila masa boleh menguntungkan baginda kerana "bijih timah yang biasanya dibawa turun melalui sungai itu dibayar cukainya di Klang (Pencallan Batu) tetapi sekarang ini dibawa melalui Sungai Langat dan cukai dibayar secara langsung kepada sultan."<sup>30</sup> Bagaimanapun, dengan bekalan senjata yang lebih baik Raja Mahdi telah memenangi peperangan tersebut menjelang bulan Oktober 1867. Raja Abdullah dan puteranya Raja Ismail berundur ke Singapura untuk mengadu hal kepada Gabenor Cavenagh, tetapi dia diberitahu bahawa kerajaan Negeri-negeri Selat tidak mempunyai kuasa untuk campur tangan dalam hal-ehwal negeri-negeri Melayu.

Selama dua tahun berikutnya, Raja Mahdi bebas berkuasa di Klang. Sementara itu Raja Abdullah membuat persediaan untuk melancarkan satu lagi percubaan bagi merebut Klang. Tetapi sebelum sebarang langkah dapat dibuat, Raja Abdullah meninggal dunia dan dikebumikan di Teluk Ketapang. Raja Ismail berazam untuk merampas kembali Klang daripada Mahdi. Dengan kebenaran Sultan Abdul Samad, pada 17 Disember 1869 beliau memulakan peperangan dengan Mahdi.<sup>31</sup> Janda Raja Abdullah, Raja Lijah, dan anaknya, Raja Abdul Rahman juga pergi menemui Sultan;<sup>32</sup> "maka terjadilah ratap tangis dan akhirnya sultan berazam untuk membuat sesuatu meminta Tunku Dziauddin menyelesaikan perkara itu."<sup>33</sup>

Tunku Dziauddin (atau Kudin) ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin Halim Shah Kedah kahwin dengan Raja Arfah, puteri Sultan Abdul Samad, kira-kira dalam tahun 1867.<sup>34</sup> Kudin tinggal di Langat setelah perkahwinannya. Melihatkan menantunya tidak berbuat apa-apa sultan pun bertanya apa yang ingin dilakukannya. Kudin mengaku bahawa dia tidak mempunyai pengetahuan tentang perniagaan atau perdagangan tetapi dia mempunyai sedikit pengalaman mentadbir kerana dia pernah menolong abangnya, Sultan Kedah menjalankan pentadbiran kerajaan Kedah. Berikutnya Sultan Abdul Samad menyerahkan kepada Kudin tugas menolong mentadbirkan Selangor, khususnya Langat. Tetapi Kudin kemudiannya sedar bahawa kerana dia orang luar maka dia tidak dipandang tinggi. Oleh itu, dia meminta sultan memberinya dokumen bagi memperkuat kewibawaannya. Maka sepucuk surat diberikan kepadanya yang berbunyi:

Pada tahun 1285 Hijrah Nabi Muhammad s.a.w. pada 5 haribulan Rabiulawal bersamaan hari Rabu (26 Jan. 1868). Sekarang yang benar pada tarikh itu:

Beta Sultan Abdul Samad ibni Almarhum Tunku Abdullah, yang menduduki takhta kerajaan negeri Selangor Darulmakmur mengisytiharkan Tunku Dziauddin ibni Almarhum Sultan Zain Al Rashid telah menjadi putera kita. Dan sekarang beta isytiharkan kepada semua putera raja, orang-orang besar dan semua rakyat dalam pemerintahan negeri beta bahawa beta menyerahkan negeri dan segala jajahan takluknya kepada putera beta Tunku Dziauddin untuk diperintah dan dibukanya supaya terdapat ketenteraman bagi kita dan putera-putera beta, iaitu Raja Musa dan Raja Kahar dan Raja Yakob dan juga bagi semua anak negeri ini supaya mereka menerima keadilan dalam semua perkara. Dan putera beta Tunku Dziauddin diberikan kuasa untuk melakukan apa sahaja bagi memajukan negeri dan mendatangkan keuntungan kepada beta. Sesiapa pun tidak boleh menentang pemerintahan putera beta. Dan sekarang beta sahkan bahawa tempat ini, Langat sebagai anugerah beta kepada putera beta Tunku Dziauddin untuk dijadikannya tempat dia menjalankan tugas-tugas beta seperti yang disebutkan di atas. Inilah yang diisytiharkan. Maka selesailah sudah.<sup>35</sup>

Ketika surat ini ditulis, Sultan Abdul Samad berada di Klang; pentadbiran Langat terserah seluruhnya kepada Kudin. Kudin serta-merta menghadapi tentangan. Sebuah bot Melaka melanggar kewibawaannya dan Datuk Bandar Langat menyebelahi orang-orang Melaka. Kudin melaporkan perkara ini kepada sultan, dan dalam masa yang sama datang berita mengatakan ibunya sakit tenat, maka dia meminta kebenaran untuk pulang ke Kedah bersendirian. Keinginannya hendak pulang itu didorong juga oleh keperluan mengambil pengikut-pengikutnya sendiri disebabkan oleh penghinaan terhadap kewibawaannya di Langat. Beliau kembali ke Langat bersama 500 orang dan segera diberikan tugas menyelesaikan Perang Klang.<sup>36</sup>

Menjelang Kudin muncul di Kuala Klang pada 6 Mac 1870 tersama 250 orang-orangnya, Raja Ismail telah merampas kuasa kawasan tersebut daripada Raja Mahdi tetapi beliau bersetuju membenarkan Kudin mendamaikan pergaduhan itu. Tetapi, Raja Mahdi enggan mengadakan apa-apa hubungan dengan Kudin. Oleh itu, Kudin pun bersatu dengan Raja Ismail. Kudin juga membuat laporan kepada Sultan Abdul Samad dan memohon supaya 200 daripada 250 orang pengikutnya yang masih ada dihantar dari Langat. Dengan itu serangan ke atas Klang pun dimulakan.<sup>37</sup>

Menjelang bulan Mac 1870, Raja Mahdi terpaksa berundur dari Klang. Dia melarikan diri ke Sungai Buluh dan kemudiannya menyeberang ke Pahang di sana dia mengambil bahagian dalam satu kempen yang dipimpin oleh Wan Abdul Rahman,

anak bekas Bendahara (Wan Mutahir) menentang Bendahara Wan Ahmad di Raub.<sup>38</sup> Tetapi, menjelang bulan Juli 1870, beliau balik ke Selangor dan dengan bantuan Raja Hitam, orang besar Bernam dan Raja Ali, orang besar Jeram, beliau masuk ke kota di Kuala Selangor dan menguasai pungutan cukai. Raja Musa pergi ke Langat untuk mengadu kepada ayahnya yang mencadangkan supaya sebuah angkatan dihantar menentang Mahdi.<sup>39</sup>

Menjelang waktu itu Sultan Abdul Samad benar-benar telah bosan dengan Raja Mahdi. Pada 14 Juli 1870, baginda menulis kepada Gabenor Tanah Jajahan:

... sekiranya orang-orang dari Selangor atau dari Jeram atau dari Bernam datang ke negerinya dengan tujuan membeli beras atau senapang atau ubat bedil, Yang Maha Mulia seboleah-bolehnya hendaklah menghalang pembelian ini dan sekiranya mereka cuba berbuat demikian dan memohon pulang, kami telah mengawal muara tiap-tiap tiga batang sungai, dan sekiranya barang-barang itu dibawa maka kita berniat merampasnya.<sup>40</sup>

Pada 17 Ogos 1870, Sultan Abdul Samad memberitahu gabenor:

... putera kita Tunku Kudin telah mengahwini puteri kita dan mengenai segala sesuatu yang berkaitan dengan negeri kita beliau boleh juga mengeluarkan perintah atau menguruskan hal-ehwalnya.<sup>41</sup> Lebih kurang seminggu kemudian dia mengumumkan kepada semua orang-orang besar dan "orang-orang lain yang apa jua pangkatnya, baik orang asing ataupun yang dilahirkan dalam negeri" bahawa:

Kita telah memberikan kepada putera kita Tunku Kudin surat ini dengan mohor kita dan kita memberitahu rakyat sekalian bahawa dia telah mengambil tugas-tugas kita berhubung dengan mengalahkan Mendeling dan sekutu-kutunya. Semua orang yang tersebut di atas hendaklah mengikut perintah dan membantu putera kita, yang juga dilantik sebagai pemimpin semua orang asing daripada semua bangsa dan mereka ini dalam segala hal tertakluk kepada perintahnya. Jika mereka tidak patuh kepada putera kita dan mengikut arahnya dan menuruti kata-katanya, maka mereka akan kita anggap sebagai derhaka dan akan kita perlakukan sesuai seperti kehendak undang-undang.

Selanjutnya kita telah memberitahukan kepada semua orang Cina dan semua orang Melayu yang berdagang di kawasan pedalaman bahawa jika ada permintaan daripada pengikut-pengikut dan rakan-rakan Tunku Kudin maka mereka dan semua tauke hendaklah memberikan pertolongan dalam hal bekalan makanan, ubat bedil dan senjata.

Dan seterusnya kita mengumumkan bahawa tidak akan membenarkan sebarang tauke memberikan pertolongan dalam apa bentuk sekalipun kepada orang-orang Mendeling atau sekutunya. Sekiranya



kita menerima apa-apa maklumat bahawa mereka ada memberikan bantuan seperti itu, maka mereka akan dianggap bersalah kepada kita.

Dan sekiranya dengan kehendak Tuhan kekacauan ini diselesaikan, mengenai barang-barang kepunyaan orang-orang Mendeling akan dipulangkan kepada semua yang ada tersebut dalam perisytiharan ini, yang telah bersama-sama menanggung kesusahan bersama Tunku Kudin.<sup>42</sup>

Memanglah suatu gejala pada masa itu bahawa perebutan kuasa perlu bagi mendapatkan kekayaan ekonomi tidaklah terhad kepada ahli-ahli elit Melayu yang memerintah sahaja. Perasaan dengki dan persaingan sama sahaja hebatnya di kalangan ketua-ketua Cina, dan kekacauan meletus kira-kira pada masa yang sama. Sebab utama yang menimbulkan kekacauan itu diceritakan dalam terbitan-terbitan lain dan di bawah ini merupakan ringkasan sahaja.

Sebaik sahaja dia (Kapitan Liu Ngim Kong) meninggal (pada tahun 1868) orang-orang sekaumnya masing-masing menuntut menjadi Kapitan dan harta keluarganya. *Sejarah Pendek* mengatakan bahawa "Apabila berita itu diterima, suku-sakat Kapitan Liu dengan nama keluarga yang sama, Liu, Kon dan Chong berkejar ke sana menurut adat kekeluargaan dengan harapan akan dapat menjadi gantinya setelah majlis pengkebumian selesai". Ah Loy yang kembali ke Klang selepas berbicara dengan Lim, segera balik ke Kuala Lumpur untuk melaksanakan perintah-perintah mendiang Kapitan berkenaan dengan upacara pengkebumian. "Campur tangan" ini menyebabkan keluarga si mati marah. Mereka bukan sahaja membuat kecoh tentang penggantinya malah merampas perabot dan barang-barang Liu.<sup>43</sup>

Pada peringkat ini, Sultan Puasa, iaitu pemimpin Mendeling telah campur tangan untuk menyelesaikan kekecohan tersebut buat sementara waktu. Tetapi pada bulan Februari 1869, seorang ketua pelombong bernama Chong Chong tiba di Kuala Lumpur dari Lukut di mana lima belas tahun dahulu, dia telah memberikan kerja kepada Ah Loy.

Dikatakan bahawa:

... dari mula lagi, Ah Loy "menganggapnya sebagai musuh". Nama keluarganya menunjukkan bahawa dia salah seorang daripada keluarga mendiang Kapitan, dan dari tindak-tanduknya mungkin pula dia telah datang ke Kuala Lumpur untuk menyokong keluarga Liu yang tidak puas hati itu. Keluarga Chong dan keluarga Liu datang dari daerah-daerah yang berjiran di negeri China. Mereka biasanya sembahyang di kuil yang sama, dan dalam keadaan seperti ini mereka telah bersatu dan mempunyai perjuangan yang sama untuk mempertahankan hak masing-masing.<sup>44</sup>

Perselisihan kerana kepentingan peribadi dan keluarga ini tidak segera menimbulkan konflik.<sup>45</sup> Rusuhan hanya meletus dalam tahun 1869, apabila Yap Si dibunuh oleh Kah Yeng Chew di Kanching setelah dia menolak lantikan menjadi Kapitan Cina kerana menyokong Yap Ah Loy. Perhubungan di antara Fui Chew dan Kah Yeng Chew tidak pernah mesra. Pembunuhan Yap Si dianggap sebagai penghinaan terhadap Fui Chew dan pertarungan kekuatan tidak dapat dielakkan lagi. Setelah perediaan yang lengkap dan dengan bantuan daripada dua orang ketua Mendeling, iaitu Raja Asal di Ulu Klang serta Sultan Puasa, (kedua-duanya mempunyai tuntutan wang daripada Kah Yeng Chew) Yap Ah Loy membunuh musuhnya beramai-ramai di Kanching pada pertengahan tahun 1870-an.<sup>46</sup> Penglibatan orang-orang Mendeling dalam perjuangan Ah Loy mungkin mempengaruhi Chong Chong, yang telah bersatu dengan Kah Yeng Chew, untuk meminta bantuan Syed Mashhor dalam bulan Julai 1870<sup>47</sup>. Gabungan tentera mereka bertempur dengan orang Mendeling dan Fui Chew di Sungai Ampang dan Ulu Klang di antara bulan Ogos-September 1870 tetapi mereka mengalami kekalahan. Mashhor terpaksa berundur ke Hulu Selangor, sementara Chong Chong berundur ke Langat. Di sini penduduk adalah orang Cina terutama dari puak Kah Yeng Chew Hakka. Pengikut-pengikut Mashhor dan Chong Chong kemudiannya berkumpul semula di Hulu Selangor.<sup>48</sup>

Beberapa bulan di antara tahun 1870 dan tahun 1871, keadaan di Selangor boleh dikatakan aman. Menurut Raja Ismail: "Tengku Dia Oadin, saya dan saudara saya, tinggal dengan tenteram di Klang dan masing-masing menerima elaunnya dan kami tidak banyak berhutang".<sup>49</sup> Sebenarnya, keadaan ini hanya buat sementara sahaja; ketegangan masih belum hilang. Dan menjelang waktu yang sama jelaslah bahawa penyatuan kepentingan telah berlaku di antara pemimpin-pemimpin Melayu dan ketua-ketua orang Cina. Dulunya kekecohan yang berlaku di kalangan orang-orang Melayu dan di kalangan orang-orang Cina tidak mempunyai hubungan di antara satu dengan yang lain. Dalam pada itu, golongan orang yang menentang Kudin bertambah dengan pesatnya. Sokongan yang diterimanya daripada Sultan Abdul Samad pada tahun 1870 juga tidak menyenangkan putera-putera sultan yang bimbang dia akan mempunyai cita-cita yang terlalu tinggi. Dalam tahun-tahun berikutnya, perebutan berlaku di antara anak raja tempatan dengan Tengku Kudin untuk menguasai politik Selangor.

## *Perselisihan Tentang Pengganti di Perak dan "Peperangan" di Larut*

Perselisihan mengenai pengganti di Perak pada awal tahun-tahun 1870-an telah sedia maklum,<sup>50</sup> tetapi butir-butir yang terperinci tentang apa yang berlaku di antara 26 Mei 1871, semasa kemangkatan Sultan Ali dan 29 Jun 1871 semasa dia dikebumikan, tidak dicatat dengan jelas dalam hasil sejarah yang telah diterbitkan. Sebenarnya, terdapat cerita daripada orang yang menyaksikan peristiwa itu.<sup>51</sup>

Pada masa Sultan Ali sedang sakit di Sayong, antara yang hadir ialah kedua orang anaknya, Raja Othman dan Raja Omar, bersama-sama dengan tiga orang besar, iaitu Temenggung Paduka Raja, Sri Maharaja Lela dan Seri Nara Diraja. Berikutnya mereka disertai oleh Orang Kaya Balai Maharaja Lela. Apabila keadaan Sultan Ali bertambah tenat, orang-orang besar yang hadir itu memutuskan untuk menjemput Raja Muda Abdullah, Raja Bendahara Ismail dan orang-orang besar lainnya. Sepucuk surat yang mengandungi cap mohor Yang Dipertuan telah dihantar untuk menjemput Raja Abdullah tetapi raja berkenaan hanya berdiam diri tidak menjawabnya, walaupun setelah beberapa pesanan lain dibuat.

Kemungkinan ada dua sebab mengapa Raja Abdullah enggan hadir. Sudah dikatakan bahawa menjelang awal tahun 1871, pergeseran yang nyata telah berlaku di antara orang-orang besar di utara dan Raja Abdullah bersabit dengan hubungan perniagaannya dengan Edward Bacon. Dalam pada itu, beliau mendapat malu apabila isterinya lari mengikut orang lain. Peristiwa ini diceritakan dengan jelas oleh Swettenham.<sup>52</sup>

Kira-kira pada awal tahun 1871 Raja Daud, Saudara Raja Mahdi, tiba di Batak Rabbit, tempat bersemayam Raja Abdullah.<sup>53</sup> Swettenham menceritakan bahawa Raja Daud adalah:

... kira-kira sebaya dengan (Raja Abdullah, iaitu lebih kurang 30 tahun), tetapi dalam lain-lain hal terdapat perbezaan yang nyata di antara keduanya. Perawakan Daud menyenangkan, sangat pendiam dan penuh sopan santun; pemerhati yang kurang teliti mungkin tidak menyedari bahawa di sebalik sifatnya dia seorang yang cekal dan gagah. Tentang harta dunia sedikit sahaja yang ada padanya kerana dia tidak berkesempatan mendapatkannya, tetapi mengenai darjat beliau, hampir kalau tidak pun setanding dengan Raja (Abdullah).

Pada masa itu, Raja Abdullah sudah berkahwin dengan Raja Tipah, adik Sultan Ali.<sup>54</sup> Raja Tipah telah melahirkan dua orang

anak, Raja Mansur dan Raja Chulan. Swettenham sangat memuji kecantikan Raja Tipah:

Sangat putih . . . , tubuhnya lampai dan sangat menarik dengan tangan dan kaki yang kecil dan bermuka bujur sirih. Matanya jernih seperti perigi biru-putih berkilauan di mana terapungnya anak mata kehitam-hitaman seperti bunga teratai, ia bersinar-sinar dan mengoda penuh dengan ekspresi yang berubah-ubah di antara setengah pejam dan celik dilindungi pula oleh bulu kening yang hitam lagi panjang. Hidungnya kecil, lurus dan mancung; bibirnya melengkup tersenyum menunjukkan gigi yang putih lagi tersusun. Di kedua-dua pipinya ada lesung pipit, seperti kata orang-orang Melayu, dan lesung pipitnya ini mempesonakan hinggakan sesiapa yang melihatnya akan tergoda sampai mati. Rambutnya hitam berkilat menabiri dahinya yang berbentuk bujur sirih, terurai ke belakang dari atas kepalanya lalu disanggul dan ditusuk dengan empat tusuk berbatu delima.

Raja Daud dan Raja Tipah amat mengasihi antara satu dengan lain. Pada suatu malam mereka melarikan diri. Raja Abdullah tidak berusaha untuk mendapatkan semula isterinya, oleh sebab inilah beliau merasa sangat malu.

Setelah Sultan Ali meninggal dunia lebih daripada tiga hari, beberapa ramai orang-orang besar lain datang termasuk Perdana Menteri Paduka Sri Maharaja Ibrahim bin Jaafar, Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja, Sagor Diraja, Seri Adika Raja yang baru sahaja dilantik, Pemangku Panglima Bukit Gantang dan Raja Bendahara. Datuk Sogorlah yang memberitahu orang-orang besar yang berkumpul itu bahawa Raja Abdullah tidak akan datang dan ini disahkan oleh Maharaja Lela<sup>55</sup> yang diutus khas untuk menjemput Raja Abdullah. Setelah bertanggguh kira-kira sebulan, Raja Othman "memanggil semua orang-orang besar, hulubalang, penggawa, sida-sida, bentara, penghulu nais dan orang tua yang lain daripada kakitangan kerajaan". Setelah mereka semua berkumpul dia pun berkata:

Tiadalah mungkin menyimpan jenazah ayahanda beta lebih lama lagi, kerana menyalahi hukum Tuhan dan memalukan lagi manusia, maka marilah kita kebumikan dan menyerahkan negeri ini kepada Raja Bendahara kerana dialah yang paling tinggi pangkatnya daripada semua raja di Perak ini. Lagipun, dia orang tua dan selama dua orang raja yang telah memerintah beliau menjadi bendaharanya dan selama itu tidak pernah terjadi sebarang kekecohan di Perak. Kali ini tibalah masanya pula dan memang patutlah beliau memegang tampuk kerajaan. Semua raja yang telah menyandang jawatan bendahara di Perak apabila telah menjadi bendahara selama dua kali berturut-

turut, maka dia patut dijadikan sultan. Lagiptun, Raja Bendahara merupakan datuk kepada raja muda dan Raja Othman (pembicara) maka wajarlah bagi kami memuliakannya kerana dia sudah tua.

Cadangan Raja Othman telah dibincangkan oleh orang-orang besar dan semuanya "menyalahkan raja muda dengan mengatakan bahawa dia tidak layak memerintah kerana tidak pernah berbuat bakti terhadap negara". Raja Ismail telah dipilih dengan sebulat suara menjadi sultan dan memakai gelaran Paduka Seri Sultan Ismail Mu'abidin Shah. Pada 3 Julai 1871, Sultan Ismail menganugerahkan gelaran Raja Bendahara kepada Raja Othman. Selang beberapa hari setelah pemilihan dibuat, "tiba-lah Laksamana dan mengaku bahawa dia menyetujui perlantikan Sultan Ismail, dan dia akan melaksanakan semua perkara yang semestinya kepada sultan dan begitu juga Syahbandar".<sup>56</sup>

Setelah Raja Ismail menjadi sultan, Raja Abdullah nampaknya tidak berbuat apa-apa untuk menuntut haknya. Dia menetap di Purbayan (di Hilir Perak) dengan perasaan tidak puas hati.<sup>57</sup> Menurut laporan semasa menyatakan:

Sejak itu keadaan menjadi tenteram antara kedua-dua kumpulan tersebut. Raja Bendahara yang dahulunya tinggal di suatu tempat di hulu Sungai Perak bernama Blanja, telah pergi ke pedalaman melalui darat dengan tujuan yang dikatakan untuk mencegah agar lambang kuasa tidak jatuh ke tangan raja muda.<sup>58</sup>

Pada awal tahun 1872, Abdullah akhirnya mengambil langkah dengan menggelar dirinya Sultan Abdullah Muhammad Shah dalam surat-suratnya kepada Gabenor Ord dan Tengku Kudin.<sup>59</sup> Dua faktor telah memberikan kepadanya semangat untuk bertindak. Pertama, dia mendapat sokongan beberapa orang besar di Hilir Perak sejak pembunuhan Syahbandar oleh Panglima Semaun, dan ramai antara mereka yang tidak berse-tuju dengan perlantikan Raja Ismail. Raja Abdullah sangat bergantung kepada Haji Musa<sup>60</sup> yang kaya untuk mendapatkan nasihat. Haji Musa adalah bersaudara dengan Syahbandar yang terbunuh itu. Pada tahun 1864<sup>61</sup> tempat tinggal Haji Musa di Batak Rabit<sup>62</sup> telah diserang oleh Panglima Perang Semaun kerana Haji Musa telah cuba menuntut bela terhadap pembunuhan Syahbandar. Kedua, Abdullah selanjutnya "dirang-sangkan supaya bertindak oleh seorang yang bernama Bacon", yang bersama seorang lagi saudagar Pulau Pinang, kerana mereka telah lama berkehendakkan konsesi di Krian.<sup>63</sup>

Dalam sepucuk surat kepada gabenor, Abdullah menerangkan bahawa dia tidak dapat menghadiri pengebumian Sultan

Ali kerana “. . . beta pada waktu itu tengah uzur dan tidak boleh pergi”.<sup>64</sup> Oleh itu, orang-orang besar telah menyandarkan kerajaan negeri kepada Raja Ismail. Suratnya juga mengandungi cap mohor empat orang-orang besar (Syahbandar, Laksamana, Orang Kaya Balai, Maharaja Lela dan Datuk Sagor) yang mendakwa bahawa mereka tidak dapat menerima Raja Ismail sebagai raja kerana “Raja Bendahara bukannya daripada keturunan raja-raja Perak tetapi seorang Syed yang datang dari Siak dan kahwin di Perak”.<sup>65</sup>

Tidak kurang penting juga ialah permusuhan peribadi di antara Ngah Ibrahim dan Raja Abdullah. Semasa pemerintahan Sultan Jaafar, ayahanda Raja Abdullah, perhubungan di antara Yang Dipertuan dan Long Jaafar sangat mesra sehinggakan Ngah Ibrahim menjadi anak angkat Sultan Jaafar dan diakui sebagai saudara Raja Abdullah. Dikatakan juga bahawa Ngah Ibrahim sendiri selalu membawa hadiah dalam bentuk wang dan barangan kepada Sultan Jaafar. Oleh kerana perhubungan yang erat inilah maka sultan menyerahkan pentadbiran (dan juga pendapatan) Larut kepada Long Jaafar. Tetapi baginda meninggalkan perintah supaya Ngah Ibrahim menolong Raja Abdullah menaiki takhta pada satu hari nanti, dan mereka jangan sekali-kali bergaduh. Tidak lama setelah kemangkatan Sultan Jaafar, perselisihan faham timbul di antara Ngah Ibrahim dan Raja Abdullah. Ngah Ibrahim khuatir bahawa sekiranya Raja Abdullah menjadi sultan, Raja Abdullah akan meminta sebahagian besar pendapatan Larut kerana dia (raja muda) telah mempunyai tabiat meminta wang daripada Ngah Ibrahim.<sup>66</sup>

Antara kedua orang ini, nyatalah Raja Abdullah lebih agresif. Ini jelas dapat diperhatikan apabila kedua tokoh ini bertemu di Kuala Larut, pada 20 April 1872 di atas kapal perang *Pluto* kerana Ibrahim “. . . menunjukkan sedikit rasa hormat kepada raja muda yang membayangkan bahawa beliau tidak begitu pasti tentang kedudukannya dan tidak pula bersedia memperlakukan raja muda . . . sebagai seseorang dalam pemberontakan menentang kewibawaan kedaulatannya.”<sup>67</sup> Munshi Ibrahim mengatakan Raja Abdullah sebagai orang yang kecil tubuh badannya, berani, baik parasnya dan bijak. Kulitnya kehitam-hitaman, perangai semula jadi sentiasa gelisah dan bermata besar. Dia suka memakai barang yang cantik-cantik dan umumnya mempunyai pengetahuan yang luas. Ini dapat dilihat dari kata-kata dan aturan bahasanya”.<sup>68</sup>

Pada zahirnya Ngah Ibrahim tidak agresif dan dia mempunyai jiwa yang bebas. Dia mendakwa bahawa: “. . . adat di

Perak ialah bahawa orang yang paling gagah baik apa jua dakwaannya menurut kelahirannya akhirnya selalu diakui sebagai sultan . . . sekiranya saya ini daripada keturunan biasa dan mempunyai orang untuk menyokong saya, maka esoknya juga saya boleh dijadikan sultan."<sup>69</sup> Dia bercakap dengan menghina-hina Raja Abdullah: ". . . (dia) seperti telur itik yang dieram oleh ayam. Dia sebenarnya anak haram, dan Sultan Jaafar bukanlah ayahnya . . . Saya mengakui Abdullah sebagai raja muda (semasa) Sultan Jaafar masih hidup (kerana) dia memilih untuk mengakui Abdullah sebagai anaknya . . ."<sup>70</sup>

Pada 23 atau 24 April 1872, Raja Abdullah melancarkan percubaan yang lebih berkesan untuk merebut kuasa. Dengan kira-kira dua belas perahu dan lebih kurang 200 orang pengikut, dia berangkat ke utara mengikut pesisiran pantai dengan mendakwa hendak ke Pulau Pinang untuk merayu kepada gabenor kerana Pulau Pinang begitu dekat dengan Perak dan Perak seolah-olah di bawah perlindungan Inggeris. Beliau membawa sepucuk surat yang dialamatkan kepada gabenor dan surat itu mengandungi cap mohor empat orang-orang besar yang menyokongnya.<sup>71</sup> Surat itu selanjutnya diserahkan kepada Irving. Sebaliknya pula, Ngah Ibrahim mengatakan bahawa tujuan Abdullah sebenarnya ialah untuk pergi ke Krian kerana di sanalah beliau berharap akan dapat bertapak.<sup>72</sup> Dan laporan yang diterima di Pulau Pinang pada 24 April 1872 juga mengatakan Abdullah sedang menuju ke Krian untuk mengambil Krian dan meletakkannya di bawah jagaan Edward Bacon.<sup>73</sup>

Namun begitu setelah bertemu dengan Irving di kapal *Pluto* di Kuala Larut pada 25 haribulan, Raja Abdullah tidak meneruskan perjalanannya ke utara. Pada keesokan paginya, dia sekali lagi pergi ke kapal *Pluto* di mana dia menunjukkan beberapa pucuk surat kepada Irving dan antaranya ialah surat-surat daripada raja Kedah dan Tengku Kudin, yang merupakan surat balasan kepada suratnya. Surat-surat berkenaan menunjukkan bahawa mereka menyokongnya menjadi Yang Dipertuan.<sup>74</sup> Surat daripada Sultan Kedah "melahirkan dan meminta dengan bersungguh-sungguh supaya dia jangan terlalu berdukacita kerana alat kebesaran negeri berada dalam tangan Bendahara."<sup>75</sup> Abdullah juga menunjukkan kepada Irving sepucuk surat perjanjian yang dibuat di antaranya dengan Ngah Ibrahim semasa Sultan Jaafar memerintah yang tercatat bahawa kedua-duanya berikrar berwaad dan berteguh setia selama-lamanya.

Kira-kira pukul 3.45 petang pada hari yang sama, Raja Abdullah sekali lagi pergi ke kapal *Pluto* di mana beliau meminta

Munshi Ibrahim, iaitu jurubahasa Irving, supaya menuliskan sepucuk surat kepada Tengku Kudin meminta Tengku Kudin membalas suratnya. Dia mengatakan dengan tegas bahawa apabila dia balik ke Sungai Perak "nescaya jadilah gaduh". Dia juga meminta Kudin menghantar kapal perang ke Larut dan menanggung segala perbelanjaan sehingga ke satu masa di mana dia (Abdullah) boleh membayarnya semula. Dia kemudiannya menyuruh Munshi Ibrahim memberitahu Irving bahawa sekiranya dia (Abdullah) berjaya memerintah negeri Perak, maka dia bersedia melayan semua tuntutan kerajaan Inggeris. Dia juga tidak akan melupakan segala pertolongan yang telah diberikan oleh Munshi Ibrahim. Selagi Munshi Ibrahim hidup, dia akan diberikan pencen. Abdullah meminta Munshi mengikut kapal perang itu ke Perak.<sup>76</sup>

Dalam bulan-bulan yang berikutnya, Raja Abdullah terus mengadakan hubungan surat dengan pihak berkuasa Negeri-negeri Selat. Dia berasa optimis tentang hari depannya kerana pegawai-pegawai Inggeris sedang berusaha sedaya-upayanya<sup>77</sup> untuk mengadakan satu lagi pemilihan dan beliau berharap akan dipilih menggantikan tempat Raja Ismail.<sup>78</sup> Sepanjang tempoh ini, Raja Abdullah menggunakan cap mohor dengan ukiran gelaran Yang Dipertuan sementara di Larut dia secara terpaksa menggunakan *bendera putih* Sultan Perak.<sup>79</sup> Dalam bulan Julai 1872, Abdullah berada di Pulau Pinang dan beliau berikhtiar untuk mendapat sokongan saudagar-saudagar yang berminat terhadap konsesi di negeri Perak.<sup>80</sup> Menjelang bulan Ogos 1872 nyatalah pemilihan baru tidak akan diadakan.<sup>81</sup> Sungguhpun puak-puak *hilir* dan *hulu* saling bertentangan namun tidak terjadi pertempuran yang besar.

Gambaran di Larut sangat berbeza. Pada awal tahun 1872, pergaduhan timbul sekali lagi di antara pelombong-pelombong Cina.<sup>82</sup> Dikatakan bahawa:

... sebab perang Larut itu (tahun 1872) ialah perselisihan yang membara di antara Triad dan Tokong, (iaitu Ghee Hin dan Hai San, dua buah organisasi kongsi gelap yang besar) mengenai sempadan kawasan bijih timah di antara Kemunting dengan Klian Pauh. Ini ditambah dengan hubungan rapat di antara Lee Ah Kun dan seorang wanita daripada pihak Tokong di Klian Pauh yang kononnya dikatakan menjadi isteri kepada salah seorang keluarga Chang Keng Kui (Ketua Hai San).<sup>83</sup>

Telah dinyatakan bahawa sejak kekacauan tahun 1865, Hakka Fui Chew pada zahimya telah terusir dari Larut dan ramai



daripada mereka lari ke Kuala Lumpur. Tempat mereka dengan perlahan-lahan diambil oleh San Neng dari Pulau Pinang yang menjadi ahli kongsi gelap bernama Ho Hup Seah. Tetapi, sejak tahun 1861, Chen Sang menunjukkan bahawa mereka adalah kumpulan kongsi gelap yang paling kuat di Larut. Lama-kelamaan, mereka menjadi bertambah bongkak. Inilah satu lagi sebab teretusnya perang tahun 1872 di Larut.

Ketua San Neng (Ho Hup Seah) di Larut adalah seorang Cina dari Pulau Pinang bernama Ho Ghi Siu. Kedudukannya agak lemah kerana dia hanya mempunyai kira-kira 2000 orang pengikut sedangkan Hakka Chen Sang (Hai San) berjumlah kira-kira 10 000 orang. Disebabkan sikap Hai San, maka akhirnya Ho Hup Seah bergabung dengan Chee Hin bagi menentang Hai San. Seperti yang biasanya, Ngah Ibrahim membantu Hai San. Ramai yang tercedera dan terbunuh dalam peperangan itu. Gabungan Ho Hup Seah dan Ghee Hin dapat menghalau Hai San ke kubu Ngah Ibrahim di Matang dan akhirnya dari Larut. Pada peringkat ini, Ngah Ibrahim terpaksa bersetuju bekerjasama dengan Ho Hup Seah.<sup>64</sup>

Ini merupakan peringkat awal kekacauan di Larut pada tahun-tahun 1870-an dan kemudiannya menjadi bertambah kacau. Terdapat banyak bukti yang menunjukkan bahawa San Neng (Ho Hup Seah) merupakan salah satu daripada dua kumpulan penting orang Cina di Larut. Menyebut tentang rusuhan pertama pada tahun 1872, Ngah Ibrahim berkata:

Sementara Law Ah Sam menjadi pemajak, (iaitu pada permulaan berlakunya kekacauan), kira-kira 2000 hingga 3000 orang Cina datang dengan perahu dari Trong, dan lebih kurang 1000 orang lagi melalui darat. Dengan mengumumkan tujuan kedatangan mereka terlebih dahulu, mereka terus menyerang para pelombong.

Saya mendengar tentang beberapa laporan yang kurang jelas berkenaan dengan serangan tersebut, dan terdapat juga laporan yang bertentangan. Pada masa itu saya tidak tahu yang mana hendak saya percayai.

Orang-orang yang datang itu bukannya pelombong, melainkan datang dari Seberang Perai ke Krian di sebelah kawasan Melayu dekat Nibong Tebal lalu berkumpul di sana.

Saya bertanya, mereka ahli kumpulan mana dan mereka mengatakan mereka adalah tukang kayu dan tukang emas daripada suku kaum Ho Ghee Sew, Ah Chan, Guan Teh dan Tong.

Selama dua hari mereka menyerang rumah saya (yang diperbuat daripada batu bata), memecahkan gudang saya, membunuh sepuluh orang mata-mata dan mencuri bijih timah saya dan lain-lain lagi.

Saya menyangka semasa mereka datang itu mereka hanya akan

menyerang petani-petani dan pelombong-pelombong sahaja.

Mereka tidak dapat memberikan apa-apa sebab tentang penyerangan tersebut, dan berkata bahawa mereka hanyalah pejuang yang dihantar dari Pulau Pinang. Saya tidak tahu mereka menjadi ahli kongsi mana; setengah-setengahnya mengatakan mereka ahli Ghee Hin, yang lain-lain pula ahli Hap Sia (Kongsi Ho Ghee Sew) dan Hai San. Pada mulanya saya sangka mereka adalah rakan Law Ah Sam kerana dia menjadi ketua kongsi dan terdapat puaknya yang menjadi ahli Ghee Hin.<sup>85</sup>

Setelah San Seng memenangi peperangan awal, satu laporan Inggeris mengatakan: "... menteri yang dahulunya menjadi ahli Kongsi Hai San atau kongsi gelap, yang mana ahli-ahli kongsi ini terutama tergolong dalam kumpulan yang kalah, menarik diri dan memasuki Kongsi Habsya, dan ahli kongsi ini adalah terdiri daripada orang-orang Sin Heng."<sup>86</sup> Dan supucuk surat daripada Leftenan Gabenor Campbell kepada Setiausaha Tanah Jajahan (6 September 1872) yang merujuk kepada percubaan menikam Ho Ghee Siu di Pulau Pinang mengatakan dia sebagai ketua San Neng.<sup>87</sup> Orang kanan Ho Ghee Sin di Larut ialah Lee Ah Kun.<sup>88</sup>

Perlulah dinyatakan bahawa "peperangan" Larut pada awal tahun-tahun 1870-an melibatkan lebih daripada dua buah kongsi gelap. Tentang gabungan Ho Hup Seah — Ghee Hin telah disebutkan. Sementara itu, perlu pula disentuh tentang Toa Peh Kong, yang dikenali oleh ahli-ahli sejarah Tanah Melayu abad ke-19 kerana penglibatannya dalam rusuhan di Pulau Pinang pada tahun 1867. Kalau dibandingkan dengan kekacauan di Larut, peranannya tidaklah begitu besar. Sungguhpun sebelum ini telah dikatakan bahawa Toa Peh Kong sudah ada di Larut, mungkin ia hanya di kalangan beberapa orang Hokkien yang ada di sana, sejak kira-kira tahun 1861,<sup>89</sup> tetapi tidaklah boleh dianggap bahawa mereka telah mengambil bahagian yang aktif dalam "peperangan" Larut. Dalam tahun 1862, mereka mengancam hendak menyerang pelombong-pelombong Ghee Hin kerana pelombong-pelombong itu merayu kepada pihak Inggeris supaya campur tangan dalam hal-ehwal di Larut.<sup>90</sup> Tetapi pada tahun 1865, mereka bertindak sebagai orang tengah di antara Fui Chew dan Chen Sang walaupun mereka gagal mencegah pergaduhan sengit di antara kedua kumpulan itu.<sup>91</sup> Walaupun hubungan di antara Toa Peh Kong dan Ghee Hin di Pulau Pinang tidak pernah mesra sejak rusuhan tahun 1859 dulu, Toa Peh Kong tidak menyertai kekacauan Larut secara langsung sehingga bulan April-Mei 1873. Pada awal Mei 1873,

Raja Abdullah menghubungi Pulau Pinang dan menyatakan: "kita ingin memberitahu bahawa ketua orang-orang Cina puak Toa Peh Kong telah bersatu dengan Hai San dan menyerang orang-orang Ghee Hin . . . ." <sup>92</sup> Dan jawapan bertulis yang diberikan kepada Abdullah berbunyi, "kami terhutang budi kepada sahabat kita kerana menghantar maklumat ini. kami sudah pun mendengar tentang kedua-dua kongsi cina ini bergabung dan kini sedang menyiasat perkara tersebut" <sup>93</sup>

Setakat ini telah nyata bahawa empat buah persatuan Cina terlibat dalam kekacauan di Larut pada tahun 1872-73. Sebenarnya, terdapat persatuan yang kelima, iaitu Ho Seng. Menurut *Singapore Daily Times* bertarikh 12 Mac 1872, faktor yang membawa kepada meletusnya keganasan ialah pergaduhan di antara Ghee Hin dan Ho Seng. <sup>94</sup> Peranan Ho Seng dalam politik Larut masih lagi samar-samar. Persatuan ini tidak menarik perhatian di Perak sehingga bulan Oktober 1878 apabila ahli-ahlinya membunuh Kapten Lloyd, iaitu pentadbir Inggeris di Dinding. <sup>95</sup> Pusat sebenar Ho Seng ialah di Pulau Pinang, dan ia merupakan persatuan yang tidak aktif sehingga bulan Jun 1867 apabila mereka berbalah dengan Toa Peh Kong. <sup>96</sup> Tetapi apabila rusuhan meletus pada bulan Julai 1867, Toa Peh Kong berusaha sungguh-sungguh untuk memaksa Ho Seng berkecuali. <sup>97</sup> Tindakan Toa Peh Kong menunjukkan bahawa Ho Seng adalah sebuah persatuan yang harus diambil kira perannya dan selepas peristiwa tersebut hubungan di antara kedua-dua persatuan itu menjadi bertambah baik. Rekod yang ada tentang kekacauan di Larut tidak memberikan maklumat lanjut tentang persatuan ini selain daripada mengatakan ia menyokong Hai San dan Toa Peh Kong menentang Ho Hup Seah dan Ghee Hin. <sup>98</sup>

Warna bendera yang digunakan oleh puak-puak yang bergaduh juga dapat menolong menerangkan keadaan kongsi-kongsi gelap tertentu. Dalam rayuan yang dibuat oleh Teochew Krian (1 Ogos 1873) kepada pihak berkuasa Pulau Pinang ada dinyatakan bahawa Toa Peh Kong menggunakan bendera merah dengan tepian hitam <sup>99</sup> dan Ho Seng, bendera hitam dengan tepian putih. <sup>100</sup> Juga direkodkan bahawa orang-orang Ho Ghee Siu mengibarkan bendera hitam dengan tepian merah dan orang-orang Khaw Boo Aun <sup>101</sup> menggunakan bendera merah dengan tepian putih. <sup>102</sup> Penerangan tentang bendera-bendera yang digunakan oleh orang-orang Ho Ghee Siu ini menimbulkan komentar berikut:

Sedikit kesilapan telah berlaku dengan mengatakan bendera

hitam dengan tepian merah ialah bendera Ho Ghee Siu yang menjadi pemimpin Ghee Hin di Pulau Pinang dan benderanya di Larut tentulah sama dengan bendera Koh Bu An, iaitu merah dengan tepian putih".<sup>103</sup> Tetapi pengulas yang telah membuat silap kerana dia menganggap Ho Ghee Siu sebagai pemimpin Ghee Hin. Perbezaan antara bendera yang digunakan oleh orang-orang Khaw Boo Aun dan yang digunakan oleh orang-orang Ho Ghee Siu secara muktamad membuktikan bahawa Ho Hup Seng dan Ghee Hin tidaklah sama.

Maklumat yang terkandung dalam "Laporan Suruhanjaya Rusuhan" Pulau Pinang juga dapat memberikan penjelasan. Ketika merujuk kepada pertemuan Ghee Hin — Toa Peh Kong pada 2 Ogos 1867, Khoo Thean Teik, ketua agung Toa Peh Kong, menyatakan perbualannya dengan Boey Yoo Kong, *sin sehn* (setiausaha Ghee Hin):

Setiausaha menjawab, di sebelah sini bandar ini ada beberapa persatuan Ghee Hin, Ho Seng, Ho Hup Seah dan rumah mereka semuanya bercampur aduk.

Saya menyatakan bahawa di sebelah bandar ini juga ada beberapa buah persatuan, Ghee Hin, Ho Seng, Ho Hup Seah, Hai San dan Chin Chin; dan sekiranya kita bercadang untuk bertindak dengan hati yang bersih kita boleh menguruskannya.<sup>104</sup>

Persatuan Ghee Hin yang dinyatakan terbahagi pula kepada dua golongan. Mereka ialah orang Chin Chew, dan orang Macao dan selalunya apabila Toa Peh Kong hendak membuat aduan kepada setiausaha Ghee Hin tentang sesuatu kecurian, atau serangan yang dilakukan oleh mana-mana ahli persatuan tersebut ke atas ahli-ahli mereka, setiausaha Ghee Hin itu akan menyatakan bahawa dia orang Chin Chew, bukannya orang Macao dan kami diminta berjumpa dengan Wee Kee, dialah ketua Chin Chew.<sup>105</sup>

Oleh itu, pada suatu ketika apabila orang-orang Khaw Boo Aun dan orang-orang Ho Ghee Siu bersatu untuk menahan sebuah tongkang, tuan punya tongkang itu mengatakan bahawa "kesebelas buah perahu itu mempunyai orang-orang Macao dan orang-orang Teo Chew yang bersenjata, perahu besar membawa kira-kira 40 orang dan perahu-perahu kecil kira-kira 25 orang. Mereka semua membawa bendera yang berwarna merah dengan tepian putih, setengah-setengahnya tepian hitam dengan warna merah, yang lain-lain pula bendera putih dengan tepian merah".<sup>106</sup> Telah dikatakan bahawa bendera hitam dengan tepian merah adalah bendera Ho Hup Seah dan bendera merah dengan tepian putih pula kepunyaan orang-orang Khaw Boo Aun yang sebenarnya hampir semua-

nya orang Teochew. Bendera putih dengan tepian merah sebenarnya "Bendera Geng" Ghee Hin, yang digunakan juga oleh ahli-ahli Kanton dalam Ghee Hin. Selain daripada itu, ada lima jenis lagi kombinasi warna.<sup>107</sup>

Berdasarkan keterangan di atas, jelaslah bahawa kedua-dua puak yang berperang itu ialah gabungan Hai San, Toa Peh Kong dan Ho Seng yang terdiri kebanyakannya daripada Hakka Chen Sang dan Hokkien di satu pihak dan gabungan Hin-Ho Hup Seah, yang terutama terdiri daripada orang-orang Teo Chew dan San Neng di pihak orang lain. Daripada bukti-bukti di atas nyatalah juga bahawa kebanyakan orang Teo Chew bukannya orang Larut sebenar melainkan jiran di pesisiran pantai, contohnya Trong dan Seberang Perai.

Pergaduhan yang bermula di Larut merebak ke wilayah-wilayah lain Perak, dan tiap-tiap gabungan cuba menghalau puak yang satu lagi daripada semua kawasan perdagangan yang penting. Di antara bulan Mac dan bulan Oktober 1872, apabila Ho Hup Seah dan Ghee Hin berkuasa, peniaga-peniaga yang tergolong dalam gabungan lawan menanggung kerugian besar. Salah seorang daripadanya ialah Khoo Keong, seorang peniaga Hokkien yang mempunyai sebuah firma di No. 101, Beach Street, Pulau Pinang yang mempunyai hubungan dengan Toa Peh Kong. Sejak awal bulan Februari-Mac 1871 lagi, saudara Khoo Keong, iaitu Khoo Teik, telah memajak satu kawasan hutan di pedalaman Sapetang daripada Datuk Muda Rafur bin Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja "bertujuan menebang dan menggergaji balak untuk dijadikan papan dan barang-barang hiasan rumah yang lainnya". Pada bulan September tahun yang sama, pajakan itu dipindahkan kepada Khoo Keong yang telah mengeluarkan belanja permulaan sebanyak \$1,600-\$3,620 untuk pembinaan tiga buah rumah kerja, membersihkan tanah serta membuang halangan yang terdapat di beberapa tempat di Sungai Sapetang supaya balak dapat dihanyutkan. Sejumlah \$400 bayaran dibuat kepada Datuk Muda Rafur dan lain-lain; \$620 pinjaman kepada tiga puluh satu orang pekerja dari Pulau Pinang yang harus dibayar balik selepas setahun dan \$1,000 untuk mendapatkan pajakan berkenaan. Pada tahun 1872, Ngah Ibrahim sendiri pergi ke Sapetang dan mengepung Sungai Sapetang mungkin dengan hasutan Ho Hup Seah dan Ghee Hin. Berikutnya, sekumpulan 200 orang Melayu yang bersenjata, di bawah arahan Ibrahim, tiba di Hulu Sapetang dan merampas harta Khoo Keong yang bernilai kira-kira \$3,700.<sup>108</sup>

Pada bulan Oktober 1872, Hai San membuat serang balas dari Pulau Pinang dan berjaya menghalau Ho Hup Seah keluar dari Larut. Tetapi dalam bulan Disember 1872, Ghee Hin dari Pulau Pinang menyerang pantai Larut dan menawan Matang. Buat beberapa bulan dalam tahun 1873, keadaan menjadi buntu di antara pihak-pihak yang sedang berperang, dengan Ghee Hin dan Ho Hup Seah mengawal Kuala Larut sehingga Simpang dan Hai San berkubu di pedalaman. Di peringkat inilah Toa Peh Kong menyertai "Peperangan". Peniaga-peniaga yang menjadi anggota kedua-dua golongan yang menetap di Kurau, Gula, Kalumpang, Selinseng dan Sapetang, mula mengalami penderitaan di sebabkan oleh pembinasaan yang dilakukan oleh kedua pihak yang bermusuhan.

Pada bahagian awal tahun 1873, Ghee Hin dilaporkan melakukan pembuatan yang tidak senonoh terhadap Toa Peh Kong di Gula.<sup>109</sup> Sebagai balasannya, Toa Peh Kong dan Hai San dari Pulau Pinang pergi ke Gula "dengan 5 buah jong dan 6 atau 7 buah bot dan memukul serta merampas harta-harta dan kemudian membakar rumah-rumah" pedagang Ghee Hin. Mereka dikatakan telah membawa lari

. . . semua barang yang ada di sana, juga wang tunai berjumlah \$450 dan 200 tahlil candu, 2 koyan beras dan ubat, bekalan makanan yang berjumlah \$200 dan beberapa kotak yang berisi kain, baju dan seluar berjumlah \$250 serta perahu kecil sebanyak 50 buah.<sup>110</sup>

Kira-kira pada masa yang sama, satu serangan dibuat ke atas "candu, spirit, balak, cunam dan lain-lain tempat bercucuk tanam yang terletak di sepanjang pantai Gula" yang juga kepunyaan sekumpulan peniaga Ghee Hin yang menyewa tempat itu daripada Ngah Ibrahim kira-kira dua atau tiga tahun sebelumnya. Hai San dan Toa Peh Kong "membakar kampung itu menjadi abu setelah merampas barang-barang dan membunuh serta mencederakan semua penduduk yang sedang lari". Peniaga-peniaga Ghee Hin juga dikatakan telah ". . . menderita kerugian 6,000 dollar selain daripada 2,000 dollar daripada peniaga-peniaga di kampung yang bernama Kalumpang yang berhutang, di mana gudang-gudang mereka juga diserang, dan dibakar". Setelah kampung itu dibangunkan semula dan perniagaan dipulihkan oleh peniaga-peniaga Ghee Hin, Toa Peh Kong dan Hai San sekali lagi "menjahanamkan dan membakar seluruh kampung itu, dan menenggelamkan tongkang-tongkang yang pada waktu itu ada di sungai".<sup>111</sup>

Pada 12 Jun 1873, orang-orang Chang Keng Kui (Hai San)

menyerang ladang Khaw Boo Aun di Kalumpang dan Selinseng "merompak sejumlah \$3,500 dan membunuh 60 orang-orang Teo Chew".<sup>112</sup> Serangan terhadap Teo Chew ini mempunyai kesan terhadap Pulau Pinang, kerana semenjak tahun-tahun 1850-an "bekalan kayu api yang digunakan di Pulau Pinang diusahakan oleh orang-orang Cina yang tergolong dalam kelas Teo Chew di wilayah Kurau, terutama dari Sungai Gula, Kalumpang dan Sapetang. Mereka membayar cukai 40 atau 50 sen seperahu". Kekacauan tersebut menyebabkan orang-orang Teo Chew berpindah dari situ dan lebih 1500 orang daripada mereka kehilangan pekerjaan sehingga "kayu api untuk bekalan gula dan lain-lain estet, kapal wap, dan untuk kegunaan rumah di Pulau Pinang telah terganggu, dan menyusahkan para penduduk".<sup>113</sup>

Sebaliknya pula, Ghee Hin dan Ho Hup Seah yang mengawal kawasan di antara Kuala Krian dan Tanjung Piandang, menyerang bot-bot Melayu dan Cina yang membawa barang makanan dan bekalan kepada musuh mereka. Pada 23 Julai 1873, dua buah bot penangkap ikan Cina diserang dan dibawa ke Krian; pada 24 Julai, dua kumpulan orang Melayu diserang, satu di Tanjung Piandang dan yang satu lagi di luar Tanjung Piandang; pada 25 Julai, empat orang Melayu diserang di Kuala Krian; pada 26 Julai, tiga orang Melayu lagi diserang di Kuala Krian. Dua orang Melayu, iaitu Yakob dan Lebai Ali, yang menyewa sawah daripada Ngah Ibrahim di Tanjung Piandang juga diserang pada 25 Julai oleh sekumpulan orang Cina yang bersenjata. Kesemua orang Melayu dan Cina yang diserang ialah penduduk Pulau Pinang.<sup>114</sup>

Permusuhan di antara dua puak yang berperang sangatlah tegang hinggalah di Hilir Perak satu masyarakat kira-kira 60 pedagang Chin Chew dan lain-lain peniaga Hokkien, bersama-sama dengan keluarga mereka, yang sudah bertahun-tahun tinggal di sana diancam oleh Ho Hup Seah. Konon dilaporkan bahawa "Syahbandar Perak yang bertindak bersama-sama dengan Raja Muda Abdullah dan orang-orang Sen Ning" memerintahkan pedagang-pedagang meninggalkan wilayah tersebut. Oleh kerana takut nyawa mereka terancam, mereka sedia berbuat demikian tetapi merayu kepada kerajaan Inggeris supaya membenarkan kapal api *Avon* mengiring mereka sehingga mereka keluar dari kawasan Dinding atau Pulau Pangkor.<sup>115</sup>

Telah diketahui bahawa rebutan kuasa di antara puak-puak Cina di Perak melibatkan politik Melayu seperti yang berlaku di

Selangor. Jumlah orang Cina dan punca kewangan mereka yang banyak adalah faktor-faktor yang disadari sepenuhnya oleh Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim kerana semua ini akan mempengaruhiimbangan kuasa di antara puak-puak Melayu yang sedang bermusuhan. Dari tahun 1870, Raja Abdullah telah pun melibatkan diri dengan Ghee Hin. Ngah Ibrahim pula kecuali untuk suatu masa yang singkat di antara bulan Mac dan Oktober 1872, telah lama berhubungan rapat dengan Hai San. Gabungan orang Melayu dengan kepentingan politik Cina mengganggu sekurang-kurangnya seorang pegawai Inggeris. Tatkala membuat komentar tentang kepercayaan umum bahawa Ngah Ibrahim adalah ahli persatuan Hai San, dia berkata:

Saya tidak akan menjamin kebenaran cerita ini tetapi saya cenderung memercayainya sendiri. Saya tidak menyaki bahawa orang yang menyampaikan maklumat ini kepada saya hendak mengelirukan saya dan lagipun ini bukanlah kali pertama saya mendengar raja-raja Melayu menjadi ahli kongsi Cina. Sekiranya benar, perkara ini baik diperhatikan, kerana memperlihatkan rancangan politik yang mungkin akan timbul kerana sumber kekayaan semenanjung menarik ramai penduduk Cina ke kawasan-kawasan yang sekarang tiada penduduk.<sup>116</sup>

Kedudukan Raja Abdullah yang sering mendapat sokongan orang-orang Cina juga tidak menyenangkan sekurang-kurangnya seorang orang besar Melayu yang penting, iaitu Sultan Ismail. Ketika kekacauan mula-mula berlaku, Sultan Ismail pergi ke Bukit Gantang untuk mencuba mendamaikan pergaduhan tersebut.<sup>117</sup> Dia kononnya dikatakan pernah berkata "kita semua orang *Mussulman*, dan awak (Ngah Ibrahim) baiklah pergi menemui raja muda dan katakan kita semua akan bersatu untuk menghalau sesiapa yang mengengkar perintah kita".<sup>118</sup> Tetapi pada awal tahun 1873, barulah satu percubaan dibuat oleh orang-orang besar Melayu untuk bersatu. Pada bulan Januari tahun itu, Ngah Ibrahim mendapati Larut tidak lagi merupakan tempat tinggal yang selamat, lalu beliau berpindah ke Krian di mana Raja Abdullah sudah lama menetap di situ. Kedua-duanya telah mengadakan rundingan dengan Leftenan Gabenor Campbell di Pulau Pinang. Selepas itu Raja Abdullah memperoleh daripada orang-orang besar "cap mohor yang mengakui hak kita sebagai Sultan Perak dan jajahannya". Orang-orang besar yang menandatangani dokumen itu adalah putera Sultan Ismail (mungkin Raja Lop Ahmad),<sup>119</sup> Ngah Ibrahim, Orang Kaya Balai Maharaja Lela,



Laksamana, Syahbandar dan Datuk Sagor. Ketika menulis kepada gabenor, Raja Abdullah berkata "sekarang kita mempunyai kuasa yang cukup untuk pergi ke Larut dan menghentikan pergaduhan, akan tetapi di antara orang-orang yang membuat kacau itu ialah sebilangan besar rakyat sahabat kita dari Pulau Pinang, dan itu kita sangatlah risau bagaimana hendak menghentikan kekacauan tersebut tanpa sahabat turut bersama kita".<sup>120</sup> Oleh itu, Raja Abdullah pun memohon bertemu dengan gabenor dan "berharap seribu kali semoga sahabat-sahabat kita mahu menolong dan memberikan nasihat kepada syarat-syarat perjanjian (1826) di antara kerajaan Inggeris dan Perak". Tetapi menjelang awal bulan Januari 1873, pergaduhan antara Abdullah dan Ngah Ibrahim meletus semula lalu gagallah percubaan menyatukan orang-orang Melayu.<sup>121</sup>

Menjelang suku akhir tahun 1873, imbangan kuasa menjadi tergugat apabila Leftenan Gabenor Anson memberikan sokongan penuh kepada Ngah Ibrahim dan orang-orang Cina setelah percubaan untuk menyelesaikan kekacauan yang berlaku itu gagal. Dalam masa yang sama Kapten Speedy, Superintenden Polis Pulau Pinang, berasa kecewa kerana Gabenor Ord melantik Kapten Dunlop sebagai Pemangku Inspektor General Polis. Dia meletakkan jawatannya untuk bekerja dengan Ngah Ibrahim. Dia dikehendaki mengambil sipahi dari Calcutta untuk membolehkannya merampas Larut semula dan Kapten Speedy akan dibayar \$5,000 sebulan (gajinya di Pulau Pinang adalah \$2,400 setahun) kerana khidmatnya sendiri dan khidmat orang-orangnya.<sup>122</sup> Raja Abdullah dan rakan-rakan Cinanya yang terperangkap dalam arus politik yang berubah dengan tidak diduga-duga ini, memutuskan untuk bertindak balas. Menjelang bulan Oktober 1873, baginda mendapat pengakuan pertolongan daripada Tan Kim Cheng, seorang saudagar Singapura yang kuat.<sup>123</sup> Inilah yang merupakan penggerak segera ke arah Persetiaan Pangkor dalam bulan Januari 1874.

1. SSR, R39, Singapore to Fort William, 7 Sept. 1861.
2. GPMP, Braddell, "Second Continuation Report & c."
3. Ibid.
4. Tiada keterangan yang boleh dijumpai tentang saudagar ini.

5. SSR, F7, Datu Punghooloo Tua and Datu Punghooloo Muda, Johol, to Gov., 20 Sept. 1866. Untuk maklumat tentang kekacauan itu, lihat SSR, F7, Punghooloo Johol to Gov., 12 April 1865 & 27 Nov. 1865.

6. GPMP, Braddell, "Second Continuation of Report & c."

7. Ibid.

8. Sejarah dan adat Negeri Sembilan 1773-1961, m.s. 24-25, naskhah bertaip. Ini adalah kumpulan salinan pelbagai nota, catatan dan surat daripada nota peribadi almarhum Yang Teramat Mulia Tengku Besar Burhanuddin ibni Yamtuan Besar Antah. (Arkib Negara Malaysia.)

9. SSR, F7, Tunku Dziauddin to Gov., 27 July 1872, encl., Syed Ahman to Kudin, 21 July 1872.

10. GPMP, Braddell, "Second Continuation of Report & c."

11. Lihat Swettenham Papers, Item 72, "Pickering's" Journal: Singapore to Sungai Ujong, 4 Oct.-29 Nov. 1874; P.P., Sir A. Clarke to Carnavon, 29 Dec. 1874, encl. 18 Dunlop's Report of Proceedings as Commissioner in Sungai Ujong, 26 Nov.-15 Dec., 1874.

12. GPMP, Braddell, "Second Continuation of Report & c."

13. 40 gantang bagi setiap koyan beras; \$40 bagi setiap bot bertiang dua dan yang berisi bijih timah; \$20 bagi setiap bot yang bertiang satu; \$20 bagi setiap peti candu dan 20 sen bagi setiap pikul minyak.

14. Rayuan ini (19 April 1873) disiarkan sepenuhnya dalam buku Chelliah, "War in Negeri Sembilan", App. B(4).

15. Ini dibuat melalui pengaruh Tengku Kudin dan campur tangannya dalam hal-ehwal politik Negeri Sembilan akan dibincangkan dengan panjang lebar.

16. SSR, F7, Datuk Lela Maharaja (Haji Sahil) to Gov., SS, 8 Aug. 1873.

17. GPMP, Braddell, "Second Continuation of Report & c."

18. *Air kaki* adalah keturunan daripada ibu Naam, Penghulu Hulu Muar dipancing kepalanya oleh Raja Melewar. Konon dikatakan bahawa akhirnya Raja Melewar mengahwini anak Naam dan melantik saudaranya menjadi ahli rumahnya. (Lihat R. J. Wilkinson, *A Malay-English Dictionary*, London, 1859, bgh. 1, m.s. 496.)

19. Sejarah dan adat Negeri Sembilan, m.s. 24-25.

20. Untuk keterangan lanjut tentang perang ini lihat, J.M. Gullick, "The War with Yamtuan Antah", *JMBRAS*, jil. 27 bgh. 1, 1954.

21. Winstedt, "A History of Selangor", m.s. 19. Dalam bibliografi Winstedt ada tersebut Naskhah Sejarah Selangor oleh Datuk Amar Selangor, dikumpulkan pada tahun 1920. Manuskripnya telah diterbitkan dalam tulisan rumi. Lihat Abdul Samad Ahmad (ed.), *Pesaka Selangor*.

22. Satu perkara penting yang perlu diperhatikan ialah Raja Mahdi bukanlah raja yang dipecat kerana "pada masa Raja Dolah dijadikan Raja Klang, Raja Mahdi . . . memegang sebuah daerah kecil yang berdekatan". (CO 273/48, Anson to Kimberley, 14 July 1871, encl. E, Report by C.J. Irving, Auditor-General, on the state of Salangore District, n.d.)

23. Sir Peter Benson Maxwell, *Our Malay Conquests*, m.s. 32. Sir Peter Benson mempunyai hubungan dengan pentadbiran undang-undang di Negeri-negeri Selat dari 4 April 1856 hingga 26 Julai 1871. (Lihat Makepeace et.

al., *One Hundred years of Singapore*, jil. 1, m.s. 206-10, jil. 11, m.s. 431-34.) Beliau ialah sahabat karib Read (CO 273/36, Ord to Granville, 31 Jan. 1870).

24. Middlebrook, "Yap Ah Loy", m.s. 25-26.

25. SSR, G6, Deputy Sec. to Govt., SS to Raja Mahdi, 17 Mac. 1867.

26. SSR, F7, Raja Moosa to Gov. Cavenagh, 28 Mar. 1867.

27. Raja Ismail bin Raja Abdullah to Gov. Jervios, 28 Sept. 1867. Untuk teks surat yang lengkap lihat W. Jalleh, "Disorders in Selangor before 1874", disertasi B.A. Hons, U. Malaya, Singapura, 1965, Lamp. E.

28. Dalam sepucuk surat bertarikh 15 Oct. 1867, Sultan Abdul Samad memberitahu Gov. Ord bahawa ketenteraman telah dipulihkan di Klang dan baginda sekarang bersedia menimbang dan menyelesaikan dengan adil tuntutan sebarang rakyat Inggeris yang mengalami kerugian disebabkan oleh kekacauan kerana telah menanam modal di daerah lombong di Sungai Klang. Seorang Mr. Allen, ajen Read and Tan Kim Cheng, mengadap Sultan di Langat. Keputusan pertemuan itu tidak dapat diketahui. (SSR, G6, Ord to Sultan Abdul Samad, 5 Dec. 1867.)

29. SSR, F7, Toonkoo Puan to Gov., 11 May 1867. Dalam surat kedua (15 Jun 1867) dia berkata, "... kita tidak dapat berbuat apa-apa pun kerana sultan tidak akan menerima apa-apa nasihat yang baik, oleh itu, kita terpaksa meminta sahabat kita bertindak menurut cara yang difikirkannya baik kerana kesusahan yang menimpa ke atas diri kita dan pengikut-pengikut kita sangatlah berat, disebabkan oleh perbuatan Yamtuan, kerana dia melakukan semua kemalangan ke atas negeri kita . . ."

30. CO 273/94, Robinson to Hicks-Beach, 18 Jun 1878, encl. 2, Swettenham's memo, on the proposed retirement and pension to Tunku Dia Udin, Viceroy of Selangor, 8 May 1878.

31. Ibid.; Raja Ismail to Gov. Jervois, 28 Sept. 1876 in W. Jalleh, App. E; Winstedt, "A History of Selangor", m.s. 21-22.

32. Raja Ismail adalah putera Raja Abdullah dengan isterinya di Riau.

33. CO 273/94, Robinson to Hicks-Beach, 18 June 1878, encl. 3, Irving's memo relative to the proposed retirement and pension to Tunku Dia Oodin, Viceroy of Selangor, 11 May 1878.

34. Masih perlu diadakan penyelidikan selanjutnya tentang kehidupan awal Kudin dan kedatangannya ke Selangor. Cerita yang ada didasarkan kepada cerita Kudin sendiri seperti yang diceritakan kepada pegawai-pegawai Inggeris. Lihat khususnya, GPMP, T. Braddell, "Report of Proceedings of Government Relating to the Native States in the Malayan Peninsula, 18 Feb. 1874".

35. Versi Melayu surat ini masih lagi tidak dijumpai. Versi Inggeris terdapat dalam CO 273/48, Anson to Kimberley, 28 July 1871, encl. 5.

36. GPMP, Braddell, "Report of Proceedings of Govt. & c."

37. Ibid; CO 273/94, Robinson to Hick-Beach, 18 June 1878, encl. Swettenham's memo on the proposed retirement and pension to Tunku Kudin, op. cit.; Winstedt, "A History of Selangor", m.s. 22.

38. Winstedt "A History of Selangor", m.s. 21. Dari tahun 1857 berlakulah perang saudara di Pahang dan mengakibatkan kejatuhan Bendahara Wan Mutahir dan anaknya Bendahara Tun Koris. Musuh mereka, Wan Ahmad, saudara Wan Mutahir menjadi Bendahara yang baru.

39. *GPMP*, Braddell, "Report of Proceedings of Govt. & c."; SSR, F7, The Penggawa of Salangore to Tunku Kudin, 5 Aug. 1870.

40. SSR, F7, Sultan of Salangore to Gov., 14 July 1870.

41. SSR, F7, Sultan of Salangore to Gov., 17 Aug. 1870.

42. Orang-orang besar itu ialah Tengku Sutan, Raja Layang, Tengku Raja, Raja Mohammad Yusuf, Raja Perhimpunan, Raja Budul, Sutan Maharaja Lela, Sutan Jenaga, Sutan Besar, Menteri Gedong, Datuk Maharaja, Datuk Setia Raja, Datuk Maharaja Sudali, Haji Mohammad Salleh, Imam Perang Periuik dan Imam Perang Malim. (Lihat SSR, F7, Proclamation by Yang Dipertuan of Selangor, 25 Aug. 1870, sebahagian daripadanya dipetik juga oleh Winstedt, "A History of Selangor", m.s. 23 dengan satu kesilapan: "Raja Perhimpunan" ditulis "Raja Perempuan" dalam karya Winstedt.)

Pengisytiharan itu mungkin difikirkan perlu kerana sebilangan orang Cina sedang menolong orang Mendeling. Pada satu ketika dilaporkan bahawa sebuah perahu yang diketuai oleh seorang nakhoda Cina membawa empat orang ketua Mendeling dan mereka sedang mengangkut bijih timah kepunyaan Sultan Puasa, seorang ketua Mendeling untuk dijual ke Melaka. Laporan ini dibuat oleh Tengku Yusof, saudara Tengku Kudin. (Lihat SSR, F7, "T. Yusof to Colonial Secretary, Singapore, 9 Sept. 1870).

43. Middlebrook, m.s. 30-31.

44. *Ibid.* m.s. 32.

45. Middlebrook membuat beberapa kesilapan dalam ceritanya tentang kekacauan di Kuala Lumpur. Dia menganggap permusuhan kongsi gelap sebagai sebab sebenar bagi perselisihan itu, dengan mendakwa bahawa kalau tidak orang Cina di Kuala Lumpur dan Kanching "semuanya Hakka . . . dari bahagian yang sama di provinsi Kwantung", (m.s. 27), pada hal sebenarnya ada perbezaan besar di antara Fui Chew dan Kah Yeng Chew. Middlebrook selanjutnya terkeliru oleh kejahilannya tentang keadaan di Larut kerana dalam menghubungkan perpindahan orang-orang Fui Chew Larut ke Kuala Lumpur pada tahun-tahun 1860-an, dia berkata, "mereka merupakan tambahan yang disambut baik, sebagai ahli daripada golongan yang sama dan sebagai orang-orang yang berpengalaman dalam kerja melombong bijih timah dan pergaduhan. Mereka itu terbukti sangat berguna pada masa akan datang, sungguhpun ada perasaan kurang senang terhadap ahli-ahli Ghee Hin yang menjadi puak saingannya, menjadikan pergaduhan di Selangor kemudiannya lebih kejam", (m.s. 21). Sebelum ini telah ditunjukkan bahawa Fui Chew di Larut adalah ahli kongsi Ghee Hin dan pergaduhan mereka di situ bukanlah dengan Hakka Kah Yeng Chew tetapi dengan Hakka Cheng Sang. Perhatian yang ditunjukkan oleh Fui Chew Kuala Lumpur terhadap orang-orang di Larut merupakan petanda yang baik bahawa perhubungan dialek daerah kadangkala lebih kuat daripada ikatan perhubungan kongsi gelap. Namun, tidaklah diketahui sama ada Fui Chew Larut, terpaksa menukar pergabungan kongsi gelap mereka atau tidak semasa di Kuala Lumpur.

46. Middlebrook, m.s. 32-36, 44-54.

47. Syed Mashhor, seorang pejuang profesional dari Pontianak, dibawa ke dalam Perang Klang oleh Kudin dalam ekspedisinya menentang Raja Mahdi, mungkin dalam bulan Julai 1870. Tetapi tidak lama sesudah ekspedisi itu bermula, Syed Abdullah, saudara Mashhor telah terbunuh di Langat. Syed Mashhor menuduh Sultan Abdul Samad dan puteranya, Raja Yakob, yang

menyebabkan kematian saudaranya. Bersama orang-orangnya dia bersatu dengan angkatan Mahdi. (GPMP, Braddell, Report of Proceedings of Govt. & c.)

Middlebrook mendakwa bahawa perikatan Mashhor-Chong Chong berlaku dalam bulan Mac 1870 (m.s. 52), tetapi perkara ini tidak mungkin kerana beliau tidak berpecah dari Kudin sehingga selepas Raja Mahdi berpindah ke Kuala Selangor pada Julai 1870. Dan oleh kerana Middlebrook sendiri mengakui bahawa pembunuhan beramai-ramai di Kanching mungkin berlaku di antara bulan Februari dan bulan Jun 1870 maka bukti tersebut menunjukkan bahawa pembunuhan beramai-ramai itu berlaku kira-kira sebulan sebelum Syed Mashhor berpisah daripada Kudin akibat perpisahan itu akan mendorong pakatan di antara dua orang pemimpin berkenaan.

Untuk penerangan lebih terperinci tentang Syed Mashhor lihat F. Swettenham, *The Real Malay*, London, 1900, bab berjudul "A Silhouette".

48. Perikatan Mashhor-Chong Chong boleh juga dikatakan berpunca daripada hakikat bahawa setelah akhir tahun 1869, hubungan di antara Kudin dan Yap Ah Loy bertambah rapat. Tetapi angkatan mereka tidak bersatu dalam melakukan serangan sehingga bulan Ogos 1871 apabila serangan dilancarkan ke atas Syed Mashhor di Hulu Selangor.

49. Raja Ismail to Gov., 28 Sept. 1876 in W. Jalleh, App. E.

50. Cerita yang lengkap diberikan oleh Cowan, *Nineteenth Century Malaya*, m.s. 77-79.

51. Lihat SSR, G7, Temenggong of Perak to H.E. the Gov., 9 May 1871 with encl. Tarikh permakaman Sultan Ali tercatat dalam SSR, G7, Sultan Ismail to A.N. Birch, 17 Aug. 1871.

52. Lihat Swettenham, *Malay Sketches*, London, 1895, m.s. 179-91. Nama-nama palsu telah digunakan dalam cerita tersebut.

53. PP, Sir A. Clarke to Carnavon, 26 April 1875, encl. 1, Report of Acting Resident Perak (J.W.W. Birch, 2 April 1875).

54. SSR, G7, Temenggong of Perak to Gov., SS, 9 May 1872 with encl.

55. Tidak mungkin dipastikan "Maharaja Lela" yang dimaksudkan.

56. SSR, G7, Mantri of Laroot to Gov., 20 May 1872.

57. CMP, Irving's Memorandum relative to the Affairs of Perak, dengan rujukan kepada lawatan ke negeri itu dalam bulan April dan Mei 1872 dan perkara-perkara yang berlaku selanjutnya hingga 15 Jun 1872 bertarikh 24 Julai 1872.

58. SSR, G7, Irving's Memorandum relative to the present State of Affairs in Perak, 30 April 1872.

59. Ibid; SSR, G7, Sultan Abdullah to Gov., 21 Feb. 1872. Raja Abdullah memakai gelaran tersebut setelah dia bersama-sama Syahbandar Haji Musa dan seorang lagi, Raja Dayang, menyerang Raja Mahkota di Sungai Durian; di mana Raja Mahkota sedang memungut cukai bagi pihak Sultan Ismail, dan telah menghalaunya. (Perak Enquiry Papers, jil. 1, 1876, XXIIJ-Statement of Nakhoda Trang, 1 Sept. 1876.)

60. PP, Sir A. Clarke to Carnavon, 26 April, encl. 2, Clarke to Abdullah, n.d.

61. Puing kota yang mengelilingi rumah Musa masih dapat dilihat di Batak Rabit. Setengah-setengah penduduk di situ mendakwa bahawa dia mempunyai talian darah dengan Abdullah.

62. Swettenham, *Malay Sketches*, m.s. 124-46.

63. *CMP*, Irving's Memo on Perak, 24 July 1872, *CMP*, Sir A. Clarke to Kimberley, 24 Feb. 1874, encl., Skinner's Precise of Perak Affairs, 10 Jan. 1874.

64. "Ketika itu saya sakit dan tidak dapat hadir."

65. *SSR*, G7, Sultan Abdullah to Gov., 21 Feb. 1872. Patut juga ditegaskan bahawa bukan Raja Ismail sendiri yang datang dari Siak tetapi ayahnya.

66. Haji Muhammad Said (ed.). *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim*, m.s. 64, 75-76.

67. *SSR*, G7, Irving's Memo relative the present state or affairs in Perak, 30 April 1872. Lihat juga Munshi Ibrahim, m.s. 65-68.

68. Haji Muhammad Said (ed.), m.s. 69.

69. Perak Enquiry Papers, jil. 1, XXIII-Statement of Nakhoda Trang, 1 Sept. 1876.

70. *Ibid.*

71. Haji Muhammad Said (ed.), m.s. 66.

72. *Ibid*, m.s. 67.

73. *SSR*, G7, Geo. E. Evans to Capt. Speedy, 24 April 1872; Irving to Campbell, 24 April 1872.

74. Haji Muhammad Said (ed.), m.s. 68.

75. *SSR*, G7, Irving's memo relative to the present state of affairs in Perak, 30 April 1872.

76. Haji Muhammad Said (ed.), m.s. 68-70, 80.

77. Sebagai contohnya, Irving menulis, "tujuan saya dalam hal ini dan pada keseluruhannya adalah untuk membiarkan perkara ini terbuka di samping mendorong raja muda supaya menjalinkan hubungan yang baik dengan raja bendahara sekiranya pihaknya berjaya." Komentari Ord di pinggirnya ialah: "Betul" (*SSR*, G7, Memorandum relative to Perak Succession, 5 June 1872).

78. Sebab-sebab Inggeris menyebelahi Abdullah jelas diberikan oleh Irving: "Tentang penuntut-penuntut itu yang patut disokong demi kepentingan kerajaan saya fikir ialah, raja muda. Dia telah melahirkan hasratnya untuk memerintah negeri "cara orang-orang Inggeris" dan saya tidak meragukannya. Dia juga senang dihubungi kerana dia tinggal di Kuala. Yang seorang lagi itu tidak pernah saya lihat tetapi tentunya dia sudah tua dan tinggal di kawasan pedalaman. Saya juga tentulah dia orang Melayu biasa yang tidak praktikal daripada golongan tua. Selain itu dia memusuhi dasar kita di Selangor. Ini tidak diragukan lagi. Tunku Dziauddin mempunyai bukti bahawa bendahara menyokong Syed Mashhor dan orang-orang lain dan saya mendapat tahu bahawa Syed Mashhor tinggal di Kuntar (Kinta), iaitu tempat tinggal bendahara. Oleh itu, sekiranya kerajaan hendak menggunakan pengaruhnya (boleh dibuat secara diam-diam) dan berjaya membawa masuk raja muda, maka ini akan menguatkan kedudukan Inggeris di Selangor, dan mendapat seorang yang senang dipengaruhi di Perak serta dapat mewujudkan keadaan yang tenteram di sepanjang pesisiran pantai dari Kedah ke Johor." (*SSR*, G7, Irving's Memorandum relative to the present state of affairs in Perak, 30 April 1872.)

Pandangan-pandangan Irving pada waktu itu disokong oleh Gabenor Ord dalam mengendalikan hal-ehwal di negeri-negeri Melayu. Komentari pinggirnya tentang Memo Irving bertarikh 5 Jun 1872 itu mengenai soal Ganti Raja di

Perak (SSR, G7) adalah "Betul", "Inilah yang saya fikirkan", dan "Sudah tentu".

79. Wynne, *Triad and Tabut*, m.s. 272; Haji Muhammad Said (ed.), m.s. 68.

80. Wynne, m.s. 269.

81. SSR, G7, Irvi.ag to Col. Sec., SS, 8 Aug. 1872.

82. Keterangan lanjut tentang pergaduhan ini diberikan oleh beberapa penulis (C.S. Wong, *A Gallery of Chinese Capitans*, m.s. 72-77; Winstedt & Wilkinson. "A History of Perak", m.s. 82-90; Wynne, m.s. 265-88; Cowan, *Nineteenth Century Malaya*, m.s. 112-25; Parkinson, *British Intervention* . . ., m.s. 74-103); jadi keterangan sekarang tertumpu kepada aspek-aspek soal yang sampai sekarang tidak diketahui dengan jelas.

83. Wynne, m.s. 266.

84. Ini merupakan ringkasan tentang peringkat awal kekacauan seperti yang diberikan oleh Munshi Ibrahim, (Haji Muhammad Said (ed.), m.s. 63).

85. *CMP*, Sir A. Clarke to Kimberley, 24 Feb. 1874, encl. 6, Statements made by Tunku Menteri in reply to questions regarding affairs of Larut, 26 Aug. 1873.

86. *CMP*, Irving's memo, relative to the affairs of Perak & C., 24 July 1872.

87. *CMP*, A. Skinner, "Precis of Perak Affairs", 10 Jan. 1874.

88. Ahli-ahli Sejarah yang terawal telah terkeliru dengan mengatakan bahawa Lee Koh Yin (juga dieja "Lee Coyn" dan "Lee Coyen") ketua Ghee Hin Pulau Pinang (lihat Wynne, m.s. 275-76 dan Wong m.s. 72). Ini ialah akibat daripada percubaan membenarkan teori bahawa kekacauan di Larut dan rusuhan di Pulau Pinang pada tahun 1867 berkait rapat. Tetapi bukti yang diasaskan kepada satu versi ejaan nama orang, (iaitu Lee Coyn) dengan huruf rumi nyata sekali tipis kebenarannya terutama apabila versi-versi lain diperoleh dari semasa ke semasa. Tambahan pula, adalah mustahil bagi ketua tertinggi Ghee Hin Pulau Pinang menjadi orang bawahan bagi ketua Ho Hup Seah yang merupakan cabang Ghee Hin.

89. Lihat m.s. 134, nota 3.

90. Lihat, CO 273/15, Correspondence on the Larut Disturbances.

91. SSR, DD42, Loh Chong affidavit, June 1865.

92. SSR, G7, Raja Abdullah to Anson, 5 May 1873.

93. SSR, G7, Anson to Raja Muda, Perak, 20 May 1873.

94. Wee Choon Siang, "Ngah Ibrahim in Larut, 1858-74", m.s. 39.

95. Lihat CO 273, jil. 96 dan 98.

96. *PRCR*, evidence no. 9. Boey Yoo Kong.

97. *Ibid*, evidence no. 23, Teoh Ching Yen: "Saya tahu akan sepucuk surat yang ditulis oleh Beng Kwa, atas perintah Thean Teck (ketua Toa Peh Kong), kepada kongsi Ho Seng, meminta mereka berkecuali semasa perbalahan itu."

98. Wynne, m.s. 269.

99. Lihat juga, *PRCR*, bukti no. 1, Khoo Thean Teck yang menceritakan bendera perang Toa Peh Kong sebagai segi tiga dengan latar belakang merah dan berbingkai hitam.

100. Wee Choon Siang, m.s. 46; Wynne, m.s. 269.

101. Khaw Boo Aun adalah seorang pemimpin penting Ghee Hin Pulau Pinang. Untuk maklumat lanjut lihat m.s. 212.

102. Winstedt & Wilkinson, m.s. 86.
103. Wynne, m.s. 268.
104. *PRCR*, evidence no. 1—Khoo Thean Teck.
105. *Ibid*, evidence no. 35—Lim Beng Kwa.
106. *SSR, G7*, The information and Complaint of Eng Tan of Penang, 19 Aug. 1873.
107. *PRCR*, evidence no. 8—Boey Yoo Kong.
108. *SSR, G7*, Petition of Khoo Keong to Campbell, 26 July 1872 with encl. Lihat juga, Petition of Chew Tooat, Khoo Keong, Aong Aho, Hek Boon dan lain-lain kepada Lt. Gov., Penang, 12 Dec. 1873. Kesemua mereka ialah pedagang Hokkien Pulau Pinang.
109. *SSR, G7*, T. C. S. Speedy to Anson, 23 June 1873.
110. *Ibid*. Raja Abdullah to Anson, 17 June 1873.
111. *CMP*, Sir A. Clarke to Kimberley, encl. 6, Petition of Cheang Long Seng, Chin Guan Tek, Ong Pak Lin and Wen Goh Yong, residing in Bishop St., Penang, to Anson, 23 June 1873. See also C.S Wong, App. K., "The Chinese Paper of Khaw Boo Aun".
112. C.S. Wong, Lamp. K.
113. *SSR, G7*, Memorial of the Inhabitants of Penang to Lt. Gov., Penang, 2 July 1873. Memorial ini telah dimulakan oleh saudagar-saudagar dan peladang-peladang Eropah kerana di antara tandatangan yang terpenting adalah A. Brown, J.W. Vermont, Walter Scott, W.S. Paddy, A.B. Thompson dan Law Nairne. Saudagar-saudagar utama Cina, tidak kira ahli kongsi mana terpaksa ikut menandatangani. Antara mereka adalah Foo Tye Sin, Koh Siang Tat dan Ong Boon Teik.
114. *Ibid*, Extracts from Reports regarding piracies committed on British subjects by Chinese War Junks and Prows of the Sinnengs.
115. *SSR, G7*, Petition of Chew Tooat, Khoo Keong, Aong Aho, Hek Boon and others to Lt. Gov., Penang, 12 Dec. 1873 & 16 Dec. 1873.
116. *CMP*, Irving's Memo on Perak, 24 July 1872.
117. *SSR, G7*, Sultan Ismail to Lt. Gov., Penang 2 Sept. 1873.
118. *CMP*, Sir A. Clarke to Kimberley, 24 Feb. 1874, encl. 6, Statements made by Tunku Menteri in reply to questions regarding affairs of Larut, 26 Aug. 1873.
119. See Maxwell, "The History of Perak from Native Sources", 1884, m.s. 317.
120. *SSR, G7*, Raja Abdullah to Gov., 28 April 1873.
121. *CMP*, A. Skinner, "Precis of Perak Affairs", 10 Jan. 1874.
122. CO 273/67, Minute by Cox, 2 July 1873 in Ord to Kimberley (Tel.), 2 July 1873; CO 273/69, Ord to Kimberley, 14 Aug. 1873. Lihat juga J.M. Gullick, "Captain Speedy of Larut", *JMBRAS*, jil. 26, bhg. 2, 1953.
123. Pernyataan saudagar Negeri-negeri Selat dalam politik Melayu akan dikaji dengan mendalam dalam bab-bab berikutnya.



## Perikatan dan Kecenderungan Politik

Kalau pada tahun-tahun yang sebelumnya, rusuhan di negeri-negeri Melayu agak terhad, tetapi menjelang awal tahun-tahun 1870-an, kumpulan-kumpulan yang berselisih di setiap wilayah telah mula mencari sokongan yang lebih luas untuk menentang kegiatan musuh-musuh mereka. Pergelutan Mahdi-Kudin menjadi isu terpenting dalam politik Melayu yang melibatkan kepentingan beberapa orang besar-besar Melayu dari luar sempadan negeri Selangor. Sebaliknya pula, kumpulan-kumpulan yang bermusuhan dalam negeri Selangor sendiri, mengambil bahagian aktif dalam hal-ehwal negeri-negeri Melayu lainnya.<sup>1</sup>

Oleh kerana hal-ehwal di negeri Selangor menyediakan latar penyatuan yang berguna untuk sejarah negeri-negeri di barat semenanjung yang bergolak hebat pada zaman itu, maka wajarlah dimulai dengan mengkaji keadaan politik di Selangor pada awal tahun-tahun 1870-an. Perang Klang, yang bermula dengan Raja Mahdi dan orang-orang Mendeling di satu pihak dan Raja Abdullah, Raja Ismail serta pengikut-pengikut Bugis mereka di pihak lain, semakin luas merebak pada peringkat ini. Bukan Kudin dan orang-orang Kedahnya sahaja yang terlibat dalam serangan ke atas Klang pada bulan Disember 1869, Raja Ismail mengambil orang "Illanun dari Riau, lima enam puluh dari Buru, penyokong-penyokong lama dari Lukut dan orang-orang Bugis dari Kubu di Siak". Raja Sulaiman dari Sungai Raya, musuh Raja Bot, sebelumnya menyokong Raja Mahdi, tetapi sekarang menyerang Raja Ismail bersama-sama dengan orang Batu Baharanya.<sup>2</sup> Kudin berjaya mendapat sokongan kerajaan Tanah Jajahan secara tidak langsung. Hasil daripada lawatan Gabenor Ord ke Langat pada bulan Mei 1870, Kudin mulai menerima bekalan ubat bedil dari Sultan Abdul Samad yang

sebelum itu bersikap tak bena sahaja terhadap seluruh peristiwa ini.<sup>3</sup> Dan apabila Raja Mahdi, pada bahagian akhir tahun tersebut, merayu kepada pihak Siam supaya menghalang Tengku Kudin daripada campur tangan dalam politik negeri Selangor, Sultan Abdul Samad mempertahankan Kudin dalam sepucuk suratnya kepada Sultan Kedah:

Kita telah mendengar laporan bahawa Raja Mahdi telah mengadu kepada Raja Siam tentang Tunku Kudin tetapi semua itu tidaklah benar. Sekiranya saudara kita mahukan maklumat, saudara kita boleh menghantar balik surat kita ini. Berkenaan dengan perisytiharan Ketua Gabenor di Singapura yang saudara kita hendak lihat, maka kita kirimkan bersama surat ini.<sup>4</sup>

Pihak gabenor telah mengenakan pengaruhnya dalam politik negeri Selangor seperti yang dijelaskan dalam laporan Irving ini:

Saya percaya kesukaran yang pertama (sikap tidak apa Sultan Abdul Samad) telah dapat diatasi setelah lawatan Sir H. Ord ke Langat dalam bulan Mei 1870. Tunku Kudin memberitahu saya tentang perkara ini sebaik sahaja dia menerima bekalan ubat bedil daripada Sultan. Saya percaya bahawa lawatan gabenor itu mendorong sultan mengambil garis-garis polisi yang lebih pasti. Sehingga ini, dia nampaknya masih berbelah bagi kerana mengikut kata penasihat-penasihatnya yang berlainan pendapat.<sup>5</sup>

Pada permulaan tahun 1871, Raja Mahdi di Kuala Selangor dan Syed Mashhor di Hulu Selangor menguasai seluruh lembah sungai itu. Orang-orang Mendeling di Hulu Klang, Yap Ah Loy di Ampang dan Kuala Lumpur, dan Kudin di Pengkalan Batu, bersama-sama menguasai Sungai Klang. Walaupun sehingga tahun 1870, orang-orang Mendeling merupakan penentang utama gabungan Kudin-Raja Ismail, tetapi menjelang pertengahan tahun 1871, mereka telah bersekutu dengan puak Kudin. Ini dapat disimpulkan daripada hakikat bahawa Raja Asal, barangkali pemimpin terpenting daripada pemimpin-pemimpin Mendeling, telah menjadi sekutu Yap Ah Loy sehingga bulan April 1872.<sup>6</sup>

Pada pertengahan tahun 1871, Syed Mashhor dan Chong Chong sekali lagi menentang orang-orang Yap Ah Loy tetapi telah menerima kekalahan teruk setelah bertempur di Rawang.<sup>7</sup> Kira-kira pada masa inilah juga terjadinya peristiwa *Kim Seng Cheong*.<sup>8</sup> Laporan-laporan Kolonial menganggap peristiwa ini sebagai sesuatu yang sulit. Akibatnya, kesan-kesan yang mendalam daripada peristiwa ini akhirnya luput.<sup>9</sup> Pertama, perkara

yang harus dipertimbangkan dengan sungguh-sungguh ialah sama ada kerajaan Negeri-negeri Selat sebenarnya menggunakan peristiwa Kim Seng Cheong ini untuk menolong Kudin bagi menguasai Sungai Selangor. Nyatalah Kudin sedar bahawa tanpa bantuan tambahan dia tidak akan dapat menghalau Raja Mahdi dari Sungai Selangor. Untuk mencapai tujuan ini, dia berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapat lebih banyak tentera dari Kedah tetapi gagal.<sup>10</sup> Dan tidak lama sebelum peristiwa Kim Seng Cheong, dia telah merayu kepada pihak berkuasa Singapura supaya berhubung dengan Kala-home di Siam "berhubung dengan soal bantuan dari Kedah untuk meredakan kekacauan di Selangor."<sup>11</sup>

Menjelang tahun 1871, hutang Kudin bertambah banyak, sebahagiannya kerana peperangan dan sebahagian lagi kerana keborosannya sendiri. Hasil yang diperoleh daripada bijih timah sahaja di Sungai Klang dan Sungai Selangor dianggarkan hampir \$100,000 setahun, sebab itulah Kudin berhasrat menguasai Sungai Selangor. Oleh itu, usaha yang disengajakan oleh pegawai-pegawai Inggeris untuk mengesahkan Kudin sebagai Raja Muda Selangor dan menegakkan pengaruhnya di Sungai Selangor<sup>12</sup> haruslah dianggap sebagai penyertaan Inggeris dalam peperangan Klang. Dengan demikian sebarang keterangan mengenai peristiwa ini berdasarkan laporan Inggeris dapat dianggap sebagai pandangan yang berat sebelah. Keterangan tentang peristiwa yang sama oleh Raja Mahdi sendiri memang ada, tetapi tidak pernah diberikan perhatian yang sewajarnya. Selain daripada hakikat bahawa Raja Mahdi menuduh British melalui pasukan polisnya bertindak secara tidak adil dan menyebabkan kematian orang lelaki, perempuan dan kanak-kanak, dia juga menegaskan bahawa kerajaan Inggeris "telah bersatu dengan musuh saya" yakni Tengku Kudin.<sup>13</sup> Sedikit sebanyak kebenaran tuduhan Raja Mahdi itu dibuktikan oleh sepucuk surat Komandan Bloomfield, yang berbunyi:

Saya telah turut campur dalam perlantikan Tengku Kudin kepada kedudukannya sekarang, kerana dia dicadangkan oleh pegawai-pegawai Tanah Jajahan, dan dengan persetujuan saya, kepada Sultan (yang berhasrat menyerahkan kedudukan itu kepada puteranya, Raja Musa yang dungu) sebagai orang yang paling sesuai untuk memegang jawatan tersebut. Saya, bersama-sama Setiausaha Tanah Jajahan, menandatangani surat tauliahnya sebagai saksi.

Lebih penting lagi, "tuntutan-tuntutan ini dibuat dengan meriam "Teazer" yang dihalakan ke istana sultan, dan jawapan dituntut dalam tempoh dua puluh empat jam".<sup>14</sup>

Peristiwa ini juga mendedahkan hakikat bahawa pada ketika itu, di antara musuh-musuh Kudin terdapat seorang hulu-balang yang handal di semenanjung, iaitu Raja Mahmud<sup>15</sup>, putera Raja Berkat (Panglima Raja) yang tinggal di Sungai Selangor.<sup>16</sup>

Meskipun ada sokongan Inggeris, namun kedudukan Kudin masih juga tidak stabil setelah berlakunya peristiwa Kim Seng Cheong. Musuhnya masih ada di sekelilingnya. Raja Mahdi menempatkan dirinya di Sungai Bernam, Syed Mashhor tetap di Hulu Selangor sementara Raja Mahmud, yang paling akhir bertahan menentang Inggeris di Kuala Selangor, berundur ke dalam hutan di pedalaman Permatang.<sup>17</sup>

Pada bulan November 1871, Kudin diberitahu tentang berita daripada Wan Abdul Rahman<sup>18</sup> di Hulu Selangor bahawa "... kekecohan diduga akan berlaku di pedalaman Selangor dengan Ungku Chik dari Siak, kerana (Ungku) telah memerintah seorang Penghulu Jaffar menjadi ketua, dan tambahan pula adik Penghulu Jaffar sedang menghilir sungai dengan tujuan meminta ubat bedil daripada Ungku Long". Wan Rahman juga mendengar bahawa "Raja Mahdi bersama Syed Mashhor sedang bersiap sedia di kuala Sungai Bernam, dengan lima ratus orang". Oleh itu, Kudin diminta menghantar lima tong ubat bedil "dengan orang yang mula-mula sekali memudiki sungai" sekiranya ada.<sup>19</sup>

Pada peringkat ini, Kudin mempunyai seorang lagi musuh, iaitu Raja Musa, putera Sultan. Pendirian Musa sebelumnya mungkin tidak tentu. Bagaimanapun pegawai-pegawai tanah jajahan, mendakwa bahawa dia menyokong Kudin.<sup>20</sup> Sekiranya demikian, kepercayaan ini nyatalah tidak berasas disebabkan oleh sokongan terbuka yang diberikan oleh Inggeris kepada Kudin, kerana selain daripada percubaan positif yang dibuat untuk menegakkan pengaruh Kudin di Kuala Selangor selepas peristiwa *Kim Seng Cheong* dahulu, dengan terus terang Sultan Abdul Samad diberitahu bahawa wakilnya adalah Kudin dan bukan orang lain lagi. Kudin akan "menjalankan pentadbiran hal-ehwal seluruh negeri di antara Melaka dan Perak". Inggeris juga berjanji "menolongnya sekiranya ada rakyat yang cuba menentang kuasanya".<sup>21</sup> Jadi Musa, sebagai waris bagi takhta Selangor, mempunyai cukup sebab untuk mencurigai kuasa yang baru diperoleh Kudin, kerana khuatir dia mempunyai cita-cita yang terlalu tinggi.

Tidak lama sesudah peristiwa Kim Seng Cheong, Musa pun terus membina sebuah kota yang dikelilingi parit di Permatang,

Kuala Selangor. Mendengar hal ini, Kudin telah cuba menghalang kerja-kerja pembinaan itu. Musa menyatakan bahawa langkah ini semata-mata sebagai tindakan bertahan terhadap Raja Mahdi, Raja Mahmud dan Syed Mashhor yang berniat jahat terhadapnya. Kudin menerima penjelasan tersebut. Pada bulan yang sama, dia menyuruh Syed Zain<sup>22</sup> pergi ke Kuala Selangor untuk menawarkan kepada Musa kuasa memungut semua cukai import dan eksport di kawasan itu, membayar semua belanja kerajaan, dan menyimpan lebihnya, sekiranya ada, untuk kegunaan Musa sendiri. Nampaknya Raja Musa menjawab:

Bahawa dia keberatan menerima perintah daripada Kudin kerana Selangor adalah kepunyaan Yang Dipertuan, yang telah diberikan kepadanya kuasa memerintah. Tempat itu sekarang telah saya binasakan dan telah dibakar oleh seorang tentera Inggeris yang memusnahkan semua meriam di kotanya, dan dia sekarang meminta saya membayar belanja kerja-kerja membaiki seluruh kerosakan dan meminta ganti atas semua kerugian yang dialami.<sup>23</sup>

Sebaik sahaja kubu parit Musa siap, pada 21 Oktober dia menghantar saudara tirinya, Raja Indut, ke Bernam menerangkan kehendaknya "untuk menerima Raja Mahdi dan Syed Mashhor sebagai kawan".<sup>24</sup>

Kudin memutuskan bahawa sekiranya Musa "tidak mahu dipujuk maka terpaksa saya berusaha meletakkan Raja Yakob, juga putera Yang Dipertuan, sebagai gantinya, dan membuka perdagangan di situ". Dan seperti biasa, dia sekali lagi mengharap bantuan Inggeris. Dia menulis kepada Kolonel Anson, "Saya akan terhutang budi kepada sahabat sekiranya sahabat sudi menghantarkan saya seorang pegawai kerajaan, yang diberi kuasa untuk meletakkan putera-putera raja dan diri saya sendiri pada kedudukan kami yang sebenarnya supaya mereka tidak lagi derhaka dan cuba melawan kekuasaan saya".<sup>25</sup> Tengku Kudin kemudiannya berjaya menggantikan Raja Musa dengan Raja Yakob sebagai pentadbir Kuala Selangor.<sup>26</sup>

Tetapi Kudin adalah orang asing di Selangor. Sebagai orang dagang yang cuba mendapatkan kuasa, dia dibenci oleh anak raja tempatan. Sungguhpun pada tahun 1871, dia mendapat sokongan daripada Raja Ismail dan Raja Asal, tetapi dia sangat bergantung kepada orang-orang dagang. Setiausaha dan orang kanannya ialah Syed Zain<sup>27</sup> yang latar belakangnya tidak banyak di bincangkan. Orang percaya bahawa "latar belakang-

nya tidak baik dan dia seorang yang tidak boleh dipercayai".<sup>28</sup> Irving (Juruaudit Negara bagi Negeri-negeri Selat) pula, yang percaya kepadanya hanya berkata: ". . . barang apa jua yang dapat dikaitkan kepadanya dalam aspek-aspek lain, pada pendapat saya dia seorang yang pintar dan mempunyai kecenderungan untuk bermiaga".<sup>29</sup> Selain daripada Syed Zain, Wan Abdul Rahman dan Yap Ah Loy, semuanya orang luar, Kudin juga mendapat sokongan daripada seorang yang bernama Embok (Umbok) "Ketua sebuah masyarakat orang Pahang yang tinggal di Hulu Kancing". Orang inilah yang memberitahu Kudin tentang kesusahan Wan Abdul Rahman di Hulu Selangor. Embok dikatakan mempunyai lebih kurang 400 orang pengikut. Di kawasan yang sama Kudin juga mendapat sokongan masyarakat orang Melayu Minangkabau di bawah pimpinan Sheikh Mohamed Taib seorang yang bijak dan termasyhur di Larut.<sup>30</sup> Selain itu, Kudin menggaji sepasukan askar upahan daripada pelbagai bangsa. Ketua perangnya berbangsa Perancis bernama de Fontaine. Munshi Ibrahim yang bertemu dengannya mengatakan bahawa de Fontaine kacak dan muda, bermisai tetapi tidak berjanggut. Dia memakai baju berbintang-bintang emas dan membawa sebilah pedang. Fontaine nyatalah mempunyai kebolehan ketenteraan kerana menurut Kudin, dialah yang bertanggungjawab menawan Klang daripada Raja Mahdi.<sup>31</sup> Ada juga seorang tentera upahan bangsa Itali bernama Cavaliero. Swettenham yang mengenalnya mendakwa dia seorang yang "agak muda" tinggi, hitam dan kacak daripada bangsa orang Itali jati.<sup>32</sup> Di antara askar upahan itu ada juga seorang orang Belanda bernama Van Hagen, dikatakan menjadi "pegawai dalam tentera Netherland, dan telah kehilangan pangkatnya kerana melanggar disiplin, daripada keturunan bangsawan, sifatnya baik dan berani".<sup>33</sup> Di Kuala Selangor, Kudin mempunyai satu garisan yang terdiri daripada kira-kira 100 orang Benggali di bawah seorang ketua yang bernama Pennefather dan telah berkhidmat dengannya buat beberapa waktu di samping kira-kira tiga puluh atau empat puluh orang Melayu Kedah.<sup>34</sup> Mungkin ada lagi askar-askar upahan Eropah dan serani lainnya, seperti de Koek di Kuala Selangor pada tahun 1872 yang membantu de Fontaine.<sup>35</sup> Munshi Ibrahim telah memberikan pandangan umum tentang orang-orang ini. Orang-orang Eropah itu, katanya adalah orang-orang putih yang hanyut dan yang tidak dapat mencari pekerjaan di Singapura. Mereka ini dibayar oleh Kudin untuk memerintah *sipahi-sipahnya*. Sipahnya terdiri daripada orang-

orang India, Benggali (seperti orang-orang Punjabi) orang luar tempatan dan juga orang-orang Melayu. Setengah daripada mereka kelihatan kurus dan berpenyakit, manakala ada yang tinggi dan pendek. Mereka tidak memakai pakaian seragam. Munshi Ibrahim menganggap mereka sebagai satu kumpulan yang kotor dan tidak enak dipandang.<sup>36</sup>

Raja Mahdi sendiri pun mendapat sokongan luar. Beliau mendapat sokongan yang konkrit dari Perak pada tahun 1871, jika saudaranya tidak lari bersama isteri Raja Abdullah.<sup>37</sup> Klana Sending Sungai Ujong juga cenderung menyokong perjuangan Mahdi. Ini disebabkan Kudin terlibat dalam perbalahan sempadan di antara Selangor dan Sungai Ujong. Pada 26 Julai 1870, Kudin pergi ke Simpang untuk bertemu dengan Penghulu Rembau sedangkan hubungan Penghulu Rembau dengan Klana Sending sama sahaja tegangnya, juga disebabkan oleh perbalahan sempadan. Penghulu Simpang menegaskan bahawa "... Simpang ialah negeri kepunyaan kita orang Rembau, dan di sebelah kiri sungai (Linggi) adalah negeri sahabat kita orang (Inggeris) dan di sebelah kanan ialah negeri Selangor yang wujud sejak zaman-berzaman lagi.<sup>38</sup> Persahabatan Kudin dengan Penghulu Rembau, mahu tidak mahu telah menimbulkan dendam demi Klana Sending. Oleh itu, pada tahun 1871, Kudin sangat bimbang tentang kemungkinan wilayah-wilayah jirannya itu digunakan sebagai pangkalan untuk menentangnya. Dia meminta bantuan Inggeris, kononnya untuk membahagikan sempadan, tetapi sebenarnya untuk mengawasi sempadan wilayahnya. Dia menulis:

Kita ingin memberitahu sahabat kita berkenaan sempadan di antara Selangor dan Perak, sempadan di antara Selangor dan Melaka dan di antara Selangor dan Rembau serta Sungai Ujong yang mana kita tidak mempunyai pengetahuan yang pasti tentang sempadan-sempadan berkenaan. Sekiranya sahabat kita merasakan wajar bagi kita memperoleh seseorang pegawai kerajaan yang boleh dipercayai supaya datang dan memeriksa sempadan-sempadan tersebut agar dapat ditetapkan. Semoga nanti tidaklah timbul hadapan pegawai kerajaan kita perselisihan di antara pegawai-pegawai yang menjaga kawasan-kawasan tersebut.<sup>39</sup>

Seorang juruukur kerajaan, Calcott, dihantar menemui Kudin pada bulan November tahun 1871.<sup>40</sup> Hasilnya tidaklah diketahui. Tetapi mengingat sokongan terbuka yang diberikan oleh pihak Inggeris kepada Kudin, maka mungkin boleh dibuat kesimpulan bahawa ramai orang besar-besar Melayu tidak

mempercayai wasit Inggeris dalam hal-hal yang melibatkan Kudin.

Sementara itu, pada bulan November 1871, Syed Mashhor menyerang dan menangkap Wan Abdul Rahman, wakil Kudin di Hulu Selangor. Menurut Kudin, semasa Syed Mashhor menyerang benteng Wan Aman di Hulu Selangor, berlakulah pertempuran yang hebat. Wan Aman, Wan Da dan orang-orang besar Pahang lainnya telah bertahan dengan gigihnya. Ramailah orang yang terbunuh dan tercedera termasuk seorang yang bernama Tuan Chut yang ditembak di belakangnya. Apabila kekalahan tidak dapat dielakkan, Wan Da balik ke Pahang untuk mencari bantuan tetapi Wan Aman enggan berundur kerana takut orang-orangnya yang cedera itu akan dibunuh. Pada peringkat ini, Sutan Bangkahulu yang tinggal bersama-sama Wan Aman, berpaling tadah ke pihak musuh dan kerana inilah Syed Mashhor dapat menawan kubu tersebut. Wan Aman ditawan dan diberikan layanan yang buruk oleh Syed Mashhor dengan memberikannya makan bubur sahaja.<sup>41</sup>

Tetapi masih ada lagi satu masalah yang harus dihadapi oleh Kudin. Menjelang bulan Ogos 1871, terdapat berita angin yang menyatakan bahawa kapal Maharaja Abu Bakar yang bernama *Johor* telah disewa khas untuk menyerang kapal *Telegraph*, sebuah kapal yang selalu digunakan oleh Kudin untuk tujuan perdagangan. Di antara akhir tahun 1871 dan awal tahun 1872, Kudin menulis kepada Abu Bakar tetapi tidak mendapat jawapan. Semasa Munshi Ibrahim berada di Klang pada bulan April 1872, Kudin bertanya mengapa Abu Bakar tidak menjawab suratnya. Menurut Ibrahim Maharaja Abu Bakar telah menjawab surat itu tetapi sungguh aneh surat itu tidak sampai kepada Kudin. Secara diplomatik Kudin menjawab bahawa dia percaya Maharaja telah membalas suratnya tetapi mungkin hilang dalam perjalanan.<sup>42</sup> Menjelang waktu itu, jelaslah sebenarnya Abu Bakar menyokong Raja Mahdi.

Tahun berikutnya terbukti menjadi tahun yang penuh peristiwa dalam sejarah politik Selangor. Pada masa yang sama peperangan di negeri-negeri Melayu barat telah merebak, Kedah, Perak, Pahang, Johor dan wilayah-wilayah kecil Sungai Ujong dan Rembau, sekiranya tidak menyokong Mahdi atau Kudin, sudah berat memihak ke Selangor.

Keadaan ini bermula pada awal bulan Januari 1872 lagi. Jika Raja Daud dapat menyebabkan Raja Abdullah menentang Raja Mahdi, maka perkara yang sama juga terjadi terhadap Raja Ismail. Adalah dipercayai bahawa Ismailah yang merancang



peristiwa kahwin lari itu.<sup>43</sup> Pada bulan Januari 1873, Syed Mashhor dan Raja Daud mengunjungi Raja Ismail. Berita ini sampai kepada Raja Abdullah dan Raja Abdullah telah menghantar Laksamana Mohamed Amin dan seorang yang bernama Mohamed Amin dan seorang yang bernama Mohamed Latiff menemui Kudin untuk memberitahunya tentang kejadian tersebut.<sup>44</sup> Dalam suratnya, Abdullah menulis:

Kami menulis untuk memberitahu kamu bahawa Syed Mashhor dan Raja Daud adik Raja Mahdi berada dalam negeri Perak bersama Raja Bendahara (Sultan Ismail). Kami ada membuat penyelidikan tentang urusan mereka di Perak, dan apa yang mereka sedang rancangan bersama Raja Bendahara. Kami telah menerima keterangan yang sah berkenaan rundingan mereka, iaitu Syed Mashhor dan Raja Daud telah meminta pertolongan Raja Bendahara untuk menyerang Klang dan Selangor. Raja Bendahara bersedia pula menolong mereka, tetapi dia mahu mereka mengadakan perjanjian, yang dia (Bendahara) akan dilantik sebagai Yang Dipertuan, iaitu Sultan Perak dan dia akan membantu mereka (dari segi perbelanjaan) untuk berperang dengan Selangor dan Klang. Apabila telah nyata adanya perjanjian antara Raja Bendahara, Syed Mashhor dan Raja Daud, kita memberitahu sahabat tentang hal ini, kerana kita mahu menghentikan perbuatan orang-orang ini supaya kekacauan tidak terjadi. Kerana Raja Bendahara yang telah menerima Syed Mashhor dan Raja Daud ingin supaya kita merosakkan adat yang diperkenalkan oleh nenek moyang kita, sultan-sultan terdahulu, kerana hendak menjadi Yang Dipertuan . . . melainkan kalau sahabat kita dapat berbuat sesuatu untuk mencegah rencana mereka. Lagi pun Syed Mashhor dan Raja Daud telah menghantar kira-kira 50 atau 60 orang ke Perak, untuk menghalang bot-bot yang lalu-lalang di Sungai Selangor dan Klang, dan ini dilakukan dengan bantuan Raja Bendahara.<sup>45</sup>

Seperti pada waktu-waktu sebelumnya, suratnya diiringi oleh empat pucuk surat lagi yang ditulis oleh empat orang-orang besar (Laksamana, Syahbandar, Seri Adika dan Datuk Sagor) yang mengesahkan sokongan mereka terhadap Abdullah sambil mencela Sultan Ismail, Orang Kaya Menteri dan Datuk Temenggong, dan memberi amaran tentang kegiatan Syed Mashhor dan Raja Daud di Perak serta merayu supaya Kudin mempertimbangkan sungguh-sungguh serta menyasiat semua perkara yang tersebut serta "segera menolong kami dengan memberitahu semua hal ini kepada kerajaan Inggeris".<sup>46</sup> Surat keempat-empat orang-orang besar itu mendedahkan bahawa kesungguhan Raja Abdullah untuk bekerjasama dengan Kudin didorong bukan sahaja oleh hakikat bahawa Kudin memusuhi

Raja Mahdi, abang Raja Daud, tetapi juga oleh kesedaran bahawa Kudin mempunyai pengaruh terhadap pihak berkuasa tanah jajahan.

Menjelang awal tahun 1872, Raja Mahdi sendiri telah pergi ke Bengkalis di Siak.<sup>47</sup> Pada ketika ini, Kudin dalam kerumitan. Sheikh Mat Taib memberitahu bahawa "orang-orang Selangor tidak boleh diharap" kerana *anak raja* tempatan semuanya "sepakat bahawa, Tunku (Kudin) dan kita semua adalah musuh mereka".<sup>48</sup> Menjelang bulan Mac 1872, keadaan bertambah buruk. Raja Yakob telah cuba mengadakan penyelesaian dengan Raja Daud supaya ketenteraman dipulihkan di Selangor, tetapi gagal.<sup>49</sup> Penghulu Dagang melaporkan bahawa semua orang Cina telah menyebelahi Raja Daud dan sekutu-sekutunya,<sup>50</sup> dan Yap Ah Loy segera menolak sebarang tujuan untuk berlaku khianat.<sup>51</sup> Dalam pada itu, orang-orang Kudin bertempur dengan pasukan Syed Mashhor di pedalaman Selangor. Syed Zain menulis kepada J.G. Davidson<sup>52</sup> memohon 100 orang sipahi dan mengadu bahawa orang besar-besar Perak menolong Syed Mashhor.<sup>53</sup>

Menjelang awal bulan April 1872, Syed Zain yang telah membuat lawatan singkat ke Bengkalis untuk mengintip Raja Mahdi, pulang ke semenanjung dengan berita bahawa Raja Mahdi berada di sekitar Bengkalis dengan dua atau tiga tongkang berisi meriam, senapang, dan peluru. Mahdi dilaporkan mempunyai bekalan wang yang "mungkin sekali baki daripada yang dibawanya dari Pengkalan Batu pada kira-kira bulan Disember 1870 dalam bentuk wang kertas". Tongkang yang berisi senjata itu dipercayai dibeli di Singapura dengan pertolongan Maharaja Abu Bakar dan beberapa orang Cina Singapura. Mahdi malahan dikatakan telah menyertai Ghee Hin di Singapura.<sup>54</sup> Menurut Irving:

"Projek sekutu (puak Mahdi) nampaknya ialah supaya Mahdi menyeberang Selat dengan tongkang dan mengepung Sungai Kallang, sementara Syed Mashhor dan Raja Kahar serta Mahmud bergerak dari utara dan selatan ke daerah perlombongan Pengkalan Batu. Besar harapan rancangan ini akan berjaya".<sup>55</sup> Sekali lagi Kudin berpaling kepada Inggeris untuk bantuan. Setelah diberitahu tentang hal ini, Gabenor Ord segera menulis kepada Residen Belanda di Bengkalis:

... memberitahunya siapa dia Mahdi dan meminta supaya Mahdi dihalang daripada mencapai tujuannya. Pihak berkuasa Belanda kemudian mengambil langkah untuk menangkap Raja Mahdi dengan

tujuan menghantarnya kepada saya tetapi setelah Mahdi mendapat tahu hal ini dia lari meninggalkan keluarga dan orang-orangnya, termasuk dua buah tongkang yang penuh berisi senjata dan ubat bedil.<sup>56</sup>

Tongkang Mahdi dirampas oleh Belanda dan disimpan di Riau. Dari situlah kemudiannya tongkang-tongkang itu dihantar ke Singapura.<sup>57</sup> Mahdi berlindung di pantai barat Johor tetapi dijumpai kemudiannya. Maharaja Abu Bakar meminta pandangan Gabenor Ord yang "mencapai kesimpulan bahawa sekiranya (Mahdi) dibenarkan berlindung di Johor, maka persetujuan mungkin dicapai antaranya dengan Tunku Kudin yang menjamin agar Tunku Kudin tidak lagi diganggu orang-orang besar".<sup>58</sup>

Sementara itu percubaan-percubaan terus dibuat bagi mengadakan penyelesaian di antara Kudin dan Mahdi, Mahdi pindah ke Johor Bahru di mana beliau mendapat perlindungan, makanan serta wang pinjaman sebanyak \$30 dari Abu Bakar. Dalam penyelesaian yang dicadangkan, dua usul telah dikemukakan. Pertama, Mahdi hendaklah dibenarkan pulang ke Selangor dan Kudin hendaklah mempercayai Mahdi dan membenarkannya berkongsi mentadbirkan negeri. Keduanya, Kudin hendaklah memberikan pendapatan yang berpatutan untuk Mahdi dengan syarat Mahdi tinggal di luar negeri Selangor. Rundingan itu mengambil masa yang lama. Maharaja Johor bersetuju dengan cadangan pertama, sementara Kudin enggan menerima kedua-dua cadangan tersebut tanpa mempertimbangkan faktor-faktor lain. Satu soal yang mempunyai pertalian dengan tajuk perbincangan ialah soal siapa yang sepatutnya menjadi pengganti Sultan Abdul Samad. Irving mencadangkan kepada Kudin bahawa mungkin dapat "diadakan persetujuan bagi melantik salah seorang putera Raja Musa sebagai pengganti, dengan pengertian bahawa Tunku Kudin akan bertindak sebagai Pemangku Raja semasa putera Musa masih lagi kanak-kanak". Cadangan ini juga tidak mendapat persetujuan Kudin.<sup>59</sup>

Pada 14 Jun 1872, Kudin, Syed Zain dan Raja Ismail pergi ke Singapura untuk bertemu dengan Gabenor. Menjelang waktu itu, Kudin telah mengambil keputusan bahawa dia tidak dapat menerima Mahdi balik ke Selangor tetapi "dia bersedia memberikan kepadanya sara hidup dengan syarat dia tinggal di Johor dan dijamin oleh Maharaja bahawa dia tidak akan campur tangan dalam hal-ehwal Selangor". Mengenai soal pengganti, Kudin mengemukakan alasan: ". . . adat di Selangor (di mana

dinastinya daripada keturunan Bugis) berbeza daripada yang terdapat di Perak . . . menurut amalan tidak pernah dilantik Raja Muda sepanjang hayat sultan. Soal penggantinya dibiarkan sehingga masanya tiba apabila takhta dikosongkan".<sup>60</sup> Sungguhpun dia menegaskan bahawa dia sendiri tidak mempunyai cita-cita untuk naik takhta, tetapi kesungguhannya untuk menghalang Raja Mahdi, Raja Musa dan Raja Kahar daripada mendapat kuasa dalam negeri telah menimbulkan persaingan di kalangan anak-anak raja tempatan. Pada umumnya dia dikatakan menerima Raja Yakob, memandangkan Yakob yang paling bersopan santun di antara anak-anak Selangor yang lain. Kerana inilah juga, maka Kudin telah mengamanahkan kuasa memerintah Kuala Selangor kepada Yakob pada awal tahun 1872, kemudiannya menghantar de Fontaine untuk menggantikan Raja Yakob.<sup>61</sup>

Dalam perbincangan dengan Gabenor Ord pada 15 Jun 1872, Kudin mencadangkan wang bantuan berjumlah \$250 hingga \$300 sebulan untuk Mahdi, dengan syarat Raja Mahdi bersedia tinggal di Johor atau di sebarang tempat di bawah bidang kuasa orang Belanda atau di mana terdapat pegawai-pegawai Eropah dan melalui pegawai-pegawai inilah elaan tersebut akan dihantar. Tentang soal pengganti, Kudin meminta supaya Gabenor menemui Sultan Abdul Samad dan mendapatkan persetujuannya.<sup>62</sup> Tetapi permintaan itu mengingatkan kita kepada permohonan Birch kepada Sultan Abdul Samad pada tahun 1871 supaya melantik seorang wakil yang dapat diterima oleh pihak Inggeris dan orang itu ialah Kudin sendiri.

Mahdi, seorang yang cecal, menolak tawaran Kudin walaupun usaha-usaha berulang kali dibuat oleh Gabenor Ord dan Abu Bakar untuk menyuruh beliau menerima syarat-syarat tersebut.<sup>63</sup>

Setelah rundingan itu gagal, sekali lagi kekacauan berlaku. Konon dilaporkan bahawa Syed Zain memberitahu Abu Bakar tentang tujuannya hendak membuat persetujuan ". . . agar setiap hujung Selat itu diawasi oleh satu pasukan laut yang kuat untuk menawan Raja Mahdi dan kumpulan pengikutnya, dan meminta (Abu Bakar) membenarkannya (Syed Zain) mengawasi gerak-geri Mahdi di Johor".<sup>64</sup> Sungguhpun Abu Bakar tidak menaruh simpati terhadap Kudin tetapi dia sentiasa ditekan oleh pihak Inggeris. Oleh itu, Abu Bakar tidak mempunyai pilihan selain menyatakan bahawa dia bersedia membenarkan Kudin mengambil langkah-langkah berwaspada yang perlu. Dalam pada itu, Abu Bakar menulis sepucuk surat

kepada Gabenor menyatakan secara tegas "keinginannya agar Raja Musa jangan diganggu untuk memerintah Selangor, dengan yang demikian Tunku Kudin akan memerintah di Kallang".<sup>65</sup>

Tentu sahaja Kudin berasa tidak selamat. Semasa di Singapura beliau menulis kepada Gabenor memberitahunya bahawa:

... Tuan McAlister memberitahu Syed Zain di hadapan Tuan Davidson bahawa kapten sebuah kapal yang bernama *Argyle* telah memberitahunya bahawa orang-orang Raja Mahdi hendak membeli kapal tersebut dan membawanya ke Klang. Oleh itu nampaknya wajarlah kalau kita meminta sahabat kita mengedarkan satu notis melalui Negeri-negeri Selat tentang isi kandungan Akta 10, tahun 1839 yang menyatakan adalah menjadi satu kesalahan undang-undang untuk menolong orang yang ingin menentang kita": iaitu wakil Sultan Selangor. Sekiranya notis ini dikeluarkan akan gentarlah siapa juga yang ingin membantu membuat kekacauan menentang kita dan pada masa akan datang mungkin negeri ini akan tenteram.<sup>66</sup>

Meskipun terdapat tindakan berwaspada ini, namun pada bulan Julai 1872, Mahdi meninggalkan Johor lalu menuju ke Sungai Linggi. Di sana, dengan tipu helah Klana Sending, dia menemui saudara senegerinya, anak raja Selangor, yang telah memudiki sungai dengan lima buah sampan. Mereka disertai oleh sekumpulan orang dari Kampar (Sumatera) dan seorang Panglima Perang Periuk.<sup>67</sup> Menurut Gabenor Ord "sungguhpun tidak membawa orang, senjata ataupun sebarang bantuan dalam apa bentuk, namun kehadiran Mahdi itu sendiri nampaknya telah menaikkan semangat kumpulan itu dan serangan yang bertalu-talu telah dilakukan terhadap Tunku Kudin".<sup>68</sup> Pada 17 Julai, Raja Mahmud, Raja Larut (putera Sultan Muhammad), Raja Berkat, Raja Indut dan Teoh Ah Chong<sup>69</sup> bersama 300 orang yang dikumpulkan dari Langat dan Lukut menyerang Batu dan Gombak serta membunuh empat orang Cina dan mencederakan lapan belas orang yang lain. Tempat-tempat ini telah dimusnahkan semua sekali termasuk rumah dan lombong. Kemudian mereka membina benteng di kawasan tersebut. Konon dikatakan mereka mendapat makanan, alat senjata dan wang dari Langat. Empat hari kemudian, Syed Mashhor melancarkan serangan ke atas Kuala Lumpur. Beliau mendapat makanan dan senjata melalui Bernam. Sebenarnya bekalan tersebut datang dari Pulau Pinang. Perkelahian berterusan selama kira-kira sebulan sebelum bandar itu jatuh ke tangan Syed Mashhor dan kedua-dua orang Eropah di situ, Calvaliero dan Hagen terbunuh. Kudin merayu kepada pihak

Inggeris supaya jangan lagi mengeluarkan pas kepada bot-bot dari Melaka, Pulau Pinang dan Singapura yang hendak ke Bernam, Sungai Selangor, Langat dan Lukut.<sup>70</sup> Menjelang bulan Ogos 1872, puak Mahdi telah menawan Sungai Selangor dan kawasan bahagian hulu Sungai Klang. Kudin hanya menguasai Kuala Klang dan Pengkalan Batu.<sup>71</sup>

Tetapi ketika ini, Pahang telah bersedia menolong Tengku Kudin. Apabila Wan Da balik ke Pahang setelah Hulu Selangor jatuh pada bulan November 1871, dia menemui bapa saudaranya, Bendahara Wan Ahmad yang ditentanginya buat beberapa tahun dahulu, sambil meminta ampun serta menyerahkan sepucuk surat daripada Tengku Kudin yang meminta bantuan Pahang untuk melawan musuh-musuhnya. Tengku Kudin bersedia menerima sebarang syarat yang dikenakan. Wan Ahmad sanggup menolong asalkan diperoleh kelulusan daripada kerajaan Negeri-negeri Selat. Haji Muhammad Nor bin Haji Abdul Hamid ditugaskan menyampaikan surat balasan bendahara kepada Kudin. Dia dipilih kerana mempunyai ramai saudara-mara di Selangor, di antaranya ialah Imam Perang Mat Akil dan Muhammad Saman. Kedua-dua tokoh ini menyokong Tengku Kudin. Dia jugalah ditugaskan membawa surat daripada bendahara kepada Gabenor Ord.

Di Klang, Haji Muhammad Nor bertemu dengan Raja Asal, ketua semua orang Mendeling yang tidak tahu tentang tujuan Pahang hendak membantu Kudin. Raja Asal meminta supaya dia dibenarkan membeli beras dan ubat bedil dari Pahang untuk peperangan menentang Kudin. Dia sanggup membayar \$30,000 sekaligus dan setelah memperolehi kemenangan akan membayar \$1,000 tiap-tiap bulan buat selama-lamanya. Yang anehnya, Haji Muhammad Nor bersetuju dan setelah itu pergi ke Pengkalan Batu untuk menyerahkan surat bendahara kepada Kudin. Menjelang waktu itu, orang-orang Mendeling dan penyokong-penyokong Mahdi yang lainnya sudah bersedia untuk menyerang Tunku Kudin yang serta-merta pergi ke Singapura. Raja Deraman diminta menguruskan hal-ehwal Klang. Oleh itu, Raja Deraman terpaksa mengatur pemergian Haji Muhammad Nor ke Singapura. Pertemuan dengan Kudin berlangsung bersama dengan Syed Zain dan J.G. Davidson. Haji Muhammad Nor juga memberitahu Kudin bahawa dia telah membuat perjanjian untuk membekalkan beras dan ubat bedil kepada Raja Asal dan orang-orang Mendeling sudah berkira-kira hendak menyerang Pengkalan Batu. Dia juga meminta kebenaran pulang melalui Klang supaya dapat memungut

\$30,000 dari Raja Asal. Kudin meminta supaya Haji Muhammad Nor jangan terlalu mementingkan janji-janji Raja Asal. Pahang akan memperoleh beberapa ratus ribu ringgit lagi sekiranya dia mencapai kemenangan. Kudin dan Davidson kemudiannya membawa Haji Muhammad Nor menemui Sir Harry Ord.<sup>73</sup>

Gabenor telah diberikan beberapa sebab mengapa Bendahara sangat berhasrat untuk menolong Tengku Kudin. Pertama, Wan Ahmad berasa malu kerana Syed Mashhor berjaya menawan Wan Abdul Rahman. Kedua, ramai orang-orang Rawa dan Mendeling yang telah memberontak di Pahang berselindung di Selangor dan dari Selangor telah membuat serangan kilat terhadap Pahang. Pahang tidak akan aman selagi orang-orang ini tidak dikalahkan.<sup>73</sup> Ketiga, bantuan dari Pahang merupakan satu-satunya harapan Kudin untuk bertahan di Klang. Selain daripada itu, simpati Maharaja Abu Bakar terhadap Mahdi juga merupakan sebab-sebab yang kuat bagi Wan Ahmad menyokong perjuangan Kudin. Selama beberapa tahun, anak-anak Wan Mutahir, iaitu Wan Abdul Rahman dan Wan Da telah cuba merampas kembali Pahang. Wan Ahmad membabitkan kegiatan-kegiatan ini dengan muslihat ipar mereka, Abu Bakar. Rayuan Kudin selanjutnya disertai dengan dorongan kewangan kerana dia berjanji bahawa: "... sekiranya Klang dan Selangor diperoleh dengan bantuan Wan Ahmad, dia akan menyerahkan Klang dan Selangor kepada bendahara, untuk dibuat sesuka hati. . . ."<sup>74</sup>

Sir Harry Ord memberikan kelulusan tidak bersyarat kepada permintaan bendahara dan selepas rundingan singkat di antara Muhammad Nor, Kudin dan Davidson di rumah Davidson, Syed Zain menyewa khas sebuah bot untuk Haji Muhammad Nor ke Pahang dengan membawa sepucuk surat daripada Gabenor yang memberitahu maksudnya hendak berkunjung ke Pahang. Pertemuan di antara Ord dan Bendahara sangatlah mesra. Bendahara bermegah dengan mengatakan bahawa sekiranya dia diberi dua buah lagi negeri Melayu, beliau masih lagi terdaya menghadapi keadaan kekacauan tersebut, tetapi dia mengaku bahawa tidak dapat menandingi orang-orang Eropah.

Haji Muhammad Nor sekali lagi dihantar membawa pesanan. Kali ini membawa surat untuk datuk-datuk di Hulu Pahang yang diperintahkan supaya mengumpulkan orang-orangnya bagi persediaan untuk menyerang Klang. Sementara itu Kuala Lumpur telah mula diserang oleh musuh Kudin. Orang-orang Kudin di bawah pimpinan Imam Perang Mat Akil dan Wan Da telah terkepung. Kudin berkejar ke Pahang diiringi oleh Syed

Zain dan Raja Ismail. Kudin mengakui di hadapan Bendahara bahawa tanpa pertolongan Pahang, dia tidak dapat bertahan. Kudin juga meminta bantuan kewangan dan permintaan tersebut disetujui oleh Bendahara.

Orang-orang Pahang yang berjumlah 2500 orang di bawah Imam Perang Rasu,<sup>75</sup> Orang Kaya Syahbandar, Orang Kaya Chenor dan Haji Muhammad Nor, berkumpul di Bentong. Mereka dikehendaki mara ke Hulu Klang dengan 3000 atau 4000 orang lagi akan mengikuti kemudiannya. Tetapi ekspedisi pertama ini tidak diatur dengan baik. Apabila pasukan hadapan sampai di Hulu Klang, Imam Perang Rasu bertindak sendirian menyerang Permulas di mana terletak kubu Raja Asal. Walau bagaimanapun, dia berjaya menawan kubu tersebut bersama-sama dengan beberapa ramai orang tawanan termasuk isteri Raja Asal sendiri. Kemudian orang-orangnya bergerak menuju ke Pengkalan Lumpur<sup>76</sup> tetapi menjelang waktu itu orang-orang Pahang telah pun berpecah. Raja Asal mengambil peluang ini untuk memotong bekalan makanan mereka dengan melancarkan serangan hendap terhadap kumpulan pembawa makanan.

Sementara itu, Bendahara sendiri menyertai barisan belakng yang mara ke Selangor. Seorang bernama Nakhoda Narikan segera dihantar ke Singapura membawa wang untuk membeli senjata dan ubat bedil. Apabila semuanya siap, beratus-ratus buah perahu mara menghala ke hulu. Tetapi pada saat ini, Wan Ahmad telah jatuh sakit dan terpaksa balik ke Pekan. Kejadian ini menyebabkan kumpulan hadapan terperangkap di Hulu Klang tanpa makanan, dan mereka tiada pilihan lagi melainkan berundur. Imam Perang Rasu kemudiannya berkubu dekat Bentong sementara Orang Kaya Chenor dan Haji Muhammad Nor berkubu di Kapong di mana mereka diserang oleh Raja Asal. Namun begitu mereka berjaya juga mengusir Raja Asal balik ke Klang. Dengan penanguhan ini, rancangan-rancangan baru dibuat untuk menyerang Selangor sekali lagi, secara serampang dua mata. Imam Perang Raja akan memimpin orang-orangnya dari sekitar Pekan melalui laut ke Selangor sementara Imam Perang Rasu akan memimpin orang-orang melalui Bentong ke Hulu Klang.

Pada 18 November 1872, Kudin bersama ketua perangnya, Imam Perang Mat Akil, menyerang dan menawan Petaling yang mana "di antara barang rampasan ialah sepucuk surat yang dialamatkan kepada Tuk Engku Klang daripada sultan dengan cap mohor negeri Selangor yang memerintah Tuk Engku supaya



membantu Raja Mahdi menentang Kudin.<sup>77</sup> Perbuatan sultan itu dapat dijelaskan sebagai hakikat bahawa dia terlalu risau tentang pengaruh Kudin yang besar terhadap kerajaan tanah jajahan.

Selama tempoh kacau-bilau ini, Kudin mengambil langkah-langkah bagi menguatkan kedudukannya di sepanjang sempadan Sungai Linggi. Kudin sangat bimbang kerana Klana Sending telah membenarkan Raja Mahdi menyelip masuk ke Hulu Klang melalui Sungai Ujong pada bulan Julai 1872.<sup>78</sup> Selain itu, Klana Sending telah menolak undangan supaya menyertai Kudin.<sup>79</sup> Seperti yang telah lalu, Kudin mengambil peluang daripada perselisihan di antara Sungai Ujong dengan Rembau, kali ini kerana Klana Sending memberikan konsesi kepada Henry Velge<sup>80</sup> untuk memujuk Penghulu Rembau supaya

... menjelaskan beberapa tuntutan lama yang ada terhadap sebuah tempat bernama Simpang dan menawarkan tempat itu kepada Tunku Kudin supaya boleh mendirikan sebuah kubu di situ, di samping mencegah musuh-musuhnya daripada menerima bekalan dari Sungai Linggi yang menghubungkan kawasan pedalaman dengan Sungai Langkat (Langat), Klang dan Selangor.<sup>81</sup>

Tetapi perkara ini juga mungkin menghalang orang-orang Sungai Ujong daripada mendapat bekalan atau menghantar keluar bijih timah mereka. Oleh itu, pada 15 September 1872 sepucuk surat yang ditandatangani oleh Syed Abdul Rahman dan Datuk Muda Linggi sebagai wakil Klana Sending telah dihantar kepada Gabenor. Surat ini ditulis oleh seorang Eropah.<sup>82</sup> Kandungan surat ini mengutuk Kudin dan mereka menuduhnya memerintah negeri Selangor dengan cara yang tidak adil. Konon dikatakan bahawa: "... sultan dengan ketiga orang puteranya, Musa, Kahar dan Yakob tidak dipedulikan lagi; yakni mustahil untuk mengetahui sama ada Tuanku Kudin memerintah untuk dirinya sendiri atau untuk sultan, dan sama ada dia sahabat atau musuh Sultan". Seterusnya surat itu menegaskan bahawa Simpang, seperti dalam hal Linggi, terletak di bawah pemerintahan Datuk Klana.

Tuntutan Sungai Ujong ke atas Simpang berdasar semata-mata kepada penaklukan, kerana pada 3 Oktober 1872, Klana Sending menerangkan bahawa simpang mula-mula sekali diduduki oleh Raja Ahman dari Selangor yang kemudiannya diusir oleh Belanda atas permintaan Datuk Klana pada masa itu.<sup>83</sup> Kemudian Raja Ali, anak Raja Ahman dengan bantuan Syed Shaaban, dapat menguasai rantau tersebut pada awal abad ke-

19, tetapi terusir pula pada tahun 1836. Sungai Ujonglah yang terutama bertanggungjawab menghalau mereka itu. Simpang terbiar tidak diduduki selama lima belas atau enam belas tahun berikutnya, dan selepas itu ia jatuh ke tangan Lebai Kulop. Tetapi dia kemudiannya dihalau keluar oleh Sungai Ujong.<sup>84</sup>

Klana Sending melahirkan perasaan bimbangnyanya bahawa perikatan Kudin dengan Rembau mungkin membawa kepada perang besar. Kedudukannya sendiri tidaklah begitu teguh kerana percubaannya mendapatkan pas untuk senjata dan ubat bedil telah ditolak oleh pihak berkuasa Inggeris. Sebaliknya, "Tunku Kudin akan mendapat pas dan akan membekalkan senjata kepada orang-orang Rembau. Klana Sending tidak mempunyai senjata untuk mempertahankan negerinya daripada Tunku Kudin dan orang-orang Rembau. Oleh yang demikian negerinya akan musnah dan orang-orangnya akan terkorban disebabkan oleh pergaduhan di antara Tunku Kudin dan Sultan serta bangsawan-bangsawan Selangor".<sup>85</sup>

Pada akhir tahun 1872, keadaan politik di sepanjang Sungai Linggi menjadi bertambah buruk. Pada awal bulan Oktober 1872, Klana Sending sudah berkira-kira hendak membeli sebuah kapal api, *Johore* kepunyaan Abu Bakar. Tetapi harga sebanyak \$25,000 itu agak tinggi. Syed Abdul Rahman telah dihantar ke Singapura untuk cuba mendapat potongan bagi harga kapal api tersebut. Apabila mendengar tentang perkara ini, pada 18 Oktober Kudin menulis menyatakan bahawa kapal api itu dimaksudkan untuk mengambil bijih timah kepunyaannya dari Langat untuk Raja Mahdi dan penyokong-penyokongnya. Oleh itu, Kudin meminta gabenor supaya menghalang pembelian kapal api itu. Sama ada kerajaan Negeri-negeri Selat memenuhi permintaan Kudin ini tidaklah jelas, tetapi Klana Sending tidak pula meneruskan pembelian kapal berkenaan.

Pada tahun 1873, seperti yang sudah dikatakan, Sungai Ujong mendapat seorang Klana baru, iaitu Syed Abdul Rahman. Tetapi, Syed Abdul Rahman yang menyukai akan dasar bekas Klana Sending telah melantiknya sebagai penasihat dan jurucakap untuk beberapa tahun. Ord berusaha memujuk Sungai Ujong supaya memberikan kemudahan kepada orang-orang Kudin, tetapi Sungai Ujong menjawab bahawa, "sekiranya gabenor ingin mereka mengambil bahagian yang aktif dalam Perang Klang, maka mereka seharusnya ditolong dengan wang, kerana mereka tidak berupaya bertindak sendiri".<sup>86</sup> Perkara ini tidak dapat dipenuhi oleh kerajaan Negeri-negeri Selat.

Pada bulan Mac 1873, semasa Kudin sekali lagi menguasai

Kuala Lumpur, Mahdi lari ke Sungai Ujong di mana dia diberikan perlindungan oleh Syed Ahman. Kudin mempunyai niat hendak menyerang Sungai Ujong<sup>87</sup> tetapi Leftenan Gabenor Shaw di Melaka, yang menyukai Klana Ahman, telah menentang hasratnya dan menyatakan bahawa, "perasaan tidak puas yang sebenarnya adalah berpunca daripada para pelombong Cina yang diusir dari Klang, dan datang bekerja di Sungai Ujong, di mana Tunku Kudin ingin mengusir mereka semula". Shaw menerangkan selanjutnya,

... dengan alasan kepungan di Sungai Linggi, Tunku Kudin mengenakan cukai ke atas bot yang lalu-lalang di sungai itu, dan sungguhpun Klana Syed Ahman bersimpati terhadap Raja Mahdi dan Raja Mahmud, tetapi kedudukannya sebagai penduduk Melaka serta di bawah pengaruh kerajaan, maka dia terpaksa bersikap berkecuali.

Leftenan Gabenor itu menambah bahawa peperangan tersebut sudah banyak merosakkan Melaka, dan sekiranya dibiarkan merebak ke Sungai Ujong, akan melibatkan Rembau, Johol, Keru dan Muar dalam satu peperangan yang besar.<sup>88</sup> Sementara itu, Syed Ahman enggan membenarkan kemungkinan wilayahnya digunakan oleh orang-orang Pahang dalam ekspedisi mereka ke Klang. Pada awal bulan Mei 1873, separuh daripada orang Rembau, iaitu penyokong-penyokong Haji Mustapha, telah mengancam untuk menyerang Pahang kerana orang-orang Pahang membantu Tunku Kudin.<sup>89</sup> Satu percubaan oleh pihak Inggeris untuk menandatangani perjanjian di antara Kudin dan Syed Ahman telah gagal. Syed Ahman menyatakan bahawa beliau ingin terus bersikap berkecuali. Tetapi dalam bulan Jun 1873, Kudin sekali lagi mengadu kepada pihak Inggeris bahawa Raja Mahdi dan Raja Laut sedang berada di Rekoh (di Sungai Ujong) mengumpulkan orang untuk menyerang Klang. Syed Ahman pula menyangkal bahawa persediaan seperti itu sedang dibuat dan pada bulan berikutnya dia melaporkan bahawa Raja Mahdi telah meninggalkan Sungai Ujong.<sup>90</sup>

Walaupun Tunku Kudin menghadapi banyak masalah, tetapi sebenarnya, menjelang tahun 1873, nasibnya bertambah baik. Kedah telah berura-ura hendak menghantar orang-orang dari Perak membantu Tunku Kudin, dan Gabenor Ord melahirkan "perasaan sukanya" terhadap cadangan tersebut.<sup>91</sup> Ini bukanlah disebabkan Sultan Kedah menyukai Tunku Kudin. Menurut Irving, Sultan Kedah tidak menyetujui perbuatan (Kudin) dalam beberapa perkara. Sultan sendiri sangat salih, dan saya

diberitahu bahawa dia tidak senang perangai Tunku Kudin yang suka minum arak, dan makan dengan orang-orang Eropah . . ."<sup>92</sup> Dalam pada itu, Sultan Kedah juga tidak menyukai Maharaja Abu Bakar, mungkin kerana dia seorang Melayu konservatif dan alim, di samping dia sangat menaruh simpati terhadap keluarga Sultan Ali,<sup>93</sup> hinggakan dia mengahwini puteri Sultan Ali apabila diketahui bahawa Maharaja Abu Bakar berkira-kira hendak meminangnya. Oleh kerana Abu Bakar membela perjuangan Mahdi, maka Sultan Kedah pula memilih untuk membantu Kudin. Ini mungkin kerana sifat konservatifnya yang mendorongnya menyebelahi Raja Abdullah menentang Raja Ismail yang bukan berdarah diraja.<sup>94</sup>

Sebenarnya pada peringkat ini, Kudin memang memerlukan bantuan saudaranya, kerana dia terpaksa berundur dari Kuala Lumpur, di samping kehilangan ramai orangnya, termasuk dua orang pegawai Eropah, seorang daripadanya ditembak mati dan seorang lagi ditanam dan diseksa. Imam Perang Mat Akil dan Imam Perang Rasu meminta supaya menetapkan tarikh untuk ketibaan kumpulan Pahang melalui darat dan laut sekaligus. Mat Akil segera memberitahu Kudin. Apabila semua persiapan telah siap, Kudin menghantar orang-orangnya untuk menyerang Kuala Lumpur. Dalam pertempuran itu, angkatan dari Pahang pun sampai dan berlakulah pertempuran yang hebat. Menjelang bulan Mac 1873, Kuala Lumpur telah ditawan semula. Tetapi ramai angkatan perang daripada Pahang telah terkorban. Imam Perang Raja, Dollah Bera dan Panglima Garang Ishak telah tercedera. Namun begitu, mereka merayakan kemenangan yang mereka peroleh itu. Imam Perang Rasu dan Imam Perang Raja balik ke Pahang membawa ramai orang tawanan. Orang Kaya Pahlawan<sup>95</sup>, tinggal bersama orang-orangnya untuk menjaga Hulu Klang. Di Pulau Kedah, dalam perjalanan ke Pekan, orang-orang Pahang berkumpul untuk merayakan kemenangan mereka. Bendahara juga hadir untuk memberikan ganjaran kepada orang-orangnya. Pada masa itulah Imam Perang Rasu dianugerahi gelaran Imam Perang Indera Gajah, Pahang. Imam Perang Raja dijadikan Imam Perang Indera Mahkota; saudaranya Hassan, Panglima Perang Johan Perkasa; dan seorang keluarganya orang Jambi yang terkenal sebagai seorang pahlawan yang gagah telah diberikan gelaran Imam Perang Jambi.

Sebenarnya, perang di Selangor belumlah dimenangi secara muktamad. Pada 16 haribulan April 1873, bendahara memberitahu Sir Harry Ord bahawa dia akan terus membantu Kudin.

"Bendahara menambah bahawa Pahang masih mempunyai beberapa ribu pahlawan dan bertanya sama ada Singapura mahu dia meneruskan operasi tersebut. Sekiranya gabenor bersetuju, Ahmad meminta agar angkatan Pahang diberi jalan yang selamat melalui laut ke Klang."<sup>96</sup> Sesudah menerima jawapan positif daripada gabenor, orang-orang Pahang pun menyerang semula musuh-musuh Kudin yang berkubu di Kanching dan Kuala Selangor. Semua pahlawan Pahang menyertai peperangan tersebut sementara kumpulan Kudin dipimpin oleh Imam Perang Mat Akil dan Khatib Bahrin. Gabungan angkatan itu berkumpul di Kuala Batu dan mereka diberikan senjata yang baru oleh Kudin. Kudin yang bertambah yakin telah menulis pada bulan Julai 1873 ". . . tentang peristiwa di Selangor, ramai orang Pahang datang dari pedalaman untuk bekerja. Pada pendapat kita dalam beberapa hari lagi selesailah seluruh peristiwa ini ".<sup>97</sup> Beliau memberitahu Sultan Selangor tentang niatnya hendak menyerang Kuala Selangor dan meminta agar Raja Musa dipanggil balik dari daerah itu.<sup>98</sup>

Pada pukul 5 pagi Jumaat, orang-orang Pahang memulakan serangan mereka ke atas Bukit Genting. Kumpulan penyerang ini dibahagi kepada dua, yang satu dipimpin oleh Imam Perang Indera Gajah, Orang Kaya Pahlawan, Imam Perang Haji Hussein, Panglima Raja Yakob dan lain-lain lagi, mara dari kanan, sementara kumpulan lain pula dipimpin oleh Haji Muhammad Nor, Tuk Kaya Chenor, Tuk Kaya Temerloh, Tuk Bangan, Teh Muhammad Sanggang, Tuk Lela dan lain-lainnya mengepung musuh daripada sebelah kiri. Pertempuran sengit berlaku selama beberapa hari.

Sepasukan lagi di bawah Imam Perang Indera Mahkota, Panglima Perang Johan Perkasa, Imam Perang Mat Akil dan Khatib Bahrin, menuju ke Kuala Selangor melalui Tanjung Karang. Serangan pertama berakhir dekat Pasir Gayang dan banyakkah benteng musuh yang musnah. Sungguhpun pada mulanya orang-orang Pahang dan pasukan Kudin mara dengan cepat tetapi serangan mereka terhadap Kuala Selangor telah menyebabkan ramai orangnya terkorban. Imam Perang Mat Akil adalah di antara yang pertama terbunuh dan seorang anak saudara Bendahara Wan Ahmad, Tun Ibrahim, yang bersamasama dengan Wan Ahman dan Wan Da yang juga turut dalam peperangan tersebut, jatuh sakit dan meninggal dunia. Imam Perang Indera Mahkota sendiri jatuh sakit semasa berperang di Permatang. Dollah Bera dan Panglima Perang telah mengalami luka parah. Ketiga-tiga mereka memohon kebenaran pergi ke

Melaka untuk rawatan, dan permintaan ini dibenarkan oleh Kudin. Akhirnya tinggallah Khatib Bahrin sahaja untuk memimpin serangan ke atas Kuala Selangor.

Di pedalaman, pertempuran segera berpindah ke Kanching di mana Imam Indera Gajah dan Haji Muhammad Nor diserang hebat oleh gabungan angkatan-angkatan Cina, Mendeling dan Selangor. Imam Perang Indera Gajah pada satu peringkat telah terkepung di sebuah benteng dan usaha bersama daripada pihak Haji Muhammad Nor, Teh Muhammad Sanggang, Panglima Bebas Zabidi, Panglima Kanan Chenor, Imam Perang Kedam, Tuk Kaya Temerloh dan Tuk Umbi diperlukan untuk menyelamatkan mereka. Dalam usaha itu ramai panglima Pahang tercedera atau terkorban.

Akhirnya, Haji Muhammad Nor terpaksa berpaling kepada Yap Ah Loy untuk mendapatkan orang-orang yang pandai menembak anak panah kecil (berapi). Tujuh puluh orang daripada mereka ini kemudian dihantar untuk mengiringi Orang Kaya Pahlawan, Panglima Bebas, Panglima Kanan, Panglima Raja dan Encik Bakar Penghulu Balai dalam satu serangan ke atas musuh. Kebanyakan rumah habis terbakar semasa pertempuran tersebut yang memakan masa tiga jam. Kanching akhirnya mengaku kalah. Imam Perang Indera Gajah dan Haji Muhammad Nor kemudian menyerang Hulu Selangor pula. Dalam serangan itu, mereka menawan Kuala Kubu dan Buluh Telur. Kemudian dalam perjalanan ke Hulu Yam, mereka bertemu dengan pasukan Raja Asal dan Raja Bintang. Tetapi akhirnya Hulu Selangor jatuh ke tangan orang-orang Pahang. Pada peringkat ini, berlakulah wabak cirit-birit. Wabak ini begitu menakutkan Imam Perang Indera Gajah hingga beliau memutuskan untuk balik ke Pahang bersama-sama orang-orangnya. Tinggallah Haji Muhammad Nor mengepalai pasukan Pahang. Oleh kerana terlalu lemah, orang-orang Pahang terpaksa berkubu di Kuala Kubu apabila pihak musuh melancarkan serangan balas. Di sana mereka segera menghadapi kekurangan makanan kerana jauh dari Klang.

Buat sementara waktu, Khatib Bahrin yang diberikan tugas memimpin serangan ke atas Kuala Selangor telah meminta bantuan, dan apabila Kanching ditawan, Tuk Kaya Temerloh telah dihantar untuk menolongnya. Semasa Haji Muhammad Nor bermati-matian mempertahankan kedudukannya di Kuala Kubu barulah Kuala Selangor akhirnya ditawan. Ini berlaku pada awal bulan November 1873. Kudin menyangka Syed Mashhor telah ditawan dan berada di kalangan orang-orang

tahanan untuk dihantar ke Pahang. Kemudian Kudin menyatakan hasratnya hendak pergi ke Bernam bersama 500 orang di mana Raja Asal berselindung, "untuk menghapuskan mereka semuanya sekaligus".<sup>99</sup> Tetapi rancangan itu akhirnya tidak jadi.<sup>100</sup>

Sementara itu, orang-orang Pahang terus menjejaki Syed Mashhor. Apabila Kuala Selangor ditawan dan pasukan Pahang bergerak ke hulu, Syed Mashhor telah berundur melalui Batang Berjuntai dengan maksud hendak meneruskan peperangan tersebut dari Hulu Bernam di mana beliau telah mengumpulkan pelbagai jenis alat senjata dan menyimpan 20 koyan beras. Apabila Haji Muhammad Nor mendapat tahu tentang perkara ini, dia segera bertolak ke Hulu Bernam, dan tiba di sana pada masa yang sama dengan Syed Mashhor dan Raja Chik (Siak). Setelah bertempur selama empat jam, Syed Mashhor terpaksa berundur ke Slim. Haji Muhammad pula terpaksa berlindung di Sungai Perak. Dengan tertawannya Hulu Bernam, maka Sutan Bangkahulu, yang telah melarikan diri apabila Hulu Selangor jatuh ke tangan Syed Mashhor pada tahun 1871, menyerah diri kepada orang-orang Pahang dan kemudian dihukum mati kerana bimbang dia akan menimbulkan huru-hara lagi di Selangor.

Setelah musuh-musuh Kudin menerima kekalahan mukhtamad, maka sebahagian besar Selangor dikuasai oleh orang-orang Pahang. Hulu Selangor terletak di bawah Haji Muhammad Nor, Hulu Klang di bawah Orang Kaya Pahlawan dan Kanching di bawah Sheikh Mat Taib dan Embok. Kuala Lumpur sendiri dikuasai oleh Tuk Dagang. Seorang yang bernama Mat Saman menjadi ketua di Batu dan Sheikh Mat Ali di Petaling. Irving telah merumuskan kedudukan Kudin pada akhir tahun 1873 dengan menyatakan bahawa:

Pada zahirnya Tunku Kudin menduduki tempat yang kuat dalam negeri. Luan laut adalah di bawah kawalannya dan dia dapat berhubungan dengan Pahang tanpa gangguan di samping menguasai dua batang sungai yang penting, Selangor dan Kallang dari kualitasnya, hingga ke puncanya di gunung yang memisahkan Pahang dan Selangor.<sup>101</sup>

Tetapi, apabila kebanyakan orang Pahang balik ke negeri mereka, sekali lagi *anak raja* Selangor dan orang Mendeling mengancam hendak bangun menentang Tunku Kudin. Dia segera menulis ke Pahang meminta lebih ramai orang untuk menguatkan kedudukannya. Menjelang waktu itu, Pahang te-

lah bosan untuk turut serta dalam peperangan Kudin. Pahang memberitahu Kudin bahawa ia tidak mungkin dapat memberikan pertolongan lagi. Kemudian Kudin meminta supaya Haji Muhammad Nor merayu kepada Bendahara dan Bendahara menyatakan bahawa Kudin sepatutnya menerima Inggeris masuk ke Selangor. Jadi atas permintaan Kudin, maka kerajaan Negeri-negeri Selat mengambil peluang pertama untuk campur tangan dalam hal-ehwal Selangor.<sup>102</sup>

Apabila kedudukan Kudin tidak dapat diganggu-gugat lagi kerana perlindungan langsung oleh Inggeris, Raja Mahdi terpaksa meninggalkan negeri itu pada akhir tahun 1874. Tetapi dia tidak pula melepaskan perjuangannya. Pada bulan Julai 1875, Sir William Jervois melaporkan: "semenjak ketibaan Raja Mahdi di Johor, baik orang yang terdahulu daripada saya dan saya sendiri telah berusaha untuk memujuk beliau supaya menghentikan campur tangan selanjutnya dalam hal-ehwal Selangor dan menerima sahaja elaun dari kerajaan tersebut".<sup>103</sup> Tetapi Mahdi masih berkeras. Tidak lama kemudian dia telah ditimpa nasib yang malang. Wang yang disimpannya bagi melaksanakan kempen di Selangor telah dicuri dari rumahnya di Singapura.<sup>104</sup> Menjelang tahun 1880 kesihatannya pula semakin buruk. Raja Mahdi meninggal dunia kerana penyakit batuk kering pada 10 Januari 1882.<sup>105</sup>

1. Sungguhpun sudah banyak yang telah ditulis berkenaan sejarah politik negeri-negeri ini, tetapi aspek khusus tentang persoalan ini tidak pernah dibincangkan sepenuhnya.

2. GPMP Braddell, "Report of Proceedings of Govt, & c."; CO 273/94, Robinson to Hick-Beach, 18 June 1878, encl. Swettenham's memo on the proposed retirement and pension of Kudin; Winstedt, "A History of Selangor", m.s. 22.

3. CO 273/48, Anson to Kimberley, 14 July 1871, encl. E. Irvings memo. relative to the disturbances in the territory of Selangor (n.d.).

4. SSR, F7, Rajah of Selangore to Rajah of Kedah, 19 Aug. 1870.

5. CO 273/48, Anson to Kimberley, 14 July 1871, encl. E. Irvings Report (n.d.).

6. Lihat Middlebrook, "Yap Ah Loy", m.s. 44-47, 52-58, 65-68, 68-69.

7. Ibid, m.s. 58-62.

8. Peristiwa ini telah pun diterangkan dengan panjang lebar di tempat lain (lihat khususnya, Cowan, *Nineteenth Century Malaya*, m.s. 66-98; Parkinson, *British Intervention in the Malay States 1867-77* m.s. 47-60), maka tidak perlu diperkatakan lagi secara terperinci.



9. Gagasan ini akan dikembangkan selanjutnya dalam bab yang berikut.
10. *GPMP*, *Precis of Selangor Papers: Gov. to Sultan Selangor*, 30 June 1870. Kesukaran timbul kerana kedudukan Kedah sebagai lawan Siam.
11. *Ibid.*, Irving to Col. Secretary, 16 June 1871.
12. Lihat *PP*, Admiralty to CO 2 Dec. 1871, encl. Bloomfield to Robinson, 6 Aug. 1871; Admiralty to CO. 16 Dec. 1871, encl. 2 Bloomfield to Sir H. Kellet, 20 Sept. 1871.
13. *SSR*, F7, Rajah Mahadie to Administrator, SS, Fri. 6<sup>th</sup> month 1288 (Aug.-Sept. 1871).
14. *PP*, Admiralty to CO, 16 Dec. 1871, encl. 2, R.W. Bloomfield to Sir H. Kellet, 20 Sept. 1871.
15. Dalam tahun-tahun kemudiannya, Sir A. Clarke berkata tentang Raja Mahmud "... namanya dan orangnya membawa kengerian untuk selama beberapa tahun". (*CO 273/76*, Paper 1135, Minute by C. Cox, 8 Feb 1875.)
16. *SSR*, F7, Rajah Mahadie to the Administrator, SS, Aug.-Sept. 1871.
17. *CO 273/48*, Anson to Kimberley, 29 July 1871, encl. Irving's report in references to the late events at Selangor, July 1871.
18. Wan Abdul Rahman dan Wan Da, kedua-duanya putera Bendahara Mutahir, dalam waktu antara percubaan mereka untuk menawan semula Pahang (1866, 1868 dan 1870) mula-mula berkhidmat dengan Raja Abdullah (1867?) kemudiannya dengan Raja Mahdi (akhir 1867 hingga awal 1870). Kudinlah yang meletakkan Wan Aman menjaga Hulu Selangor (selepas Julai 1870) di mana Syed Mashhor telah bertapak teguh di situ. (Lihat W. Lineham, "A History of Pahang", *JMBRAS*, jil. 14, bhg. 2 1936, m.s. 92-95.)
19. *SSR*, F7, Inchie Umbok to Syed Zain 17 Nov. 1871. Keterangan tentang Engku Chik Penghulu Jaafar dan Ungku Long tidak ada.
20. Lihat *CO 273/48*, Anson to Kimberley, 14 July 1871, encl. A Report by Capt. Bradberry, Commanding Colonial Steamer *Pluto*, 1 July 1871; encl. B. report by Cox, Deputy Commissioner of Police, Malacca, 30 June 1871; encl. E. Irving's memo, on the Selangor disturbances, n.d.
21. *CO 273/48*, Anson to Kimberley, 28 July 1871, encl. 3, Col. Secretary (J.W.W. Birch) to Sultan of Selangore, n.d.
22. Syed Zain bin Syed Putih Al-Habshi berasal dari Pulau Pinang. (E. Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895*, m.s. 27.)
23. *SSR*, F7, Tunku Dia Oodin to the Administrator, SS, 24 Nov. 1871.
24. *Ibid.*; *SSR* Inche Umbok to Syed Zain, 17 Nov. 1871.
25. *SSR*, F7, Kudin to Administrator, SS, 24 Nov. 1871.
26. Haji Muhammad Said (ed.), m.s. 40.
27. *Ibid.*, m.s. 39, 51.
28. *GPMP* Irving's memo, relative to the Affairs of Selangor with reference to visits to that Country in April and May 1872, and subsequent occurrences up to the 15<sup>th</sup> June 1872, dated 24 July 1872.
29. *Ibid.*
30. *Ibid.*
31. Haji Muhammad Said (ed.) m.s. 38-39, 51.
32. Swettenham, *Malay sketches*, m.s. 103.

33. *Ibid*, m.s. 108.
34. Cowan, *Nineteenth Century Malaya*, m.s. 103, n. 8; Winstedt, "A History of Selangor", m.s. 25.
35. *GPMP*, Irving's memo. on Selangor of July 1872.
36. Haji Muhammad Said (ed.) m.s. 45.
37. CO 273/48, Anson to Kimberley, 28 July 1871, encl. 2, Birch to Anson, 26 July 1871. Birch menulis; "Kami telah merampas beberapa pucuk surat yang menunjukkan bahawa Mahdi telah memperoleh bantuan dari Perak jika sekira saudaranya tidak lari dengan isteri raja muda negeri itu". Bantuan hendak dihantar melalui Sungai Bernam yang di bawah pentadbiran Raja Hitam, sekutu Mahdi.
38. SSR, F7, Datu Sedia Rajah of Rembau to Gov., SS, 20 Aug. 1870.
39. SSR, F7, Tunkoo Dia Oodin to Col. Secretary, 6 Oct. 1871.
40. SSR, F7, Syed Zain to J.W.W. Birch, 8 Nov. 1871.
41. Lineham, m.s. 95; Hj. Muhammad Said (ed.) m.s. Sutan Bangkahulu adalah ketua orang-orang Rawa yang kenal akan Wan Abdul Rahman di Pahang sebelum datang ke Hulu Selangor. Untuk keterangan yang lanjut tentang dirinya lihat Lineham, m.s. 99.
42. Haji Muhammad Said (ed.) m.s. 51.
43. *Ibid*, m.s. 42, Ibrahim memperkatakan tentang Kudin.
44. SSR, G7, Tunku Dia Oodin to Col. Secretary, 1 Feb. 1872.
45. SSR, G7, Sultan Abdullah Mohamed Shah to Tunku Dia Oodin, 23 Jan. 1872. Perhatikan bahawa Raja Abdullah menulis seolah-olah Raja Ismail bukannya Raja Perak yang dilantik.
46. SSR, G7, Letter From Perak Chiefs to Tunku Dia Oodin, 22 Jan. 1872.
47. SSR, G7, Precis of Letter from Raja Ismail to Tunku Dia Oodin, 19 Jan. 1872; Precis of Selangor papers Lt. Gov., Malacca to Gov., 8 April 1872.
48. SSR, G7, Precis of Letter from Sheikh Mohamed Taib to Che Embok, 12 Jan. 1872.
49. *GPMP*, Precis of Selangor Papers, Raja Yakob to Syed Zain, Raja Ismail and Raja Jaafar at Klang, 18 March 1872.
50. *GPMP*, Precis of Selangor Papers, Penghulu Dagang to Ungku Ngah bin Ungku Abdullah, 14 March 1872.
51. *GPMP*, Precis of Selangor Papers, Capt. Yap Allowie to Tungku Ngah bin Abdullah, 14 March 1872.
52. Lihat, m.s. 110.
53. *GPMP*, Precis of Selangor Papers, Syed Zain to Davidson, 16 March 1872.
54. *GPMP*, Precis of Selangor Papers, Lt. Gov., Malacca to Gov. Ord, 8 April 1872.
55. *GPMP*, Irving's memo on Selangor of 24 July 1872.
56. CO 273/60, Ord to Kimberley, 24 Oct. 1872.
57. *GPMP*, Irving's memo on Selangor of 24 July 1872.
58. CO 273/60, Ord to Kimberley, 24 Oct. 1872.
59. *GPMP*, Irving's memo on Selangor of 24 July 1872.
60. *Ibid*. Kudin terkeliru tentang perkara ini.

61. Haji Muhammad Said (ed.) m.s. 40, 52-54.
62. *GPMP*, Irving's memo on Selangor of 24 July 1872.
63. CO 273/60, Ord to Kimberley, 24 Oct. 1872.
64. *Ibid.*, encl. Maharaja of Johore to Ord, 15 Oct. 1872.
65. *GPMP*, *Precis of Selangor Papers*, Maharaja of Johor to Gov., SS, 28 June 1872.
66. SSR, F7, Tunku Dia Oodin to Gov., SS, 18 June 1872. Ternyata pada peringkat ini Davidson telah terlibat dalam hal-ehwal Kudin.
67. SSR, F7, Tunku Dia Oodin to Gov., 27 July 1872, encl., Syed Abdul Rahman to Tunku Dia Oodin, 21 July 1872; *GPMP* Irving's memo on Selangor of 24 July 1872.
68. CO 273/61, Ord to Kimberley, 6 Nov. 1872.
69. Dia ialah Chong Chong, musuh Yap Ah Loy. Middlebrook (m.s. 62) mendakwa bahawa Chong Chong terbunuh dalam perkelahian di Rawang di antara bulan Mei-Jun 1871, walaupun satu punca daripada orang-orang Cina telah memasukkan nama Chong Chong di antara orang-orang yang melarikan diri setelah Yap Ah Loy mengambil semula Kuala Lumpur dalam bulan Mac 1873. Menurut Middlebrook, "Chong Chong dari Punca 5 mungkin sekali ketua Cina Teoh Ah Chong . . . yang membantu Raja Mahmud dalam serangannya ke atas Batu dan Gombak pada 17 Julai 1872 . . ." Tetapi tidak ada alasan untuk mempercayai bahawa ada dua orang pemimpin Cina di pihak Mahdi yang serupa namanya.
70. SSR, F7, Tunku Dia Oodin to Gov., SS, 27 July 1872; *GPMP* *Precis of Selangor Papers*: Syed Zain to J.G. Davidson, 17 Oct. 1872; Middlebrook, m.s. 73-78; Winstedt, "A History of Selangor", m.s. 28-29.
71. CO 273/61, Ord to Kimberley, 6 Nov. 1872.
72. Dalam *Hikayat Pahang*, nama gabenor tidak betul kerana dinyatakan sebagai Sanderworth.
73. Orang-orang Rawa dan Mendeling terbaik dengan Mahdi. Sebenarnya di antara 1868 dan 1870, Mahdi sendiri telah menolong mereka menyerang Pahang (lihat Lineham, m.s. 93).
74. *PP*, Sir W. Jervois to Carnarvon, 5 June 1875, encl. 2, Bendahara to Kudin, 18 May 1875.
75. Imam Perang Rasu, juga terkenal sebagai Tuk Gajah. Dia mendapat penghargaan kerana kehandalannya dalam Perang Saudara Pahang 1857-63. Anak sulungnya, Mat Kilau tidak berapa lama dahulu menjadi tajuk perbincangan dan perbincangan yang besar. Mat Kilau telah mengambil bahagian utama dalam gerakan menentang Inggeris di Pahang pada awal tahun-tahun 1890-an. Menjelang akhir tahun 1969, seorang orang tua di Pahang, yang umumnya dikenali sebagai Mat Siam, mendakwa dialah sebenarnya Mat Kilau yang sejak tahun 1896 lagi, konon dikatakan dibunuh oleh orang Siam di Kuala Rek, Kelantan. Kerajaan negeri Pahang melantik sebuah jawatankuasa untuk menyiasat dakwaan tersebut. Hasil daripada penyiasatan berkenaan, Mat Siam dengan rasminya diakui sebagai Mat Kilau, seorang panglima Pahang yang gagah perkasa.
76. Sebuah cerita tentang kempen Pahang diterbitkan dalam *Penang Gazette and Straits Chronicle* of 16 (sic) Nov. 1872 (CO 273/61, 15 Nov. 1872, encl.).
77. Middlebrook, m.s. 79; Winstedt, "A History of Selangor"; m.s. 29.

78. CO 273/61, Ord to Kimberley, 6 Nov. 1872.
79. Braddell, "Second Continuation of Report & c."
80. Lihat, m.s. 100.
81. CO 273/61, Ord to Kimberley, 6 Nov. 1872.
82. *GPMP*, Braddell, "Second Continuation of Report & c.". Braddell tidak menamakan orang Eropah yang berkenaan tetapi kerana hubungan rapat antara H. Velge dengan Klana Sending pada peringkat ini, besar kemungkinan beliau yang menulis surat itu.
83. Ini tentunya berlaku pada akhir abad kelapan belas.
84. *GPMP*, Braddell "Second Continuation of Report & c."; lihat juga, m.s. 120-21.
85. *Ibid.*
86. *Ibid.*
87. *GPMP*, *Precis of Selangor Papers*, Kudin to Gov., SS, 29 March 1873.
88. *GPMP*, Braddell, "Second Continuation of Report & c."
89. *GPMP*, *Precis of Selangor Papers: Kudin to Davidson*, 16 April 1873, *Rajah of Pahang to Kudin*, 5 May 1873.
90. *GPMP*, Braddell, "Second Continuation Report & c."
91. SSR, F7, Klana to Gov., SS, 10 July 1873.
92. *GPMP*, Irving's Memorandum relative to the Affairs of the Native States & c. with reference to the Despatch of the Sec. of State of 20th Sept. 1873.
93. Sultan Ali, putera Sultan Hussein, yang dilantik oleh Raffles sebagai Sultan Johor, dahulunya diakui secara rasmi oleh pihak Inggeris sebagai Sultan Johor pada tahun 1855 setelah menandatangani perjanjian yang menyerahkan seluruh wilayah Johor, kecuali kawasan Muar-Kesang, kepada Temenggung Daing Ibrahim, putera Temenggung Abdul Rahman yang juga seorang peserta yang menandatangani perjanjian menyerahkan Singapura kepada pihak Inggeris. Temenggung Abdul Rahman meninggal dunia pada tahun 1825 dan Sultan Hussein dalam tahun 1835. Ali dan Ibrahim kemudiannya menjadi saingan untuk menguasai Johor dan pihak Inggeris secara terbuka telah menyokong Ibrahim. Perjanjian 1855 tidak meredakan perasaan tidak puas Sultan Ali dan hubungannya dengan Temenggung tetap tegang. Abu Bakar menggantikan ayahnya, Daing Ibrahim, pada tahun 1862. Abu Bakar mempunyai cita-cita yang tinggi dan ada pendapat menyatakan bahawa dengan kemangkatan Sultan Ali, keluarga diraja dengan perlahan-lahan akan lenyap. Tetapi putera Sultan Ali, Tengku Alam, berkemungkinan membuat tuntutan yang sungguh-sungguh terhadap gelaran ayahnya dan ini dapat mencetusnya rusuhan. (Lihat Khoo Kay Kim, "Johor in the 19th Century: A Brief Survey", *Journal of the Historical Society*, Universiti Malaya, jil. VI, 1967/68; T. Braddell, "The Sultan of Johor", *JIAEA*, jil. II, New Series.)
94. *GPMP*, Irving's Memo on Kimberley's Despatch of 20 Sept. 1873.
95. Inilah juga orang yang memimpin pemberontakan anti-Inggeris di Pahang pada tahun 1892.
96. Lineham, m.s. 97.
97. SSR, F7, Tunku Dia Oodin to Gov., SS, 9 July 1873.
98. Winstedt, "A History of Selangor", m.s. 29. Tetapi Raja Musa tidak meninggalkan Kuala Selangor sehingga Kuala Selangor jatuh pada awal bulan

November 1873. Dia balik ke Langat tetapi kemudiannya tinggal dengan Raja Abdullah di Perak dan hanya pulang ke Langat semula dalam bulan Februari 1874 untuk menemui Sir Andrew Clarke. Braddell (GPMP, "Continuation of Report of Proceedings & c.") percaya bahawa Raja Musa diusir dari Langat oleh ayahnya. Ini diragukan kerana menjelang waktu ini Sultan Abdul Samad nyatalah tidak menyukai Kudin. Winstedt ("A History of Selangor", m.s. 29) menyatakan bahawa Musa meninggalkan Langat kerana ayahnya "seperti biasa tidak menaruh simpati terhadap kegagalan". Mungkin juga pemergian Musa dari Langat adalah untuk mencegah unsur-unsur pro-Kudin, terutama Inggeris, daripada menuduh Sultan melindungi anasir-anasir yang anti-Kudin. (Lihat Mohd. Amin Hassan, "Raja Musa ibni Sultan Abdul Samad", *Peninjau Sejarah*, jil. 1, no. 1, 1966, m.s. 63.)

99. SSR, F7, Tunku dia Oodin to Birch, 13 Nov. 1873.

100. CMP, A Skinner "Precis of Perak Affairs", 10 June 1874.

101. GPMP, Irving's Memo on Kimberley, Despatch of 20 Sept. 1873.

102. Sebahagian besar daripada cerita kempen Pahang di atas didasarkan kepada *Hikayat Pahang* (teks Rumi), m.s. 1-38.

103. CO 273/81, Minute by Charles Cox (17 Jan. 1876) on Jervis to Carnarvon, 3 Dec. 1875.

104. CO273/94, Robinson to Hicks Beach, 18 June 1878, encl., Irving's memo. relative to the proposed retirement & Pension of Tunku Dia Oodin, 11 May 1878.

105. Untuk biografi kasar Raja Mahdi, lihat, Mohd. Amin Hassan, "Raja Mahdi bin Raja Sulaiman", *Peninjau Sejarah*, jil. 1, No. 2, 1966.

## Saudagar Negeri-negeri Selat dan "Perang" Semenanjung

Sejak awal tahun 1848 lagi Gabenor Butterworth mempunyai sebab untuk menegaskan bahawa: "pengaruh saudagar-saudagar di Melaka terhadap orang besar di negeri-negeri jiran sudah lama terjalin dan saya percaya ia akan terus kekal".<sup>1</sup> Bukti tentang besarnya pengaruh ini telah dilihat dalam perbincangan mengenai politik Sungai Ujong-Linggi pada awal tahun-tahun 1840-an.<sup>2</sup> Keadaan tersebut tidaklah berubah hingga pada tahun-tahun 1860-an dan awal 1870-an. Semasa peperangan Klang, Tunku Kudin sempat menulis: "Kita memberitahu sahabat kita (Gabenor Ord) bahawa mengenai kekacauan ini kita tahu bahawa dulunya Raja Mahdi dan sekarang ini Syed Mashhor dan lain-lain, telah mendapat pertolongan daripada saudagar-saudagar di bawah kerajaan sahabat (kita) dalam bentuk senjata dan bekalan makanan serta wang".<sup>3</sup> Sudah tentu agak ganjil aduan itu datangnya daripada Tunku Kudin kerana dia pun sangat bergantung kepada saudagar Negeri-negeri Selat untuk bantuan material.<sup>4</sup>

Setakat ini tidak banyak percubaan yang dibuat untuk memastikan siapa saudagar-saudagar berkenaan dan cuba pula mencari faktor-faktor asas yang menimbulkan persaingan di antara mereka.<sup>5</sup> Bagi ahli-ahli sejarah, kesukaran yang timbul ialah untuk menulis cerita yang terperinci mengenai perkembangan ekonomi zaman itu umpamanya menganggarkan jumlah modal yang dilaburkan di negeri-negeri Melayu.<sup>6</sup> Tetapi tanpa perangkaan yang tepat ia tidaklah pula mengganggu kajian aspek-aspek yang lebih rapat dengan manusia. Dan

aspek-aspek ini telah dikatakan bahawa "yang lebih penting adalah orang-orang yang terlibat".<sup>7</sup>

Jumlah bahan-bahan yang ada tentang kegiatan saudagar Negeri-negeri Selat (terutama orang-orang Cina) di Perak, Selangor dan Sungai Ujong adalah berbeza-beza. Oleh kerana orang-orang Cina di Perak lebih banyak bergerak, maka laporan-laporan semasa mengenai aktiviti mereka didapati lebih banyak. Dalam hal Selangor, sungguhpun orang-orang Cina memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya mengenai politik dalam negeri, tetapi yang agak menghairankan pula ialah dokumen-dokumen rasmi semasa tidak banyak mengaitkan mereka. Begitu juga, sedikit sahaja keterangan yang ada tentang orang-orang Cina di Sungai Ujong sehingga tahun 1874 apabila Inggeris membuat keputusan untuk menguasai pentadbiran wilayah itu.

Namun demikian terdapat satu lagi masalah yang timbul. Sementara agak mudah menentukan perhubungan di antara pelombong-pelombong Larut dengan saudagar-saudagar Cina Pulau Pinang, dalam hal Selangor dan Sungai Ujong, yang merupakan lingkungan pengaruh yang utama saudagar-saudagar Melaka, agak sukar pula untuk menentukan firma Singapura yang mana diwakili oleh saudagar-saudagar Melaka berkenaan, walaupun nyata mereka adalah agen gedung-gedung perniagaan Singapura. Oleh itu, kebanyakan perbincangan yang berikutnya lebih bersifat andaian belaka.

Sebelum sebarang percubaan dibuat untuk menggariskan corak perpecahan, sekiranya ada, antara saudagar Negeri-negeri Selat, maka mula-mula elok ditentukan saudagar-saudagar perseorangan yang sebahagian besarnya bertanggungjawab memberikan wang kepada puak-puak yang berlawanan dalam "peperangan" semenanjung ini, dimulai dengan Peperangan Klang. Semasa timbulnya kekacauan, Mahdi didapati kekurangan wang, beras dan ubat bedil. Hal ini terjadi kerana sebahagian besar penanam padi mengambil keputusan untuk lari ke Langat hingga tidak ada orang yang tinggal untuk menuai padi. Mengenai ubat bedil pula, sungguhpun Mahdi mempunyai bekalan yang banyak dari Kuala Selangor, tetapi jenisnya kurang baik kerana ubat bedil tersebut adalah simpanan orang-orang Belanda semasa menyerang Selangor dahulu (1784). Oleh itu, Mahdi menghantar salah seorang wakilnya ke Melaka meminta bantuan "Baba Teck Cheng" (Chan Tek Chiang). Mahdi bukan sahaja berkehendakkan ubat bedil dan beras tetapi juga wang dan senjata. Menurut

perjanjiannya, hutang itu akan dibayar berserta faedahnya.<sup>8</sup>

Jelaslah yang Mahdi sudah beberapa lama mempunyai urusan perniagaan dengan Chan Tek Chiang. Semasa Raja Ismail berura-ura hendak menyerang Mahdi pada akhir tahun 1869, beberapa orang penyokong Mahdi ada di Melaka sedang menjual bijih timah kepada bab Teck Cheng. Bayaran bijih dibuat secara trunai atau dalam bentuk benda (misalnya, beras dan candu). Konon dikatakan bahawa Chan Tek Chiang juga sedang "memancing konsesi": ". . . Baba Teck Cheng, keturunan Cina Melaka Negeri Selat, telah membekalkan keperluannya (Mahdi), dan menerima faedah di atas semua perbelanjaan sehingga kemenangan dapat menjamin kedudukan pelanggannya untuk menerima konsesi tanah yang tidak terbatas".<sup>9</sup>

Tidak terdapat banyak penerangan tentang Chan Tek Chiang. Bagaimanapun, dia adalah orang yang terkenal di Melaka. Selain menjadi Jaksa Pendamai, pada bulan Jun 1875, apabila terjadi suatu kekejaman di Rekoh (Selangor) yang dilakukan oleh ahli-ahli Pasukan Polis Arab dan apabila beberapa orang saksi harus dikumpulkan dan dihantar ke Singapura untuk disiasat, Resident (J.G. Davidson) telah meminta pertolongan daripada Tek Chiang kerana "kamu kenal betul orang-orang ini".<sup>10</sup> Begitu juga, apabila meletus rusuhan kongsi gelap di Melaka pada akhir tahun 1875, Pemangku Leftenan Gabenor Melaka, G.B. Plunket, terpaksa meminta pertolongan Chan Tek Chiang dan dua orang Cina lain yang berpengaruh, iaitu See Boon Tiong dan Tan Teik Chan,<sup>11</sup> untuk meredakan rusuhan tersebut.<sup>12</sup>

Sedikit sahaja yang diketahui tentang hubungan Chan Tek Chiang dengan orang-orang Cina Singapura. Tetapi ada catatan menyatakan dalam upacara pergebumiannya yang berlangsung di Melaka pada 9 Mei 1889, Tan Beng Gum<sup>13</sup> "mengambil bahagian utama melakukan upacara-upacara agama yang tradisional".<sup>14</sup> Ini membuktikan bahawa Tan Beng Gum dan Chan Tek Chiang bersaudara atau bersahabat karib dengannya kerana mereka sama-sama menganggotai suatu organisasi tertentu. Tidaklah mungkin untuk menentukan jenis perhubungan ini kerana tidak diketahui apa jenis upacara agama yang dilakukan oleh Tan Beng Gum. Dengan adanya hubungan yang erat antara kedua-dua orang ini, sangatlah penting dalam konteks kajian ini kerana syarikat Kim Seng, yang terletak di Boat Quay, Singapura, mempunyai kepentingan yang besar di semenanjung. Penanaman modalnya di Pahang telah pun di-



sebutkan.<sup>15</sup> Sejak awal tahun 1840 lagi, syarikat ini telah diterima menjadi ahli Dewan Perniagaan Singapura. Tan Beng Swee, anak yang sulung,<sup>16</sup> mengetuai syarikat ini selepas kematian Tan Kim Seng. Akan ditunjukkan juga bahawa Tan Beng Swee dan Chan Tek Chiang mempunyai kepentingan perniagaan di Sungai Ujong pada awal tahun-tahun 1870-an. Tetapi sama ada Chan Tek Chiang terus membantu Mahdi sepanjang-panjang tempoh Perang Klang selanjutnya tidaklah diketahui. Catatan hanya menunjukkan bahawa pada awal tahun-tahun 1870-an, Mahdi dibiayai oleh beberapa orang saudagar Singapura.<sup>17</sup>

Setengah-setengah peniaga Pulau Pinang juga merupakan pihak yang mempunyai kepentingan dalam Perang Klang. Sebenarnya, peristiwa *Kim Seng Cheong* memberikan sedikit keterangan tentang fakta ini. Ia terdapat dalam laporan Kapten Bradberry, komandan kapal api penjajah *Pluto*. Dalam menerangkan percubaan Inggeris hendak menangkap seorang Cina yang dituduh terlibat merompak sebuah kapal layar Cina, Bradberry menulis:

... ini memberangsangkan orang-orang Melayu, yang serta-merta menghunus keris dan mengancam pihak kita, lalu menyebabkan kebanyakan orang kita lari ke kapal. Tinggallah kami beberapa orang, termasuk Kapten Bradberry dan Tuan Cox yang masih di pantai. Sebuah perahu kemudiannya datang ke pantai dan mengambil orang-orang yang tinggal pulang ke kapal. Semasa dalam perahu ketua orang Melayu itu memanggil-manggil Tuan Boon Teik tetapi apabila diberitahu yang dia tiada di dalam perahu, ketua itu memujuk supaya Tuan Cox mendarat, barangkali dengan sesuatu maksud jahat, tetapi Tuan Cox enggan lalu balik ke kapal.<sup>18</sup>

Peristiwa ini sangat menarik dan membayangkan berbagai-bagai kemungkinan kerana Ong Boon Teik, seorang saudagar terkemuka di Pulau Pinang (pemilik syarikat Boon Teik, pembekal barang-barang keperluan kapal),<sup>19</sup> adalah salah seorang ahli penting Toa Peh Kong. Bagaimanapun, sedikit sahaja keterangan yang ada tentang Ong Boon Teik. Dia adalah salah seorang pemilik *Kim Seng Cheong*<sup>20</sup> dan kerana aktiviti perniagaannya, mungkin dikenal oleh ramai orang-orang besar di Selangor.

Bukan dalam hal ini sahaja Pulau Pinang terlibat dalam politik Selangor.<sup>21</sup> Terdapat juga kes Edward Bacon, yang terlibat dalam komplot di Perak, pada akhir tahun 1870, konon dikatakan membayar \$30,000 untuk membantu Raja Mahdi "dengan perahu-perahu beras, senapan dan ubat bedil".<sup>22</sup>

Kemudian kita beralih kepada orang-orang yang menyokong Tengku Kudin dengan wang. Diketahui bahawa pada akhir Perang Klang, hutang Kudin berjumlah kira-kira \$400,000. Daripada jumlah ini \$300,000 adalah daripada "seorang saudagar Cina Melaka untuk membeli senjata".<sup>23</sup> Menurut satu punca yang diterbitkan, nama saudagar berkenaan ialah Baba Tee Yee.<sup>24</sup> Bahan-bahan yang telah diterbitkan tidak memberikan apa-apa maklumat berkenaan saudagar ini. Perlu juga ditegaskan bahawa ejaan namanya ada pelbagai macam, mungkin ejaan paling tepat ialah yang diberikan dalam surat-menyurat rasmi sebagai Lim Teik Hee.<sup>25</sup>

Nampaknya "Baba Teck Ee" beberapa ketika sebelum bermulanya Perang Klang, menjadi sahabat karib Raja Abdullah.<sup>26</sup> Pada akhir tahun 1869, apabila Raja Ismail (putera Raja Abdullah) sedang bersiap-siap hendak menawan semula Klang, dia meminta bantuan daripada Lim Teik Hee.<sup>27</sup> Selanjutnya mungkin melalui Raja Ismail, Kudin juga berkenalan dengan Lim Teik Hee, dan sejak itu Kudin sangat bergantung kepadanya untuk sokongan material. Pada tahun 1882, Residen Selangor (Swettenham) menggambarkan Lim Teik Hee sebagai "orang yang paling banyak memegang Bon Hutang negeri Selangor."<sup>28</sup>

Hasil daripada lawatan Irving yang diiringi oleh Munshi Ibrahim ke Klang pada bulan April 1872, memberikan sedikit sahaja matlamat yang konkrit tentang hubungan di antara Kudin dan Teik Hee. Misalnya, Kudin kononnya pernah menyatakan bahawa:

Selalulah kapal api telegraf datang untuk mengambil bijih timah di sini yang kelak dihantar ke Melaka di mana Teik Hee bebas menetapkan harga dan menulis dalam buku notanya. Dia selalu menyatakan bahawa penilaian beliau berasaskan nilai pasaran bijih timah di Melaka sendiri yang dengan sendirinya, lebih tinggi daripada di Klang. Saya menerima semuanya berdasarkan kata-kata Syed Zain.<sup>29</sup>

Sebenarnya, hal ini berkisar tentang hutang Kudin kepada Lim Teik Hee. Irving bertemu dengan Baba Teik Ee di Melaka dan saudagar Cina itu berhasrat menentukan setepatnya jumlah hutang Kudin kepadanya. Lim Teik Hee mendakwa bahawa jumlah hutang Kudin telah melebihi \$100,000, tetapi Kudin sendiri menyangka hutangnya tidak melebihi \$80,000.

Tetapi yang lebih menarik ialah sementara Munshi Ibrahim secara tegas mengatakan bahawa Lim Teik Hee merupakan pemberi hutang kepada Kudin, Irving pula dalam sepucuk suratnya kepada gabenor mengenai perkara yang sama, me-

nyebutkan nama seorang Cina yang lain. Ikhtisar rasmi surat Irving itu berbunyi, "melaporkan ketibaannya di Melaka dan memberikan sebab-sebab tertentu yang mungkin menyebabkan pertemuannya dengan raja muda di Perak tergendala. Dia juga membayangkan hutang Tunku Kudin kepada seorang bernama *Chin Seng*, berjumlah \$100,000, tetapi pemberi hutang itu yakin bahawa hutang tersebut akan dibayar balik".<sup>30</sup> Anggapan Ibrahim dan Irving tidak tersilap. Nyata benar bahawa Lim Teik Hee dan Chin Seng (Tan Chin Seng) adalah rakan kongsi perniagaan. Diketahui juga bahawa Syarikat Leack Chin Seng yang sebenarnya membiayai Tunku Kudin.<sup>31</sup> Tetapi tidak ada maklumat yang nyata tentang kedudukan Lim Teik Hee dalam syarikat berkenaan. Kesimpulannya, oleh kerana seorang pengasas utama syarikat berkenaan ialah Lim Leack, maka tentulah ada hubungan yang rapat antara dirinya dengan Lim Teik Hee.

Ada lagi bukti yang menunjukkan bahawa terdapat orang-orang lain yang terlibat dalam perniagaan ini selain daripada Lim Teik Hee dan Tan Chin Seng. Ia ada hubungannya dengan kehadiran kapal api *Telegraf* di Klang. Kudin telah menggunakan kapal ini sekurang-kurangnya sejak tahun 1871.<sup>32</sup> Kapal api tersebut menjalankan perniagaan kerana Munshi Ibrahim pernah melaporkan bahawa:

- (a) . . . pada pukul lapan pagi kami sampai di Klang dan berlabuh di bahagian atas hujung Pengkalan Batu. Saya melihat banyak bot berlabuh dan terikat di situ dan terdapat sebuah kapal besi, *Telegraph* yang ditugaskan membawa orang-orang Cina untuk bekerja di lombong-lombong bijih timah dan untuk membawa bijih timah ke Melaka.
- (b) . . . pada pukul sembilan pagi, kapal api *Telegraph* mara ke muara untuk bertemu dengan Baba Tet Ek di Melaka kerana daripada dialah Tengku Kudin menerima wang dan beras untuk membangunkan Klang.<sup>33</sup>

Sungguhpun sumber-sumber rasmi mengatakan kapal api *Telegraph* itu kepunyaan Kudin,<sup>34</sup> tetapi sebenarnya, kapal itu bukanlah miliknya ataupun milik syarikat Leack Chin Seng & Co. Ia kepunyaan syarikat Cheng-tee Watt-seng, Chop Eng Joo, yang menjalankan perniagaan di North Boat Quay, Singapura.<sup>35</sup> Lee Cheng Tee, salah seorang tuan punya syarikat itu adalah ipar Tan Kim Cheng. Perlu juga diketahui terdapat pertalian di antara keluarga Tan Kim Cheng dan syarikat Leack Chin Seng & Co.

Chee Swee Cheng, cucu Chee Yam Chuan (salah seorang

pengasas syarikat Leack Chin Seng & Co.), memulakan perniagaannya ketika berumur enam belas tahun dengan syarikat Lim Tian Wah & Sons dan memasuki syarikat Leack Chin Seng & Co. hanya empat tahun kemudian. Choa Kim Keat, menantu Tan Kim Cheng, juga memulakan perniagaannya sebagai wakil penjual dengan syarikat Lim Tian Wah & Sons. Selama beberapa tahun dia juga menguruskan perniagaan beras yang besar bagi syarikat Kim Cheng & Co. Bapa saudara Choa Kim Keat, Choa Chuan Ghick, menjadi pengurus di Rangoon, cawangan syarikat Leack Chin Seng & Co. Berikutnya ayah Choa Kim Keat, iaitu Choa Kai Hong yang lahir di Melaka, menggantikannya sebagai pengurus syarikat Leack Chin Seng & Co. cawangan Rangoon dan meninggal dunia di sana dalam tahun 1865. Pendeknya, terdapat hubungan yang rapat di antara syarikat Lim Tian Wah & Sons, Leack, Chin Seng & Co. dan Kim Cheng & Co.<sup>36</sup>

Telah terbukti Tan Kim Cheng sendiri adalah pro-Kudin. Sebenarnya, dia telah mengadakan hubungan perdagangan dengan Raja Abdullah, ayah Raja Ismail, sejak tahun 1866 lagi. Selain daripada itu, terdapat satu punca lagi yang menyokong Kudin. Menjelang tahun 1872, sebuah lagi kapal api bernama *Rainbow*<sup>37</sup> "yang berniaga dengan Kallang, dan yang telah disewa khas oleh Tunku Kudin". Kapal *Rainbow* ini yang asalnya kapal penjajah telah dijual pada awal tahun 1871.<sup>38</sup> Kapal ini mungkin dibeli oleh syarikat perkapalan adik-beradik Lee Keng Yong.<sup>39</sup> Sama ada firma ini mempunyai sebarang pertalian dengan syarikat Cheng-tee Watt-seng & Co., syarikat Kim Cheng & Co. atau syarikat Leack Chin Seng & Co. tidaklah diketahui. Tetapi di antara keluarga Lee Qui Lim dan keluarga Tan Kim Seng terdapat perhubungan yang erat.<sup>40</sup>

Penglibatan saudagar-saudagar Eropah dalam politik Selangor tidaklah perlu dihuraikan dengan panjang lebar. Cukuplah kalau dikatakan bahawa sejak tahun 1872 lagi, J.G. Davidson telah berjaya menempatkan dirinya sebagai penasihat utama Kudin. Oleh sebab-sebab ekonomi, W.H. Read berat ke sebelah Kudin sungguhpun tidak ada bukti untuk menunjukkan bahawa dia memainkan peranan yang sama aktif seperti Davidson dalam menyokong Kudin.

Corak pecahan di antara saudagar-saudagar Cina di Perak agak mudah dikesan. Yang berpengaruh di kalangan kumpulan yang mempunyai kepentingan ialah puak Toa Peh Kong. Di Pulau Pinang, sejak abad ke-19, saudagar-saudagar Hokkien sangat berkuasa kerana mereka mengawal perniagaan eksport

dan import di kalangan masyarakat Cina. Kebanyakan orang-orang Hokkien yang kaya adalah ahli Toa Peh Kong.<sup>41</sup> Oleh itu, kuasa kewangan Toa Peh Kong yang digabungkan dengan kekuatan jumlah ahli Hai San, membolehkan kumpulan itu berkuasa di Larut. Pada awal tahun-tahun 1870-an, sekalipun mengalami halangan akibat daripada rusuhan Pulau Pinang pada tahun 1867, Khoo Thean Teik masih menjadi ketua tertinggi Toa Peh Kong dan merupakan orang Cina yang terkuat di Pulau Pinang. Selain daripada menguasai sepenuhnya dunia kongsi gelap, dia juga merupakan orang yang kaya-raya. Sungguhpun dia tidak diberikan perhatian yang sepatutnya dalam tulisan-tulisan yang telah diterbitkan tentang kekacauan di Larut, tetapi dia sebenarnya adalah pemilik *Fair Malacca*,<sup>42</sup> kemegahan di antara kapal-kapal Toa Peh Kong.<sup>43</sup> Pada tahun 1876, dia dianggap sebagai "semacam pelindung kuli-kuli Cina" di Pulau Pinang dan konon dikatakan dibayar \$1,000 setahun oleh kumpulan-kumpulan yang berkepentingan di Swatow.<sup>44</sup> Pada permulaan pentadbiran Inggeris di Perak, Ngah Ibrahim didapati berhutang kepada ramai saudagar Pulau Pinang. Salah seorang daripada mereka ialah Khoo Thean Teik.<sup>45</sup>

Orang yang di bawah Khoo Thean Teik, tetapi penting kerana kedudukan sosialnya dan penglibatannya dalam politik Larut secara langsung atau sebaliknya, ialah Foo Tye Sin dan Ong Boon Teik. Kedua-dua mereka ini juga pemberi hutang kepada Ngah Ibrahim.<sup>46</sup> Ong Boon Teik telah disebutkan berhubungan dengan politik Selangor. Foo Tye Sin, perlu dibincangkan bersama-sama seorang lagi saudagar Cina yang penting, iaitu Koh Siang Tat,<sup>47</sup> yang juga mempunyai kepentingan perniagaan di Perak. Satu titik perubahan yang penting bagi perniagaan Foo Tye Sin dan Koh Siang Tat berlaku apabila mereka berkongsi untuk mengasaskan sebuah syarikat yang terkenal, iaitu Tyesin-tat & Co., pembekal barang-barang keperluan kapal, yang terletak di Beach Street, Pulau Pinang. Sejak tahun 1861 lagi, syarikat ini merupakan salah sebuah kumpulan yang layak mengundi dalam pilihanraya bandaran Pulau Pinang.<sup>48</sup> Di antara dua orang ini, Foo Tye Sinlah yang mula-mula mencapai kemasyhuran. Menjelang tahun 1867, dia sudah pun menjadi seorang tokoh awam dan dilantik menjadi ahli Suruhanjaya yang mengkaji rusuhan yang berlaku pada tahun tersebut.<sup>49</sup> Bersama-sama dengan Lee Phee Chuan<sup>50</sup> dan Vapoo Nordin, seorang pemimpin masyarakat India Muslim Pulau Pinang, pada tahun 1872 dia dilantik menjadi Jaksa Pendamai, satu

kedudukan baru di Negeri Selat (Pulau Pinang) bagi pertama kalinya dipegang oleh seorang anggota masyarakat tempatan.<sup>51</sup>

Sejauh mana dia terlibat dalam peristiwa Larut tidaklah diketahui dengan jelas. Tetapi, pada 28 September 1872, dia "mengajukan rayuan yang ditandatangani oleh empat puluh empat orang peniaga Cina yang mewakili kumpulan yang kalah, iaitu Go Kwan (Hai San). Rayuan ini secara langsung menuduh menteri Larut membenarkan tindak-tanduk puak-puak Sin Neng".<sup>52</sup> Perkara ini mengesahkan bahawa dia mempunyai pertalian dengan Toa Peh Kong.

Ada lagi bukti yang lebih jelas tentang penglibatan Ong Boon Teik dalam kekecohan Larut. Semasa peperangan itu (Oktober 1872), Kapten Speedy, Pesuruhjaya Pulau Pinang, menyerahkan satu laporan kepada Pemangku Leftenan Gabenor Campbell, dan di dalamnya dia menulis:

Pada 14 haribulan ini, pukul 9 pagi saya menerima maklumat bahawa sejumlah senjata dan peluru telah dihantar oleh ketua-ketua puak Hai San dengan tongkang "Kim Choo See" ke Larut.

Saya segera pergi ke tongkang tersebut yang sedang berlabuh dan meminta Pas Pelabuhan. Saya dapati sepuluh buah peti, masing-masing berisi 20 laras senapang dan 6 pucuk meriam serta 900 paun ubat bedil sebagai kargo yang hendak dihantar ke Perak. Taikong menyatakan bahawa tongkang itu adalah kepunyaan seorang Ah Choey sementara peluru dihantar oleh firma Boon Tek.<sup>53</sup>

Sejak awal tahun 1868 lagi, "Toh-Peh-Kong mempunyai semua kedai-kedai menjual senjata yang berlesen dan membekali diri mereka sendiri".<sup>54</sup>

Koh Siang Tat juga adalah salah seorang yang memberi hutang kepada Ngah Ibrahim. Dalam tahun-tahun 1870-an dia menjadi pemajak candu dan arak Pulau Pinang.<sup>55</sup> Dia mungkin mendapat kontrak ini pada tahun 1873 kerana sindiket yang mula-mula mendapat pajakan ini memulakan perniagaannya pada bulan Julai 1870 dan kontraknya adalah untuk tiga tahun.<sup>56</sup> Oleh itu, bolehlah dibuat kesimpulan bahawa setelah menerima pajakan di Pulau Pinang, Koh Siang Tat berhajat benar untuk mendapat pajakan di wilayah-wilayah utara Perak. Dan sebenarnya, setelah pentadbiran Inggeris campur tangan di Perak melalui syor-syor yang dibuat oleh Leftenan Gabenor Archibald Anson, dia berjaya mendapat sewa pajak candu dan arak di daerah Krian. Selain daripada hubungan rapatnya dengan Foo Tye Sin, terdapat juga bukti yang membayangkan bahawa dia mempunyai pertalian dengan Toa Peh Kong.

Selepas rusuhan pertama meletus di Larut (1861), pihak ber-

kuasa di Pulau Pinang menerima rayuan daripada orang tua-tua Hai San di Pulau Pinang yang mengadu tentang pencerobohan Ghee Hin.

Selain daripada kecederaan yang dilakukan oleh orang-orang Ghee Hin ke atas orang-orang Hai San, mereka juga menyerang orang-orang Hai San yang berjalan seorang diri di jalan raya. Selama beberapa hari yang lepas, mereka telah menyerang enam orang Hai San dan merampas apa sahaja yang ada pada mereka. Seorang daripadanya diserang di jalan Cina, bersetentang dengan rumah Kow Teng Choon, dan Kow Teng Choon adalah menjadi saksi terhadap kejadian ini.<sup>57</sup>

Sebenarnya, Koh Teng Choon adalah ayah Koh Siang Tat. Nada surat itu membayangkan bahawa orang tua-tua Hai San yakin Koh Teng Choon bersedia menyokong kenyataan mereka, dan satu-satunya kongsi gelap Pulau Pinang yang anti-Ghee Hin dan yang menaruh simpati terhadap Hai San ialah Toa Peh Kong.

Tidak banyak yang dapat diketahui tentang aktiviti Koh Siang Tat di Perak. Tetapi pengaruhnya di Negeri-negeri Selat cepat berkembang. Pada awal tahun-tahun 1880-an, bersama-sama dengan Khoo Tiong Poh, Goh Sin Kho dan Quah Beng Hong, semuanya saudagar Singapura,<sup>58</sup> dia gagal mendapatkan pajakan candu di Johor.<sup>59</sup>

Berhubung dengan Koh Siang Tat yang mendapat pajakan di daerah Krian pada tahun 1875, pentinglah ditunjukkan bahawa pajakan itu dahulunya dipegang oleh Khaw Boon Aun, salah seorang tokoh yang hingga ke saat ini tidak begitu diambil berat dalam penulisan sejarah abad ke-19 Perak.<sup>60</sup> Khaw Boon Aun, alias Khaw Ewe Kuang adalah anak sulung Khaw Loh Hup,<sup>61</sup> seorang Teowchew, yang berhijrah ke Batu Kawan, Seberang Perai, dari negeri China pada awal abad ke-19. Dia bekerja sebagai pembantu dalam syarikat ayahnya buat beberapa tahun sebelum mengambil alih perniagaan tersebut. Melalui daya usahanya yang gigih, perniagaannya semakin berkembang. Dia meningkat hingga menjadi seorang pemimpin Ghee Hin Pulau Pinang dengan memegang jawatan *Sin Shen*<sup>62</sup> yang berpengaruh dalam masyarakat Cina, tetapi dia hanya diberikan pengakuan rasmi pada bulan Oktober 1886 oleh pihak berkuasa Inggeris dengan melantiknya sebagai ahli Majlis Negeri Perak. Pada bulan Mac 1890, dia dijadikan ahli Lembaga Penasihat Pulau Pinang. Dia berkhidmat dengan lembaga ini sehingga 1904. Pada tahun 1905, dia dilantik sebagai Jaksa Pendamai di

Pulau Pinang dan meninggal dunia pada tahun yang sama di Bukit Tambun.<sup>63</sup>

Kepentingan perniagaan Khaw Boon Aun di wilayah-wilayah utara Perak diwarisi daripada ayahnya. Dia tidak mempunyai hubungan yang baik dengan Sultan Ali kerana pada awal tahun 1871, Sultan Ali menulis surat kepada Pemangku Leftenan Gabenor (Kapten Hatchell) Pulau Pinang.

Kita ingin memberitahu sahabat kita bahawa suratnya yang bertarikh 8 Mac 1871 telah selamat sampai dan seluruh kandungannya difahami. Mengenai hal Raja Muda Abdullah, pada suatu masa dahulu kita telah mengalamatkan dua pucuk surat kepada yang mulia Leftenan Gabenor Pulau Pinang Kolonel Anson, meminta supaya rakyat kerajaan Inggeris sepatutnya ditegah daripada turut campur dalam sebarang perkara yang bersabit tentang pajakan dengan raja muda tersebut.

Yang Mulia Leftenan Gabenor telah menulis sepucuk surat kepada kita mengatakan dia telah memberi amaran kepada Tuan Edward Bacon dan Khoo (Khaw) Boo An supaya jangan melibatkan diri mereka dengan raja muda.<sup>64</sup>

Sebenarnya kira-kira tahun 1870, Raja Muda Abdullah membuat percubaan yang sungguh-sungguh untuk menguasai Krian, terutama melalui hasutan Khaw Boo Aun.<sup>65</sup> Meskipun dia berkomplot, namun Khaw Boo Aun dibenarkan juga meneruskan pajakannya terhadap daerah Krian. Selepas kematian Sultan Ali, berlakulah beberapa kekecohan. "Orang Cina penanam tebu (Koh Boo Aun) yang menyewa pajakan daerah Krian, tidak lagi membayar sewanya kepada menteri dengan alasan bahawa bayaran telah dibuat kepada Sultan . . ."<sup>66</sup> Perasaan benci Khaw Boo Aun terhadap Ngah Ibrahim dapat dilihat dalam konteks pertalian rapat menteri Larut itu dengan Hai San. Tetapi pada awal tahun 1872, keadaan politik di utara Perak telah secara tidak langsung menolong Khaw Boo Aun. Gabungan Ho Hup Seah-Ghee Hin telah berjaya mengusir ahli-ahli Hai San dari Larut. Kerana dipaksa oleh keadaan, Ngah Ibrahim telah bersekutu dengan Ho Hup Seah.<sup>67</sup> Dilaporkan bahawa:

. . . pada masa itu pajakan candu di seluruh daerah Perak di antara Larut dengan sempadannya telah dipajak oleh seorang Cina bernama Koh Boon Aun dengan bayaran \$2,000 setahun. Tempoh pajakan akan berakhir dalam masa tiga tahun lagi. Saya percaya dia meminta \$5,000 setahun untuk melepaskan hak-hak pajakannya.<sup>68</sup>

Kerana telah memajak Krian maka dapatlah Khaw Boon Aun membawa candu secara bebas ke Seberang Perai dan perbuatan



ini membimbangkan pegawai-pegawai Inggeris. Sebenarnya, pada tahun 1872, Khaw Boo Aun telah ditangkap oleh Penghulu Shaik Beenan di Nibong Tebal kerana disyaki melakukan penyeludupan, tetapi disebabkan tidak ada bukti yang cukup dia dibebaskan.<sup>69</sup>

Seorang lagi saudagar Pulau Pinang yang memainkan peranan penting dalam politik Larut ialah Ho Ghee Siu. Dia bukan sahaja ketua sebuah kongsi gelap tetapi juga pemberi hutang yang utama kepada beberapa orang pelombong Larut, antaranya ialah Soh Ah Cheong dan Lee Ah Kun, kedua-duanya ahli Ho Hup Seah yang berpengaruh, serta Lau Ah Sam dan Lee Kwan Kui, pemimpin Hai San.<sup>70</sup>

Oleh itu, salah satu isu utama yang menimbulkan konflik di antara tokoh-tokoh saudagar Pulau Pinang, yang juga melibatkan kongsi-kongsi gelap, adalah keinginan untuk menguasai pajakan candu di wilayah-wilayah utara Perak. Oleh kerana terdapat sebilangan saudagar-saudagar Toa Peh Kong yang kaya-kaya menentanginya maka kedudukan Khaw Boo Aun telah tergugat meskipun jumlah ahli Ghee Hin Pulau Pinang sangat besar dan kepimpinan Ho Ghee Siu dan Chin Ah Yam lebih cergas daripada kongsi gelap Ho Hup Seah. Ini menjelaskan mengapa dia perlu menolong Raja Abdullah mendapatkan kuasa yang besar sekurang-kurangnya di wilayah Krian. Krian juga penting bagi Khaw Boo Aun dari segi pertanian kerana dia adalah salah seorang penanam tebu yang utama di semenanjung pada masa itu.

Sekiranya muslihat Khaw Boo Aun berjaya, maka Ngah Ibrahim akan menanggung kerugian besar dan, dalam pada itu, saudagar-saudagar Hokkien Pulau Pinang yang utama dan yang ingin meluaskan bidang pelaburan mereka tentu akan terjejas. Dengan sokongan pemimpin-pemimpin Toa Peh Kong dan Hai San, Ngah Ibrahim berjaya menghalang Raja Abdullah daripada merampas takhta. Raja Abdullah akhirnya terpaksa berpaling kepada Singapura untuk meminta bantuan.

Kira-kira pada pertengahan tahun 1873, Raja Dayang, seorang raja Bugis yang mempunyai pertalian rapat dengan Raja Abdullah (melalui perkahwinan) bersama-sama, Haji Hussain dan Haji Mat Said, telah pergi ke Singapura untuk bertemu dengan seorang ahli pemiagaan bernama Nakhoda Trang. Raja Dayang membawa bersamanya sepucuk surat daripada Raja Abdullah yang melantiknya sebagai agen Raja Abdullah. Nakhoda Trang diminta membuat rancangan bagi membantu Raja Abdullah supaya dapat diperakui sebagai Sultan Perak.

Raja Dayang segera dibawa berjumpa dengan Tan Kim Cheng yang berjanji akan menolong dengan syarat Raja Abdullah sendiri datang ke Singapura.

Mendengar perkara ini, Ngah Ibrahim juga memanggil Nakhoda Trang. Pada masa itu dia tinggal di Pulau Pinang setelah kehilangan hartanya di Larut kerana rusuhan dahulu. Ngah Ibrahim juga meminta agar Tan Kim Cheng dapat menyelesaikan sengketa di antara puak-puak orang Cina yang ada di situ.

Kira-kira lapan hari setelah Nakhoda Trang kembali ke Singapura dari Pulau Pinang, Datuk Bandar Perak dan Haji Mat Said sampai dari Perak, membawa pesanan bahawa Raja Abdullah berada di Krian sementara Raja Dayang pula sedang sakit yang mana Datuk Bandar telah diberikan kuasa untuk bertindak bagi pihak Raja Abdullah. Mereka juga dibawa berjumpa dengan Tan Kim Cheng yang terus terang bertanyakan apa yang akan diterima sekiranya dia sanggup menolong Raja Abdullah. Datuk Bandar menjawab bahawa:

Sultan Abdullah berhak menerima cukai sejumlah \$6 sebahara bagi semua bijih timah yang dieksport dari Larut, tetapi sehingga kini dia tidak pernah dapat memungutnya, kerana Ngah Ibrahim mengambil semua cukai itu untuk dirinya. Sekiranya tuan dapat menolongnya supaya dapat diakui dan dilantik sebagai sultan, maka saya berjanji bagi pihak sultan, tuan akan menerima 5/11 daripada jumlah cukai tersebut.<sup>71</sup>

Tan Kim Cheng bersetuju dengan syarat satu perjanjian dibuat untuk masa sepuluh tahun. Tetapi sekali lagi dia meminta supaya Raja Abdullah datang ke Singapura.

Dua hari kemudian, Nakhoda Trang sekali lagi dipanggil oleh Ngah Ibrahim. Tan Kim Cheng menyuruh Nakhoda Trang pergi ke Pulau Pinang untuk memberitahu Ngah Ibrahim bahawa sekiranya Ngah Ibrahim bersedia mengakui Abdullah sebagai sultan, maka dia sendiri akan pergi ke Pulau Pinang untuk menyelesaikan pergaduhan di antara puak-puak Cina. Dia juga akan memastikan bahawa kongsi-kongsi gelap membayar ganti rugi kepada Ngah Ibrahim.

Buat beberapa hari berikutnya Nakhoda Trang berulang-alik di antara Pulau Pinang (tempat Ngah Ibrahim) dengan Rantau Panjang, Krian (tempat Raja Abdullah). Pada masa itu Raja Abdullah tinggal di sebuah pondok buruk bersama-sama dengan Datuk Bandar, Raja Idris (yang kemudian menjadi Sultan Perak), Raja Mansur dan Raja Yusuf yang sepatutnya ketika itu telah menjadi Raja Perak sekiranya dipersetujui oleh orang-

orang besar. Raja Abdullah telah mengetepikan semua adat istiadat dengan melantik sendiri Raja Yusuf untuk memegang jawatan Raja Muda. Hanya dua orang besar sahaja yang hadir, iaitu Datuk Bandar dan Laksamana.

Tetapi persetujuan di antara Abdullah dengan Tan Kim Cheng belum lagi diselesaikan kerana Tan Kim Cheng masih juga mendesak agar Abdullah datang sendiri ke Singapura untuk menandatangani perjanjian yang dipersetujui. Akhirnya Raja Abdullah berjanji akan pergi ke Singapura "sebaik sahaja sungai cukup besar bagi kapal api keluar". Dia juga telah berjanji kepada Nakhoda Trang bahawa sebaik sahaja dia ditabalakan secara rasmi sebagai Sultan, maka dia akan membayar kepada Nakhoda Trang semua perbelanjaan yang telah ditanggungnya di samping memberikan kuasa untuk memungut cukai di salah sebuah daerah.

Sebaliknya, Ngah Ibrahim tidak mahu bertolak ansur, terutama sejak mendapat perkhidmatan Kapten Speedy. Gabenor Ord telah memutuskan untuk bertindak bagi memulihkan kedudukannya kerana Gabenor menganggap Ngah Ibrahim sebagai Raja yang berhak di Larut. Oleh itu dia meminta Nakhoda Trang supaya memberitahu Tan Kim Cheng bahawa sekiranya dia dapat mengusir Ghee Hin keluar dari Larut dan Abdullah tidak dijadikan sultan, maka dia akan membayar Tan Kim Cheng sejumlah \$16,000. Bagaimanapun Nakhoda Trang memberitahu Gabenor Ord, "saya bukan datang ke sini untuk meminta wang bagi Kim Cheng. Saya datang ke mari untuk mencuba mengadakan penyelesaian. Saya tidak dapat membawa balik jawapan yang sedemikian rupa". Tan Kim Cheng sebaliknya pula menyuruh Nakhoda Trang pergi ke Pulau Pinang "... dan nyatakan terus terang kepada Ngah Ibrahim bahawa walaupun dia orang yang kaya, tetapi dia sekali-kali tidak akan campur tangan untuk mengusir Ghee Hin dari Larut. Sebaliknya dia hanya bertujuan menghasilkan penyelesaian antara kedua-dua puak berkenaan".

Demikianlah yang berlaku di antara kedua orang besar Perak itu dengan Tan Kim Cheng sehingga bulan September 1873.<sup>77</sup> Dengan sokongan kuat daripada kerajaan penjajah Ngah Ibrahim memberitahu Nakhoda Trang, "awak boleh berikan jawapan saya kepada Kim Cheng atau buatlah sesuka hati awak". Sebaliknya Raja Abdullah bertambah putus asa. Akhirnya,

Setelah bersusah-payah mengumpul seribu ringgit melalui Syahbandar, dia belayar bersama lima belas orang pengikutnya ke Singapura dan tiba di sana pada 3 haribulan Oktober (1873). Tuan Kim

Cheng menyambutnya dengan baik, menyediakan sebuah rumah, memberinya wang, membayar belanja peguamnya dan menaruh penuh minat terhadap hal-ehwalnya. Namun begitu, Sir Harry Ord enggan menerimanya dan belum pun sampai sebulan di Singapura, Tan Kim Cheng terpaksa meminta Abdullah pulang ke Perak apabila wang yang diperlukannya semakin bertambah.

Pada 23 Oktober, Raja Abdullah pulang ke Perak tetapi sebelum meninggalkan Singapura dia telah mencapai persetujuan dengan Kim Cheng, iaitu sekiranya Kim Cheng berjaya menolongnya supaya dilantik sebagai Sultan Perak dan diakui oleh kerajaan Inggeris, Abdullah akan melantiknya sebagai pemungut hasil di Larut selama sepuluh tahun, *dengan kuasa yang lebih tinggi daripada lain-lain pegawai negeri*.<sup>73</sup>

Pada 4 November, Sir Andrew Clarke tiba di Singapura sebagai gabenor baru. Kes Raja Abdullah dirujukkan kepadanya oleh rakan seperniagaan Tan Kim Cheng, W.H. Read. Read menyatakan:

. . .saya menerima sepucuk surat daripada Sultan Abdullah, Perak, kepada Sir Andrew Clarke meminta dia meredakan keadaan di Perak dan melantik seorang residen untuk menasihatinya. Surat berkenaan menurut Sir Andrew Clarke merupakan "kunci yang membolehkan-nya membuka pintu."<sup>74</sup>

Berkenaan penglibatan Negeri-negeri Selat dalam politik Sungai Ujong pada awal tahun-tahun 1870-an, sedikit sahaja yang pernah ditulis. Memang benar pada tahun-tahun sebelumnya perdagangan Melaka bergantung kepada perdagangan Sungai Ujong yang mana "eksport utama Negeri-negeri Selat ke Linggi dan Sungai Ujong buat beberapa tahun yang lepas ialah beras, candu, minyak, barang-barang kepingan, gula, tembakau, kacang dan ikan asin. Sebagai gantinya, orang-orang dari Negeri Selat telah menerima banyak bijih timah".<sup>75</sup> Saudagar-saudagar mempertaruhkan tidak kurang daripada \$130,000 di daerah-daerah perlombongan di pedalaman dan dari jumlah itu lebih daripada \$80,000 adalah di Linggi dan Sungai Ujong. Yang terpenting di antara saudagar-saudagar ini ialah L. Neubronner, H.N. Velge dan Chan Tek Chiang, semuanya mewakili syarikat-syarikat di Singapura.

Sebelum suatu percubaan dibuat untuk mengkaji penglibatan saudagar-saudagar Selat dalam hal-ehwal Sungai Ujong, maka ada baiknya kalau diperoleh pengertian yang lebih dekat mengenai kedudukan orang-orang Cina di situ pada awal tahun-tahun 1870-an.<sup>76</sup> Sungguhpun penduduk Cina di situ tidaklah terlalu besar, yakni lebih sedikit daripada 10 000 orang,

mereka mungkin terbahagi kepada beberapa kumpulan tertentu, kerana tercatat sekurang-kurangnya nama lima orang ketua: mereka ialah: Lee Ching, Chin Wo, Ngoh Kim, Wong Ying dan Khoo Sam.<sup>77</sup>

Wong Ying adalah orang Kanton (Macao)<sup>78</sup> dan Lee Sam, menurut satu laporan menjadi ketua Fui Chew yang memusuhi satu kumpulan lagi, iaitu Hakka di Sungai Ujong.<sup>79</sup> Tetapi catatan itu tidak memberikan keterangan yang lebih jelas tentang perkara ini<sup>80</sup> selain daripada hal orang-orang Kanton dan Fui Chew yang berselisih faham.<sup>81</sup> Namun begitu, berdasarkan komposisi penduduk Cina di Selangor, ia boleh dijadikan banyangan yang baik tentang keadaan di Sungai Ujong. Disebabkan oleh pelombong-pelombong Cina sentiasa bergerak dari Sungai Ujong ke Selangor, maka bolehlah dibuat anggapan bahawa kumpulan yang penting di Sungai Ujong sesudah itu ialah Kah Yeng Chew.

Adalah sukar untuk menentukan dengan tepat keadaan kongsi gelap di Sungai Ujong. Menurut laporan rasmi, Wong Ying dan Hew Sam adalah pemimpin Hai San. Pemimpin ketiganya ialah Lam Ma, ipar Lee Sam, yang mengesahkan lagi bahawa Fui Chew di Sungai Ujong terdiri daripada ahli-ahli Hai San. Dengan merujuk keadaan di Selangor, bolehlah dianggapkan bahawa Kah Yeng Chew merupakan tulang belakang kumpulan Lung Pak Kun.<sup>82</sup> Kekacauan antara pelbagai kongsi gelap berlaku dari semasa ke semasa sementara laporan semasa menegaskan terdapat juga perasaan perseteruan di kalangan ahli-ahli kumpulan loghat daerah yang berbeza. Oleh itu, sungguhpun orang Kanton dan orang Fui Chew tergolong dalam kongsi gelap Hai San, tetapi perkelahian sesama mereka tetap berlaku.

Dalam perhubungan mereka dengan orang-orang besar Melayu sekalipun, kongsi gelap tersebut tidak mempunyai asas untuk tindakan bersama. Umumnya, Datuk Bandar sejak tahun-tahun 1850-an lagi menikmati kepercayaan penduduk Cina dan juga kepercayaan peniaga-peniaga Melaka. Oleh yang demikian, orang-orang Cina memainkan peranan yang penting dalam mengimbangkan kuasa di antara Datuk Bandar dan Datuk Klana seperti yang ditekankan oleh Pickering:

(i) Semasa Swettenham hendak pergi menemui Datuk Bandar pada keesokan hari, saya yakin dia dapat menolong saya. Saya juga memberitahu Datuk Bandar sekiranya dia menulis surat kepada Yang Maha Mulia dan berjanji akan mematuhi perintahnya, dan tidak mengacau Datuk Klana, di samping membiarkan Datuk Klana bebas

untuk membantah terhadap sebarang perkara yang tidak adil dalam peraturan sekarang, maka saya sendiri akan bertanggungjawab menghantar balik pasukan polis yang ada, kerana perasaan bimbang Datuk Klana yang Datuk Bandar akan menyerangnya. Perkara ini tidak akan berlaku sekarang kerana orang-orang Cina tidak akan membantunya, dan tanpa mereka, Datuk Bandar tidak dapat berbuat apa-apa.

(ii) Menurut pendapat saya, saya datang ke sini bersama-sama pasukan polis adalah untuk meredakan pertelingkahan di antara orang-orang Cina dan untuk menjaga rumah Datuk Klana.

(iii) Saya dapat mengagak bahawa orang itu (Datuk Bandar) tidak akan menyerang setelah melihat kekuatan kita, dan terutama setelah dia gagal mendapatkan bantuan daripada orang-orang Cina. Orang-orang Cina tentu telah menyertainya sekiranya kita tidak datang dan memberikan penerangan kepada mereka tentang keadaan yang sebenarnya. Saya mempunyai bukti mungkin akan berlaku satu kecacauan umum.<sup>83</sup>

Oleh kerana orang-orang Cina telah berbelah bagi, maka bolehlah dibuat kesimpulan bahawa bukan semua mereka itu menyokong Datuk Bandar. Salah seorang daripadanya ialah Wong Ying (yang telah berada di Sungai Ujong sejak tahun-tahun 1840-an dan mungkin merupakan orang Cina yang paling kaya di sana), Ngoh Kim dan Hew Sam, kedua-duanya dikatakan oleh Pickering "sentiasa mengikut nasihatnya (Wong Ying)".

Meskipun ternyata mereka bergantung kepada Melaka kerana perdagangan bijih timah, pemimpin-pemimpin Cina di Sungai Ujong menggunakan kebebasan berniaga mereka pada bila-bila masa yang perlu. Sebagai contohnya, sehingga tahun 1874, ladang candu di Sungai Ujong tidak pernah dipajakkan kepada orang luar. Apabila Datuk Klana merancang hendak membuka ladang candu dan memajakkannya kepada seorang saudagar Melaka, ketua-ketua Cina menjadi bimbang. Pickering dan Dunlop terpaksa menasihati Datuk Klana supaya jangan berbuat demikian, dan melalui pengaruh mereka Datuk Klana kemudiannya bersetuju untuk memberikan pajakan candu, arak, judi dan pajak gadai kepada ketua-ketua Cina tempatan, iaitu Wong Ying, Ngoh Kim dan Lee Sam.<sup>84</sup> Ini juga turut mengurangkan perasaan sakit hati yang ada di kalangan mereka. Mereka menandatangani satu perjanjian dan bersetuju melupakan perselisihan faham mereka dan balik semula bekerja di lombong-lombong.

Tetapi ini tidaklah bererti bahawa saudagar Negeri-negeri Selat tidak mempunyai cukup pengaruh di Sungai Ujong, ter-

utama kerana mereka telah melabur wang dalam perniagaan bijih timah. Semasa Pickering cuba mendesak Datuk Bandar supaya menerima pentadbiran Inggeris, Tan Beng Swee dan Whampoa sendiri menaruh minat dalam perkara ini:

(i) Seorang tua Melayu datang ke bilik saya pagi ini, dan ketika melihat Tuan Hayward (dia sangat dihormati dan mempunyai ramai kenalan), dia meminta hendak bercakap dengannya. Tuan Hayward menyuruhnya bercakap di hadapan saya. Orang tua itu mengatakan bahawa semalam dia sampai ke tempat Datuk Bandar dengan membawa sepucuk surat daripada Beng Swee yang telah menulis untuk menasihati Datuk Bandar supaya mencapai kata sepakat dengan Datuk Klana.

(ii) Pada pukul dua petang dia telah menerima sepucuk surat dari Whampoa untuk Datuk Bandar Sungai Ujong, yang memberitahunya supaya lebih baik mematuhi nasihat gabenor dan menjemputnya ke Singapura.<sup>85</sup>

Dapatlah dibuat kesimpulan bahawa Beng Swee dan Whampoa mempunyai hubungan yang baik dengan Datuk Bandar. Whampoa juga sangat berpengaruh di Sungai Ujong dan ini terbukti dalam satu mesyuarat Majlis Undangan Negeri-negeri Selat pada 15 September 1874, dia menyatakan:

Ramai orang-orang Cina yang telah mengunjungi Singapura sama ada dari Perak atau lain-lain negeri datang menemui saya kerana ingin mengetahui bila kerajaan hendak menghantar residen Inggeris berkhidmat di istana raja negeri-negeri tersebut, sambil mengatakan bahawa kehadiran residen tersebut akan memberikan keyakinan yang besar bagi orang-orang yang tinggal di sana. Mereka juga meminta saya menggunakan pengaruh saya untuk memujuk orang-orang Cina yang bermodal di negeri China supaya menubuhkan syarikat untuk memodali kerja-kerja melombong bijih timah, yang akan menghasilkan pendapatan yang besar. Orang-orang Cina dari Sungai Ujong dan juga raja negeri itu telah melahirkan keinginannya kepada saya supaya dilantik seorang residen di situ.<sup>86</sup>

Patutlah diulangi bahawa Whampoa adalah salah seorang pengarah asal syarikat perlombongan Sungai Ujong dan Pickering telah menyatakan bahawa Wong Ying adalah rakan Whampoa.<sup>87</sup>

Tetapi tiada bukti yang jelas menunjukkan bahawa baik Tan Beng Swee atau Whampoa secara aktif menyokong mana-mana puak yang bergaduh. Kedudukan H.N. Velge pula sangatlah berbeza. Pada awal tahun 1872, dia mendapat daerah Setoh, Sempadan dan Rejang dari Datuk Klana Sending untuk syarikat perlombongan Sungai Ujong.<sup>88</sup> Sejak itu, dia mengendalikan

kebanyakan surat-menyurat Datuk Klana dan menjadi penasihatnya yang penting.<sup>87</sup> Salah sepucuk suratnya mendedahkan bahawa Tan Kim Cheng sangat berminat terhadap keputusan konflik di antara Sungai Ujong dengan Rembau: "Pada 16 Oktober, 1872, sepucuk surat telah diterima dari Tuan H.N. Velge yang mengatakan bahawa senjata yang mengandungi 2 *brass field pieces* dan 100 pucuk senapang, yang dipesan dari London oleh syarikat Kim Cheng, untuk Syed Ahman, anak saudara Datuk Klana, adalah sebenarnya bertujuan bagi mempertahankan negeri ini".<sup>88</sup> Jadi, berkemungkinan Tan Kim Cheng menjualkan senjata kepada Klana Sending. Dan tidak ada bukti pada masa itu dia mempunyai sebarang pelaburan di Sungai Ujong selain daripada terlibat secara aktif dalam politik Sungai Ujong.

Di antara tahun 1872 dan pertengahan tahun 1873, Kim Cheng pernah bertindak sebagai jurubahasa dalam satu pertemuan di antara Syed Abdul Rahman dan Gabenor Ord.<sup>89</sup> Kemudian, pada awal tahun 1874, Haji Abdul Karim, Bangsa Balang Rembau yang pro-Haji Mustapha, seorang penyokong puak Klana Sending bersama-sama dengan seorang yang bernama Haji Abdul Hamid telah menulis kepada Braddell:

Kami ingin memberitahu sahabat kami bahawa dengan bantuan sahabat kami, kami telah selamat balik ke Rembau.

Lagipun semasa kami berlepas dari Singapura, kami tidak bertemu dengan sahabat kami, kerana sahabat kami telah pergi bersama Yang Mulia Gabenor. Kapten Kim Cheng menyuruh kami balik kerana urusan kami telah selesai, jadi kami pun baliklah.

Kami menulis surat ini untuk bertanya tentang jumlah hutang kami yang perlu dibayar supaya kami boleh menyelesaikannya.<sup>92</sup>

Oleh itu, jelaslah bahawa Tan Kim Cheng menyokong Datuk Klana, bukan untuk menentang Datuk Bandar tetapi sebaliknya menentang Haji Sahil, iaitu Datuk Penghulu Rembau.

Setelah percubaan dibuat untuk menentukan saudagar-saudagar yang terlibat dalam menyokong pihak-pihak yang sedang berperang di negeri-negeri Melayu pantai barat, maka kini bolehlah kita cuba membentangkan pandangan yang menyeluruh tentang perkara ini dengan tujuan utama memusatkan perhatian kepada faktor-faktor yang mendorong saudagar-saudagar ini menyokong satu pihak atau pihak yang lain.

Telah ditentukan bahawa saudagar-saudagar Selat dan ketua-ketua orang Cina, dalam lingkungan konteks penglibatan mereka dalam politik Melayu terbahagi seperti berikut:



## PERAK

*Penyokong Ngah Ibrahim*

Khoo Thean Teik	} Toa Peh Kong
Foo Tye Sin	
Ong Boon Teik	
Koh Siang Tat	
Lau Ah Sam (Hai San)	
Chung Keng Kui (Hai San)	

*Penyokong Raja Abdullah*

Tan Kim Cheng
Khaw Boo Aun (Ghee Hin)
Edward Bacon
W.H. Read
Ho Chee Siu (Ho Hup Seah)
Chin Ah Yam (Ho Hup Seah)

## SELANGOR

*Penyokong Kudin*

Lim Teik Hee	Syarikat
Tan Chin Seng	Leack Chin Seng
Tan Kim Cheng	
Lee Cheng Tee	
J.G. Davidson	
W.H. Read	
Lee Keng Yong dan Adik-beradik	
Yap Ah Loy (Hai San)	

*Penyokong Raja Mahdi*

Chan Tek Chiang
Edward Bacon
Teoh Ah Chong/Chong Chong
(Ghee Hin atau Sung Pak Kun)

## NEGERI SEMBILAN

*Penyokong Datuk Klana*

Tan Kim Cheng
H.N. Velge
J.G. Davidson

*Penyokong Datuk Bandar*

Wong Ying	} Hai San
Ngoh Kim	
Hew Sam	

Hanya seorang sahaja saudagar Selat, iaitu Tan Kim Cheng, telah terlibat dalam politik di ketiga-tiga buah negeri. Tetapi bolehlah dimasukkan juga nama W.H. Read kerana pada waktu itu dia sedang berusaha melancarkan projek telegraf dari utara ke selatan semenanjung dan sudah tentu dia berminat tentang keputusan persaingan politik di negeri-negeri perlombongan ini sebab dia berharap akan mengadakan persetujuan yang menguntungkan kedua belah pihak dengan orang-orang besar Melayu yang tertentu di negeri-negeri berkenaan.

Di antara ketiga-tiga buah negeri ini, hanya di Perak sahaja kita dapat melihat satu garis pemisah yang nyata di antara dua kumpulan orang berdasarkan perkaitan dengan kongsi-kongsi gelap. Dari sudut perniagaan, Perak merupakan tempat kegiatan bagi saudagar-saudagar Pulau Pinang. Oleh yang demikian,

corak persaingan di suatu tempat terbayang dengan jelas di tempat yang satu lagi. Bolehlah dibuat satu kesimpulan bahawa saudagar-saudagar Hokkien yang telah bertapak di Beach Street, Pulau Pinang (semuanya ahli Toa Peh Kong) dan sejak pembukaan Larut telah membentuk pertalian rapat dengan Chen Sang Hakka (ahli Hai San), perintis-perintis Cina dalam industri perlombongan bijih timah Larut. Kemudian, diikuti oleh Fui Chew selepas itu pula San Neng, ahli-ahli Ghee Hin dan sekutu-sekutunya, Ho Hup Seah, masing-masing turut mengambil bahagian dalam industri perlombongan setelah mendapat sokongan kewangan daripada kumpulan-kumpulan yang berkepentingan di Pulau Pinang. Perselisihan kemudiannya berlaku di antara pelombong-pelombong Cina tersebut, tetapi pada peringkat awal tidak menimbulkan akibat yang serius di Pulau Pinang kecuali mereka yang mempunyai modal di Larut terpaksa mengambil sedikit kerugian dari masa ke masa. Tetapi, seiring dengan perkembangan perdagangan bijih timah dan munculnya candu yang bernilai, judi dan pajakan arak, terdapat pertambahan penduduk Cina di Larut dan di kawasan-kawasan jiran, dan juga persaingan di antara saudagar-saudagar Pulau Pinang menjadi semakin hebat. Menjelang masa ini, Teochew (juga ahli Ghee Hin Pulau Pinang), yang telah membina perdagangan arang yang bernilai, membalak dan pertanian di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan Larut masuk campur dalam pergaduhan untuk menghalang saudagar-saudagar Toa Peh Kong daripada meluaskan kawalan mereka sehingga hampir memonopoli perdagangan di sekitar Pulau Pinang. Bagi mengukuhkan kedudukan mereka dan supaya kegiatan mereka sah dari segi undang-undang kerajaan kolonial, maka kedua-dua kumpulan itu cuba mengambil orang-orang besar Melayu yang berkuasa sebagai penyokong mereka.

Mengenai Selangor, amat sukar untuk menentukan sama ada terdapat faktor-faktor asas yang penting dan yang turut menimbulkan persaingan di antara saudagar-saudagar Selat yang mempunyai kepentingan perdagangan di sana. Sedikit sebanyak, di Selangor juga terdapat persaingan di antara Ghee Hin dengan Hai San, mengenai aktiviti perlombongan. Perkara ini menerangkan sebab terjadinya serangan yang dibuat terhadap bot Toa Peh Kong, "*Kim Seng Cheong*". Tambahan pula, pada tahun 1872, Leftenan Gabenor Shaw (Melaka) melaporkan bahawa Raja Mahdi telah bersatu dengan Ghee Hin di Singapura.<sup>41</sup> Kemudian terdapat pula kes Edward Bacon, seorang

sahabat karib pemimpin Ghee Hin Pulau Pinang, Khaw Boo Aun, yang meminjamkan sebanyak \$30,000 kepada Raja Mahdi seperti yang dibuatnya kepada Raja Abdullah.<sup>95</sup> Tetapi selepas ini keadaan politik di Selangor agak sukar untuk digambarkan kerana Tan Kim Cheng yang selama ini berjuang membela Raja Abdullah di Perak telah memilih untuk menyokong Tunku Kudin di Selangor, dan pada masa yang sama, dia menyokong Datuk Klana yang menentang Kudin di Negeri Sembilan.

Keadaan di Negeri Sembilan lebih sukar untuk dihuraikan. Tidak dapat dinafikan bahawa Datuk Klana mempunyai hubungan yang baik dengan ramai saudagar Negeri-negeri Selat seperti Tan Beng Swee dan Whampo. Mereka juga tidak memusuhi Datuk Bandar kerana merekalah yang menasihati Datuk Bandar supaya menerima pentadbiran Inggeris. Dan sejauh yang dapat ditentukan, hanya tiga orang sahaja daripada para saudagar berkenaan yang sungguh-sungguh berusaha untuk menolong Datuk Klana bagi menegakkan kuasanya.

Berdasarkan bukti-bukti yang ada, maka kita bolehlah membuat kesimpulan bahawa keadaan yang terdapat di Pulau Pinang tidaklah sama dengan keadaan yang terdapat di Singapura dan di Melaka. Manakala di Pulau Pinang, perselisihan yang berlaku adalah akibat daripada aktiviti kongsi gelap serta perbezaan loghat wilayah, sementara di Singapura dan Melaka, perselisihan di antara saudagar-saudagar lebih merupakan saingan perdagangan.<sup>96</sup> Ini tidak pula membayangkan bahawa secara keseluruhan kongsi-kongsi gelap Cina tidak membentuk unsur yang penting dalam politik tempatan pada suku ketiga abad ke-19. Tetapi untuk mengatakan bahawa persaingan di kalangan saudagar-saudagar Cina pada masa itu berdasarkan Triad menentang Tokong adalah merupakan satu pernyataan yang melampau.

1. Disebutkan oleh Abdullah Sultan, m. s. 13 n. 2.

2. Lihat m. s. 118-20.

3. SSR, F7, Dia Oodin to Governor, 18 Jun 1872.

4. Dalam konteks ini, komentar Gullick sangatlah sesuai:

"... kedua-dua belah pihak mempunyai penyokong masing-masing, di kalangan saudagar-saudagar, terutama saudagar Cina, di Negeri-negeri Selat. Saudagar-saudagar itulah yang menyediakan kekuatan berperang". (Lihat Middlebrook, Pengenalan, m. s. 6.)

5. M.L. Wynne (*Triad and Tabut*) adalah satu-satunya orang yang hingga saat ini telah membuat percubaan yang sungguh-sungguh untuk mengkaji implikasi yang lebih dalam tentang penglibatan saudagar-saudagar Negeri-negeri Selat dalam "peperangan" semenanjung. Wynne mendalilkan bahawa persaingan di kalangan saudagar-saudagar terutama didorong oleh perselisihan kongsi gelap. Ini merupakan sebahagian besar daripada percubaannya untuk menguatkan teori yang lebih luas berkenaan adanya konflik Triad-Tokong di kalangan kongsi-kongsi gelap Cina. Cukuplah kalau dikatakan bahawa hujah Wynne mengandungi beberapa buah fikiran yang keliru, akibat pengajian yang cetek terhadap bukti-bukti yang ada. Beberapa kesilapannya akan ditunjukkan.

6. Lihat Cowan, *Nineteenth Century Malaya*, m.s. 130-39.

7. *Ibid.* m.s. 139.

8. Abdul Samad Ahmad (ed.), *Pesaka Selangor*, m.s. 10.

9. Winstedt, "A History of Selangor", m.s. 19-20; lihat juga Wynne m.s. 418.

10. SSF, CS 97/75, Col. Sec. to Resident, 18 Aug. 1875; Resident to Chan Tek Chiang, 24 Aug. 1875.

11. Dia ialah adik Tan Kim Cheng.

12. *CMP*, Jervis to Camarvon, 29 Dec. 1875, encl. 4, C.B Plunket to Governor, 25 Dec. 1875.

13. Dia adalah di antara anak-anak Tan Kim Seng, lahir di Melaka pada tahun 1805, menjadi saudagar yang terkenal di Singapura. Pada tahun 1850, dia dijadikan Jaksa Pendamai. Dia mempunyai transaksi perniagaan yang rapat dan luas dengan firma penting orang-orang Eropah, di antaranya Syarikat Hamilton, Gray dan Boustead. Merujuk kepada kegiatan perdagangannya, seorang penulis mengatakan:

"Seorang Cina yang datang ke Singapura dalam keadaan melarat kira-kira tiga puluh tahun dahulu, meninggal dunia pada bulan Mac 1864, mempunyai harta bernilai hampir dua juta ringgit. Dia menjadi seorang saudagar besar, peladang dan pelombong bijih timah. Dia telah banyak membuat kebajikan." (J. Cameron, *Our Tropical Possessions in Malayan India*, London, 1865, m.s. 139n.)

14. Lihat, C.S. Wong, *A Gallery of Chinese Kapitans* m.s. 8.

15. Lihat, m.s. 86.

16. Tan Beng Swee dilahirkan di Singapura pada tahun 1828. Sejak kecil lagi dia bekerja di kedai ayahnya dan diterima menjadi rakan perkongsian dalam tahun 1852. Tetapi hubungan keluarga ini dengan Melaka tidak pernah putus. Selama tujuh belas tahun Tan Beng Swee menjadi pengerusi sebuah kuil Cina di sana. Namanya terdapat dalam senarai *Grand Jurors* pada tahun 1864 dan pada tahun 1879 dijadikan Jaksa Pendamai. Dia meninggal dunia pada 4 Nov. 1884 dan setelah itu saudaranya, Tan Beng Gum, dipilih sebagai pengerusi kuil yang sama dan pemimpin masyarakat Cina di Melaka. Tan Beng Gum mempunyai kepentingan yang besar di Melaka tetapi menghabiskan sebahagian besar masanya di Singapura dan di sini dia berkhidmat dalam jawatankuasa Po Leung Kuk yang mentadbirkan Rumah Perempuan Cina di Kandang Kerbau. Dia meninggal dunia pada 15 September 1893. (Song, *One Hundred years History of the Chinese in Singapore*, m.s. 90, 193, 277; C.S Wong, m.s. 8.)

17. *GPMP, Precis of Selangor Papers: Lt. Gov., Malacca, to Governor, 8 April 1872.*
18. CO 273/48, Anson to Kimberley, 14 July 1871, encl. A. (Italik Saya.)
19. Wright & Cartwright (ed.) *Twentieth Century Impressions of British Malaya*, m.s. 757.
20. The Penang Argus (1 July 1871) juga menyebutkan bahawa bot itu kepunyaan Ong Hong Buan. (Lihat enclosure in CO 273/48, Anson to Kimberley, 14 July 1871.)
21. Cowan, (*Nineteenth Century Malaya*, m.s. 139) percaya bahawa saudagar-saudagar Pulau Pinang mungkin menjadi pemimpin wang yang penting bagi Tunku Kudin kerana "dia menghabiskan banyak masanya di sana dalam perjalanan berulang-alik dari rumahnya di Kedah . . ."
- Mengenai hubungan perniagaan dengan Pulau Pinang, Raja Bot (*Malay Mail, Rice Cultivation in the States & c.*) berkata, "orang-orang Selangor jarang sampai hingga ke Singapura, mereka berniaga hanya dengan pedagang-pedagang dari Pulau Pinang".
22. Winstedt, "A History of Selangor", m.s. 23.
23. *Ibid.* m.s. 32.
24. Middlebrook, m.s. 127.
25. SSF, K.L. 78/82, Resident to Col. Sec., 21 Nov. 1882.
26. Abdul Samad Ahmad (ed.), m.s. 19.
27. *Ibid.*
28. SSF, K.L. 78/82, Resident to Col. Sec., 21 Nov. 1882. Dari satu punca Melayu disahkan (lihat Abdul Samad Ahmad, m.s. 54) bahawa hutang kepada Lim Teik Hee pada akhir perang ialah \$300,000 akan tetapi hutang itu konon dikatakan dibuat oleh Raja Ismail.
29. Haji Muhammad Said (ed.) m.s. 42.
30. *GPMP, Precis of Selangor Papers: Irving to Governor, 19 April 1872 (Italik saya).*
31. Asal usul firma ini sudah disebutkan sebelumnya, lihat m.s. 62.
32. *GPMP Precis of Selangor Papers: Irving to Administration, SS, Aug. 1871.*
33. Haji Muhammad Said, (ed.) m.s. 38, 39.
34. *GPMP Precis of Selangor Papers: Irving to Administration, SS, Aug. 1871; Sultan of Selangor to Governor, 1 Oct. 1872.*
35. Song (m.s. 165) menulis, "Syarikat Cheng-tee Watt-seng & Co., memiliki kapal api *Telegraph*, yang belayar ke Melaka dan Pulau Pinang."
36. *Ibid.* m.s. 29, 406.
37. *CMP, Irving's Memo on Selangor, 24 July 1872; Haji Muhammad Said (ed.), m.s. 47; Abdul Samad (ed.) m.s. 42.* Dalam karyanya terakhir, *Rainbow* muncul sebagai *Rembau*.
38. CO 273/64, Governor to Sec. of State, 20 April 1871. Nama pembeli tidak dinyatakan. Tetapi pada tahun 1875, Lee Kong Yong dinamakan sebagai pemilik kapal tersebut (lihat SSF, CS 83/75, Resident to Keng Yong, 12 July 1875; Actg. Sec. for Native Affairs to Resident, 30 July 1875).
39. Lee Keng Yong adalah anak Lee Qui Lim. Seorang lagi saudaranya, Lee Keng Liat, yang juga ada kaitan dengan firma ini, mendapat suatu pajakan di

Tampin, Negeri Sembilan pada awal tahun-tahun 1880-an. (CO 273/119, Weld to Derby, 23 Feb. 1883, encl., Harvey to Col. Sec., 25 Jan. 1883.)

40. Lihat m.s. 64.

41. Lihat m.s. 113.

42. Mengenai soal *Fair Malacca* dan kekacauan di Larut, lihat Parkinson, *British Intervention & c.*, m.s. 84 et seq., 126, 127; Cowan *Nineteenth Century Malaya*, m.s. 117, 184.

43. Wynne, m.s. 267, 275.

44. Sebuah pelabuhan di Kongchow terletak lapan km dari laut. Setiap tahun, ramai para penduduknya berhijrah ke tempat lain. Lihat juga *Proceedings of the Legislative Council, Straits Settlement 1876*, "Report on Chinese Labourers", App. 22, ccxliii-iv.

45. CMP, Jervois to Camarvon, 16 Nov. 1875, encl. 6. Perjanjian dibuat antara Ngah Ibrahim dan orang-orang yang memberi pinjaman kepadanya, 20 April 1875. Pada tahun 1880, Khoo Thean Tek juga memegang pajakan berikut di Perak: (i) Krian dan Kurau, termasuk eksport candu ke Selama, tetapi tidak termasuk cukai ke atas bijih timah dari Selama dan pajakan di selatan Larut; (ii) Hak memungut cukai \$5 ke atas satu bola candu yang diimport ke Sungai Perak melalui pantai, tidak termasuk candu yang dibawa dari Larut ke Kuala Kangsar untuk kegunaan di Hulu Perak; (iii) Hak memungut cukai ke atas tembakau yang diimport ke Sungai Perak sebanyak \$3 sepikul. (Lihat Philip Loh, "Social Policy in Perak", *Peninjau Sejarah*, jil., no 1, 1966, m.s. 37).

46. Pada awal tahun 1872, Foo Tye Sin dan Ong Boon Teik menyaman Ngah Ibrahim, Seow Ah Ghow, yang menguruskan kedai Ibrahim di Beach Street, Pulau Pinang, dan lain-lain lagi (tidak disebutkan namanya) untuk mendapat kembali \$3,000 yang harus dibayar kepada Foo Tye Sin dan \$1,000 kepada Ong Boon Teik. Pegawai-pegawai undang-undang merampas sebuah peti besi wang kepunyaan Ngah Ibrahim dari kedainya di Beach Street. Wang berjumlah \$4,700 kemudiannya diambil daripada peti besi itu mengikut tuntutan saman dan disimpan di rumah Rodyk, iaitu ketua penguatkuasa undang-undang. (CO 273/80, Clarke to Camarvon, 5 May 1873, with enclosures.)

47. Koh Siang Tat ialah cucu Kapitan Koh Lay Huan. Kapitan Cina ini mempunyai dua orang isteri, seorang di Pulau Pinang dan seorang lagi di Kedah. Anak sulungnya dengan isteri di Pulau Pinang ialah Koh Kok Chye, datuk Koh Siang Tat. Koh Kok Chye bukan sahaja mengiringi Raffles ke Singapura pada tahun 1819 tetapi juga berkhidmat dengan kerajaan Siam dalam pelbagai jawatan, umpamanya sebagai Gabenor Kuala Kedah (1821-41), Raja Punjab (di Ligor) dan agen bagi pihak Chau Phya Ligor. Anak sulungnya ialah Koh Teng Choon, ayah Koh Siang Tat. Kerjaya Koh Teng Choon pula tidaklah menakjubkan. Dia telah menjadi jurubahasa di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang buat beberapa lama. Koh Siang Tat sendiri dilahirkan pada tahun 1833 dan menerima pendidikan di *Penang Free School* dan setelah itu dia berkhidmat buat beberapa ketika sebagai pegawai rendah di Mahkamah Tinggi sebelum berniaga. (Lihat C.S. Wong, m.s. 12-15; Wright & Cartwright, m.s. 755, 757.)

48. SSR, DD42, Resident Councillor to Governor, 13, Dec. 1861.

49. *PRCR*, "Government Notification".

50. Tiada maklumat yang diperoleh tentang dirinya.

51. CO 273/74, Campbell to Kimberley, 28 June 1873, encl, report of the Blue Book of Penang Province Wellesley, 1872. Keluarga Koh Siang Tat mendakwa bahawa dia adalah J.P. pertama Pulau Pinang. (Lihat C.S. Wong, m.s. 16 n.d. 45) begitu juga penulis riwayat hidup ringkasnya yang ditulis pada awal abad ke-19 (lihat Wright & Cartwright, m.s. 775). Tetapi Pemangku Leftenan Gabenor Pulau Pinang (Campbell) tentulah tidak membuat kesilapan kerana Koh Siang Tat dilantik menjadi J.P. antara tahun 1873 atau 1874 kerana namanya tersebut di antara nama-nama J.P. dalam *Penang Directory* tahun 1874.

52. CMP, A. Skinner, "Precis of Perak Affairs, 10 Jan. 1874".

53. CO 273/61, Ord to Kimberley, 11 Nov. 1872, encl; Speedy to Campbell, 23 Oct. 1872.

54. PRCR, Evidence no. 9—Boey Yoo Kong.

55. CMP, Jervois to Carnarvon, 8 July 1875, encl; Koh Siang Tat to Anson. 7 May 1875; Jervois to Carnarvon 16 Oct. 1875, encl; Agreement signed between Ngah Ibrahim and his Creditors, 20 April 1875.

56. Sindiket ini terdiri daripada Cheah Oon Heap, Neoh Ah Chung, Thun Ah Kun dan Gan Sim Swee. (CO 273/24, Straits Settlement Association to Buckingham, 25 Aug. 1868, encl., *Straits Times Overland Journal*, 4 July 1868.)

57. CO 273/5, Correspondence on the Larut Disturbances, Petition of Leoh Ung, Chong Moye, Chong Ahon dan Chin Chit Chong to Capt. Man, n.d.

58. Sehingga Nov. 1874, Khoo Tiong Poh adalah rakan kongsi Chop Teong Ho di Market Street, Singapura. Selepas bersara daripada syarikat tersebut dia berkongsi pula dengan Raja Wichit dari Phya Puket dan menubuhkan Syarikat Perkapalan Bun Hin yang segera menjadi salah sebuah syarikat Cina yang ternama di Singapura. Dia juga terlibat dalam perniagaan menyediakan bekalan kapal melalui syarikat Ann Bee.

Goh Sin Kho adalah ketua Syarikat Goh Guan Loo yang memiliki beberapa buah kilang papan di Kallang dan menjalankan perniagaan sebagai tuan punya kapal api di Jalan Teluk Ayer.

Quah Beng Hong dididik di Pulau Pinang dan bersaudara dengan Khoo Tiong Poh. Pada tahun 1880, dia sampai di Singapura untuk memasuki syarikat Bun Hin dan seterusnya dilantik menjadi rakan pengurus. Dia juga menjadi pengarah *Straits Insurances Co. Ltd.* dan terlibat dalam beberapa perniagaan yang lain. Dia meninggal dunia pada bulan Mac 1885 akibat satu kemalangan. (Lihat Song, m.s. 176, 201, 218 & 318.)

59. CO 273/135, Smith to Stanley, 1 Aug. 1885 with enclosures.

60. Riwayat hidupnya ditulis hanya beberapa tahun yang lepas. (Lihat C.S. Wong, m.s. 81-83.)

61. Khaw Loh Hup memulakan kariernya sebagai buruh tetapi dapat mengumpulkan modal untuk membeli sebuah kebun. Dari Batu Kawan dia meluaskan perniagaannya ke Krian dan di sana dia menanam tebu dan tembakau. Kejayaannya yang berikut ialah penubuhan sebuah syarikat besar yang dikenali sebagai Chop Kau Heng di Kuala Kurau. Pada tahun 1866, Khaw Loh Hup balik ke Bukit Tambun di sinilah dia membina sebuah rumah untuk keluarganya. Tidak lama kemudian dia balik ke negeri China dan meninggalkan seluruh perniagaannya kepada Khaw Boo Aun. (Ibid.)

62. Menurut amalan, *Sin Sehn* adalah pemimpin agung Ghee Hin Pulau Pinang, kerana pada tahun 1867, Boey Yoo Kong yang memegang jawatan

tersebut berkata "saya lebih tinggi daripada Tao Ko". (PRCR, Evidence no. 8.)

63. C.S. Wong, m.s. 81-83. Sebenarnya, kerajaan Inggeris tahu betapa kuatnya pengaruh Khaw Boo Aun. Sebagai contohnya setelah pentadbiran Inggeris ditubuhkan di Perak, dia tidak membenarkan Noel Denison, seorang pemungut cukai, atau orang-orang Melayu menggunakan sebatang jalan yang melintasi ladang tebu Khaw Boo Aun di Krian yang menghala terus ke rumah pemungut cukai itu di Parit Buntar. Dan Swettenham hanya dapat membuat komentar berikut: "Boo Aun dengan pengaruh dan wang telah menggunakan ladang tebunya untuk mengumpulkan beberapa banyak harta yang dituntut oleh orang-orang Melayu kerana harta tersebut adalah dalam kawasan wilayah Inggeris". (Swettenham Papers, Item 72, Swettenham's Report on the Audit of Native Status Account, 1879.)

64. SSR, G7, Letter dated 18 March 1871.

65. Lihat, m.s. 139, n. 3.

66. *CMP*, A. Skinner, "Precis of Perak Affairs, 10 Jan. 1874".

67. Ho Ghee Siu, ketua Ho Hup Seah, telah dilantik sebagai salah seorang peguam Ngah Ibrahim. (CO 273/61, Ord to Kimberley, 11 Nov. 1872, encl., Petition of Mohd Zain dan Ho Ghee Sew to Acting Lt. Gov., Penang, 16 Oct. 1872.)

68. *CMP*, Irving's Memo. on Perak, 24 July 1872. Ini termasuk satu pajakan permainan dan sewa ke atas 400 relung tanah.

69. Kyshe, *Cases Heard and Determined* . . . jil. 1, m.s. 273-74.

70. SSR, DD42, Petition of Chinese Traders of Penang to Resident Councillor, 19 June 1865.

71. Cukai-cukai dipungut di daerah yang terbentang dari Teluk Serah, dekat Dinding, hingga ke Krian, termasuk Larut.

72. Lihat Perak Enquiry Papers, Statement of Nakhoda Trang, 1 Sept. 1876.

73. *Ibid.* (Precis) (Italik Saya).

74. *Singapore Free Press*, 30 June 1899. Tidak diketahui dengan jelas sama ada terdapat lain-lain saudagar Eropah yang terlibat dalam politik Perak. Tetapi ada disebutkan bahawa Syarikat Lorraine, Gillespie adalah si piutang kepada Ngah Ibrahim dan W. Mansfield adalah wakilnya pada tahun 1873. Thomas Scott dari Syarikat Guthrie mungkin juga merupakan orang yang berkepentingan dalam perdagangan di antara Raja Abdullah dan saudagar-saudagar Singapura, kerana pada bulan Julai 1874, Lee Cheng Tee, ipar Tan Kim Cheng, memungut cukai di Batak Rabbit, Perak Hilir, berdasarkan suatu perjanjian bertulis, dan senaskhah salinannya dihantar oleh Thomas Scott kepada Sir Andrew Clarke. (J.W.W. Birch's Journal, 1874-75, entry 4.11.1874.)

75. Petition of Malacca traders to Capt. Shaw, 19 April 1873; cited in full in T. Chelliah, "War in Negeri Sembilan", App. B (4)

76. Hanya sedikit sahaja maklumat yang ada tentang tajuk ini. Sumber yang boleh dipercayai ialah "Pickering's Journal: Singapore to Sungai Ujong", (Swettenham Papers, Item 72) dan Capt. S. Dunlop's "Report of Proceedings as Commissioner in Sungai Ujong" (PP, Sir Andrew Clarke to Carnarvon, 29 Dec. 1874, encl. 18).

77. Laporan-laporan ini mengandungi beberapa kesilapan tifografi. Nama Ngoh Kim dalam laporan Dunlop terus-terusan ditulis sebagai "Ugoli Kim". Nama "Lee Ching" (dalam Pickering Journal) nyatalah tidak lengkap dan



menyebutkan orang yang sama sebagai "Ali Sam" (yang betulnya, Lee Sam) yang terdapat dalam laporan Dunlop tetapi tidak ada dalam laporan Pickering. C.S. Wong (m.s. 108 n. 5) yang memetik dari Penerbitan Cenderamata Persatuan Hakka Perak menulis "... Kapitan Lee Chen Li ... *alias* Lee Sam ... *alias* Ali Sam dari Sungai Ujong ... dikenali sebagai Lee Sam ... kerana dia adalah Pengerusi Ketiga, Sam Ko, dari Lodgenya". Patut juga ditegaskan Khoo Sam adalah sebahagian sebutan Hokkien dan sebahagian sebutan Hakka-Versi sebenar nama orang ini ialah Hew Sam kerana dia orang Hakka. (Lihat Wynne, m.s. 142, "Powells' Report 1884".)

78. Wynne, m.s. 412.

79. Capt. Dunlop menulis "... orang-orang Cina mengambil peluang daripada ketiadaan kita, dan bahawa orang-orang Hwey Chew (Ali Sam) telah menyerang orang-orang Khek dan membakar saki-baki Rassa ..."

80. Rekod yang ada hanya merujuk kepada orang-orang Kanton, Hokkien, Fui Chew dan Khek yang ada di Sungai Ujong kerana ramai penulis tidak sedar bahawa Khek atau Hakka adalah istilah umum. Sebagai contoh, Fui Chew juga adalah Hakka.

81. Capt. Dunlop melaporkan bahawa 10 December 1874, beberapa orang Fui Chew telah cedera parah kerana ditetak oleh beberapa orang Cina Macao.

82. Sung Pak Kun adalah sekutu Ghee Hin. Asalnya, Sung Pak Kun ditubuhkan di Sungai Ujong.

83. Entries on 10 and 14 October 1874.

84. Pada tahun 1893, Lee Sam "masih tinggal di Sungai Ujong dan menikmati pendapatan yang lumayan". Iparnya Lam Ma, juga adalah seorang "taukey Sungai Ujong dan hidup mewah" (C. Letessier; "Si Sen Ta, A Chinese Apotheosis" m.s. 320).

85. Pickering's Journal, entries on 12 and 13 October 1874.

86. CMP, Sir Andrew Clarke to Carnarvon, 5 Nov. 1874, encl.

87. Entry on 19 Nov. 1874.

88. Lihat, m.s. 106.

89. Keadaan tidak berubah apabila Klana Sending meninggal dunia pada akhir tahun 1872. Syed Abdul Rahman, Datuk Klana yang baru menjalankan dasar yang sama seperti Klana Sending.

90. GPMP, Bradell, "Second Continuation of Report & c."

91. Dalam suatu pertemuan yang lain di antara gabenor dan Syed Ahman, J.G. Davidson bertindak sebagai jurubahasa dan dia mempunyai hubungan yang rapat dengan Syarikat Perlombongan Sungai Ujong. Gabenor tidak akan pergi menemui Tan Kim Cheng sekiranya dia tidak mempunyai kepentingan peribadi. (GPMP Braddell, "Second Continuation of Report & c.")

92. SSR, F7, Haji Abdul Hamid and Haji Abdul Karim Bangsa Belang of Rainbow to Attorney General, 29 May 1874.

93. Dalam hal Negeri Sembilan, semenjak awal tahun-tahun 1970-an (sehingga 1873), perselisihan Datuk Klana adalah dengan Penghulu Rembau, terutama Haji Sahil. Sokongan daripada saudagar-saudagar Selat sepatutnya dilihat khususnya dalam konteks ini. Konflik di antara Datuk Klana dan Datuk Bandar tidaklah begitu ketara sehingga tahun 1874 apabila Datuk Klana ber-cadang menyerahkan pentadbiran Sungai Ujong kepada pihak Inggeris.

94. GPMP, *Precis of Selangor Papers: Shaw to Gov.*, SS, 8 April 1872.

95. Perak Enquiry Papers—Bacon menyatakan pada 16 May 1876: "Pada 14 Oktober 1874, saya berlepas dari Pulau Pinang ke Perak untuk menuntut wang sejumlah \$30,000 dari Sultan Abdullah kerana memajak daerah Krian serta perkhidmatan yang telah saya berikan".

96. Sedikit sebanyak perkara ini disahkan dalam hal Tan Kim Cheng dan Whampoa. Sir Andrew Clarke sendiri memberikan pengesahan bahawa mereka adalah bersaing ("*Straits Settlements*", *The British Empire Series*, jil. 1, 1899, m.s. 460). Pada masa yang sama, banyak ramalan yang dibuat bahawa Tan Kim Cheng adalah ahli Ghee Hin (lihat khususnya Wynne, *passim*). Tentang Whampoa pula sejak awal tahun 1846 lagi, dia mungkin seorang pemimpin Ghee Hin (lihat, Comber, *Chinese Secret Societies in Malaya*, m.s. 70-71). Pendeknya, persaingan di antara mereka tentulah bukan kerana persekutuan kongsi-kongsi gelap tetapi semata-mata berdasarkan perdagangan.

## PENUTUP

Kesimpulan umum yang boleh ditarik dari kisah sebelum ini ialah pada suku ketiga abad ke-19 masyarakat Melayu tradisi mengalami tekanan kuasa luar yang hebat berbanding sebelumnya, setidak-tidaknya sejak pertembungannya dengan agama Islam beratus-ratus tahun dahulu. Kuasa luar ini memimpin masyarakat ini ke jalan baru menuju pembangunan. Sampai sekarang pun, menjadi kebiasaan orang untuk menganggap tahun 1874 sebagai titik penting dalam sejarah semenanjung. Walaupun pembahagian di antara zaman sebelum tahun 1874 dengan zaman sesudah tahun 1874 tetap dianggap sah, namun perbezaan ini perlulah dilihat dari segi perspektifnya yang betul. Barangkali beberapa tahun sesudah tahun 1874 lebih tepat digolongkan sebagai peringkat berlakunya perubahan penting dalam sistem politik, tergambar khususnya melalui pengenalan apa yang biasanya dikenali dengan Sistem Residen. Pokoknya, ini merupakan penggantian sistem pentadbiran tradisi dengan sistem birokrasi bentuk barat yang menyediakan tapak asas bagi perkembangan ekonomi kapitalis, juga yang melemahkan—walaupun tidak menghapuskan—wibawa dan kuasa kelas pemerintah Melayu tradisi, terutama golongan bangsawan bukan berdarah raja.

Sesungguhnya, suku ketiga abad ke-19 menyaksikan sedikit sekali perubahan yang membina. Tahun-tahun itu merupakan tempoh yang amat mengacaukan. Namun, perkara seumpama ini biasa dalam masyarakat yang bergolak hebat akibat perkembangan dan pengalaman yang baru. Yang penting ialah suasana telah dicipta untuk menerima perubahan jangka panjang yang berlaku dalam tahun-tahun yang menjelang. Namun begitu, dalam tempoh yang kacau itu, terdapat juga

perkembangan yang penting. Jika perubahan dalam tahun-tahun awal sesudah tahun 1874 lebih bersifat politik, maka dalam suku ketiga abad ke-19 pula, pada dasarnya, perubahan penting adalah bersifat ekonomi: berkembangnya komuniti Cina, meningkatnya pengeluaran bijih timah untuk memenuhi permintaan yang bertambah daripada perusahaan timah keping, terlepasnya kuasa ekonomi pembesar-pembesar Melayu kepada saudagar-saudagar Selat dan yang lebih penting menjadi sebab utama bergolaknya suasana politik.

Pendek kata, ditinjau dari segi perubahan secara keseluruhan yang telah sejak lama dialami masyarakat Melayu, suku ketiga abad ke-19 tidak seharusnya dilihat sebagai detik-detik awal campur tangan British dalam tahun 1874. Dari segi yang lain adalah penting bahawa masyarakat majmuk dan struktur umum ekonomi Malaysia sekarang ini mula berakar umbi sejak tahun-tahun yang penuh peristiwa dalam abad ke-19 itu.

## BIBLIOGRAFI

### *Surat-surat Rasmi*

Colonial Office Records, Siri 273, jil. 1-106.

Selangor Secretariat Files, 1875 & 1876.

Straits Settlements Records:

Siri F, Letters from Native Rulers to the Governor, 1865-74.

Siri G, Governor's Letters to Native Rulers, 1850-73.

Siri R, Governor's Despatches to Bengal, jil. 2, 11, 37, 38, 40 & 41.

Siri S, Bengal Letters to Governor, jil. 28.

Siri U, Governor's Letters to Resident Councillors, jil. 10.

Siri W, Miscellaneous Letters to the Governor, jil. 21, 53.

Siri DD, Letters from Resident Councillor of Penang to Governor, 1860-66.

Siri EE, Letters from Resident Councillor of Malacca to Governor, 1860-66.

Siri XXIIJ, Perak Enquiry Papers, jil. 1, 1876.

### *Naskhah-naskhah Peribadi*

J.W.W. Birch's Journal, 1874-75.

Sejarah dan Adat Negeri Sembilan 1773-1961—Salinan naskhah-naskhah peribadi Tengku Besar Burhanuddin ibni Yamtuan Besar Antah.

Typescript. Boleh didapati di Arkib Negara Malaysia.  
Swettenham Papers, butiran 53-114.

### *Naskhah-naskhah Rasmi yang Dicetak*

*Correspondence Relating to the Malay Peninsula, 1872-77*

C.J. Irving, "Memorandum relative to the Affairs of Perak, with reference to a visit to that Country in April and May 1872 and subsequent occurrence up to the 15th June 1872", 24 Julai 1872.

A. Skinner, "Precis of Perak Affairs, 10 Jan. 1874", lampiran di dalam Sir A. Clarke kepada Kimberley, 24 Feb. 1874.

*Government Papers Relating to the Malayan Peninsula, 1870-82.*

Precis of Selangor Papers

C.J. Irving, "Memorandum relative to the Affairs of Salangore, with reference to visits to that Country in April and May 1872 and subsequent occurrences up to the 15th June 1872", 24 Julai 1872.

—, "Memorandum relative to the Affairs of the Native States on the Malay Peninsula—with reference to the Despatch of the Secretary of State No. 197 of 20th Sept. 1873". (n.d.)

T. Braddell, "Report of Proceedings of Government relating to the Native States in the Malayan Peninsula, 18 Feb. 1874".

—, "Second Continuation of Report on the Proceedings of Government relating to the Native States in the Malayan Peninsula". (n.d.)

*Parliamentary Papers on the Malay Peninsula, 1872-79, Vol. 1.*

*Report of the Commission Appointed Under Act XXI of 1867 to enquire into the Penang Riots together with Proceedings of the Committee, Minutes of Evidence and Appendix, Penang 1868.*

### *Bahan-bahan yang Dicetak dan Diterbitkan*

Abdul Ghani bin Shamaruddin, "Undang Luak Jelebu: Adat Pertabalan", *Bahasa*, jil. 2, no. 1, 1959.

Abdul Rahman bin Haji Mohammad, *Dongeng-dongeng Negeri Sembilan*, Kuala Lumpur, 1964.

Abdul Samad Ahmad (ed.), *Pesaka Selangor*, Kuala Lumpur, 1966.

Abdul Samad Idris (ed.), *Negeri Sembilan dan Sejarahannya*, Kuala Lumpur, 1968.

Haji Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *Hikayat Abdullah*, 2 jil. Singapura, 1960.

Abdullah Haji Musa, *Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang*, Singapura, n.d.

- Aminuddin Baki, "The Institution of Debt Slavery in Perak", *Peninjau Sejarah*, jil. 1, no. 1, 1966.
- Anderson, J., *Political and Commercial Considerations relative to the Malayan Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca*, Prince of Wales Island. (Diulang cetak dalam *JMBRAS*, jil. 35 bhg. 4, 1962.)
- Anon., *Hikayat Pahang*. Teks Jawi. (Teks rumi bertaip boleh didapati di Arkib Negara Malaysia.)
- Anon., "Notes on the Chinese in Pinang", *JIAEA*, jil. 8, 1854.
- Anon., "History of Selangor", *Selangor Journal*, jil. 1, 18 Nov. 1892.
- Anon., "H.H. Sultan Abdul Samad, K.C.M.G., at Home". *Selangor Journal*, jil. 1, 23 Sept. 1892.
- Bastin, J. & Roolvink, R (eds), *Malayan and Indonesian Studies*, Oxford, 1964.
- Begbie, P.J., *The Malayan Peninsula Embracing Its History, Manners and Customs of the Inhabitants, Politics, Natural History, &c. from Its Earliest Records*, Madras, 1834. (Diulang cetak, Kuala Lumpur, 1967.)
- Bird, Isabella, *The Golden Chersonese*, London, 1883. (Diulang cetak, Kuala Lumpur, 1967.)
- Bland, R.N., "Aturan Sungei Ujong", *JSBRAS*, no. 28, 1895.
- Blunddell, E.A., "Notices of the History and Present Condition of Malacca", *JIAEA*, jil. 2, 1848.
- Blythe, N., *The Impact of Chinese Secret Societies in Malaya*, London, 1969.
- Bogaars, George, "The Tanjong Pagar Dock Company (1864-1905)", *Memoirs of the Raffles Museum*, no. 3, Dis. 1956.
- Bonney, R., *Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence*, Kuala Lumpur, 1971.
- Bot, Raja, "Rice Cultivation in the States: Interesting Letter from Raja Bot", *Malay Mail*, 14 Nov. 1902.
- Braddell, T., "Notes on a Trip to the Interior from Malacca", *JIAEA* jil. 7, 1853.
- Buckley, C.B., *An Anecdotal History of Old Times in Singapore 1819-1867*, Singapura, 1902. (Diulang cetak, Kuala Lumpur, 1965.)
- Cameron, J., *Our Tropical Possessions in Malayan India*, London, 1865. (Diulang cetak, Kuala Lumpur, 1965.)
- Chai Hon-Chan, *The Development of British Malaya 1896-1909*, Kuala Lumpur, 1964.
- C.K., ("Yap Ah Loy", *Selangor Journal*, jil. 1, 24 Feb. 1893.

- Clarke, Sir Andrew, "Straits Settlements", *The British Empire Series*, jil. 1, London, 1899.
- Comber, L., *Chinese Secret Societies in Malaya*, New York, 1959.
- Coope, A. E., "The Kangchu System in Johore", *JMBRAS*, jil. 14, bhg. 3, 1936.
- Cowan, C. D., "Early Penang and the Rise of Singapore", *JMBRAS*, jil. 23, bhg. 2, 1950.
- "Governor Bannerman and the Penang Tin Scheme 1818-1819", *JMBRAS*, jil. 23, bhg. 1, 1950.
- (ed.), "Sir Frank Swettenham's Perak Journals", *JMBRAS*, jil. 24, bhg. 4, 1951.
- *Nineteenth Century Malaya: The Origins of British Political Control*, London, 1961.
- (ed.) *The Economic Development of South-East Asia*, London, 1964.
- Crawford, J., *A Descriptive Dictionary of the Indian Islands and Adjacent Countries*, London, 1856.
- De Jong, P. E. de Josselin, *Minangkabau dan Negri Sembilan: Sosio-political Structure in Indonesia*, Leiden, 1952.
- Favre, Rev. P., "A Journey in the Menangkabau States of the Malay Peninsula", *JIAEA* jil. 3, 1849.
- Firmstone, H. W., "Chinese Names of Streets and Places in Singapore and Malay Peninsula," *JSBRAS*, no. 42, 1905.
- Gammans, L. D., "The State of Lukut.", *JMBRAS* jil. 2, 1924.
- Gibson-Hill, C. A. "The Master Attendants at Singapore 1819-67", *JMBRAS*, jil. 33, bhg. 1, 1960.
- "Singapore Old Straits and New Harbour", *Memoirs of the Raffles Museum*, no. 3, Dis. 1956.
- Gray, C., "Journal of a Route Overland from Malacca to Pahang, across the Malayan Peninsula", *JIAEA*, jil. 6, 1852.
- Gullick, J. M., "Sungei Ujong", *JMBRAS*, jil. 22, bhg. 2, 1949.
- "Captain Speedy of Larut", *JMBRAS*, jil. 26, bhg. 3, 1953.
- "A Careless, Heathen Philosopher?" *JMBRAS*, jil. 26, bhg. 1, 1953.
- "The War with Yam Tuan Antah", *JMBRAS*, jil. 27, bhg. 1, 1954.
- "Kuala Lumpur 1880-95", *JMBRAS*, jil. 28, bhg. 4, 1955.
- *Indigenous Political System of Western Malaya*, London, 1958.
- Hale, A., "On Mines and Miners in Kinta, Perak", *JSBRAS*, no. 16, 1885.
- Harrison, B. (tr.) "Trade in the Straits of Malacca in 1785, a



- Memorandum by P.G. de Bruijn, Governor of Malacca", *JMBRAS*, jil. 26, bhg. 1, 1953.
- (tr.) "Malacca in the Eighteenth Century: Two Dutch Governor's Reports", *JMBRAS*, jil. 27 bhg. 1, 1954.
- Hervey, D.F.A., "Rembau", *JSBRAS* no. 13, 1884.
- Hullu, J. De, "A.E. van Braam Houckgeest's memorie over Malakka en tinhandel aldaar (1790)" *Bijdragen tot de Taal-Land-, en Volkenkunde van Nederlandsch—Indie*, 76, the Hague, 1920.
- Jackson, J.C., *Planters and Speculators*, Kuala Lumpur, 1968.
- Khoo Kay Kim, "The Origin of British Administration in Malaya", *JMBRAS*, jil. 39, bhg. 1, 1966.
- "Johor in the 19th Century: A Brief Survey", *Journal of the Historical Society, University of Malaya*, jil. VI, 1967/68.
- Kassim Ahmad (ed.), *Kisah Pelayaran Abdullah*, Kuala Lumpur, 1966.
- Kyshe, J.W.N. (ed.), *Cases Heard and Determined in Her Majesty's Supreme Court in the Straits Settlements 1808-1884*, Singapura, 1885.
- Letessier, C., "Si Sen Ta, A Chinese Apotheosis", *Selangor Journal*, jil. 1, 16 Jun 1893.
- Lewis, Diane, "Inas: A Study of Local History", *JMBRAS*, jil. 33, bhg. 1, 1960.
- Light, Francis, "A Letter from Captain Francis Light to Lord Cornwallis dated 20th June 1788", *JMBRAS*, jil. 16., bhg. 1, 1938. Sumbangan dari C.E. Wurtzburg.
- Lim Kean Chuan, "The Chingay Procession", *British Malaya*, jil. 2, no. 10, 1928.
- Linehan, W., "A History of Pahang", *JMBRAS*, jil. 14, bhg. 2, 1936.
- Lister, M., 'The Negeri Sembilan: their origins and constitution', *JSBRAS*, no. 19, 1887.
- Logan, J.R., "A Voyage from Singapore to Pinang", *JIAEA*, jil. 4, 1850.
- "Notes on Pinang, Kidah &c.", *JIAEA*, jil. 5, 1851.
- Loh, Philip, "Social Policy in Perak", *Peninjau Sejarah*, jil. 1, no. 1, 1966.
- Low, James, "Observations on Perak", *JIAEA*, jil. 4, 1850.
- MacIntyre, D., "Britain's Intervention in Malaya: The Origin of Lord Kimberley's Instructions to Sir Andrew Clarke in 1873", *JSEAH*, jil. 2, no. 3, 1961.
- Makepeace, W., Brooke, G.E., Braddell, R. St. (eds.), *One Hundred Years of Singapore*, London, 1921.

- Maxwell, Sir Peter Benson, *Our Malay Conquest*, Westminster, 1878.
- Maxwell, W.E., "Notes on Two Perak Manuscripts", *JSBRAS*, no. 1, 1878.
- "A Journey on Foot to the Patani Frontier in 1876", *JSBRAS*, no. 9, 1882.
- "The History of Perak from Native Sources", *JSBRAS*, no. 9, 1882.
- "The History of Perak from Native Sources", *JSBRAS*, no. 14, 1884.
- "The Ruling Family of Selangor", *JSBRAS*, jil. 22, 1890.
- Meilink-Roelofs, M.A.P., *Asian Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago between 1500 and about 1630*, the Hague, 1962.
- "The Forts at Kuala Selangor", *Malaya in History*, jil. 5, no. 2, 1959.
- Middlebrook, S.M., "Yap Ah Loy", *JMBRAS*, jil. 24, bhg. 2, 1951.
- Millier, H. Eric (tr.), "Extracts from the Letters of Col. Nahuijs", *JMBRAS*, jil. 19, bhg. 2, 1941.
- Mills, L.A., "British Malaya 1824-67", *JMBRAS*, jil. 1, bhg. 2, 1925. (Diulang cetak, *JMBRAS*, jil. 33, bhg. 3, 1960. Disunting oleh C.M. Turnbull.)
- Mohd. Amin Hassan, "Raja Musa ibni Sultan Abdul Samad", *Peninjau Sejarah*, jil. 1, no. 1, 1966.
- "Raja Mahdi bin Raja Sulaiman", *Peninjau Sejarah*, jil. 1, no. 2, 1966.
- Mohamed bin Rahmat, "Sedikit Tinjauan Tentang Adat dan Undang-undang Melayu", *Dewan Bahasa*, jil. 5, no. 11, Nov. 1961.
- Moor, J.H. (ed.), *Notices of the Indian Archipelago and the adjacent countries*, Singapura, 1837.
- Muhammad Said bin Haji Sulaiman, Haji (ed.) *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi*, Johor, 1956. (Teks Jawi.)
- Nasir Osman Abbas, "Sejarah Lukut", *Mingguan Malaysia*, 20 Mac. 1966.
- Nathan, J.E. & Winstedt, R.O., "Johol, Inas, Ulu Muar; Jempol, Gunong Pasir and Terachi, their history and constitution", *PMS*, siri kedua, 4, 1941.
- Newbold, T.J., *Political and Statistical Account of the British Settlement in the Straits of Malacca*, London, 1839. 2 jil. (Diulang cetak, Kuala Lumpur, 1971.)

- Parkinson, C.N., *British Intervention in the Malay States 1867-77*, Kuala Lumpur, 1960.
- Pickering, W.A., "Chinese Secret Societies and Their Origin", *JSBRAS*, jil. 1, 1878.
- "Chinese Secret Societies", *JSBRAS*, jil. 3, 1879.
- Purcell, V., *The Chinese in Malaya*, London, 1948. (Diulang cetak, Kuala Lumpur, 1967.)
- Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, Singapura, 1965.
- Raja Chulan, *Misa Melayu*, Kuala Lumpur, 1962.
- Ranney, Austin, *The Governing of Man*, New York, 1958.
- Raja Razman (ed.), *Hulu Perak Dalam Sejarah*, Ipoh, 1963.
- Read, W.H., *Play and Politics, Recollections of Malaya*, London, 1901.
- Sadka, E., *The Protected Malay States 1874-1895*, Kuala Lumpur, 1968.
- "The Journal of Sir Hugh Low, Perak 1877", *JMBRAS*, jil. 27, bhg. 4, 1954.
- Skinner, A.M., *A Geography of the Malay Peninsula*, Singapura, 1884.
- Song Ong Siang, *One Hundred Year's of the Chinese in Singapore*, London, 1923.
- Swettenham, F., *Malay Sketches*, London, 1895.
- The Real Malay*, London, 1900.
- Footprints in Malaya*, London, 1942.
- British Malaya*, London, 1948.
- Tarling, N., "British Policy in the Malay Peninsula and Archipelago 1824-1871", *JMBRAS*, jil. 30, bhg. 3, 1957. (Diulang cetak Kuala Lumpur, 1969.)
- Thio, E., "The Extension of British Control to Pahang", *JMBRAS*, jil. 30, bhg. 1, 1957.
- Tregonning, K.G. (ed.), *Papers on Malayan History*, Singapura, 1962.
- A History of Modern Malaya*, Singapura, 1964.
- The British in Malaya*, Tucson, 1965.
- Turnbull, C.M., "Governor Blundell and Sir Benson Maxwell: a conflict of personalities", *JMBRAS*, jil. 30, bhg. 1, 1957.
- "The Johore Gambier and Pepper Trade in the Mid-19th Century", *Journal of the South Seas Society*, jil. 15, 1959.
- Westerhout, J.B., "Notes on Malacca", *JIAEA*, jil. 2, 1848.
- Wilkinson, R.J., "Sungei Ujong", *JSBRAS*, no. 83, 1921.
- (Gen. Ed.), *Papers on Malay Subjects*. Kuala Lumpur, 1970. (Diulang cetak, Kuala Lumpur, 1971.)

- Winstedt, R.O., "A History of Selangor", *JMBRAS*, jil. 12, bhg. 3, 1934.
- "The Origin of the Selangor Sultanate", *JMBRAS*, jil. 12, bhg. 3, 1934.
- "Negeri Sembilan, The History, Polity and Beliefs of Nine States", *JMBRAS*, jil. 12, bhg. 3, 1934.
- & Wilkinson, R.J., "History of Perak", *JMBRAS*, jil. 12, bhg. 1, 1934.
- Wong, C.S., *A Gallery of Chinese Kapitans*, Singapura, 1964.
- Wong Lin Ken, "The Trade of Singapore 1819-69", *JMBRAS*, jil. 33, bhg. 4, 1960.
- *The Malayan Tin Industry to 1914*, Tucson, 1965.
- Wray, L., "Settlements on the Straits of Malacca", *Royal Colonial Institute*, 24 Mac 1874.
- Wright, A. & Cartwright, H.A. (eds.), *Twentieth Century Impressions of British Malaya: its history, people, commerce, industries and resources*, London, 1908.
- & Reid, T.H., *The Malay Peninsula*, London, 1912.
- Wynne, M.L., *Triad and Tabut*, Singapura 1941.
- Yap Ah Loy, "Extracts from a Record made in Chinese by Yap Ah Loy relating to the Wars in Selangor before the year 1874" (diterjemahkan), *Journal of the South Seas Society*, jil. 13, bhg. 1, 1957.

### *Disertasi-disertasi yang Tidak Diterbitkan*

- Abdullah Sultan, "Relations between Malacca and the Malay States 1832-1867", B.A. Hons. disertasi, Universiti Malaya, Singapura, 1957.
- Chelliah, T., "War in Negeri Sembilan", B.A. Hons. disertasi, Universiti Malaya, Singapura, 1955.
- Cheng Siok Hwa, "Sir Cecil Clementi Smith 1883-1893", B.A. Hons. disertasi, Universiti Malaya, Singapura, 1959.
- Jalleh, W., "Disorders in Selangor before 1874", B.A. Hons. disertasi Universiti Malaya, Singapura, 1955.
- Loh Weng Fong, "Singapore Agency House 1819-1900", B.A. Hons. disertasi, Universiti Malaya, Singapura, 1958.
- Sundram, P.S., "Economic Development of Johore 1826-95", B.A. Hons. disertasi, Universiti Malaya, Singapura, 1958.
- Wee Choon Siang, "Ngah Ibrahim in Larut, 1858-1874", B.A. Hons. disertasi Universiti Malaya, Singapura 1952.

*Rujukan*

- Cyclopedia of India*, Cyclopedia Publishing Co., Calcutta, 1907.  
Stephens, Sir L. & Lee, Sir S. (eds.), *Dictionary of National Biography*, London, 1949-50.  
Wilkinson, R.J., *A Malay-English Dictionary*, London, 1959.



## Indeks

- ABDUL SAMAD, RAJA, Sultan negeri Selangor (1857-98), 7, 18, 19, 25, 77, 79, 154, 157, 169, 170, 175, 176, 177, 178, 198n, 203, 204, 206, 213, 214, 218, 231n
- Abdullah ibni Sultan Jaafar, Raja Muda Perak (1865-73), 148, 153, 181-7, 189, 193, 194-5, 209, 210-11, 222, 237, 242, 243, 253; meminta bantuan Tan Kim Cheng, 244-6
- Abdullah bin Jaafar, Raja (Riau dan Klang), 25, 76, 78-9, 81, 98, 112, 153, 156, 157, 169, 174-7, 203, 206, 236, 238
- Abdullah Mohamad Shah, Sultan Perak (1851-57), 5, 33, 34, 139
- Abdullah Muazzam Shah, Sultan Perak (1819-30), 5, 33, 34, 35, 36, 73
- Abdul Malek Mansur Shah, Sultan Perak (1806-18), 5, 32, 34
- Abdul Rahman (Ahman), Syed, Laksamana Raja Laut, kemudiannya Dato' Klana Sungai Ujong, 114, 136, 171, 174, 219, 220, 247, 248, 249, 250, 253
- Abdul Rahman (Aman), Wan (Pahang), 206, 208, 210, 213, 223
- Abu Bakar, Temenggong (kemudiannya Maharaja, seterusnya Sultan) negeri Johor, 110, 210, 212, 213, 214, 217, 220, 222; *(cited)* 95n
- Aceh, 1, 18, 60, 64, 72, 73, 173
- Adil, Raja, Yamtuan Besar, 26
- Ahmad, Wan, Bendahara Pahang (1863-81), 97, 98, 178, 216, 217, 223; 226; *(cited)* 87n
- Ahmad Tunggal, Tuanku, 170, 173
- Ahmaddin, Sultan Perak (1786-1806), 5, 22, 32, 34, 161n
- Alauddin Riayat Shah, Sultan Perak, 22
- Ali, Raja (Jeram), 25, 178
- Ali, Raja (Rembau), 44-9, 51, 173, 219
- Ali, Raja Ngah, Sultan Perak (1865-71), 139, 140, 141, 144, 149, 153, 154, 181-3, 184, 242
- Ali, Sultan (Johor), 86, 87, 222
- Ali Haji, Raja (seorang ahli sejarah Bugis), 13
- Ampang, 78, 80, 180, 204
- Anderson, J., *(cited)* 6, 80
- Anson, Colonel A.E., Leftenan Gabenor, Pulau Pinang, 153, 195, 207, 240, 242
- Antah, Tuanku, 170, 173
- Apcar, Seth Arrotoon, 114
- Aru, Dato' (Selangor), 19 (lihat juga Selangor, Orang Besar-besar dari)
- Asal, Raja (Selangor), 180, 204, 207, 216, 218, 224
- Asil, Raja (Negeri Sembilan), 26, 44-6, 47, 48

- BACON, EDWARD, 153, 181, 183, 235, 251, 252
- Bandar, Dato' (Sungai Ujong) (lihat Kulop Tunggal dan Sungai Ujong)
- Belanda, 1, 38, 40, 42, 59, 60, 61, 65, 113, 144, 212, 214, 233
- Bendahara, Raja (Perak) (lihat Perak, Bendahara, dan Orang Besar-besar dari)
- Bengkalis (Sumatera), 212
- Berkat, Raja, 18, 206, 215
- Bernam, 5, 22, 59, 114, 178, 206, 207, 215, 225
- Birch, J.W.W., 214; (*cited*) 228n
- Bijih timah (umum), 58, 59, 60, 62, 63, 71, 72, 80, 82, 83, 86, 87, 99, 111, 147, 167, 172, 173, 175, 205, 219, 237, 244, 246, 262
- Bisnu, Raja (lihat Muhammad Shah, Sultan negeri Perak)
- Bloomfield, R.W., (*cited*) 227n
- Blundell, E.A., (*cited*) 88n, 91n
- Borneo & Co., 105
- Bot, Raja (Lukut), 68, 77, 155, 203; (*cited*) 54n, 68, 255n
- Boustead, Edward, 109
- Braddell, Thomas, 71, 250; (*cited*) 30n, 31n, 54, 164
- Bradberry, Kapten, (*cited*) 235
- Britain, 2, 61, 62, 83, 85, 116
- British (Inggeris), 34, 35, 38, 40, 42, 49, 54n, 58, 60, 63, 84, 111, 113, 115, 126, 138, 139, 143, 167, 171, 173, 174, 186, 187, 188, 193, 205, 206, 209, 214, 216, 221, 222, 226, 233, 239, 240, 241, 242, 243, 252, 253
- Brown, A., 202n
- Brown, David, 90n
- Brown, F.S., 70, 104
- Brown, J.E.E., 112
- Buckley, C.B., 115
- Bugis, 1, 13, 14, 19, 25, 35, 38, 55n, 173, 174, 175, 203, 214
- Busu, Raja (Lukut), 42-3
- Busu, Ungku (Gemenchah), 49
- Butterworth, Kolonel, Gabenor Negeri-negeri Selat, 87, 232; (*cited*) 134
- CAIRNS, WILLIAM W., Leftenan Gabenor; (*cited*) 63.
- Cameron, J., (*cited*) 254n
- Campbell, G.W.R. Leftenan Gabenor Pulau Pinang; (*cited*) 240
- Cavaliero, 208, 215
- Cavenagh, Kolonel (kemudian Jeneral) Orfeur, Gabenor Negeri-negeri Selat, 104, 164n, 167, 176; (*cited*) 95n, 106, 110 116n, 117n, 153, 161n
- Chan Teik Chiang, 233-5, 246, 251
- Chang (Chung) Keng Kwee (Ah Kwee), 180-1, 186, 192-3, 251
- Chee Yam Chuan, 68, 77, 78, 81, 135, 237-8
- Cheng-tee Watt-seng, 237, 238 (lihat juga Lee Cheng Tee)
- Chin Ah Yam, 243, 251
- Chin (Chiang) Chew, 190, 193
- Chin Chin, 128, 190
- China, 60, 61, 62, 83, 86, 111, 127, 241
- Chindaras, Syarikat Perlombongan Emas, 115
- Chong Chong (Larut), 149, 164n
- Chong Chong (Selangor) 179, 180, 179n, 204, 251
- Chulan ibni Raja Abdullah, Raja, 181
- Chulan ibni Raja Inu, Raja (lihat Shahabuddin, Sultan)
- Cina, 36, 51, 61, 65, 67, 69, 72, 73, 75, 76, 77, 80, 81, 83, 86, 87, 97, 101, 103, 115, 126, 127, 130, 131, 132, 133, 144, 171, 173, 174, 175, 178, 212, 233, 237, 250, 253, 262 (lihat juga Kuala Lumpur, Larut, Lukut, Perak, Selangor, dan Sungai Ujong)
- Clarke, Sir Andrew, Gabenor Negeri-negeri Selat, 19, 231n, 246, 260n; (*cited*) 227n
- Clarke, Seymour, 112, 113, 114
- Colleyer, G.C., 108
- Cowan, C.D., (*cited*) 254n, 255n
- Crawford, J., (*cited*) 94n
- D'ALMEIDA, DR. JOSE, 67
- Daud, Raja, 181-2, 210, 211



- Davidson, James Guthrie, 109, 113, 115, 212, 215, 229n, 216, 217, 234, 238, 251, 259n; (*cited*) 93n
- Dayang, Raja, 199n, 243-4
- de Fontaine, 208
- de Gelors, Charles, 114
- de Jong, Josselin; (*cited*) 2
- de Koek, 208
- Dinding, 6, 24, 35, 103, 193, 258n
- Dziauddin (Dia Oodin), Tengku (*lihat* Kudin, Tengku)
- EARL, G.W., (*cited*) 157n
- Eastern Asia Telegraph Co. (Syarikat Telegrap Asia Timur), 112
- Eastern Extension Australiasis & China Telegraph Co., 113
- England, 60, 70, 109, 113
- Eropah (Benua), 58, 60, 61, 83, 85, 86, 107
- Eropah (Orang), 61, 65, 68, 81, 85, 98, 107, 115, 128, 154, 208, 214, 215, 217, 219, 222, 238, 258n
- FAIR MALACCA, 239
- Foo Tye Sin, 202n, 239, 240, 251
- GAMBIER, 85
- Gemencheh, 11, 49, 168; industri melombong emas di, 51
- Ghee Hin, 127, 128, 129, 130, 131, 132, 133, 143, 145, 146, 198n, 186-94, 212, 241, 242, 245, 251, 252, 253, 260n
- Greenshields, John James, 106, 112
- Gula, Sungai, 5, 192, 193
- Gullick, J.M., (*cited*) 160n, 253n
- Guthrie, Alexander, 118
- Guthrie & Co., 108, 112, 258n
- Guthrie, James 105, 109, 113
- Gutta Percha (susu getah), 94
- HAI SAN, 127, 128, 129, 130, 131, 132, 133, 143, 147, 186-94, 239, 240, 241, 242, 247, 251, 252
- Hailam, 77, 132, 148, 156
- Hakka (Khek), 128, 132, 198n; Chen Sang, 73, 75, 133, 143, 147, 148, 149, 150, 151, 152, 188, 198n, 252; Fui Chew, 73, 75, 78, 82, 93n, 133, 143, 145, 148, 149, 150, 152, 180, 247; Kah Yang Chew, 79, 82, 133, 180, 247
- Hamid, Syed, 54n, 173
- Herbert, Sir Robert, Setiausaha Tetap, Pejabat Kolonial, (*cited*) 120n
- Hervey, D.F.A., (*cited*) 29
- Hew (Khoo) Sam, 247, 248, 251
- Hikayat Merong Mahawangsa*, 13
- Hitam, Raja, 25, 178
- Ho Ah Yam, 130
- Ho Ghi Siu, 187, 188, 189, 190, 243, 251
- Ho Hup Seah, 128, 187-93, 242, 243, 252
- Ho Seng, 127, 129, 130, 190, 191
- Hokkien, 82, 93n, 128, 132, 148, 180, 191, 193, 239, 243, 252, 259n
- Hoo Ah Kay (*lihat* Whamboa)
- Horsman, Edward, 117n
- IBRAHIM, DAING, Temenggong Johor, 73, 85, 86, 87, 105, 230n
- Ibrahim, Raja, Sultan Selangor (mangkat pada tahun 1826), 18, 28n, 35, 38, 40, 42
- Idris, Raja (Perak), 244
- India, 60, 61, 63, 86, 111
- Indo-European Telegraph Co. dari London, 113
- Inggeris, 60, 81, 175, 185, 195
- Irving, C.J., 185, 186, 236; (*cited*) 89n, 196n, 202n, 204, 208, 212, 221, 231
- Iskandar Dzul-karnain, Sultan Perak, 23, 29n, 53n
- Ismail, Raja (Selangor), 176, 177, 180, 203, 204, 207, 213, 218, 234, 236, 238, 255n, (*cited*) 78
- JAAFAR, PENGHULU (Gemencheh), 168
- Jaafar, Raja Ngah, Sultan Perak (1857-65), 34, 35, 100, 139, 141, 142, 143, 144, 145, 146, 148, 184, 185
- Jaafar ibni Raja Haji, Raja (Riau), 38, 42
- Jaafar ibni Sultan Hussain, Raja (Johor), 49

- Jardine, Matheson & Co. 105  
 Jebebu, 9, 11, 16, 21, 52, 170, 174;  
 Penghulu dari, 21, 31n  
 Jempul, 11, 51, 52  
 Jeram (Selangor), 7, 13, 43, 178  
 Jervois Sir William, Gabenor Ne-  
 geri-negeri Selat, (*cited*) 226  
 Johnston, A.L., 68, 95n, 118n  
 Johnston & Co., 86, 108, 112 (lihat  
 juga W.H. Read)  
 Johol, 9, 11, 16, 21, 47, 51, 52, 56n,  
 221; Penghulu dari, 21, kekacauan  
 di, 167  
 Johor, 13, 14, 18, 25, 35, 38, 60, 62,  
 85, 86, 87, 108, 112, 132, 200, 212,  
 213, 214, 215, 226, 230n, 241; per-  
 tanian di, 85-6, orang-orang Cina  
 di, 85-6, kilang papan di, 86, 110;  
 dieksport dari, 86; projek keretapi  
 di, 110-11  
 Jugra, 7  
 Jumaat bin Jaafar, Raja (Riau dan  
 Lukut), 25, 43, 54n, 76-8, 154, 155,  
 156, 169  
 Junk Ceylon (Ujong Salang), 60, 61,  
 64, 129
- KAHAR, RAJA, 177, 212, 214, 219  
 Kalumpang, Sungai, 5, 192, 193  
 Kanching, 78, 80, 180, 208, 223, 224;  
 orang-orang Cina di, 79; Kapitan  
 Cina di, 79; kongsi-kongsi gelap  
 di, 133  
 Kanda, Dato, 136  
 Kantonis, 93n, 82, 127, 128, 131, 132,  
 190, 247  
 Kawal, Dato' Klana Sungai Ujong,  
 48, 51, 52, 135, 160n  
 Kedah, 34, 35, 42, 59, 60, 71, 103,  
 112, 145, 176, 177, 185, 203, 205,  
 208, 210, 221, 255n  
 Kelantan, 61, 69  
 Kempas, Pengkalan, 12, 159n  
 Keng Tek Hoey, 68, 131, 132  
 Keppel, H, 86  
 Ker, W.W., 85, 105, 110, 112  
 Ker, Rawson & Co., (Syarikat Ker  
 dan Rawson), 85, 86 (lihat juga  
 Paterson, Simons & Co.)  
 Kerajaan Negeri-negeri Selat, 136,  
 137, 173, 186, 203, 205, 211, 216,  
 220, 226, 252  
 Kerjan, Raja, 47, 49  
 Keru, 11, 26, 49, 173, 221  
 Khaw Boo Aun, 164n, 189, 190, 193  
 Khoo Theam Teik, 201n, 190, 239,  
 251  
 Kian Teik (lihat Toa Peh Kong)  
 Kim Seng Cheong, 204, 205, 206,  
 235, 252  
 Klang, 3, 7, 13, 19, 42, 43, 59, 63, 78,  
 97, 98-9, 112, 114, 115, 133, 154,  
 156, 157, 169, 170, 174, 175, 180,  
 204, 205, 210, 211, 212, 215, 216,  
 217, 219, 222, 225, 236; peperangan  
 di, 68, 157, 159n, 174-80, 203-4,  
 205, 208, 210, 211, 217, 220, 232,  
 233, 235; W.H. Read dan Tan Kim  
 Cheng di, 98-9 (lihat juga Kuala  
 Lumpur)  
 Klian Baru, 73, 144, 148, 149, 150,  
 151, 152  
 Klian Pauh, 73, 148, 151, 180, 186  
 Koh Kok Chye, 72, 256n  
 Koh Lay Huan, 72, 256n  
 Koh Siang Tat, 202n, 239-41, 251  
 Koh Teng Choon, 256n, 241  
 Kongsi-kongsi gelap (umum), 126,  
 127, 132, 243, 253  
 Koris, Tun, 97-8  
 Krian, 5, 23, 35, 87, 100, 103, 144,  
 145, 153, 183, 185, 187, 189, 193,  
 194, 241, 242, 244; penanaman  
 padi di, 101, 140; pertelingkahan  
 ketua; 139; pertelingkahan men-  
 genai jajahan, 141  
 Kuala Lumpur, 79, 164n, 174, 175,  
 179, 187, 204, 215, 217, 222, 225;  
 Kapitan Cina di, 133; kongsi-  
 kongsi gelap, 113-14  
 Kudin, Tengku, 114, 176-7, 178, 179,  
 180, 183, 186, 198, 203, 204, 205,  
 206, 207, 209, 210, 212, 214, 215,  
 216, 217, 219, 220-1, 224, 225, 226,  
 232, 235, 236, 238, 253  
 Kulop, Lebai, 136, 220  
 Kulop Tunggal (Dato' Bandar Sun-  
 gai Ujong), 136, 137, 171, 247,  
 249, 253

- Kundang, Pengkalan, 12, 55n, 80  
 Kurau, 5, 40, 87, 139, 152, 192, 193
- LABU, RAJA (Negeri Sembilan), 47, 48, 49, 166
- Laksamana, Orang Kaya-kaya (Perak), 18, 23, 34, 35, 139, 143, 183, 211, 245 (lihat juga Perak, Orang Besar-besar dari)
- Lambert, Burgin dan Petch, 114
- Langat, 7, 9, 13, 44, 79, 156, 169, 176, 177, 178, 180, 198n, 203, 204, 215, 219, 220, 233
- Larraine, Gillespie & Co., 115, 258n
- Larut, 3, 5, 87, 128, 139, 147, 154, 184, 185, 191, 194, 195, 208, 233, 239, 240, 242, 243, 244, 245, 246, 252; penemuan bijih timah di, 73; orang-orang Cina di, 73-5, 97, 148, 187-8; topografi, 75-6; kongsi-kongsi gelap di, 133, 188-91; kekacauan di, 142-3, 149-53, 186-92, 191-4, 239; monopoli di, 144; Pawang di, 146
- Law (Lau) Ah Sam, 147, 149, 150, 187, 243, 251
- Leack, Chin Seng & Co., 68, 109, 237-9
- Lee Cheng Tee, 109, 237, 251, 258n
- Lee Ching alias Lee Sam, 247, 248
- Lee Keng Liat, 255n
- Lee Keng Yam, 69
- Lee Keng Yong, 238, 251
- Lee Koh Yin (Coyin), 129, 201n
- Lee Phee Chuan, 239
- Lee Qui Lim, 38n, 69, 238
- Letessier, C., (cited) 259n
- Light, Kapten Francis, (cited) 42, 54
- Lim Leack, 68
- Lim Teik Hee, 236-7, 251
- Lim Tian Wah & Sons, 238
- Linggi, 12, 41, 48, 50, 62, 69, 72, 88n, 132, 136, 138, 167, 172, 173, 209, 220, 246; Sungai, 9, 11, 12, 26, 30, 52, 60, 81, 133, 136, 169, 171, 172-3, 215, 219, 220, 221; Datuk Muda, 12, 171, 219, 232; Datuk, 50, 55n (lihat juga Muhammad Katas).
- Liu Ngim Kong, 79, 133, 179
- Logan, Abraham, 112
- Logan, James Richardson, 121n, 146
- London, 109, 112
- London, Telegraph Construction & Maintenance Co. (Syarikat Pembinaan dan Pengendalian Telegraf London), 112
- Long Jaafar, 73, 87, 133, 142, 147, 162n, 184
- Low, Leftenan James, (cited) 53n
- Lukut, 7, 9, 42-3, 54n, 62, 65, 68, 76-7, 78, 79, 80, 81, 132, 153-4, 156, 169, 179, 203, 215; orang-orang Cina di, 7, 9, 42-3, 77; Kapitan Cina di, 42; kekacauan di, 154-5
- Lumu, Raja (lihat Salehuddin, Sultan Selangor)
- MACPHERSON, KOLONEL RONALD, Residen Kaunselor, Melaka, 77, 80
- Mactaggart, Tidman & Co., 106
- Maharaja Lela (lihat Perak, Orang Besar-besar dari)
- Mahdi, Raja, 174-8, 198n, 203, 204, 205, 206, 207, 208, 209, 210, 212, 213, 214, 215, 216, 219, 220, 221, 222, 226, 229n, 232, 233, 235, 236; Ghee Hin dan, 253
- Mahmud, Raja (anak Raja Berkat)
- Man, Kolonel H., Residen Kaunselor, Pulau Pinang, (cited) 118n, 160
- Mansur, Raja (Perak), 182
- Mansfield, W., 109, 115, 120n, 258n
- Mansfield & Co. (Syarikat Mansfield), 115
- Mashhor, Syed, 180, 200n, 204, 206, 207, 210, 211, 212, 215, 217, 225, 232
- Matang (Permatang, di Larut), 143, 146, 150, 187, 192
- Maxwell, Sir Peter Benson, (cited) 95n, 196n
- Maxwell, W.E., (cited) 30n
- McNair, Major, J.F., 66, 119n
- Melaka, 1, 9, 12, 13, 25, 38, 40, 41, 42, 43, 48, 49, 50, 51, 52, 54n, 59, 60, 62, 63, 65, 66, 67, 68, 77, 81, 87, 110, 111, 117n, 132, 134, 135, 167,

- 171, 175, 177, 206, 209, 216, 221, 236, 248, 253; pedagang-pedagang (saudagar), 48, 67, 70, 76, 81, 115, 136, 137, 157, 161n, 232, 233-5, 236, 247, 253, perdagangan dengan kawasan-kawasan pedalaman, 59-60, 64, 83, 137, 246; perdagangan Singapura yang bergantung kepada; 61; kemerosotan, 63, kongsi-kongsi gelap di, 130-1; kuil di, 130
- Melewar, Raja, 14, 31n, 196n
- Mendaling, 78, 174, 178, 179, 180, 203, 204, 216, 217, 224, 225
- Menteri Sri Paduka Tuan (Perak) (lihat juga Ngah Ibrahim dan Perak, Orang Besar-besar)
- Middlebrook, S.M., (*cited*) 197n, 198n, 229n
- Minangkabau, 1, 11, 14, 47, 133, 166, 208
- Misa Melayu (*cited*) 23
- Mohammed Kasasi, Panglima Besar, 140, 141, 142
- Mohammed Salleh, Haji (Dato Bandar Sungai Ujong), 159n
- Mohammed Salleh, Haji (Waris Bandar), 136, 159n
- Mohammed Taib, Sheikh, 93n, 133, 143, 208, 212, 225
- Mudzaffar Shah, Sultan Perak, 22, 23
- Muhammad, Raja, Sultan Selangor (1826-57), 18, 35, 40, 41, 43, 44, 66, 68, 70, 76, 77, 78, 80, 154, 169, 174, 215
- Muhammad Ibrahim Munshi, 210, (*cited*) 30n, 54n, 163n, 184, 208, 236, 237
- Muhammad Katas, 48, 52, 134, 135
- Muhammad Nor, Haji (Pahang), 216-17, 223, 224, 226
- Muhammad Shah, Sultan Perak, 22, 53n
- Musa, Haji (Batak Rabbit, Perak), 183
- Musa, Raja (Selangor), 25, 175, 178, 205, 206, 207, 213, 215, 219, 223
- Mustapha, Haji (Rembau), 171, 172, 173, 221, 250
- NA'AM PENGHULU ULU MUAR, 14, 31n, 196n
- Nahuijs, Kolonel (*cited*) 88n
- Nairne, Lawrence C., 69, 70-1, 112, 146, 202n
- Nala, Raja (Selangor), 18
- Naning, 14, 46, 49, 65, 117n
- Napier, William, 85, 110
- Negeri-negeri Melayu, 2, 3, 14, 15, 21, 26, 32, 44, 57, 58, 59, 60, 61, 62, 63, 65, 66, 83, 84, 85, 97, 102, 109, 115, 200n, 203, 250; sistem politik di, 1, 14-15; ibu negeri, 6; masyarakat di, 1, 21, 57, 125, 127, 140; Yang Di Pertuan di, 14, 15, 21; Orang Besar-besar di, 14, 262; pengganti di, 21; perdagangan dengan Melaka, 60-1; pelaburan modal Inggeris, 115; konflik di, 125-6, 203; kongsi-kongsi gelap di, 132-3 (lihat juga Perak, Selangor, Negeri Sembilan)
- Negeri Sembilan, 1, 3, 16, 26, 32, 46, 47, 63, 138, 170, 251, 253; topografi, 9-12; Yang Di Pertuan Besar, 9, 16, 26, 46, 48; kesultanan, 13; perlantikan raja yang pertama di, 14; sistem politik, 14, 16-17; luak di, 16, 20; suku, 16, 23, 47, 48; Orang Besar-besar, 20, 44; anak raja, 25, 44, 48; Yang Dipertuan Muda, 26, 44, 49, 166, 174; perselisihan politik, 26; pengganti di, 46-8, 146-7, 170, 173; ekonomi, 49; pertanian di, 52 (lihat juga Penghulu)
- Negeri-negeri Selat, 2, 36, 58, 59, 60, 61, 62, 65, 67, 71, 83, 111, 116, 126, 252, 262
- Neubronner, Keluarga, 66-7, 88n, 134, 173, 246
- Neubronner & Co. (Syarikat Neubronner), 66, 78, 134
- Newbold, T.J., (*cited*) 30n, 54n, 55n, 88n, 122n, 157
- Ngah Ibrahim, 115, 140, 144-8, 149, 151, 152, 153, 182, 184, 185, 187, 191, 192, 193, 194, 195, 239, 242, 243, 244, 245, 258n; diberi gelaran Orang Kaya Menteri, 144;

- pemberi hutang, 239, 240  
 Ngah Lamat, 87, 140, 142, 143-4, 151  
 Ngah Kim, 247, 248, 251
- OH WEE KEE, 75, 129, 190  
 Ong Boon Teik, 102n, 235, 239, 240, 251  
 Orang Kaya Pahlawan Semantan, 222, 224, 225  
 Orang-orang Siam, 35, 36, 72  
 Ord, Sir Harry, Gabenor Negeri-negeri Selat, 86, 104, 119, 183, 200n, 203, 209, 212, 213, 214, 215, 216, 217, 219, 220, 221, 222, 232, 245, 246, 250  
 Othman, Raja (Perak), 161n, 181, 183
- PAHANG, 11, 38, 51, 60, 61, 69, 84, 87, 98, 160n, 177, 208, 210, 221, 226, 227n, 234; perlombongan bijih timah di, 97; perang saudara di, 97, 197n, peperangan Klang dan, 216-18, 222-6  
*Pahang Corporation Ltd*, 116n  
 Pagar Ruyung, 14, 25, 46, 48  
 Panglima Bukit Gantang, Dato', 18, 73, 139, 140, 145, 182, 191  
 Paterson, William, 95n, 98, 103, 112  
 Peterson, Simons & Co., 86, 98, 108, 110, 111, 112 (lihat juga Ker, W.W.)  
 Patent, Slip & Dock Co., 105, 106-7, 107, 108, 110  
 Penajis, 11, 12, 14, 41  
 Penang Gazette, (cited) 87, 115  
 Penar, 12  
 Penghulu (umum), 15; (di Negri Sembilan), 16, 17, 20  
*Peninsula & Orient Steam Navigation Co*, 118n  
 Pennefather, 208  
 Perak, 13, 24, 25, 33, 34, 36, 40, 41, 42, 59, 60, 62, 70, 72, 73, 81, 100, 102, 112, 139, 141, 144, 146, 186, 189, 206, 209, 211, 221, 225, 233, 238, 239, 240, 241, 242, 243, 246, 251; topografi, 3-7; sungai, 3, 4, 7, 35, 148; ibu negeri, 6; kesultanan, 12-13; Kerabat Diraja, 17, 24; Orang Besar-besar, 23, 24, 73, 142, 181, 182, 184, 185, 211, Bendahara, 17, 21-2, 32, 34, 36, 148, 183; penggantian di, 21, 33, 181; Raja Muda, 23; 34; orang-orang Cina di, 34, 34-6, hubungannya dengan Kedah, 34, 35, hubungannya dengan Selangor, 35-6, ekonomi, 59-60, perindustrian bijih di, 37, 38; Kapitan Cina di, 38; perdagangan dengan Pulau Pinang, 76; pertanian di, 36-7, 87, 100-2; penglibatan politik Melayu dan Cina di, 193-4  
 Persatuan Negeri-negeri Selat, 120n  
 Pickering, W.A., 248, 249, (cited) 158n, 247, 248-9  
 Portugis, 1, 59  
 Projek telegraf, 110, 111-13, 251  
 Pulau Pinang, 2, 7, 35, 38, 40, 53n, 60, 62, 71, 73, 75, 86, 87, 99, 100, 101, 104, 112, 115, 129, 142, 146, 147, 149, 152, 185, 187, 188, 191, 192, 193, 195, 215, 233, 239, 240, 241, 244, 245, 253; perdagangan di, 60, 64, 76, 99; pedagang (saudagar); 60, 69, 72, 76, 87, 146, 186, 235, 243, 251, perdagangan Singapura sangat bergantung kepada, 62, Suruhanjaya rusuhan (1867) di, 71, 190; pertanian di, 100; kongsi-kongsi gelap, 127-30, 189; rusuhan di, 129, 188
- RADIN, YAM TUAN RAJA, 47, 48, 51, 137, 138, 166  
 Rangoon, 111, 112, 129, 238  
 Ranney, Austin, (cited) 126  
 Rasah, 137, 171, 259n  
 Rasu, Imam Perang, 218, 222, 223, 224  
 Read, W.H., 86, 98, 108, 112, 113, 157, 174, 175, 239, 251; (cited) 96n, 120n, 246  
 Rembau, 9, 11, 12, 14, 16, 20, 21, 26, 46, 47, 48, 49, 52, 65, 135, 136, 167, 172, 209, 210, 220, 221, 251; Penghulu, 20, 136, 137, 167, 209, 219, Lembaga, 20; pengganti di, 46-7,

- 170-4; hubungannya dengan Sungai Ujong 136, 171-2, 221-2.
- Renneh alias Nganit (Rembau), 46, 47, 48, 49
- Riau, 39, 41, 43, 60, 76, 203, 213
- SAHIL, HAJI (DATUK PERBA), 171, 172, 173, 174
- Salehuddin, Sultan (Selangor), 13, 18
- San Neng, 128, 187, 188, 191, 193, 240, 252
- Sapetang, 5, 75, 191, 192
- Saudagar-saudagar Negeri-negeri Selat, 58, 60, 61, 62, 65, 68, 69, 80, 84, 97, 104, 110, 112, 114, 126, 232, 233, 248-51, 251, 252, 262
- Scott, Thomas, 106, 109, 119n, 258n
- Seberang Perai, 71, 72, 84, 87, 128, 140, 151, 187, 191, 241, 243; pertanian di, 100, 103
- See Boon Tiong, 88n, 68, 168-9, 234
- Sejarah dan Adat Negeri Sembilan, (*cited*) 196n
- Sejarah Melayu, 13
- Selangor, 3, 7, 11, 19, 34, 38, 42, 43, 62, 63, 66, 70, 72, 76, 77, 81, 112, 113, 154, 156, 170, 177, 180, 194, 200n, 203, 204, 205, 207, 209, 213, 218, 219, 222, 225, 233, 234, 235, 238, 239, 247, 252; Sungai, 3, 7, 43, 44, 60, 205, 206, 211, 216, 219; Yang Dipertuan Muda (Raja Muda), 7, 18, 41, topografi, 7-9; Kesultanan, 13; Yang Dipertuan, 13, 20; perlantikan pemerintah yang pertama, 13-14; Tengku Raja, 13; gelaran-gelaran yang dianugerah kepada anggota-anggota diraja, 18; Tengku Panglima Besar (Raja), 18, 134; Orang Besar-besar, 18-19, 25, 80, pengganti di, 24, 154-5; anak raja, 25, 41, 180, 207, 212, 214, 215; hubungannya dengan Perak, 35-6; 40; hubungannya dengan Siam, 40; perindustrian bijih di, 41-2, 78, 80; Orang-orang Cina di, 42, 43, 78-9, 179-80; pertanian di, 43-4; kesan perindustrian bijih terhadap, 79, 81; Tengku Puan, (*cited*), 154-3, 197n; masalah sempadan, 169-70, 209; Kuala, 178, 199n, 204, 206, 207, 208, 214, 223, 224, 225; 233; Ulu, 180, 204, 206, 210, 216, 224, 225
- Selangor Tin Mining Co. (Syarikat Perlombongan Bijih Timah Selangor), 113-14
- Selat Melaka, 2, 40, 60
- Selinsing, Sungai, 5, 192, 193
- Semenanjung Tanah Melayu, 1-2, 13, 14, 18, 31, 57, 58, 60, 61, 62, 64, 65, 66, 68, 72, 84, 85, 86, 87, 99, 104, 109, 111, 113, 115, 116, 126, 160n, 194, 203, 206, 232, 233, 250, 261; perdagangan rentas semenanjung, 51-2; tahun 1874 dalam sejarah, 261
- Semuan, Panglima, 148, 183
- Sending, Dato' Klana Sungai Ujong, 114, 133, 136, 137, 138, 167, 169, 171, 209, 215, 219, 220, 249
- Shaaban, Syed, 46, 47, 48, 49, 51, 52, 160n, 166-7, 169, 173, 219
- Shahabuddin, Sultan Perak (1830-51), 33, 34, 138, 139
- Shahbandar, Orang Kaya (Perak), 18, 148, 149, 183, 184, 193, 195; pembunuhan, 149 (lihat juga Perak, Orang Besar-besar)
- Shaw, Kapten E., R.N., Leftenan—Gabenor, Melaka, 115, 172, 221, 252-3
- Shin On, Kapitan, 79, 82, 133
- Siak, 14, 139, 184, 203, 206, 212, 225
- Siam, 35, 40, 112, 203, 204, 205
- Siemens, Werner, William dan Carl, 121-2n
- Simons, H.M., 94-5n, 105, 108
- Simpang (Sungai Linggi), 12, 48, 52, 136, 138, 209, 219
- Singapura, 2, 7, 36, 38, 51, 58, 61, 63, 64, 68, 69, 73, 82, 83, 85, 98, 99, 104, 106, 107, 111, 113, 132, 175, 195, 204, 208, 212, 213, 215, 216, 218, 223, 233, 234, 235, 237, 244, 245, 246, 249, 253; perdagangan, 61, 62, 83, 84, 98-9; saudagar-saudagar di, 69, 109, 132, 234, 241,

- 253; kemerosotan perdagangan di, 83; syarikat-syarikat Inggeris di, 84; syarikat-syarikat Jerman, 84; syarikat-syarikat Eropah, 85, perdagangan dengan Pahang, 97; pusat perdagangan pertama di, 109, Pelabuhan Baru di, 105, 108, 110, 111; projek landasan keretapi di, 105-9, 110-11; komunikasi telegraf di, 111-12; kongsi-kongsi gelap di, 130-3; ladang-ladang di, 130
- Singapore and New Harbour Railway Co.*, 109
- Syarikat Joint-Stock Coffee Singapura, 199n
- Singapore Review and Monthly Magazine*, (cited) 111
- Sistem Residen, 226
- Skinner, A., (cited) 258n
- Speedy, Kapten T.C., 195, 245; (cited) 240
- Sri Menanti, 9-11, 41, 47, 48, 50, 137
- Stanley, Hon. Henry (Baron Stanley of Alderley), (cited) 118n
- Singapore Free Press* (cited) 83
- Stuart, George, 69-70
- Sulaiman, Raja (Sungai Raya), 25, 153, 203
- Sulaiman, Sultan (Selangor), 19
- Sumatera, 64, 99, 103, 115, 215
- Sungai Raya, 7, 9, 41, 155, 203
- Sungai Ujong, 9, 11, 12, 16, 20, 21, 26, 41, 48, 50, 52, 62, 63, 66, 72, 78, 82, 159n, 167, 169, 171, 172, 209, 210, 219, 220, 221, 232, 233, 235, 246, 248-50; Datuk Kelana, 20, 47, 55n, 51, 171, 251; Datuk Bandar, 20; industri perlombongan bijih, 49, 50, 81-2; orang-orang Cina di, 50, 83, 97, 136, 138, 246-9; kesan perlombongan bijih di, 81; perdagangan, 81, 136, 137-8, 172; kongsi-kongsi gelap, 131-2, Kapitan Cina di, 133; pemberontakan orang-orang Rawa, 160n; hubungannya dengan Rembau, 136-7, 171-2, 219, kekacauan di, 137; masalah sempadan di, 169, 209
- Syarikat Perlombongan Bijih Timah Sungai Ujong, 114-15, 249
- Sutan Bangkahulu, 210, 225
- Sutan Puasa, 78, 179, 180
- Swatow, 239
- Swettenham, (Sir) Frank, 247; (cited) 118n, 182, 208, 236, 258n
- TAMPIN, 11, 26, 49, 173, 255-6n
- Tan Ah Hun, 38
- Tan Beng Gum, 234
- Tan Beng Swee, 235, 249, 253
- Tan Chin Seng, 68, 237, 251 (lihat juga Leach, Chin Seng & Co.)
- Tan Kim Cheng, 98, 254n, 235, 238
- Tanjong Pagar Dock Co. (syarikat), 67, 106, 107, 108, 109
- Tanjong Putri (Johor Bahru), 108, 110
- Tanjong Tuan (Cape Rachado), 169, 170
- Telegraf, 210, 237
- Teochew, 38, 128, 132, 148, 189, 191, 193, 241, 252
- Teoh Ah Chong (lihat Chong Chong)
- Tian Ti Hoey, 129, 130, 131, 132
- Toa Peh Kong, 128, 129, 188, 235, 239, 240, 241, 243, 252
- Toa Peh Kong, 128, 129, 188, 235, 239, 240, 241, 243, 252
- Trang, Nakhoda, 244; (cited), 245-6
- Trengganu, 60, 61, 69
- Triang, Sungai, 11, 12
- Tyesin-tat, 239 (lihat juga Foo Tye Sin dan Koh Siang Tat)
- UPU, BERSAUDARA, 13
- VAN HAGEN, 208, 215
- Vapoo, Nordin, 239
- Velge, keluarga, 67, 88n, 109, 219, 246, 249, 251
- WEE CHOO SWEE, 131
- Westerhout & Co., 134-5
- Westerhout, John Bartholomeus, 65-6, 134
- Westerhout, J.E., 66, 134
- Whampoa, 69, 108, 109, 114, 253, 260n; (cited), 249

- Winstedt, R.O., (*cited*) 196n, 254n  
Wong, C.S., (*cited*) 258-9n  
Wong Lin Ken, (*cited*) 94n, 126n  
Woods, R.C., 109, 114  
Woods dan Davidson, 115  
Wray, Leonard, 117n  
Wynne, M.L., (*cited*) 202n, 254n
- YAKOB, RAJA, 177, 198n, 207, 212,  
214, 219
- Yap Ah Loy (Tet Loy), 79, 133, 161n,  
179, 180, 199n, 204, 208, 212, 229n,  
224, 251  
Yeoh Hood Hin, 88n, 69  
Yeoh Hood Ong, 88n, 69  
Yusuf, Raja (Perak), 244
- ZAIN, SYED, 207, 208, 212, 213, 214,  
216, 217, 236